PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEDUA BELAS

Pada

PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011

bersamaan

9, 10, 11 DAN 12 MUHARAM 1433

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG KETIGA

PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 5, 6, 7, DAN 8 DISEMBER 2011

bersamaan

9, 10, 11 DAN 12 MUHARAM 1433

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

MESYUARAT YANG KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	ISNIN, 5 DISEMBER 2011	
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	7
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	11
	(ii) Soalan-soalan Lisan	12
6.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2012 (Ucapan Bajet 2012)	43

SELASA, 6 DISEMBER 2011

1. Nama Ahli-ahli. 68

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Soalan-soalan Lisan. 72

3. Rang Undang-Undang:

   i) Enakmen Perbekalan 2012 (Perbahasan) 100

RABU, 7 DISEMBER 2011

1. Nama Ahli-ahli. 172

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Soalan-soalan Lisan. 176

3. Rang Undang-Undang:

   i) Enakmen Perbekalan 2012 (Perbahasan/Penggulungan) 195

KHAMIS, 8 DISEMBER 2011

1. Nama Ahli-ahli. 291

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Soalan-soalan Lisan. 295

3. Rang Undang-Undang:

i) Enakmen Perbekalan 2012 (Penggulungan) 316

ii) Enakmen Perbekalan Tambahan 2011 411

iii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No.2) 2011 415

iv) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No.3) 2011 418

4. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:

i) Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2012 422

ii) Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2012 424

5. Pelantikan Ahli Dewan Negara. 426

6. Tangguhan 430

7. Lampiran
[Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis] 431

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER 2011

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya pada pagi ini dan insyaAllah selama tiga hari akan datang kita akan bersidang dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini bermakna kita telah bersidang sebanyak dua belas kali insyaAllah termasuk persidangan ini bagi penggal ini selepas PRU Yang Ke-12.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan ini merupakan persidangan hujung tahun bagi tahun 2011 dan insyaAllah agenda utama kita yang telah disusun termasuklah membahaskan dan insyaAllah meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 bagi tahun akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti persidangan-persidangan yang lepas, persidangan kali ini juga merupakan persidangan yang sangat penting bagi kita sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta amanah sekalian bagi menyempurnakan pembangunan dan kesejahteraan rakyat negeri Terengganu ini.

Sepanjang persidangan ini, insyaAllah agenda yang telah disusun, kita akan membentangkan sebanyak 22 kertas-kertas kerja dan juga laporan-laporan. Kita menerima 120 soalan, sebanyak 73 Soalan Lisan dan 47 Soalan Bertulis. Manakala kita akan membentangkan 4 Rang Undang-Undang dan 2 Usul dalam persidangan ini. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian setiap kali 11 persidangan, saya menggunakan kesempatan dalam ucapan ini untuk menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, insyaAllah menggunakan kesempatan Dewan kita ini bagi

mementingkan kepentingan rakyat, kepentingan negeri Terengganu yang kita kasihi ini.

Izinkan saya Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kalau memberitahu dan sepanjang masa saya memberitahu patuhilah Peraturan Dewan dan gunakanlah sidang ini sebaik-baiknya tetapi sepanjang yang saya amati ada juga selepas Ucapan Yang Dipertua Dewan, kita semua kadang-kadang berbahas mengikut perasaan dan sebagainya.

Izinkan saya Yang Berhormat, sepanjang sebelas persidangan yang lepas, empat tahun ini dalam zaman komunikasi tanpa batas sebenarnya rakyat menilai kita, Pemerhati yang hadir, kemudian di luar menilai. Dan saya membacakan kepada Yang Berhormat secara ikhlas komen ataupun komentar rakyat yang berbentuk e-mel, SMS ataupun Facebook ataupun berjumpa langsung kepada saya. Izinkan saya membaca lima perkara. Pertamanya, kami puji cara Dato' mengendalikan Dewan DUN. Alhamdullilah, terima kasih. Suasana Dewan DUN bertambah ceria dan hebat. Kedua, kami kesal sesetengah Ahli-ahli Dewan terikut-ikut perasaan dan tidak dapat berhujah dengan bijak tetapi semata-mata nak tegak propaganda masing-masing. Ketiga, jangan jadi macam Parlimen, sidang macam Taiwan (macam Parlimen Taiwan maksudnya) dan ahli-ahlinya memalukan kami rakyat, *unparliamentary* langsung, tak ikut arahan Speaker. Yang keempat, di Terengganu kami hendak Wakil Rakyat kami pandai, berhemah, bela rakyat dan gunakan Dewan DUN sebijaknya. Kelima, jangan bergaduh, bertikam lidah dan mencerca sebab wakil-wakil ini berjanji kepada kami bulan dan bintang untuk berkhidmat, bercakap dan merancang nasib kami ke arah yang lebih baik. Tetapi awas janganlah pula ada yang senyap sepi tanpa perjuangan apa-apa. Yang Berhormat Dato', PRU akan tiba kami akan menilai semula prestasi dan parti mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini saya baca secara ikhlas kepada semua kita, ingatan yang baik daripada rakyat kepada kita. Saya harap insyaAllah, kita gunakan kesempatan yang ada ini untuk kita buktikan bahawa komen, nasihat daripada rakyat itu dapat kita perbaiki dan dapat kita percekapkan, insyaAllah.

Selamat bersidang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada se tu aje komennya ke banyak lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak lagi komennya Yang Berhormat, sayapun baca tak habis .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Baca se tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca lima tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan yang sekarang ini berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah:-

1. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2012.

   (D.U.N. Bil. 4/2011)

2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2012.

   (D.U.N. Bil. 5/2011)

3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2012.

   (D.U.N. Bil. 6/2011)

4. Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2011.

   (D.U.N. Bil. 7/2011)

5. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 8/2011)

6. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Daerah Hulu Terengganu.

(D.U.N. Bil. 9/2011)

7. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil. 10/2011)

8. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Daerah Besut.

(D.U.N. Bil. 11/2011)

9. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Daerah Setiu.

(D.U.N. Bil. 12/2011)

10. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Perbandaran Kemaman.

(D.U.N. Bil. 13/2011)

11. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Perbandaran Dungun.

(D.U.N. Bil. 14/2011)

12. Penyata Kewangan Tahun 2010 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

(D.U.N. Bil. 15/2011)

13. Penyata Kewangan Tahun 2010 Yayasan Islam Terengganu.

(D.U.N. Bil. 16/2011)

14. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2010 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 17/2011)

15. Penyata Kewangan Tahun 2010 Yayasan Terengganu.

(D.U.N. Bil. 18/2011)

16. Penyata Kewangan Tahun 2010 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 19/2011)

17. Penyata Kewangan Tahun 2010 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

(D.U.N. Bil. 20/2011)

18. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2010 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 21/2011)

19. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2010.

(D.U.N. Bil. 22/2011)

20. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2010.

(D.U.N. Bil. 23/2011)

21. Penyata Kewangan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) Yang Disatukan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2010.

(D.U.N. Bil. 24/2011)

22. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2010 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 25/2011)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nasihat saya kepada ketua-ketua jabatan kalau boleh beri keadilan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, janganlah lambak laporan dan kertas-kertas kerja ini dalam sekali persidangan sampai 22, lenguh saya membacanya sebab Ahli-ahli Yang Berhormat nak bahas setiap laporan. Kalau boleh cekapkan, setiap laporan itu kalau boleh kita *ecerkan,* kita ada tiga persidangan kalau boleh *ecerkan,* ya. Cekapkan, ini laporan 2010 kita bentangkan hujung 2011, kalau boleh diawalkan, ya. Terima kasih.

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS
[LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
   (Wakil Jabi)
2. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
   (Wakil Manir)
3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
   (Wakil Batu Buruk)
4. Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh
   (Wakil Tepoh)
5. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
   (Wakil Rhu Rendang)
6. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail
   (Wakil Kuala Berang)
7. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
   (Wakil Wakaf Mempelam)
8. Y.B.Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
   (Wakil Ladang)
9. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
   (Wakil Kota Putera)
10. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
    (Wakil Sura)
11. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
    (Wakil Bukit Tunggal)
12. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
    (Wakil Air Putih)
13. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
    (Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita pergi ke Soalan-soalan Lisan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Pemerhati khusus kita pada pagi ini iaitu Kelab Kepimpinan Pelajar II, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Selamat datang ke Persidangan DUN kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Manir untuk mengemukakan Soalan Lisan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya nombor 1 –

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormat nombor satu dan nombor dua ditolak. Adakah Yang Berhormat mahu bertanya soalan yang ketiga?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yalah, kalau dah tolak satu dan dua habislah, dan yang ketiga itu jadi nombor satu.

Bilakah Pasar Manir dijangka siap dan dapat digunakan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan para Pemerhati sekalian.

Pasar Manir dijangka siap pada akhir tahun ini dan insyaAllah akan mula dapat digunakan menjelang Februari 2012. Kerja-kerja yang belum siap setakat ini ialah pendawaian di peringkat akhir dan pemasangan tangki septik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah halangan-halangan yang menjadikan pembinaannya lewat siap?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, sebagaimana biasa projek ini lewat disiapkan disebabkan masalah pengurusan di pihak kontraktor. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apakah Kerajaan mempunyai pengalaman dalam berurusan dengan kontraktor tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kebanyakan projek yang lewat siap adalah berpunca daripada kontraktor dan biasanya kontraktor yang dipilih ini adalah berdasarkan pada harga yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Tender dan berdasarkan kepada pengalaman yang lepas inilah perkara yang berlaku bab kata orang, orang yang sedang bercintalah kontraktor ini, bercinta dan berdusta. Masa belum dapat projek semuanya indah belaka, apabila dapat projek barulah nampak segala kekurangannya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam ada nak tanya soalan tambahan yang ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila projek lambat siap, projek siap lepas itu runtuh, lepas itu bocor jadi saya nak tanya ini pengalaman yang cukup panjang, masalah yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Wakil Kijal kata masalah kontraktor. Saya nak tanya projek ini tak besar mana, dia kurnia secara tender, dia ada tender ke ataupun pakai beri kepada kroni-kroni gitu aje yang payah sokmo nak siap molek ni?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakaf Mempelam di awal-awal pagi ni tuduh ke orang dah, jadi kita muhasabah dirilah. Projek tak siap ni bukan zaman kita saja masa zaman

PASpun ada juga yang lambat siap. Jadi kita buat secara tender jadi jangan tebas-harung gitu, pagi-pagi dah nak buat hal ni. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Dijemput Wakil Batu Burok untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada aktiviti bolasepak di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT) dan juga T-Team dari tahun 2008 hingga 2011 dan apakah bentuk insentif yang disediakan oleh Kerajaan negeri kepada para pemain dan jurulatih bagi menaikkan lagi taraf permainan pasukan negeri?*

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama, peruntukan dari tahun 2008 hingga tahun 2010 kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu sebanyak RM3 juta setahun. Manakala kepada Pasukan T-Team pada tahun 2008 hingga 2009 adalah sebanyak RM1.5 juta, 2010 dan 2011 sebanyak RM3 juta. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Negeri Terengganu mempunyai dua pasukan yang begitu baik dalam sukan bola sepak ini iaitu pasukan negeri dan jugak pasukan T-Team. Saya juga ingin mendapat penjelasan dari segi bentuk insentif yang kita berikan kepada pemain-pemain dan juga kepada Jurulatih. Ditambah pula dengan perkembangan yang terbaru yang berlaku di mana Jurulatih Terbaik Malaysia yang menjadi Jurulatih kita meninggalkan negeri Terengganu secara tergesa-gesa oleh kerana rasa tidak puas hati ke atas pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu. Ini merupakan suatu kerugian yang besar kepada Negeri Terengganu. Yang pertamanya, saya ingin tahu hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu dan apakah Kerajaan

Negeri Terengganu mengambil langkah-langkah yang terbaik setelah desakan daripada ribuan anak-anak muda di negeri Terengganu supaya memecat Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu yang dikatakan tidak dapat mengurus dengan baik dan berlakunya krisis di antara Presiden Persatuan dan Jurulatih sehingga Jurulatih Terbaik Malaysia terpaksa meninggalkan negeri Terengganu secara tergesa-gesa. Mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya tiada insentif yang diberikan kepada kedua-dua pasukan kecuali kepada pasukan yang telah memenangi ataupun menjuarai mana-mana piala dalam setiap satu musim. Kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu apabila mereka menjuarai Piala FA 2011, Kerajaan Negeri telah menyediakan insentif sebanyak RM1 juta kepada pemain termasuk lawatan-lawatan ke luar negara kepada pemain dan juga pihak pengurusan dan juga pasukan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu.

Berkaitan dengan perpindahan Jurulatih Negeri Terengganu pada tahun 2011 untuk musim 2012, ini sebenarnya apa yang berlaku setakat yang kita terima laporan bahawa tiada apa masalah yang timbul daripada pihak pengurusan dan juga pihak Jurulatih. Walau bagaimanapun, perpindahan tersebut oleh kerana ada sebab-sebab yang kita tidak dimaklumkan dan kita tidak diberitahu laporan secara direct. Kita mengambil inisiatif bahawa itu adalah perpindahan biasa, mana-mana Jurulatih daripada negeri-negeri lain dan juga daripada mana-mana kelab-kelab yang lain kepada pasukan-pasukan yang lain.

Dan bagi Kerajaan Negeri berkaitan dengan hubungan dengan persatuan dan juga kelab-kelab dan juga persatuan-persatuan sukan bukan sahaja kepada persatuan sukan bola sepak tapi semua sukan bahawa ianya di bawah pemantauan dan juga pengawasan secara terus oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang berkaitan dengan pertubuhan dan juga kelab-kelab masing-masing, ini akan diuruskan oleh kelab masing-masing. Berkaitan dengan desakan oleh segelintir peminat-peminat bola sepak negeri Terengganu, Kerajaan negeri telah mengambil perhatian yang serius berkaitan dengan penyerahan memorandum di mana ada segelintir peminat bola sepak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Walau bagaimanapun kita bagi pihak Kerajaan, kita juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih khususnya kepada para peminat dan juga penyokong bola sepak negeri Terengganu yang

memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kedua-dua pasukan negeri Terengganu ini untuk mengharungi cabaran pertandingan dan juga dalam setiap perlawanan dalam Liga Malaysia ini. Walau bagaimanapun, pada hemat Kerajaan, Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu telah menempa kejayaan yang banyak, masalah-masalah yang dihadapi setengah-setengah kekurangan dan juga apa yang tidak baik itu kita cuba perbetulkan di peringkat dalaman. Dan insyaAllah, saya yakin dan percaya perjalanan yang telah diambil oleh pihak persatuan melalui laporan yang telah dihantar kepada kita insyaAllah, mereka akan boleh menempa kejayaan pada musim-musim yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon izin daripada Yang Berhormat Batu Burok untuk mencelah satu soalan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, apakah Kerajaan tidak berhasrat ataupun bercadang untuk memanggil balik semua pemain Terengganu kita yang bermain di negeri-negeri lain untuk bermain di Terengganu bagi menambahkan lagi kekuatan pasukan kita pada masa hadapan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya melalui persatuan dan juga pihak pasukan Kelab T-Team, kita telah membuka tawaran kepada semua pemain dan juga anak Terengganu yang berada di luar untuk bermain dengan pasukan Terengganu dan juga pasukan T-Team sendiri. Walau bagaimanapun, biasalah dalam era profesional ini mereka mengejar kepada tawaran yang terbaik ataupun pasukan-pasukan yang terbaik dalam mana-mana kelab dan juga pasukan dalam negara kita ini. Dan kitapun memang berhasrat untuk menjadikan dan juga untuk mengeksport pemain-pemain Terengganu ini ke luar untuk memberi peluang dan juga ruang kepada mereka untuk menjadi pemain-pemain profesional bukan sahaja dalam negeri malah di peringkat di luar negara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Sila, yang ketiga.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, peruntukan yang diberikan RM3 juta setahun itu adalah suatu yang besar dan saya jangkakan tahun depan ini makin besar peruntukannya oleh kerana kita mengadakan pertandingan di peringkat profesional dan juga pemain-pemain profesional akan bermain untuk negeri Terengganu. Apa yang menjadi rasa tidak puas hati dan terkilan ramai di kalangan penyokong-penyokong Terengganu adalah apabila berlakunya insiden yang sedemikian lebih-lebih lagi berlaku menjelang beberapa hari sebelum pertandingan final, pertandingan akhir Piala Malaysia yang mana ia memberi tekanan yang begitu mendesak kepada pemain-pemain kita dan juga Jurulatih yang terbaik Malaysia itu sehingga dia meninggalkan negeri Terengganu. Jadi sebab itulah saya mintak sekali lagi supaya Kerajaan Negeri menilai kembali segala bentuk cadangan-cadangan dan desakan-desakan daripada peminat-peminat dan penyokong kita di seluruh negeri Terengganu ini yang ribuan orang anak-anak muda yang memberikan sokongan dan dokongan yang tidak berbelah bagi kepada kedua-dua pasukan, T-Team dan juga Pasukan Terengganu, khususnya. Jadi sebab itulah perlu diberikan perhatian khusus kerana kuasa yang ada tidak semestinya, sepenuhnya ditangan Persatuan Bola Sepak, Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau berlaku sebarang bentuk salah guna kuasa, penyelewengan ataupun krisis-krisis yang boleh memberikan imej yang buruk kepada Pasukan Negeri Terengganu, khususnya. Mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya memang sebagaimana yang telah saya maklum bahawa kita Kerajaan Negeri, memang semua persatuan dan juga kelab ini di bawah naungan dan juga pemerhatian/pemantauan oleh pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, sebagaimana dakwaan Yang Berhormat Batu Burok berkaitan dengan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu, kepada kita setakat ini kita belum menerima laporan yang penuh dan juga laporan yang terperinci berkaitan dengan apa yang didakwa tersebut. Apa yang sebenarnya kepada kita berkaitan dengan perpindahan Jurulatih ini sebenarnya saya telah menerima laporan bahawa kita telah memberi tawaran sebagaimana yang dipohon oleh pihak Jurulatih yang berkenaan tapi oleh kerana dia telah membuat keputusan dia hendak berpindah kepada kelab lain ataupun persatuan bola sepak lain, maka kita tidak boleh nak menghalang jugak sebab kita dalam era profesional kita dan perjanjianpun sudah

tamat. Dan kita telah memberi dan menerima apa yang dipohon termasuk elaun bulanan, termasuk juga kemudahan-kemudahan lain, insentif kenderaan, insentif rumah sewa, ini sebenarnya kita telah lakukan tetapi berkaitan dengan peminat-peminat maka kalau berjumpa dan juga berhadapan dengan cara terperinci maka kita boleh terangkan tapi kalau untuk kita nak terangkan kepada seluruh peminat di negeri Terengganu ini manakan mungkin untuk kita terangkan satu persatu.

Berkaitan dengan Persatuan Bola Sepak Negeri, sebenarnya dia dibuat pemilihan dalam tempoh 3 tahun ataupun cukup edah dia macam pilihan raya juga cukup 5 tahun rakyat buat pemilihan. Persatuan Bola Sepak ini juga bila cukup masa dia akan dibuat pemilihan, kalau tidak berpuas hati masa itulah. Tapi buat masa sekarang ini kita masih tidak menerima apa-apa laporan berkaitan dengan penyelewengan ke, salah guna kuasa ke, kita tidak menerima laporan lagi setakat ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput seterusnya Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah langkah-langkah yang diambil ke atas saranan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara agar Kerajaan Negeri merancang perbelanjaan dengan cekap dan berhemah?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Di antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi teguran-teguran Audit selama ini ialah:-

- Mengarah dan memastikan jabatan dan agensi Kerajaan negeri mematuhi garis panduan mengenai perbelanjaan secara berhemah sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil.7 dan 8 Tahun 2008.

- Melaksanakan program dan projek yang dapat memberi impak terus kepada rakyat, memberi keutamaan kepada projek

sambungan dan mengurangkan pelaksanaan projek yang tidak memberi keuntungan kepada rakyat.

- Di samping itu, melaksanakan bengkel-bengkel kewangan untuk memastikan kefahaman pegawai dan kakitangan terhadap peraturan kewangan dipatuhi.

- Dan menambah Mesyuarat Pemantauan Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan Negeri daripada 2 tahun sekali kepada 3 tahun sekali mulai tahun hadapan.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah terdapat unsur-unsur salah laku ataupun kecuaian di sebalik teguran Ketua Audit Negara dan sekiranya ada apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadapnya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak betul sikit tadi silap saya sebut tadi iaitu **'2 kali setahun kepada 3 kali setahun mulai tahun hadapan' dan bukannya '2 tahun sekali kepada 3 tahun sekali mulai tahun hadapan'.**

Kita mengadakan pemantauan dan bagi pegawai-pegawai yang melakukan kesilapan yang tidak sepatutnya berlaku, tunjuk sebab dikeluarkan dan teguran-teguran dibuat dan termasuk juga sebagaimana saya katakan tadi bahawa kursus-kursus kemahiran yang diberikan oleh pihak Audit kepada kita diadakan dari masa ke semasa. Dan sekiranya berlaku penyelewengan setelah dikenalpasti kita serahkan kepada pihak berkenaan untuk mengambil tindakan sama ada SPRM atau lain-lain pihak yang berkewajipan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya bila membaca Laporan-laporan Audit setiap tahun, kita dapati teguran, saranan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara ini, dia berulang walaupun peringatan demi peringatan dibuat. Sebagai contoh ada jabatan/agensi lebih daripada peruntukan yang diluluskan, sebagai contoh. Saya nak tanya Yang Berhormat berapakah

jumlah jabatan/agensi negeri yang ada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan ada Unit Audit Dalam, dalam jabatan itu sendiri untuk nak kawal perjalanan kewangan jabatan masing-masing?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri mempunyai Jabatan Audit Dalam sendiri bagi memantau perjalanan pejabat-pejabat kerajaan di samping agensi yang besar mereka mempunyai Audit Dalaman mereka sendiri seperti SEDC. Di samping itu, kita telah melakukan penambahbaikan dari masa ke semasa tentang teguran Audit ini. Saya faham kerana saya pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri suatu ketika dahulu dan pernah berlaku iaitu Bandaraya Kuala Terengganu, ketika itu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu yang belasan tahun tak dapat selesaikan masalah kewangannya yang akhirnya ketika itu saya dilantik sebagai Exco, saya telah melantik pihak perunding untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan sebagainya sehinggalah kita dapat menyiapkan 12 tahun yang tidak dapat disiapkan. Dan sekarang ini semua PBT mendapat Sijil Bersih Audit. Di samping itu, masih ada lagi beberapa jabatan yang dilihat masih lemah dan kita pantau dan sebab itu saya kata tadi pihak Juru Audit Dalaman dari masa ke semasa membuat siasatan dan kalau perlu kita akan melantik pihak perunding untuk menyelesaikan masalah ini. Kita mengakui bahawa kalau mereka tidak menyelesaikan masalah itu perkara yang sama akan berlanjutan sepanjang masa kerana dia mesti ada *guide of point* dia, dekat mana yang perlu kita selesaikan, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas jawapan yang diberikan. Tetapi selain daripada pengurusan Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun dan juga Audit Dalaman dalam agensi-agensi yang berkenaan, pernah ditegur oleh Ketua Audit berhubung dengan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri yang tidak bermesyuarat, hak dalaman satu hal tetapi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri inipun kadang-kadang tidak menjalankan fungsi yang baik walaupun ada wakil daripada PASpun ada seorang tetapi yang saya nak sebutnya kalau saya nak tanyalah Yang Amat Berhormat, tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011, tahun 2008 berapa kali dah bermesyuarat, 2009 dah berapa kali bermesyuarat? Pasal macam tak selesai isu-isu yang berbangkit, macam pembahagian pakaian sekolah, hak benda-benda macam itu masih tak selesai lagi. Jadi berhubung

dengan kekerapan mesyuarat dan tindakan yang diambil oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dimaklumkan bahawa sekarang ini Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam telahpun berjalan. Dulu ada masalah sikit barangkali, lening dah okey dah. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau boleh khaborlah berapa kali dah mesyuarat, masalah apa dulu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kalau nak tahu berapa kali saya perlu notislah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Ladang seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah benar Kerajaan telah menerima bayaran premium untuk tanah yang diusahakan oleh FELDA Holding/ Plantation, berapakah jumlahnya dan untuk berapa hektar (ekar)?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang benar Kerajaan telah menerima bayaran premium tanah yang diusahakan oleh FELDA Holding/Plantation dengan jumlah bayaran sebanyak RM64,246,124 dengan keluasan kawasan tanah 17,630.9721 hektar, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat? Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kalau tak silap saya dulu kita bermati-matian untuk tidak menerima bayaran daripada FELDA ke atas tanah yang

kita telah berikan kepada mereka dengan harapan supaya tanah-tanah ini akan dimasukkan peserta ataupun FELDA Holding memberikan saham kepada kita. Apakah yang mendorong Kerajaan Negeri untuk menerima kembali premium yang diberikan oleh pihak FELDA?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, memang benar dan setelah rundingan demi rundingan dibuat kita memberi dua pilihan kepada FELDA ataupun kedua, kita diberi keuntungan dalam ladang berkenaan. Akhirnya telah dipersetujui iaitu setelah mereka membayar sebagaimana disebut tadi keuntungan tahunan diberi kepada Kerajaan Negeri sebanyak 30% setahun. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maksudnya setiap tahun FELDA Holding akan memberi kepada kita 30% keuntungan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Benar, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Apakah kemungkinan FELDA Holding ini juga akan dimasuk sebagai saham kepada FELDA Global Ventures?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Memang betul Dato' Yang Dipertua, kita akan mendapat 30% daripada jumlah keseluruhan kawasan yang terdapat di Terengganu ini yang termasuk di dalam FELDA Holding tetapi soal FELDA Global Ventures itu tidak dibincangkan setakat ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambah sikit. Agak-agaknya berapa anggaran 30% itu dalam bentuk RM yang akan kita terima? Agak-agak ajelah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita akan terima awal tahun depan untuk tahun ini, jadi tak dapat nak agak dan tak tahu lagilah sebab dia melibatkan kos pengurusan dan ditolak sebagainya barulah dapat keuntungan dan dari keuntungan itu barulah kita dapat 30%.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput seterusnya Wakil Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah bilangan Sekolah Menengah Agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, wakil-wakil media, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bilangan Sekolah Menengah Agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu sekarang ada 10 buah sekolah. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan. Alhamdulillah, kita difahamkan bahawa di Terengganu bukan sahaja mengekalkan kecemerlangan di dalam peperiksaan tetapi akhir-akhir ini peningkatan di atas kecemerlangan tersebut, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan seluruh warga pendidik di negeri Terengganu. Dan insyaAllah, selain daripada UPSR, insyaAllah kita akan ulangi kejayaan bagi PMR, SPM dan juga STPM untuk tahun ini. Cuma soalan tambahannya, saya pohon penjelasan jika dibandingkan sekolah menengah agama dengan sekolah menengah kebangsaan, apakah dari segi peningkatan prestasi ini dibandingkan dengan dua buah sekolah tersebut? Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Perbandingan kalau kita melihat sekarang ini bahawa keseluruhan sekolah yang melibatkan kepada peperiksaan awam ini, kita melihat kepada prestasi atau kecemerlangannya adalah setara, berbanding dengan sekolah harian begitu juga sekolah agama dan juga yang paling terbaru yang kita melihat kepada kecemerlangan hari ini ialah Sekolah

IMTIAZ. Jadi di atas beberapa kategori sekolah ini kita tidak boleh melihat kepada bahawa sekolah-sekolah ini saja yang terbaik tapi kita melihat bahawa keseluruhannya adalah terbaik. Ini menampakkan bahawa pendidikan yang sedang berlaku di Terengganu hari ini adalah berlaku kepada kesemua sekolah. Jadi kerana itu kita melihat bahawa sambutan dan juga permohonan dan permintaan dari segi pelajar-pelajar untuk memasuki sekolah-sekolah ini kita tidak nampak bahawa sekolah-sekolah tertentu yang menjadi tumpuan malah kita melihat hari ini bahawa keseluruhan sekolah di Terengganu kita adalah merupakan menjadi tumpuan kepada semua para pelajar kita hari ini. Jadi itulah saja. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tengok Jabi bangun dulu lepas ini Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Wakaf Mempelam, laluan sekejap. Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan daripada jawapan Kerajaan bahawa nampak sekolah agama itu lebih baik, mengapa di sekolah-sekolah harian biasa ada di kalangan pelajar kita yang sekarang ini ada yang tidak boleh bersembahyang tetapi di kalangan sekolah menengah agama tidak ada, boleh dikatakan peratusan yang tidak boleh bersembahyang sangat kecil tetapi di sekolah harian biasa sangat besar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Jabi. Setakat ini tidak ada kajian lagi yang dibuat. Saya rasa Wakil Jabipun bercakap atas dasar secara general, secara umum. Kita sebenarnya hari ini melihat daripada program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pihak sekolah kita tak nampak sebenarnya, perkara itu boleh dikatakan sebagai masalah yang besar kerana kita melihat hari ini bahawa masyarakat tidak boleh hanya memberi tanggungjawab tentang perkara begini hanya kepada pihak sekolah. Jadi peranan ini perlu dimainkan oleh para ibu bapa dan juga masyarakat. Jadi oleh kerana itu, hari ini banyak kita melihat hari ini, peranan ini dimainkan oleh banyak pihak sebenarnya termasuk juga pihak Yayasan Islam, Jabatan Agama dan sebagainya. Jadi kerana itu, kalau kita melihat hari ini dengan apa yang telah kita laksanakan sebelum hari ini di mana para

pelajar di Terengganu hari ini yang khatam Quran, yang telah boleh celik Al-Quran daripada umur 5 – 6 tahun meningkat dari tahun ke tahun. Begitu juga apa yang berlaku hari ini dengan budak-budak kita yang menyertai kelas KAFA, kelas Quran dan Fardhu Ain hari ini kita dapati bahawa murid-murid kita yang berumur 12 tahunpun peningkatan dari segi yang khatam Quranpun meningkat begitu ketara sekali. Jadi dari segi soalan yang disebut oleh Wakil Jabi itu saya rasa masalah itu adalah masalah yang terpencil yang insyaAllah dari masa ke semasa kita akan mengambil tindakan dengan melibatkan dan juga dengan kerjasama daripada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan juga daripada pihak-pihak yang saya sebut tadi. Tetapi walau bagaimanapun, peranan yang utama yang perlu kita terapkan dan beri kesedaran ialah ibu bapa. Jadi kerana itu beberapa program insyaAllah, akan dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan untuk memastikan supaya peranan ibu bapa ini kita akan lebih beri titikberatkan supaya mereka ini akan memainkan peranan memastikan bahawa anak-anak mereka tidak ada yang tidak boleh sembahyang sepertimana yang disebut oleh Wakil Jabi tadi. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Satu lagi soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tadi Yang Berhormat berjanji dengan saya tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi kepada Wakaf Mempelam dulu lepas itu baru saya beri peluang asal kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya kurang setujulah kalau disebut oleh Exco, maknanya peranan ibu bapa. Kita tidak nafikan peranan ibu bapa tapi nak ubah ibu bapa hak tua-tua ni payah. Kita tumpu kepada pelajar-pelajar, anak-anak kita nak dididik daripada awal sehingga akhir. Saya tekankan soal sekolah agama ini kerana saya nak ambil contoh di Johor, 381 buah sekolah agama di bawah Kerajaan Negeri Johor, tak cukup lagi itu ditambah 120 buah lagi, dia guna habis kedai-kedaipun dia sewa buat sekolah, petanglah sekolah, macam-macam. Di Kelantan ada 98 buah Sekolah Agama Bantuan Penuh Kerajaan, separuh bantuan dan sebagainya di bawah Yayasan Islam Kelantan. Ini baru nampak kesungguhan Kerajaan untuk nak pastikan

masalah yang disebut oleh Jabi tadi, ini serius saya tahu orang rumah saya mengajar di sekolah agama, berat, serius, sekarang ini masalah akhlak, sosial .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waktu berbahas belum sampai lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Baik, baik, tak apalah. Saya nak tanya begini, adakah Kerajaan ..... pasal tadi Exco sebut 10 buah di bawah Kerajaan Negeri, dulu 14 buah kita serah ke SABK di bawah kementerian, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan termasuk Zainal Abidin, 100 tahun kita milik, habis kita serah. Sekarang ini saya nak tanya, adakah Kerajaan berhasrat memikirkan tentang keperluan yang mendesak tiap-tiap tahun berebut nak hantar ke sekolah agama, nak tambah sekolah agama di negeri Terengganu, adakah Kerajaan berhasrat? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Jadi yang sebenarnya sebab itulah yang kita berharap sangat supaya peranan dimainkan oleh tenaga-tenaga pengajar di surau-surau, di masjid-masjid ini, jangan sangat bercakap politik, beri banyak pendedahan kepada ibu bapa ini berkait dengan kesedaran-kesedaran yang sebegini. Jadi kadang-kadang kitapun tak faham jugak kadang-kadang ada setengah-setengah tu banyak sangat mempolitikkan sampai ke bola sepakpun politik, sampai kita pergi tengok di stadium pertandingan akhir baru-baru inipun bendera-bendera yang tidak sepatutnyapun ada jugak. Jadi kerana itu yang menyebabkan kita melihat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jauh do'oh lalu lari jawapan tu .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ..... dengan apa yang berlaku hari ini. Jadi kerana itu sebenarnya untuk pengetahuan Wakil Wakaf Mempelam, sekolah agama di negeri Terengganu

semuanya duduk di bawah SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) di mana gaji-gaji guru, kakitangan semuanya adalah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, cuma dari segi tuan punya, dari segi pengurusan dan seterusnya masih lagi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Agama. Jadi dalam soal yang sebegini ada perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk kita menambahkan lagi dan kitapun merasa bangga hari ini kerana kita melihat ibu bapa hari ini memberi keyakinan yang penuh dan bersungguh-sungguh kerana saya di bawah Portfolio Pelajaran banyak menerima-menerima rayuan-rayuan dan juga sokongan untuk anak-anak masuk ke sekolah agama sepertimana yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam. Tetapi kerana itu hari ini kita memang akui bahawa sekolah agama di Terengganu memang tidak mencukupi dengan permohonan kerana itu hari ini bahawa langkah Jabatan Pelajaran dan juga kementerian mengadakan jugak aliran agama di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Ini adalah satu cara bagaimana untuk kita mengatasi permasalahan dan juga dari segi permohonan-permohonan yang banyak dan bertambah ini. Tapi walau bagaimanapun, memang Kerajaan Negeri sekarang berhasrat benar untuk insyaAllah, untuk kita pada tahun-tahun yang akan datang kita akan tambahkan lagi dan ini menunjukkan bahawa sukatan dan juga perancangan yang dibuat oleh kementerian dan juga Kerajaan sudah menarik minat ibu bapa sebenarnya hari ini. Jadi kita rasa banggalah sebab ibu bapa hari ini berlumba-lumba, berebut-rebut untuk menghantar anak-anak mengikuti sistem pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun, kita ada lagi beberapa sekolah kita dan kerana seperti yang saya sebut tadi, tidak boleh dibanding dengan Johor kerana budak-budak di Terengganu hari ini ramai yang bijak-bijak sangat ni, tahun ini pula tahun yang kesebelas kita memperolehi kecemerlangan dalam Peperiksaan UPSR, jadi bila ramai lagi yang cemerlang, maka untuk kemasukan ke sekolah-sekolah begini maka dari segi kelayakan akademiknya semakin meningkat, kalau kita ambil yang kurang nanti orang akan marah kat kita balik. Jadi kerana itu yang menunjukkan hari ini kalau kita nak bandingkan dengan Johor tak boleh kerana hari ini bahawa budak-budak Terengganu hari ini memang sangat bijak dan lebih lagi keputusan peperiksaan kita lebih baik, jadi kerana itu penilaian untuk kemasukan ke sekolah-sekolah ini terpaksa kita tingkatkan. Oleh kerana itu ada beberapa langkah yang sedang kita rancangkan dan kita nak laksanakan. Antaranya, kita akan cuba tambahkan lagi Sekolah Menengah IMTIAZ, kita akan tambah lagi sekolah menengah agama sepertimana yang disebut tadi, dan kita akan cuba menambahkan lagi bangunan-bangunan dan bilangan-bilangan pelajar yang boleh kita ambil untuk menampung

dari segi keperluan dan juga permohonan daripada pelajar-pelajar yang kita lihat dari tahun ke tahun semakin bagus prestasinya. Jadi kerana itulah saya harap bahawa pihak kita semua akan terus memberi kerjasama, akan terus membantu dan akan terus memberi sokongan supaya pendidikan di Terengganu kita ini akan lebih cemerlang untuk masa-masa yang akan datang. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kota Putera, pendek Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Pendek? Saya bersetujulah dengan apa yang diutarakan oleh pihak Kerajaan tadi yang mana prestasi bukan setakat setara malah ada setengah-setengah sekolah-sekolah menengah agama lebih hebat dari sekolah menengah kebangsaan biasa. Cuma akhir-akhir ini didapati senario atau fenomena ibu bapa-ibu bapa di negeri Terengganu ini begitu berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama ni, dia ada banyak jenis sekolah menengah agama ni, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan sebagainya. Jadi boleh atau tidak Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah menengah agama ini selaras dengan permintaan atau hasrat ibu bapa iaitu dengan Kerajaan Negeri menyediakan infra dan Kerajaan Pusat menyediakan guru-guru dan perbelanjaan penyelenggaraan? Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Seperti yang saya sebut tadilah, sekarang ini untuk makluman sidang hadirin sekalian bukan hanya permohonan yang kita terima ini daripada murid-murid dalam negeri Terengganu saja sekarang ini, yang kita susah sekarang ini banyak juga permohonan yang kita terima daripada pelajar-pelajar yang luar daripada Terengganu yang kebanyakan keluarga ayah atau emaknya ialah orang Terengganu, ada yang duduk di Kuala Lumpur, di Johor dan sebagainya nak hantar anak mereka sekolah di Terengganu kerana mereka lening sangat yakin dan memberi kepercayaan kepada sistem yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Jadi sepertimana yang disarankan oleh Wakil Kota Putera itu tadi, memang dalam perancangan kita dan sedang dalam perbincangan dengan kementerian dan insyaAllah kalau tidak ada aral, kalau kita ada kemampuan, kita akan melaksanakan sepertimana yang disebut tadi lebih-lebih lagi bukanya hanya dalam bidang agama saja yang merupakan suatu tarikan

dan juga yang memberikan kehebatan yang berlaku di Terengganu malah sekolah sukan kitapun merupakan tarikan jugak kepada pelajar-pelajar. Saya juga banyak menerima permohonan dan juga rayuan daripada murid-murid dari luar Terengganu untuk masuk ke sekolah-sekolah sukan kita. Melihat daripada prestasi dan juga melihat daripada apa yang berlaku kebelakangan ini bukan hanya kita hebat dalam pendidikan tetapi juga kita hebat dalam bidang sukan. Jadi kerana itu insyaAllah perkara ini dalam perancangan kita dan kita akan laksanakan pada masa yang akan ditentukan nanti. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Sura untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatulalahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Bilakah sebenarnya Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 2 siap dan nyatakan kosnya setakat ini?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulalahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahi Yang Berhormat serta Pemerhati sekalian.

Soalan Wakil Sura ialah bilakah sebenarnya Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 2 siap dan nyatakan kosnya setakat ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 2 dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014. Kos pembinaan hingga setakat ini adalah sebanyak RM2.36 bilion. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Pada masa mula pembinaan itu dijanjikan siap pada tahun 2010 dan sehingga sekarang sudah 2011, apakah sebenarnya permasalahan yang berlaku kepada kelewatan yang menyebabkan lebih daripada jangkaan dan sekarang dijangka dapat disiapkan sehingga 2014?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan itu, moleklah jugak

saya beri gambaran sedikit tentang projek ini secara keseluruhan kerana berbeza dengan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1, keseluruhan projek itu diberi kepada hanya satu kontraktor dan bagi Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 ini ada 17 pakej dalam pembinaan keseluruhan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 ini. Dan sebenarnya di antara pakej-pakej ini ada yang siap dan adapun sebahagiannya telahpun kita gunakan terutama sekali Pakej 10, 11 dan 12 iaitu daripada Bukit Besi ke Ajil dan juga dari Telemong ke Gemuroh. Dan sebahagian pakej-pakej yang lain yang juga siap 100% termasuklah Pakej 9A, Pakej 11 dan Pakej 12, antara lainnyalah. Maksudnya, kalau dilihat keseluruhan, hampir 200 kilometer Lebuh Raya Pantai Timur 2 ini ada yang siap ikut pakejnya dan ada yang telah boleh digunakan. Dan hasrat sebenarnya hari itu dari segi semangatnya ialah kerana banyak pakej itu adalah kerana kita memberi peluang penglibatan kontraktor bumiputera dan juga kontraktor bumiputera negeri Terengganu untuk diberi peluang dalam menjalankan kerja-kerja ini. Dan kita telah menghabisi semua usaha-usaha kita dalam membantu kontraktor tempatan bumiputera Terengganu dan walau bagaimanapun ada sebahagian yang disebut tadi yang tidak menyiapkan mungkin oleh kerana kelemahan pengurusannya dan juga ada kos bahan binaan yang membebankan sebahagian daripada kontraktor itu sehinggakan maknanya sekarang ini enam pakej telah dipersetujui ditamatkan secara *mutual termination* dengan izin, iaitu kalau boleh saya sebut Pakej 1A, 1B, 2, 3, 8 dan 9B yang telah ditender semula dan telah memulakan pembinaan. Dan pakej lain yang kata tadi ada masalah tidak siap itu termasuklah Pakej 1C, 4 dan 7 yang pada masa ini sedang diperingkat laporan ….. dan laporan tender bagi Pakej 1C telah dihantar kepada pihak yang berwajib. Diharapnya keputusan dapat dibuat dengan kadar yang bersegera untuk keseluruhan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 dapat disiapkan dan digunakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jawapan yang diberikan oleh Exco itu tak berapa tepat terutama dari segi kos kerana saya mendapat angka yang lain di Parlimen. Yang pertamanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum pada ini Exco Infra telah buat kenyataan, LPT 2 ini dijangka siap Mei 2011, lepas itu disambung ke Disember 2011, lepas itu Jun 2012, sekarang ini 2014 pulak. Ini akan menyebabkan kos meningkat pasal kes kelewatan, yang kita tak faham Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang saya nak tanyanya tadi disebut 17 pakej, 6 pakej diterminatekan, *mutual termination,* ditamatkan, diberhentikan tapi hak tarik diri, hak ditamatkan diberi balik. Ada kontraktor hak

yang tarik diri, diberi balik, inilah persoalan yang timbul. Dan kos yang disebutkan tadi RM2.36 bilion, asalnya RM1.8 bilion, naik RM3.7 bilion dan didedahkan di Parlimen baru-baru ini meningkat sampai RM5 bilion, duit negeri 50%, inilah menjadi masalah sekarang. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Yang Dipertua, berhubung dengan kes, angka-angka yang saya sebutkan tadi dan oleh kerana melibatkan duit negeri 50%, siapa bila siap nanti pasal sekarang ini dia buat dah tol-tol, pasal saya lalu dah pergi Kuala Lumpur, ke Parlimen hak yang boleh lalu tu, ada sesetengah tol tu ada dah nak siap dah dalam pembinaan dan ada yang dah nak siap semua sekali. Siapa akan mengendalikan tol ini dan siapa akan dapat pemegang konsesi dan apa menafaat kepada Kerajaan Negeri yang separuh duitnya daripada sumber royalti, Dana Khas Negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tadi perbetul dah soalan tu pasal melibatkan banyak angka tapi memang kalau secara detailnya lebih baik soalan ini dibuat secara bertulis tapi dah mungkin ada sebab-sebab lain kot jadi nak dibuat secara lisan, tak ada masalah. Saya sebut tadi soalannya ialah soalan asal Wakil Sura ialah: Bilakah sebenarnya Lebuh Raya Pantai Timur (LPT 2) ini siap dan nyatakan kosnya setakat ini. Setakat ini maksudnya belum siap lagi, setakat ini perbelanjaannya ialah RM2.36 bilion itu yang saya sebut dan secara keseluruhannya Dato' Yang Dipertua, Lebuh Raya Pantai Timur 2 ini sebenarnya siap peratusannya ialah 73.05% (sebenar) berbanding dengan jadual sebanyak 80.41% dan leningpun hak kita buka tak kena tol lagi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan kita belum memuktamadkan soal tol ini. InsyaAllah, kalau ada penglibatan Kerajaan Negeri tentunya Kerajaan Negeri dengan selari di peringkat pusat dan Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional, kita akan bincanglah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Haa …. Ini yang kata tak cerdik ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat …..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita buat dulu ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu, duduk dulu sebab yang menjawab sebelah sana, jadi Yang Berhormat buat keputusan, sana tak cerdik, tak betul, itu Yang Berhormat tak kena. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dia ingat dia Kerajaanlah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak penjelasan …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk, saya nak jemput Sura, soalan asal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): …. pasal pengalaman kita ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau cerdik, Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, kita ada pengalaman, kita pitih guna dah, macam Airport Sultan Mahmud RM660 juta duit negeri,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jangan nak pusing ….

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kerajaan Terengganu tak dapat apa-apa dari segi airport tax ke, dari segi apa, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi janganlah biarlah kita dalam Dewan ini kita bertanggungjawab, saya nak maklumkan perkara ini kerana saya nak beri peringatan 'duit negeri'. Jadi saya nak mintak kalau boleh Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya mintak duduk! Sura ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jika kita melihat kepada permasalahan sebenar apabila berlaku kelewatan daripada kajian yang kita buat sebahagiannya ialah bayaran dibuat mengikut jadual kemajuan kerja tapi ada yang tidak disiapkan pakej-pakej yang sebahagian termasuk dalam enam yang telah ditamatkan secara persetujuan. Dalam Pakej 8, kontraktor yang bermasalah itu dipilih semula dalam *retender* dengan izin, Dato' Yang Dipertua, bagaimana boleh berlaku yang telah gagal itu diberikan pula wang pendahuluan seperti yang dimaklumkan sebanyak RM20 juta telah dibayar sedangkan bila *diretender* ia mengejutkan kontraktor yang sama pula memperolehi pakej ini dengan harga yang lumayan. Inilah yang kita perlukan untuk melihat bagaimana sebenarnya permasalahan kelewatan ini supaya tindakan-tindakan Kerajaan, tindakan yang tegas berkaitan dengan permasalahan yang datang daripada permasalahan kontraktor. Begitu juga kita lihat sebahagian dari Pakej 5A, jalan yang bahaya umpamanya, contohnya. Mengapa kajian tidak dibuat yang menyeluruh sehingga terpaksa ditunda, ditangguh sampai 2014 dan inilah masalah yang kita mintak supaya sesuatu yang dibuat itu mengikut kaedah-kaedah yang tepat kerana melibatkan wang negeri, sebahagian daripadanya ialah seperti yang kita maklum. Jadi oleh itu saya pohon penjelasan supaya muktamadlah 2014, biar siap 2014lah dan kita tunggu dan tengok. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak sempat nak tengok Pakej 8 ni tapi contoh-contoh dikatakan pakej 1B yang dimansuhkan juga walaupun harga asal dia RM40 juta yang dimansuhkan sebenarnya bayaran yang dibuat memang mengikut

kadar kemajuan kerja dan apabila dimansuhkan bayaran yang diberi untuk pakej yang saya sebut ni hanya RM24 juta walaupun harga kontrak asal ialah RM40 juta. Jadi memangpun bayaran memang dibuat mengikut *progress physical*, sebenarnya dari segi pertimbangannya dari segi *progress physical* dan juga ada progress kewangan. Dan memangpun menjadi hasrat kita sebenarnya untuk projek Lebuh Raya Pantai Timur 2 ini dapat disiapkan dan memang banyak kelebihannya apabila boleh disiapkan. Dan sekarang ini kita dah maknanya mengambil segala usaha untuk membantu kontraktor-kontraktor yang gagal ini dan akhirnya kita terpaksa buat keputusan untuk tender semula dan sebagainya. Dan selepas kita mengatasi semua masalah teknikal dari segi kontrak dan sebagainya kita harapnya kerja-kerja ini dapat disiapkan. Dan kalau kata berbangkit tentang secara fizikal yang kata sebahagian kita dah buka dah dari Bukit Besi dan sebagainya ada secara spesifiknya memang di satu tempat itu di Paloh Nyior, kawasan ini dulunya memang secara keseluruhannya sepatutnya kita dah boleh melalui keseluruhan daripada Bukit Besi sampai ke Gemuroh tetapi selepas 2009 masa itu banjir besar dan limpahan daripada Sungai Telemong tu terlalu banyak dan tindakan secara teknikalnya dibuat untuk menambah banyak lagi culvert dan sebagainya dan akhirnya sekarang ini ada keperluan untuk sebuah jambatan pendek untuk mengatasi masalah itu. Dan ini mungkin daripada peringkat awalnya mengikut kajian-kajian data maklumat air dan sebagainya memang tak pernah terjadi banjir ataupun limpahan air dari Sungai Telemong sebesar itu. Jadi kita kena buat keputusan semasa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk mengatasi masalah yang berlaku semasa. Itulah kadang-kadang keputusan ini akan melewatkan kerja-kerja secara fizikal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih. Cukup dah Yang Berhormat. Saya jemput Bukit Tunggal untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan. Isu ini isu penting .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, nanti dalam perbahasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... berlaku kelewatan yang ketara dan melibatkan kewangan negeri yang ratusan juta ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, dalam perbahasan nanti kita ada masa panjang. Saya jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 saya ditolak, jadi soalan nombor 2 -

> *Berapa ramaikah jumlah pelancong yang mengunjungi Gua Bewah, Tasik Kenyir yang dijumpai artifak manusia yang berusia lebih 3000 tahun itu sejak ia mula dibuka hingga kini?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Bermula dari tahun 1994 hingga Oktober 2011, seramai 74,556 orang berkunjung ke Taman Negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 50% yang berkunjung ke Gua Bewah. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2010 hingga sekarang, gua berkenaan ditutup kepada pengunjung bagi kerja-kerja baik pulih dan ekskavasi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Jadi kalau boleh kita tahu kenapa gua itu ditutup sepertimana yang disebut tadi kerana baik pulih tapi apa yang saya perhatikan kerana saya sudah pergi beberapa kali antaranya adalah tenaga solar yang disediakan itu tidak berfungsi yakni membekalkan elektrik ke gua tersebut dan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah ini ataupun adakah bukan di situ sahaja yang sudah rosak, di Pulau Burungpun dah rosak, pulaunya belum dibuka lagi tapi solarnya sudah rosak dan beberapa tempat yang lainlah. Adakah ini juga masalah kontraktor yang membekalkan *apparatus* ataupun alat-alat tersebut yang harus dikaji semula?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kemudahan-kemudahan yang diberikan di Bukit Bewah ini adalah kemudahan memang kita tidak nafikan bahawa kemudahan ataupun infrastruktur yang lama dulu. Jadi setelah terjumpanya rangka manusia, kita bercadang untuk membaik pulih dari segi kemudahan-kemudahan termasuklah bekalan elektrik dan juga menyediakan satu kawasan

yang boleh dilawati untuk diletakkan berbagai artifak purba yang dijumpai. Namun demikian, untuk membekalkan elektrik menggunakan solar dan sebagainya memang kita tidak nafikanlah penggunaan solar adalah satu sumber yang agak mahal dan perlu diberikan penyelenggaraan daripada masa ke semasa. Namun demikian, kita telah memperuntukkan kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan supaya terjamin dengan kos keseluruhan berjumlah RM2 juta dan kemudahan-kemudahan ini akan mula dibina pada tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jadi kalau kita tengok di Kenyir tu belanja setiap tahun banyak, puluhan juta tetapi tidak ada banyak daya tarikan pelancong sehingga kini, kalau dah ada yang satupun mungkin akan boleh menarik sampai dah 74,000 dan separuhnya pergi ke Gua Bewah maka di situ sudah mengurangkan satu daya tarikan pelancong. Jadi kalau perkara-perkara yang saya rasa bukan besar sangat masalah tenaga solar dan sebagainya tidak boleh diselesaikan maka kita bimbang nanti apa yang kita nak buat dengan Pulau Bebas Cukai dan sebagainya tidak ada pengunjung dan perniagaanpun tidak akan dapat berkembang di situ. Mohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Saya tidak setujulah kalau kata tidak ada daya tarikan kerana Dato' Yang Dipertua, daripada *trend* ataupun kenaikan jumlah pelancong ke Tasik Kenyir, pada bulan September sahaja sebanyak 21,201 orang sedangkan pada 2010, 18,000 orang sahaja. Sejak daripada bulan Mei jumlah kedatangan pelancong meningkat dengan banyak iaitu 29,249 orang, bulan Jun 29,546 orang. Dan ini menunjukkan bahawa pada tiap-tiap bulan kedatangan pelancong meningkat dengan banyak dan kita menganggarkan pada tahun ini sahaja tidak termasuk Oktober, November dan Disember sehingga sekarang 186,000. Jika sekiranya dianggarkan Oktober, November dan Disember sebanyak 20,000 tiap-tiap bulan maknanya kita akan merekodkan lebih kurang 240,000 sedangkan pada tahun 2010 hanya 225,000 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 20% dan ini membuktikan bahawa kemudahan-kemudahan yang dibuat di Kenyir itu dengan promosi yang agak meluas akan memberikan peningkatan kepada jumlah pelancong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan boleh tak satu lagi pasal menarik jugak ni mengenai artifak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek, Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasanlah, apakah kajian-kajian yang telah dibuat kepada artifak manusia ini, keturunan manakah manusia ini, adakah lebih besar daripada saya, dua kali ke, tiga kali lebih besar daripada saya lagi ke atau yang kecil macam Y.B. Tepohkah, kita nak tahu adakah kajian-kajian yang terperinci dibuat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABD. RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebenarnya penemuan di Kenyir, penemuan yang telah dibuat oleh Profesor Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Institut Dunia Melayu dan Ketamadunan, ATMA UKM yang menganggarkan di antara 8,000 hingga 11,000 tahun BP. Dan ini adalah penemuan kedua selepas penemuan di Gua Batu Tok Bidan pada tahun 1975, walaupun ada dakwaan bahawa penemuan ini adalah lama daripada Perakman, rangka manusia yang dijumpai itu yang saiznya tidaklah besar sebagaimana Yang Berhormat Jabi, walau bagaimanapun, kita telah menghantar spesimen untuk menentukan MTDNA. Walau bagaimanapun, oleh kerana rangka tulang itu sudah bersekali dengan izin, *cemented* yang tidak dapat diasingkan dan telah tidak mempunyai kolagen untuk menentukan MTDNA. Kita akan menggunakan teori yang sama digunakan semasa penentuan Perakman di mana lebih kurang 14,000 tahun sebelum Masihi, kita menganggap bahawa penemuan ini adalah penemuan yang amat bermakna untuk menentukan di gua tersebut ada *civilization* atau ketamadunan manusia. Namun demikian, ini adalah satu penemuan yang amat bermakna dan kajian-kajian yang mendalam hendaklah dibuat kerana terdapat satu lagi gua yang telah terbenam semasa kita membenarkan untuk dijadikan hidroelektrik dan ini memberikan sedikit kekangan kepada kajian-kajian. Jadi untuk menentukan kedudukan kita menentukan bentuk fizikal orang Terengganu dan sebagainya di Kuala Berang itu kita perlukan kajian yang lanjutlah sebelum sebarang kenyataan boleh kita keluarkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat pihak Kerajaan yang menjawab tadi. Saya ingat kalau nak tengoklah Yang Berhormat Jabi macam Wakil Telemonglah Yang Berhormat sebab kawasan dia. Ahli-ahli

Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai Soalan Lisan pada pagi ini dan sebelum kita berehat ……

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada Usul Di Bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, saya Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok mohon mencadangkan bahawa persidangan ini hendaklah ditangguh mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang berkaitan khusus dengan Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah yang bernilai lebih RM28 juta bagi seluruh negeri Terengganu yang amat serius kerana wujudnya unsur-unsur salah urus dan penyelewengan.

Dato' Yang Dipertua, pada 30hb November 2008, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu Dato' Seri Ahmad Said telah bersetuju meluluskan permohonan membekalkan pakaian seragam sekolah bagi seluruh negeri Terengganu kepada sebuah Syarikat Hamie Enterprise dengan jenama Ganu Kita. Projek yang bernilai hampir RM10 juta setiap tahun ini telah mendapat kebenaran Menteri Besar agar dikecualikan daripada proses tender dengan harga RM150 satu set untuk diagihkan kepada 53,300 orang pelajar sekolah rendah yang telah dikenal pasti oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui kaji selidik yang telah dibuat.

Program bantuan ini berterusan selama tiga tahun dan jumlah keseluruhan adalah RM28.47 juta yang telah dibelanjakan untuk 282,966 pelajar di seluruh Terengganu sepanjang tahun 2008 hingga 2010. Namun Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) telah membongkarkan suatu laporan yang amat mengejutkan serta memalukan seluruh rakyat Terengganu. Laporan yang telah dibentangkan di Parlimen itu telah mendedahkan bahawa 'semakan audit mendapati; Proses rundingan harga kontrak terbabit tidak memenuhi garis panduan dan tidak ada kontrak formal yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan syarikat pembekal pakaian dan alatan sekolah untuk tahun 2008 hingga 2010'. Laporan Audit

tersebut juga telah mengenal pasti sekurang-kurangnya enam kesilapan asas dalam mengendalikan projek ini:-

1. Kajian pasaran tidak dijalankan.
2. Bon pelaksanaan tidak dikeluarkan.
3. Pemeriksaan terhadap barangan yang diterima tidak dijalankan.
4. Kelewatan agihan.
5. Bantuan tidak diagih ke semua daerah dan
6. Keluarga yang menerima bantuan tidak memenuhi syarat.

Yang lebih menakjubkan lagi adalah hasil tinjauan audit pada 3 November 2010 di beberapa buah kedai pakaian dan alatan sekolah pelbagai jenama di sekitar daerah Kuala Terengganu mendapati harga pakaian adalah lebih rendah dari yang ditawarkan. Harga di pasaran adalah RM26.70 dan RM76.50 berbanding dengan harga pembekal antara RM73.50 dan RM123.30 dan ini bermakna Kerajaan dapat berjimat sebanyak RM1.42 juta pada kadar harga yang lebih rendah.

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana salah urus sumber kewangan negeri akan menghilangkan lagi keyakinan rakyat Terengganu terhadap pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kredibiliti pimpinan negeri. Persoalan besar yang timbul adalah bagaimana projek yang diurus selia oleh Pejabat Menteri Besar sendiri boleh berlaku salah urus dan kebocoran yang amat nyata? Selepas projek e-Book yang menelan belanja lebih RM100 juta dan telah dikesan oleh Laporan Audit kerana 'tiada perjanjian di antara syarikat dengan Kerajaan Negeri' maka projek bantuan kelengkapan sekolah ini juga telah dikesan 'tidak mempunyai sebarang perjanjian'. Siapakah yang perlu bertanggungjawab dalam perlanggaran peraturan perolehan Kerajaan ini? Dan siapakah yang mendapat keuntungan laba yang besar dengan memeras jerih susah rakyat miskin di seluruh negeri Terengganu ini?

Dato' Yang Dipertua, perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh hal perlanggaran hak rakyat dan negeri Terengganu. Bayangkanlah kalau bantuan pakaian dan alatan sekolah yang dikhususkan untuk golongan susah, miskin di seluruh negeri Terengganu juga telah berlaku salah laku dan penyelewengan? Di manakah sifat amanah dalam menjalankan tugas kalau untuk golongan miskin

juga telah berlaku salah urus dan kebocoran yang amat memalukan seluruh rakyat negeri Terengganu di bawah Pejabat Menteri Besar sendiri.

Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Sila serahkan (usul) kepada saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima usul di bawah Fasal 30 daripada Wakil Batu Burok sebagaimana yang dibacakan sebentar tadi. Dan sebelum kita bersurai saya rasa, saya mendengar dengan teliti dan jelas apa yang dibaca oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Pada hemat saya, usul ini memanglah tertentu dan juga berkepentingan atas orang ramai tetapi saya membuat keputusan ia tidak perlu disegerakan dengan menambah masa persidangan kerana kita sudah menyusun sidang ini dan insyaAllah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menyentuh dalam perbahasan peruntukan Perbekalan sebentar nanti, saya akan beri dan silalah gunakan untuk perbahasan sebagaimana yang dinyatakan. Jadi saya menolak untuk disegerakan ataupun untuk diterima usul ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita tangguh untuk berehat sebentar dan kita masuk semula ke Dewan ini pada jam 11.25 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

PUKUL 11.25 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum agenda/ urusan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat saya ada sikit pemberitahuan di mana dalam sidang-sidang yang lepas, etika berpakaian saya telah memaklumkan bahawa kita tidak dibenarkan memakai ketayap putih saya perasan pagi tadi Yang Berhormat, sahabat saya daripada Manir bila dia berdiri baru saya nampak sebab dia terlindung skrin, saya telah berjumpa baik dengan beliau jadi insyaAllah untuk sidang ini kita benarkan untuk mendengar Bajet daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, untuk sidang yang akan datang kita tidak benarkan lagilah dan kepada semua Ahli-ahli sekalian. Jadi harap maklum akan peraturan yang kita tetapkan. Sila Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis.

CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAWAAN
RANG UNDANG-UNDANG
DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya memohon membawa cadangan menurut fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Untuk Mendahulukan Pembawaan empat (4) Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain iaitu:-

1. Enakmen Perbekalan 2012.
2. Enakmen Perbekalan Tambahan 2011.
3. Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2011.
4. Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.3) 2011.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan menurut fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk Mendahulukan Pembawaan empat Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain telah diterima. Sekarang saya kemukakan untuk undian -

> CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

CADANGAN INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara yang didahulukan ialah **Rang Undang-Undang**. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang yang pertama:-

ENAKMEN PERBEKALAN 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan segala kepujian dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengizinkan saya, membentangkan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2012. Pembentangan Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan 2012 ini adalah untuk mendapat pertimbangan Dewan yang mulia, bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri pada tahun 2012. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2012 ini adalah sepertimana yang terkandung dalam Buku Bajet Negeri Tahun 2012 (Kembaran Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 4/2011).

Firman Allah S.W.T dalam Surah An-Nahl ayat 90:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya."

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI

Negara mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi iaitu 5.8% pada suku ketiga 2011 berbanding 4.0% pada suku kedua meskipun ekonomi global terus

menghadapi persekitaran yang mencabar. Ini disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh yang didorong oleh perbelanjaan isi rumah, perniagaan yang meningkat dan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi.

Kadar inflasi pula meningkat kepada 3.4% mengikut asas tahunan berbanding 3.3% pada suku kedua kerana kenaikan harga barang makanan.

Di peringkat Negeri Terengganu pada tahun 2010 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri adalah berjumlah RM14.8 bilion dengan pertumbuhan 4.3% berbanding pertumbuhan negatif 3.2% pada tahun 2009. Pada tahun 2011 dengan anggaran pertumbuhan 4.5%, KDNK Negeri diunjurkan mencapai jumlah RM15.4 bilion. Kadar pengangguran pula berada pada paras 3.3% berbanding 3.5% pada tahun 2010. Semua sektor utama dalam KDNK dijangka akan tumbuh positif. Pelaksanaan inisiatif polisi makroekonomi di peringkat negara telah menyediakan persekitaran kondusif kepada ekonomi Malaysia yang akhirnya turut memberi kesan positif kepada ekonomi Negeri Terengganu.

Melangkah ke hadapan prospek ekonomi global pada tahun 2012 dijangka lebih mencabar berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, tekanan inflasi serta krisis hutang negara Eropah. Perkembangan ini akan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Tetapi permintaan dalam negeri dijangka terus berdaya tahan dan menyokong pertumbuhan. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2012 diunjurkan antara 5% hingga 6% manakala bagi peringkat Negeri Terengganu pula antara 4.5% hingga 5.0%.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI

Kerajaan berjaya memungut hasil sebanyak RM1,892.96 juta pada tahun 2010 iaitu 100.59% berbanding anggaran RM1,881.93 juta. Dengan perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,690.22 juta, Akaun Hasil Disatukan mengalami lebihan (surplus) RM202.73 juta dan ini telah membantu mengurangkan defisit terkumpul dalam akaun tersebut menjadi defisit RM496.28 juta pada 31 Disember 2010 berbanding defisit RM699.01 juta pada tahun 2009. Kumpulan Wang Pembangunan Negeri pula berbaki defisit RM437.12 juta pada tahun 2010 kerana caruman daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang ini tidak dapat dibuat sepenuhnya untuk membiayai semua perbelanjaan pembangunan berikutan kedudukan Akaun Hasil yang mengalami defisit yang besar.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini Kerajaan komited untuk memastikan defisit ini berada pada paras yang munasabah dan dikurangkan secara berperingkat dengan penerimaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang dijangka akan bertambah pada

masa hadapan. Pada masa yang sama, Kerajaan terus memberi penekanan kepada peningkatan hasil negeri dengan penerokaan bidang ekonomi baru dan memastikan perbelanjaan secara berhemah dengan tumpuan kepada perbelanjaan yang dapat memberi impak terus kepada rakyat melalui penyediaan bajet yang mampu diterjemahkan ke dalam perancangan program dan projek.

Sementara itu, Kumpulan Wang Bekalan Air (KWBA) terus kekal positif dengan berbaki RM125.32 juta pada penutupan akaun 31 Disember 2010. Oleh itu, dijangka tiada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan dibuat kepada KWBA pada tahun 2012 kerana KWBA masih mempunyai lebihan yang besar dan mampu membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan Bekalan Air dan pembangunan bekalan air.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

ANGGARAN HASIL & PERUNTUKAN BAJET 2012

Bagi tahun 2012 Kerajaan menganggarkan akan memperoleh hasil sebanyak RM1.950 bilion. Anggaran ini meningkat 3.29% iaitu RM62.07 juta berbanding Anggaran Hasil tahun 2011. Daripada jumlah anggaran hasil tersebut, 90.48% diunjurkan diperoleh daripada sumber Kerajaan Pusat khususnya Dana Khas Kerajaan Persekutuan dan pemberian tahunan, manakala baki 9.52% adalah daripada sumber negeri sendiri.

Kerajaan akan mengatur dan melaksanakan strategi bagi merancakkan aktiviti ekonomi domestik. Kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan program dan rancangan pembangunan yang dapat memberi impak secara langsung kepada rakyat. Kerajaan sedar bahawa untuk merealisasikan wawasan ini Kerajaan memerlukan sumber kewangan yang sangat besar.

Kita perlu berkorban. Tanpa pengorbanan, rakyat tidak akan mendapat faedah dari setiap sen yang dibelanjakan oleh Kerajaan. Oleh itu, isu defisit tidak dapat dielakkan sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun ini kerana Kerajaan perlu dan akan terus melakukan perbelanjaan yang besar untuk memastikan pembangunan dapat dilaksanakan. Pelaksanaan pembangunan akan memberi manfaat dan menjana pendapatan kepada rakyat dalam jangka panjang seterusnya mengubah senario ekonomi negeri. Tetapi dalam masa yang sama Kerajaan akan berusaha mengawal defisit dan mengurangkannya secara berperingkat melalui penerimaan hasil pada masa yang akan datang.

Oleh itu bagi melaksanakan semua program dan rancangan pembangunan tahun hadapan, saya dengan ini mencadangkan, sejumlah RM1.950 bilion diperuntukkan

bagi Bajet 2012. Ia merupakan pertambahan RM62.07 juta iaitu 3.29% berbanding dengan Bajet 2011.

Daripada jumlah RM1.950 bilion yang diperuntukkan untuk membiayai perbelanjaan Mengurus, RM112.20 juta adalah untuk Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan RM1.838 bilion untuk Perbelanjaan Bekalan.

Pecahan utama Perbelanjaan Bekalan adalah seperti berikut:

RM1.416 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, RM209.87 juta untuk Emolumen, RM173.84 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM36.80 juta untuk Aset dan RM1.16 juta untuk Lain-lain Perbelanjaan.

Peruntukan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah termasuk Pemberian/Caruman Kepada Pelbagai Agensi dan Kumpulan Wang sebanyak RM813.56 juta, Pemberian/Caruman Kepada Penguasa Tempatan & Badan Berkanun RM250.0 juta dan Bantuan Kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat RM49.41 juta. Sebanyak RM253.28 juta pula disediakan bagi pelbagai program di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Vot B32 - Pelbagai Perkhidmatan di mana terkandung pelbagai program yang memberi impak terus kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI BAJET 2012

Bajet 2012 telah dirangka dengan mengambilkira perencanaan Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT) Tahun 2009-2013, Bidang Keberhasilan Utama Negeri, GTP (Government Transformation Programme), ETP (Economic Transformation Programme) dan diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Ke-10 melalui pelbagai langkah dan program serta projek pembangunan yang sedang dilaksanakan mahupun yang akan dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan manfaat secara menyeluruh kepada rakyat dapat dicapai. Bajet 2012 masih lagi memberi keutamaan kepada pelaksanaan program dan projek-projek sambungan supaya ia dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Tahun 2012 adalah tahun pertama bagi pelaksanaan Rolling Plan Kedua bagi Rancangan Malaysia Ke-10. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan yang cukup besar untuk tahun 2012 dan 2013 yang mana ditumpukan kepada projek pembangunan berimpak tinggi yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Antara projek yang bakal memberi impak kepada Negeri Terengganu ialah Projek Lebuhraya Pantai Timur Jabor – Kuala Terengganu. Oleh itu, saya meminta supaya semua agensi

di Negeri Terengganu membuat perancangan yang teliti dan diselaraskan dengan projek-projek persekutuan supaya peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan dan projek disiapkan mengikut jadual dan rakyat dapat menikmati faedahnya.

Bagi memastikan kesinambungan program dan pembangunan yang lalu dan semasa serta meneruskan penekanan terhadap menjana kesejahteraan rakyat, Kerajaan telah merangka dan merancang Bajet 2012 bertemakan "MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN: BAJET KESEJAHTERAAN RAKYAT" dengan memberi penekanan kepada tiga (3) strategi utama iaitu:-

Pertama	: Memantapkan Pembangunan Modal Insan Berkualiti
Kedua	: Memelihara Kesejahteraan Rakyat
Ketiga	: Meningkatkan Daya Saing Negeri

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI PERTAMA:

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKUALITI

Satu daripada teras NKRA (National Key Result Areas) adalah memperluas akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Ia bertujuan supaya setiap rakyat menikmati pendidikan terbaik bermula daripada peringkat asas hinggalah ke tahap tertinggi. Hari ini pembangunan modal insan menjadi syarat penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi dan memastikan negeri terus berdaya saing dan berdaya tahan. Adalah tepat apabila Kerajaan Negeri meletakkan keutamaan tertinggi kepada sektor pendidikan dan pembangunan modal insan dalam rancangan pembangunannya. Untuk tujuan ini sejumlah RM60.3 juta diperuntukkan dalam Bajet 2012 untuk pelbagai projek dalam sektor ini.

Mengungguli Pembangunan Pendidikan Awal

Terengganu Negeri Anjung Ilmu adalah cetusan idea ke arah membentuk modal insan yang cemerlang melalui pembangunan fizikal dan rohani yang mantap. Matlamat Kerajaan adalah menjadikan Negeri Terengganu sebagai hub pendidikan Malaysia yang terunggul, mengatasi dan mendahului dalam semua aspek baik dari segi kecemerlangan mahupun inovasi dan kreativiti. Usaha ke arah ini telah menampakkan hasilnya melalui pelbagai kejayaan yang kita capai dalam program flagship pendidikan daripada peringkat pra sekolah hingga ke peringkat universiti. Kita perlu menguruskan kejayaan ini dengan baik dan meneruskan penambahbaikan program-program tersebut.

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Jathiyah ayat 20:

"Al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka mata hati manusia dan menjadi hidayat petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya)."

Mengambil iktibar daripada ayat tersebut, Kerajaan lantas memberi penekanan di peringkat awal pendidikan lagi dengan mengadakan Program Pintar Al-Quran & KAFA supaya anak-anak di awal usianya telah dapat mengenal Tuhan dan meletakkan Al-Quran sebagai asas dalam kehidupannya. Program ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan tahun-tahun mendatang. Tahun ini seramai 7,930 orang kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu, Tadika Kemas, Prasekolah Jabatan Pelajaran Terengganu dan Tadika Perpaduan telah khatam Al-Quran berbanding tahun lalu 6,246 orang. Pada masa yang sama, seramai 20,133 (melepasi sasaran seramai 18,000) pelajar KAFA berjaya khatam Al-Quran berbanding seramai 16,929 orang pada tahun lalu. Hasil daripada usaha ini seramai 28,063 anak-anak Terengganu berjaya khatam Al-Quran pada usia 5 hingga 12 tahun pada tahun ini. Itulah berkat usaha kita. Insya Allah, 10 tahun hadapan, kita berharap dapat melahirkan lebih 30,000 pelajar dan kanak-kanak termasuk 9,000 kanak-kanak tadika khatam Al-Quran.

Kita menempah kejayaan yang lebih besar bagi Program KAFA tahun 2010 apabila seorang pelajar Nurul Nadiah Wahidah binti Azhar daripada SK Seri Bandi, Kemaman mendapat straight A dengan perfect score 800/800 dalam kesemua 8 subjek Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan mendapat Anugerah Perdana di peringkat kebangsaan. Bukan itu saja, Terengganu telah muncul sebagai negeri yang mempunyai pelajar mendapat 8A paling ramai iaitu seramai 3,527 orang berbanding 2,922 orang tahun 2009.

Memantapkan Pendidikan Sekolah Rendah & Menengah Program e-Book diperkenalkan pada tahun 2009. Pada tahun ini seramai 23,254 murid tahun lima (5) mendapat e-Book. Pada tahun ini juga Kerajaan memperluas lagi pembahagian e-Book kepada murid tahun empat (4) dan sehingga 3 November 2011 seramai 22,117 daripada mereka telah menerima e-Book. Jadi, semenjak program ini diperkenalkan 92,788 murid telah mendapat e-Book masing-masing.

Sebagai lanjutan dan melengkapkan program e-Book, program Virtual Class (Kelas Maya) diperkenalkan kepada tiga (3) buah sekolah perintis iaitu SK Paya Bunga, SK Kompleks Seberang Takir dan SK Teluk Kalong mulai tahun 2011. Program ini akan diperluas pada tahun 2012 kerana kita berhasrat melalui

pelaksanaan secara berperingkat, setiap DUN akan mempunyai sebuah sekolah yang mempunyai Kelas Maya. Justeru itu, untuk tahun 2012 sebanyak RM3.2 juta disediakan untuk Kelas Maya di seluruh negeri.

Mengekalkan Kejayaan Program-program Sedia Ada

Bagi Program Melestarikan Pendidikan Terengganu Terbilang yang bermatlamat mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan awam, kita meletakkan sasaran 20 10 5 2 iaitu 20% straight A untuk UPSR, 10% straight A untuk PMR, 5% straight A untuk SPM dan 2% straight A untuk STPM. Sehingga kini, Negeri Terengganu terus mengungguli tempat pertama pencapaian di peringkat negara dalam UPSR buat kali kesebelas berturut-turut serta PMR dan STPM untuk kali ketiga berturut-turut dan SPM buat kali kedua berturut-turut.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Peluang Melanjutkan Pelajaran Ke Pra Universiti & Pengajian Tinggi

Kerajaan terus memberikan tumpuan bagi meningkatkan akses kepada pengajian pra universiti dan pengajian tinggi. Melalui Yayasan Terengganu, peruntukan tahunan yang besar disediakan bagi penajaan pelajar ke IPTA & IPTS dalam dan luar negara dan pusat latihan kemahiran serta bantuan persediaan bagi kemasukan ke sekolah berasrama penuh, tingkatan enam dan IPT. Pada tahun ini, sehingga November seramai 3,723 pelajar telah mendapat kemudahan biasiswa/pinjaman melibatkan peruntukan RM54.10 juta. Seramai 22,489 orang lagi mendapat bantuan persediaan melibatkan perbelanjaan RM16.74 juta. Pada tahun ini, 98 orang berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara termasuk 72 orang dalam bidang perubatan. Peruntukan penajaan dan bantuan sentiasa ditambah kerana kita ingin memastikan lebih ramai anak-anak Terengganu mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.

TESDEC pula merancang empat (4) program baru iaitu program latihan tourism planner kepada lepasan ijazah, melatih 40 orang lepasan ijazah IT melalui kerjasama dengan firma IT bagi mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang IT, bekerjasama dengan Petronas bagi latihan kemahiran dalam bidang petroleum dan menawarkan satu (1) program baru di peringkat diploma.

Kepada pelajar-pelajar dan masyarakat di luar bandar pula khususnya Orang Asli, capaian kepada ilmu tidak dipinggirkan. Bagi meningkatkan kemudahan membaca, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah memulakan perkhidmatan perpustakaan bergerak kepada Orang Asli di Sungai Pergam, Kemaman.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI KEDUA: MEMELIHARA KESEJAHTERAAN RAKYAT

Tugas dan tanggungjawab paling utama Kerajaan adalah menjamin dan memelihara kesejahteraan hidup rakyatnya. Kerajaan akan terus menyediakan keperluan asas seperti air, tenaga, perumahan, pengangkutan dan kemudahan lain dengan penekanan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan dan memperbaiki ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Kerajaan akan terus berusaha memastikan pembangunan ekonomi terus mampan dalam jangka panjang dan dinikmati oleh setiap lapisan rakyat.

Program Membasmi Kemiskinan

Matlamat Kerajaan seperti yang terkandung dalam Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT) Tahun 2009-2013 adalah mengsifarkan miskin tegar dan menurunkan kadar kemiskinan kepada 1% pada tahun 2013. Oleh itu, Kerajaan menggandakan usaha dengan pendekatan yang lebih agresif bagi mengatasi masalah kemiskinan melalui dua (2) strategi iaitu melaksanakan pembangunan fizikal dan perubahan minda serta sahsiah diri kepada golongan terbabit. Untuk itu, Bajet 2012 memperuntukkan RM42.6 juta bagi program pembasmian kemiskinan, pembangunan kampung dan masyarakat. Kerajaan akan meneruskan Program Bantuan Rumah, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran & Kerjaya dan Program Jaya Diri. Kerajaan juga menyediakan RM49.4 juta bagi pelbagai bantuan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi memantapkan pengurusan Program Bantuan Rumah, komponen peruntukan bantuan baik pulih rumah dan bantuan atap disatukan dan disediakan RM1.0 juta setiap DUN menjadikan kesemua peruntukan RM32.0 juta. Bagi bantuan bina baru rumah pula ia diasaskan kepada sepuluh (10) rumah bagi 1 DUN menjadikan 320 buah rumah kesemuanya. Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi memastikan golongan terbabit memiliki rumah yang selesa dan selamat. Sepanjang tempoh 2008 hingga 2011 Kerajaan telah membelanjakan RM44.68 juta bagi pembinaan 1,354 unit rumah, RM16.66 juta bagi baik pulih 1,794 unit rumah dan RM38.4 juta bagi menukar atap 8,916 unit rumah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Pembangunan Orang Asli

Dalam memerangi isu kemiskinan golongan Orang Asli juga tidak ketinggalan dan turut diberi perhatian. Kerajaan menaiktaraf kampung mereka dengan penyediaan infrastruktur yang lebih baik dan bantuan membina baru rumah. Sebanyak 20 unit rumah telah dibina di Perkampungan Orang Asli di Sungai Pergam, Kemaman dengan kos RM1.03 juta. Di Perkampungan Orang Asli di Sungai Berua, Hulu Terengganu pula, kerja-kerja infrastruktur melibatkan perbelanjaan RM1.02 juta telah siap dilaksanakan bagi menempatkan 40 unit rumah pada tahun 2012. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk membangunkan 613 ekar Ladang Kelapa Sawit di Sungai Berua untuk masyarakat Orang Asli.

Memajukan Sektor Pertanian & Asas Tani

Sektor Pertanian, Perhutanan, Ternakan dan Perikanan telah menyumbang 7.6% kepada KDNK Negeri pada tahun 2010. Sektor ini mengalami pertumbuhan negatif 1.6% pada tahun 2010 berbanding pertumbuhan negatif 19.1% pada tahun sebelumnya. Pada tahun hadapan sektor ini dijangka tumbuh 1.1%.

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada sektor ini dalam usaha menjamin bekalan makanan dalam negara dan meningkatkan pendapatan golongan yang terlibat. Untuk itu, Bajet 2012 memperuntukkan RM27.3 juta dengan tumpuan kepada projek-projek sambungan antara lain Projek Jelapang Padi, Pembangunan Ladang Kelapa Sawit Rakyat, Projek Tanaman Kelapa dan projek kecil berkelompok yang boleh menjana pendapatan rakyat. Penambahan keluasan kawasan bagi projek-projek tersebut akan dipertingkatkan.

Termasuk dalam bajet ini juga peruntukan untuk aktiviti ekonomi, pertanian & ternakan dan infrastruktur pertanian, perikanan & ternakan. Sejumlah RM8.0 juta pula diperuntukkan untuk meningkatkan kualiti infrastruktur tanaman padi selaras dengan matlamat untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi negeri dan mencapai sasaran 85% keperluan beras dalam negeri pada tahun 2013.

Mengenai tanaman kelapa, Kerajaan telah memulakan projek ini di Kampung Bukit Kecil, Setiu. Dengan keluasan 200 hektar dan berupaya menanam 45,000 pokok kelapa (27,200 Pandan dan 17,800 Matag), projek ini dijangka boleh memberi 100 peluang pekerjaan bila siap dengan pendapatan kira-kira RM4,200.00 sebulan bagi kawasan seluas dua (2) hektar bagi seorang peserta.

Bagi Sektor Ternakan, tumpuan adalah kepada Projek Agropolitan, Panchur Bederu, Setiu yang mensasarkan pemeliharaan 4,500 ekor kambing biri-biri (Dopper). Bagi Sektor Perikanan pula projek tukun tiruan diteruskan dalam usaha meningkatkan lagi sumber ikan di perairan negeri. Secara tidak langsung aktiviti

dan hasil tangkapan akan turut meningkat dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan nelayan di negeri ini. Antara projek ini ialah Projek Tukun Tiruan Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda yang melibatkan semua daerah kecuali Hulu Terengganu dan Projek Tukun Rekreasi dan Tukun Sotong di Marang dan Kuala Terengganu. Kerajaan juga akan memantapkan Program Pengurusan Santuari Penyu bagi melindungi ikon Negeri Terengganu ini daripada mengalami kepupusan dan sebagai tarikan pelancong.

Selain itu, Kerajaan melalui usahasama antara Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dengan Blue Archipelago Bhd telah memulakan pelaksanaan Integrated Shrimp Aquaculture Park (iSHARP) dengan nilai pelaburan RM260.0 juta di Penarik, Setiu. Projek ini adalah bagi membangun 1,000 hektar ladang akuakultur ternakan udang bersepadu. Apabila beroperasi sepenuhnya projek ini dijangka dapat menyediakan 1,500 peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk tempatan. Dengan sasaran pengeluaran tahunan 10,000 tan metrik dan anggaran pulangan bernilai RM120.0 juta, iSHARP mampu menyumbang sebanyak 15% daripada keseluruhan pengeluaran tahunan udang di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Program Perumahan Untuk Rakyat

Masih ramai lagi rakyat yang memerlukan rumah. Kerajaan Negeri mensasarkan untuk membina 10,000 unit rumah dalam tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2008. Bagi tempoh 2008-2011 Kerajaan Negeri telah melaksanakan 23 projek Rumah Kos Rendah (RKR)/Rumah Mampu Milik (RMM) melibatkan 6,737 unit rumah dengan jumlah peruntukan RM659.73 juta, suatu perbelanjaan yang cukup besar. Pada tahun hadapan RM80.0 juta diperuntukkan untuk meneruskan projek-projek sambungan dan memulakan pelaksanaan tujuh (7) projek yang melibatkan 2,277 unit rumah.

Kemudahan perumahan juga diperlukan di kawasan bandar terutama kepada mereka yang terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk tujuan menyusun semula kawasan penempatan dalam bandar dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Pada tahun lepas kita telah menyerahkan rumah-rumah Projek Ladang Gemilang I kepada penduduk yang terlibat. Pada tahun ini kita menyiapkan Ladang Gemilang II yang menyediakan 192 buah unit rumah mampu milik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan melaksanakan Fasa I Pembangunan Ladang Tok Pelam yang akan menyediakan 408 unit rumah mampu milik di samping kemudahan yang lain.

Sebagai sebuah Kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat di bawah agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan, Kerajaan sangat peka

kepada soal perumahan dan meletakkannya sebagai salah satu agenda utama dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat. Sebilangan rakyat memiliki tanah dan mahu membina rumah di atasnya tetapi tidak berkemampuan kerana tidak boleh mendapat pinjaman dari institusi kewangan disebabkan tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Bagi membantu golongan terbabit yang mencukupi syarat, sukalah saya dengan ini mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan satu Dana Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu.

Buat permulaan RM50.0 juta akan diperuntukkan kepada Dana ini dengan jumlah maksima pinjaman RM50,000 seorang berteraskan syariah. Pada masa sekarang kita sedang memperhalusi kaedah pelaksanaan dan syarat-syaratnya. Begitulah murninya usaha Kerajaan yang didokong oleh setiap lapisan rakyat. Semua tindakan ini membuktikan Kerajaan sangat prihatin kepada keperluan rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah dari segi mendapat kemudahan rumah. Selaku pemerintah yang dipilih oleh rakyat, kita memikul amanah untuk menjaga kebajikan rakyat. Kita adalah Kerajaan yang melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari:

"Ingatlah bahawa setiap daripada kamu adalah penjaga
dan setiap penjaga bertanggungjawab terhadap apa
yang dijaganya. Dan seorang pemimpin itu
bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya."

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Pembangunan Bekalan Air, Pengairan & Saliran

Matlamat pembangunan bekalan air adalah untuk menyediakan bekalan air bersih dan mencukupi kepada semua penduduk. Untuk itu, Kerajaan memperuntukkan RM81.90 juta untuk melaksanakan pelbagai projek bekalan air. Antara yang diberi tumpuan utama adalah mengurangkan kadar kehilangan air tidak terakaun (NRW).

Bagi mengurangkan masalah banjir dan memberi keselesaan kepada penduduk, Kerajaan akan meneruskan projek-projek yang dalam pelaksanaan seperti Sistem Saliran Seberang Pintasan dan Gong Pasir, Dungun, Saliran Kg. Baru, Kerteh, sistem amaran dan pemantauan banjir. Untuk pembangunan pengairan dan saliran, Bajet 2012 memperuntukkan sejumlah RM49.4 juta.

Mempertingkatkan Pembangunan Bandar & Luar Bandar

Satu daripada teras Misi Nasional adalah meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup. Untuk mencapai misi ini Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai peranan penting dalam merancang, mengawal dan melaksanakan program-program Pembangunan sosial dan perkhidmatan perbandaran bagi membentuk masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya saing.

Peruntukan yang besar disediakan setiap tahun untuk sektor Kerajaan Tempatan. Bajet 2012 memperuntukkan antara lain RM5.5 juta bagi landskap, RM17.5 juta untuk pengurusan kebersihan bandar, RM35.25 juta bagi membina dan menyelenggara longkang, RM8.5 juta bagi program kebersihan dan keindahan, RM4.5 juta bagi program pencahayaan dan pemasangan lampu awam di samping menyediakan peruntukan untuk projek-projek perkhidmatan kebajikan dan masyarakat di PBT.

Bagi menjana peluang perniagaan dan pekerjaan, Kerajaan menyediakan RM15.0 juta untuk pembinaan baru pasar awam, gerai perniagaan, pusat jualan dan perkedaian di seluruh daerah di samping meneruskan pelaksanaan projek sedia ada.

Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendengar keluhan rakyat dan bersedia memenuhi kehendak mereka. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu daerah pentadbiran baru iaitu Kuala Nerus. Sebagai persediaan awal sejumlah RM20.0 juta diperuntukkan tahun hadapan untuk kerja-kerja awal Pusat Pentadbiran Baru Kuala Nerus.

Sebanyak RM76.65 juta pula diperuntukkan untuk pelbagai projek pembangunan bandar dan luar bandar termasuk rancangan penyusunan semula dan kemudahan prasarana pembangunan bandar dan luar bandar. Bagi merancakkan pembangunan di peringkat daerah RM17.0 juta diperuntukkan kepada pejabat-pejabat daerah untuk melaksanakan projek-projek kecil di samping RM2.0 juta bagi membaiki dan membina balai raya serta rumah penghulu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Merancakkan Sektor Pembinaan

Sektor Pembinaan tumbuh 3.2% dan menyumbang 3.9% kepada KDNK Negeri pada tahun 2010. Sektor ini sangat penting kepada pembangunan negeri khususnya dalam menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan. Dalam Bajet 2012 peruntukan yang besar disediakan antaranya RM45.0 juta untuk pembinaan masjid dan surau, RM40.0 juta untuk pembinaan jalan dan jambatan daripada Jeram ke Kg. Tok Kong ke Bukit Guntong, Kuala Terengganu, RM32.0 juta untuk projek-projek kecil seluruh DUN, dan RM10.0 juta bagi pembinaan jalan-jalan baru.

Memelihara Kebajikan & Meningkatkan Kemudahan Kesihatan

Kerajaan sentiasa prihatin kepada golongan yang ditimpa musibah seperti bencana alam, malapetaka, kebakaran, kemalangan, penyakit kronik dan sebagainya. Kerajaan telah membantu mereka yang layak melalui Tabung Darul Iman. Bagi tempoh 2009 hingga November 2011, seramai 7,579 orang telah mendapat manfaat daripada tabung ini melibatkan perbelanjaan RM6.37 juta.

Bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara, Kerajaan bersetuju mencarumkan RM5.0 juta lagi kepada tabung ini di mana RM2.0 juta akan digunakan untuk bantuan kebajikan sosial perubatan iaitu membantu pesakit yang kurang berkemampuan membiayai kos rawatan perubatan atau kos pembelian peralatan perubatan pesakit. Tindakan ini adalah untuk memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat selaras dengan agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan.

Program Mikro Kredit Ar-Rahnu

Program Mikro Kredit Ar-Rahnu adalah satu instrumen bagi membantu golongan yang tidak layak mendapat pembiayaan mudah dan cepat dari institusi kewangan bagi memenuhi keperluan kehidupan sama ada menjalankan perniagaan mahupun menyara belanja hidup. Sambutan masyarakat kepada program ini sangat menggalakkan semenjak ia diperkenalkan. Oleh itu, demi meringankan beban rakyat yang memerlukan bantuan kewangan, Kerajaan pada tahun ini telah

menambah modal pusingan bagi program ini dengan menyalurkan RM2.0 juta lagi kepada MAIDAM. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang telah disalurkan semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 1992 ialah RM34.9 juta. Program ini telah memberi manfaat kepada lebih 300,000 orang. Komitmen ini jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan dalam membantu rakyat melalui pembiayaan Ar-Rahnu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Keutuhan Institusi Keluarga Asas Pembangunan Masyarakat

Menyedari kepentingan asuhan dan didikan awal kanak-kanak diurus secara komprehensif, Kerajaan kini mengendalikan 66 buah TASKA Permata Keluarga. Tahun hadapan dijangka 3,500 orang kanak-kanak akan mendapat manfaat melalui program ini sekaligus membantu ibu bapa yang bekerja. Perkhidmatan TASKA pula akan ditambahbaik dengan memperkenalkan pembelajaran dwi bahasa sebagai bahasa perantaraan dalam komunikasi harian.

Kerajaan juga prihatin kepada ibu tunggal yang sehingga kini terdapat 19,335 orang. Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kepada mereka, sebuah pusat telah disediakan untuk mengurus dan menyelaras aktiviti ibu tunggal di 32 buah kelab ibu tunggal sedia ada. Selain daripada itu warga emas tidak dipinggirkan. Bagi membolehkan golongan yang banyak pengalaman ini memberi sumbangan kepada sistem kekeluargaan, Kerajaan telah menubuhkan 32 buah kelab warga emas yang Menggerakkan Program Cakna Warga Emas.

Menghargai Sumbangan Penjawat Awam

Kerajaan Negeri akan menambah dana RM1.0 juta lagi bagi Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan menjadikan jumlahnya RM16.0 juta bagi membolehkan lebih ramai penjawat awam negeri ini mendapat pembiayaan kenderaan tanpa faedah. Oleh itu, penjawat awam di negeri ini seharusnya terus memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan yang memerintah kerana sentiasa mengutamakan kepentingan dan kebajikan penjawat awam.

Kita mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia kerana telah mengumumkan tambahan bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 kepada penjawat awam. Kerajaan Negeri akan membuat bayaran bonus ini pada bulan Disember ini. Sesungguhnya, pengumuman ini menunjukkan kecaknaan Kerajaan dalam membantu mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh penjawat awam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

STRATEGI KETIGA: MENINGKATKAN DAYA SAING NEGERI

Kita perlu berubah. Kita tidak boleh lagi berada pada tahap kelaziman. Perubahan bukan lagi satu pilihan kepada kita jika kita hendak terus kekal dan berdaya saing. Jika kita hendak terus menjadi relevan. Berubah atau kita akan ketinggalan.

Dalam mengorak perubahan ini kita perlu mempergiatkan usaha untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi sektor di mana kita mempunyai kelebihan. Kita perlu memperkenalkan lebih banyak kreativiti dan inovasi.

Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT) 2009-2013 yang digubal adalah untuk memberi penekanan kepada sektor-sektor yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi di samping mengintegrasikan agenda membasmi kemiskinan. Pelan ini memberi tumpuan kepada sektor pendidikan & pembangunan sumber manusia, pertanian & asas tani, pelancongan, industri, perdagangan, perkhidmatan dan ICT.

Sebagai komponen utama penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri, Sektor Perkhidmatan tumbuh 5.7% dan menyumbang 58.3% pada tahun 2010. Melihat kepada sumbangan besar ini adalah sangat perlu kita terus mempergiatkan usaha memanfaatkan sepenuhnya potensi sektor ini terutama sub sektornya iaitu pelancongan yang jelas kita mempunyai banyak kelebihan.

Merancakkan Sektor Pelancongan

Pada tahun 2010 sektor pelancongan telah berjaya menarik 2,815,149 orang pelancong ke Negeri Terengganu. Jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2011 diunjurkan mencecah 3.44 juta orang dan dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun ini seramai 1,885,832 orang pelancong telah direkodkan. Pada tahun 2012 pula Kerajaan mensasarkan seramai 3.78 juta orang pelancong akan mengunjungi Terengganu. Sektor ini secara tidak langsung telah menyumbang RM2.583 bilion kepada ekonomi negeri. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan usaha yang berterusan dilakukan supaya sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat. Dalam Bajet 2012 sektor ini diperuntukkan RM138.85 juta bagi melaksanakan pelbagai projek.

Bagi terus menggalakkan pelancongan dari dalam dan luar negara, Kerajaan telah mengumumkan tahun 2013 sebagai Tahun Melawat Terengganu dan seterusnya menjadikan setiap tahun adalah Tahun Melawat Terengganu. Menyedari keunikan yang ada dan memanfaatkan pelancongan adalah peluang, Kerajaan secara

agresif memainkan peranan membangun dan memajukan Tasik Kenyir ke arah destinasi pelancongan keluarga bertaraf antarabangsa.

Untuk itu, Bajet 2012 memperuntukkan RM30.0 juta untuk pembangunan pelancongan Tasik Kenyir dan RM70.4 juta untuk pembangunan kawasan bebas cukai. Komponen yang diberi tumpuan ialah Zon Bebas Cukai iaitu Pulau Bayas sebagai Kenyir Trade Centre dan Pengkalan Gawi yang melibatkan pembangunan terminal utama, kompleks & kuarters Kastam. Di samping itu, tumpuan juga diberikan kepada pembangunan fizikal di Santuari Kelah, mempelbagaikan produk Kenyir Island Hopping dengan mewujudkan Taman Heliconia, Taman Rambutan serta Taman Botani dan membangunkan eko pelancongan Santuari Gajah di Sungai Telemong.

Bagi kemudahan pelancong menyusuri Sungai Terengganu di sekitar Pulau Wan Man pula, lima (5) bot river cruise telah beroperasi. Penggunaan bot river cruise ini dicadang diperluas ke Sungai Berang dan Sungai Kemaman. Kerajaan juga akan menaiktaraf sistem pembetungan di Pulau Redang bagi mengelakkan pencemaran air. Usaha ini bagi menjamin ekosistem pulau dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Pada tahun semasa bilangan pelancong ke kedua-dua buah pulau ini dijangka mencecah 233,000 orang.

Melalui pembangunan pulau dan pemuliharaan taman laut pula, peruntukan RM700,000 disediakan bagi memastikan hidupan terumbu karang kekal terpelihara yang menjadi tarikan utama pelancong ke gugusan pulau di Terengganu. Sebagai pintu masuk ke Pulau Kapas pula, pembangunan Marang Waterfront sebagai kawasan rekreasi dan venue untuk program-program yang bakal diadakan di Marang turut diberi tumpuan. Untuk itu, RM1.0 juta diperuntukkan untuk pembangunan tersebut pada tahun hadapan.

Sebagai sebahagian daripada kempen Visit Terengganu Every Year, Kerajaan akan terus menyertai galakan dan penyertaan dalam ekspo pelancongan serta melaksanakan acara-acara pelancongan berasaskan destinasi dengan konsep merakyatkan pelancongan melalui penglibatan masyarakat dalam aktiviti sampingan dan memberi manfaat serta pulangan pendapatan pelancongan secara terus kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Memperkasakan Pembangunan Belia

Belia harapan bangsa. Belia pemangkin transformasi. Dengan pelbagai masalah sosial di kalangan remaja adalah perlu kita merencanakan program-program yang dapat membentuk sahsiah yang mantap kepada remaja dan belia. Oleh itu Program Bakti Remaja, Program Pembangunan dan Latihan yang memberi tumpuan kepada kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran akan diteruskan. Aspek keagamaan dan spiritual akan diberi penekanan melalui program yang boleh membentuk kerohanian, pengukuhan akidah dan keperibadian unggul generasi ini. Bagi memperkasakan belia peruntukan sebanyak RM30.0 juta khusus untuk pembangunan belia akan disediakan. Daripada jumlah ini RM4.8 juta adalah untuk membina gelanggang futsal di setiap DUN sebagai usaha berterusan menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti yang memberi faedah kepada mereka.

Mengekalkan Momentum Kejayaan Sukan

Satu demi satu kejayaan dicipta baik di peringkat negara mahupun di persada antarabangsa. Hari ini kita adalah kuasa baru dalam sukan tanah air. Kita terus mengungguli SUKMA untuk kali ketiga (3) berturut-turut dan menjadi Juara Piala FA dalam tahun yang sama sekaligus mengukir kejayaan berganda, Naib Juara Piala Malaysia dan Naib Juara Liga Super 2011. Tahniah dan syabas kepada ahli sukan yang telah mengharumkan nama Terengganu.

Melalui Program SUKMA kita telah berjaya melahirkan ramai atlet-atlet yang berjaya mewakili negara. Pada tahun ini seramai 84 atlet dilahirkan oleh Negeri Terengganu melalui Program SUKMA terpilih mewakili pasukan negara. Kita juga sekarang sudah 'ready to conquer the world'. Hari ini kita berbangga dengan anak kelahiran Negeri Terengganu iaitu Azizulhasni Awang dan Fatehah Mustafa dalam acara berbasikal serta Khairul Anuar Mohamad dan Nurul Syafiqah binti Hashim kedua-duanya dalam acara memanah kerana bakal membawa cabaran dan harapan negara ke Sukan Olimpik London 2012. Kita doakan mereka akan membawa kejayaan sekaligus mencipta satu sejarah untuk negeri dan negara kita di persada Olimpik.

Atlet Terengganu terus melakar kejayaan di peringkat antarabangsa. Sepuluh (10) orang atlet kita berjaya menggondol sembilan (9) pingat emas di Sukan SEA 2011 di Indonesia baru-baru ini iaitu lima (5) atlet dalam sukan bola sepak serta seorang dengan satu (1) emas dalam acara memanah dan empat (4) atlet dengan tujuh (7) emas dalam acara berbasikal. Saya mengucapkan tahniah dan

syabas kepada mereka. Atlet kita juga membuktikan kemampuan membawa cabaran dan menjadi pesaing terkuat di Asia Tenggara walaupun tidak menggondol pingat emas di mana lima (5) orang mendapat lima (5) pingat perak dalam acara olahraga, pencak silat, berbasikal dan memanah dan sebelas (11) orang mendapat lima belas (15) pingat gangsa dalam acara pencak silat, sepak takraw, judo, lawan pedang, golf dan kanu.

Kejayaan-kejayaan ini tidak datang bergolek. Ini adalah melalui usaha, pengorbanan, komitmen dan perancangan bersepadu secara berterusan kerana Kerajaan Negeri telah memberi fokus kepada pembangunan sukan dan meletakkannya sama penting dengan pembangunan sektor-sektor lain. Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang cukup besar bagi maksud pembangunan kemudahan sukan dan program sukan yang membolehkan program latihan bersepadu dan agresif dilaksanakan bagi semua sukan terlibat di samping menyediakan insentif kemenangan kepada atlet sebagai perangsang untuk bergiat dengan lebih komited bagi mencipta kecemerlangan pada setiap masa.

Meneruskan kesinambungan kejayaan dalam SUKMA, program persediaan untuk SUKMA 2012 di Pahang dimantapkan dan RM4.0 juta disediakan. Bagi menggalakkan sukan permotoran yang profesional kita telah membina litar motorcross di Kompleks Sukan Negeri. Kita juga berterima kasih kerana diberi penghormatan buat pertama kalinya menjadi destinasi akhir perlumbaan Le Tour de Langkawi 2012 edisi ke-17 pada 24 Februari hingga 4 Mac 2012 nanti. Sebelum ini perlumbaan berprestij yang disertai oleh pelumba seluruh dunia itu ditamatkan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Oleh itu, kesempatan ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin khususnya dalam konteks pelancongan kerana secara tidak langsung boleh menjana pendapatan kepada penduduk tempatan menerusi acara tersebut.

Meneruskan kecemerlangan dalam sukan berbasikal, Terengganu Pro Asia Cyling Team telah diperbadankan dan didaftarkan dengan nama Terengganu Cycling Team (TSG). Ini membuka peluang kepada anak muda kita untuk terlibat dalam disiplin sukan ini kerana matlamat TSG adalah untuk melahirkan atlet dan pasukan lumba basikal lebuhraya profesional. TSG kini telah berjaya mencipta nama di peringkat antarabangsa. Bagi tahun 2011 berdasarkan kedudukan UCI (Union Cycliste Internationale) Asia Tour, TSG menduduki tangga keempat (4) daripada 70 pasukan menjadikan Malaysia berada di kedudukan keempat (4) daripada 17 negara iaitu di belakang Uzbekistan, Jepun dan Iran. Pelumba-pelumba kita telah mendapat tempat pertama dan kedua di peringkat satu (1) dan ketiga (3), tempat pertama dan ketiga di peringkat empat (4) serta tempat kedua di peringkat lima (5) di Tour de Brunei, tempat pertama di peringkat tujuh

(7) di Tour de Indonesia, dan tempat pertama serta kedua di peringkat lima (5) di Tour of Hainan.

Kerajaan sedar minat remaja dan belia dan sumbangan yang boleh mereka berikan dalam pelbagai disiplin sukan. Justeru itu, Kerajaan sanggup menyediakan peruntukan yang besar bagi menyedia dan menambahbaik kemudahan sukan serta menyediakan insentif tertentu. Dengan kesungguhan semangat untuk terus menaikkan nama negeri, mengekalkan momentum kejayaan yang telah dicapai dan bagi menggalakkan pembangunan sukan, Kerajaan akan memperuntukkan RM20.3 juta tahun hadapan bagi sektor sukan. Peruntukan ini adalah bagi meneruskan pelaksanaan projek sedia ada termasuk Kompleks Sukan Negeri dan projek baru Kompleks Sukan/Mini Stadium Hulu Terengganu di samping menyediakan peruntukan untuk pengurusan MSN dan program-program sukan. Kini, kerjaya dalam bidang sukan tidak lagi seperti dulu. Sukan kini sudah menjadi satu profesion yang memberi pendapatan yang lumayan kepada penggiatnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Memperkasakan Penggunaan ICT

Dengan misi menjana pelbagai inisiatif pembangunan ICT ke arah pembentukan insan cemerlang, sektor ICT diperuntukkan RM8.60 juta untuk projek-projek tahun 2012. Termasuk dalam bajet adalah pembangunan infrastruktur telekomunikasi iaitu pembinaan sembilan (9) menara telekomunikasi serta projek Terengganu Wireless Area Network (T@WAN) dan pembangunan infrastruktur jalur lebar negeri untuk meningkatkan keupayaan kepada jaringan rangkaian IPv6 dengan teknologi keselamatan ICT terkini.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan untuk membangunkan sistem aplikasi jabatan dan memantapkan kelancaran perkhidmatan untuk pelanggan di samping memperkenalkan sistem aplikasi MyMeeting dan eDAFS sebagai alat pemudah pengurusan mesyuarat dan dokumen fail secara digital. Dalam usaha membudayakan ICT kepada rakyat, Kerajaan meneruskan program sedia ada seperti Pusat Bestari.Comm, penganjuran seminar dan kursus serta pertandingan dalam bidang ICT.

Merancakkan Pembangunan Industri

Pembangunan pesat sektor perindustrian telah banyak membantu dalam meningkatkan ekonomi Negeri Terengganu. Pada tahun hadapan di samping meneruskan program promosi pelaburan dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan perindustrian sedia ada, Kerajaan akan memberi fokus kepada pembangunan

Taman Polimer di Kerteh. Kawasan perindustrian ini dijangka dapat menjadi pemangkin kepada aktiviti hiliran bagi pengeluaran produk berasaskan polimer dan plastik. Satu (1) JV Partnership di antara syarikat Korea dan Perancis telah dikenalpasti untuk melabur di kawasan ini dengan nilai pelaburan RM2.0 bilion dan mewujudkan 474 peluang pekerjaan.

Pada tahun 2010 sebanyak 44 buah projek telah diluluskan melibatkan modal pelaburan RM2.86 bilion dan dijangkakan 7,966 peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Daripada jumlah ini nilai pelaburan tempatan adalah RM2.64 bilion dan bakinya adalah pelaburan asing. Pada tahun semasa sehingga Oktober, sebanyak 25 buah projek telah diluluskan dengan nilai pelaburan RM1.88 bilion dan jangkaan 4,007 peluang pekerjaan diwujudkan. Daripada jumlah ini RM1.09 bilion adalah nilai pelaburan asing dan RM796.82 juta adalah nilai pelaburan tempatan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Kuala Terengganu City Centre (KTCC) pada 20 Oktober lalu bakal mengubah wajah Bandar Kuala Terengganu sedia ada. Imej Kuala Terengganu sebagai "Bandaraya Warisan Persisir Air" dan Gerbang Pelancongan ke Wilayah Ekonomi Pantai Timur akan dapat diperkukuhkan melalui Pelan Induk Bersepadu Pusat Bandar Kuala Terengganu yang disediakan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan ECER. Projek KTCC bernilai RM5.0 bilion akan menjadi pemangkin transformasi pembangunan sosioekonomi di Negeri Terengganu melalui kewujudan peluang pekerjaan, kesan sampingan berganda di mana perniagaan akan berkembang maju dengan peningkatan ketibaan pelancong dan pelawat serta meningkatkan peluang dalam pelbagai urusniaga lain.

Memanfaatkan Kemudahan Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM)

Dengan pengiktirafan sebagai lapangan terbang antarabangsa oleh Kerajaan Pusat, LTSM yang dikenali sebagai hub penerbangan haji terus ke tanah suci, tahun ini mengukir sejarah lagi apabila berjaya menyediakan kemudahan untuk umat Islam khususnya di Pantai Timur mengerjakan umrah dengan penerbangan pertama pada 18 Mac 2011. Kejayaan ini menambah keyakinan terhadap keupayaan kita dan Kerajaan bercadang untuk menambah penerbangan pada masa hadapan. Kerajaan juga melihat ke hadapan untuk memanfaat sepenuhnya

LTSM seperti menjadikannya sebagai hub untuk pengangkutan kargo dalam usaha meningkatkan daya saing negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Mempergiatkan Industri Kecil & Sederhana

Komited dengan penjenamaan "T Brand" untuk keusahawanan negeri, Kerajaan akan meneruskan program dan projek flagship antaranya memperluas rangkaian T'Shoppe, T'Kafe dan T'Kraft.

Kerajaan sedar pembangunan usahawan adalah faktor penting bagi melonjakkan aktiviti ekonomi Bumiputera. Oleh itu, bagi membantu usahawan yang memerlukan sumber kewangan untuk menjalankan perniagaan atau aktiviti mereka, Yayasan Pembangunan Usahawan melalui Tabung Pembangunan Usahawan telah menyediakan beberapa skim pembiayaan atau pinjaman. Sehingga kini, RM11.11 juta telah dikeluarkan dan memberi manfaat kepada 1,915 usahawan. Sebagai alternatif usahawan juga digalakkan mendapat bantuan daripada Skim Dana Pembiayaan Perusahaan Kecil & Sederhana patuh syariah yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat pada 2012 dan dikendalikan oleh bank-bank Islam terpilih seperti yang diumumkan dalam Bajet Negara 2012 baru-baru ini.

Melalui Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) pula Kerajaan telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM1.0 juta di bawah Program Peningkatan Pendapatan. Sehingga kini, sejumlah 97 orang peserta telah berjaya mendapat pinjaman bagi meningkatkan pendapatan mereka. Selain itu, YPK juga memperkenalkan Program Ekonomi Berkelompok Ibu Tunggal bagi menyediakan bantuan modal kepada ibu tunggal yang menjalankan perniagaan secara berkelompok. Bantuan yang diberi membolehkan peserta mendapat peralatan dan modal pusingan bagi menjalankan aktiviti yang boleh meningkatkan pendapatan. Setakat ini jumlah bantuan yang telah dikeluarkan ialah RM286,935 melibatkan 41 orang ibu tunggal.

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Pusat Pertumbuhan Desa diwujudkan untuk membangunkan kawasan luar bandar menjadi penempatan desa yang lebih terancang, bersepadu dan sistematik dengan mewujudkan fungsi-fungsi dan asas-asas ekonomi bandar bagi menggerakkan pembangunan sosioekonomi kawasan sekelilingnya supaya berdaya maju ke arah mentransformasikan kawasan luar bandar selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Oleh itu, Bajet 2012 menyediakan peruntukan RM15.0

juta untuk maksud ini termasuk RM6.0 juta bagi melaksanakan PPD kawasan Bukit Wan, Batu Rakit dan kawasan sekitar Batu Rakit, Kuala Terengganu.

Memperkukuhkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Melalui Pendekatan Kreatif & Berinovasi

Selaras dengan usaha mempercepatkan pelaksanaan GTP (Government Transformation Programme) dan ETP (Economic Transformation Programme), penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam perlu terus dilakukan secara berterusan. Penambahbaikan ini pula boleh dilaksanakan tanpa memerlukan peruntukan yang besar. Yang penting ialah mencari idea atau pendekatan kreatif atau berinovasi yang mampu dilaksanakan. Antaranya memperkasakan penggunaan ICT untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam sebagai satu usaha mentransformasikan perkhidmatan awam.

Perbendaharaan Negeri mula memperkenalkan e-Kewangan iaitu permohonan atas talian bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan dari jabatan untuk mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri mengikut Arahan-arahan Perbendaharaan atau pekeliling-pekeliling yang berkaitan seperti permohonan pindah dan tambah peruntukan bajet jabatan dan lain-lain. Dengan ini ianya akan meningkatkan sistem penyampaian kepada rakyat selaras dengan agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan.

Pada masa yang sama, kita juga mahu lebih cekap dalam menguruskan organisasi dan kewangan supaya menambah keyakinan dan integriti terhadap jabatan pada perspektif rakyat dan pelanggan. Justeru, untuk kali kedua berturut-turut MAIDAM dan PMINT membuktikan kecemerlangan mereka apabila mendapat Anugerah Penarafan 4 Bintang untuk tahap pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti bagi akaun tahun 2010. Tahniah diucapkan.

Menerajui kecemerlangan dalam pengurusan tanah di negara kita PTG sekali lagi mengulangi kejayaan. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu kerana telah berjaya menjadi Johan Sektor Awam – Kategori Kerajaan Negeri dalam Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Kebangsaan 2011 pada 19 hingga 20 Oktober 2011 lalu. Kejayaan yang dicapai oleh 40 agensi ini akan menjadi penanda aras kepada agensi lain dalam menambahbaik pengurusan dan perkhidmatan mereka terhadap pelanggan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

PENUTUP

Bajet yang disediakan untuk tahun hadapan adalah bajet kesejahteraan rakyat. Bajet yang telah mengambilkira keperluan rakyat. Bajet yang akan menjana manfaat untuk rakyat. Bajet yang meletakkan dan mendahulukan kepentingan kebajikan dan kesejahteraan rakyat hasil pelaksanaan agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu.

Marilah kita terus bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya negeri dan negara kita masih aman dan sejahtera dari segala bala bencana alam, kemusnahan dan rusuhan. Bersyukur kerana kita telah dapat mengekalkan kestabilan dan mengeratkan keharmonian dan perpaduan antara rakyat. Bersyukur kerana kita masih mampu bertahan dan berdaya saing dalam persekitaran global yang semakin menghimpit dengan segala cabaran dan pemulihan ekonomi yang terus tidak menentu ini.

Kejayaan pembangunan yang kita kecapi pada hari ini tidak datang bergolek tapi adalah kerana berkat usaha dan perpaduan kita semua. Berkat pemikiran, perancangan dan usaha pemimpin yang dipilih oleh rakyat dengan didokong oleh semua lapisan rakyat. Hasil perancangan dan pelaksanaan dasar serta strategi kita, limpahan dan nikmat pembangunan ini dapat dirasai oleh semua lapisan rakyat termasuk pihak yang tidak memilih kita.

Kita tidak memilih siapa di kalangan kita kerana perbezaan politik atau ideologi. Kita bekerja dan berbakti untuk menjana manfaat bagi semua rakyat daripada hasil kekayaan bumi kita. Kita tahu harta adalah amanah di mana perolehan dan penggunaannya dipertanggungjawabkan bagi memastikan kemakmuran bersama dan keadilan sosial.

Wawasan Kerajaan Barisan Nasional dan barisan kepimpinan adalah meneruskan tradisi murni iaitu membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat. Kita berharap tidak ada yang lain sebagai balasan kecuali kebaikan daripada Allah S.W.T bersesuaian dengan firman-Nya dalam Surah Ar-Rahman, ayat 60:

"Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula)."

Kerajaan Barisan Nasional tahu masih banyak pembangunan yang perlu dilaksanakan. Kita sedar negeri kita masih ketinggalan dalam beberapa aspek terutama aspek ekonomi.

Justeru itu, transformasi ekonomi Negeri Terengganu perlu dijadikan agenda utama selepas ini untuk memastikan kepentingan, kestabilan, masa depan, jaminan dan kelangsungan rakyat khasnya Bumiputera dan umat Islam di negeri ini lebih terjamin. Kita akan menyempurnakan amanah dan tanggungjawab ini dengan adil berasaskan keyakinan rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Oleh itu, kita berharap rakyat akan terus memberi mandat dan kepercayaan kepada Barisan Nasional untuk memimpin mereka dan negeri ini pada masa hadapan. Kesinambungan pembangunan perlu dipastikan dan tidak ada Kerajaan lain yang akan dapat menterjemahkan perancangan ini menjadi kenyataan melainkan Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang.

Kita telah membuktikan hakikat ini melalui pencapaian kita semenjak kemerdekaan negara. Walaupun pada hakikatnya tiada siapapun yang sempurna namun kita berusaha menjadi yang lebih baik dan terbaik sebagaimana yang telah kita buktikan. Oleh itu, rakyat harus insaf bahawa masa depan mereka dan anak-anak adalah sangat bernilai dan berharga. Janganlah diserahkan nasib mereka kepada pihak yang tidak bertanggungjawab atau pihak yang jelas tidak mampu membawa kejayaan dan kesejahteraan.

Pada kesempatan ini marilah kita bersama-sama merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia kerana telah membentangkan Bajet Negara 2012 yang jelas memberi limpahan manfaat kepada Negeri Terengganu dan penduduknya.

Dengan kemakmuran dan kejayaan yang telah kita capai sekian lama kita yakin akan dapat terus melangkah ke hadapan untuk melaksanakan lebih banyak amanah yang bakal diberi, InsyaAllah. Marilah kita berdoa agar sentiasa diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah S.W.T. dalam membina kemakmuran negeri dan negara kita yang kita cintai di bawah agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan. Amin.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Kita

telah mendengar sebentar tadi bacaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat, kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya nak maklumkan bersamaan dengan bacaan Bajet oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi sebenarnya kalau kita lihat kepada Cokmar Dewan kita ini lambang yang diberi antaranya Bahagian Keenam yang ke bawah sekali yang kalau kita tengok menghala kepada ADUN Ladang ia berbentuk Guri, ini bermakna kalau kita tengok makna yang diberikan oleh Dewan ini, bahagian ini merupakan bahagian akhir iaitu dalam berbentuk Guri melambangkan berjimat cermat untuk negeri kita.

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Bajet yang telah disampaikan sebentar tadi saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan ini sehingga ke hari esok. Oleh itu sebelum kita tangguhkan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr sebelum kita bersurai mudah-mudahan kita diberkati oleh Allah S.W.T. Saya tangguhkan persidangan ini ke pukul 9.30 pagi esok.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.45 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 6 DISEMBER 2011

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama dengan ikhlas membaca Ummul Kitab, mudah-mudahan mesyuarat kita ini diberkati Allah S.W.T dan diberi kerahmatan, diberi kejayaan di atas pemesyuaratan ini. Al-Fatihah.

Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita memulakan agenda Soalan-soalan Lisan, sukacita saya mengambil makluman kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membuat satu pembetulan ke atas kertas kerja yang saya bentangkan pada hari kelmarin yakni kertas kerja Bil. D.U.N 7/2011. Dalam kertas kerja ini di mana di dalam Lampiran B ternyata di dalam penerangan kepada ayat "tambahan peruntukan ini adalah untuk menyelaras Kumpulan Wang Pembangunan Negeri yang berbaki defisit sebanyak" ditukar daripada "RM496,278,780.67 kepada RM437,122,889.32". Ya, pembetulan.

Baiklah Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita memulakan Soalan Lisan pada pagi ini, saya minta maaf Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya nak memulakan dengan soalan pertama daripada Wakil Bukit Payong yang akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana sepanjang hari semalam hanya Wakil Bukit Payong sahaja tak sempat kita memberi peluang. Saya jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Soalan saya yang pertama –

> *Berapakah kos untuk bayaran pengambilan tanah bagi pembinaan Sekolah Menengah Alur Limbat?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan, tuan, puan yang dihormati sekalian. Tiada bayaran pengambilan balik tanah bagi pembinaan Sekolah Menengah Alur Limbat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan saya, adakah pembinaan Sekolah Menengah Alur Limbat ini telah siap?

Berapakah kos pembinaan sekolah ini dan bilakah tarikh jangka siapnya? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memerlukan notis kepada soalan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan saya, saya mendapat maklumat bahawa sekolah menengah ini telah lama nampak siap tetapi sehingga hari ini tidak dapat digunakan, apakah punca-punca dan sebab-sebab yang membuatkan sekolah ini sehingga hari ini tidak dapat digunakan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memerlukan notis untuk soalan ini sebab saya menjawab bagi yang melibatkan tanah sahaja. Jadi saya memerlukan notis bagi soalan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sepatutnya Yang Berhormat tanya terus kepada sekolah, bahagian sekolah berkenaan. Mengenai tanah, Yang Amat Berhormat jawab bahagian tanah sahaja. Ya. Saya jemput seterusnya Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama –

> *Terengganu dijangka mengalami monsun yang besar menyebabkan banjir teruk pada akhir tahun 2011. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi banjir dan bagaimanakah jawatankuasa dibentuk serta berapakah kos yang terlibat?*

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan yang saya kasihi.

Bagi menjawab soalan daripada Jabi, di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu bagi menghadapi banjir pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti berikut:

1. Memperkemaskan lagi jentera pengurusan bencana peringkat Negeri Terengganu supaya lebih efisien, proaktif dan responsif

pada setiap masa. Lapan jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk menguruskan perkara-perkara melibatkan perbekalan, perkhidmatan penting, perubatan, kenderaan dan pengangkutan, pemindahan, pengesahan banjir, dan hal ehwal sekolah.

2. Mengedarkan buku direktori telefon bilik gerakan dan agensi pengurusan bantuan bencana peringkat Negeri Terengganu dan buku persediaan menghadapi banjir tahun 2011 dan 2012 sebagai rujukan kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat.

3. Menghebahkan nombor-nombor telefon bilik gerakan melalui saluran media massa bagi kemudahan orang awam mendapatkan maklumat semasa berkaitan banjir di negeri ini.

4. Menambah baik sistem penyampaian maklumat melalui pengenalan Web Banjir Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu dengan lebih cepat dan berkesan.

5. Mengenal pasti 196 kawasan yang berisiko dan sering dilanda banjir di seluruh Negeri Terengganu dengan menempatkan sistem amaran awal banjir seperti stesen telemetrik dan siren banjir.

6. Meletakkan sejumlah 347 buah pusat pemindahan yang berupaya menampung melebihi 50 ribu orang mangsa banjir di samping turut mengenal pasti sebanyak 112 buah pengkalan hadapan di seluruh Negeri Terengganu.

7. Mengagihkan bekalan makanan dan kelengkapan harian kepada semua pengkalan hadapan di seluruh Negeri Terengganu yang mampu bertahan untuk tempoh 3 hari dan bekalan ini akan ditambah berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.

8. Mengadakan siri lawatan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi seperti Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah, Pejabat Pembangunan Negeri bagi meninjau tahap persiapan di beberapa pengkalan hadapan dan pusat pemindahan terpilih di seluruh Negeri Terengganu.

Manakala anggaran kos perbelanjaan keseluruhan bagi persediaan bekalan makanan dan keperluan harian kepada mangsa-mangsa banjir bagi tahun 2011/2012 di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu adalah seperti berikut. Melalui peruntukan Persekutuan sebanyak RM400,000 dan

melalui peruntukan Kerajaan Negeri Terengganu sebanyak RM403,000 dan jumlah keseluruhannya adalah RM803,000. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan. Yang pertama, kita baru-baru ini 24 haribulan November (11) telah dilanda banjir peringkat yang pertama dan sudah ramai rakyat Negeri Terengganu yang berpindah. Pertama, saya merakamkan berbanyak-banyak terima kasih, tahniah kepada Kerajaan dan juga jabatan-jabatan yang terlibat yang telah memberi pertolongan yang maksimum kepada orang ramai yang terlibat, cuma saya merakamkan terima kasih tak terhingga kepada penduduk orang-orang PAS yang sama-sama mengikuti dalam perpindahan ini, kalau selama ini amat sukar bagi mereka. Sebab penjelasan saya Dato' Yang Dipertua Dewan, penduduk yang terlibat ini telah berpindah kebanyakannya di sekolah, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk membina penempatan baru untuk perpindahan kerana Kerajaan sudah mengenal pasti kawasan-kawasan yang selalu ataupun mudah dinaiki air kerana kemudahan di sekolah maklumlah akhir tahun terlibat dengan peperiksaan SPM, STPM dan sebagainya. Jadi mengganggu situasi pelajar pada masa itu.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih kepada Wakil Jabi. Setakat hari ini kita bagi Kerajaan Negeri Terengganu akan menempatkan mangsa-mangsa banjir di kawasan-kawasan yang telah kita wartakan yang kebanyakannya terdiri daripada seperti balai raya, sekolah kebangsaan ataupun sekolah menengah, surau, masjid dan beberapa tempat yang kita fikirkan sesuai seperti Dewan Sivik dan sebagainya. Jadi hasil daripada yang Kerajaan telah menempat penempatan mangsa-mangsa banjir setakat hari ini kita belum ada terima rungutan yang secara khusus mengenai ketidakselesaan dan sebagainya di tempat-tempat pemindahan. Tapi walau bagaimanapun insyaAllah selepas daripada post-mortem yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Banjir baru-baru ini kita akan tengok secara menyeluruh dari segi tempat-tempat untuk penempatan mangsa-mangsa banjir di masa-masa yang akan datang dan pihak Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan parti Barisan Nasional sentiasa sensitif dengan keperluan semasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Berapakah jumlah bilangan rakyat Terengganu yang terkorban sewaktu banjir baru-baru ini dan juga berapakah pampasan yang akan diberi kepada mangsa-mangsa perpindahan?

Cuma saya pohon supaya Kerajaan mengkaji balik jumlah pampasan ini dinaikkan kerana kerosakan-kerosakan harta benda mereka yang terlibat dalam banjir ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Setakat banjir yang berlaku baru-baru ini kita setakat hari ini dalam tempoh bermula daripada 21 November hingga 27 November yang lalu, kita tidak mempunyai sebarang laporan kerosakan, masih lagi dalam tindakan mungkin, dan apa yang kemalangan yang berlaku cuma ada satu kemalangan yang berlaku yang melibatkan dalam tempoh banjir yang pertama iaitu satu kes kemalangan jiwa ataupun kematian dilaporkan berlaku pada 24 November yang lalu iaitu melibatkan seorang kanak-kanak lelaki bernama Mohd Syamirul Aiman, berusia 8 tahun, berasal daripada Perumahan Rakyat Termiskin PPRT Rhu Tapai, Merang, Setiu. Di mana kejadian tersebut berlaku apabila mangsa dipercayai meninggal dunia akibat terjatuh dan lemas di dalam lubang pasir sedalam kira-kira 2.5 meter yang dipenuhi air selepas bermain bersama rakan-rakannya berhampiran dengan kawasan berkenaan dan walau bagaimanapun berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak PDRM menyatakan bahawa mangsa meninggal dunia bukan disebabkan korban akibat banjir tetapi kejadian ini hanya diklasifikasikan sebagai kes kemalangan jiwa biasa. Jadi kalau sekiranya ada apa-apa kerugian ataupun kerosakan yang berlaku akibat daripada banjir, memang kita ada menyediakan peruntukan daripada Tabung Darul Iman untuk memberi bantuan asas kepada mereka-mereka yang ditimpa banjir mengikut kadar yang akan dinilai selepas laporan diterima. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih kepada pihak Kerajaan yang membuat jawapan. Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan berkaitan dengan mangsa-mangsa yang terlibat dengan banjir khususnya yang dipindahkan di tempat pemindahan banjir. Apa yang berlaku kebanyakan khususnya pada hari pertama dan hari kedua, bekalan yang dihantar khususnya melibatkan soal makan lebih bersifat kepada beras dan juga sardin seolah-olahnya ini merupakan gambaran seolah dari dulu sardin sahaja. Apakah tidak ada langkah Kerajaan supaya disediakan bahan mentah basah di peringkat awal semasa perpindahan itu dilakukan sebab pada saya sardin ini digambarkan seolah-olah tidak ada bekalan lain sedangkan kita boleh dapatkan bekalan bahan mentah. Apakah tidak ada peruntukan berkaitan penyediaan bahan mentah basah di peringkat awal pemindahan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Hebat Tepoh. Tiap-tiap tahun *complain* pasal makanan ni. Jadi Dato' Yang Dipertua, untuk memenuhi citarasa hasrat dan cita-cita daripada Tepoh yang sentiasa prihatin terhadap rakyat mereka rakyat di Tepoh yang ditimpa banjir. Memang jawapan secara dasarnya memang ya, kita bersedia untuk menyediakan makanan-makanan mentah tetapi walau bagaimanapun oleh kerana kejadian banjir ini adalah merupakan satu faktor yang diluar dugaan kita yang merupakan bencana alam yang biasanya melambangkan kepada perkataan kecemasan ataupun *emergency*, jadi kalau kata hari pertama mula-mula banjir tu kita nak beri daging kawah dah rasanya tak sempat, sebab mungkin di kawasan Tepoh jugak kalau sekiranya berlaku banjir pada hari yang pertama kemungkinan lembu-lembupun di kawasan Tepohpun hanyut di air jugak. Jadi kita bimbang. Jadi walau bagaimanapun boleh terima sama ada suka tak suka ataupun duka hari pertama kita akan hantar tin sardin dan beras dulu kerana tin sardin itu memang secara langsung menggambarkan bahawa itulah dikatakan bala bencana ataupun *emergency*. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Nanti dulu. Sayapun nak ucap terima kasih ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya Yang berhormat ...(Dewan gelak)... Saya jemput Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan pertama –

> *Berapa luaskah kawasan Hutan Simpan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Terengganu sehingga kini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga 31 Oktober 2011, luas kawasan Hutan Simpan Kekal Negeri Terengganu adalah seluas 539,294 hektar iaitu 41.6% daripada keluasan Negeri Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berapakah dijangka dapat hasil daripada Hutan-Hutan Simpan itu pada masa akan datang? InsyaAllah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana ini merupakan Hutan Simpan Kekal dan kita tidak bercadang untuk mengusaha hasilkannya dan dari segi jumlah nilainya saya memerlukan notis untuk mintak Pejabat Hutan membuat penilaian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, memanglah Hutan Simpan itu biasanya dikatakan kekal tetapi kebanyakan daripada hutan-hutan itu selepas itu dimusnahkan dan boleh diganti dengan kawasan-kawasan yang lain. Memandangkan pembentangan Bajet semalam, hasil Kerajaan Negeri adalah terlalu sedikit, apakah Kerajaan bercadang untuk melupuskan Hutan-Hutan Simpan itu dengan mengeluarkan hasil-hasilnya pada masa akan datang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melupuskan Hutan Kekal tersebut untuk menambahkan hasil. InsyaAllah saya percaya dengan kehendak Allah S.W.T kita mampu dengan hasil yang sedia ada dan hasil-hasil lain yang bakal diperolehi Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Manir mintak laluan. Boleh Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat mengenai Hutan Simpan. Ada sebahagian Hutan Simpan sudah tidak ada hutan sudah berpuluh tahun yang lalu. Saya ambil contoh iaitu Hutan Simpan di Bukit Bintang sempadan antara Jabi dengan Permaisuri yang mana terletak di kawasan FELDA Selasih. Apakah boleh Kerajaan menggazetkan kawasan ini untuk ditanam dengan rumput bagi kemudahan penternak-penternak kita?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada dua kategori jenis Hutan Simpan. Satu Hutan Simpan Kekal, satu Hutan Simpan, dan biasa Hutan Simpan yang tak kekal ini biasanya kawasan yang telah diusaha hasilkan kemudian dikenal pasti untuk sebagai simpanan pada masa depan. Di kawasan saya pun ada iaitu dipanggil Hutan Simpan Kuala

Kemaman berada berhampiran Mak Chili, takdok hutan dah yang banyak pokok kelubi, Dato' Yang Dipertua, dan sekiranya ini diperlukan kita boleh pohon kepada Pejabat Hutan kalau sekadar nak tanam rumput mungkin boleh dipertimbangkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput seterusnya Wakil Batu Buruk. Mintak maaf Batu Buruk, dua-dua soalan ditolak. Saya jemput Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama –

> *Apakah bentuk sumbangan Kerajaan Negeri kepada Pertubuhan-pertubuhan Koperasi yang wujud di negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan. Bagi menjawab soalan daripada Wakil Tepoh, bantuan daripada Kerajaan Negeri kepada pertubuhan-pertubuhan koperasi yang wujud di Negeri Terengganu adalah dalam bentuk bantuan kewangan yang mana bagi tahun 2011 adalah berjumlah lebih kurang RM350,000 dan yang mana sebanyak RM320,000 telah dibelanjakan untuk berbagai-bagai aktiviti bagi pertubuhan-pertubuhan koperasi di negeri Terengganu ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan bantuan dalam bentuk bantuan pentadbiran tahunan kepada koperasi-koperasi yang ada di negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, koperasi ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan jadi Kerajaan Persekutuan ada memperuntukkan bantuan khusus untuk koperasi-koperasi dalam bentuk geran dan juga dalam bentuk pinjaman. Dalam bentuk pinjaman adalah bagi projek-projek yang difikirkan berdaya saing akan diberi pinjaman daripada RM300,000 hinggalah kepada RM10 juta dan juga bagi projek-projek yang dikira boleh mendapat keuntungan, Kerajaan Persekutuan juga ada menyediakan bantuan geran daripada RM30,000 kepada sampailah setengah juta. Jadi untuk Kerajaan Negeri pulak kita memberi bantuan sokongan sahaja yang mana kita adakan program-program yang boleh membantu koperasi-koperasi ini dalam bentuk kursus, dalam bentuk seminar dan juga dalam

bentuk lawatan sambil belajar. Ini juga memberi manfaat kepada koperasi-koperasi dan usahawan-usahawan koperasi dalam memajukan koperasi mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sebagaimana yang kita sedia maklum, petubuhan koperasi merupakan satu pertubuhan yang mampu sebenarnya untuk menyatukan kalangan masyarakat dan apa yang saya dapati terdapat banyak sebenarnya koperasi-koperasi yang kecil yang sebagai contohnya koperasi kampung yang memerlukan bantuan. Fokus saya kepada soalan tambahan saya ialah kepada Koperasi Nelayan. Sedar atau tidak pihak Kerajaan dahulunya Koperasi Nelayan yang ada di negeri Terengganu kita ini melebihi daripada 4 koperasi, tetapi sekarang Koperasi Nelayan di negeri Terengganu hanya 4 sahaja, tiga di Kuala Terengganu satu di Kemaman di bawah Koperasi Nelayan Negeri Terengganu. Dan koperasi ini pada dasarnya semakin lama semakin tenat sebenarnya kerana operasi mereka antaranya melibatkan soal operasi untuk mendapatkan hasil lebih kepada soal penjualan air batu sebagai contohnya, timbul masalah pendaratan ikan yang semakin berkurangan serta permintaan air batu yang kurang. Apakah Kerajaan tidak ada langkah atau hasrat untuk membantu khususnya Koperasi Nelayan yang saya maksudkan ini kerana nelayan adalah merupakan kalangan orang-orang yang perlukan kepada pertolongan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kerajaan sedar kedudukan ini dan sayapun banyak kali dah pergi rasmi Mesyuarat Tahunan Koperasi Nelayan ini, memang saya bangkitlah. Koperasi ini memang asalnya besar yang terbesar sekali koperasi adalah di Batu Rakit dan yang keduanya yang di Kemaman, dua je yang tinggal daripada yang banyak-banyak ni, dan saya selalu jugak beri saranan supaya koperasi ini berubah, beralih bisnes mereka, tak boleh lagi tumpu dah kepada Koperasi Nelayan ni sebab dah dikira tidak mampu lagi bertahan dalam sektor ini. Jadi kita dah nyatakan kepada mereka supaya mereka kena cari skop bisnes yang lain bukan setakat jual air batu, bukan setakat minyak diesel dan sebagainya tetapi perlu jugak bergerak ke arah lain, bisnes yang cabangnya dalam sektor tersebut, masih Koperasi Nelayan tapi bukan dalam hal-hal berkait dengan jual diesel, ikan dan sebagainya sebab sektor ini tidak mampu memberi pendapatan lebih kepada nelayan. Jadi kita nak koperasi ini supaya menjadi koperasi yang lainlah seperti KETENGAH dan sebagainya, mereka lebih maju lebih berdaya saing lebih maju.

Dan kita harapkan koperasi-koperasi yang tidak berdaya saing ini, banyak saya ada senarai di sini yang kita panggil mikro, koperasi mikro, kecik sahaja tak sampai RM200,000 setahun dia punya *turnover.* Jadi kita sarankan supaya mereka cari bisnes yang lain untuk membantu nelayan-nelayan ini. Mereka masih lagi boleh menjadi nelayan tapi sebagai koperasi mereka cari skop kerja yang boleh membantu mereka sebagai tambahan pendapatan mereka sebagai nelayan tadi dan kita cadangkan ada koperasi nelayan di Kemaman misalnya, kita sarankan mereka menjual benda lain, buka kedai runcit ke pagi-pagi sebab pagi tu sebelum mereka turun pergi ke laut ni mereka nak makan. Jadi kita sarankan supaya buka kedai restoran yang boleh nelayan-nelayan ini makan di situ. Jadi dia boleh membuka bisnes yang baru bukan tertumpu pada itu sahajalah. Jadi inilah yang kita saran, kita banyak dah bagi nasihat sebab itulah dalam skop ini kita rasakan kita kena buka minda mereka sebab itu kita adakan kursus, kita adakan seminar, kita buat lawatan sambil belajar, mereka jugak boleh saya cadangkan mereka buat macam *homestay* misalnya, untuk nelayan ini. Bukakan skop, luaskan lagi skop mereka dan sebab itulah sekarang ini kita tumpukan koperasi ini, kita untuk tahun ini jugak Kerajaan telah mencadangkan dasar supaya Satu Kampung Satu Koperasi. Kita wujudkan, kita beri insentif kepada mereka supaya mereka buka lagi minda mereka dan tidak *stick* kepada, dengan izin Dato' Yang Dipertua, apabila kita kita panggil Koperasi Nelayan buat hal nelayan sahaja, tidak. Mereka boleh luaskan lagi bidang skop mereka ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tambahan terakhir Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Wakil Kerajaan. Saya merujuk kepada sekali lagi kepada Koperasi Nelayan. Di kawasan saya pun ada, yang saya maksudkan tadi bila koperasi ini tidak ada operasi-operasi yang lain, memang pada masa yang sama mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang stabil. Ada di kalangan koperasi yang melibatkan Koperasi Nelayan dan jugak koperasi kampung yang tidak mampu untuk nak memberikan sumbangan-sumbangan bantuan kebajikan kepada ahli. Tidakkah Kerajaan berhasrat membantu koperasi-koperasi seumpama ini, bantuan sumbangan Kerajaan, supaya koperasi dapat memberikan bantuan kebajikan sebagai contohnya anak-anak yang berjaya dalam UPSR, PMR , mereka berhasrat nak bagi sumbangan tetapi tak ada peruntukan. SKM pun tak bagi. Apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk bagi bantuan seumpama ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai koperasi ini kita sebelum mereka boleh

beri bantuan, beri sumbangan kepada ahli dia, mereka mestilah buat duit dulu mesti ada *profit* dulu ataupun keuntungan dulu. Jadi barulah mereka boleh menggalakkan ahli dia dengan memberi insentif sebegini. Jadi sebab itulah, kita nak beri mereka ni kail bukan nak bagi umpan ke dia. Jadi sebab itu kita cuba nak buka minda mereka supaya mereka berniaga dan mempunyai daya saing dan boleh membuat untung. Dan dari segi untuk kita memberi bantuan ini memang Kerajaan berilah, kalau tidak melalui koperasipun banyak, melalui pejabat DUN dan sebagainya kita memberi bantuan. Banyak koperasi yang kita bantu di bawah saya, saya beri peruntukan jugak untuk bantuan untuk mereka mengadakan mesyuarat misalannya, kita beri jugak bantuan pentadbiran untuk mereka mengadakan mesyuarat, untuk jamuan dan sebagainya. Dan kita boleh timbanglah kalau koperasi yang dhaif sangat untuk mendapatkan bantuan untuk memberi pinjaman ataupun memberi insentif kepada anak-anak mereka, insyaAllah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sama-sama Yang Berhormat. Saya jemput seterusnya Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu –

> *Bilakah Kerajaan bercadang untuk menguatkuasa dan melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 2002M/1432H sebagaimana yang telah diwartakan?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan pertama daripada Wakil Rhu Rendang ialah bilakah Kerajaan bercadang untuk menguatkuasa dan melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002M bersamaan 1423H sebagaimana yang telah diwartakan.

Sukacitanya saya maklumkan, Kerajaan tidak mampu untuk menjanjikan bila tarikh yang tepat enakmen ini akan dilaksanakan. Walaubagaimanapun, Kerajaan akan pasti melaksanakan enakmen ini apabila semua prasarana, kemudahan-

kemudahan, persiapan-persiapan sama ada dari segi teknikal untuk tujuan ini telah sempurna dan apabila ulama-ulama berpendapat bahawa pelaksanaannya sesuai dan mampu mencapai *Maqasid Syari'ah* daripada pelaksanaan itu. Ini kerana banyak pelaksanaan Undang-undang Hudud dalam negara-negara Islam di dunia hari ini telah memberi kesan yang buruk yang mana pada pandangan sebahagian besar ulama-ulama ianya tidak wajar dilaku ataupun berlaku sedemikian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan. Oleh kerana undang-undang ini pernah dilaksanakan di Terengganu sejak tahun 1000M bersamaan tahun 400H dan ianya telah dinafikan sejak campur tangan British bermula tahun 1928, dan mengikut kajian para Orientalis tentang Negeri Terengganu mengatakan bahawa keberkesanan keamanan yang wujud dalam masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III apabila undang-undang dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun hanya 5 kesalahan membunuh dan segelintir kesalahan yang lain. Dan kita telah mencapai kemerdekaan 50 tahun lebih, apakah halangan-halangan ataupun punca-punca tidak mampu mengadakan prasarana-prasarana dalam tempoh yang begitu lama, satu, yang kedua, bolehkah Yang Berhormat sebut negara Islam yang gagal melaksanakan Undang-undang Hudud ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dua soalan tambahan. Pertama dengan membawa sejarah lama Terengganu sewaktu era penjajahan di mana kita sedia maklum pada masa itu memanglah Undang-undang Islam pernah dilaksanakan dalam Negeri Terengganu kita bahkan di Melaka dan juga sebahagian besar negeri-negeri semenanjung tetapi selepas merdeka suasana telah berubah, hari ini tak sama sebelum zaman sebelum merdeka sama ada dari segi komposisi penduduk, dari segi ekonomi dan juga penguasaan, dan juga politik hari ini dan zaman dahulu. Maka banyaklah halangan-halangan sama ada dari segi sokongan, pemahaman dan juga kemudahan-kemudahan, yang ini saya rasa Yang Amat Berhormatpun tahu sebab bukan negeri Terengganu sahaja satu-satunya yang pernah meluluskan undang-undang dan tidak melaksanakannya, ada negeri-negeri lain seperti Kelantan juga telah meluluskan enakmen ini tapi belum lagi melaksanakannya hingga hari ini. Jadi Dato' Yang Dipertua, contoh negeri-negeri...

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Boleh tahu pasal apa Kelantan dok laksana tu?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Itu kena tanya Kerajaan Kelantan Yang Berhormat. Sebab itulah saya kata sebabnya banyak dan pelaksanaan Undang-undang Syariah, Enakmen Syariah Hudud dan Qisas ini, Hudud khususnya dia bukan seperti wajibnya sembahyang, kita selalu dengar

penceramah-penceramah daripada parti Pembangkang mereka kata Hudud ini hukum Allah wajib sama seperti sembahyang. Dato' Yang Dipertua, ini adalah satu kenyataan yang mengelirukan dan tidak tepat sebab sembahyang wajib, dan sembahyang wajib dia adalah fardhu serta dia adalah rukun kepada Islam sehingga hadis mengatakan beza di antara orang Islam dan orang bukan Islam adalah sembahyang tetapi wajib Hudud ini tak sama dengan wajib sembahyang, dia betul wajib, beri salam jawab salampun wajib tapi takkan tak jawab salam jadi kafir macam dok sembahyang, takkanlah tak jawab salam kena qada macam tinggal sembahyang, beza. Sebab dalam mazhab kita ni Syafie ni dia ada benda-benda yang tak sama dengan mazhab lain. Dalam mazhab Syafie, kita sebut wajib dia sama dengan fardhu tapi dalam mazhab lain wajib ini ada tingkatan-tingkatan, fardhu ini lebih tinggi lagi. Sebab itulah Imam Syafie dalam bab Hajipun, wajib Haji tak sama dengan fardhu Haji. Tinggal fardhu Haji tak pergi ke Arafah tak sah Haji tapi kalau tinggal melontar ini masih lagi ada ruang, bayar dam dan sebagainya. Jadi ini perkara-perkara yang saya rasa kalau macam nipun masyarakat kita tak faham lagi macam mana kita nak laksanakan undang-undang yang besar seperti Hudud dan Qisas ini. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan sekalian banyak lagi perjalanan kita masih jauh dan Kerajaan sedang berusaha ke arah ini. Sebab itulah hari ini kita telah mempertingkatkan kedudukan Mahkamah Syariah kita. Sekarang ada usaha terakhir untuk mewujudkan satu lagi tingkatan Mahkamah Syariah kita, jadi Terengganu kita telah hantar tahun lepas 32 orang hakim-hakim Mahkamah Syariah kita berkursus di Institut Kehakiman Syariah di Riyadh. Tahun ini kita hantar lagi. InsyaAllah ini adalah usaha-usaha ke arah pelaksanaan dan untuk menjawab soalan kedua, saya rasa Dato' Yang Dipertua, Wakil Rhu Rendang dia tahu. Saya dimaklumkan sewaktu Kerajaan Pembangkang memerintah Terengganu dulu apabila mereka menghantar...

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Hulu Besut, kita bagi peluang dulu. Soalan tambahan ada, ini bukan perbahasan. Habiskan jawapan dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Merujuk soalan kedua yang Wakil Rhu Rendang, negeri mana yang gagal melaksanakan Hudud, saya rasa Wakil Rhu Rendang tahu. Sebab zaman pemerintahan dia zaman dia menjadi Menteri Besar dahulu dia hantar wakil-wakil Kerajaan pergi ke Sudan. Saya dimaklumkan pada masa itu Sudan dah KIV semula dah pelaksanaan hukum Hudud. Itu adalah salah satu negeri yang gagal melaksanakan hukum Hudud walaupun penduduk dia hampir seratus peratus orang Islam, tak macam kita yang hanya....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Belum, belum Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan belum lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Siapa kata Sudan tu KIV tadi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk dulu. Habiskan jawapan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Banyak negara-negara yang tidak laksana. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua saya nak beritahu bahawa pelaksanaan Undang-undang Hudud tak sama macam sembahyang, tak sama dengan wajib dan fardhu lain. Sayyidina Umar pernah tidak memotong tangan orang yang mencuri dan kadang-kadang dalam masa tertentu banyak lagi ada hadis-hadis mengatakan jangan laksanakan Hudud sewaktu berlaku peperangan, jangan laksanakan Hudud dalam masa musafir dan ini menunjukkan bahawa walaupun Hudud ini salah satu di antara hukum-hukum Allah S.W.T dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah tetapi dia tidak seperti sembahyang yang, "*inna salata kanat 'ala al mu'minin kitaban mauquta*", fardhu yang ada waktunya. Tak boleh lari daripada waktu dia, mesti tetap waktu dia. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu bahawa Kerajaan akan melaksanakan apabila keadaan sesuai, apabila keadaan benar-benar akan menjadikan pelaksanaan Hudud memberi impak yang baik mencapai maksud ataupun Maqasid Syari'ah seperti yang dituntut ataupun dikehendaki daripada pelaksanaan undang-undang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya nampak Tepoh ada soalan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh ataupun Hulu Besut ada soalan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dia beri kebenaran kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Hulu Besut bagi Alur Limbat?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ya Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menurut artikel 4 Perlembagaan Persekutuan berbunyi, dengan izin, *"This constitution shall be the supreme law of the Federation and any law which is inconsistent with this constitution shall be unconstitutional therefore null and void"* Bermaksud lebih kurang, "Bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi Negara, mana-mana undang-undang yang *inconsistent* dengan Perlembagaan Persekutuan akan menjadi tidak menurut Perlembagaan dan ianya terbatal". Dan menurut komen daripada Presiden Majlis Peguam baru-baru ini bahawa mana-mana negeri tidak boleh menjalankan sendiri undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan tanpa terlebih dahulu meminda Perlembagaan Persekutuan walaupun ada seorang profesor yang memberi pandangan akademik bahawa negeri boleh melakukan, melaksanakan Hudud secara berasingan tanpa meminda Perlembagaan Persekutuan. Jadi soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bolehkah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Terengganu 2002 dilaksanakan tanpa terlebih dahulu meminda Perlembagaan Persekutuan yang mana pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan memerlukan kepada majoriti 2/3 di Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada jawapan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak suruh saya jawab ke macam mana ni. Saya ingat yang ini Dato' Yang Dipertua kena diperbincangkan di medan yang lain. Sebab dalam perbincangan kita hari inipun kita dengar ada sesetengah pakar undang-undang mengatakan negeri boleh buat kerana ini adalah perkara agama bawah bidang kuasa negeri, Sultan. Tapi ada juga seperti yang disebut Yang Berhormat Alur Limbat tadi dia tertakluk kepada perlembagaan induk Negara. Jadi saya ingat ini bukan tempat untuk kita perbahaskan perkara ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya kesian ke Hulu Besut ni Yang Berhormat. Nak tanya Hulu Besut dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya yang bangun ni pasal di akhir-akhir ini PAS ni kata kalau tak buat undang-undang Islam ini jadi kafir. Daripada penerangan Kerajaan tadi bahawa rukun wajib ni ada tahap-tahapnya. Jadi Kerajaan Terengganu yang tidak melaksanakan hukum Hudud ini jadi kafir ke tak saya nak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, itulah yang saya sebut tadi, dalam satu hadis Nabi bersabda, "Apa yang aku perintah padamu buatlah yang kamu mampu semampu yang kamu boleh buat tetapi apa yang aku larang tinggallah semuanya". Ini merujuk bahawa apa yang dilarang oleh agama ini di dalam kemampuan kita untuk kita tinggal, tetapi tidak semua yang agama kita suruh, kita buat semua kita mampu. Agama suruh kita buat Haji tetapi bukan semua orang kita boleh pergi buat Haji. Agama suruh kita keluar zakat tak semua di kalangan kita mampu keluar zakat. Jadi ini tidaklah bererti bila orang ni tak pergi Haji, bila orang ni tak pernah keluar zakat dia melanggar perintah agama kerana ada perintah-perintah itu tidak mampu dilaksanakan oleh individu maka begitu juga dalam konteks negara ada perkara-perkara yang seperti Malaysia ni kita tak mampu nak buat seperti yang Saudi mampu tetapi mungkin ada bidang-bidang lain kita lebih berkemampuan daripada dia. Maka sebab itulah Dato' Yang Dipertua, kalau tinggal satu perkara jadi kafir, tinggal sembahyang jadi kafir, tak jawab salam orangpun kafir sebab kalau kita ambil kaedah ini, ini kaedah orang Khawarij ini bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi kalau nak pakai yang macam YB Wakil Rakyat daripada Hulu Besut tadi ini bukan pendapat Ahli Sunnah, ini pendapat Mazhab Khawarij yang pada mereka kalau tinggal sahaja mana-mana yang wajib, kafir, takdok doh tolak ansur dan sebagainya. Yang wajib mesti buat belaka. Jadi Dato' Yang Dipertua, penjelasan kita, negara dan negeri kita adalah negeri Islam kerana kita diperintah oleh orang Islam kerana sebahagian besar syiar-syiar Islam dapat dilihat dalam konteks negara kita apatah lagi Islam itu telah diisytiharkan sebagai agama Negara. Ini Profesor Aziz Baripun sebut kita negara Islam, saya tak tahu sebab apa orang tak nak mengaku bahawa kita duduk dalam negara Islam. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. ....(tepukan sokongan) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya ingat nak bagi peluang kepada Ajil. Sila Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan ataupun yang ditanyakan pada pagi ini iaitu berkenaan Hudud. Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa isu Hudud ini timbul kembali setelah hampir di pilihan raya kerana semasa memerintah 1999 sehingga 2004, Presiden PAS sendiri iaitu Menteri Besar ketika itu saya masih ingat lagi pada 6hb Mac 2000, Presiden mengatakan bahawa Hudud ini dia punya *weightage* ataupun pemberatannya adalah 0.0001%, 1/10000. Apa pandangan pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, inilah akibatnya apabila agama kita jadikan sebagai alat untuk meraih sokongan mendapat keuntungan dunia dan ini adalah satu perbuatan yang dilarang oleh Al-Quran, ...(membaca surah Al-Baqarah ayat 41)..., "Jangan jual ayat-ayat Aku agama Aku untuk dapat harta ataupun dengan harga yang sedikit". Mungkin kita rasa gaji Menteri Besar boleh bina Kerajaan suatu benda yang besar tapi pada Tuhan kecil, mungkin kita ingat menang pilihan raya suatu benda yang besar tapi pada Allah S.W.T kecil. Jadi tidak sewajarnya, tidak patut kita guna ayat-ayat Al-Quran, agama hanya semata-mata untuk meraih perkara-perkara yang dunia yang seumpama ini. Ini kerana suatu masa dahulu mereka mengkafirkan orang tak buat Hudud, bila mereka jadi pemerintah mereka tak buat, orang tanya nak jawab mestilah memperkecilkan benda ni. Kena *kabor* benda ni kecil. Bila benda ni kecil dalam Islam ada *aulawiyat* ada perkara yang mesti kita utamakan dan ada benda kita letak belakang dulu. Kita ada air sebotol tengah padang pasir, masuk waktu zuhur, air ini nak minum ke nak buat ambil air sembahyang, kalau kita minum air ni mungkin kita boleh berjalan lagi, tapi kalau kita buat ambil air sembahyang mungkin kita tak boleh minum. Jadi *hok* mana kita nak buat dalam penilaian tengok pada mana yang utama, dalam Islam nyawa adalah yang utama. Sebab nyawa inilah dengan ada nyawa kita boleh buat pelbagai yang lain dengan ada nyawa kita boleh berusaha dan sebagainya. Maka sebab itulah dari segi hukum fekah kalau ada air sebotol kita sesat tengah padang pasir, air ini hendaklah diguna disimpan untuk minum. Air sembahyang, sembahyang boleh dengan *tayammum* sebab Islam ini agama yang luas, ada toleransi ada jalan-jalan keluar sesuai untuk semua tempat sesuai untuk semua masa dalam keadaan susah dalam keadaan senang. Jadi air ini gunalah untuk minum, simpan minum sedikit-sedikit. Jadi nak sembahyang, *tayammum* ataupun kaedah-kaedah lain. Jadi sebab itulah saya nak beritahu

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan, penjelasan Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu Yang Berhormat. Ini soalan yang perlu dijawab.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): .... ke tak payah sembahyang. Dia buat contoh tu salah tu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): .... walaupun tak pakai air, tayammum sembahyang mesti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan mengusik ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Betullah. Ambil air sembahyang wajib. Saya tahu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Salah, contoh *anta* bawak tu salah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sembahyang wajib, ambil air sembahyang wajib tapi dalam keadaan terdesak air takdok air sembahyang boleh diganti dengan *tayammum*...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ...Sembahyang tak kena tinggal sebab sembahyang wajib kita sebut dah tadikan sembahyang tak boleh tinggal macam Hudud. Tak faham jugak.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukti Payong, Bukit Payong jangan panas telinga. Kita dengar semua ni. Saya mintak duduk.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):...(bercakap tanpa pembesar suara)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk! Ruang Bukit Payong ada nanti. Saya ingat, kita tertib di Dewan ini. Habiskan Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu bahawa dalam keadaan tertentu kita ada benda yang....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pengadil ni pengadil betul adil ke pengadil apa... Speaker tugas apa, kita nak beri penjelasan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduklah dulu. Mintak penjelasan mintak dengan saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memang sebelah sini tak boleh sebelah sana boleh pasal apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ini jawapan kepada soalan yang ditanya oleh...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jawapan dia boleh kita mencelah, jawapan menyalahi fakta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir, saya bagi peluang kalau nak mintak, mintak dengan saya. Jangan biadab macam tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ...Pasal Speaker biadap saya kena biadab. Speaker kena betul diri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya *berhalus*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat, saya mintak duduk. Saya mintak duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):....(bercakap tanpa pembesar suara)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak mahu duduk, berdiri tapi jangan bercakaplah. Saya benarkan Yang Berhormat berdiri. Sila Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir tak ingat, *idfa' billati hiya ahsan*, buatlah dengan yang lebih

baik bukanlah kalau orang samseng kita jawab dengan samseng. Memang kita ada hak tetapi jangan lebih...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): *tada 'alaykum fai'tadu 'alayhi bimithli ma i'tada 'alaykum*...

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Itu saya kata tapi jangan lebih..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): *Bimithlihi.*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tapi jangan lebih, lebih tak *mithlih*. Lebihlah kalau Yang Dipertua cakap sepatah, dua patah bercakap.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):...(bercakap tanpa pembesar suara)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Bahas *kekgi*, bahas *kekgilah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita ni nak dengar jawapan. Jangan kelirukan jawapan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):...(berucap tanpa pembesar suara)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak tempatnya, Yang Berhormat ada ruang nanti.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):...(berucap tanpa pembesar suara)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya nak beritahu penggunaan tadi Dato' Yang Dipertua bila wakil daripada Ajil tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, semua orang faham. Ini Wakil Bukit Payong yang tak faham sahaja Yang Berhormat. Sila, habiskan Yang Berhormat, lengkapkan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ....penjelasan macam ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya nak mintak tegas lagi Yang Berhormat. Saya mintak duduk dulu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya mintak penjelasan, kenyataan Yang Berhormat bercanggah dengan agama dan mengelirukan orang ramai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, bukan ruang Yang Berhormat ini. Yang Berhormat ada ruang lain boleh tanya. Duduk. Saya mintak duduk.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya rujuk kepada wakil daripada Ajil yang bertanya suatu masa dulu pembangkang kata Hudud ini wajib tak laksana kafir. Selepas itu dia jawab Hudud ini 0.0001%...

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya mintak penjelasan Yang Berhormat, ayat Quran sebut ...(berucap tanpa pembesar suara)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduklah. Duduk sekejap Batu Rakit. Saya tak faham dengan Yang Berhormat, kita ada Pemerhati ramai di atas, ada ketua jabatan sangat faham akan situasi kita ini. Kita bagi ruang. Jangan menampakkan perangai kita kepada yang tak sepatutnya. Ya, tenang dulu Yang Berhormat Batu Rakit. Biar orang bertenang dulu. Istighfar banyak-banyak. Saya bagi ruang kalau mintak. Apa buat macam tu Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):...(berucap tanpa pembesar suara)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak adil, tak adil Yang Berhormat. Ruang tak kena. Saya mintak duduk. Yang Berhormat duduk dulu. Saya bagi ruang

kepada Yang Berhormat sekejap lagi, saya bagi ruang. Okey, Batu Rakit habiskan, saya nak bagi ruang kepada Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya pun tak tahu nak mula di mana Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habiskanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Jadi saya rujuk kepada penjelasan ataupun soalan daripada Ajil tadi apabila bertanya tentang Hudud yang suatu masa dahulu Pembangkang mengkafirkan orang-orang yang tidak menyokong mereka kerana tidak menyokong Hudud kemudian apabila mereka menjadi Kerajaan mereka kata Hudud hanyalah suatu perkara yang 0.0001% dan saya jelaskan perkara ini dengan mengatakan bahawa yang 0.0001% itu mungkin ada benarnya kerana Islam itu ada banyak perkara dan ada banyak yang perlu diutamakan berbanding dengan yang lain. Ada benda-benda disebut *aulawiyat.* Jadi saya contohkan kalau kita ada air dalam keadaan terdesak untuk minumkah air ini ataupun untuk berwudhu untuk sembahyang maka saya katakan oleh kerana nyawa ini perkara yang paling utama maka air ini disimpan untuk minum, untuk sembahyang kita boleh tayammum. Ini contoh-contohnya maka begitulah dalam keadaan-keadaan semasa kita pada hari ini, walaupun kita tak mampu buat Hudud, walaupun kita tak laksanakan potong tangan, sebat, rejam kepada orang berzina tapi kita ada undang-undang yang menghukum pelakuan-pelakuan yang salah ke arah ini. Kita tak tuduh orang berzina kerana nak tuduh orang berzina tak cukup saksi kita yang akan dituduh dengan tuduhan Qazaf kita adakan tuduhan cubaan melakukan persetubuhan haram. Ada denda. Ada Undang-undang Syariah kita yang menghukum orang yang melakukan kesalahan ini, orang yang berkedudukan mendatangkan keraguan, ada undang-undang khalwat dan sebagainya. Maka sebab itulah Dato' Yang Dipertua, kita bukan menolak agama, kita bukan tolak Islam tapi kita buat apa yang kita mampu dengan melihat apa yang perlu kita utamakan berbanding dengan pelbagai perkara yang dituntut oleh agama kita dalam konteks negara kita. Saya nak jawab yang Wakil Bukit Payong sebut, saya nak letak mana ayat...(membaca ayat 44 surah Al-Maidah)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia belum bertanya lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dia tanya tadi, dia nak letak mana. Biar saya jawab Dato' Yang Dipertua, sikit sahaja saya ambil dua minit paling lama. Ayat ini lama dah ulama'-ulama' tafsir, kalaulah orang tak laksana dengan ingkar kata hukum ni tak bagus hukum kita lebih bagus, ini memang kafir. Tapi kalau kita tak laksanakannya kerana kita tak mampu ini tak

ada masalah dan kalau kita benar-benar tak mampu. Macam orang tak pergi Haji dia bukan makna dia ingkar Haji, dah dia takdok duit lagi ataupun dia ada duit dah ada kemampuan dah tapi nak tangguh nak buat tahun depan, tak kafir lagi, Dato' Yang Dipertua. Tapi dibimbangi kalau terlalu menangguh-nangguh, sedangkan kemampuan dah cukup. Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu saya nak tegaskan bahawa Kerajaan kita bukanlah Kerajaan yang meminggirkan agama, kita ada Jawatankuasa Fatwa, kita ada pelbagai agensi agama yang membantu yang sentiasa menasihat dan memperingatkan Kerajaan mendorong dan juga mengesyorkan kepada Kerajaan apa-apa yang patut kita buat apa-apa yang patut kita laksanakan demi memartabatkan agama dalam konteks negara kita sebab itulah orang luar hormat sangat kita Dato' Yang Dipertua, orang luar panggil kita negara Islam contoh cuma orang sebelah sana sahaja tak mengiktiraf kata kita ini bukan negara Islam lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. ....(tepukan sokongan) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Tahniah Yang Berhormat Batu Rakit. Saya harap Wakil Bandarpun lebih fahamlah. Bukit Payong dah dijawab tadi, saya nak beri ruang istimewa bawah fasal 474 kepada Manir. Soalan yang ringkas barangkali. Manir, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. ...(Dewan gelak dan Wakil Manir tergamam sekejap) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Oh.... Tak ingat *bubuh* songkok. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya nak mintak penjelasan sebab Wakil daripada Batu Rakit cakap tentang sembahyang dengan Hudud, perbezaan. Itu memang perbezaan, sembahyang itu fardhu ain tiap-tiap seorang kena buat, dipanggil fardhu ain, tak buat tak boleh itu dosa yang kena kepada setiap orang yang meninggal sahaja yang tidak melakukan. Adapun Hudud ini fardhu kifayah kewajipan ke atas masyarakat seluruhnya yang mewakili masyarakat itu adalah Kerajaan. Bila Kerajaan tidak melaksanakan hukum ini semua rakyat berdosa jika sekiranya dia mampu dan Wakil Batu Rakit kata dia tidak mampu, di mana sekatan-sekatan di mana halangan-halangan, apakah halangan seperti yang dikatakan oleh Wakil Alur Limbat? Maka Wakil Batu Rakit sendiripun faham bahawa ini adalah masalah pendapat dan khilaf, ahli undang-undang sivil dia bercakap tentang perlembagaan maka kita dah buat di Terengganu dan kita dah luluskan dan kita berpendapat ini tidak berlawanan dengan perlembagaan. Maka dengan sebab itu kita semacam mencabar masyarakat yang siapa-siapa yang mengatakan Undang-undang Hudud dan Qisas

ini dibuat di luar daripada bidang kuasa Kerajaan Negeri dia boleh cabar di mahkamah. Suatu hari telah dicabar oleh seorang peguam ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, soalannya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus kepada soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan saya, penjelasan antara sembahyang dengan Hudud. Hudud itu fardhu kifayah wajib melaksanakan di antara masyarakat dan diwakili Kerajaan. Kalau Kerajaan tak laksana semua orang dosa belaka, orang Islamlah. Kalau fardhu sembahyang ini kalau saya tak sembahyang saya sahaja yang berdosa, orang lain yang sembahyang tak berdosa. Ya, itu dia. Saya nak beritahu itu sahaja bukan saya nak tanya bukan saya nak berdebat, tidak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kita ucap terima kasihlah kepada Manir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, yalah, tak padan kita nak bergaduh Yang Berhormat Manir. Saya ingat, terima kasih kepada Batu Rakit atas penjelasan yang mendapat perhatian Dewan dengan baik. Saya jemput seterusnya Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya pergi ke soalan saya, saya teringat *duk* bahas panjang tadi berhubung kes mantan Perdana Menteri, dia kata kalau laksana hukum Hudud huru-hara Negeri, takut hak tu jawab kerana kes nak pertahan hak tu tak tahulah. Soalan saya nombor satu Dato' Yang Dipertua –

> *Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan Skim Gaji Minimum kepada kakitangan Syarikat GLCs (Government Linked Companies) di negeri ini?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat sebelum Yang Amat Berhormat, inilah Yang Berhormat, kita ada ruang lain kita guna benda yang lain,

tadi kata saya yang tak adil, sebenarnya atas siapa yang tak adil sebenarnya. Sila Yang Amat Berhormat menjawab kepada soalan yang sebenarnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan skim gaji minima kepada kakitangan syarikat GLC ataupun Government Linked Company di Negeri Terengganu. Walaubagaimanapun, kita bersedia mematuhi dan mengikuti sekiranya Kerajaan Pusat melaksanakannya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih. Saya tanyakan soalan ini kerana saya nak beri contoh di negeri Selangor telahpun membuat keputusan untuk beri gaji minima RM1500 mungkin barangkali kerana semua GLC di negeri Selangor itu untung dan untuk bajet tahun ini di negeri Selangor RM300 juta GLCs di negeri Selangor beri kepada Kerajaan untuk membantu bagi membantu Kerajaan Negeri meringankan beban rakyat. Jadi adakah tidak bersedia itu kerana GLCs di negeri Terengganu ini *dokrok*, ada terpaksa tutup dan ada yang terpaksa macam TADC baru-baru ini berhentikan 22 pekerja. Saya nak tanya pasal apa tak bersedia ni, sebab-sebab yang boleh diberikan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu Selangor, Selangor punya pasal. Tak apalah nak tunjuk hebat dia. Kita ikut Kerajaan Pusat, kita sama Barisan Nasional, kita seia sekata. Kerajaan Pusat bayar setengah bulan gaji atau minima RM500, kita bayar, tak ada masalah. GLC kita pun ada yang untung. Selangorpun ada yang untung ada yang rugi. Kita TDM baru-baru ini mungkin hampir RM200 juta untung. Tak ada masalah. Apa nak banding dengan Selangor, mentang-mentang Selangor PKR, Pakatan Rakyat. Kelantan bagi *dok?* Jadi persoalan kita ni bahawa nak tunjuk hebat tunjuk tak hebat sembunyi, kita mesti teluslah, kalau nak tunjuk tunjuk belaka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, tentang gaji minima ini ianya bukan masalah parti, masalah pembelaan kepada pekerja-pekerja bawahan. Yang Amat

Berhormat tahu tak bahawa lebih daripada 40% daripada pekerja-pekerja sektor awam dan swasta di negara kita berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan, dengan peningkatan inflasi yang begitu tinggi yang berlaku dalam negara kita dan jugak di negeri kita. Peningkatan kos keperluan harian, beras, gula, ayam semuanya memberikan bebanan kepada golongan yang berpendapatan RM1500 sebulan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam itu ada mempunyai suatu yang rasional. Negeri Selangor penduduk dia 4.5 juta orang, dia baru-baru ini meluluskan Bajet hanya RM1.6 bilion sahaja setahun. Kita Negeri Terengganu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini soalan dia, kita Negeri Terengganu penduduk dia 1 juta, kita meluluskan Bajet RM1.9 bilion. Jadi tidak menjadi masalah bagi kita untuk memberikan pembelaan kepada golongan miskin dan golongan bawahan, anggota-anggota Kerajaan, swasta dan jugak yang ada dalam negeri kita untuk kita berikan suatu kelebihan berpadanan dengan apa yang mereka berikan kepada Negeri Terengganu. Itu yang menjadi persoalannya. Pohon penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bukan sesi *syaroh*. Nak *syaroh* pergi markas-markas PASlah malam-malam yang buat *sokmo* tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua...(bercakap tanpa pembesar suara)...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, giliran saya pulak ni. Duduklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):...(bercakap tanpa pembesar suara)...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Giliran saya, duduklah pulak. Duduklah pulak giliran saya ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat bagi ruang, bagi ruang kepada .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):...(bercakap tanpa pembesar suara)...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini giliran saya pulak. Duduklah, duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):...(bercakap tanpa pembesar suara)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Eh! Kalau aku bodoh, mu bingung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kalau nak tunjuk samseng bolehlah. Bingung sungguh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kalau saya kata bodoh, Dato' Yang Dipertua buat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cuba duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Malu *gok* kita ni ada PhD bercakap baham rambang *sokmo,* tengok ke budak-budak atas *nun.*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita kata nak banding dengan Selangor, Selangor 1.6 kita 1.9. Selangor tak melibatkan, PBT dia kaya belaka. Semua berpendapatan RM100 juta belaka bukan pakatan buat, BN buat puluh tahun dulu dah, maju Selangor. Dia ambil alih 4 tahun duk *act*, hak orang buat belaka. Terengganu, Majlis Daerah Setiu RM100,000 je setahun pendapatan. Kalau Kerajaan Negeri tak masuk RM250 juta setahun nak bayar gaji, sebab itu *overhead* kita tinggi, pengurusan kita tinggi. Yayasan Terengganu kita, *compare* dengan yayasan lain, Yayasan Selangor, mana banyak kita keluar peruntukan untuk biasiswa, pinjaman. Tengok biar rasional, Dato' Yang Dipertua. Yang kedua pembohongan lagi berlaku, kakitangan Kerajaan pendapatan rendah. Kita *check*, kita ada skim. Sekarang ini *driver* baru kerja, RM1200, campur COLA RM300, RM1500 tak masuk elaun lagi. Kalau jadi *driver* Exco lagi banyak elaun. Siang malam *duk round* pergi sana pergi sini. Jadi jangan kita bohong kepada Dewan ini. Saya akan jawab hari khamis ini, pembohong bersiri akan berlaku lagi oleh Yang Berhormat Batu Buruk. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cukup. Cukup Yang Berhormat. *Ruling*, saya dah semalam semasa kita mulakan Dewan semalam saya dah cakap, penilaian dibuat oleh orang lain Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat sekalian kita berhenti rehat untuk seterusnya kita masuk ke Dewan ini pada pukul 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mensyuarat kita disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari kelmarin Rang Enakmen Perbekalan 2012 untuk bacaan kali yang kedua telah mendapat sokongan, sekarang kita buka untuk perbahasan dan sukacita saya menjemput Yang Berhormat Wakil Tepoh sebagai penyokong untuk berucap.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin...(membaca ayat 218 Surah Al-Baqarah dan selawat ke atas Rasulullah dan para Sahabat)...

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, seterusnya tuan-tuan, puan-puan, muslimin, muslimat, warga Dewan yang saya hormati lagi dirahmati Allah. Pertama sekali terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua di atas keizinan kepada saya untuk memenuhi ruang perbahasan yang pertama ini sebagai penyokong kepada pembentangan Ucapan Bajet 2012 yang telahpun disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada pagi semalam.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sesungguhnya ketika ini kita sudah berada di tahun baru Hijrah 1433, mudah-mudahan tahun ini adalah merupakan tahun yang lebih baik untuk kita dan tahun yang telahpun berlalu sebagai tahun yang kita ambil untuk dijadikan pengiktibaran bagi maksud mengekalkan kebaikan yang telah kita laksanakan mahupun membetul ataupun membaiki kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan yang telahpun kita lakukan. Mudah-mudahan kita khususnya Kerajaan yang memimpin pentadbiran yang menjadi Kerajaan Negeri Terengganu yang dipimpin oleh UMNO Barisan Nasional ini sentiasa mendapat rahmat dan naungan Allah S.W.T. bagi maksud untuk terus kita berbakti kepada rakyat masyarakat negeri Terengganu secara keseluruhannya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya telahpun meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri serta juga meneliti buku Ucapan Bajet 2012 yang mengandungi sebanyak 44 muka surat. Pada keseluruhannya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana sekali lagi dapat membentangkan Bajet yang sebegitu rupa tidak ada lain tujuannya kecuali untuk kita terus mentadbir negeri memberikan khidmat bakti kepada rakyat, mengutamakan kebajikan kepada rakyat dan sekaligus insyaAllah menjadikan negeri kita ini khususnya dan Malaysia amnya sentiasa berada dalam rahmat Allah,

baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur, negeri ataupun negara yang baik yang penuh dengan kebajikannya dan Tuhan yang Maha Pengampun. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, berdasarkan ucapan semalam secara keseluruhannya saya mendapati pertumbuhan KDNK Negeri, Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri Terengganu 2011, 4.5% berbanding 2010 4.3% iaitu meningkat sebanyak 0.2%. Anggaran sementara itu untuk 2012, kita menganggarkan pertumbuhan KDNK Negeri antara 4.5 hinggalah 5 peratus. Sementara itu disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kita berusaha dan mampu mengurangkan kadar pengangguran daripada 3.5% pada tahun 2010 kepada 3.3% pada 2011. InsyaAllah di tahun-tahun mendatang usaha-usaha mengurangkan pengangguran ini terus dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Sementara itu hasil keseluruhan Kerajaan Negeri pada tahun 2012 dianggarkan sebanyak RM1.950 bilion melalui pelbagai kutipan hasil dan kutipan bukan hasil yang akan dilakukan. Sementara itu Kerajaan melalui ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri akan menggunakan keseluruhan hasil tersebut sebanyak RM1.950 bilion untuk urusan-urusan mentadbir negeri bagi maksud Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Tiga strategi telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat bagi maksud melaksanakan bajet ini iaitu memantapkan pembangunan modal insan berkualiti, memelihara kesejahteraan rakyat, meningkatkan daya saing negeri, mudah-mudahan strategi-strategi itu akan mampu merealisasikan hasrat yang telah dibentang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, secara ringkasnya bila meneliti kepada apa yang telahpun dibentangkan oleh yang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya suka menyatakan bahawa keseluruhan yang dibentangkan itu lebih bersifat kepada untuk mengurus tadbir negeri dalam keadaan yang lebih baik, yang lebih efisyen, pada masa yang sama soal-soal keperluan soal-soal kebajikan rakyat menjadi fokus dan keutamaan Kerajaan Negeri. Sebab itu berdasarkan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri, antaranya yang saya nak susunkan sebagaimana berikut.

Pertamanya, bantuan untuk membaiki rumah dan atap rumah sebanyak RM1 juta untuk setiap DUN. Ini adalah merupakan suatu usaha ke arah memastikan kebajikan rakyat keperluan rakyat terus diberikan keutamaan. Kedua, projek Rumah Kos Rendah, Rumah Mampu Milik, yang telahpun disasarkan oleh Kerajaan sebanyak 10,000 unit sehingga kejayaan yang akan kita capai di mana pada tahun 2012 sebanyak RM80 juta akan diperuntukan bagi maksud memenuhi 2,277 unit lagi untuk memastikan jumlah yang asas 10,000 dapat diselesaikan. Ini juga merupakan suatu perkara yang telahpun dibentangkan bagi maksud untuk memberikan keselesaan untuk membantu rakyat, rakyat yang tidak ada tempat tinggal, rakyat yang memerlukan rumah dan sebagainya dan lebih-lebih lagi yang cukup menyeronokkan kita sebenarnya yang tak pernah dibentang sebelum ini

mungkin sebagai suatu permulaan yang telahpun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bagi maksud kemudahan serta kepentingan rakyat untuk memiliki rumah Kerajaan melalui pembentangan Bajet telahpun menyediakan Dana Pinjaman Perumahan Rakyat Terengganu sebanyak RM50 juta di mana setiap seorang boleh memohon sekitar RM50,000, ini peringkat awal, maksudnya rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, kalau rakyat yang ada pekerjaan tetap macam penjawat awam dia ada pinjaman Kerajaan untuk perumahan, tapi rakyat yang di kampung yang ada tanah nak buat rumah tak ada dan mereka pulak bukan golongan PPRT sebagai contohnya. Mereka perlukan tambahan kewangan. Apa yang dibuat oleh Kerajaan dengan menyediakan Dana Pinjaman Perumahan Rakyat Terengganu ini merupakan satu langkah bijak satu langkah yang cukup positif bagi memastikan insyaAllah rakyat Terengganu sentiasa dibela dalam usaha untuk mendapatkan tempat tinggal yang lebih selesa kepada mereka. Ini adalah dasar kebajikan yang telahpun kita amalkan sebelum ini.

Berikutnya, Kerajaan melalui pembentangan juga menyatakan bahawa bagi maksud untuk memantapkan Program Pembangunan Insan Berkualiti, RM60.3 juta diperuntukkan untuk meneruskan Program Pintar Al-Quran yang kita telahpun dapat lihat kehebatannya, tak mampu untuk saya sebutkan angka 7,000 lebih kalangan anak-anak kita yang berjaya khatam Al-Quran, Tadika Yayasan Islam, Tadika Pra-Sekolah, Tadika Perpaduan dan dalam erti kata KEMAS, alhamdulillah begitu juga di peringkat-peringkat lain. Inilah merupakan yang kita kata sebagai Kerajaan yang cakna rakyat, kebajikan kepada rakyat apatah lagi melalui bantuan persediaan ke sekolah asrama penuh, kepada pelajar-pelajar yang nak memasuki yang berada di tingkatan 6 ada bantuan, negeri lain tak buatpun kita bagi RM1,000 kepada pelajar tingkatan 6 yang akan menduduki peperiksaan STPM, jugak kepada pelajar yang akan masuk IPT. Bukan setakat itu, kita jugak mengambil cakna terhadap kepentingan orang-orang asli, pembangunan Orang Asli yang disebutkan pembinaan rumah untuk Orang Asli di Sungai Pergam, pembinaan rumah untuk Orang Asli di Sungai Berua yang ada penempatan Orang Asli, Kerajaan melaksanakannya, Program Membasmi Kemiskinan, pelbagai bantuan JKM, RM49.4 juta. Kemudian jugak memajukan sektor pertanian RM35.3 juta secara keseluruhannya. Pembangunan bekalan air bersih ke seluruh negeri, RM81.9 juta. Program mengatasi banjir, sistem saliran yang lebih baik, RM49.4 juta. Mempertingkatkan pembangunan bandar dan luar bandar RM72 juta dan tak kurangnya peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan RM20 juta untuk pembangunan ataupun permulaan pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Daerah Kuala Nerus. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, apa yang kita minta insyaAllah menjadi kenyataan. Terima kasih banyak-banyak. Tapi tak habis lagi, saya nak ulas lagi.

Berikutnya yang kita yang kita teruskan biasa, masjid surau, kita buat masjid. Ini kebajikan bahkan ini di antara ciri-ciri sebuah negara Islam. Bina masjid. Kalau kita nak ambillah contoh teladan iktibar bagaimana Rasulullah dan peristiwa hijrahnya memang yang pertama adalah dibina masjid di Madinah, maka kita ambil iktibar tersebut kita memperbanyakkan masjid untuk keselesaan. Ini merupakan suatu kecaknaan dan kebajikan Kerajaan untuk rakyat, bantuan Tabung Darul Iman RM10 juta kepada pesakit-pesakit kronik dan sebagainya, yang ini yang cukup jelas sebenarnya cukup membantu kepada rakyat-rakyat termiskin. Mereka nak membuat pembedahan jantung, buah pinggang dan sebagainya. Alhamdulillah dengan adanya Tabung Darul Iman ini sebenarnya mampu untuk mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh mereka.

Program Cakna Warga Emas dan Ibu Tunggal kita tak tinggal. Warga emaspun kita ambil perhatian, ibu tunggalpun kita ambil perhatian. Jabi sambung bab warga emas ibu tunggal nanti. Taska Permata Keluarga dan tak kurang jugak kita memberikan sedikit dalam erti kata tambahan untuk kebaikan...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan dan penjelasan Yang Berhormat Tepoh. Pasal apa tuju saya bapa tunggal, sebelah saya bapa tunggal bukan saya...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ya, biasanya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita nak *kosek hok* sebenarnya kita tak *kosek* tuan dia, kita *kosek hok* tepi tuan dia tu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, begitu juga tentang penjawat awam, Kerajaan menambahkan akaun Pinjaman Kenderaan Kakitangan Awam kepada RM16 juta. Merancakkan sektor pelancongan, RM138.85 juta. Pembangunan belia, RM30 juta dan pada masa yang sama penyediaan futsal untuk setiap DUN RM4.8 juta. SUKMA 2012 RM4 juta, pelbagai pembangunan sukan RM20.3 juta dan juga pusat pentadbiran desa RM15 juta serta banyak lagi yang saya tak mampu untuk sebutkan di sini. Sekitar 24 perkara yang saya sebutkan, bukan 24 perkara yang ada dalam buku bajet ini ataupun yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bahkan banyak lagi, tetapi saya sekadar mengeluarkan 24 itu sudah terasa cukup banyak, inilah maksud sebenarnya tugasan, tanggungjawab, amanah yang dipikul oleh Kerajaan dan apa yang dilakukan oleh Kerajaan sebenarnya untuk memelihara kesejahteraan rakyat. Kita sudah dahulu lagi melaksanakan soal-soal kebajikan untuk rakyat. Kita rasa cukup hairan mengapa dalam tempoh kebelakangan ini ada suara-suara di pihak lain yang mengatakan bahawa mereka nak bina sebuah Negara Berkebajikan seolah-olah kebajikan itu tidak pernah diambil cakna oleh Kerajaan yang memerintah sebelum ini, seolah-olah apabila mereka memerintah baru soal kebajikan diberikan keutamaan, sebenarnya kita semenjak dahulu lagi

telahpun mengutamakan soal-soal kebajikan untuk rakyat ini sebenarnya. Justeru itu jangan bermain dalam erti kata untuk mengaburi mata rakyat sebenarnya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, walau bagaimanapun sebelum itu saya ingin menyentuh sedikit sebelum saya panjangkan cerita yang lain. Masa untuk saya berapa banyak Yang Berhormat, 30 minit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Setengah jam, ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Satu jam?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sampai 11.50 pagi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): InsyaAllah terima kasih. Bila saya sebutkan pelbagai perkara tadi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak gariskan secara satu persatu cadangan yang perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Yang pertama, apabila disebutkan bantuan pentadbiran kepada setiap pertubuhan belia dalam erti kata apabila Kerajaan membentangkan satu peruntukan sekitar RM30 juta untuk pertubuhan belia, saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan atas kehendak dan permintaan kalangan pemimpin-pemimpin belia bahkan banyak persatuan belia yang sudah mula bergerak semula, bantulah pertubuhan-pertubuhan belia ini kalau boleh sediakanlah bantuan pentadbiran kepada setiap pertubuhan belia yang ada di negeri. Bantuan pentadbiran, supaya mereka dapat bergerak kerana ketika ini pertubuhan-pertubuhan belia tidak mempunyai kewangan yang sendiri bagi maksud untuk menggerakkan persatuan mereka.

Yang kedua, saya ingin menyebutkan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, terima kasih sekali lagi kerana dalam pembentangan Bajet ini sudah dinyatakan tentang soal Kuala Nerus. Saya suka memetik semula apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kalau dalam buku Ucapan Bajet ini di muka surat 22 perkara 45 dinyatakan sebagaimana berikut: "Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendengar keluhan rakyat dan bersedia memenuhi kehendak mereka." Kita mengeluh lama dah ni, kita mintak lama dah bukan setakat saya, orang terdahulu bekas ketua bekas Wakil Rakyat Seberang Takir, Yang Berbahagia Dato' Rashid Ngah dan sebagainya, *keluh* lama dah, alhamdulillah Yang Amat Berhormat telahpun berusaha memenuhinya sebab itu Yang Amat Berhormat sebutkan justeru itu Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu daerah pentadbiran baru iaitu Kuala Nerus, ini hadiah yang besar untuk penduduk-penduduk di kawasan Kuala Nerus sebenarnya. InsyaAllah apabila ada daerah ini saya cukup yakin adanya Pegawai Daerah baru, Pegawai Daerah Kuala

Terengganu tak sangat pening kepala nak layan karenah 15 Wakil Rakyat dalam daerah pentadbiran, Daerah Kuala Terengganu hari ini ada 15 orang Wakil Rakyat yang terpaksa diambil kisah oleh Pegawai Daerah, ada dua Parlimen yang mempunyai 10 Wakil Rakyat yang lain tambah-tambahan dan sebagainya, Parlimen Setiu sebagai contohnya ada Dun Batu Rakit ditadbir dalam Daerah Kuala Terengganu bila berlakunya begini insyaAllah sebenarnya akan sedikit sebanyak memberikan kelegaan kepada Pegawai Daerah Kuala Terengganu itu sendiri dan selebihnya dapat memberikan kecaknaan yang lebih kepada penduduk-penduduk di sekitar Daerah Kuala Nerus nanti. Saya rasa saya perlu sebutkan sekarang Daerah Kuala Nerus nanti. Ya, walaupun tak itu lagi boleh sebut Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Daerah Kuala Nerus nanti. InsyaAllah mudah-mudahan 1.1.2012 Dato' Seri, umumkanlah penubuhan Daerah Kuala Nerus, kami menunggu dengan cukup rindu ucapanmu wahai Dato' Seri.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dan walaupun tidak disebutkan di mana tempatnya tapi yang pentingnya pusat pentadbiran itu dengan perbelanjaan awal persediaan awal RM20 juta, kita harapkan supaya proses-proses untuk mewujudkan pusat pentadbiran itu dapat dijalankan dengan segera meskipun mungkin untuk proses penyediaan tempat, menghadapi masalah, saya kira tahun hadapan bolehlah digunakan mana-mana premis ataupun mana-mana bangunan dan sebagainya sebagai langkah awal permulaan wujudnya Daerah Kuala Nerus, paling tidak biar tahun depan tu ada dah D.O., ada mungkin tak tahu siapa nak jadi D.O. Kuala Nerus nanti pegawai-pegawai kita. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, cuma kita harapkan dengan kewujudan ini akan memberikan keselesaan, kemudahan kepada rakyat Kuala Nerus secara keseluruhannya InsyaAllah. Sekali lagi Yang Berhormat Dato' Seri, bagi seluruh kepimpinan Kuala Nerus, warga Kuala Nerus termasuk juga Pembangkang daripada Bukit Tunggal sebagainya, saya mengambil peluang yang awal, terima kasih terima kasih yang sunguh-sungguh kepada Dato' Seri. Mudah-mudahan ini merupakan suatu hadiah yang terbaik untuk kami di sana.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kemudian yang berikutnya saya nak sebutkan tentang soal bekalan air. Walaupun disebutkan tadi RM80 juta, saya nak sebutkan khusus di kawasan saya dalam tempoh kebelakangan ini, sebulan dua, bahkan dua tiga bulan ini saya tak tahu kadang-kadang apa sebabnya, tanya yang ini jawapannya begini dan sebagainya. Sering berlaku gangguan bekalan air, bekalan air terputus, ini bekalan air bersih ni hak Terengganu air bersih, Kelantan dari dulu tak bersih-bersih. Kitapun hairan jugak, ini bekalan air bersih. Ya, jadi ada sekitar Tepoh, Bukit Berangan apa semua, Bukit Guntong, baru ni masa banjirpun dalam keadaan pemindahan banjirpun air bersihpun putus yang lebih itu lagi pada hari Raya Haji orang buat korban dan sebagainya air tak ada dalam erti kata ada dikhabarkan ada di depan sana ada kontraktor korek untuk paip dan sebagainya.

Saya tak tahulah. Kalau boleh kita mintaklah Kerajaan Negeri khususnya SATU dapat melihat perkara ini dengan lebih serius, mudah-mudahan RN80 juta itu sebenarnya ada kaitan soal-soal untuk membaik pulih dan bagi maksud supaya bekalan air di kawasan tersebut tidak terganggu.

Demikian juga Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak sebutkan berikutnya tentang soal sukan. Alhamdulillah soalan ada dikeluarkan oleh Wakil Batu Burok berkaitan dengan soal sukan khususnya berkaitan dengan soal kedudukan bola sepak Negeri Terengganu dan juga T-Team. Kita ucapkan tahniah, kepada Negeri Terengganu kepada Pasukan Negeri Terengganu kedua-duanya T-Team dan jugak Pasukan Negeri Terengganu yang dapat memasuki pertandingan separuh akhir Piala Malaysia dan sebelum itu Piala FA kita julang, kita musnahkan impian Kelantan. Kita jadikan doa Tok Guru tidak dimakbulkan sebab dalam stadium tu ada gambar Tok Guru Nik Aziz doa supaya Kelantan menang rupanya tak makbul doa duk situ. Jadi tahniah kepada Pasukan Terengganu dan segala-segalanya alhamdulillah tahun ini boleh saya katakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tahun ini adalah tahun kegemilangan sukan di Negeri Terengganu. Paling tidaknya Sukan SEA yang lalu, 84 orang atlet Terengganu bila di*check* dilihat rupa-rupanya atlet Terengganulah yang paling ramai mewakili Negara di kejohanan Sukan SEA. Kita paling ramai. Dalam pasukan Harimau Mudapun yang memenangi pingat emas, pasukan Harimau Muda mengandungi paling ramai pemain-pemainnya adalah pemain Negeri Terengganu, 7-8 orang. Ini satu perkara yang cukup membanggakan kita. Tidak sia-sia sebenarnya kita mengeluarkan kewangan bagi maksud untuk pembangunan sukan. Juga SUKMA tiga tahun berturut-turut, ada kalangan atlet kita Azizul dan sebagainya mewakili Negara, bukan pertandingan biasa, Olimpik London 2012. Jarang anak Melayu inilah anak Terengganu sebenarnya, tahniah. Walau bagaimanapun, kita rasa agak sedih jugaklah sebab baru-baru ini 2 pasukan main piala masuk akhir separuh akhir, stadium kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri tak cukup maksudnya tak boleh nak memenuhi, agak-agaknya bila stadium kita *hok nung* boleh kita baiki ataupun *nok wat guana* orang Terengganu kata gitulah. Sayang baru ni kalau kita ada stadium yang besar, jumlah kutipannya cukup banyak sebagainya sebab ramai orang yang terlalu nak melihat pertandingan akhir sama ada T-Team mahupun jugak Pasukan Terengganu itu sendiri dan apapun tahniah kepada seluruh atlet-atlet sukan, tahniah kepada semua pihak, kepada Exco Sukan dan semua pihak yang telahpun menjayakan kecemerlangan Sukan Terengganu 2011, alhamdulillah, kita garapkan kecemerlangan ini untuk terus cemerlang di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, secara keseluruhannya saya nak sebutkan bahawa apa sahaja yang saya bentangkan tadi adalah merupakan gambaran kecaknaan kita sebenarnya, Bajet ini Bajet Kecaknaan, Bajet kita ini

Bajet Kebajikan dan perancangan-perancangan yang kita lakukan ini sebenarnya tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak tentang apa yang kita lakukan. Soalnya apakah sebenarnya Konsep Negara Kebajikan yang hendak dibawa oleh orang sebelah. Kita tak pernah dengar baru dengar sekarang yang paling banyak kita dengar adalah soal Negara Islam, di mana perginya Negara Islam ini. Ini adalah dokumen Negara Islam yang dikeluarkan oleh PAS tahun 2003, ini yang di Terengganu. Dalam ini macam-macam disebutkan, alhamdulillah dikatakan bila kita dapat Kelantan, dapat Terengganu, Negeri Islam telah dapat dibentuk. Bila dia perintah jadi Negeri Islam selalu, bila dia kalah boleh kita perintah *dok* Islam pulak kita, *hok* nilah kitapun jadi pelik jugak sebenarnya. Seandainya PAS diberikan mandat untuk memerintah Malaysia, insyaAllah sebuah Negara Islam seperti yang digariskan dalam dokumen ini akan dilaksanakan sebaik mungkin. Negara Islam dia tak cerita negara kebajikan. Dokumen ini dokumen Negara Islam yang dikeluarkan oleh PAS pada Oktober 2003, pasal apa dokumen ini keluar? Dokumen ini keluar kerana ketika itu tak lama lagi Pilihan Raya Umum tahun 2004 akan berlaku maka nak gambarkan mereka penuh bersedia nak laksanakan Negara Islam nak bentuk negara Islam keluar dokumen ini. Demikian jugak Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Hudud dan Takzir 2003 sebenarnya dikeluarkan atau dibawa ke Dewan diluluskan di Dewan dalam tahun 2003 tetapi sebelum itu pernah disebutkan bahawa kalau kita perintah Terengganu belum ayam berkokok kita akan laksanakan Undang-undang Islam. Tetapi mangapa tidak dibawa di peringkat awal 2000 dalam erti kata 2001, 2002, ketika itu saya adalah Pendakwa di Jabatan Agama Terengganu, Saya pernah bertanya kepada Wakil Manir dalam dialog yang diadakan di Jabatan Agama, bila lagi Enakmen Hudud nak dibentang, bila lagi nak laksana, saya tukang dakwa saya nak dakwa, saya Pendakwa Syarie ketika itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lima minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tapi kata macam rakan saya daripada Batu Rakit sebutkan tadilah, ada masa untuk cerita kita tengah *check* memang banyak lawatan yang dilakukan, Sudan dan sebagainya, kita tengah kemaskini apa semua. Kalau dia adalah Hudud dia telah sedia termaktub dalam Al-Quran, apa payahnya nak bawak. Bahkan Kelantan sudah ada tahun 1993, buat sajalah. Mengapa 2003 baru keluar, nak gambarkan inilah mainan politik, dekat pilihan raya keluar maknanya enakmen itu diluluskan...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit daripada Yang Berhormat Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kena tambah masa saya ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat dia beri.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Nak mintak penjelasan, mainan politik tu main lagu mana main depan ke main belakang.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kita zaman *lening* jenis zaman boleh terima belaka depan belakang susah. Seksualiti Merdeka, Ambiga yang sokong, tapi Ambiga tu jugak disokong oleh orang tertentu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Tepoh bagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Tepoh terima kasih beri laluan. Dia bercakap tentang seksualiti tadi, mintak penjelasan, bilakah Program Seksualiti Merdeka itu dimulakan dan siapakah yang mula rasmikan kerana saya mendapat maklumat yang mula-mula merasmikan Seksualiti Merdeka itu ialah anak kepada bekas Perdana Menteri Malaysia?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya tak perlu jawab bukan saya tukang jawab hak tu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak sebutkan begini, bila saya kaitkan dengan soal Negara Islam dan sebagainya, kita rasa suatu permainan yang cukup jelas. Sebab itu bila dalam muktamar baru-baru ini, Yang Berhormat Presiden PAS yang ada dalam Dewan ini jugak dalam wawancara bersama dengan media menyebutkan begitu juga diucapkan dalam ucapan bahawa kita akan membangunkan, pejuang kita membangun Negara Berkebajikan, sampai tahap mungkin sama ada sedar atau tidak terpancul keluar tidak ada di dalam Al-Quran dinyatakan Negara Islam. Memang benar betul saya bersetuju, bersetuju 100% dengan kenyataan oleh Yang Berhormat Dato' Presiden PAS bahawa dalam Al-Quran tak ada, kita sebut dah dari dulu memang tak adapun disebut dalam Al-Quran Negara Islam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang adanya adalah Negara Kebajikan ada disebut, ada dikata Darul Qarar, Darul Akhirah itu yang ada tapi Darul Islam tidak ada. Persoalannya mengapa dalam bertahun-tahun sudah dicanangkan Negara Islam, Undang-undang Islam, sampai rakyat berpecah belah sampai ada tak bertegur sapa, sampai tak sembahyang di sebuah masjid berpecah dan sebagainya, tak makan kerana puncanya Islam,

Undang-undang Islam negara Islam, mengapa, mengapa baru disebut begitu. Dalam dokumen inipun sebenarnya ada Negara Kebajikan. Saya nak sebutkan ciri-ciri Negara Islam disebutkan dalam dokumen ini bukan saya buat ni *hok* PAS buat. Ciri-ciri utama Negara Islam ada sembilan, negara berdaulat, agama yang diikuti, melaksanakan syariat ke serata negara dan sembilan itu antaranya negara berkebajikan. Ada tu negara berkebajikan, negara Islam sangat mengambil berat kebajikan rakyat maksudnya negara kebajikan itu ada dalam negara Islam yang disebut seolah-olah yang disebut sekarang ini benda kecil. Ya, mengapa tak laung negara kebajikan dari dahulu, kalau mereka laungkan negara kebajikan dari dulu memang mereka tak mampu nak berlawan dengan UMNO Barisan Nasional sebab asas kita kebajikan. Kita tak hukumkan orang. Inilah politik yang lebih mudah hari ini, politik untuk dapat kuasa, politik hukum orang, dari tadi disebutkan diulang balik lama dah saya tak dengar ayat tu. Terima kasih rakan saya Batu Rakit. Lama dah kita tak dengar dalam ceramahnya...(membaca beberapa potong ayat daripada surah Al-Maidah – ayat 44, 45, 47). Ayat ini dibaca dahulu, dicanang di ceramah-ceramah di padang-padang. Seolah-olah kita UMNO yang tak laksana hukum Allah ini kita ni zalim, kita ni fasiq kita ni kafir tapi semenjak bergabung dengan DAP, pergabungan atas dasar kononnya *Tahaluf Siyasi,* tahun 2002 Presiden jugak dalam Amanat Haji Hadi menyebutkan bahawa kita mengguna kaedah kerjasama, boleh bekerjasama dengan orang kafir yang baik, itu dikatakan. Jelas ini bekerjasama dengan orang kafir yang baik dan istilah Arabnya *Tahaluf Siyasi*, kerjasama untuk tujuan yang baik politik. Dia kata orang kafir yang baik, DAP tu orang kafir baik. Saya pening bila dengar DAP tu orang kafir baik. Dia baik dengan siapa, dia baik dengan PAS tapi dia tidak baik dengan Islam. Betul dia baik...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak maaf Yang Berhormat. Hujung dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan...

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Tepoh dah habis dah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya dah masa saya. Kalau itu nak nanti giliran kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, ayat akhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ayat akhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tapi tahiyat akhir kalau baca lambat-lambat, lambat habis jugak...(Dewan gelak)...dengan takmaninah baca molek, tertib.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, penyokongkan, panjang sikit. Inipun mungkin lepas ini tak tahu dah pilihan raya ke, biar cakap panjang sikit...(Dewan gelak)... Kemudian Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebenarnya memang terlalu banyak untuk saya sebutkan di sini, cuma ialah kalau nak disebutkan tentang ayat kalau nak menghukum kita boleh gunakan ayat Al-Quran untuk nak hukumkan orang sebenarnya. Apa gunanya kita baca ayat, dia baca ayat semata-mata untuk menjatuhkan sesama sendiri. Orang lain bertepuk tangan, orang lain bahkan orang yang bukan Islampun DAP pun baca ayat dan sebagainya mereka jugak seperti mengiyakan. Ini yang banyak berlaku dalam masyarakat kita ini pada hari ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

Saya akhirnya saya nak mengatakan tentang soal Hudud tadi ialah kalau sekiranya benar PAS mahu melaksanakan Hudud Undang-undang Islam, laksanakanlah di Kelantan, laksanakanlah. Terengganu insyaAllah Batu Rakit dah jawab tadi akan prosesnya dan saya katakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan akan menjadi seorang Menteri Besar yang gagal memerintah Kelantan kalau dia tak dapat laksanakan Hudud di Kelantan. Saya katakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan akan gagal memerintah Kelantan kalau tak dapat laksanakan Hudud di Kelantan. Jangan salahkan orang lain. Jangan katakan Kerajaan Pusat kata sebagainya, Tun Mahathir sudah tidak ada dalam Kabinet, Datuk Zaid Ibrahim yang kata nak saman, Datuk Zaid Ibrahim pernah bersama dengan PAS mengapa tidak buat Hudud. Inilah perangai sebenarnya bila hala ke dia betul, bila hala ke orang lain maka orang lain tu adalah salah. Sebagaimana firman Allah S.W.T ...(membaca surah Al-A'raf ayat 131)...yang bermaksud: "Maka apabila datangnya kebaikan kepada mereka, hak molek mari kepada mereka, berkatalah mereka, 'Ini adalah kerana kami molek, kami comel kami boleh buat kerja', dan sekiranya berlaku keburukan ataupun perkara-perkara yang tidak diingini kepada mereka, lalu ketika itu mereka menuduh bahawa ini adalah punca daripada Musa dan orang-orang yang bersama dengan Nabi Allah Musa. Ingatlah bahawa sesungguhnya keburukan itu adalah di sisi Allah akan tetapi ramai di kalangan mereka tidak mengetahui". Inilah yang berlaku, bila kena hak kita tak molek dia

kata ni maknanya UMNO ni tandanya Allah murka dan sebagainya, kena ke dia tak molek apa semua ni dia kata UMNO buat jahat ke dia macam-macam. Yang Berhormat Mulia kalau saya nak sebutkan secara keseluruhannya insyaAllah kita boleh berbincang di medan-medan yang lain bahkan di padangpun boleh kita bincang bab ni.

Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua itulah yang saya nak sebutkan dalam perbahasan ini, mudah-mudahan apa yang saya sebutkan ini merupakan suatu iktibar kepada kita. Mari sama kita laksanakan usaha-usaha meneruskan kebajikan cakna kepada rakyat. Mari sama-sama kita menjaga dalam erti kata tanah air kita, agama kita ini supaya tidak dipermainkan oleh orang lain. Pada hari ini sebenarnya perjuangan mempertahankan agama, bangsa, menjadi pemerintah dalam negara. Agama, bangsa yang ada ini menjadi keutamaan kepada kita. Di kalangan ulama termasuklah daripada Timur Tengahpun mengatakan sudah menjadi kewajipan kepada orang-orang Islam pada hari ini bergabung dalam erti kata PAS dan UMNO perlu bergabung tetapi kalau tidak boleh bergabung juga maka menjadi kewajipan mempertahankan kuasa Islam agama yang ada pada hari ini. Itu adalah kewajipan kita sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua di atas ruang masa yang diberikan kepada saya dan segala yang baik itu anugerah Allah yang kurang itu hasil kekurangan kelemahan saya sendiri. Justeru itu Yang Berhormat Mulia, saya mohon menyokong ucapan dasar ataupun pembentangan Bajet ini. Sekian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Saya jemput Ahli Yang Berhormat lain untuk berucap. 20 minit saya berikan. Sila. Ya, Bukit Tunggal, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbil alamin. Wassalatuwassalamuala asrafil anbiya iwal mursalin wa ala alihi wa sahbihi ajmain.* Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan, seterusnya kepada semua para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan yang memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Bajet 2012 yang telah

dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari semalam. Apa yang saya nak perkatakan di peringkat awal ucapan ini adalah bahawa kekeliruan yang timbul berkaitan dengan pendapatan hasil Kerajaan. Dan dalam Bajet yang terdahulu hasil pernah disebut sebagai wang royalti yang menghasilkan 90% daripada sumber hasil negeri. Tapi dalam Bajet 2012 telah bertukar balik menjadi Dana Khas. Jadi ini kitapun tak faham sebenarnya Dana Khas ke royalti. Jadi *keluk-kelek* gitulah. Dulu pertahan bersungguh-sungguh dalam Dewan yang lepas, saya masih ingat Yang Berhormat pertahan ini royalti kerana Perdana Menteri pernah mari ke Pilihan Raya kecil Kuala Terengganu mengesahkan bagi royalti. Jadi Bajet hari ini jelas dalam buku Bajet yang besar yang kecil menyebut bahawa Dana Khas harap diperjelaskan kekeliruan yang saya rasa sayapun jadi pening nak melihat sumber hasil kerana sumber hasil negeri ini kita lihat masih lagi bergantung 90% kepada Dana Khas ini. Hasil negeri yang sebenar hanya RM176.8 juta kalau ikut-ikut kiraan matematik saya tak ngaji tinggi mana ni nak bayar emolumen gaji kakitanganpun tak cukup. Itulah kedudukan kewangan Kerajaan yang bijaksana memerintah Negeri Terengganu ni. Dalam keadaan yang begitupun kita dapati Bajet negeri yang setiap tahun melebihi RM2 bilion semuanya bila dicampur dengan bajet-bajet tambahan yang akan dikemukakan kemudian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya, sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Saya bila bercakap soal royalti ni saya nak sebut sikit berhubung dengan apa yang disebut oleh Bukit Tunggal tadi kerana benda ni berlarutan begitu lama dan kami di Parlimen baru-baru ini kita memperingati ulang tahun ucapan Tun Razak di Dewan Rakyat pada 12 November 1975. Ini amanat seorang Perdana Menteri, Perdana Menteri Tun Abdul Razak yang menyebut dalam ucapan di Parlimen pada tarikh itu. Mengikut perjanjian itu tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperolehi dalam kawasan perairan *onshore* atau di luar perairan *offshore* negeri tersebut yang dijual oleh Petronas ataupun agensi-agensi ataupun kontraktor-kontraktor ketika menjawab soalan YB Lim Kit Siang pada 12 November 1975. Ini berlaku 36 tahun dulu dan isu royalti ini kita dah masuk 13 tahun. Dalam Bajet sekali Dana Khas kata nak selesai royalti nak dapat lepas itu masuk pulak kod lain pulak, masuk royalti masuk Dana Khas semula. Jadi kedudukan sebenar apa pada pandangan dan pendirian Kerajaan berhubung dengan kes saman, berhubung dengan rundingan-rundingan tak selesai, berhubung dengan duit-duit yang Kerajaan

Negeri yang orang lain guna, jadi saya nak mintak pandangan Yang Berhormat Bukit Tunggal dan jugak jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Itu saya kata tadi bendanya agak saya tengok mungkin jugaklah Yang Berhormat Wakaf Mempelam kerana pilihan raya akan datang ni kita rasa tak boleh nak bertahan dah kot, kalau royalti maka kalau PAS perintah PAS akan dapatlah, tu Dana Khas tu boleh main pulak sekali lagi. Dia kalau rasa nak beri, dia beri, tak nak beri sudah. Begitu agak-agak, agak sayalah. Itu yang lain Kerajaan jawablah. Dalam keadaan yang begitupun dalam keadaan hasil perbelanjaan yang begitu besarpun nampaknya dari segi pendapatan sumber baru negeri tak ada yang baru yang bertambah. Taraf hidup rakyat Terengganupun tak banyak beza berbanding dengan 10 tahun yang dahulu kerana saya perhatikan dari segi agihan Bajet tu nampak memang banyaklah bagi *one off* sana *one off* sini itu satu hal tapi dari segi projek yang dikatakan nak menjana pendapatan rakyat ini yang saya nak timbulkan.

Contoh yang saya nak kata ini di Kenyir, Kenyir ni kalau kira-kiranya banyak dah Kerajaan melabur. Bajet 2010, saya tak mahu sebutlah yang terdahulu, 2010, untuk pelancongan di Kenyir RM50 juta, 2011 - RM50 juta pulak ditambah 2011 ditambah pulak untuk Pulau Bebas Cukai RM40 juta tapi saya dah pergi beberapa kali ke Kenyir saya nampak tak ada apa beza saya pergi 10 tahun dahulu. Jeti, jeti lama. Kalau Pulau Bebas Cukai katakan telah belanja RM40 juta tahun lepas, saya pergi baru-baru ini baru lagi bulan sebelas, apa saya perhati ada beberapa pencawang letrik kabel, kabel belum pasang lagi baru pencawang dan jeti di Pulau Bayas belum ada lagi dan hanya saya nampak ada sebuah lori kecil, jalan tak ada nak lalu ikut mana sayapun tak tahu, ada satu longgokan batu bata dan satu longgokan pasir dan beberapa besi mungkin BRC itu yang adanya dengan RM40 juta belanja yang telah dikeluarkan untuk tahun ini. Tahun depan pulak Pulau Bebas Cukai ini mendapat lagi peruntukan RM70.4 juta tahun 2012 dalam buku Bajet, RM70.4 juta. Saya masih ingat lagi satu jawapan bertulis daripada Wakil Kuala Berang, dijawab oleh pihak Kerajaan anggaran peruntukan untuk Pulau Bebas Cukai di Kenyir adalah RM80 juta tapi sekarang dah campur RM70 (70.4) campur RM40 dah RM110.4 juta. Sudah lebih, ini baru dalam masa setahun sudah ada penambahan nilai duit yang begitu besar dan saya jangkakan pada pemerhatian saya yang bukan seorang engineer ni, dengan keadaan RM40 juta itulah pembangunan yang ada di Pulau Bayas dan saya banding dengan Pulau Burung yang berdekatan jugak di sana yang sudah dua tahun lebih pembinaannya belum siap lagi yang bajetnya hanya RM6 juta lebih sahaja. Memanglah untuk buat pembangunan di dalam tasik yang tidak ada jalan raya, yang bergantung kepada

air ini memang lambat, kosnya tinggi. Jadi kalau nak katakan pulau ini boleh siap dalam setahun dua ini saya rasa tak akan siap.

Pulau Burung tu, ini cerita Pulau Burungpun amat menarik jugak. Burung dibeli sebelum pulau siap. Setahun sebelum pulau tu dijangka buka, burung tu dah dibeli, mati 5 ekor dia jawab dulu. Pulau belum siap lagi dah setahun pulak, saya pergi yang terakhir tanya yang jaga, tak boleh masuk belum siap. Dulu saya pergi belum ada jeti, belum ada tempat ambil tiket, belum ada tandas, ini adalah untuk bangunan depan, belakang belum siap. Tapi dah dilepaskan itik dan angsa yang dibeli dahulu, tinggal berapa ekor, tinggal dia kata ada 50 ekor, saya pergi bilang tak sampai 50 ekor tinggal. Memang pulau belum siap macam mana kita boleh lepaskan barang yang berharga, bukan harga RM2 - RM3, bukan RM30 seekor, satu ekor angsa harganya RM5,600 satu ekor. Lebih mahal daripada lembu. Itik yang paling murahpun RM750 seekor tapi dibiarkan di mana? Mungkin ramai di Dewan tak tengok, saya pergi tengok dia biar di gigi air, dia lingkung dengan pukat, buat boya sikit lingkung pukat sikit, letak di pesisir air atau pantai pulau itulah kita panggil, tepi air, dilingkung begitu saja. Lebih selamat bagi saya letak di tempat penetasan sementara di Tok Lawit. Maka sudah tentulah dalam keadaan begitu musang makan, biawak boleh makan, ular boleh masuk, helangpun boleh tangkap. Seolah-olah Kerajaan tak fikir ini duit rakyat bukan harga dua tiga puluh ringgit, ribu-ribu ringgit seekor. Dah tinggal tak sampai 50 ekor lagi. Kesalahan yang pertamanya macam mana boleh beli, yang itik angsa mudah dapat sekejap pergi luar pergi beli boleh beli. Tidak ada suatu penyelarasan bila pulak pulau burung ini nak siap. Sepatutnya biarlah benda ini ada jadual yang diselaraskan, nak beli burung, pulau ni siap bila, boleh mereka masuk dalam keadaan yang selamat. Jadi ini biasanya kalau tanya Kerajaan dia kata kontraktor yang salah. Kita kena ingat kita diberi amanah oleh rakyat, rakyat beri amanah kepada kita, kita bertanggungjawab depan Tuhan, kontraktor tak bertanggungjawab. Kita yang bertanggungjawab kita yang pilih dia. Tapi kita dipilih oleh rakyat, kena bertanggungjawab dengan rakyat. Perkara ini rakyat mesti tahu kerana kalau kita kirapun dalam buku audit dibentang kepada kita selalu menyebut tentang, dengan izin *"value for money"*, nilai duit yang kita laburkan sejauh mana mendapat pulangan kepada rakyat ataupun kepada Kerajaan. Begitu jugak kalau saya perhatikan jugak di ternakan ikan di Sungai Como.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit boleh Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, saya bila Yang Berhormat sebut hal itik ini, saya dapati angka ni hebat tapi tak tahu berapa ekor yang ada lagi tapi jumlah hak dia beli tu 101 ekor, itik sahaja RM223,750 itik sahaja, RM223,750 ringgit. Jadi kalau kira-kira nilai hak RM200,000 lebih ni dengan hak mati-mati tu agak-agak berapa nilai hak ade *lening*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Saya tanya, yalah orang jaga kata ada separuh lagi 50 ekor. Saya tanya ke mana perginya yang lain? Dimakan biawak, dimakan musang, dimakan ular, hilang. Memang patutpun bila saya tengok balik memang menasabahpun bukan ular kalau orang nak pergi curipun boleh, tidak ada orang jagapun. Dan saya bilang sendiri saya rasa tak sampai 50 ekor, jadi bahagi dualah kalau beli 101 bahagi dua separuh itulah tinggal lagi duit kita ni yang lain tu dah masuk dalam perut ular dengan perut biawaklah. Nasib baik orang tak kena telan aje. Jadi ikan di Sungai Como pulak, dalam satu kenyataan Kerajaan mensasarkan bahawa untuk mengeluarkan 100 tan ikan air tawar sebulan untuk dieksport, tapi saya tanya orang yang ada di situ dia kata berapa kilo je boleh keluar sehari. Tak capai maksud walau belanja yang besar. Ini sudah tentu kegagalan demi kegagalan ....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya nak bagipun masa tak ada dah. Mintak maaflah. Nanti giliran ada.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dia tak bagi Yang Berhormat. Tapi...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak payah tapi, tapi. Ini giliran saya. Nanti masa awak panjang lagi cakaplah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Takut main-main buat *pelawok* je dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya pergi sendiri *weh*. Belanja banyak *weh*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa duduk Yang Berhormat. Bukit Tunggal tak bagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau awak tak pergi jangan banyak cakap. Pergi tengok, ya. Kita Wakil Rakyat kita ada hak untuk pergi melihat kerja-kerja Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus Yang Berhormat. Teruskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Okey, saya nak sebut jugak di sini bahawa peralatan yang dibekalkan belum digunakan lagi dah rosak contohnya tenaga solar yang disebutkan dalam soalan semalam di Pulau Burungpun rosak, di Gua Bewahpun rosak, di tempat Pulau Herbapun rosak. Jadi kitapun tak tahu macam mana dengan belanja yang juta-juta ini rosak dalam masa yang begitu singkat.

Yang kedua, saya nak sebut jugak di sini ialah yang disebut oleh Yang Berhormat dalam ucapannya berkaitan dengan para 36, soalan 18 berkenaan dengan i-SHARP. Ini bagus, ini saya kalau dengar ucapan tu sejuk hati tenang fikiran maklumlah mari satu projek udang yang besar, peluang pekerjaan yang 1,500 peluang pekerjaan. Hebat dengar, memang hebat. Memang rancangan semunya hebatlah. Hebat, hebat belaka. Tapi bila peringkat pelaksanaan inilah yang menimbulkan keresahan di kalangan rakyat. Setahu saya Syarikat Blue Archipelago Berhad yang akan mengusahakan Ladang Ternakan Udang di Setiu ini adalah syarikat yang sama jugak yang mengusahakan ternakan udang di Kerpan. Sejarah di Kerpan ini kalau nak dikira-kiralah, 1993 ia dibuka oleh Syarikat Saudi kerjasama dengan Kerajaan Negeri yang dinamakan Samak Aquaculture yang di bawah Kumpulan Bin Laden. Maka dah 15 tahun diusahakan tak nampak kejayaannya maka dibeli oleh Khazanah, di bawah Menteri Kewangan dilantiklah Syarikat Blue Archipelago ini untuk mengusahakan udang di Kerpan. Syarikat yang sama mari ke Terengganu, di Kedahpun masih belum nampak kejayaan lagi hasilnya dan peluang-peluang pekerjaan, mari ke Terengganu nak buka kawasan seluas 2,400 ekar (1,000 hektar). Baguslah projek ini kalau nak kira-kiranya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dengan pelaburan RM260 juta, JV (*joint venture*) kerjasama dengan Tabung Amanah Warisan pulak, Kerajaan Negeri. Saya bimbang pelaburan yang begini besar menerima nasib yang hampir sama dengan ladang udang di Kerpan kerana syarikat yang sama yang mengusahakannya dan *track* rekod di Terengganu inipun banyak projek-projek pertanian oleh Kerajaan Negeri ini gagal sebenarnya, ternakan ikan Sungai Como contoh, Fertigasi Mega, jagung hibrid, strawberi, limau madu, Lembah Kaprima mana kambing belum tahu lagi. Banyak sudah kegagalan. Cuma saya duk ingatkan gagal ini kerana apa? Saya nak ingatlah satu perkaralah jugak

kerana kebanyakan projek-projek ini dibuat di atas tanah yang pernah diusahakan oleh rakyat. Contoh di Setiu inilah di kampung kita panggil projek ini nak buat di Kampung Nyatuh dan Kampung Banggol, tanah yang diberi kepada i-SHARP ini sebenarnya sebelum ini pernah diusahakan oleh penduduk tempatan untuk tanam tanaman kontang mereka, tanam sayur-sayuran, tembikai, nanas melibatkan 500 ekar, 240 orang peserta yang diberi LMS semasa Kerajaan PAS dahulu tapi tidak diberi sambung LMS dan telah dianugerahkan kepada i-SHARP ini yang mengambil tanah lain lagi seluas yang banyak dengan bayaran pampasan RM500 aje seorang. Maka inilah sesuatu saya rasa bila kita menganianya rakyat kita, saya bimbang projek ini jugak akan gagal kerana penganianyaan bukan kerana projek ini tak berdaya maju dan tidak berdaya saing tapi kerana kita telah menganianyai orang asal di situ dan sekarang penduduk di situpun mengadu memang dia sudah teranianya. Antara penganianyaan yang diterima yang segera sekarang ini selain kehilangan tanah pertanian yang mereka pernah usahakan itu puluhan tahun, jugak binatang-binatang sekarang ini kera yang duduk dalam hutan gelang air tawar telah mengancam penduduk kampung, tempat-tempat mereka dikacau. Hidupan laut jugak terjejas saya sebut dalam sungailah, di Sungai Setiu, Sungai Calok ini. Sungai Setiu dan Sungai Calok di Lagun Setiu khususnya akibat daripada pengaliran sisa buangan, *effluent*, daripada projek i-SHARP ini. Kemasinan air berubah dan sebagainya menyebabkan kurang pembiakan ikan, udang, ketam, siput dan sebagainya. Yang toksidnya yang jugak mencemar air sungai daripada baja yang digunakan oleh industri akuakultur ini mengandungi banyak bahan kimia. Sangkar ternakan ikan penduduk tempatan terjejas kerana perubahan dari segi *acidity* air dan jugak dari segi pencemaran daripada bahan kimia daripada projek ternakan udang ini. Jadi ini menjejaskan pendapatan penternak ikan dalam sangkar penduduk-penduduk di Kampung Fikri khususnya. Yang keduanya yang dulu pantai....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Nak gulunglah ni. Pantai Penarik Setiu di Rhu Sepuluh tempat pendaratan ikan segar oleh nelayan sekarang sudah tidak dapat dibuat kerana satu kilometer pantai menjadi tempat pembinaan untuk tapak akuakultur. Banyak lagilah boleh disebut kesan-kesan segera yang dihadapi oleh rakyat yang mana hasilnya belum tentu dapat membantu rakyat. Ini saya peringatkan sebagai kesimpulannya bagaimana dirasai oleh orang Bukit Tunggal di Pulau Duyung dijanjikan dulu bulan dan bintang kepada kita dibawa mari Monsoon Cup dengan peruntukan lebih RM300 juta nak

menawarkan peluang pekerjaan kepada nelayan di musim tengkujuh dah tujuh musim sehingga kini belum dapat satu nelayanpun dapat pekerjaan, tidak meningkat pendapatan di Pulau Duyung dan kita masih lagi di tahap yang sama. Belanja lebih RM300 juta dan mungkin sekarang dah meningkat setengah bilion agaknya untuk prasarana di Pulau Duyung. Saya rasa semuanya ini akan jadi macam orang Pulau Duyung jugaklah gimik politik, nak memancing undi, menawarkan peluang pekerjaan dan sebagainya, akhirnya kita hanya tertunggu-tunggu sampai bila entah bila. Jadi insyaAllah, saya rasa Kerajaan patut ambil kira jugak duit rakyat yang dilabur yang begitu banyak, jangan jadi pembaziran demi pembaziran. Stadium yang runtuh, saya hari-hari tengok sedih jugak sebab saya lalu depan rumah saya nak pergi ke pejabat saya, lalu, tengok bila stadium 2 tahun tak baiki lagi, ingat dulu lepas buang bersih tu, bersih bumbung, bolehlah guna balik. Sampai sekarang tak jugak dibaiki-baiki, RM290 juta duit rakyat. Takkan RM290 juta pakai setahun aje. Tak baiki. Ini nilai-nilai duit yang harus kita ambil kira. Sebab itulah sebenarnya tidak ada apa rakyat dapat menikmati. Apa yang dibuat, besar mahal hasil tak ada. Ini perkara yang sepatutnya kita sebagai yang diberi amanah oleh rakyat, amanah Tuhan. Dan kemudian Menteri Besar jugak sebut harus kita bersedia untuk menjawab benda-benda yang berlaku. Jangan menyalahkan kontraktor, ini kontraktor, kontraktor yang kita pilih. Itu yang disebut. Bukan kontraktor pilih diri dia sendiri, kita yang pilih. Dia salah, ambil tindakan. Kenapa lewat lebuh raya tidak ada *fine*, tidak ada denda, lewat buat Pulau Burung tak ada denda. Rosak, runtuh bangunan tak ada siapa yang bersalah. Tak ada ribut, tak ada taufan bukan tsunami runtuh begitu sahaja. Mesti ada orang yang bertanggungjawab. Tapi hingga hari ini, tidak ada orang yang dipertanggungjawabkan dan rakyat tetap menanggung kerugian ratusan juta. Bahkan kuda yang disebut dalam Bajet tahun lepas RM13 juta, mana kudanya? RM13 juta untuk pembiakan kuda, pembakaan kuda, mana kudanya. Pusat IKS di Banggol Tuan Muda, mana orangnya? Banyak benda-benda pembaziran. Itulah puncanya tak ada nampak sumber pendapatan untuk rakyat Negeri Terengganu dan tidak ada meningkat pendapatan ekonomi rakyat Terengganu. Sini perkara-perkara yang saya nak sebut, bukan saya nak menyalahkan sesiapa tapi sebagai muhasabah...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Yang Berhormat, ayat akhir Yang Berhormat. Ya, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Oleh kerana Yang Dipertua banyak kali dah duk peringatkan saya ni, tak apalah saya hormatlah bagi jawatan Speaker. Saya rasa sekadar itulah ucapan saya. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Tunggal. Saya buka peluang lagi kepada Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat. Ya, Permaisuri, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ketua-ketua Jabatan serta Pemerhati yang saya hormati. Saya sebenarnya ingin membuat beberapa pembetulan yang telah diutarakan oleh Bukit Tunggal sebentar tadi. Projek yang dimaksudkan projek i-SHARP adalah satu projek pembangunan yang diadakan di kawasan saya sendiri iaitu di Kampung Seberang Penarik. Beberapa fakta yang telah disebutkan dalam ucapan Bukit Tunggal tadi adalah merupakan satu pembohongan dan merupakan fitnah kepada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Yang pertama, adalah mengenai tanah rakyat yang digunakan ataupun sebahagian yang telah digunakan untuk pembangunan projek ini. Tanah rakyat ini adalah bukan tanah yang mana geran telah diberikan kepada rakyat. Ianya adalah merupakan tanah LMS ataupun pendudukan sementara yang bermotifkan ataupun berobjektifkan kepada projek-projek pertanian kecil. Dan LMS ini bukan diberikan dalam masa Kerajaan PAS tetapi ianya diberikan sejak daripada 20 tahun yang lalu dalam masa pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Jadi ucapan tadi seolah-olah menangguk di air keruh dan saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak izin.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Nanti kejap saya nak cakap. Baru *start*. Saya nak ganggu dia tadi tapi sahabat saya kata jangan ganggu bagi dia habis dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Kacau, hilang dah *point* saya ni... (Dewan gelak)... Satu pelaburan RM250 juta daripada Kerajaan.....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan tu salah tu, 260.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Lebih *deh*, RM260 juta lebih kurang, ada sen-sen lagi tu, dan belum habis lagipun mungkin jadi RM300 juta sebab projek masih lagi dalam pembangunan. Bukan mudah untuk

kita mendapat pelaburan daripada Kerajaan Persekutuan RM250 juta untuk rakyat Negeri Terengganu dan telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam pembentangan Bajet pada hari semalam. Projek ini akan memberi peluang pekerjaan kepada 1,500 penduduk. Saya yakin dan percaya mana-mana Kerajaanpun untuk memberi janji bahawasanya sesuatu projek itu boleh memberi peluang pekerjaan 1,500 bukan satu perkara yang mudah. Jadi fakta-fakta yang telah disebutkan tadi hanyalah merupakan fakta-fakta pembohongan politik semata-mata. Yang kedua, kalau...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh, boleh tanya yang mana bohongnya?

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Nanti dulu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dah jawab bohong orang tu.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Satu bohong tadi saya dah kata. Tanah LMS, saya kena ulang lagi sekali, tanah LMS tersebut telah diberikan dalam masa Kerajaan Barisan Nasional bukan dalam masa PAS.....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Disambung masa PAS, BN yang menghentikan.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Disambung memanglah. Duduk. Masa mana, mana-mana tanah LMSpun memang kena dibaharukan setiap tahun. Kebetulan dia memerintah 4 tahun kenalah *baru* (diperbaharui) dalam masa dia. Takkan tak *baru* 4 tahun lepas tu nak *baru* kemudian pulak. Itu biasa.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Apa bohongnya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar Yang Berhormat Bukit Tunggal, tadi dia boleh sabar masa Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi peluang ke dia pulak. Yang Berhormat jawab dahkan nak berucap. Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Kalau nak lagi boleh beri, saya banyak lagi boleh beri ke dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Apa lagi tadi? Haa....dia kata Kampung Fikri. Kampung Fikri ini bukannya di tepi sungai besar. Dia Kampung Fikri ni adalah satu kawasan yang mana merupakan cabang kepada sungai besar. Tidak logiklah kalau *complaint* ataupun rungutan itu datang daripada Kampung Fikri. Kalau tak percaya Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati adik-adik saya dari universiti ke, sila buka Google, bukak Google Earth, kalau yang ada iPad sekarang ini bukak Google Earth tengok di manakah lokasi Kampung Fikri. Kalau kita tengok dari segi aliran sungai besar di Setiu, Chalok dan juga Sungai Nyatuh. Kemudian dinyatakan tadi bahawasanya projek di Kerpan gagal. Projek di Kerpan telah mendatangkan hasil. Blue Archipelago telah mengeksport undang mereka ke luar negara. Semua ahli-ahli JKKK daripada DUN saya, Dun Permaisuri dan juga bersama saya sendiri telah melawat projek udang di Kerpan. Kita masuk kilang mereka. Tapi saya tak pasti sama ada pihak sebelah sana dah melawat belum Kerpan ataupun tahu ataupun tidak Kerpan di mana. Kita melihat sebelum kita berbakti kepada rakyat. Kita semua profesional Yang Dipertua. Tetapi mereka tidak habis-habis menabur fitnah kepada Kerajaan yang berjasa dan berkebajikan kepada rakyat ini. Mereka berkata *effluent* daripada kolam tersebut telah memberi kesan kepada ikan, kepada hasil tangkapan laut. Projek ini baru masuk udang bulan sebelas, bulan lepas, kalau masuk benih bulan sebelas mana sudah ada *effluent*. Ini fakta yang betul-betul merupakan pembohongan dalam Dewan yang mulia ini. Udang tersebut perlu dibesarkan dalam masa lebih kurang 90 hingga 100 hari, baru boleh buang air daripada kolam udang. Baru masuk lebih kurang 20 hari buang air dah. Lepas tu dia kata baja, mana ada udang makan baja. Tak ada udang makan baja. Kalau yang kita bagi makan kepada udang itu racun, matilah udang tu. *Mapuh*. Mintak maaf, dengan izin, *mapuh*. Mana ada ini semua adalah merupakan fakta-fakta yang kepada saya tidak profesionallah, memalukan. Seorang Wakil Kawasan mengatakan bahawasanya udang makan racun, malu. Kita tak boleh memburuk-burukkan suatu usaha Kerajaan tanpa mempunyai fakta-fakta yang kukuh kerana ianya memalukan kita sebagai Wakil Rakyat.

Yang kedua, kalau nak ambil *mileage* politik, bagilah suatu fakta yang meyakinkan rakyat. Janganlah menangguk di air keruh. Dato' Yang Dipertua, untuk menggulungkan perbahasan saya, saya nak kata macam ni, 1,500 penduduk akan menerima gaji sekurang-kurangnya RM1,000 setiap orang sebulan. Di kawasan sekecil Seberang Penarik akan mendapat pelaburan yang berterusan dalam bentuk gaji daripada Kerajaan Pusat RM1,500,000 sebulan. Dalam keadaan sekarang ini kalau kita dapat memajukan kawasan tersebut untuk kita *circulate*, dengan izin, ekonomi dalam kawasan tersebut bayangkanlah satu kedai kopi di bandar Permasuri hanya mampu menjana pendapatan RM400 sahaja satu hari, darab dengan 30 hari, mereka hanya mampu membuat *collection* sebanyak RM12,000 sebulan. Katakanlah 30% sahaja mereka makan di kedai kopi, RM500,000 mereka akan belanja di kawasan tersebut. Kita bahagikan dengan kadar sekarang

RM12,000 sebulan, berapa ratus kedai kopi boleh kita buat di tempat tersebut untuk memberi untuk memberi *spill over* kepada ekonomi yang bakal dijana di ladang ternakan udang ini. Dato' Yang Dipertua, cukuplah setakat itu untuk pihak sebelah sana dan saya nak memperbetulkan fakta yang salah yang telah diberikan Wakil Bukit Tunggal tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Boleh, boleh. Orang kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Daripada fakta-fakta yang dinyatakan oleh Permaisuri tadi, boleh tak saya katakan bahawa apa yang dinyatakan oleh Bukit Tunggal tadi adalah pembohongan terhadap rakyat dan terhadap Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Tertinggal dua ayat. Pembohongan semata-mata. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Habis. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sokong Bajet. Yang Berhormat sokong tak bajet ni.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Saya memohon, Permaisuri mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Saya buka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Ya, Ladang sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *A'uzubillahissami'il 'alimi minasy syaitonirrojim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi rabbil alamin. Wassalatuwassalamuala asrafil anbiya iwal mursalin wa ala alihi wa sahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-Pegawai yang dikasihi dan semua Pemerhati yang hadir.

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kita dapat bersama membahaskan Ucapan Bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Bajet ini menggariskan ada tiga strategi baru untuk memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu dan juga disebut sebahagian projek ini adalah projek sambungan. Saya nak bertanya kepada Dewan ini ataupun kepada Kerajaan tentang projek-projek sambungan khususnya projek Pembangunan Pentadbiran Awam Di Taman Ilmu di Besut. Saya difahamkan bahawa projek ini telah terhenti atau dihentikan pembinaannya dengan alasan bahawa ada berlaku *structure default* ataupun struktur yang tidak tepat dengan spesifikasi dan menunggu masa untuk roboh ataupun untuk runtuh. Saya ingin meminta penjelasan daripada Kerajaan tentang perkara ini. Apakah ini benar ataupun merupakan cakap-cakap angin, khabar angin begitu sahaja. Tapi saya difahamkan kontraktor yang sedang melaksanakan projek itu telah diminta supaya berhenti.

Kemudian tentang strategi pembangunan modal insan, sekali lagi saya tidak ada pilihan melainkan untuk bercakap tentang e-book. Walaupun e-book ini telah dilaksanakan sudah beberapa tahun, belanjanya hampir sudah RM100 juta. Saya bertanya tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah melalui penggunaan e-book. Saya secara jujur ingin meminta supaya Exco berkenaan membuat tinjauan di sekolah-sekolah apakah e-book ini sudah digunakan sepenuhnya atau tidak. Saya bertanya kepada banyak sekolah. Saya boleh namakan beberapa sekolah, tapi yang peliknya bila namakan sekolah itu selepas itu ada pihak pendidikan pergi tanya sekolah, sekolah takut lepas tu *khabor* kita guna. Misalnya di SS 2 (Sultan Sulaiman 2). Saya dalam Dewan yang mulia ini memberitahu dulu bahawa saya bertanya kepada seorang ibu kepada pelajar di sekolah itu dia kata anak dia kata tak pakaipun e-book. Kemudian kebetulan saya bertanya kepada anak itu sendiri di darjah 6 selepas UPSR baru-baru ini, saya bertanya apakah memang diguna e-book ini. Dia kata pada bulan Jun lagi, bulan Jun sebelum peperiksaan UPSR semua e-book di sekolah itu disimpan. Tak benar dibawa balik, tak benar digunakan. Boleh disahkan...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pohon laluan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Nak mintak laluan sikit dengan Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, bagi Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang bagi Jabi dulu.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak dapatkan kepastian, tanya tu kepada ibu budak tu ibu tunggal ke ibu yang berkeluarga...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada soalan lagi nombor dua, takut-takut ada, tanya sekaliguslah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai Ahli Dewan rasa kita sebagai Ahli Dewan ini perlu bertanggungjawab dalam mengeluarkan apa-apa kenyataan. Kebetulan anak saya jugak bersekolah di SS 2. Tidak timbul masalah e-book tidak digunakan dan anak saya sendiripun ada bawa balik e-Book ke rumah. Sebab itu saya kata tadi, siapa yang kita tanya untuk tujuan apa. Kalau tujuan untuk memperkecil-kecilkan usaha Kerajaan maka itulah laungan kita dalam Dewan ini iaitu laungan dengan beralaskan pembohongan semata-mata untuk, dengan izin, *misdirected audience*, mensalah jurusan pendengar-pendengar dalam Dewan sedangkan perkara tersebut tidak benar. Jadi apa yang saya nak katakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kenyataan Yang Berhormat Ladang bahawa e-book tidak digunakan dan anak-anak tidak dibenarkan membawa balik e-book ke rumah adalah suatu pembohongan semata-mata.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada lagi ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Manir boleh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh, boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang bagi, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak mintak penjelasan kenyataan Alur Limbat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila, sila. Ini platform Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Anak Yang Berhormat bawa balik ke rumah e-book tadi dan yang Ladang kata tidak boleh bawa balik ke rumah tu anak siapa. Saya bimbang takut anak Yang Berhormat, orang takut Yang Berhormat, dia bawa balik, yang tidak Yang Berhormat tidak boleh bawa balik...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan. Saya percaya anak-anak yang diberikan e-book baru-baru ini di Stadium Tertutup Negeri Terengganu, seorangpun dari mereka tidak diarahkan supaya menyimpan e-book tersebut di sekolah. Jadi saya kata tadi sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kalau kita nak mengatakan suatu pembohongan dalam Dewan ini semata-mata untuk menimbulkan kebencian rakyat kepada Kerajaan, itu adalah satu kesilapan dan saya percaya kita sebagai orang Islam perlu bertanggungjawab sebagai pemimpin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Takut Ladang tak ada anak sekolah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh saya sambung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tanya kepada Alur Limbat, anak sekolah tu darjah berapa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini darjah 4 anak saya. Darjah 5 tahun depan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang ada anak kecil lagi ke Sekolah rendah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Biar saya jawab dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu yang saya tanya tu, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang saya kata tadi, sebelum kata saya bohong, yang saya kata tadi budak-budak darjah 6 sebelum UPSR. Saya tak sebut semua, saya sebut budak-budak yang ambil peperiksaan UPSR.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua. Saya percaya kalau hanya memberikan satu, dengan izin, *hearsay*, kata dengar tanpa merujuk siapa yang kita rujuk. Nyatakan orang tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Nama si anu bin si anu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Darjah berapa di sekolah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Supaya membolehkan pihak Kerajaan siasat perkara ini dan beri jawapan dalam Dewan. Tapi saya kata secara umumnya kenyataan yang menyatakan bahawa anak-anak tidak dibenarkan membawa balik e-book adalah suatu pembohongan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, saya bersetuju, saya tidak mengatakan kepada semua budak. Saya mengatakan budak darjah 6.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua mohon laluan. Boleh ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nantilah, jadilah. Duduklah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya ada anak darjah 6 di SS 2 dan dia ambil UPSR baru-baru ini. Boleh bawa balik rumah dan memang diguna di sekolah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, tak apa, tak apalah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ni anak hak mak ni je, takut Ladang, hak sebut tadi tu takut hak tu nak jadi anak Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, saya mengambil ini sebagai serius Yang Dipertua. Saya bertanya kepada ibunya. Ibunya seorang wanita UMNO. Saya tanya dulu sebelum sidang dulu dia kata memang anak dia kata tak bawa mana, cikgupun tak sungguh mana dia kata. Lepas itu saya tanya kebetulan saya pergi ke rumah dia pulak saya tanya anak yang berkenaan sendiri. Saya tak fikirlah anak berbohong...

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kerap pergi ke rumah...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia rakyat saya. Maknanya prihatinnya Yang Berhormat Ladang ini dia pergi belaka. Kalau tak percaya mari ikut saya. *Lening* pulak pergi naik dengan motosikal comel pulak. Itu Ladang. Jadi yang saya pergi tanya tu kalau dia berbohong saya berbohonglah tapi saya tak yakin anak sekecil itu boleh berbohong. Saya tanya begitu je bukan tujuan apa-apa. Saya pergi tanya je. Jadi perkataan bohong itu tak tahulah kalau nak kata bohong, bohonglah. Kemudian saya bertanya juga kawan-kawan yang mempunyai anak di sekolah, banyak sekolah sejak daripada Kemaman sampailah Bukit Tunggal ke Pulau Manis dan beberapa lagi yang boleh saya sebut dia kata tak pakai manapun e-book di sekolah. Apakah saya berbohong? Silalah buat *checking* yang jujur kepada penggunaan e-book ini sebab saya bimbang bukan sangat menentang e-book ini,

saya bimbang kalau-kalau dia terjadi seperti penggunaan PPS, Pengajian Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Kita habis RM5 bilion kemudian akhirnya semua pakar mengatakan bukan cara itu setelah membelanjakan RM5 bilion akhirnya pakar-pakar mengatakan bukan cara itu belajar Bahasa Inggeris. Jadi saya bimbang juga kalau-kalau e-book ini bukan cara itu. Oleh itu, saya merendah diri meminta supaya Kerajaan membuat kajian, membuat penyelidikan membuat *questionnaires*, tanya betul-betul apakah mereka menggunakan e-book dengan penuh efektif, berkesan, sehingga membantu pelajaran mereka. Dan yang anehnya guru-guru yang mengajar ini tidak diberi pula e-book, nak mengajar e-book mengapa guru-guru tidak diberi e-book. Berilah, apa salahnya. Okey. Berapa minit saya ada ni, diganggu kacau banyak kali ni?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat daripada Ladang. Tentang e-book ini kita kena jelas bahawa tak ada siapa yang membangkang e-book. Ianya satu yang bagus dan baik, tetapi dari segi ketelusannya, *studynya* dan jugak cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara sendiri telah membuat laporan yang cukup jelas dari segi e-book ini, dengan izin, *under use* dari segi e-book ini kosnya begitu besar sekarang ini telah melebihi RM100 juta dan bagaimana penggunaannya dari segi *efficiencynya,* dengan izin, kepada pelajar-pelajar kita. Ini semua perlu dilihat secara menyeluruh. Tak ada orang yang tolak kalau diberikan laptop, diberikan notebook, tak ada ibu bapa yang nak tolak benda ini tetapi bagaimana dengan kos yang kita gunakan itu, ratus juta yang dibelanjakan itu, kebimbangan daripada Audit Negara dan juga kebimbangan kita di Dewan ini. Takut-takut kroni tertentu yang mendapat keuntungan dan laba yang besar. Tambah pulak e-book ini dikatakan kilangnya saya telah sebut berkali-kali di Dewan ini dari segi perisiannya banyak persoalan-persoalan yang masih lagi menimbulkan tanda tanya di kalangan kita rakyat Negeri Terengganu. Itu pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tanya, berapa minit saya ada lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan saya bagitahu nanti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bagitahu awal sebab saya boleh rancang banyak benda.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 6 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Beri saya sampai pukul satulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 20 minit dah Yang Berhormat. 20 minit semua yang lain-lain saya bagu elaun tapi kalau tak ada nak bercakap dah boleh duduk. Tak ada isi dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, 6 minit lagi. Cakap dulu Yang Berhormat. Habiskan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa okey, okey. Saya macam nak rancang sebab banyak benda.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kerja belum habis nak minta elaun dah. Macam mana...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okeylah, saya nak kerana masa yang terhad saya nak sebut sikit-sikit jelah. Yang keduanya tentang Program Pembasmian Kemiskinan termasuk juga pemberian tanah kepada rakyat. Saya nak bertanya tentang tanah yang dikatakan dibuat Rancangan Tanah Berkelompok di Gong Dohud, nak tanya sahabat sayalah, Gong Dohud di Jabi, kita dapati bahawa tanah itu sudah ditanam, bertanam dengan kelapa sawit. Telah dibahagi-bahagikan. Apa hak sebenarnya saya nak tanya, apa hak untuk mereka membahagikan tanah ini tanpa kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu, peserta-peserta dimasukkan tanpa dibuat temuduga terlebih dahulu dan ini berlaku di sana. Jadi saya nak minta penjelasan tentang perkara ini. Seterusnya ialah kes FELDA Holding...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, mata tengok saya tu apa hal pulak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasihlah kerana memberi peringatan. Kes FELDA Holding disebut bahawa Kerajaan telah menerima RM64 juta sebagai premium dan dikatakan FELDA Holding akan memberikan 30% daripada keuntungan yang akan didapati kelak. Apakah keuntungan ini akan diberikan kepada rakyat dalam bentuk saham ataupun pendapatan tetap kepada mereka setiap tahun hasil daripada FELDA Holding ini atau apakah Kerajaan telah mengambil kira dalam menerima royalti itu tentang hasil-hasil yang telah yang boleh yang didapati sebelum daripada ini, sebelum dimilik secara rasmi apakah hasil-hasil itu telah diambil kira untuk diberikan balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Kemudian sedikit tentang perumahan untuk rakyat. Alhamdulillah nampaknya Kerajaan banyak buat rumah-rumah PKR dan juga mampu milik tapi saya nak bertanya mengapakah pembinaan ini ada di antaranya dirunding terus dan adanya ditender, apa justifikasinya sehingga ianya tidak boleh ditender semuanya. Mengapa mesti ada runding terus.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, 3 minit lagi Yang Berhormat ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Juga nak bertanya tentang Lapangan Terbang Sultan Mahmud dengan penerbangan terus ke Jeddah ataupun ke Madinah. Apakah Kerajaan akan terus membayar kepada pihak MAS ataupun kepada pihak lapangan terbang RM1 juta setiap tahun untuk membolehkan penerbangan ini dibuat terus ke Jeddah ataupun ke Madinah. Apakah ia akan dibuat pembayaran terus menerus setiap tahun. Saya juga.... masa ini sikit sangat dah. Sedikit tentang Pembangunan Bandar, Pembangunan Paya Keladi Fasa 2. 25 buah telah dibina, 11 buah didapati dibeli oleh orang Melayu dan bukan Melayu 14 buah. Tanah ini diambil balik pada tahun 1993 dengan nilai ketika itu RM5.9 juta, yang diberi balik kepada Kerajaan ialah cuma dalam bentuk *cash* RM1 juta dan dua buah kedai bernilai RM3.2 juta maknanya dapat lebih kurang RM4.2 juta begitu sedangkan kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan ialah RM5.9 juta. Mengapa berlaku demikian?

Saya juga nak bertanya sedikit tentang Lembaga Tabung Amanah Warisan. Di dalam penyata ini ada disebut bahawa ada pendahuluan yang diberikan kepada Ahmad Zaki Resources Berhad sebanyak RM64.9 juta. Saya beranggapan bahawa pemberian ini adalah untuk membeli saham EPIC yang dimiliki oleh AZRB dengan nilai yang dibeli ketika itu ialah dengan harga RM3.10 sedangkan harga market ketika itu adalah tak silap saya RM2.06, mengapa beli lagi? Sedangkan kita telahpun mempunyai saham yang besar di situ. Kita telah ada memiliki saham di bawah TI dan juga.... sekejap saya mintak nak rujuk takut salah. Ya, kita ada saham yang telah dimiliki oleh Tis'Ata 'Ashar kita ada oleh TI, TI ada dah 40.13%, Tis'Ata 'Ashar juga dah ada 15.5% sama-sama dengan yang lain, kemudian kita beli lagi, Lembaga Tabung Amanah Warisan beli lagi 21.26%. Kita sudah memiliki majoriti yang besar, majoriti *share*. Apa perlu kita beli lagi dengan harga yang tinggi. Dalam sejarah EPIC cuma dua kali sahaja harga dia melewati RM3.10 iaitu pada tahun.... begitu lama, tahun 2007 dulu, dan juga 1994. Jadi saya ingin penjelasan mengapa pembelian itu harus dibuat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, nak gulung dah ni tapi sikit lagi. Tentang dulu saya macam '*balahlah*'

dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan pembinaan sambungan rumah bangunan rumah di atas *reserve* Surau Gelong Bilal. Ketika itu terjadi cabar mencabar ataupun masing-masing nak kata dia betul. Saya kata saya betul Menteri Besar kata dia betul. Tapi siapa yang betul. Apakah dua-duanya betul. Jadi saya pergi *checklah* tanah ini. Rumah ini dibina di atas dua *reserve*. Satunya *reserve* jalan, 20 kaki jalan tu sambung atas rezab jalan. Kemudian dia sambung sikit lagi terkena atas surau, rezab surau, Surau Gong Bilal dan bila kita ukur secara profesional didapati bahawa rezab jalan habis semua 20 kaki kemudian dia mengunjur masuk ke atas tanah rezab surau sebanyak 8 kaki, sebelah 8.5 kaki sebelah lagi 8.2 kaki dan panjang dia 27.4 kaki. Kemudian Yang Amat Behormat Menteri Besar ketika itu ada menjawab bahawa pihak Bandaraya telah mengeluarkan notis. Jadi saya nak tahu apa tindakan selepas notis dikeluarkan sehingga sekarang sebab saya tak nampak apa-apa tindakan diambil. Itulah yang berlaku di negeri kita ini. Banyak perkara-perkara yang nampaknya indah, cantik tapi bila dalam pelaksanaannya berlaku ketirisan, kebocoran dan tak tahulah apa nak sebut bahawa akhirnya matlamat tidak tercapai. Jadi saya mohon supaya apa yang saya sebut tadi dapat diberi jawapan diperjelaskan semata-mata untuk kebaikan kita bersama. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Ladang. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah mendengar empat Wakil membuat perbahasan masing-masing. Saya ingat kita tangguh untuk rehat. Sebelum berehat, solat Zuhur dan makan tengah hari saya ingin maklumkan satu pengumuman bahawa semua sekali di dalam Dewan ini dijemput untuk makan tengah hari dibelanja oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di tingkat 18, menara Wisma Darul Iman, yang Pemerhati kita ada sediakan di ruang medan di hadapan Dewan. Saya ingat saudara-saudara kena jamah semualah, elakkan pembaziran. Jadi kita tangguhkan sidang ini kepada pukul 2.30 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sukacita saya menyatakan bahawa agenda kita sekarang adalah perbahasan Bajet 2012 dan kita teruskan dengan menjemput mana-mana ahli yang ingin berucap. Sila. Ya, sila YB Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi rabbil alamin. Wal'aqibatu lilmuttaqin, wala 'udwana illa 'ala dzalimiin. Wassalatuwassalamuala asrafil anbiya iwal mursalin. Sayyidina Wamaulana Muhammad wa ala alihi wa ashabihi wattabi'inalahum biihsanin ila yaumiddin. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2012 daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu ketika pembentangan yang dikemukakan semalam. Dan pertamanya ketika memulakan awalan perbahasan ini telah disebutkan dari terjemahan Al-Quran Surah An-Nahl ayat 90, dengan tidak disebutkan ayat di dalam Bahasa Arab yang sepatutnya bila kita sebut tentang kebanggaan Kerajaan Negeri dengan jumlah 7,930 orang kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu, Tadika KEMAS Prasekolah Jabatan Pelajaran Terengganu dan Tadika Perpaduan telah khatam Quran bermakna mereka boleh membaca Quran tetapi ketika awal pembentangan itu dibaca dalam terjemahan Melayunya sahaja sehinggalah ayat Surah Al-Jasiahpun dalam terjemahan menunjukkan kepada kita perkara pertama yang kita banggakan terhadap anak-anak tapi tidak pada diri kita sendiri. Ketika menghuraikan ayat...(membaca ayat 30 Surah Al-Furqan)...yang bermaksud, "Telah berkatalah Rasul: Wahai Tuhanku sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran sesuatu yang ditinggalkan". Yang pertama, ditinggalkan dari Al-Quran itu ialah bacaannya. Jadi oleh itu sepatutnya sekurang-kurangnya membaca sebahagian ayat dari pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kemudian dengan *al-ayah* ataupun membaca keseluruhannya. Apapun saya nak peringatkan ayat ini memerintahkan kita supaya berlaku adil (membaca ayat 90 Surah An-Nahl). Yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, adil ketika menerima dan adil ketika memberi, ketika mengutip cukai kita tak tanya parti apa, warna apa, ketika memberi kita bertanya parti apa, warna apa. Jadi kita sendiripun sudah lari daripada maksud ayat berlaku adil. Oleh itu bila kita melihat kepada perkembangan

yang dikemukakan daripada tambahan perbelanjaan dari tahun lepas iaitu dalam kerangka perbelanjaan defisit yang dikemukakan ini, kita hendaklah juga melihat bahawa bukan soal angka yang banyak yang dikemukakan itu yang penting tapi soal yang melibatkan penyampaian kepada golongan yang berhad menerimanya...

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Sura. Saya mohon penjelasan dalam ketika Wakil Sura mentafsirkan ayat ini kemudian disebutkan mengapa kita tak berlaku adil waktu nak mengambil cukai dan kemudian memberi seolah-olahnya kita akan *check* belaka hak nak beri ni orang PAS ke tidak, *bakpe* sebagai contohnya nak pergi hospital kita *check*, nak periksa hospital kena *check* PAS ke tidak. Kita beri sekolah, kita beri. Ada bab-bab istimewa kita tak beri itu hak kitalah. Kena tafsir molek dan jangan gunakan mentang-mentang Yang Amat Berhormat Dato' Seri menyebutkan ayat ini dalam bentuk mafhum ayatnya, kita hak boleh baca jangan sindir-sindir begitu. Hak kita boleh baca Quran nak buat macam mana. Jangan sindir orang begitu, nak bagitahu kita ni hebat? Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kita memberi nasihat. Ada jawatankuasa, Pengerusi Jawatankuasa Agama rujuk dulu. Itu je. Kalau dah berasa nak buat macam mana. Biasa dia kena nasihat. Takkan tak boleh nasihat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua. Dah *bakpe* salah baca terjemahan ayat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bukan salah, saya nasihat supaya kalau boleh baca sepenuh ayat...

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sindir orang itu salah. Kita kalau kita berasa pandai jangan duk anggap orang jahil.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Baca sepenuh ayat. Dibaca sepenuh ayat. Itu sahaja saya maksud.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah dia baca terjemahan tak salah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak salah tapi minta dibaca sepenuh ayat. Itulah nasihatnya.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah kenapa disindirnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Duk terlalu menyindir orang *bakpelah.*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Giliran saya. Giliran saya dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ingat kita bagus sangat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sebagai contoh peruntukan sebanyak RM42.6 juta bagi Program Pembasmian Kemiskinan. Sebahagiannya melibatkan Perumahan Rakyat Termiskin. Ini kita dapati diberikan pada setiap tahun tapi soalnya adakah sampai kepada sasaran. Itu yang kita tanya kerana dulu saya sebut ada rumah PPRT ini yang dibuat *homestay* dan telah ditutup iklan itu diletakkan nombor telefon sahaja di kawasan Nibong, Dungun dan saya kena marah, kerana bukan kita yang sebut tapi kerana orang dalam sebut dan kita sampaikan sahaja.

Yang kedua, ada rumah PPRT yang dibuat sewa sedangkan kalau sudah sampai peringkat itu mereka sudah mempunyai kemampuan. Sepatutnya ditarik balik, diberikan kepada golongan yang berhak. Ini sebabnya saya sebut ialah kerana supaya apa yang kita buat ini berasas kepada penyampaian yang kita nak sampai itu kepada golongan sasar yang benar, yang betul. Itu sebab saya kata ni ialah kerana kita mengeluarkan jumlah peruntukan yang besar bagi Program Pembasmian Kemiskinan tapi soalnya sampai ke tidak kepada matlamat dan tiap tahun kita tambah Bajet untuk golongan ini sedangkan ada sebahagiannya tak sampai kepada sasaran kepada matlamat. Ini sepatutnya saya sebut dalam sidang dewan yang lalu tapi kerana tak dibenarkan oleh Yang Dipertua untuk berucap maka saya sebut hari ini. Tolong semaklah. Kemudian begitu jugak dalam sektor Kerajaan tempatan, Kerajaan memperuntukkan peruntukan RM5.5 juta bagi lanskap, RM17.5 juta pengurusan kebersihan bandar dan lain-lain. Tapi yang mengejutkan saya ialah apabila proses menaik taraf Majlis Perbandaran Dungun, jalan utama di Sura Gate City Center itu panjangnya 2.17 kilometer, mula buat

2008, sampai hari ini akhir 2011 tak siap-siap lagi. Bukan 217 kilometer, 2.17 kilometer 4 tahun tak siap-siap menimbulkan kesulitan kepada warga Dungun yang sebahagiannya sampai peringkat berlaku kemalangan di simpang-simpang yang disediakan, mengapa jadi begini. Yang diserahkan buat projek tak siap.....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan. Terima kasih Sura.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Berdasarkan statistik yang ada pada Wakil Sura berapa banyak kemalangan yang berlaku di simpang-simpang akibat daripada masalah ketidaksiapan jalan tersebut. Berapa banyak?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kalau pihak Exco mintak notis, sayapun lagi mintak notis. Angka takkan tak reti. Ada banyak. Angka tu carilah dengan pihak berkenaan. Cuma kita bangkit ini kesulitan warga Dungun sebab makan masa dalam 4 tahun, 2008, 2009.....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sekali lagi saya mohon laluan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Cukuplah, saya takut tak sempat...

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Takut kemalangan tak berlaku bagitahu berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Berlaku memang banyak berlaku. Tempat ada *traffic light* tak ada *traffic light*...

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Antara apa dengan apa ni?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Ni Dewan yang mulia mintak maaf. Tak usahlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Jadi saya mintak supaya diberikan perhatian walaupun benda itu sangat kita tengok kecil

tetapi kerana dia melibatkan jalan utama, yang itulah sangat saya mintak diberikan perhatian.

Yang ketiga, jugak melibatkan Hospital Dungun yang walaupun telah masuk dalam bajet 2012 di peringkat Kerajaan Pusat baru-baru ini, walaubagaimanapun saya pohon supaya diberikan perhatian kerana soal-soal yang semua kita tahu bahawa keperluan kesihatan ini adalah keperluan rakyat jadi saya mintak diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dengan mendesak kerana telah diluluskan dalam Bajet yang semua kita dengar.

Yang keempat berkaitan dengan peruntukan Kerajaan RM20.3 juta bagi sektor sukan. Pernah ada janji-janji oleh Kerajaan Pusat untuk buat sekolah sukan di Terengganu. Bagaimana status sekolah sukan itu? Begitu jugak *Velodrome* di Dungun yang kitapun tak tahu bagaimana kedudukan hari ini diisytiharkan pula bahawa akan termasuk teruskan pelaksanaan program termasuk Kompleks Sukan Negeri dan Kompleks Sukan Dan Mini Stadium Hulu Terengganu. Dan difahamkan juga ada usaha untuk menaik taraf Stadium Sultan Ismail Nasaruddin Shah itu dengan kos RM600,000. Jadi apakah perancangan yang dibuat ke arah itu dan bagaimana kedudukan stadium yang sedia ada sekarang ini yang dalam pembaikpulihan itu kedudukannya supaya kita mendapat satu stadium yang boleh diguna pakai semula dari hasil jumlah yang besar yang dibelanjakan.

Berkaitan peruntukan-peruntukan yang diberi ini, saya jugak nak bangkitkan berkaitan dengan Terengganu Negeri Anjung Ilmu yang disebutkan dalam pencapaian-pencapaian UPSR, PMR, SPM, STPM itu, ada satu perkara jugak yang saya nak sebut ketika program Wacana Melestarikan Pendidikan Terbilang Terengganu Negeri Anjung Ilmu anjuran Agensi Pembangunan Masyarakat Terengganu (APMT) dengan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu Siri Yang Keempat, banyak sirinya maka saya dihadiahkan dengan satu beg ini, bila saya buka apa benda isi dalam wacana ilmu apa, semua bahan bab PAS belaka. Bukti PAS bukan parti Islam. Menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tapi dalamnya program politik. Semua bab PAS belaka dalam buku ini. Saya kata *bakpe* jadi begini? Itu sebab saya nak sebut kalau kita nak bincang UMNO ni kita boleh kata UMNO salah. Sebabnya satu buku yang dikarang ketika bekas Perdana Menteri kelima dulu ketika memperkenalkan Islam Hadhari, Islam Hadhari relevan sepanjang zaman. Terengganu paling kuat menjadi penyokong Islam Hadhari Terengganu Bestari. Dinaikkan papan-papan tanda di masjid-masjid di pejabat-pejabat daerah sekarang ini hari ini entah ke mana dah Islam Hadhari itu. Terengganu penyokong kuat Islam Hadhari Terengganu Bestari. Sekarang ke mana, dan dalam buku ini mengejutkan saya bila saya baca perbahasan yang dibuat oleh anggota badan Perhubungan UMNO Negeri Perak, Mohd Najmuddin Alias, sekarang ini Yang Berhormat, saya tak ingat kawasan mana di Negeri Perak.

Dia kata kesemua pemimpin UMNO yang lalu yang menjadi Perdana Menteri berjaya memainkan peranan masing-masing dalam menegak dan memartabatkan agama Islam Negara ini. Katanya mereka juga boleh dijadikan contoh pemimpin Islam yang berjaya membawa kecemerlangan ummah. Sama seperti ilmuan Islam di zaman silam yang telah mengangkat tamadun Islam hingga peringkat yang tertinggi. Allahyarham Tunku Abdul Rahman boleh disesuaikan dengan rukun Islam yang pertama iaitu mengucap dua kalimah syahadah apabila beliau menarik ramai bukan Islam memeluk Islam menerusi penubuhan PERKIM. Yang kedua, solat juga boleh disesuaikan dengan Perdana Menteri kedua iaitu Tun Abdul Razak apabila beliau menjadikan tanah untuk orang Melayu sekaligus membolehkan pembinaan masjid-masjid dan sembahyang lima waktu boleh didirikan. Tun Hussein Onn pula sebagai Perdana Menteri ketiga meneruskan agenda pembangunan Tun Razak dan beliau merupakan orang yang sederhana dan tidak cakap banyak dan ini sesuai dengan berpuasa di bulan Ramadhan iaitu rukun Islam ketiga. Rukun Islam keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad pula katanya boleh dikaitkan dengan tuntutan rukun Islam keempat membayar zakat ekoran kejayaan beliau membangunkan ekonomi negara sehingga membolehkan umat Islam membayar zakat. Kemudian kepimpinan Abdullah bersesuaian dengan rukun Islam kelima iaitu menunaikan Haji kerana beliau meneruskan kemajuan dan mengekalkan keamanan negara membolehkan rakyat pergi menunaikan ibadah tersebut. Soalnya sekarang Perdana Menteri keenam rukun Islam yang ke berapa pulak? Itu soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sebab itu saya nak sebut kita ni kalau nak bercakap biar kita tengok nas-nas, kaedah-kaedah. Kalau kita baca ayat Al-Quran berkait dengan Hudud...(membaca sebahagian dari ayat 2 Surah An-Nur)...disebut '*fajlidu'* tidak sebut seorang '*fajlid* bermakna mesti ada kumpulan orang...(membaca sebahagian dari ayat 38 Surah Al-Maidah)...orang curi (pencuri) laki-laki orang curi perempuan maka kamu, kamu di situ ialah Kerajaan. Soal kita nak jawab kita boleh jawab. Tapi soalnya ialah tanggungjawab. Kita mengambil tanggungjawab kerana kita jadi Kerajaan. Kerajaan dia kena ada undang-undang. Dia nak pakai undang-undang apa. Kalau dia nak tinggalkan undang-undang Islam dia pakai undang-undang lain boleh pulak. Allah Taala tanya dia...(membaca ayat 50 Surah Al-Maidah)...apakah hukum jahiliyah yang mereka tuntut mereka cari meninggalkan hukum Islam padahal kepada orang yakin, hukum Allah lebih baik. Sini persoalannya. Kalau kita tinggal sahaja lain cerita. Kita tinggal hukum Islam lain cerita. Macam kita bincang tinggal sembahyang, kita tinggal jelah. Tapi ini bukan masalah tinggal sembahyang, pergi buat benda lain. Kita tinggal hukum Islam pergi ambil hukum lain. Maka Allah Taala tanya kita. Bukan persoalan kita nak jawab di sini, nak jawab boleh.

Tanggungjawab kita. Bukan kita jawab sahaja, tanggungjawab. Sebab itu saya nak peringatkan supaya kita benar-benar bertanggungjawab.

Bila kita kemukakan soalan kita kemukakan kerana kita mewakili rakyat dari DUN masing-masing. Sebab itu saya nak tanya satu perkara berkaitan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Dalam laporan yang dikemukakan bagi Penyata Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2010, di dalam penghutang pelbagai pendahuluan ini tidak disebutkan tetapi bila kita buka dalam Penyata Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2010 Majlis Perbandaran Kemaman pinjaman Kerajaan Negeri dalam muka surat 16 perkara 13 Laporan Majlis Perbandaran Kemaman, Penyata kewangan. Pinjaman Kerajaan Negeri diperoleh daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi membiayai projek berikut:

a. Pembinaan 124 lot rumah kedai atau pejabat di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir.

b. Penebusan gadai janji tanah lot. Tanah nombor lot PT10111 sehinggalah KCP fasa ketiga pembinaan Pasaraya Giant di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir RM19,351,837.

Soalnya, setahun dah beroperasi difahamkan sewa tak dibayar oleh Giant kepada Majlis Perbandaran Kemaman. Mengapa boleh berlaku begitu. Sedangkan kalau penyewa-penyewa biasa daripada sewaan kedai-kedai premis Majlis Daerah maka macam-macam diugut rakyat kita. Ada hak hutang RM3,000 – 4,000 nak sitalah, nak halaulah tapi yang Ini biar Aje. Pasal apa jadi begitu? Sedangkan Lembaga Tabung Amanah Warisan ini yang kita semua tahu adalah simpanan untuk generasi akan datang. Tetapi kita kadang-kadang dengan mudahnya mengeluarkan dan bila orang tak bayar sewa tak ada tindakan pulak pasal orang besar. Selepas itu saya minta kita benar-benar berhati-hati dalam soal berkait dengan duit. Saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan benar ataupun tidak sewa tak dibayar. Itu yang saya pohon kerana disuruh kita berhati-hatilah dalam perbelanjaan duit negeri ini. Wallahu'alam wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Sura. Saya jemput lagi mana-mana Yang Berhormat yang ingin berucap. Ya, Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh pimpinan Kerajaan serta Ahli-ahli

Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Proses pembentangan dan meluluskan Belanjawan setiap tahun yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak seharusnya menjadi rutin sehingga mengenepikan matlamat sebenar sebuah Kerajaan merangka dan membentang Belanjawan yang berjiwa rakyat. Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini mencatitkan lagi dengan kita meluluskan bajet yang tertinggi di Semenanjung Malaysia buat kali yang ke empat tahun yang berturut-turut iaitu jumlah RM1.950 bilion. Ini merupakan suatu lagi penerusan perbelanjaan yang bagi saya amat besar, amat luar biasa, amat menghairankan sepanjang pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Seri Ahmad Said di Negeri Terengganu Darul Iman ini. Persoalan yang perlu ditanya di Dewan ini dalam kontek kepentingan rakyat, apa relevannya Bajet hampir RM2 bilion ini kepada rakyat Terengganu yang berjumlah kurang lebih 1 juta orang sedangkan pulangan kepada GDP Negara lebih rendah daripada negeri-negeri lain. Apatah lagi dalam konteks pergantungan kita, dengan izin, kepada *oil and gas* yang begitu ketara setiap tahun kita melaksanakan Bajet kita lebih 90% kita bergantung kepada sumber gas dan sumber minyak. Persoalan yang ada bagaimana perancangan Kerajaan Negeri dalam kontek *downstream* yang boleh dinikmati oleh seluruh rakyat di Negeri Terengganu. Kita mempunyai sumber minyak sumber gas yang begitu banyak tetapi sehingga kita saya tidak dapat melihat perancangan yang teliti dan tumpuan yang lebih serius yang perlu diberikan kepada kepentingan negeri dan rakyat Terengganu dalam *oil and gas* ini sendiri lebih-lebih lagi kepada golongan bawahan dan golongan miskin.

Dato' Yang Dipertua, Bajet yang besar ini masih terlalu ramai di negeri kita golongan petani, golongan nelayan, pengayuh beca dan berpendapatan rendah yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang untuk menyara kehidupan harian mereka yang berhadapan dengan suasana kenaikan harga barang yang begitu ketara dan kos hidup yang cukup-cukup memberikan suatu tekanan kepada golongan miskin dan bawahan yang ada dalam negara dan jugak di negeri kita. Kadar inflasi di negara kita dan di negeri kita masih lagi berada di tahap yang tinggi sekitar 4% sekarang ini, rakyat terus terbeban, angka-angka ekonomi negara juga rendah kecuali angka-angka kenaikan harga barang. Kalau kita membuat perbandingan kenaikan harga barang antara tahun 2008 dan 2011 menunjukkan bahawa harga gula telah melonjak sebanyak 66% diikuti dengan harga satu kilo ayam bersih yang melonjak 37%, harga susu bayi 1kg mencecah kenaikan 26% dan sebungkus roti putih naik harganya sebanyak 20%. Unjuran angka inflasi membayangkan sekiranya keadaan ini berterusan sehingga tahun 2015 akibat kegagalan salah tadbir salah urus dalam mengawal harga barang maka rakyat Malaysia akan menanggung kos barangan harian yang terus melonjak dan dijangka naik lagi 50% lebih mahal pada tahun 2015 berbanding dengan suasana

dan keadaan yang ada sedangkan purata kenaikan gaji sektor awam terutamanya masih lagi dalam masa satu dekad ini hanya 2.6%.

Dato' Yang Dipertua, prestasi kewangan negeri kalau kita ingin membuat suatu unjuran perlu kita melihat kepada Laporan Penyata Kewangan dalam kontek dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara sebagai contohnya laporan yang dibuat bagi tahun 2010 meletakkan bahawa defisit negeri Terengganu masih berada di tahap yang amat tinggi, perbelanjaan mengurus juga berada di suatu jumlah yang jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri maju yang lain seperti Selangor, Johor, dan Pulau Pinang. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 di dalam Laporan Ketua Audit Negara di bawah Akaun Hasil Disatukan telah dicatatkan *surplus* sebanyak RM202.73 juta namun baki defisit terkumpul masih berada di tahap yang amat tinggi iaitu melebihi RM400 juta. Kerajaan Negeri juga telah mengalami penurunan wang tunai sejumlah RM166.79 juta ataupun 69.4% menjadi RM73.66 juta pada tahun 2010 berbanding dengan RM240 juta pada tahun 2009. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri masih lagi terimaan Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan, melihat kepada Bajet 2012 masih lagi penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Negeri bagi Bajet 2012 ini adalah terimaan Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan yang merupakan hasil royalti minyak yang disalurkan kepada negeri Terengganu ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, dalam laporan yang telah dikemukakan oleh Ketua Audit Negara telah mengesan beberapa kelemahan yang ketara dari sudut perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan oleh jabatan dan agensi negeri Terengganu pada tahun 2010. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

1. Kelewatan pengagihan bantuan kepada pelajar.
2. Imbuhan tetap perumahan.
3. Bantuan sara hidup yang masih dibayar kepada pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan.
4. Dokumen teknikal yang tidak dibekalkan.
5. Tunggakan bayaran balik pinjaman.
6. Tunggakan hasil air.
7. Kelewatan menyiapkan pembinaan bangunan dan pembinaan lebuh raya yang tidak disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Namun yang paling ketara yang telah saya bentangkan di Dewan yang mulia ini adalah program bantuan pakaian dan alatan sekolah yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara antara tahun 2008 dan 2010 yang berjumlah RM28.47 juta di mana kajian Audit mendapati bahawa proses runding harga telah tidak mematuhi garis panduan dan kontrak formal antara Kerajaan dan pembekal telah tidak ditandatangani. Laporan Audit juga sebagaimana yang saya sebut di Dewan ini perlu untuk penjelasan kerana berlakunya kesilapan-kesilapan asas dalam mengendalikan projek ini seperti kajian pelaksanaan yang tidak dijalankan, bon pelaksanaan tidak dikeluarkan, pemeriksaan terhadap barangan yang diterima tidak dijalankan, keluarga yang menerima bantuan juga tidak memenuhi syarat. Ini antara perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian dan jawapan di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang Dipertua, begitu jugak bagi kepentingan negeri Terengganu ini kita perlu melihat dari segi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri kita. Di negara kita import bahan makanan semakin meningkat dan ianya memberi kesan langsung kepada harga bahan makanan yang semakin membebankan rakyat. Program Food Security ataupun Jaminan Makanan Negara yang diperuntukkan berjumlah RM50 bilion telah gagal mengurangkan import bahan makanan di negara kita. Punca kegagalan sebagaimana yang dimaklum antaranya kerana berlakunya salah guna kuasa, penyelewengan, apa yang berlaku dalam projek Fidlot negara yang umum mengetahui sehingga anak-anak sekolahpun mengetahui dan boleh memberikan suatu reaksi yang spontan, lembupun boleh membeli kondominium, lembupun boleh naik Mercedes C-Class, lembupun boleh pergi bercuti *holiday* di luar negara. Ini merupakan sesuatu yang memalukan kita walaupun Menteri Pertanian dan Asas Tani telah memberikan reaksi tetapi pasti wang rakyat sejumlah RM250 juta telah lesap dan projek ini lingkup hatta perbuatan yang tidak amanah di kalangan mereka-mereka yang berkuasa. Sehubung dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negeri bagi membantu usaha mengurangkan import bahan makanan. Bidang pertanian dan teknologi yang tinggi yang boleh menjana pertumbuhan industri pertanian moden di negeri Terengganu ini. Terengganu mempunyai peranan yang penting untuk menjamin bekalan makanan rakyat. Terengganu juga mempunyai kapasiti dari segi keluasan tanah, kewangan dan kepakaran untuk membangunkan sektor pertanian dengan lebih terurus dan cekap. Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri memberi tumpuan khusus kepada usaha-usaha melahirkan petani dan penternak yang berjaya yang boleh beroperasi melalui program-program yang boleh meningkatkan kehidupan mereka dan kapasiti sumber-sumber pengeluaran makanan dalam negara dan negeri kita. Saya ingin merujuk kepada apa yang berlaku kepada petani-petani di Tok Adis, Kuala Ibai pada beberapa minggu yang lepas. Mereka telah menanam padi seluas 142

ekar, lebih daripada 35 petani yang terlibat dalam tanaman padi di tengah-tengah bandar Kuala Terengganu. Tetapi malangnya apa yang berlaku di mana bila berlaku air pasang telah ada arahan supaya membuka pintu air Sungai Kuala Ibai atau kunci air Tok Adis di mana dengan membuka kunci air Sungai Kuala Ibai atau Tok Adis ini telah mengakibatkan berlakunya tanaman padi lebih daripada 142 ekar musnah. Para petani yang terlibat ini telah mengemukakan bantahan mereka kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, kepada JPS, kepada Jabatan Pertanian, jawapan yang diberikan menurut apa yang diberitahu kepada saya dan laporan akhbar adalah jawapan yang *standard* iaitu arahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuka pintu air Sungai Kuala Ibai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini mengakibatkan suatu kerugian yang amat besar apabila berlakunya percampuran air masin ini maka para petani tidak boleh bertanam dan tanah akan rosak dan mereka tidak boleh bertanam sekurang-kurangnya 3 tahun. Bayangkanlah purata pengeluaran padi di tengah-tengah bandar Kuala Terengganu sebanyak 142 ekar ini membawa pulangan 2 tan 1 ekar. Kalau 142 ekar bermakna 284 tan yang boleh dikeluarkan setiap kali mereka melakukan penuaian.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh kepada beberapa isu secara sepintas lalu oleh kerana masa yang terlalu terhad. Yang pertamanya, adalah Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) amat mengejutkan kita semua apabila jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco bahawa Lebuh Raya Pantai Timur (LPT2) ini akan siap sepenuhnya hanya pada 2014, ianya telah pada awalnya direncanakan siap pada tahun 2011, kemudian jawapan yang diberikan ianya akan siap tahun 2012 dan jawapan yang terakhir yang mengejutkan bahawa ianya akan siap pada tahun 2014. Yang lebih penting dalam hal ini siapa yang bertanggungjawab dengan jadual asal dan peningkatan kos. Peningkatan kos menurut Menteri yang berkenaan, Dato' Syaziman Abu Mansor, beliau menyebutkan bahawa peningkatan kos Kerajaan, perbelanjaan kos yang akan berlaku adalah sekitar 15% berbanding dengan kos asal RM3.7 bilion. Ini bermakna Kerajaan terpaksa menanggung bebanan kenaikan kos dengan membelanjakan lebih daripada RM500 juta bagi menyiapkan projek LPT2 yang terus tertangguh ini. Maka kos peningkatan ini siapa yang akan menanggungnya, Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Yang keduanya, yang terus menjadi persoalan rakyat negeri Terengganu adalah bila Stadium Sultan Mizan akan disiapkan. Ini perlu kepada suatu jawapan yang telus kerana Laporan Ketua Audit Negara juga telahpun memberikan secara terperinci tentang sebab dan penyebab kepada berlakunya ataupun berlakunya

keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan itu yang bernilai hampir RM300 juta. Rakyat masih tertunggu-tunggu bila kita akan dapat memenuhi stadium yang boleh memuatkan lebih daripada 60,000 orang sebagaimana yang disebut oleh beberapa orang Yang Berhormat di mana dalam keadaan kita bermain bola sepak dalam pertandingan-pertandingan yang penting memerlukan kepada suatu kapasiti yang begitu besar, perlu kepada penjelasan.

Yang seterusnya adalah dalam yang disebut yang telah disebut oleh Yang Berhormat daripada Ladang, saya ingin menambahkan sedikit dan bertanya sedikit lagi dalam kontek EPIC dan hubungannya dengan pembelian saham daripada Ahmad Zaki. Ini juga telah menimbulkan suatu persoalan besar di kalangan korporat-korporat di Kuala Lumpur. Mereka bertanya kenapa negeri Terengganu yang mempunyai majoriti *share* masih lagi membeli saham dengan harga yang begitu tinggi sehingga akhirnya EPIC sekarang ini berada dalam keadaan *delist*, tidak lagi berada di pasaran saham di negara kita. Ini juga perlu kepada penjelasan untuk kita mendapat ketelusan dalam penerusan yang kita laksanakan ini. Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, Dato' Yang Dipertua, Bajet yang kita laksanakan ini adalah merupakan suatu yang begitu penting. Kita memberi perhatian kepada perkara-perkara makroekonomi baik persoalan defisit, pelaburan swasta angka-angka pertumbuhan, keberdayasaingan ekonomi dalam negeri kita, tetapi kita jangan sesekali alpa bahawa *maqasid* perancangan Belanjawan adalah untuk mengangkat keperluan rakyat yang mengatasi segala-galanya. Yang penting adalah membantu rakyat dalam masa yang terdekat untuk mengharungi suasana ekonomi yang semakin terhimpit, menjamin kelangsungan kewangan negeri dengan tumpuan khusus untuk mengurangkan defisit, menambah nilai perbelanjaan negeri agar peruntukan benar-benar sampai kepada rakyat dengan memerangi salah urus, rasuah dan penyelewengan yang boleh mengakibatkan keruntuhan. Memperkasakan keupayaan ekonomi rakyat dalam jangka masa sederhana dan panjang melalui program latihan teknikal vokasional dan pengajian yang memartabatkan rakyat serta memberi perhatian khusus kepada golongan termiskin, petani, nelayan dan mereka-mereka yang menjadi buruh yang kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Dan yang terakhirnya, mengukuhkan lagi arus reformasi politik yang menjadi prasyarat dan pendinding dari anasir-anasir yang mahu membolot kekayaan negeri dan negara untuk mereka dan kroni-kroni mereka sahaja.

Dato' Yang Dipertua, ini sahajalah yang dapat saya ulas dan berikan pandangan-pandangan saya di atas pembentangan Bajet yang penting ini. Mungkin ini adalah pertemuan terakhir kita bersama di Dewan ini maka perlu kita meletakkan amanah dan tuntutan rakyat dan rakyat sendirilah yang akan membuat penilaian kepada masa depan Negeri Terengganu ini. Negeri Terengganu dianggap sebagai negeri yang kaya, Negeri Terengganu adalah negeri yang mempunyai budaya dan kesantunan yang dihormati oleh negara dan seluruh dunia maka rakyat Terengganu juga mempunyai kuasa untuk melakukan perubahan kalau berlakunya penyelewangan, salah urus dan salah tadbir dalam pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Buruk.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sebelum kepada perbahasan lain. Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu dah kita, dia dah berhenti tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sebab saya nak kaitkan semalam Wakil Batu Burok kemukakan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ada satu lagi Yang Berhormat, kita bagi peluang seorang lagi. Mungkin slot Yang Berhormat boleh mintak penjelasan. Jemput Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Ahli Sidang Dewan sekalian. Sepatutnya kita sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T kerana kita diberi kekuatan untuk berada di Dewan ini. Dan istimewanya pada kali ini Bajet Negeri Terengganu adalah Bajet untuk kesejahteraan rakyat. Pada saya daripada apa yang telah dibentangkan kepada kita oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada saya itulah yang sepatutnya dan pada saya juga kalau ada duit RM3,000 jutapun tak apa demi untuk kesejahteraan rakyat. Pada saya kalau diteliti pada kali ini pada tahun depan insyaAllah mana-mana rakyat kita yang memerlukan rumah, Kerajaan menyediakan Dana Pinjaman Perumahan Rakyat untuk kali pertamanya untuk rakyat Terengganu. Ini sesuatu yang sangat istimewa untuk rakyat Terengganu. Dalam masa yang sama juga Kerajaan kita mensasarkan menyediakan kemudahan kepada rakyat kita 10,000 buah rumah dalam masa 5 tahun. Ini menunjukkan betapa Kerajaan kita bersungguh-sungguh untuk menyediakan kemudahan kepada

rakyat kita. Jadi munasabahlah kalau Menteri Besar kita mencadangkan kepada Dewan RM1.950 pada sidang Dewan kali ini. Ini merangkumi semua rakyat bukan sahaja...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bilion Yang Berhormat. Kalau nak sebut satu point tu kena sebut bilion.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bilion.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ataupun ribu juta tadilah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bukan sahaja untuk pertengahan, atas, bawah, bawah termasuk petani nelayan. Bukan sahaja belia, warga emas, ibu tunggal semuanya ada.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit pasal rakan sebelah ni. Boleh laluan sikit?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Atas, bawah, bawah, bawah tu penjelasan macam mana tu. Termasuk ibu tunggal bapa tunggal sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Maksud saya semua golongan. Nak *royatnya* (beritahunya) *habih reng* (sehabis upaya) dah ni. Kerajaan kita buat ni *habih reng* tak ada ayat dah boleh *royatnya* semua boleh...(Dewan gelak)...Tak ada bahasa dah boleh *royat* boleh beritahu kepada rakyat di Terengganu kita, *habih reng, habih reng* maksudnya habis semua tak ada dah. Semua lapisan mendapat menafaat daripada Bajet kita ini. Sebab itulah tema bajet kita ini Bajet Untuk Kesejahteraan Rakyat dan ini sesuai dengan kehendak rakan-rakan kita sebelah sanapun nak tengok Negara Kebajikan. Bukan sahaja nak buat, sebelum ini kita dah buat dah untuk kesejahteraan untuk kebajikan rakyat di negeri kita ini. Kalau kita lihat dari segi pembangunan modal insan, Kerajaan memperuntukkan RM60 juta lebih dan memang wajar dan memang patut pasal kita Negeri Terengganu ini menjadi juara dalam semua perkara saya boleh kata, dalam keputusan UPSR kita kesebelas tahun berturut-turut, begitu juga dengan kecemerlangan peperiksaan yang lain, bahkan anak-anak kita yang berada di luar Terengganupun ingin menghantar anaknya sekolah di Terengganu di atas kejayaan kita ini, dan inilah hasilnya Kerajaan memperuntukkan beribu juta Bajet setiap tahun sebab itulah kita terbaik. Baru ni kita Juara Piala FA, Naib Johan Piala Malaysia, SUKMA pulak tiga tahun berturut-turut, *gapo* lagi, kita yang mula-mula

yang beri e-Book kepada anak-anak kita. Kalau e-Book ini tidak molek, Kerajaan Pusat pulak beri Notebook 1Malaysia kepada seluruh rakyat Malaysia. Makna kita dahulu daripada Kerajaan Pusat. Baru-baru ini Kerajaan Pusat beri RM100 untuk setiap pelajar sekolah, kita Terengganu sudah lama beri. Cuma ada silap sikit, itu perkara terpencil, kes terpencil. Daripada beri pakaian sekarang ditukar kepada bantuan *pitih,* ringgit, dan itu dah tak molek, dah ada kekurangan, Kerajaan ubah daripada beri bantuan pakaian kepada ringgit.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan Dato' Yang Dipertua. YB Hulu Besut mintak laluan sikit. Masa beri RM100 ni adakah dipilih-pilih ataupun beri semua sekali tanpa kira fahaman politik, kedudukan dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pergi ke setiap sekolah tu semua murid dapat. Sama ada PAS ke, UMNO ke, PKR ke, tak ada parti ke, semua boleh. Begitu jugaklah dengan kita di Terengganu, semua boleh tak ada pilihpun, dan tak lama lagi pulak Kerajaan Pusat akan beri RM500 untuk 1 keluarga yang berpendapatan RM3,000 ke bawah. Terengganu kitapun dah lama beri. Setiap tahun nak Hari Raya kita beri kepada setiap orang supaya seluruh rakyat Terengganu mendapat manfaat daripada Bajet daripada hasil mahsul negeri kita ini. Kerajaan Pusat akan beri tahun depan, kita dah beri lama dah untuk rakyat kita. Maknanya kita dah mendahului Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan yang tiru kita, pada sayalah. Bukan tiru, maknanya ikut lebih kurang. Begitu jugaklah dalam motto Pembangunan Negeri Terengganu, saya duk perhati masa mula-mula Yang Amat Berhormat menjadi Menteri Besar, dia memperkenalkan 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Lepas tu Kerajaan Pusat pulak 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Pada saya Terengganu dulu buat, tak hebat ke tu? Cuma PAS yang katanya tak molek, pada saya. Bukan hamba nak suruh jadi calon sepenggal lagi...(Dewan gelak)...*royatnya* hak betul, *royatnya* hak sebenarnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Nampak gaya lekat *kekgi* jadi calon...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kalau tak ada masalah tak apalah...(Dewan gelak)... Pendeknya, kalau kita nak berbicara soal menafaat ataupun untuk memberi kesejahteraan rakyat ni tak habis. Habis dah, daripada Program Berbulan Madu Keduanya ada di Terengganu, di negeri lain tak ada, daripada bantuan ke ibu tunggalnya macam-macam program, kepada bapa tunggalpun ada jugak. Betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bapa tunggal yang tualah, yang warga emas tu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kadang-kadang sayapun terfikir jugak mengenai peristiwa-peristiwa berlaku ini. Kita Wakil Rakyat ni orang nampak muka kita ni jenis muka kebajikan. Saya selalu dengar cerita Yang Amat Berhormat Menteri Besar cerita, dia pergi ke Makkah dalam berjuta-juta orang tu orang boleh pergi mintak pitih dengan dia, muka kebajikan. Begitu jugak dengan kita, YB-YBpun saya nampak lagu tu jugak. Sayapun lagu tu jugak saya duk perhati, betul. Saya duk jadi lagu ni saya duk perhati untuk memberi kebahagiaan dan kebajikan kepada orang.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mintak laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemasik mintak Yang Berhormat. Kemasik mintak dulu.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi lagu ni tu lagu mana tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil mintak jugak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kelmarin saya di hari pertama Dewan kita, saya duk perhati sebelum ni saya nampak isteri-isteri YB tak mari...(Dewan gelak)...kelmarin mari belaka dengan pakaian yang ada hak lentiklah. Isteri Exco, (isteri) YB tak mari. Semua isteri Exco mari. Macam-macam pakaiannya ada hak warna-warni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri sokongan Yang Berhormat tu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Beri sokongan. Betapa nak mengeratkan lagi kebahagiaan. Saya jadi kambing hitam tak apalah saya sorang tapi dapat menafaat ramai ...(Dewan gelak)... Memang saya ni Pengerusi Pembangunan Wanita Negeri, barangkali itulah satu cara untuk membangunkan kebahagiaan rumah tangga orang lain, saya takdok, tak apalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini oleh kerana pada pilihan raya akan datang ni barangkali tak jumpa dah barangkali dalam Dewan ini. Saya sebenarnya nak sangat-sangatlah kawasan Hulu

Besut saya itu dihubungkan dengan Kuala Krai, Gua Musang dan juga Hulu Terengganu kawasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kawasan Hulu Besut saya tu semua dah tahu, jalan mati, sampai ke Keruak tu mati. Saya kalau boleh Januari ni nak start dah kerja jalan ni, daripada Keruak ke Gunung Bongsu maksud saya. Saya duk perhati dalam Bajet pitih tak ada. Mula ada jugak RM10. Hak ni tak ada dah RM10 ni. Jadi saya amat berharap kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya kalau boleh pergi pecah tanah sekali lagi tak apalah. *Start* kerja jalan Gunung Bongsu-Keruak ni. Kalau tidak beratlah *ambo*. Lagutulah *ambo* boleh *royat* bahasanya. *Habih reng* dah tu jugak tu. Bahasa mintak tolong ke bahasa rayu ke, bahasa tak tahulah nak *royat* tapi gak kalau tak buat jugak beratlah *ambo*.

Yang kedua, kawasan Hulu Besut jugak memerlukan satu dewan sebagaimana kawasan-kawasan lain. Kawasan Hulu Besut saya duk perhati saya pergi jalan mana-manapun tak ada hak dewan besar molek, kawasan Hulu Besut tak ada. Dahlah Hulu Besut, dewanpun tak ada. Jadi saya juga merayu kalau boleh kebetulan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pergi ke kawasan Hulu Besut sekali lagi ni, kena umum beri dewan sekali jadi sedap jugaklah saya berbual berbicara dengan Hulu Besut kalau tidak sekali lagi berat jugaklah *ambo*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jambatan tak mahu Yang Berhormat? Dewan je.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan satu lagi berat jugaklah *ambo*nya, jalan masuk ke Durian Telur. Jalan masuk ke Durian Telur dia ada jambatan selorong je. Alasan penduduk di situ kata, kita ni dah merdeka hampir puluh-puluh dah, parti UMNO dah ada di negara kita dah masuk 65 tahun dah dia kata, kita orang Kampung Durian Telur jalan selorong lagi, nak selisihpun tak boleh. Jadi kalau boleh jugak saya bagi penduduk Hulu Besut nak mintak supaya jambatan ke Durian Telur ni kalau boleh dibuat biar boleh buat dua lorong, kalau tidak gak berat jugaklah *ambo* kali ni. Dan begitu jugalah dengan pembangunan-pembangunan yang lain. Saya duk baca daripada pembangunan kepada Orang Asli Sungai Pergam ada, Sungai Berua ada, *ambo* duk tengok *check* Sungai Kuala Sayap tak ada, kawasan *ambo*, tapi nasib baiklah kawasan tu tak berat mana pasal penduduk Orang Asli di situ setiap buah rumah ada kereta belaka, jadi tak berat manalah. Tak berat manalah *ambo* hak tunya, tapi kalau boleh kalau Sungai Pergam ada Sungai Berua ada kalau boleh, kampung Orang Asli kawasan sayapun kalau boleh *ambo* nak comelkan tempat mereka mandi di sungai. Kalau boleh buat, ringan sikit *ambo* di situ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan seterusnya juga, saya nak ambil kesempatan di sini kawasan saya di Hulu Besut ada dua tempat tumpuan untuk riadah, satu La Hot Spring, satu Lata Tembakah. Terima kasih saya bagi penduduk Hulu Besut kepada Kerajaan Negeri, pada kali ini saya nampak ada peruntukan untuk Lata Tembakah dan juga untuk La Hot Spring. Cuma saya nak ambil kesempatan di sini oleh kerana Kerajaan Negeri akan menjadikan Tahun Melawat Terengganu ini setiap tahun, kalau boleh saya nak minta kepada urus setia Pembangunan Pelancong Negeri supaya kena memasukkan juga lawatan ke La Hot Spring ataupun Lata Tembakah kawasan Hulu Besut saya supaya peluang-peluang kepada peniaga-peniaga kecil di kawasan Hulu Besut saya juga mendapat nikmat dan faedah daripada hasil Tahun Melawat Terengganu yang akan dijadikan setiap tahun, Tahun Melawat Terengganu. Suka juga saya memberi cadangan kepada Kerajaan kalau boleh kalau kita betul-betul bersungguh nak menjadikan Terengganu kita sebagai tempat pelancongan boleh juga kita beri daya tarikan kepada pelancong yang datang ke Terengganu. Contohnya kalau mari *parking* di Terengganu ini dalam masa dua jam pertama tak payah bayar, *free*. Pernah saya pergi Bangkok dengan kereta, *parking* tempat *shopping* dia dua jam tak payah, jam ketiga baru bayar. Di Terengganu juga mungkin kita boleh buat. Bayaran *parking* di Terengganu bayar dahulu, hampir nak balik keluar dari Terengganu pemilik kereta boleh membuat tuntutan separuh bayaran ataupun pembeli yang pergi membeli ke Pasar Payang yang membeli lebih dari RM2,000 kita bagi dia RM100 sebagai bonus ataupun sebagai galakan kerana dia datang membeli di Pasar Payang kita, setiap pembeli ada resit RM2,000 kita beri RM100, apa salahnya, pasal kita nak bersungguh-sungguh sangat di dalam pembangunan pelancongan di Negeri Terengganu. Jadi terserahlah kepada Kerajaan.

Yang kedua, terima kasih juga saya kepada Kerajaan yang memberi tumpuan kepada anak-anak muda kita, kepada belia kita. Pada kali ini saya nampak Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar kepada belia. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang memberi perhatian kepada belia dan saya berharap kepada belia seluruh Terengganu supaya bangun dan memberi sokongan padu kepada Kerajaan yang ada hari ini kerana kecaknaan Kerajaan hari ini memberi peruntukan yang besar kepada belia di Negeri Terengganu. Jadi di sini saya nak memberi cadangan juga kepada Kerajaan supaya menyediakan peruntukan kepada belia cawangan, RM2,000 satu cawangan kalau boleh dan kepada belia bahagian kalau boleh biar berilah RM20,000 satu bahagian untuk kita nak tengok belia kita ini untuk bergerak jangan ada belia yang tidak bergerak.

Seterusnya juga saya mencadangkan di sini kepada Kerajaan Negeri kalau boleh Kerajaan Negeri menyediakan setiap DUN kalau boleh ada Pusat Aktiviti DUN, ada kompleks DUN. Kalau ada Kelab Ibu Tunggal, ibu tunggalpun ada di situ. Kalau ada

Kelab Warga Emas, warga emaspun ada di situ. Kalau Kelab Basikalpun dia duduk di kompleks yang sama. Dengan cara ini Wakil-wakil Rakyat di negeri Terengganu akan dapat memberi khidmat yang lebih lagi kepada rakyat seluruh negeri kita.

Dan akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang pada sayanya telah berjaya mentadbir dan sebenarnya kita berada di landasan yang betul. Kita berada di kedudukan yang boleh kita banggakan sebagai rakyat Negeri Terengganu. Sebab itulah sekali lagi saya juga ingin berharap kepada Kerajaan Negeri peruntukan untuk kecemerlangan pelajar juga kita boleh tambah. Kalau boleh setiap PIBG juga kita mesti menyediakan peruntukan kepada PIBG. Kalau tidak semua PIBG datang berjumpa YB nak mintak peruntukan PIBG, letih kita. Untuk nak memastikan kecemerlangan, untuk nak memastikan Terengganu kita ni sebagai Negeri Anjung Ilmu, untuk nak memastikan kita boleh terus mempastikan anak-anak kita cemerlang, juara setiap masa dalam pendidikan, kita mesti sedia belanja lebih lagi untuk anak-anak kita ini kerana inilah aset negeri kita untuk masa depan kita. InsyaAllah kalau ini yang kita boleh buat insyaAllah Terengganu kita akan menjadi Terengganu yang cemerlang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum duduk Yang Berhormat, takut Tepoh dengan Ajil nak celah tadi. Ada peluang nak mencelah. Ada?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ada Yang Berhormat Mulia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ajil dahulu ke Tepoh dahulu Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Tepoh dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya bukan apa tadi Yang Berhormat Mulia...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi yang kecik dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih kerana menghargai. Sebenarnya saya nak mencelah tadi apabila Wakil Batu Burok berbahas sehingga habis kepada masa, saya nak rujuk kepada beliau membawa usul semalam Di Bawah Perkara-Perkara Mustahak Bagi Orang Ramai Di Bawah Perkara 30 nak bincang tentang soal penyelewengan bantuan pakaian seragam dan sebagainya, tetapi bila diberi peluang dia berbahas bercakap, dia tak sentuh banyak, sikit sahaja. Saya kira Yang Berhormat Mulia menolak Usul tersebut adalah satu tindakan yang tepat. Lain kali kalau dia bawa keluar lagi tolaklah

senang. Sebab dia sengaja nak menimbulkan isu. Itu sahaja sebenarnya saya nak bangkitkan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Cuma nak celah penjelasan kepada Hulu Besut apabila mengatakan bahawa Wakil Rakyat kita ini muka *walfare*. Persoalannya ialah Wakil Rakyat sebelah sini, sebelah sana *welfare* tak?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bukanlah saya nak mengatakan siapa-siapa. Tapi kalau pengalaman saya masa kalah dulu, YB PAS pada masa itu menang, kalau dia pergi kedai masuk kedai dia kata *ambo* puasa. Kita orang UMNO ni kalau masuk kedai kalau ada 10 buah meja, 10 buah meja. Kalau YB dia, dia kata *ambo* puasa minta maaf...*ana*, bukan *ambo*, *ana* puasa. Tak tahulah, itu terserahlah kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi itu sahajalah ucapan saya. Saya pohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti berehat minum petang. Kita masuk semula ke Dewan ini pukul 4.05 minit. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.45 PETANG.

PUKUL 4.05 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Saya menjemput untuk Ahli-ahli Yang Berhormat meneruskan perbahasan, sila. Ya, Bukit Payong. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Alhamdulillahil qail, Wa nazzalna alaikal kitaba tibyanal li kulli syai-in wa hudan wa rahmatan wa bushra lil muslimiin. Wassalatuwassalamuala asrafil anbiya iwalmursalin wa ala alihi wa sahbihi wattabi'inalahum bi ihsanin ila yaumiddin, amma ba'du.*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian. Firman Allah S.W.T yang bermaksud, "Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam". Untuk pertamanya kita bersyukur kepada Allah kerana pada petang ini kita terus berbincang tentang Bajet 2012, di waktu yang sama kita melihat dan kita bersepakat mengakui tentang kepentingan pengajaran dan pendidikan agama khusunya sumbernya yang pertama iaitu Al-Quranul Karim kerana Al-Quran menjadi penjelasan terhadap semua perkara, memberi petunjuk kerahmatan dan khabar gembira kepada orang-orang Islam. Maka kita bersepakat melihat keperluan tentang pendidikan agama ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat. Saya ingat nak tegur Yang Berhormat Bukit Tunggal sekejap. Kita tak benarkan pakai ketayap Yang Berhormat. Tadi saya ingat okey dah. Baju kot okey. Ya, terima kasih. Sila Bukit Payong. Yang Berhormat Manir dia pakai Sheikh Azhar punya. Dia dah beritahu saya dah. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kita bersepakat bahawa pendidikan agama ini adalah salah satu daripada tanggungjawab Kerajaan Negeri maka dalam pertangungjawaban pendidikan aliran agama ini bukan sahaja kepentingan yang kita lihat tetapi kita melihat bagaimana kesedaran rakyat dengan sambutan yang sangat baik terhadap pendidikan aliran agama ini. Di waktu yang sama semalam ataupun kelmarin Exco memperakui pelajar-pelajar Negeri Terengganu ramai yang cerdik yang pandai, sudah pastilah dengan pelajar-pelajar UPSR yang ramai cerdik ini mereka mahukan tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka maka apa salahnya dengan peruntukan besar,

dengan belanja besar Kerajaan, Kerajaan memperuntukkan untuk pendidikan aliran agama menengah yang kita bandingkan dan kita lihat kepentingannya di waktu yang sama. Negeri yang kurang dianggap sebagai pelajar yang cerdik seperti Johor kalau kita bandingkan ucapan semalam memiliki sekolah-sekolah aliran agamanya yang banyak, negeri Selangor sekolah pendidikan aliran agamanya yang banyak, maka sekurang-kurangnya pada tahun ini ataupun tahun yang akan datang Kerajaan mesti memiliki perancangan untuk mewujudkan berapakah sekolah pendidikan aliran agama menengah di bawah pertanggungjawaban Kerajaan Negeri sendiri. Kita sering bercakap tentang sekolah-sekolah sudah banyak, itu adalah sekolah di bawah pertanggungjawaban Kerajaan Pusat. Apakah tanggungjawab kita dalam memperkembangkan pendidikan aliran agama ini, dengan peruntukan yang kita belanja setiap tahun besar. Di waktu yang sama jugak kita telah melihat bagaimana negeri kita hilang KUSZA (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin) yang sudah tentu diasaskan untuk memberi ruang kepada khusus rakyat negeri Terengganu melanjutkan pengajian mereka pada pengajian dan pendidikan agama yang lebih tinggi. Oleh sebab itu kita pernah bertanya dalam Dewan ini tentang aset KUSZA itu. Berapakah kosnya yang sebelum ini dijawab masih lagi dalam perbincangan, apakah sehingga sekarang masih lagi dalam perbincangan ataupun Kerajaan Negeri sudah mendapati dan memperolehi bayaran daripada seluruh aset-aset KUSZA itu dan apakah pembayaran itu tidak boleh digunakan untuk kita wujudkan pusat pengajian ataupun kolej agama yang baru agar memperluaskan peluang agar memperbanyakkan ruang kepada rakyat negeri kita untuk melanjutkan pengajian walaupun kita kata di sana banyak tapi kita lihat negeri-negeri lain adanya KIAS, adanya Insaniah. Negeri Kelantan, negeri Kedah, negeri Selangor ada kolej di bawah pengendalian negeri mereka masing-masing. Di waktu yang sama kita menunggu tuntutan ataupun menunggu janji-janji, bekas Exco dulu pernah menjanjikan bahawa kita akan buat satu universiti di Bukit Khor, Marang sehingga hari ini universiti-universiti yang dijanjikan yang dicadangkan di Bukit Khor itu tidak wujud melainkan yang telah ada. Oleh kerana itu saya mencadangkan berkali-kali agar atas asas kepertanggungjawaban pendidikan agama yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri agar mengambil berat tentang pendidikan dan memperkembangkan sistem pendidikan ini dengan lebih baik insyaAllah.

Yang kedua, saya mahu menyebut sedikit tentang persoalan banjir khusus yang berlaku di Bukit Payong kerana persoalan ini bukan sahaja sering kali ditimbulkan dalam Dewan ini tetapi tempat ataupun permasalahan banjir itu lokasinya pernah diziarahi, dilawati, dihadiri oleh Menteri Besar dan pihak Kerajaan dengan berbagai-bagai janji yang membuatkan berlakunya halangan ataupun kesukaran perjalanan mereka yang datang dari Kuala Berang untuk menuju ke negeri Terengganu ataupun Kuala Terengganu. Jalan utama Bukit Payong, Taman Mas, Padang Leban, Alor Lit, di kawasan Alor Lit itu sehingga susah orang nak pergi surau dan di

kawasan Alor Lit itu perumahan yang ramai di antara mereka pegawai-pegawai Kerajaan yang memerlukan dan mengharapkan penyelesaian yang segera. Di Taman Rumah Murah dekat Pusat Giat Mara, Menteri Besar pernah ziarah dan Kerajaan pernah ziarah untuk menyelesaikannya tahun lepas tetapi sehingga hari ini rakyat di situ menunggu-nunggu penyelesaiannya. Saya pernah mencadangkan dan saya ulang kali mengulanginya bahawa kajian menyeluruh tentang punca-punca banjir itu mesti dibuat kemudian alangkah baiknya untuk dibentangkan didedahkan dikemukakan oleh seluruh ahli-ahli Dewan untuk kita melihat kenapa persoalan ini, misalnya di Taman Mas, Padang Leban buat longkang, longkang baru buat tapi longkang separuh, air sampai sekerat sahaja lepas tu tak ada longkang. Akhirnya air meninggi. Penyelenggaraan longkang yang kecil yang sebelum ini saya pernah dengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar beritahu bahawa longkang mesti besar mesti tinggi, tetapi baru longkang dibina tidak mengikut kesesuaian suasana yang ada di situ.

Yang ketiga, saya mahu mengulas tentang sesuatu yang sangat penting yang berkait dengan agama. Bila kita nak bercakap tentang agama kita mesti merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar. Sebagai contoh kalau kita nak membandingkan tentang apa yang dilakukan oleh Sayyidina Umar bin Al-Khattab yang kita katakan dia menangguh pelaksanaan Hudud, itu adalah silap faham dan anggapan faham yang silap yang disebut dalam kitab-kitab yang dikarang oleh ulama-ulama muktabar. Tuan-tuan boleh merujuk dalam kitab Siyasah Syar'iyah yang dikarang oleh Dr. Yusof Qardhawi. Ramai di kalangan ulama menyatakan Sayyidina Umar tidak pernah menangguhkan pelaksanaan Hudud tetapi Sayyidina Umar tidak menjatuhkan hukuman Hudud kerana tidak cukup syarat-syaratnya untuk dijatuhkan hukuman Hudud. Hukum Hudud terus terlaksana, pelaksanaan hukum Hudud terus berjalan tetapi satu-satu kesalahan itu tidak boleh dijatuhkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat bagi dijatuhkan undang-undang Hudud tetapi di sana Sayyidina Umar menjatuhkan berdasarkan undang-undang lain. Yang kedua...

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal apa sampai ke hari ini kita tengok jiran kita di Kelantan lebih awal menggubal Undang-undang Hudud tahun 1993 sampai hari ini belum lagi dijalankan. Cuba beritahu mekanisma untuk menjalankan hukum Hudud ini dalam konteks perundangan sekarang. Sesiapa pandai bersyarah, kalau bercakap pasal hukum Hudud kita boleh sedia satu tempat kita bercakap pasal hukum Hudud. Tapi saya nak tahu bagaimana mekanisma untuk melaksanakan hukum Hudud dalam sistem perundangan negara sekarang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya sahut cabaran Alur Limbat, kita akan sediakan satu tempat untuk buat forum seumpama ini.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tahu dalam Dewan ini dulu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, ya. Saya sahut cabaran itu. Yang pertama saya nak beritahu bahawa pelaksanaan hukum Hudud di negeri Kelantan tidak dapat dilaksanakan kerana tidak dapat diwartakan kerana tidak ditandatangan oleh Tuanku Al-Sultan. Adakah yang maksud di sini Alur Limbat tidak memperakui dan membantah terhadap sikap yang dibuat oleh Tuanku Al-Sultan Kelantan. Yang kedua .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Putar belit apa, tak payah putar belit.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak jawab. Saya nak jawab.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya kata benda senang. Sebab itu saya kata tadi...

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak jawab. Tak putar belit. Saya jawab mudah orang lain boleh faham.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi saya laluan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Macam mana nak beri laluan saya tak jawab habis lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): 60 hari, takkan tak tahu sistem perundangan sekarang. Sebab itu saya kata kalau tak tahu undang-undang jangan bercakap pasal undang-undang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): 60 hari macam mana, Undang-undang Tubuh Negeri Kelantan tidak dilakukan pindaan sebagaimana undang-undang negeri lain.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Okey, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak, bercakap perlu beritahu dulu sekarang ini.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Kedua, kerana Perdana Menteri di masa itu sebagai seorang Islam telah mengeluarkan suatu amaran keras bertulis apabila Dato' Menteri Besar negeri Kelantan menziarahinya untuk meminta bantuan dan meminta keizinan untuk pelaksanaan Hudud asalnya dipersetujui tetapi bila pulang mendapat surat bertulis daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu, jika dilaksanakan pelaksanaan Hudud ini negeri Kelantan akan diisytiharkan darurat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Perdana Menteri itu Yang Berhormat. Perdana Menteri mana?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Iyalah. Siapa dia sekarang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tahun berapa Yang Berhormat sebut tadi?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Siapa dia?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tahun berapa sebut tadi?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): La, dia bercakap takkan tak tahu. Kita bercakap.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dah tanya ni, tak beri peluang dia celah jugak. Macam mana.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Okey, bercakap dulu, beritahu dulu tengok.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tun Mahathir Mohamad di masa itu mengeluarkan surat kenyataan bertulis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Iyalah, dia dah berhenti Yang Berhormat. Dia berhenti bila daripada jadi Perdana Menteri.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dia berhenti, dia bercakap bukan atas nama Tun Mahathir. Macam mana saya berhujah dengan Yang Dipertua Dewan pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tanya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Dipertua Dewan macam tak faham pulak. Saya bercakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu, keluar arahan seumpama itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tanya siapa pada masa itu. Yang Berhormat cakap Tun Mahathir. Tun Mahathir Perdana Menteri lagi sekarang ke? Saya tanya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dia buat kenyataan berasaskan dia sebagai Perdana Menteri sehingga hari ini kenyataan itu tidak ditarik balik oleh Perdana Menteri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Yang Berhormat, peraturan kita, sebab Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir tidak ada dalam Dewan kita ini.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya jawab apa yang ditanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Iyalah, sebab itu saya tanya Yang Berhormat, lebih berhati-hati.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya sambung perbincangan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, lebih berhati-hati bercakap, berbahas.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Lebih berhati-hati macam mana, saya jawab je. Saya beritahu bahawa bila kita bercakap tentang persoalan ilmiah, Sayyidina Umar Al-Khattab. Kita mesti menilai kajiannya berdasarkan teks-teks ulama yang muktabar, itu sahaja, kerana Sayyidina Umar Al-Khattab R.A. tidak menangguhkan pelaksanaan Hudud dan meninggalkan pelaksanaan Hudud. Inilah yang disebut oleh para ulama sehingga para ulama menganggap bahawa orang-orang yang menyebut bahawa Sayyidina Umar tidak melaksanakan hukum Hudud adalah sikap yang sangat jahat terhadap Sayyidina Umar. Ini saudara-saudara boleh baca. Hanya saya nak beritahu bagaimana

perakuan daripada Yang Berhormat Exco sendiri tentang hukum ataupun Enakmen Hudud dan Qisas Negeri Terengganu. Memang hukum Hudud dan Qisas yang telah diwartakan dan diluluskan dan diperakui kebenarannya yang dahulu orang pernah menyebut Hudud PAS, Hudud Hadi, berbagai-bagai persoalan. Berkait dengan apa yang dibuat perbandingan untuk menjaga nyawa. Hudud dan Qisas mesti dibaca dua, Enakmen Jenayah Syariah Hudud dan Qisas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Berhormat. Terima kasih Bukit Payong. Yang Berhormat Bukit Payong bersetuju atau tidak kenyataan Presiden PAS mengatakan bahawa Hudud itu sekadar 1/10000 pemberatannya dalam hukum Islam. Setuju atau tidak?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kalau kita membaca Al-Quran. Riba ada berapa peratus riba. Riba ada berapa peratus?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jawab hak tu dulu. Jawab hak tu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Nak jawablah ni. Tanya nak suruh orang berfikir. Ye tak. Nak jawab ni. Apa yang disebut tidak salah. Memang kalau ikut kajian Al-Quran itu ada berapa ayat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada 3 minit lagi Yang Berhormat. 3 minit lagi, sila gulung. Sila gulung 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ada 30 juzuk. Ni gangguan banyak ni kena tambah ni. Haa.... tambah sikit lagi ni, Air Putih setuju dengan saya tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu saya buat, saya tak setuju Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, jawab soalan saya dulu, setuju atau tidak.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya kata saya menyebut berasaskan kajian apa yang ada dalam Al-Quran 30 juzuk...

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jawablah setuju ke tidak, mudah soalan macam tak mengaji.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Nanti nak jawablah ni. Tengah cakap inikan. Bukan jawab *tubik* sebutir jawab selalu. Kita nak ulas panjang ni ada titik dia. Betul tak? Sebab itu dia kata Yang Berhormat Tepoh, Yang Berhormat Tepoh kemungkinan dia anggap orang kafir baik ni, Presiden MCA ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kalau tak nak bagi laluan kat dia Yang Berhormat teruskan ucapan. Sila gulung.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Nak sebut Presiden MCA yang memperlekehkan Hudud, yang mencerca Hudud dua tiga hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan sekali lagi. Soalan mudah je.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Masa singkat ni, nak beri masa 10 minit.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terpulang kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat nak bagi, bagi. Tak nak bagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kalau boleh masa banyak lagi. Nak tanya Yang Berhormat Speaker dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seminit lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Haa..... Tak boleh. Seminit je dia bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak boleh. Kesian.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Marah ke dialah. Marah ke Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kesian dia, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dah nak buat macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan mudah je Yang Berhormat. Setuju atau tak itu je.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak beritahu bahawa bila kita nak bercakap tentang sesuatu perkara yang berkait dengan Islam ni dia ada rujukan dia, dia ada sandaran dia, termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat Tepoh yang mengatakan bahawa DAP jahat. Presiden MCA dua tiga hari ini memperlekehkan hukum Hudud, memperlecehkan hukum Hudud, menghina hukum Hudud, apakah ini dianggap baik? Ini persoalan-persoalan yang saudara-saudara bercakap tentang Qisas tadi. Hudud dan Qisas, apa tujuan Hudud dan Qisas, untuk menjaga nyawa.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat, dia sebut kait dengan saya, boleh saya celah sikit.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Hudud dan Qisas ini untuk menjaga nyawa, untuk menjaga nyawa. Yang disebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dia tak bagi. Boleh? Dia bagi tu. Dia kaitkan soal saya bangkitkan DAP dan pergi kepada soal Presiden MCA. Soal yang kita bangkitkan sebelum ini PAS sentiasa mengatakan bahawa hubungan UMNO, MCA sebagainya dulu perhubungan itu perhubungan yang boleh membawa kepada kekufuran. Tapi pasal apa apabila dia bergabung dengan DAP sanggup mengatakan bahawa DAP itu adalah kafir yang baik. Baik kepada PAS tapi tidak baik kepada Islam.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dia syarah Yang Berhormat, cukuplah saya beri penjelasan tu dia syarah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak apalah itu semua tapi...

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia syarah tu, dia bukan tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seminit lagi saya beri.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak apalah, kita sama-sama syarah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Siapa yang kata? Siapa yang sebut? Sila bawa bukti yang jelas siapa yang sebut. Yang sebut seumpama itu masuk UMNO habis dah, hak yang syarah tu. Hak yang dibawa di DUN Bukit Payong, Ustaz Mohd Nor Idris, semua itulah yang bercakap. Kita tidak menyebut tentang persoalan itu tetapi kita menyatakan bahawa jika kita tidak sanggup perlaksanaan Islam ini sehingga kita membiarkan sebagai contoh kita bawa Presiden MCA memperlekehkan pemperlecehkan tentang hukum Hudud, apa sikap dia, apa sikap Yang Berhormat. Apa sikap kita semua dalam persoalan ini.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Pohon laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat mintak.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Hudud dan Qisas untuk menjaga agama. Contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Laluan. Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan Bukit Payong dalam Dewan yang mulia ini Apa sikap sikap Bukit Payong dan Ahli-ahli Dewan sebelah Pembangkang terhadap kenyataan Karpal Singh apabila diajukan soalan untuk perlaksanaan hukum Hudud di Malaysia, dia beritahu '*over my dead body*', dengan izin, atau 'langkah mayat saya dulu'. Begitu jugak Lim Guan Eng dalam kenyataan baru-baru ini. Saya bimbang ini .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ini giliran saya ini. Saya nak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi ruang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Hak Karpal Singh tu hak berapa tahun dulu tak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya mintak diulangi apa pendirian Karpal Singh sekarang?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Karpal Singh telah menyebut di Pulau Pinang bahawa dia boleh bekerjasama dan dia boleh bersetuju untuk pelaksanaan Islam di Malaysia ini. Itu dia sebut di Pulau Pinang beberapa bulan yang lepas. Ini yang disebut di Pulau Pinang. Nak tahu tarikh mari jumpa semula. Kena notis, tarikh kena notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, sila gulung.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya gulung. Secara kesimpulannya saya becakap bahawa tentang pentingnya pendidikan Islam termasuk apa yang kita bincang mutakhir ialah perlaksanaan Hudud dan Qisas dan seluruh yang berkait dengan Islam. Memerlukan kepada kepertanggungjawaban tentang pendidikan agama maka program-prgram yang berkait dengan kefahaman tentang hukum Islam, syariat Islam perlu diperluaskan dan prasarana bagi perlaksanaan Hudud dan qisas ini mesti digerakkan sebagaimana yang disebut sebahagiannya oleh Yang Berhormat Batu Rakit tadi tapi saya mengharapkan Kerajaan mesti ada satu perancangan, kalau nak buat bangunan ada perancangan bila pada sudut perancangannya, dan apakah dia prasarana-prasarana dia, apakah dia program-program yang perlu dilakukan bagi menjayakan cita-cita yang mulia ini. Saya rasa cukuplah sekadar itu. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Makin sokong dengar Bukit Payong. Terima kasih Yang Berhormat. Mana-mana Yang Berhormat nak berucap lagi? Wakaf Mempelam nak berucap? Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, muslimin, muslimat yang saya hormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana saya juga diberi peluang untuk membahaskan Ucapan Bajet dibentangkan semalam oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya secara peribadi merasakan mungkin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sidang bajet ini adalah yang terakhir bagi DUN yang ke dua belas dan apatah lagi apabila pihak parti UMNO parti Kerajaan dah mula mengadakan simulasi pilihan raya, guna sekolah sampai ke seluruh negeri Terengganu. Jadi sayapun tak tahulah keputusan tu menang ke kalah dan tak tahulah kalau saya mintak atas nama PAS saya nak guna juga sekolah nak buat simulasi pilihan raya sama ada dia beri ataupun tidak dan jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ada Ahli Yang Berhormat yang dah mula tawar diri untuk tak bertanding, ADUN Jertih, ADUN Tepoh, saya difahamkanlah, ADUN Jabipun...(Dewan gelak)...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan Wakaf Mempelam..

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Boleh beri laluan. Boleh mari bertanding Wakaf Mempelam...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak mahu itulah, sebab benda ni yang saya baca, saya masa agak terhad tapi ialah kawan-kawan tapi nampak begitulah suasana makin dekat dengan pilihan raya. Cuma saya agak kesal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sidang kali mungkin yang terakhir tapi banyak betul soalan yang ditolak. Soalan saya Soalan Bertulis 5 soalan, lima-lima kena tolak. Jadi Soalan Lisan begitu jugaklah tapi ada jugak hak tertinggal baki satu dua. Jadi kalau soalan bertulis ni kalau tinggal satupun jadi dah. Soalan nombor dua, saya tanya, adakah benar dakwaan penulis blog bahawa ADUN Kijal yang juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar terlibat dengan kes tangkapan khalwat baru-baru ini. Jawab bertulis, bukan saya nak berbalah. Kalau tak benar kata tak benar. Nak saman blog samanlah. Tapi maknanya takkan hak tupun tolak jugak. Jadi saya ialah kadang-kadang sepatutnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mintak pertimbanganlah lain kali supaya itupun kalau Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua jadi....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Ya, kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam jujur, dah tahu baca blog, kita tahu benda ini fitnah. Tuhan kata sekiranya datang seorang munafiq kepada kamu, membawa berita yang tidak benar, hendaklah kamu selidiki. Jadi saya rasa Wakaf Mempelam sebagai orang agama kalau berasa nak bercakap sangat saya cabar sebut di luar boleh saya saman.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebenarnya pasal kes berita yang sampai itu macam-macam, penulis blog ada boleh percaya, ada tak boleh percaya. Jadi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat molek kalau terus kepada bajet Yang Berhormat, Ucapan Bajet.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Iyalah betul, ni Bajetlah ni...(Dewan gelak)... Baik, Dato' Yang Dipertua bila saya teliti Ucapan Bajet 2012 semalam dan laporan Ketua Audit Negara untuk negeri Terengganu 2010. Saya teringat pembentangan Bajet di Parlimen baru-baru ini. Di Parlimen Bajet dibentangkan pada bulan 10, Bajet yang defisit untuk 14 tahun berturut-turut. Bila belanja lebih dari pendapatan Yang Berhormat Yang Dipertua maka kena tampung dengan hutang, 14 tahun defisit maka hutang negara terus meningkat. Tahun 1996 kalau saya tengok rekod RM91 bilion hutang negara, 1997 - RM89 bilion turun sikit, 1998 – RM103 bilion, itu kalau tak silap saya waktu Dato' Seri Anwar jadi Menteri Kewangan, sekarang Perdana

Menteri Dato' Seri Najib juga Menteri Kewangan sehingga Jun 2011 hutang negara mencecah RM437 bilion dan ini angka rasmi Bank Negara.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita berada dalam Dewan Undangan Negeri Yang Berhormat. Takut terlupa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul Dato' Yang Dipertua, saya nak kaitkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut Yang Berhormat terlupa, ingat di Parlimen.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak insyaAllah. Saya ucap terima kasih bila Yang Berhormat peringatkan saya. Saya nak kaitkan masalah hutang, masalah defisit dengan apa yang berlaku dalam negara dan apa yang berlaku dalam negeri. Jadi saya ucap terima kasihlah peringatan Yang Berhormat Yang Dipertua. Dan di Negeri Terengganu ini pulak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sebab Kerajaan bolah jawab yang sidang DUN sahaja. Perdana Menteri tak boleh nak jawab di sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa. Kerajaan nak jawab tak mahu jawab tu hak dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi saya nak kaitkan, takkan saya nak kait hak tak berkait Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, saya peringatkan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih atas peringatan. Negeri Terengganu ini kalau tak silap saya pula tahun ini dah masuk 8 tahun bentang Bajet yang berimbang, *Balanced Budget*, dengan izin, tetapi hakikat sebenarnya adalah Bajet Defisit. 2007 defisit, 2008 defisit, 2009 defisit dan defisit ini terus membengkak dan bernanah dah sekarang ini. Tahun 2006, kerana saya tengok *trend* yang ada ni saya sebut dah sebelum pada ini tapi saya nak peringat balik tahun sebelum ini Bajet yang diumumkan terus menunjukkan *trend* peningkatan yang ketara, dari

tahun 2006 terus meningkat tiap-tiap tahun Bajet yang dikemukakan. 2006 - RM1.55 bilion, 2007 - RM1.641 bilion, 2008 - RM1.673 bilion, 2009 - RM1.799 bilion, 2010 - RM1.881 bilion, 2011 - RM1.887 bilion, dan untuk 2012 - RM1.95 bilion. Tak ada hak *kohor* turun, naik *sokmo*, itu satu. Kalah negeri maju, tadi Wakil Baru Burok sebut Selangor hanya RM1.6 bilion dikemukakan Bajet, dan Bajet Terengganu ini ialah 6.3 kali lebih tinggi daripada negeri Melaka yang bentang Bajet 2012 baru-baru ini dengan hanya RM307.6 juta, 6.3 kali lebih tinggi. Tiap tahun Bajet terus meningkat tetapi pada waktu pada masa yang sama kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri Terengganu terus menurun dan mengakibatkan defisit terus meningkat kecuali pada tahun 2010. Ini laporan Ketua Audit Negara. Saya nak *quote* tahun 2007, kita lulus Bajet 1.614 bilion tapi hasil sebenar hanya RM1.262 bilion. Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan boleh perbetulkan kalau saya silap. 2008 lulus Bajet RM1.673 bilion, hasil sebenar RM1.643 bilion. 2009 kita lulus Bajet RM1.799 bilion, hasil sebenar hanya RM1.511 bilion kecuali tahun 2010 kita lulus Bajet 1.881 bilion, hasil sebenar RM1.89 bilion ada sedikit *surplus* itupun hanya RM11 juta sahaja tetapi ini belum dikira peruntukan Bekalan Tambahan, *Supplementary Bill*, dengan izin, yang ni sidang ni sekaligus bentang Bajet dengan *Supplementary Bill* sekali mintak dah tambahan, mintak dah tambahan untuk ini. Jadi maknannya memang puratanya kita kira kita kena akuilah bahawa Kerajaan dan saya bukan kata kita kena akui memang Kerajaan akuipun. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut dalam Ucapan Bajet, saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya bawa buku Bajet tahun 2010, saya nak sebut Ucapan Bajet 2010, hak ni 2010 buku jingga. Anggaran Hasil 2010, Perkara 7, muka surat 4, Yang Amat Berhormat sebut, saya dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, bagi negeri Terengganu cabaran utama ialah Kerajaan terhadap royalti minyak atau pada masa sekarang pemberian Dana Khas Kerajaan Persekutuan iaitu pendapatan yang diperolehi yang dipengaruhi oleh perubahan harga minyak mentah pada waktu itu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Laluan sekejap je. Saya tak berapa reti *colour* ni, jingga hak Pakatan Rakyat nak buat ke buku jingga tu, *colour* nampak bukan warna jingga *colour* tu. Warna *colour*, *colour* tu warna jingga ke warna benda?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak tahu, orang kata jingga ke warna oren.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Haa..... *Lebong* dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi tak apa warna birupun ada. Jadi apa yang disebut adalah defisit ini adalah disebabkan Kerajaan tidak menerima sepenuhnya pemberian Dana Khas

daripada Kerajaan Persekutuan sebagaimana anggaran dalam Bajet tahun 2007, 2008. Kekurangan dalam Akaun Hasil Disatukan ini menyebabkan baki Kumpulan Wang Disatukan Negeri susut sekian, sekian, sekian sebanyak bla, bla, bla. Maknanya kita belanja lebih daripada apa yang kita dapat, itu 2010. 2011 benda yang sama, ni buku warna hitam pulak ni, muka surat 4, begitu juga ucapan Yang Amat Berhormat semasa bentang Bajet, Perkara 5, Kedudukan Kewangan Negeri muka surat 4, "..... seperti yang saya jelaskan pada tahun lalu semasa bentang Bajet 2010 defisit ini adalah disebabkan Kerajaan tidak menerima sepenuhnya pemberian Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan sebagaimana anggaran dalam Bajet 2007, 2008, 2009. Bagaimanapun Kerajaan komited untuk memastikan defisit berada pada tahap yang munasabah dan dapat dikurangkan secara berperingkat peringkat dengan penerimaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan". Ini benda yang sama 2011. 2012 hak baru bentang, saya tengok mungkin pengarang yang sama tak tahulah. Benda yang sama diulang. Kedudukan Kewangan Negeri muka surat 4 Perkara 5, ".....seperti yang dijelaskan sebelum ini Kerajaan komited untuk memastikan defisit berada pada paras yang munasabah dan dikurangkan secara berperingkat dengan penerimaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang dijangka akan bertambah pada masa hadapan". Duk harap Dana Khas Kerajaan Persekutuan semata-mata dan ini dalam keadaan begitupun belanja lebih daripada pendapatan. Itu seterusnya.

Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak nak sebut Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri yang parah ini disahkan oleh Ketua Audit Negara. Ada beberapa perkara yang sahabat saya daripada Batu Burok sebut tadi. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2009, 2010, antara lain Laporan Ketua Audit Negara sebut kecairan tunai semasa Kerajaan Negeri adalah rendah kerana aset semasa tidak dapat menampung kos tanggungan semasa, satu. Yang kedua, disebut lagi pada keseluruhannya penurunan baki wang tunai pada tahun 2010 adalah disebabkan jumlah pembayaran iaitu RM2,267.66 juta adalah lebih tinggi berbanding penerimaan berjumlah RM2,100.87 juta. Ini adalah antaranya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang meningkat sebanyak 53.4% atau RM362.25 juta pada tahun 2010 berbanding 2009. Seterusnya Ketua Audit Negara sebut tentang Kedudukan Wang Tunai Kerajaan Negeri Terengganu makin merosot teruk. Tahun 2006 Kerajaan Negeri dalam bentuk wang tunai ada RM836.35 juta, 2007 turun dekat separuh tak ada, RM402.85 juta, 2008 turun lagi RM398.65 juta, 2009 - RM240.45 juta dan 2010 baki hanya RM73.66 juta. Analisis Audit mendapati baki wang tunai bagi tahun 2006 sehingga 2010 mengalami penurunan setiap tahun. Baki wang tunai pada tahun 2006 seperti mana yang saya sebutkan tadi daripada RM836.35 juta telah menurun sebanyak RM762.69 juta ataupun 1,035.4%. 1000% lebih. 1,035.4% kepada RM73.66 juta pada tahun 2010. Itu sebabnya saya tanya dalam Soalan Lisan saya tetapi Kerajaan tolak. Saya tanya

berapa kali Kerajaan Pusat memberi wang pendahuluan, *advance*, negeri terpaksa minta *advance* pembayaran Dana Khas kerana masalah aliran tunai Kerajaan Negeri pada tahun 2011 tapi soalan itu ditolak. Saya semasa di Parlimen duk dengar je dan ini perkara serius, perkara serius. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pulak seperti mana yang disebut dalam Ketua Audit Negara, 2006 RM205.5 juta, 2007 - RM89.5 juta, pelaburanpun menurun kedudukan pelaburan menurun, 2008 - RM6 juta sahaja tinggal baki, 2009 - kosong, 2010 - kosong, *yilek yilek* tak ada benda satu. Jadi ini kita semacam memandang ringan tentang perkara yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Itu soalan yang dikemukakan Rhu Rendang kelmarin. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan semua pelaburan dalam simpanan tetap pada tahun 2009 berjumlah RM6 juta untuk menampung Perbelanjaan Mengurus, nak tampung perbelanjaan mengurus untuk tahun 2010 dan tahun 2010 tidak ada dibuat apa-apa pelaburan. Hutang pulak kita ni, tadi pelaburan tak ada, Kerajaan Negeri kewangan aliran tunai menurun, hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan terus meningkat, 2006 - RM903.05 juta, 2007 - RM937.87 juta, 2008 - RM997.60 juta, 2009 - RM1006.96 juta dan 2010 meningkat lagi RM1,032.73 juta. Maka sayapun tengok dalam keadaan yang ada ini. Saya sering buat sedikit perbandingan dengan negeri Selangor, walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak berapa nak berkenanlah kalau saya buat perbandingan begitu. Bajet Terengganu RM1.95 bilion, Selangor hanya RM1.6 bilion. Dengan rakyat lebih ramai dengan pendapatan lebih banyak tapi hanya dengan 1.6 bilion, RM1 bilion untuk belanja mengurus RM600 juta belanja pembangunan. Di mana RM300 juta di bawah 'Geran Selangorku' yang dibiayai hasil keuntungan dari syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan segala inisiatif kebajikan di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan meringankan beban ekonomi rakyat. Tema Bajet Selangor, dia cakap terus terang tema dia mudah je 'Selangorku: Hasil Negeri Untuk Rakyat', hasil negeri untuk rakyat. Terengganu baru nak 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan: Bajet Kesejahteraan Rakyat', belum tentu sejahtera rakyat di Negeri Terengganu. Saya akan ulas selepas pada ini insyaAllah. Pelaburan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh beri masa. Saya sekarang...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi. 5 minit saya beri notis. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau boleh biar saya...
YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, habiskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Simpanan Kerajaan Negeri tak ada duit tak ada langsung. Tapi simpanan tunai Kerajaan Negeri Selangor RM1.2 bilion, jumlah tertinggi sejak 28 tahun yang lalu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak ungkit balik, nak ingat balik, semasa sidang DUN Bajet 2010 tahun lepas, Yang Amat Berhormat dalam jawapan lisan ADUN Rhu Rendang menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu akan mendapat semula bayaran royalti petroleum dari Petronas mulai Mac 2010. Ini disebut dalam Dewan. Jadi bila itu sebabnya saya tengok buku Bajet setelah kita dapat maklumat barangkali benda itu tidak menjadi seperti mana yang disebut, tahun 2010 kita tengok kod kemasukan bukan dalam royalti, dia masuk dalam Kod 8200 Terimaan Daripada Agensi Kerajaan bawah Kod 82385 Pemberian Dana Khas berjumlah RM1.6 bilion. Tahun 2011 kerana kata 2010, 2011 bulan Mac dapat royalti maka dia masuk Kod 60000 Hasil Cukai-Hasil Cukai, Kod 61800 Royalti maka Kod 61803 Royalti Minyak berjumlah RM1,597,993,725.00 tetapi tahun ini 2012 dia masuk semula balik asal Terimaan Daripada Dana Khas, terimaan daripada agensi Kerajaan sebanyak RM1.6338 bilion. Jadi saya sebut saya nak peringatkan isu royalti petroleum masih jauh daripada selesai. Sudah 13 tahun negeri Terengganu dinafikan maka itulah sebabnya Dato' Yang Dipertua saya bawa balik amanat yang disebut oleh Arwah Tun Razak di Parlimen tentang apa perjanjian Petronas, dengan Petronas ini bukan sekadar perjanjian biasa tetapi perjanjian berdasarkan akta yang diluluskan oleh Petronas tetapi pengkhianatan UMNO dilakukan kepada negeri Terengganu. Sabah, Sarawak tetap dengan royalti, Terengganu dah tukar jadi Dana Khas, Kelantan Wang Ehsan 1Malaysia 3 cara mereka lakukan kepada negeri-negeri yang ramai penduduk Melayu dan Islam kononnya itulah kata nak perjuangkan Melayu dan agama. Dato' Yang Dipertua, saya rasakan Bajet Defisit setiap tahun dan kita semua sedia maklum sebagaimana saya sebutkan tadi tetapi Kerajaan tidak fokus untuk menyelesai masalah defisit ini, tak fokus. Berulang benda yang sama. Perbelanjaan yang akan saya sebut insyaAllah, beri masa pada saya, dengan pembaziran, hak tu sikit kecik je tu kalau nak kira dengan Tasik Kenyir dengan ayam dengan itik dengan burung hak tu sikit je tapi banyak lagi projek-projek dengan perbelanjaan yang besar yang kita rasakan habis begitu sahaja macam buang pitih ke laut. Dan apa yang saya nak sebutkan Dato' Yang Dipertua seperti mana tahun-tahun yang sudah kalau nak harapkan hasil *revenue* Kerajaan Negeri nak bayar emolumen, nak bayar gajipun tak cukup, tak cukup tetapi kesungguhan kita untuk menyelesaikan masalah defisit dan kebergantungan kita yang terlampau kuat, terlampau tinggi terhadap duit Dana Khas dan royalti ini satu benda yang sepatutnya kita fikir secara serius Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya sebelum saya pergi kepada yang lain, saya nak sentuh sikit hak FELDA semalam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti Dato' Yang Dipertua, beri masa kat saya. Jangan berkejar. Kita bersidang sampai besok ke boleh saya sambung besok sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ketua Pembangkang saya bagi lebih sikit, yang biasa saya bagi elaunlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey saya sambung besok sikit. Tapi sebelum saya gulung saya nak sebut sikit hal FELDA. Saya sedih bila soalan Yang Berhormat Ladang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar isu FELDA bila Kerajaan Negeri memilih opsyen untuk menerima bayaran premium dari FELDA sebanyak RM6.42 juta. Macam kita ini tak ada *pitih* sangat, terpaksa terima. Dah begitu lama tak boleh selesai, bukan sekejap masa Tan Sri Yusof Noor dari Terengganu Pengerusi FELDA tak boleh selesai. Saya tengok sekarang selesai begitu je. Kita terima bayaran premium dan tanah kita serahkan kepada FELDA untuk tanah yang diusahakan oleh FELDA Plantations seluas 11,630.97 hektar daripada 15,200 hektar. Ini tidak selari dengan tema Bajet Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan: Bajet Kesejahteraan Rakyat kerana untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, FELDA Plantations dan FELDA Global Ventures, dengan izin, akan *merge*, bergabung dan akan turun *new company*, syarikat baru. Syarikat baru ini akan disenaraikan, *listed*, dengan peneroka dijanjikan untuk diberi saham bernilai RM25,000 setelah tanah dicagarkan. Tetapi rakyat yang rata-rata miskin, rakyat yang miskin dia nak jadi peneroka dan dia nak hak milik atas tanah bukan dia nak saham. Jadi tambahan pula saya difahamkan yang akan dapat saham ini hanyalah ahli koperasi FELDA sahaja, ahli peneroka FELDA yang tak jadi ahli koperasi tidak akan dapat apa-apa.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut bahawa bila kita kata Bajet Kesejahteraan Rakyat tapi rakyat khususnya di Terengganu terus tertekan dengan inflasi, hutang isi rumah, kenaikan kos sara hidup. Ada satu kajian oleh New Straits Times (NST) melalui laman Facebook menyatakan 82% daripada 5,361 responden memberi *respond* kenaikan kos sara hidup adalah masalah yang paling ketara dan membimbangkan, 82% diikuti dengan isu perumahan, isu pelajaran, isu insentif perniagaan dan sebagainya. *Inflation in the real world*, dengan izin, inflasi dalam dunia sebenar, realiti yang berlaku, FOMCA buat kajian, saya nak gambar betapa peritnya rakyat *lening*, hari ini khusus di Terengganu, kajian FOMCA harga barang makanan telah meningkat melonjak sehingga 83% dalam masa 4 tahun lepas, harga barang makanan, dan saya yakin ini di Kuala Lumpur barangkali, di Terengganu lebih tinggi, 83% dalam masa 4 tahun yang lepas ini kajian FOMCA buat. Malahan untuk 3 bulan pertama tahun 2011 tahun ini sahaja harga gula naik 27%, sayuran naik 16%, telur, daging dan tenusu naik

10%. Ini *trend* peningkatan yang ada, kos sara hidup kehidupan rakyat miskin terus terhimpit. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu royalti masih jauh dari selesai. Saya sempat masa dalam Parlimen saya tanya pihak Menteri Kewangan tentang jumlah pemberian wang tunai Dana Khas Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Terengganu. Dari tahun 2005 hingga 2011.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ayat terakhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan kejar saya macam tu Yang Berhormat. Tolong saya....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak berhasrat nak panjangkan lagi. Sila, sila, ayat akhir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak habis sikit lagi. Saya sebutkan perkara ini kerana dalam masa dari tahun 2005 hingga 2011, negeri Terengganu telah mendapat RM10,658,677,081.00 dalam masa tarikh tempoh yang saya sebut itu tadi iaitu 2005 hingga 2011. Dan 2011 itu sehingga 28 September, RM10 bilion lebih tetapi dalam keadaan RM10 bilion lebih, pendapatan yang begitu banyak kita masih dari segi aliran wang tunai dari segi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, cukuplah. Kita tidak boleh lebih daripada kita punya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, saya akan berhenti pasal pukul 5.00, ikut peraturan dan saya mintak Yang Berhormat kalau boleh beri saya 10 minit pagi besok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri notis banyak kali dah. Sila habiskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betullah. Saya kalau boleh saya ada beberapa perkara penting, jadi kalau boleh 10 minit pagi besok untuk nak tambah sikit aje lagi. Saya ucap terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Dato' untuk memberi peluang kepada saya, kita biarlah beri peluang agar kita dapat sebagai Wakil Rakyat boleh bincang secara serius, jangan orang nak bercakap nak beri fakta .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ialah Yang Berhormat, sila duduk. Kepada Penyokong Kerajaan dan juga Pembangkang kita beri lebih daripada Yang Berhormat biasa 5 minit, yang tadi saya bagi 10 minit biasanya. Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian, kita berada dihujung hari ini dan insyaAllah kita tangguhkan sehingga jam 9.30 pagi esok. Sebelum kita bersurai marilah sama-sama kita baca Surah Al'-Asr. Terima kasih. Saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pagi esok. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 7 DISEMBER 2011

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 15 DISEMBER 2008

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 16 DISEMBER 2008

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 17 DISEMBER 2008

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 18 DISEMBER 2008

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini marilah sama-sama kita dengan ikhlas membaca doa Ummul Kitab, insyaAllah majlis kita ini diberkati Allah S.W.T. dan diberi kejayaan, insyaAllah. Al-Fatihah.

Ahli-ahi Yang Berhormat sekalian, meneruskan agenda kita pada pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan pada pagi 7 Disember 2011. Bagi memulakan soalan pertama, saya menjemput Wakil Jabi. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama –

> *Apakah persiapan Kerajaan Negeri Terengganu dan langkah-langkah awal untuk menjadikan tahun 2013 sebagai Tahun Melawat Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Jabi yang ingin tahu tentang langkah-langkah awal untuk persediaan Tahun Melawat Terengganu 2013.

Persiapan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan 2013 sebagai Tahun Melawat Terengganu ialah dengan penubuhan Sekretariat Tahun Melawat Terengganu 2013 sebagai urus setia induk bagi menyelaras semua tugasan yang berkaitan dan menyelaras semua peruntukan dan memantau perjalanan dan perlaksanaan semua kempen-kempen promosi dan galakan pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan bersempena Tahun Melawat Terengganu 2013.

Langkah-langkah awal juga diambil untuk mengenal pasti, menyusun dan mengadakan strategi kepada aktiviti-aktiviti dan promosi yang bercorak antarabangsa yang akan dimasukkan bukan sahaja di dalam kalendar aktiviti pelancongan 2013 tetapi pelaksanaan ataupun perasmian dalam bentuk *soft launching* akan bermula pada 2012. Ini bermakna akan lebih banyak program-program yang berbentuk *international* yang akan dimasukkan di dalam 2012 dan 2013. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahanpun boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Boleh belaka, kalau tidak berat hamba. Apakah acara-acara yang disebut tadi acara di peringkat *international* yang menarik bagi mempastikan kedatangan pelancong luar negara dan juga dalam negara lebih ramai?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Seperti tahun Tahun Melawat Terengganu 2008, banyak program yang berbentuk international dan program-program ini dirancang lebih awal. Di antaranya adalah program penyertaan di dalam expo-expo pelancongan domestik dan luar negeri yang dibuat bersama-sama dengan Tourism Malaysia serta pengiklanan melalui media cetak dan elektronik, portal internet, paparan *billboard*, penerbitan buletin pelancongan, pengagihan bahan-bahan *colateral* Tahun Melawat Terengganu dan juga acara-acara pada tahun 2012, convention, seminar peringkat international seperti World Biz Conference peringkat dunia yang akan diadakan pada 2012 sebagai take-off Tahun Melawat Terengganu 2013. Dan program-program yang telahpun ada di peringkat international seperti Terengganu World International Jet Race Challenge, Kenyir Lake International Triathlon, seperti biasa Karnival Candat Sotong, Terengganu Master Golf Invitational, Karnival Pusing Akhir GP Joran, Sultan Mizan Endurance Cup, Kenyir Cup, Boat On The Road dan seperti

biasa Monsoon Cup diadakan. Kita juga akan mengadakan peringkat antarabangsa iaitu program yang biasa diadakan yang menarik lebih kurang 500 pelancong luar negara iaitu Perhentian Island Challenge National dan juga Kerajaan negeri akan menambah satu lagi acara peringkat international yang pernah kita buat dulu iaitu International 4x4 Rainforest Challenge dan 4x4 Buggy Challenge. Sementara satu lagi program peringkat international ialah International Boat Parade yang akan diadakan pada tahun 2013. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Ada tak Kerajaan negeri memberi fokus kepada pelancong negara mana yang kita utamakan untuk datang ke Terengganu, yang kita fikir dari segi dia bawa banyak duit dan perangaipun *juruh.* Dan adakah jugak kita mengambil kira prasarana dari segi persediaan rakyat Terengganu seperti kursus, seminar dan sebagainya bagi menyambut kedatangan pelancong untuk Tahun Melawat Terengganu? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih. Kita sedar bahawa kedatangan pelancong sempena dengan tahun melawat ini menunjukkan *trend* yang berbeza di antara pelancong yang datang ke Malaysia dengan pelancong yang datang ke Terengganu. Sebagai contoh Tahun Melawat Malaysia 2010 dapat menarik 25,000,000 ataupun 24.5 juta secara tepatnya pelancong dengan peningkatan 3.9%. Dan 3 buah negara yang paling ramai melawati Malaysia iaitu Korea Selatan 16.2%, Emirates Arab Bersatu 16% dan India 17.1%. Tetapi kalau mengikut asal negara pelancong yang datang ke Malaysia adalah agak berbeza dengan yang datang ke Terengganu kerana ramai yang datang ke Terengganu adalah pelancong daripada negara Cina, Perancis, Itali dan Amerika, negara-negara Eropah yang meminati pulau-pulau termasuklah pulau-pulau di laut dan juga pulau-pulau di Kenyir. Ini perbezaan di antara *background* atau latar belakang pelancong yang datang ke Malaysia dan ke Terengganu. Jadi kita sedar perkara ini dan kemudahan-kemudahan infrastruktur

dan infostruktur yang perlu kita buat untuk persediaan Tahun Melawat Terengganu 2013 perlulah disesuaikan dengan latar belakang pelancong-pelancong yang datang. Dan dengan itu, seminar-seminar dan bengkel-bengkel yang dibuat untuk agensi-agensi pelancongan tempatan dibuat dari masa ke semasa dan juga dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia, Pejabat Tourism Malaysia dan Badan-badan NGO untuk mengadakan bengkel daripada masa ke semasa untuk merubah pemikiran dan persepsi masyarakat setempat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Cara mana kita boleh mengira jumlah pelancong yang datang ke Terengganu dengan secara tepat dan juga kita Terengganu terkenal kerana penyu, bagaimana cara kita nak menggalakkan penyu naik waktu 2013 tu naik bertelur?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, memang dari segi angkanya tidak dapat dinafikan lagi bukanlah suatu perkara yang subjektif sebenarnya kerana angka ini dibuat berdasarkan kepada program, berdasarkan kepada mereka yang datang ke negeri kita. Pertama sekali angka yang diambil kira adalah jumlah penumpang yang datang melalui lapangan terbang, itu pintu masuk ke negeri kita dan juga angka yang agak tepat adalah jumlah mereka yang menghuni di hotel-hotel di seluruh negeri dan laporan ini dihantar kepada UPEN pada tiap-tiap bulan. Dan juga mereka yang menghuni di Kenyir direkod dan kita membuat perkiraan pelancong yang datang ada dua kategori iaitu pelancong domestik dan pelancong luar termasuklah yang datang ke Taman Tamadun Islam yang berdasarkan jualan tiket yang dibuat. Maka kita harapkan bahawa angka-angka ini memang suatu angka yang tepat yang menggambarkan jumlah sebenar pelancong yang datang ke Terengganu.

Dan soalan yang kedua, memang penyu menjadi daya tarikan ke Terengganu dan Tahun Melawat Terengganu yang saya ingat pada tahun 1997 yang menunjukkan satu lakaran bentuk penyu secara objek ataupun *indirect* lakaran yang menunjukkan Terengganu itu kaya dengan penyu dan Tahun Melawat Terengganu 2008 juga yang meletakkan selain daripada penyu, gambar selain daripada penyu iaitu gambar ikan Nemo sempena dengan SUKMA pada waktu itu. Walaupun demikian, ada gambaran penyu daripada lambang logo yang sebenar. Kita memang akan mengekalkan penyu ini sebagai lambang kita walau bagaimanapun,

pendaratan penyu untuk kita memberi galakan kepada penyu, saya tidak nampak lagilah Yang Berhormat. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kebetulan soalan pelancongan ini, sedikit informasi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu mengenai Cokmar kita yang ada di hadapan kita ini yang lebih 30 tahun dahulu menterjemahkan soal pelancongan ini di bahagian keempat dan kelima, tadi saya kata bahagian keenam itu Guri (Bajet). Bahagian keempat boleh saya baca terjemahannya; ia merupakan Cokmar yang diukir dengan ukiran yang menggambarkan kebudayaan termasuk usaha tangan dan permainan rakyat, ukiran-ukiran yang terdapat seperti alat tembaga, corak batik, songket, bentuk perahu dan bangaunya, gasing dan wau. Manakala bahagian kelima pula, bahagian ini diukir dengan menggambarkan keindahan alam semulajadi negeri ini dengan perkampungan Melayu seperti sawah padi, pokok-pokok kelapa, rumah nelayan, pantai, penyu dan kehidupan dalam air. Maknanya pemimpin kita yang terdahulu telah memikirkan akan keistimewaan negeri kita ini bukan hanya penyu sahajalah, Jabi. Jadi kita ambil informasi itu untuk kita menafaatkan bagaimana kata Teluk Pasu sebentar tadi.

Saya jemput Wakil Batu Burok untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah sebab-sebab berlaku kelewatan bagi membaik pulih Stadium Sultan Mizan yang runtuh dan bilakah stadium yang menelan belanja ratusan juta itu dijangka akan dapat digunakan semula?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati sekalian.

Soalan daripada Wakil Batu Burok; apakah sebab-sebab berlaku kelewatan bagi membaik pulih Stadium Sultan Mizan yang runtuh dan bilakah stadium yang menelan belanja ratusan juta itu dijangka akan dapat digunakan semula?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pembetulan pada soalan Stadium Sultan Mizan tidak runtuh yang runtuh ialah bumbung. Untuk makluman harga keseluruhan untuk membina stadium ini ialah RM288,659,031.88 dan harga untuk bumbung saja pada masa itulah ialah RM35,246,600.00. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setelah bumbung stadium ini runtuh kajian yang pertama dibuat untuk melihat ataupun meneliti sebab-sebabnya dan kajian itu telahpun saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, sekarang ini kita dalam proses yang kedua iaitu setelah kita membersihkan sisa runtuhan, kita memasuki fasa kedua iaitu dalam penyediaan semakan integriti struktur bagi mengetahui sama ada struktur stadium boleh dibaik pulih ataupun tidak? Ini kajian yang dibuat sekarang dan pihak Perunding yang dilantik ialah Tetuan Khairi Consult Sdn. Bhd. dan sedang menyediakan dengan izin, *final analysis and assesment* dan dijangka pada 15 Disember 2011 laporan tersebut akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Dan skop kerja yang ditawarkan adalah merupakan kajian fizikal mengkaji keadaan stabiliti secara keseluruhan stadium ini berdasarkan faktor keselamatan dan integriti struktur stadium ini. Siap kerja juga merangkumi pengesyoran ke atas kerja-kerja pembaikan dan pemulihan stadium. Makna kajian ini bukan sahaja mengkaji stabiliti tetapi merangkumi pengesyoran ke atas kerja-kerja pembaikan dan pemulihan stadium ini termasuk sistem bumbung yang baru bagi menggantikan yang runtuh. Itulah kajian yang sedang dibuat, insyaAllah maknanya selepas kita mendapat laporan yang terakhir ini dengan pengesyoran-pengesyoran sepertimana skop kerja itu tindakan susulan akan dibuat untuk membaiki bumbung stadium kita ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Stadium Sultan Mizan yang siap dibina pada tahun 2007 itu kita hanya dapat gunakan setahun lebih sahaja. Pada tahun 2009 berlaku sebagaimana yang Exco kata stadium tak runtuh, bumbung saja yang runtuh, tak apalah. Cuma persoalan yang besar kita membelanjakan hampir RM300 juta duit rakyat negeri Terengganu. Berlaku peristiwa yang amat memalukan seluruh rakyat negeri Terengganu. Dua tahun kita menunggu walaupun hasil kajian telahpun dibuat oleh PAC, laporan telahpun dikemukakan bukan sahaja di negeri Terengganu ini tetapi di Parlimen oleh pihak PAC. Sekarang ini dua tahun lebih dah jawapan yang Yang

Berhormat berikan, kajian dibuat, 15 Disember ini laporan akan dikemukakan dan akan dikaji lagi. Sampai bila kita rakyat Terengganu ini terpaksa menanggung bebanan dan malu seluruh negara akibat dari satu projek yang begitu besar, ini projek mega RM300 juta, rakyat tertanya-tanya. Kelmarinpun sahabat kita salah seorang ADUN menyebut bahawa kita memerlukan stadium ini untuk digunakan dengan sukan bola sepak yang cukup terkenal di Terengganu yang tidak dapat menampung stadium lama yang ada ini untuk keperluan peminat-peminat bola sepak di negeri kita. Dan persoalan yang timbul sekarang ialah kos, siapakah yang akan menanggung kos baik pulih yang ada, *and loss of income* dengan izin, dua tahun lebih *loss of income* Kerajaan Negeri Terengganu terhadap penggunaan stadium itu sendiri. Siapa yang bertanggungjawab dan bagaimana pula dengan laporan yang telah dikemukakan oleh pihak PAC itu sendiri, apakah pihak Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu, syarikat-syarikat yang bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku yang menjadi bebanan kepada kita semua dan menjadi suatu yang cukup-cukup mengaibkan dan memalukan kita. Kita sudah nak masuk pilihan raya pulak dah ni, tak dapat disiapkan jugak dengan suatu kos yang begitu tinggi. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang menjadi suatu perkara yang malang apa yang berlaku keruntuhan bumbung stadium ini. Sesuatu yang memang tidak diduga, dari segi keperluan penggunaannya dalam masa dan ketika Terengganu dari segi pencapaian bola sepaknya di kemuncak, ada keperluan penggunaan stadium baru yang boleh memuatkan sampai 60,000. Memang apa yang berlaku itu suatu kemalangan yang memang mendukacitakan dan kegagalan dari segi kejuruteraannya jelas saya lihat kalau nak dicontohkan. Dan sementara semua tindakan dari sudut undang-undang kontrak kepada kontraktor asal kita akan terus mengusahakan tindakan undang-undang sepertimana apa yang ada dalam kontrak dengan kontraktor yang asal tetapi Kerajaan memahami juga bahawa proses perundangannya akan mengambil masa yang lama jadi kita kena ambil tindakan untuk pertamanya, dari segi kontrak diteruskan tindakan walaupun kata dibawa ke perundangan, di mahkamah dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama kita selepas menerima laporan ini secara proaktifnya kena ambil tindakan untuk menyiapkan bumbung itu dan apa-apa yang perlu kita buat. Kita tidak boleh menunggu sehingga urusan perundangan yang mengambil masa yang lama untuk menyiapkan, jadi kita kena memisahkan, satu, teruskan tindakan

undang-undang mengikut apa yang ada dalam kontrak dan seterusnya menyediakan peruntukan untuk membaiki bumbung yang runtuh ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Saya, bila persoalan stadium yang dikatakan bumbung runtuh, stadium tak runtuh ini. Saya dapati ada beberapa perkara yang pertama sekali, berhubung dengan bila berlaku runtuh pada 2 Jun 2009 dan Kerajaan bagi kontrak kepada Azimat Berkat Sdn. Bhd. untuk nak bersihkan sisa-sisa runtuhan. Lepas itu kajian semakan integriti dia bagi kepada Khairi Consult Sdn. Bhd. sepertimana yang Exco sebut tadi. Kos kepada Syarikat Jurutera Perunding Pakar bagi menilai integriti struktur bangunan ini RM2.2 juta, itu kosnya. Dia mula beri kepada syarikat ini untuk menilai tahap keseluruhan integriti struktur pada 18hb Mei, dan dijangka siap 3 bulan iaitu sepatutnya 31hb Ogos ini dah hantar dah laporan, ini katanya bulan 12 pulak, tadi disebut tarikhnya pada 15hb Disember pulak. Saya tanya benda yang sama di Parlimen, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan kes stadium ini pasal jenama Terengganu sekarang ini semakin teruklah setelah berlaku insiden-insiden macam ini. Jadi persoalan yang berlaku sekarang ini laporan awal saya tidak tahu Kerajaan berani mengesahkannya ataupun tidak? Laporan awal menyatakan yang pertamanya, oleh kerana tidak selamatnya bumbung yang ada itu dah runtuh dah sebahagian, maka akan ditawarkan pulak kerja pelaksanaan berkaitan dengan menanggal dan mengalih bumbung stadium ini keseluruhannya kosnya ditambah lagi RM6 juta pasal ada hak baki itu tidak selamat jugak dan kena buang belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya sekarang ini laporan awal menyatakan, saya nak tahu pengesahan daripada pihak Kerajaan bukan sahaja bumbung itu tak selamat, stadium itu sendiripun tak selamat, tak boleh nak pakai dah oleh kerana berlakunya runtuh maka struktur asas bangunan stadium itu dah tak selamat lagi. Dan laporan awal menyatakan ini menjadi percakapan di Parlimen bahawa stadium itu sendiri keseluruhannya akan diruntuhkan selepas pilihan raya ini dan terpaksa bina baru. Adakah ini betul? Saya nak mintak pengesahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bertanya macam ..... Jawab molek-molek sikitlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya pagi-pagi ni semangat sikit.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): *Peseng dia bekeng,* takdok masalah Yang Berhormat Dato' .... (sambil gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Eh, dok bekeng hari ini .....

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Lembut hijau itu, patut hijau gelap lagi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini tentang prosedur yang disebut oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Kita perlu membersihkan sisa runtuhan itu untuk kita meneruskan kajian integriti bagi struktur, tak mungkin kita boleh membuat kajian integriti bagi struktur itu tanpa memindah keluar sisa runtuhan, itu yang pertama Dato', yang kata kena melantik *consultant* yang buat integriti tu. Dan saya dah sebut tentang skop kerja dia untuk mengkaji stabiliti secara keseluruhan stadium ini berdasarkan faktor keselamatan dan integriti struktur stadium ini. Itulah tugasan Khairi Consult ini dan juga merangkumi pemulihan stadium ini termasuk sistem stadium yang baru. Itu adalah antara skop kerja dan tentulah apabila lantikan consultant ini takkan free, ada kos dia cuma dari segi perbincangan Kerajaan negeri itu yang kata membersihkan sisa runtuhan setelah penilaian dibuat Kerajaan memutuskan untuk melantik Syarikat Azimat itu dengan tiada kos kerana pengalihan sisa itu diberi kepada kontraktor. Jadi kontraktor itu masuk pada kos yang kosong. Dan memang sukar dari segi tempoh yang diberi 3 bulan itu untuk menyiapkan satu laporan yang lengkap sebenarnya kerana ia melibatkan struktur dan sebagainya. Masa yang diberi sehingga 15hb Disember ini adalah masa/tempoh terakhir untuk kita dapatkan laporan. Dan saya rasa tidak benar kalau kata sama ada andaian atau cerita besarlah, setakat inipun memang ada kajian-kajian awal yang menunjukkan alhamdulillah, *substructure foundation* dengan izin, Yang Berhormt Dato' Yang Dipertua, okey dan strukturnya okey. Itu adalah mengikut kajian awal. Jadi kajian/laporan yang lengkap insyaAllah kita akan dapat selepas ini. Tapi saya maklumkan maknanya untuk memberi keyakinan bahawa kata stadium ini nak diruntuhkan selepas pilihan raya dan sebagainya ini suatu benda yang tak benar.

Dan kajian awal menunjukkan bahawa *substructure foundation* bahawa dari segi strukturnya, integritinya boleh digunakan. Jadi kita kena beri tumpuan kepada membaiki bumbung yang runtuh dan mengikut kajian Khairi Consult ini juga termasuklah grandstand yang sebelah barat itu juga akan diberi kajian dan dalam kajian yang akan diserahkan itu termasuk bumbung yang sebelah lagi tu yang kata tidak termasuk dalam runtuh tadi tu dan dalam kajian consultant ini akan termasuk. Itu saja, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan yang ketiga. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak rujuk balik laporan yang dibuat oleh Kementerian Kerja Raya kepada PAC mungkin sampai kepada pihak Exco dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jelas kajian yang dibuat oleh Kementerian Kerja Raya, dia memberikan empat faktor, saya nak menyebutkan satu faktor yang penting di Dewan ini iaitu bahan dan kualiti kerja ataupun *workmanship* tidak memenuhi spesifikasi yang telah ditentukan. Mutu pembuatan komponen keluli didapati tidak baik dan tidak memenuhi spesifikasi yang ditentukan. Ini suatu yang serius. Kalau kajian yang dibuat oleh Kementerian Kerja Raya sendiri menjelaskan tentang *workmanship* dan jugak penggunaan bahan keluli yang *substandard*, yang tidak memenuhi spesifikasi bertepatan dengan pandangan umum rakyat Terengganu yang mengatakan *the whole stadium* dengan izin, tidak dapat digunakan dan bahaya. Ini sudah 2 tahun lebih, Yang Berhormat. Kalau kita nak tahu di Dewan ini, bila secara spesifik 1 tahun lagi ke, 2 tahun lagi ke kita boleh menggunakan Stadium Sultan Mizan ini? Dan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa malu bagi pihak Tuanku Sultan kita kerana stadium itu atas nama baginda Tuanku dalam keadaan orang kata, nazak. Rakyat lalu tiap-tiap hari, kapal terbang lalu tiap-tiap hari nampak dan sudah 2 tahun lebih tidak dapat disiapkan lagi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat soalan dah ditanya tadi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mintak penjelasan tentang spesifik yang disebutkan tadi?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laporan yang disebut tadipun kita menerima

dan itulah maknanya dapatan daripada kajian dalam menyediakan laporan itu. Dan tak mungkin maknanya bumbung itu runtuh kalau dibuat mengikut spesifikasi dan sebagainya. Dan itulah sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita sebut maknanya kelemahan yang ada mungkin, ada dua kelemahan di situ. Satu, kontraktornya dan keduanya di pihak Kerajaan mungkin pengawasan. Kalau kata mengikut spesifikasi dari segi *workmanshipnya,* dari segi bahannya takkan berlaku keruntuhan itu. Itulah dapatan daripada kajian yang telah dibuat dan kita menerima, itu adalah antara penyebab runtuhnya bumbung ini. Dan hari memang kalaulah kata hari ini menjadi 'kemaluan' ...(dalam gelak) .... kepada Yang Berhormat Batu Burok .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok kata besar kemaluannya.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): .... Besar kemaluan. Maknanya kita selaku rakyat Terengganu samalah rasa begitu. Dan kalau nak disebut tentang stadium, tentang nama Tuanku Sultan kitapun mempunyai perasaan yang sama jugak. Tetapi itulah saya katakan tadi daripada awal saya sebutkan dengan izin, *it is an engineering failure.* Jadi kita kena menerimalah hakikat itu dan sekarang ini nak kena baikilah dengan kos. Dan kalau nak beri jaminan bila boleh siap, saya kalau boleh ada jin ke, guana ke ada, kalau boleh esok siap selalu kita nak suruh siap. Tetapi dia ada prosedur, ada masa dan ada peruntukan. Memang kita berhasrat untuk nak menyiapkan stadium itu secepat mungkin. InsyaAllah. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Saya ucap tahniahlah Rantau Abang menjawab dengan tenang dan sabar. Saya jemput Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Bagaimanakah status terkini perancangan Kawasan Khas (RKK) Tepoh – Batu 6?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam

sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, Pemerhati-pemerhati sekalian.

- Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tepoh – Batu 6 telahpun diwartakan pada 8 Oktober 2009.

- Rancangan Kawasan Khas (RKK) berkenaan telah digunakan sebagai dokumen perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan oleh pihak Kerajaan dan swasta.

- Rancangan Kawasan Khas (RKK) telah mengenal pasti 19 projek utama di kawasan Batu 6 dan 10 projek utama di kawasan Tepoh.

- Terdapat beberapa projek pembangunan termasuk naik taraf jalan pembangunan bercampur, pembinaan institusi pendidikan dan lain-lain yang sedang/akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dengan mengguna pakai perancangan dalam RKK Tepoh – Batu 6 ini. Selain itu, terdapat juga beberapa projek pembangunan bercampur, taman perumahan dan bangunan komersil sedang/akan dilaksanakan oleh pihak swasta dengan menggunakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tepoh – Batu 6 ini.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas jawapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Cuma soalan tambahan. Sebagaimana disebutkan tadi ia telah diwartakan pada 8 Oktober 2009 dan RKK ini adalah RKK 2008 hingga 2015. Soalan saya ialah ia dibuat perancangan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, berapakah agensi-agensi khususnya agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan RKK tersebut dan sejauh manakah agensi-agensi yang terlibat telahpun mengambil peranan untuk memastikan RKK tersebut dapat dijayakan dengan baik? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana biasa ini bukanlah kali pertama RKK dibuat. Terengganu merupakan negeri yang pertama yang telah menyiarkan pelan struktur semua daerah, mendahului negeri-negeri lain. Dan kita juga mempunyai RKK

(Rancangan Kawasan Khas) di beberapa kawasan lain. Dan sebagaimana biasa Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia sebagai urus setia yang dipertanggungjawabkan untuk merancangkan kawasan ini termasuk melantik consultant dan juga semua jabatan teknikal dan jabatan-jabatan lain yang terlibat. Bukan sahaja Bandaraya, Pejabat Tanah dari segi penggunaan tanah, Pertanian, JPS dan hampir kesemua jabatan yang terlibat dalam menyediakan RKK ini. Malahan sebelum diwartakan ia dipamerkan untuk menerima bantahan dari orang ramai serta mendapatkan pandangan-pandangan dan sebagainya. Inilah proses yang dilalui Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang kedua. Yang Amat Berhormat ada menyebut bahawa memang RKK ini sebelum diwartakan dipamerkan untuk diteliti serta kalau-kalau ada bantahan daripada masyarakat setempat. Saya mohon penjelasan daripada Kerajaan, berapakah jumlah bantahan yang telahpun diterima dan apa tindakan Kerajaan dalam menangani bantahan yang dikemukakan oleh masyarakat setempat? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, mengenai bantahan ini saya perlukan notis untuk buat semakan semula. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan terakhirlah Dato' Yang Dipertua, kalau semalam atau dua hari yang lepas, Yang Amat Berhormat ada menyebutkan tentang penubuhan pusat pentadbiran baru daerah Kuala Nerus. Ada hubungkait tak antara pusat pentadbiran daerah Kuala Nerus ini dengan RKK Tepoh – Batu 6, dia ada hubungkait tak?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pusat pentadbiran perlu didatang kemudian dan kita akan sesuaikan dengan RKK ini. Di samping itu, saya nak memaklumkan juga bahawa dari segi kajian menyeluruh telahpun dibuat sebagaimana saya katakan tadi termasuklah jabatan-jabatan yang terlibat, JKR contohnya iaitu projek yang telah berjalan dari Bulatan Batu 6 ke Jambatan Manir telahpun dikaji dan kita telahpun memohon supaya jambatan bukan sahaja bermula daripada Durian Burung, Jambatan Manir, Jambatan Buluh Gading sampai ke Batu 6 itu dijadikan empat lorong dan Bulatan Batu 6 ditiadakan dan digantikan dengan *traffic light.*

Seterusnya, Projek Naik Taraf Jalan Persekutuan dari Tepoh ke Gemuroh menjadi empat lorong untuk disambung kepada jalan masuk ke Lebuh Raya Pantai Timur di samping menaik taraf Persimpangan Tepoh. Di samping itu, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mencadangkan supaya satu sungai baru diwujudkan dan dua kolam takungan air diwujudkan di kawasan berkenaan bagi mengatasi masalah banjir yang sering kali berlaku di kawasan Kuala Nerus terutamanya melibatkan Paya Tok Jiring dan kawasan sekitarnya. Kalau mengikut kajian dibuat semasa pembinaan Empangan Kenyir dulu, keseluruhan kawasan itu merupakan kawasan tadahan air tetapi hari ini telah menjadi kawasan perumahan yang utama di bahagian utara. Kita telah melantik *consultant* untuk buat kajian dan apabila pembentangan baru-baru ini dibuat sekiranya keseluruhan projek tebatan banjir Kuala Nerus Utara ini dilakukan melibatkan kos lebih daripada RM300 juta, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan Bulatan Batu 6 itu nak digantikan *traffic light,* orang dok main dah *traffic light* ni, orang buat fly over, *traffic light* tu Polis duk kawal sekarang sesak, tak selesai masalah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, yalah kitapun buat kajian teliti, dia ada dua cadangan *traffic light* dan juga *fly over* dan bukan sahaja di situ termasuk juga di dalam bandar Kuala Terengganu ia melibatkan kos, tunggu satu persatulah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya memang orang nak buat dah hak bulat-bulat tu. .....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor 1 –

Apakah dasar dan strategi yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam menggubal dasar agro makanan negeri untuk menghadapi krisis bekalan makanan dunia sekiranya berlaku?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang atas pertanyaan berhubung dengan Dasar Agro Makanan Negeri Terengganu berkaitan dengan krisis bekalan makanan dunia sekiranya berlaku. Sebagai jawapan, kita tidak bercadang untuk menggubal Dasar Agro Makanan sendiri peringkat negeri Terengganu. Setakat ini kita menerima pakai dan menyokong serta memberi kerjasama kepada Dasar Agro Makanan Negara yang dilancarkan oleh Kerajaan Pusat 2011 – 2020. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana negeri Terengganu mempunyai sumber yang asasi bagi melaksanakan strategi tersebut iaitulah tanah, rakyat dan hasil bumi. Apakah langkah Kerajaan supaya berusaha menafaatkan sumber-sumber ini khususnya melaksanakan strategi 'serampang beberapa mata' melibatkan rakyat dan mengatasi masalah kemiskinan dan pengangguran seperti bukan subsidi secara langsung tetapi seperti diamalkan oleh negara-negara yang sudah gagal dalam mengamalkan subsidi secara langsung seperti menyediakan kemudahan-kemudahan pertanian, baja, makanan ternakan dan kemudahan proses meluluskan projek tanah dan seumpamanya, kemudahan hiliran pemasaran. Terengganu berada di tengah-tengah Pantai Timur, di mana Pantai Timur yang telah lama ditinggalkan begitu rupa, mengapa kita tidak menafaatkan daripada kedudukan kita di Terengganu ini? Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, walaupun kita tidak menggubal Dasar Agro Makanan yang sama bentuk dengan Agro Makanan Peringkat Negara. Tapi sebenarnya kita ada rancangan Pelan Hala Tuju Pembangunan Pertanian Negeri dan khusus untuk

menghadapi ataupun persediaan kita menghadapi kemungkinan sekiranya berlaku krisis makanan dunia yang dibimbangi oleh semua orang dan kita berharap dan berdoalah supaya malapetaka itu tidak berlaku sebab kesannya sangat buruk seperti yang kita tengok apabila berlaku kebuluran di sana-sini.

Kita mengambil langkah awal untuk merancang khususnya berhubung dengan beras sebab kepada kita hak lain-lain itu sunat saja tapi yang wajibnya beras kerana kita semua makan beras. Sebagai langkah awal, kita sudah mengadakan bengkel khusus untuk padi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Berhormat. Makan beras ke makan nasi?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Makan nasi, awalnya padi dan kemudiannya beras. Terima kasih.

Dalam perbincangan kita sekarang ini cuma membekalkan keperluan beras cuma 58% sahaja dan kalau berlaku kekurangan jawab dia kita terlalu berat dan akan menanggung bahana ini. Kita baru 58% dengan kawasan bertanam seluas 17,000 hektar sedangkan tanah kita masih ada dan teknologi kita masih boleh diperbaiki. Kita baru menghasilkan padi 17,000 metrik tan. Dan untuk menjamin keselamatan kita pada tahun 2020 itu perancangan kita, kita memerlukan kawasan seluas 24,500 hektar yang bertanam padi dengan andaian kita mampu mengeluarkan 6 metrik tan sehektar yang boleh menghasilkan 146,000 metrik tan padi, baru kita cukup. Dan perkembangan di akhir-akhir ini kita dapati kawasan padi banyak ditukar syarat menjadi kawasan industri, kawasan perumahan, kawasan tanaman yang lain. Kita bimbang sangat perkara ini akan berterusan dan di antara cadangan-cadangan kita; kita mungkin memerlukan zon khusus untuk tanaman padi dengan mengekalkan kawasannya sebanyak 24,000 hektar. Dan ini mungkin kita akan ambil langkah-langkah untuk mempastikan keadaan ini boleh berlaku.

Dan berkenaan dengan perkara-perkara yang lain seperti perikanan, ternakan haiwan, itupun sedang kita usahakan. Tetapi setakat ini kita betul-betul memberi tumpuan ialah kepada padi kerana masih ada kawasan yang sudahpun kita bina kemudahan asasnya tetapi belum diusahakan lagi. InsyaAllah selepas selesai urusan ataupun projek di jelapang padi di Kampung Jelapang, kita akan berubah tumpuan kita di Marang kerana di kawasan Marang jugak sudah ada kawasan yang

sudah kita bina kemudahan asasnya tetapi belum digunakan sepenuhnya lagi. InsyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada sedikit soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tadi Exco sebut hal beras, memang kita banyak *import* beras dan kita masih belum *self sufficient* dengan izin, kita *import* sayur sehinggakan bahan-bahan makanan sekarang ini naik harga yang cukup tinggi, tetapi permasalahan yang ada sekarang ini TADC di bawah agensi Kerajaan negeri, *Terengganu Agricultural Development Corporation* dengan projek-projeknya Fertigasi Jagung Hibrid, ikan di Sungai Como, hampir semua gagal. Saya bimbangnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi macam NFC *(National Feedlot Corporation),* peruntukan diberi untuk pelihara lembu tapi beli kondo, beli mercedes, ini benda-benda yang berlaku ni. Jadi sekarang ini saya nak tanya macam mana dengan kedudukan Taman Kekal Pertanian Negara yang jugak kita ada di Terengganu, sejauh mana berjaya dalam usaha kita nak memperbanyakkan dan jugak nak mengurangkan pergantungan kita kepada import terhadap bahan-bahan makanan di negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya tidak nak mengulas pasal NFC, itu NFC, NFC punya pasal tapi yang saya pasti tidak ada peruntukan yang disalurkan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam sektor pertanian ini disalahgunakan. Tidak ada peruntukan yang disalurkan kepada TADC yang beli kondo, beli benda-benda yang macam itu. Setakat ini saya tidak berjumpa dengan laporan yang seperti itu. Dan berhubung dengan Taman Kekal Makanan, setakat ini berjalan dengan baik, alhamdulillah, cuma sesetengah kawasan yang sudahpun diwartakan untuk TKPM tidak begitu sesuai seperti yang diwartakan untuk di Rhu Tapai sebahagian besar kawasan itu tidak begitu menjadi, jadi sebahagiannya diusahakan dengan projek

yang lain. Dulu di peringkat awal dulu hendak ditanam dengan limau tetapi nampaknya limau tidak menjadi, jadi sekarang ini sudah ada pengusaha lain yang bercadang untuk mengusahakan sayur, kita sedang beri perhatian. Yang di Marang alhamdulillah, nampaknya menjadi sebab di Marang yang diusahakan ialah tembikai dan ternakan kambing. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan. Akhir-akhir ini kita melihat jabatan-jabatan telah mengurangkan dari segi pemberian subsidi kepada ternakan dan juga perikanan. Jadi apakah langkah Kerajaan pada tahun 2012 nanti untuk mempergiatkan lagi jabatan-jabatan ini untuk membantu petani-penternak di masa hadapan?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih kepada Jabi. Subsidi bukan tidak ada cuma mungkin peruntukannya tidak semewah seperti sebelum ini. Dan untuk tahun-tahun yang akan datang, insyaAllah, kita bergantung kepada peruntukan yang dapat disediakan. Walau macam manapun subsidi masih lagi diteruskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh wakil Kerajaan itu tadi tentang padi di Jelapang yang mengatakan targetnya 6 tan sehektar. Tapi apa yang saya dimaklumkan, minta maaf kalau saya salah, tahun 2009 purata pengeluaran di Jelapang ialah 3.98 metrik tan sehektar dan 2010 telah jatuh kepada 2.1 metrik tan perhektar dan kalau keadaan ini berlaku sudah tentu target tidak tercapai dan perlu kepada kawasan yang lebih luas. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan bahawa pencapaian ini akan meningkat dan tidak dalam geraf yang menurun begini supaya lebih bertambah untuk masa-masa yang akan datang?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih Bukit Tunggal. Untuk makluman projek di Jelapang masih belum siap. Keseluruhannya dijangka siap pada akhir tahun depan dan berkenaan dengan pengeluaran yang semakin merosot saya akui dan pada tahun 2011 hasilnya lagi jatuh, pada tahun itu hasilnya 0.873 metrik tan sahaja sehektar. Ini sebenarnya ada beberapa punca, yang pertamanya kerana pada tahun 2011, 25 hektar hasil padi langsung tidak dituai kerana tanah lembik dan musim hujan. Dan sebenarnya pada peringkat awal Jabatan Pertanian sudah buat keputusan untuk tidak nak tanampun pada tahun 2011 kerana masa tidak sesuai. Selepas sahaja ditanam pada peringkat awal air sudah naik, semua yang ditanam rosak, jadi untuk nak ditanam lagi sekali pada peringkat kedua, mengikut Jabatan Pertanian sudah lepas musim tapi atas semangat peserta-peserta walau sedikit hasilpun mereka nak tanam juga untuk mempastikan tanah itu tidak terbiar kerana itu mereka tanam juga dan hasilnya 25 hektar langsung tidak boleh diambil hasilnya dan sebahagian besar daripada tanaman memang rosak. Sama juga dengan tahun 2010, yang menyebabkan hasil jadi rendah kerana sebahagian besar daripada tanahnya tanah yang belum betul-betul *ready*, mula-mula pada tahun 2009 hasilnya tinggi kerana diusahakan atas tanah lama yang sudah diusahakan berkali-kali. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikianlah Soalan-soalan Lisan yang sempat kita persembahkan dan soalan-soalan yang belum dijawab oleh Kerajaan, saya harap dapat dihantar secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Maka kita tangguhkan dahulu untuk berehat minum pagi, kita masuk semula ke Dewan ini pukul 11.00 pagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Kita cukup kuorum. Saya memberi peluang tepat 5 minit kepada Wakaf Mempelam sebagai ihsan nak menghabiskan ucapan semalam katanya dan saya sukacita mempersilakan Yang Berhormat Wakaf Mempelam kata hak terakhir takut dalam pilihan raya tahun depan takdok dah dia kata. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya walaupun 5 minit. Saya sebut tadi yang terakhir ini untuk sesi Dewan ini bukan yang terakhir, tahun depan mungkin kita jumpa lagi.

Saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam saya tak sempat nak habis sedikit lagi dalam ucapan saya, saya sebut yang akhir semalam ialah isu royalti masih belum selesai. Dan sebenarnya, hakikatnya banyak lagi isu di negeri Terengganu ini antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang tidak selesai. Soal royalti sebagai contoh yang saya sebutkan semalam, dahlah Sabah-Sarawak kekal royalti, Terengganu dapat Dana Khas, kita jangka dapat royalti dah, lepas tu balik dapat Dana Khas balik, Kelantan Wang Ehsan bukan royaltipun digunakan oleh UMNO Negeri Kelantan. Baik, berhubung dengan kes Dana Khas inipun saya *check* dengan Parlimen, soalan saya: Jumlah yang Kerajaan Negeri Terengganu dapat duit tunai Dana Khas Kerajaan Persekutuan dari tahun 2005 hingga 2011 berjumlah RM10,658,677,081, tahun 2005 RM1.009 bilion, tahun 2006 RM1.996 bilion, tahun 2007 RM1.369 bilion, tahun 2008 RM1.6 bilion, tahun 2009 RM1.394 bilion, tahun 2010 RM1.6 bilion, tahun 2011 RM1.6 bilion. Dan 2011 hanya pemberian setakat 28 September 2011, maka jumlahnya RM10,658,677,081. Saya nak sebutkan bila kata belum selesai Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan angka pendapatan tunai dalam tahun-tahun yang saya sebutkan tadi RM10 bilion lebih kita masih lagi defisit kerana apa? Kerana banyak perkara-perkara sepertimana yang disebut, dibincang, isu stadium, dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang kita tidak dapat menafaat dan perbelanjaan-perbelanjaan yang kita anggap rugi dan langsung tidak memberi menafaat kepada rakyat.

Saya nak sentuh sikit kepada soalan saya tadi yang tidak sempat dijawab. Soal sebagai contoh pembelian Stesyen Radio Manis FM oleh Kerajaan Negeri Terengganu RM9 juta. Saya tertanya-tanya sebagai rakyat pasal tidak ada Kerajaan Negeri yang ada stesyen radio melainkan Terengganu. Biasa stesyen radio ini oleh Kerajaan Pusat ataupun dikendalikan oleh pihak-pihak swasta. Nilaian RM9 juta, kitapun tidak tahu gelombang mana, sejauh mana *coverage* dia, pendapatan dari segi iklan kita tidak tahu, pasal kes nak dekat pilihan raya ni mungkin boleh gunalah untuk nak kempenpun. Kitapun radio takdok, apapun takdok, tapi tak apalah tapi sekurang-kurangnya dari segi rasionalnya kita beli stesyen itu RM9 juta, itu satu.

Yang keduanya, yang saya kata isu yang melibatkan kewangan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat yang masih belum selesai. Soal Lapangan Terbang Sultan Mahmud, satu-satunya negeri dalam negara kita yang bina lapangan terbang projek Kerajaan Pusat guna duit negeri dan negeri Terengganu tak dapat apa-apa menafaat, *return* daripada *investment* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya *check* dulu angka yang diberikan oleh Kerajaan, kos bangunan asal bila kita buat yang baru RM130 juta, *runaway* ataupun landasan kerana melibatkan tambak laut RM530 juta, kos dia RM660 juta. Tapi bila saya *check* di Parlimen angka yang diberikan wang Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang digunakan bagi projek naik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu berjumlah RM882.17 juta dan jumlah bayaran balik akan dibuat kepada Kerajaan Negeri Terengganu masih dalam penelitian Kementerian Kewangan. Saya nak tahu kes yang belum selesai berapa daripada RM882 juta yang asalnya kita dimaklumkan RM660 juta tadi yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dipulangkan balik. Yang kita duk mintak macam peminta sedekah, duk tanya sokmo mintak *advance*, pitih dok cukup sokmo ni. Begitu juga dengan Syarikat Perumahan Negara (SPNB) …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 1 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 1 minit lagi, gulunglah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya terkejar-kejar ni. Bermaknanya SPNB, Syarikat Perumahan

Negara ni satu badan di bawah Kementerian Kewangan, bina rumah di seluruh negara dia pakai duit kita RM873.4 juta tapi untuk Terengganu dia bina rumah di Terengganu RM1.2 juta tidak mahu bayar, dia nak bayar hanya RM771.34 juta. Mana boleh, dia berniaga, rumah dia jual tapi untuk Terengganu tidak mahu bayar. Dan sehingga kinipun belum lagi selesai isu ini, dia hanya bayar setakat RM200 juta pada 1 Ogos baru-baru ini. Macam airport tadi begitu jugak dahlah kita nak naik taraf operasi penerbangan terus daripada Kuala Terengganu ke Jeddah kita bayar RM3.8 juta selama 2 tahun (2010-2011). Firefly yang beroperasi daripada Kuala Terengganu ke Singapura kita bayar sampai RM400,000. Jadi banyak perkiraan dari segi dasar kita rugi sokmo. Duit kita bila dah duduk di tangan orang nak dapat balik payah tapi kita banyak mengalah. Baik, soal LPT saya takdok masa nak sebut tapi sudah banyak perkara disebut sebelum pada ini. Cuma hal stadium sayapun dah sebut sikit-sikit tadi, kita dah bincang tadi.

Cuma yang akhir-akhir yang keadaan duk terkejar-kejar ni saya nak kaitkan sikit hal pendidikan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, SMASZA. Bila serah sekolah agama 14 buah kepada Pusat, yang ada 10 IMTIAZ yang ada sekarang ini. Tapi bila kita serah dalam keadaan maknanya telah diambil alih oleh Kerajaan Pusat di bawah SABK dan kitapun mengaku kurang sekolah agama untuk nak menampung keperluan rakyat yang sekarang ramai cukup minat untuk hantar anak ke sekolah agama timbul banyak masalah. Pernah sebelum pada ini saya sebut berhubung dengan kes dari segi pentadbiran, sekolah-sekolah agama bila diserah dia terpaksa menghadapi masalah pentadbiran beradap dengan Pejabat Agama, beradap dengan Pejabat Pelajaran Negeri ataupun daerah. Sebagai contoh, dulu saya sebut tawaran masuk ke tingkatan 6 di SMASZA. Pihak Pejabat Pelajaran hantar surat tawaran dibatal oleh Pejabat Agama. Ini ada satu kes ni, sebuah sekolah agama, saya sebut khususlah di Marang tempat orang rumah saya mengajar 6 bulan dah takdok Pengetua, dulu ada seorang Pengetua barangkali tak perform, banyak takdok daripada ada di sekolah tetapi kakitangan sekolah kata pada ada baik takdok, akhirnya tukar dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, baik Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Setengah minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah bagi lebih 2 minit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ganti Pengetua baru, lepas tu Pengetua dah buat perform tukar naik pangkat sekarang takdok Pengetua. Ini benda-benda Pejabat Agama nak lantik

orang yang tidak cukup kelayakan barangkali, takdok Diploma Pendidikan ke apa, tapi itulah masalah yang ada sekarang ini dan antara contohnya.

Dan yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah berhubung dengan KUSZA, sekarang dah takdok KUSZA dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat janji dengan saya 5 minit. Lebih dah saya bagi 3 minit dah lebih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasihlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tapi saya dalam keadaan terkejar-kejarpun *dokdang* habis jugak sikit lagi tapi tak apalah terima kasih banyak-banyak. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Saya buka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk berucap. Ya, kita bagi kepada Manir dulu. Manir boleh lebih kerana Ketua Pembangkang, dia lebih pada orang lainlah. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati dan hadirin-hadirat sekalian, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi izin kepada saya untuk berucap sepatah-dua, memberi komentar atau komen kepada Ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang pertamanya, peringkat awal mukadimah ini, saya semacam rasa ragu untuk mengesahkan atau untuk mempercayai Belanjawan ini untuk kesejahteraan rakyat. Ada beberapa perkara yang mungkin saya akan sebutkan kemudian. Saya dari sudut fizikallah memang sejak akhir-akhir kita rasa tidak begitu selesa menggunakan jalan raya, kalau beberapa tahun kebelakangan dahulu orang cakap kalau kita mari daripada Kuantan, daripada Pahang sampai di Kemaman tu langkah sempadan sahaja kita rasa dah yang jalan itu macam jalan Terengganu, berbeza. Tapi sekarang ini maaf, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat bila lalu daripada bandar Cukai melintas ke Teluk Kalung, saya macam ada satu perasaan jalan tu bagus betul, naik-turun, naik-turun, Allah, habis sakit urat. Dah saya orang lama, tua tu tidaklah, lama, sakit urat. Kemudian satu lagi kadangkalalah di sebelah petang di Teluk Kalung, *jam* dia lebih daripada *jam* di Kuala Lumpur. Jadi dulu kita tidak pernah makan *jam,* orang Kuala Lumpur saja

makan *jam* .....(Dewan gelak) ..... tapi kita terpaksa makan *jam* bila melintas jambatan. Alhamdulillahlah nampak jambatan tu sedang dibinalah, kita harap percepatkanlah ini untuk kesejahteraan rakyat.

Yang keduanya, semalam bila masuk waktu maghrib, saya bercadang nak baca buku Bajet ini semalam, nak baca malam kelmarin takut lupa, elektrik putus tapi alhamdulillah Syarikat TNB ini bagus layanan dia, bila putus saya telefon dia jawab, dia layan baik .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di rumah Yang Berhormat ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kawasan kampung saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Burung layang-layang banyak takut terlanggar wayar ..... (Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh jadi. Itu andaian Dato' Yang Dipertua. Tapi bila saya telefon, maklum balas dia masalah pencawang di Gong Badak, tiap-tiap kali rosak masalah di Gong Badak. Dan akhirnya sayapun bersungut jugak pasal apa tidak boleh diperbetulkan, kenapa di Gong Badak saja yang rosak yang lain tidak rosak, itu menganggu kesejahteraan saya jugak. Bila takdok elektrik nak baca tidak boleh, udara panas tidak boleh pasang kipas dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Orang lama ....(Dalam Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, ya, kita orang lama. Saya tak tahulah kadar orang muda takdok letrik dia boleh baca jugak dengan pelita ayam, saya lama dah tak guna tu. Itu mukadimah sajalah.

Kemudian pasal Yang Amat Berhormat dalam Ucapan Bajet dia, ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya duk kira-kira nak ucap terima kasih takdok jalan, royalti kita tidak boleh-boleh, tahun ini lenyap terus, takdok, kalimah royaltipun takdok. Selama ini kita, setahun-dua lepas, kita duk fikir tahun ini dapat, tahun ini dapat, akhirnya takdok terus. Macam mana kita nak hormati orang-orang UMNO ni, maaf saya sebut UMNO, tersebut bukan sengaja tapi nak sebut .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Siapa dia tak nampak.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sini, sini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Haa …. Itu Alur Limbat. Alur Limbat, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Manir. Soalannya, dah bila pernah ke tidak walaupun sedetik, sesaat Ketua Pembangkang menghormati pemimpin UMNO ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya lebih daripada sedetik menghormati pemimpin UMNO ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya menghormati. Saya pernah duduk di luar negara, mari Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman, saya tak sempat. Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri melawat ke luar negara berjumpa dengan saya, saya sambut saya sebagai pelajar di luar negara. Mari Datuk Hussin Onn saya sambut saya sebagai pelajar Malaysia di luar negara, menghormati pemimpin negara. Dan Perdana Menteri sekarang inipun saya menghormati, orang kawasan saya pergi menyambut beliau bila dia datang melawat kawasan Manir. Itulah hebatnya kawasan Manir, Perdana Menteri datang melawat, alhamdulillah, kawasan hulu ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Manir sambut ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Manir sendiri pergi sambut ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak pergi sambut sebab saya tidak ada kad jemputan …..(Dewan gelak) ….. tidak dapat jemputan daripada penganjur. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar panggil saya, insyaAllah saya pergi ataupun Pengerusi UMNO Bahagian Hulu Terengganu

jemput mungkin saya hadir. Bagaimana saya tidak menghormati pemimpin UMNO, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah pergi ke rumah saya nak tengok kambing saya dan dia beli kambing saya, saya pernah berniaga dengan dia, dia beli. Saya tak beri saja, dia beli, cuma adalah tawar menawar .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kita Ahli BBC ini boleh ke tidak pergi ke rumah Yang Berhormat untuk mintak kambing-kambing, mungkin kambing-kambing itu kambing yang baik agaknya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, ya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila Yang Amat Berhormat pergi ke rumah saya dia nak beli kambing tu saya tanya duit siapa ni Yang Amat Berhormat? Dia kata duit saya. Duit dia tu saya jual murah-murah sajalah .....(Dewan gelak) ..... sebab sama-sama saing, hormatnya saya. Kalau Yang Berhormat Jabi nak pergi sekarang ini dukacita sekarang ini kambing projeknya tidak berjaya .....(Dewan bertambah gelak)..... Itupun saya dapat bertahan daripada 3 ekor sampai 200 ekor.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang habis ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sekarang ini tak jadi, tuan dia tak berapa sihat kambingnya tak berapa sihat jugak. .....(Dewan semakin gamat dengan hilaian ketawa) ..... Maka saya nasihatkan kepada Exco Pertanianlah, kambing ini boleh untung tetapi kena ada bantuan besar daripada Kerajaan. Pertama sekali kawasan tanaman rumput supaya petani-petani itu tidak dibebankan dengan pembelian makanan kambing yang begitu mahal dari masa ke semasa .... Eh, kambing pulak.

Saya hormat pemimpin, maknanya kalau kata tidak hormat pemimpin UMNO itu tidak betul, memang hormat. Cuma saya berlawan dasar dia, dasar UMNO dengan PAS itu berbeza. Ini titik perpisahan kita. Kalau nak minum kopi sekali, teh sekali, boleh, itu tak ada masalah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit Y.B. Manir. Boleh ke dalam Dewan ini Dato' jelaskan dasar-dasar itu yang berbeza dan yang tidak berbeza?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini perlu masa 1 jam untuk menerangkan. Kalau Yang Dipertua bagi kepada saya 1 jam, saya terangkan. Boleh ke Yang Dipertua, 1 jam?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa saya takdok dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Takdok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau Yang Berhormat nak terangkan boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat terangkanlah dulu kalau perlukan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, saya perlukan masa 1 jam. Boleh Yang Berhormat izinkan saya menggunakan masa 1 jam untuk menerangkan perbezaan UMNO dengan PAS dan saya sambung ucapan saya dalam Bajet. Boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habiskan Bajet asal dululah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bajet dulu. Minta maaflah Wakil Jabi, Dato' Yang Dipertua kata saya kena cakap hal Bajet dulu. Saya tidak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dia mengkhianati rakyat negeri Terengganu bukan Perdana Menteri hak ni saja yang 1Malaysia ni, Perdana Menteri daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang Menteri Kewangannya, Daim Zainuddin pada masa itu. Dia telah sewenang-wenangnya mengubah royalti minyak itu kepada Wang Ehsan. Ini suatu pengkhianatan yang besar daripada orang yang bergelar beragama Islam dan berbangsa Melayu kepada orang-orang Melayu di negeri Terengganu ini. Ini suatu benda yang tidak boleh diampun oleh orang-orang Melayu yang ada rasa jiwa Melayu, yang sudah tidak ada jiwa Melayu itu terpulanglah kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia mematikan terus tentang royalti dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang bersemangat dan bersungguh-sungguh untuk mengembalikan royalti ke negeri Terengganu, saya tidak sempat untuk mengucapkan tahniah kerana dia tidak berjaya. Jadi takziahlah, jangan putus asa, insyaAllah berusahalah lagi supaya royalti kembali kepada negeri Terengganu. Sebab kita berbincang banyak kalipun kita bergantung harapan hanyalah kepada royalti. Usaha-usaha Kerajaan untuk menambah hasil kepada negeri Terengganu

beberapa tahun ini kita tidak dapat lihat bagaimana hasilnya, yang ada hanyalah sebagaimana kawan-kawan saya sebut kewangan negeri Terengganu masih lagi teruk, yang tahun inipun yang dikata ada baki-baki sebenarnya takdok baki. Dalam Akaun Hasil Disatukan takdok 10 senpun, yang ada semuanya defisit RM600,000, beberapa ribu itu defisit tetapi nasib baiklah defisit itu dapat ditampung oleh Akaun Amanah Yang Disatukan, Akaun Amanahnya Dato' Yang Dipertua, bukan duit kita duit rakyat, bayar bil itu, bayar deposit itu tetapi kita guna dulu sampai ke tahap kita guna sudah melampau banyak duit amanah itu. Ini walaupun dari sudut amanahnya kita guna duit orang tak baguslah tapi dari sudut pentadbiran kita kata tak apalah kita dulupun bila tuan dia mintak kita boleh bayar, dia tidak mintak sekaligus. Yang RM900 juta, RM600 juta itu takdok mintak sekaligus, dia mintak perlahan-lahan, beransur-ansur kita boleh bayar, itu betul tetapi kita telah menggunakan Wang Amanah Yang Disatukan. Saya telah tegur perkara ini dalam ucapan-ucapan yang lalu, itu dari sudut duit, ada duit tak payah cakap ini takdok duit, guna duit Amanah Yang Disatukan sebahagiannya.

Kemudian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rancangan masa depan. Strategi yang dibuat oleh Kerajaan, apa jaminan untuk generasi yang akan datang untuk mendapat nikmat yang sama daripada hasil yang kita perolehi sekarang ini. Kalau dalam Quran dia kata yang pertama (membaca keratan ayat Al-Quran yang menghuraikan maksud): Jadi hasil atau pendapatan kekayaan negara itu diagih yang keutamaannya 'lifuqara' almuhaajirin', orang-orang Muhaajirin yang sudah menjadi fakir, sudah jadi miskin kerana mereka dipisah dengan tanah air mereka dan dengan harta benda mereka. Kemudian orang-orang yang memberi perlindungan kepada aqidah, kepada perjuangan Islam itu diberi keutamaan juga dan yang akhir 'wallazinajaa umimba'dim' dan generasi yang akan datang yang akan lahir yang mengaku beriman kepada Allah S.W.T. Itu sepatutnya kita merancang begitu tetapi dalam Bajet saya tak nampak ada rancangan untuk penambahan hasil terutama untuk mewarisi hasil yang telah ada ini kepada mereka-mereka yang akan datang hasil daripada pelaburan kita. Yang ini tidak dirancang sebab itu saya rasa saya sangsi dan ragu Bajet ini hendak memberi kebahgiaan dan kesejahteraan kepada rakyat.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pada masa dulu saya pernah menyebut bagaimana Nabi Yusof membuat Bajet bagi Kerajaan Firaun yang menghadapi satu masalah atau kesulitan atau kemelesetan ekonomi. Bila Firaun bermimpi dia ada 7 ekor lembu yang gemuk dimakan oleh 7 ekor lembu yang kurus, 7 tangkai yang subur dimakan oleh 7 tangkai yang kering maka Kerajaan Mesir bermimpi dan dia membincangkan mimpi rajanya itu di dalam Parlimen. Tidak ada seorangpun daripada Ahli Parlimen Mesir yang mampu mentadbir mimpi ini semua mereka berkata: "Wamaa-nahnu bita'wilil-ahlan bil-aalimi', tidak ada dari kalangan kami yang boleh mentadbir mimpi ini. Maka lalu dengan ringkasnya

dijemput Nabi Yusof yang berada di dalam penjara untuk mentadbir mimpi itu. Maka Nabi Yusof mentadbir mimpi bahawa negara kamu akan didatangi oleh dua keadaan. 7 tahun pertama hasil negara subur, dapatan negara lumayan tapi 7 tahun yang kedua negara akan menghadapi kemelesetan ekonomi. Bagaimana nak atasi 7 tahun yang subur nak mengatasi 7 tahun yang meleset ekonomi. Maka dengan sebab itu Firaun menawarkan kepada Nabi Allah Yusof untuk mentadbir negeri, mula-mula Nabi Yusof bagi pandangan begini, begini, akhirnya Firaun pada masa itu dia tak pandai nak laksanakan hak Nabi Yusof cadang dia lantik Nabi Yusof; "Aku serah kepadamulah kuasa." Maka hasil 7 tahun itu dapat dibelanjakan iaitu bajet memperuntukkan hasil daripada 7 tahun itu sebahagiannya dilaburkan sehingga dapat dibelanja dalam masa 14 tahun. Semasa 14 tahun berlaku kemelesetan ekonomi dunia tetapi dunia-dunia yang berjiran dengan Mesir semua pergi ke Mesir meminta bantuan khususnya bantuan makanan daripada negara Mesir dan Nabi Yusof alhamdulillah berjaya. Ini adalah bagaimana perancangan untuk menjaga rakyat di masa akan datang jadi duit kita tiap-tiap tahun dijangka dapat sekian-sekian dan dibelanja habis, orang kata sama sendat, seimbang, dapat RM10 belanja RM10. Kita tidak ada masalah kalau Bajet kita defisit atau Bajet kita surplus ataupun seimbang tetapi kalau Bajet itu defisit ada falsafah dia, falsafah untuk mencergaskan pemimpin-pemimpin negara, pemimpin-pemimpin Kerajaan. Manakala Kerajaan membuat Bajet defisit maka Kerajaan itu kuat azamnya walaupun tidak ada duit dia akan melaksanakan janji-janji dia kepada rakyat dengan berusaha untuk menambahkan hasil negeri. Tapi saya dukacita, saya tengok dalam Bajet ini tidak ada usaha-usaha pembangunan yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada negeri. Sebab itu saya buat soalan dalam Dewan, Soalan Bertulis saya tanya Kerajaan, berapa luaskah tanah-tanah Kerajaan yang terbiar di dalam negeri Terengganu ini yang dapat dikesan oleh Kerajaan. Dia tolak, soalan begitupun ditolak. Saya tahu tolak itu di bawah budibicara Yang Dipertua, di bawah fasal sekian, fasal sekian, boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kalau saya nak terang, kalau Yang Berhormat tanya macam itu tanah terbiar daripada Kemaman sampai ke Besut ……

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yalah saya tahu, saya tahu ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ….. tak tepat Yang Berhormat umum sangat. Soalan tidak tepat begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi 21 hari Dato' Yang Dipertua, 21 hari tu bukan soal hari ini jawab esok selalu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, soalan macam itu terlalu umum.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan tak boleh, Kerajaan kedekut. Gunalah pegawai-pegawai, beri lebih masa untuk cari itu. Tanyalah Pejabat Tanah Kemaman berapa, Pejabat Tanah Hulu Terengganu berapa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takkan tahu jugak Yang Berhormat, tanah Yang Berhormat terbiar di Manir Yang Berhormat tak tahu banyak mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya bukan Pegawai Tadbir Tanah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat di situ berapa lama dah? Yang Berhormat kena tanya yang khusus, jangan salahkan Yang Dipertua, jangan salahkan Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, Kerajaan mesti bersikap jujur, sekurang-kurangnya buat kajian, kalau pegawai-pegawai tak cukup masa beri kerja lebih masa, dia ada elaun lebih masa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh Yang Berhormat, tak boleh. Saya nak tanya Yang Berhormat walaupun kita ukur macam manapun ia takkan tepat. Seluas mana terbiar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yalah masa saya tanya ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Masa tahun ni bulan 11 ni ada berapa yang terbiar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tanya kalau nak tanya betul-betul .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan nak suruh jawab hak tahun akan datang, kalau tahun akan datang tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kena tanya ikhlas apa yang Yang Berhormat nak tahu, khusus kepada yang nak tahu, senang kita jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak tahu tanah terbiar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang ada di negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi sampai bilapun .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Payah nak jawab, habis masa, saya tahu pegawai nak kena selidik, nak tanya apa semua. Jadi boleh tapi gunalah peruntukan sikit lebih masa dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan biar dia buat kajian, kita dapat maklumat. Daripada tanah terbiar itu kita boleh buat kajian apa projek-projek yang boleh mendatangkan hasil yang baik kepada negeri untuk kita lakukan. Ini boleh kita lakukan tapi kalau itupun tak boleh nak jawab, bukan tak boleh nak jawab tapi tak mahu jawab. Maaf Yang Dipertua deh, kata Yang Dipertua sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Yang Berhormat lebih lama daripada saya, jadi saya rasa buku peraturan warna merah itu sudah jelas dah mengenai soalan, peraturan mengendali soalan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, sayapun faham, saya faham ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat balik kena baca baliklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya baca dah, saya ingat dah, sebab saya berucap tak payah tengok buku saya ingat di sini aje

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu yang saya nasihat di sini tu, saya sebagai Yang Dipertua, tak boleh begitu Yang Berhormat. Yang Berhormat dah tua dah, banyak benda yang tak ingat seperti buku tadi .... (Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh! Tapi banyak lupa daripada Yang Dipertua, Yang Dipertua lebih lupa daripada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya maklumkan kepada Yang Berhormat ni, saya nasihat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah sayapun bercakap baik ni bukan cakap kasar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sayapun baik Yang Berhormat, ikhlas kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cuma saya tahu soalan ini ditolak kerana mungkin perbelanjaan untuk jawab soalan saya ini banyak. Jadi Yang Dipertua kata kita kendurkan perbelanjaan, tak usah kaji hak ni, biar pegawai-pegawai tak payah cari. Nak cari ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu tak betul Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak cari Yang Dipertua ke, Wakil Rakyat ke, nak cari ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak betul Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ….. geran tanah ini tak boleh, tak tahu, macam saya jugak tak tahu, dia ada pegawai, gunalah peruntukan lebih masa itu supaya pegawai buat kajian dan kita dapat maklumat. Kalau kita tahu tanah-tanah terbiar ini kita boleh buat projek-projek yang boleh menguntungkan negeri dan mendapat pulangan yang baik kepada negeri. InsyaAllah tapi yang itu tak berlaku, tak apalah.

Kemudian saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang pendidikan. Saya ucap tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini kerana dia peruntukkan untuk pendidikan ini banyak jumlahnya. Tapi kesan daripada pendidikan, apa yang kita lakukan sekarang ini bukan kita kejar kecemerlangan akademik sahaja, kecemerlangan akademik berlaku di mana-mana, di Amerika, di Perancis, UK dan sebagainya. Tetapi kecemerlangan akademik itu tidak boleh menjamin pentadbiran negara, pengurusan kewangan berjalan dengan baik sebab itu semua berhajat kepada amanah dan amanah itu daripada satu sifat yang dimiliki oleh orang-orang yang betul yakin dan beriman kepada Allah S.W.T. Sekarang ini pelajar-pelajar kita di sekolah cemerlang tetapi di luar, masyaAllah, masyarakatnya macam-macam berlaku. Bukan saya nak puji Menteri Besar tapi saya kesian ke dia, dulu kerana SMS bunuh, kesian ke dia orang kata pegawai dia dan sebagainya tetapi terbukti tidak. Lepas itu baru-baru ini blogger pulak mari tulis, minta maaflah Yang Amat Berhormat bukan saya nak kata blogger tulis, saya

baca dalam surat khabar saja. Kata Yang Amat Berhormat ini kahwin satu lagi, saya kalau kahwin satu lagi saya percaya Yang Amat Berhormat ni, memang hobi dia, saya takdok kisah mana hak tu …..(dalam gelak) …. dan bukan satu perkara yang keji. Tapi saya nak tengok bagaimana kita boleh melahirkan mungkin bukan daripada rakyat Terengganu ataupun rakyat Terengganu bagaimana kita boleh melahirkan orang-orang seperti ini. Saya baca *statement* daripada Parlimen menyatakan anak yang lahir di luar nikah, tidak tahu siapa bapaknya begitu besar jumlahnya. Ini adalah gejala sosial yang berlaku di dalam negara kita dan ini perlu diatasi supaya tidak lahir anak-anak ini.

Dan kepada Pegawai-pegawai Tadbir, orang-orang politik, Menteri Besar kata kita nak utama orang-orang miskin, saya setujulah diutama orang miskin. Di antara mengatasi orang-orang miskin ini, yalah zaman kita masa zaman PAS dulu, tak payah tiru hak tu mungkin tidak baik, kita bagi tanah kepada orang-orang kampung, orang-orang miskin dia boleh tanam atas tanah dia sendiri dan dia boleh membuat apa-apa rancangan berdasarkan kepada tanah yang kita beri. Misalnya di daerah Dungun, kita beri tanah ke dia satu lot, dengan tanah dia itu dia buat projek dan dia dapat hasil yang lumayan selepas itu. Sekarang ini bila kata petani-petani bertanam di atas dia maka itu adalah lebih baik daripada bertanam di atas tanah orang lain. Dan saya tidaklah nak mengatakan sangat, kita dulu bagi tanah kepada rakyat dalam bentuk LMS …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ooh … 3 minit lagi. Berasa nak berhenti selalu dah ….(Dewan gelak) …. Tiba-tiba apa yang kita beri itu ada yang diambil balik, tak sambung LMS dan sebagainya, itu terpulang kepada Kerajaan. Tapi saya nak ceritanya ialah di daerah Hulu Terengganu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ada orang yang diberi tanah dekat nak buat pembangunan pulau di sana, tempat bebas cukai tu, ada anak pemimpin dapat 2 hektar seorang, ramai, pemimpin-pemimpin UMNO saja, ada juga bukan pemimpin UMNO, ada seorang tu dapat Tengku Hafiz Tengku Putera, minta maaf, saya dok tahu anak Yang Berhormat Speaker, tidak. Kalau anak Speaker ni bila anak Speaker tu jadi miskin? Setelah dia jadi Yang Dipertua Dewan, maka dia jadi miskin maka perlu dia diberi 2 hektar? Di jalan ke Kenyir ke tempat bandar bebas cukai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk kejap. Saya minta Yang Berhormat pergi *check* dengan yang betul sebelum bercakap di dalam Dewan ini, adakah diberi kepada anak saya ataupun nama yang Yang Berhormat sebut tadi tanah berkenaan. Saya mintak Yang Berhormat ikhlas dan jangan mainkan peribadi anak saya yang tidak ada di sini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): .....(ucapan tidak kedengaran kerana tidak pasang mikrofon) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, pergi *check* dulu sebelum bercakap di sini pergi *check* dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya ada senarai daripada Pejabat Daerah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, Yang Berhormat istiharkan di luar Dewan kalau betul diberilah dengan syarat yang dok kena diberi dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia bayar premium bukan tak bayar tapi orang lain tak boleh macam mana begitu. Saya sebut jarang-jarang, di antara yang dapat ialah nama dia Yusof Awang Hitam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk lagi sekali. Saya tahu kalau tanah ini tidak dapat bagaimana Yang Berhormat kata dapat, kalau keluar suratpun kalau tidak dilulus oleh Kerajaan, tengoklah sampai habis, janganlah Yang Berhormat baca separuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ooh .... Apabila saya baca ni kata tak lulus lagi. Hah! Ini ada senarai tolong bacakan kepada saya, saya tak berapa tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Surat apa tu Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Surat atas nama sekian-sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak ke saya biar saya baca, ambil Bentara, saya tak nak pembohongan di sini. Saya nak tengok. Mintak sini. Ambil, ambil Pembantu Bentara, saya nak tengok surat tu. Sila ambil, saya nak tengok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tak apa, tolong *copy* saya nak simpan satu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat. Ini surat apa Yang Berhormat ni, surat apa ni? Inilah penipu ni. Kesabaran saya ada tahapnya jugak. Senarai bagi permohonan Ukur Bilangan. 51/2005 Mukim Hulu Telemong. Bukan surat Pejabat Tanah, bukan surat Kerajaan Negeri, bukan surat apa-apa. Inikah sahaja surat kelulusan yang Yang Berhormat nak bercakap dalam Dewan ini? Yang Berhormat orang tua, Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Orang tua yang saya cakap berhalus tu, kalau saya orang muda saya boleh kata awak guna kuasa dan apa semua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat, sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Janganlah Yang Dipertua bila nama .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk, sebab Yang Berhormat dah sebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak tuduh anak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk. Saya minta Yang Berhormat kalau betul telah diberi kepada orang yang Yang Berhormat sebut tadi, sila sebut di luar tapi Yang Berhormat *check* perhabis apakah yang berlaku di atas tanah yang Yang Berhormat sebut ini. Ya, cukuplah Manir. Saya buka pulak kepada Yang Berhormat lain untuk berucap. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang dirahmati Allah S.W.T.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum itu Jabi, saya minta pihak Kerajaan menjawab atas perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Manir, betul ke tidak tanah itu diberi kepada dua individu yang disebut. Kelulusan sahaja tidak

cukup, itu saya kata dapat kepada orang ini dengan syarat yang salah diterjemah tadi. Besoklah. Sila teruskan Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas Bajet 2012. Apa-apapun kita merakamkan berbanyak terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet sebanyak RM1.950 bilion untuk kesejahteraan rakyat. Walaupun di pihak sebelah sana merasa ragu, merasa sangsi, merasa apa-apapun tetapi Bajet ini Bajet yang ada duit yang akan turun kepada akar umbi kepada seluruh rakyat jelata negeri Terengganu. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Terengganu. Oleh itu, saya percaya dalam keadaan yang telah dibentangkan itu tiga perkara utama yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang memantapkan pembangunan modal insan, memelihara kesejahteraan rakyat, meningkatkan daya saing negeri akan tercapai dalam masa yang telah ditetapkan.

Saya menarik perhatian dalam sektor pertanian dan asas tani kerana saya yakin dan percaya pertanian merupakan pekerjaan utama penduduk di negeri Terengganu kita. Penternak, nelayan adalah yang terbesar di negeri Terengganu. Oleh itu Bajet yang diperuntukkan sebanyak RM27.3 juta ini akan memberi tumpuan-tumpuan yang telah ditetapkan tetapi saya memohon kepada Kerajaan supaya memandang serius terutamanya apa yang disebut oleh wakil Kerajaan tadi tentang penanaman padi. Dan kita ucap terima kasih kerana dibuka Jelapang Padi bagi jelapang padi baru. Tetapi jangan lupa bahawa jelapang padi yang sedia ada perlu kita naik taraf. Kita tidak ada masalah mengenai tanah tetapi masalah petani kita. Apa salah kiranya petani-petani kita diberi motivasi yang cukup supaya menjadi petani yang hebat seperti di Tanjung Karang, seperti di Sekincan kerana petani-petani kita mengambil sikap yang tidak sepenuhnya untuk mengusahakan tanaman padi yang mendatangkan hasil yang lumayan.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya melihat rata-rata petani di seluruh daerah Besut kalau turun ke bendang pukul 7.30 pagi singgah dulu di kedai kopi, pukul 9.00 pagi baru turun ke bendang, pukul 11.00 pagi sudah naik dan singgah balik di kedai kopi, selepas Asar baru turun balik. Hanya beberapa jam sahaja yang mereka tumpu kepada tanaman padi tidak seperti petani di Sekincan, di Selangor bekerja seperti kerja di pejabat, masuk pukul 8.00 pagi, pukul 12.45 tengah hari balik, masuk pulak pukul 2.00 petang, balik pukul 5.00 petang. Inilah yang kita harapkan supaya ada satu suntikan kepada petani-petani kita untuk mereka merubah pemikiran dan juga sikap untuk berubah kerana saya yakin kursus-kursus yang perlu dianjurkan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan untuk mempastikan mereka ini berusaha bersungguh-sungguh kerana daripada anak petani inilah,

kerana daripada anak penternak inilah, kerana daripada anak nelayan inilah yang akan menjadi pentadbir, akan menjadi warisan kita pada masa hadapan. Yakinlah bahawa kita Kerajaan Negeri Terengganu kita sangat komited. Saya percaya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat komited untuk merubah kehidupan pada masa hadapan. Tetapi Dato' Yang Dipertua Dewan, saya dukacita, saya mengalami beberapa peristiwa yang sangat mendukacitakan, rata-rata orang miskin dalam DUN di Jabi ramai orang PAS, betul, ini ikhlas saya sebut, lebih ramai orang PAS jida dibandingkan dengan orang UMNO. Kita nak tolong macam mana Dato' Yang Dipertua Dewan, dengan kitapun tak nak bercakap, berat kita lagu ni Dato' Yang Dipertua Dewan. Dengan kitapun tak nak bertegur sapa, bukan kita tak nak bantu, peruntukan yang diberi RM1 juta untuk baiki rumah, untuk tukar atap dan sebagainya. Kita tahu dia miskin tetapi kita nak bantu susah, macam orang kata terlekat tulang, dengan kita tak nak bercakap, macam mana kita nak bantu dia. Inilah kesannya daripada ajaran yang telah dibuat oleh pimpinan PAS supaya membenci UMNO sebegitu sekali, dengan kita Yang Berhormatpun tak nak bercakap. Inilah kesan ……

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir mintak penjelasan. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Siapa dia yang takmboh bercakap dengan Yang Berhormat? Hah! Siapa dia yang takmboh bercakap dengan Wakil Rakyat dia? Orang mana?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' nak tahu? Bukan setakat tak nak bercakap, yang tak pergi sembahyang Jumaat sampai hari ini, Leman bin Jusoh dari Kampung Bukit Jeruk, isteri dia nama Limah binti Mamat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduklah Yang Berhormat, biar dia terangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya hak tak bercakap bukan yang tak pergi sembahyang Jumaat? Hak tak pergi sembahyang Jumaat ramai jugak, ada orang PAS, ada orang UMNO yang tak pergi sembahyang Jumaat, ada orang atas pagar.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kalau tak pergi sembahyang Jumaat tu, tak nak bercakaplah dengan kita, tengok muka kita dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ooh ya, ya. Kalau begitu ramailah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kalau begitu kena ubah sikit senyuman tu biar menarik sikit.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak bagi tahu Dato' Yang Dipertua Dewan, ini ikhlas kita mintak pimpinan perbetulkan, kita nak kita orang Melayu kita boleh bersatu, hal parti itu hal partilah, hal pilihan raya dia nak UMNO, dia nak PAS okey teruskan tetapi ini sudah menjadi pegangan perjuangan sehingga menyebabkan pegangan akidah, tak pergi sembahyang Jumaat kerana dulu ada petua yang disebut yang dibuat di Banggol Peradong oleh Yang Berhormat Rhu Rendang bahawa menuduh UMNO ini kafir, sembahyang Jumaat di masjid tidak sah. Makan hak sembelihan orang UMNO tak boleh, akad nikah dua kali, tanam kubur asing-asing. Saya di Jabi ada dua tempat di Apal, kubur UMNO sebelah, kubur PAS sebelah. Siapa nak bertanggungjawab?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, maknanya di atas ni kubur UMNO sebelah, kubur PAS sebelah, takut-takut dia bersalam dalam kubur sana. ….(Dewan gelak) …..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit. Tadi disebut hak nikah dua kali, siapa dia dalam Dewan ni hak nikah dua kali dan bercerai ni siapa dia?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak dalam Dewan ini doklah, hak luar Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak usah bercakap hak luar Dewan, hak dalam Dewan inipun ada, dia tak boleh nak buat contoh-contoh begitu, dalam Dewan ni yang menikah dua kali dan bercerai belaka dua-dua, siapa dia? Kalau nak bangkit benda-benda macam itu.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Beratlah main lagu tu …..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan duk bangkit benda-benda yang ……

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang menikah dua kali tu dua orang, bini muda sekali, muda tua sekali, dua kali.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dua kalilah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ni atas seorang dua kali, Imam UMNO sekali, Imam PAS sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tu lain Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang beri laluan ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh Jabi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan. Pasal yang menikah dua kali ini pasal dua orang tapi yang bercerai itu pasal PAS dengan UMNO ke? Isteri tu PAS atau suami UMNO ke atau suami PAS isteri UMNO ke yang jadi bercerai tu bakpe?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dok, bukan isteri berlainan parti tetapi oleh kerana tidak ada jodoh dia, dia bercerai.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa benda masalahnya? Ini masalah yang berlaku ini sebenarnya ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat beri laluan ke dok? Tak bagi laluan. Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat mempunyai masa ringkas.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ini benda betul, saya cerita benda betul bukan saya cerita benda yang tidak betul tetapi Allah S.W.T. itu lebih berkuasa, dia beri kemenangan kepada PAS tahun 1999 dan dari kemenangan itulah pimpinan PAS kata boleh dah sembahyang di masjid itu, boleh dah makan sembelihan orang UMNO, boleh dah menikah dengan orang UMNO.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia bagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Nama hak dok pergi sembahyang Jumaat ini buat laporan ke tak tu, kalau tak buat laporan maknanya berkerjasama dengan dialah, tahu dah dia tak pergi sembahyang Jumaat tak buat laporan?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya dah buat laporan kepada Kadi namanya Azmi Bertengah, Kadi Besut.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dah ambil tindakan dah?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Mana tahu saya. Kalau Ahli Yang Berhormat Bukit Payong nak pergi ambil tindakan teruskanlah. Pergi tolong nasihat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penguatkuasa ada.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat pergi nasihat ke dia. Saya tak habis cerita lagi ni Yang Berhormat pergi tanya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat teruskanlah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak khabor kerana dia tak pergi sembahyang, saya pergi tanya dia, kita panggil dia Pak Teh: "Pak Teh pasal apa tak pergi sembahyang Jumaat?"

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tadi kata tak bercakap macam mana .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Payong!

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Pening kepala jadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk kejap Yang Berhormat Jabi. Saya tengok Bukit Payong ni kalau disentuh mintaklah peraturan, Yang Berhormat mintak? Yang Berhormat nak kena dikeluarkan Dewan ni? Kalau buat lagi sekali saya mintak Yang Berhormat keluar dari Dewan ni atas peraturan mesyuarat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, Yang Berhormat okey. Kalau tak ikut peraturan tak apa tapi kalau tak ikut peraturan berkali-kali, kita orang muda kalau nak bercakap soal .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ...(ucapan tidak jelas, mikrofon tidak dipasang) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ini cerita betul bukan cerita reka ni. Kita mintak pimpinan PAS supaya perbetul balik, hal parti kita berparti, hal pilihan raya teruslah, yang nak sokong PAS, sokong UMNO teruskan. Tapi kalau telah memesongkan fahaman sehingga orang kampung boleh pegang sampai begitu sekali, matipun berasingan, sembahyang Jumaat sampai sekarangpun tak pergi. Saya pernah bertanya dia, dia kata selagi pimpinan PAS tidak mari perbetul, *duduk royat beritahu* boleh pergi sembahyang dah di masjid dan petua-petua dulu tak pakai barulah dia boleh pergi. Jadi inilah yang kita rasa dukacita supaya pimpinan-pimpinan kita, kita pimpinan PAS, pimpinan UMNO di sini masa makan kita boleh bersalam, kita boleh bergurau senda tetapi bila turun ke bawah, turun ke padang lain jadi ceritanya sehingga orang kampung boleh jadi musuh antara satu sama lain yang berlainan parti fahaman politik. Inilah yang kita kehendaki. Cerita ini cerita betul bukan cerita reka-reka. Sebab itu kita merayu kepada pimpinan PAS perbetullah molek, hak nak berjuang dalam parti itu teruskan, tak ada masalah tetapi kita perbetul yang tidak betul supaya ada kerjasama. Kita Yang Berhormat, kita nak tolong orang PAS, kita nak tolong orang UMNO tetapi oleh kerana tekanan dan juga oleh kerana fahaman yang dia melihat kita ini lain macam maka kita sukar. Kita tahu dia susah, kita tahu dia nak tukar atap. Program Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Atap Biru, kita nak pergi tukar atap biru dia tak nak pasal dia orang kuat PAS, ada juga yang hendak, okey teruskan. Jadi ini yang menjadi kekangan kepada kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Jabi. Saya yang pertamanya, saya rasakan pihak ADUN Jabi ni dia duk kitar semula benda-benda lama. Tapi antara benda yang saya nampak pernah berlaku sekarang ni dah kurang dah, pernah berlaku perpecahan dalam masyarakat kerana tindakan Kerajaan sendiri. Yang pertama, saya nak beri contoh, Juru Nikah dia bukan parti mana-mana tapi dipecat kerana dikatakan sokong PAS sehinggakan Juru Nikah tersebut ambil tindakan kepada Kerajaan, saman Kadi Daerah Besut, saman Pesuruhjaya Agama Negeri, saman Kerajaan Negeri Terengganu dan akhirnya mahkamah menetapkan, penghakiman memutuskan bahawa plaintif dibenar menjalankan tugas semula sebagai Juru Nikah Mukim Pelagat dan defendan-defendan hendaklah membayar ganti rugi sebanyak RM22,800.00, ini punca perpecahan yang berlaku, satu. Yang kedua, Imam. Yang lantik Imam, lantik Juru Nikah ialah Tuanku Al-Sultan. Mungkin Tuanku tidak tahu tetapi tindakan menyebabkan perpecahan berlaku dalam masyarakat. Dan saya nak sebut ada tiga kes Pesuruhjaya Pejabat Agama disaman, Jabatan Hal Ehwal Agama disaman, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu disaman dan Kerajaan Negeri Terengganu disaman berlaku tiga kes sehinggakan .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya nak beritahu bahawa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... saya nak sebut ni bila berlaku benda ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam duduk. Jabi bagi lagi?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Cukuplah tu, panjang dah, nak bersyarahlah pulak dia tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan soal nak bersyarah, saya nak katanya tindakan yang diambil punca berlaku dalam masyarakat suatu ketika dulu perpecahan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi dah tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... jangan salahkan pemimpin-pemimpin PAS, Kerajaan ambil tindakan macam ni menyebabkan berlaku perpecahan kerana apa? Kerana tidak

berlaku adil, apa salahnya Juru Nikah sehinggakan dia menang kes di mahkamah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduklah Wakaf Mempelam, Jabi dah tak bagi. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, Tok Imam tu adalah kerana dia tak nak menikahkan orang UMNO sebab itulah yang jadi masalah, Tok Imam PAS tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lailaa-ha-ilallah. Kes dibicara dalam mahkamah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak ni kita bagi kepada Kerajaan jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mana boleh Tok Imam .... Tok Imam ni bila dia nak nikahkan pasangan, dia tak tanya PAS ke UMNO, jadi ini yang berlaku. Ini sikap pemimpin UMNO dan jangan duk tuduh ke kita, kita dok ajar benda-benda yang pemimpin UMNO duk sebut.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kita tak perlu bergaduh Yang Berhormat, masa yang pendek ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya bukan nak bergaduh Yang Berhormat, saya tak mahu diambil kesempatan macam ni duk tuduh ke rakyat di bawah, sekali kata takmboh bercakap, tak boleh bercakap, tak boleh gi-mari .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi beri peluang ke ni, masa dah habis ni?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, ni saya cerita ni Dato' Yang Dipertua Dewan, ini yang berlaku hari ini, bukan kitar semula, berpunca pada hari itulah yang dibawa ke hari ini, ini cerita lain pulak yang berlaku hari ini. Apabila kita memerintah, kita menang pada tahun 2004, ada Imam, ada Bilal di masjid yang PAS lantik, UMNO (Kerajaan) tak buang tapi yang berlaku di tempat saya di Kampung Tanah Merah, Kerandang masjid

baru Imam PAS ada, Imam UMNO ada tapi hari Jumaat ma'mum tengok Imam mana hari ini, kalau Imam PAS, okey orang PAS sembahyang, kalau Imam UMNO dok sembahyang di situ, gi mana? Pergi ke Kampung Tok Dat, masjid yang PAS tak boleh selesai sampai ke hari ini, masa dia memerintahpun .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi bagi laluan?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak bolehlah, panjang dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takmboh beri dah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yalah. Buat siasatan apa yang saya sebut ini betul atau tidak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya nak mintak penjelasan sikit. Boleh?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak payahlah. Ini giliran saya pulak. Dato' Yang Dipertua, ini yang berlaku sekarang ini. Kita mintak Pejabat Agama tolong selesai perkara ini supaya tidak berterusan. Di Jabi ada dua masjid yang PAS masih guna untuk sembahyang Jumaat, satu Masjid Kampung Tok Dat, satu Masjid Kampung Jabi Lama. Antara Kampung Tok Dat dengan Masjid Tanah Merah lebih kurang 800 meter sahaja. Antara Masjid Jabi Lama .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi bagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hal masjid, hal masjid. Pasal kesnya begini. Saya ambil masa sikit aje. Satu kampung ada banyak masjid .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak apalah, nantilah lepas ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): di Wakaf Mempelam, di Paloh ada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, Jabi tak bagi Wakaf Mempelam, duduk dulu. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Antara Jabi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penakut eh.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Bukan masalah banyak masjid Dato' Yang Dipertua seperti yang nak disebut oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam tapi masjid yang tidak diwartakan. Sebab zaman pemerintahan PAS dulu tahun 1999 hingga 2004, dia telah mensyaratkan mana-mana masjid yang hendak dibina mesti mendapat kelulusan Kerajaan. Jadi masjid yang disebut oleh Y.B. Jabi ni tak dapat kelulusan, tak kira jauh dekat. Saya tahu di negeri-negeri Arab masjid kadang-kadang dekat aje tapi itu semua masjid yang mendapat pengiktirafan, mendapat persetujuan daripada pihak pemerintah. Jadi Wakaf Mempelam ini dia tidak ingat hak dia buat dulu. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh mintak penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, habis dah Jabi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sebelah sana boleh bagi penjelasan, saya nak mintak penjelasan tak boleh Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan nanti Exco yang buat penjelasan, Yang Berhormat bolehlah mintak penjelasan nanti.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura mintak Jabi?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Okey dah Dato' Yang Dipertua, saya tak bagi dah mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Sura.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya tak bagi dah, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya mintak penjelasan sebab tuduhan dibuat oleh Exco itu tak betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, antara Masjid Kampung Jabi Lama dengan Kampung Jabi lebih kurang 150 meter, kita pergi sembahyang Jumaat, selisih. Beginilah saya bukan kata nak kitar semula, saya bukan kata nak ungkit cerita lama tapi cerita lama inilah yang menyebabkan sampai sekarang berlakunya pegangan ini sehingga ke hari ini. Dato' Yang Dipertua Dewan, oleh itu kadang kala kita rasa dukacita apabila anak-anak orang PAS .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil mintak Yang Berhormat? Ajil, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Saya nak penjelasan daripada Jabi, setakat ini daripada 2004 hingga hari ini 2011, ada atau tidak usaha daripada pihak PAS ataupun Pembangkang untuk nak memperbetulkan apa yang telah berlaku sejak sekian lama di Jabi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, setakat yang saya tahu tak ada. Setakat yang saya tahu tapi takut-takut ada yang di belakang tabir itu saya tak tahulah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, kejayaan anak-anak .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Pohon penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura mintak Yang Berhormat, bagi?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kalau Dato' Yang Dipertua Dewan nak bagi panjang masa ke saya untuk bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat ada dalam 3 – 4 minit lagi. 4 minit lagilah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Itu tak bolehlah, nanti panjang saya nak jawab pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, kita dukacita kadangkala anak-anak orang PAS yang kuat-kuat nak pergi tandatangan untuk dapat bantuan persediaan awal IPTA, IPTS, kita nak mintak jumpa dengan ayah diapun tak mari, hantar anak hak tingkatan 3, tingkatan 2 untuk kakak dia nak mintak tandatangan. Kita rasa kecewa, apa salahnya mari jumpa dengan Yang Berhormat, mintak borang, tandatangan, baru kita ada kemesraan, kitapun rasa kesian belas. Kalau kita ada peruntukan lebih kitapun nak beri untuk dia belanja air, untuk kereta dia nak pergi ke Kuala Lumpur, ke Kedah, ke Perlis tetapi dia memandang serong kepada kita. Inilah kesannya bukan kitar semula tetapi kesannya sampai kepada hari ini.

Selaian daripada itu juga, saya merayu kepada Kerajaan di bawah Yayasan Terengganu, supaya melihat kembali bahawa pelajar-pelajar yang layak untuk dapat IPTA, IPTS ini dikaji balik syarat-syaratnya kerana saya melihat orang yang mari berkerja di Terengganu, orang yang mari berkahwin di negeri Terengganu bukan orang Terengganu, dapat anak di Terengganu pada masa 20 tahun, 15 tahun dahulu dapat anak bila masuk universiti mari mintak bantuan IPTA, IPTS dengan kita sedangkan dia tidak bermastautin di Terengganu, anak itu sahaja dilahirkan di Terengganu. Tetapi apabila dia mari, dia mari jumpa dengan kita dibawanya Pengerusi JKKK dan orang-orang tertentu kita terpaksa tandatangan jugak, kita malu, kita rasa kesian. Kita mintak Yayasan kaji balik syarat ini supaya anak yang dilahir di Terengganu, ibu dan bapanya mesti bermastautin di

Terengganu atau sekurang-kurangnya mengundi di Terengganu supaya ada kepentingan kepada kita untuk melihat kejayaan anak-anak Terengganu.

Selain daripada itu, Dato' Yang Dipertua Dewan, saya melihat tanah-tanah yang diberi oleh Rancangan Tanah Berkelompok yang telah lulus, yang telah diberi Geran tetapi tidak diusahakan oleh petani-petani. Apa salahnya pihak Kerajaan memperkenalkan satu konsep baru RTB yang mana melalui agensi-agensi tertentu memberi bantuan kerana orang kampung sekarang ini untuk menebas-nebang, untuk menerangkan kawasan tanah memakan belanja, beli anak benih getah, anak sawit mahal. Apakah salahnya Kerajaan mensasarkan kepada bidang-bidang ini dalam RTB untuk melihat RTB tersebut ditanam dengan sawit, ditanam dengan getah supaya mereka ini, orang kampung ini mendapat faedah 7 tahun, 5 tahun, 3 tahun akan datang akan mendapat hasil yang lumayan. Dan insyaAllah akan menjadi sumber ekonomi kepada keluarga tersebut. Saya juga mencadangkan kepada pihak Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Gulung dah. Saya Dato' Yang Dipertua, banyak gangguan, kena tambah sikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila habiskan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya memohon kepada Kerajaan supaya idea Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dahulu 'Sawit Anak Sekolah' diteruskan kerana di tempat saya Kampung Tasik Tok Lebam 78 peserta sudah dapat nikmatnya sekarang ini ada yang tanam 30 pokok di sekeliling rumah, 24 pokok di sekeliling rumah dan ada yang lebih lagi sudah dapat RM400, RM500 sebulan untuk membantu sara dapur isteri masing-masing di rumah, jadi ini satu program yang sangat baik.

Selain daripada itu, kita juga merayu kepada Kerajaan, Jabatan Pertanian supaya memberi subsidi khususnya baja kepada tanaman buah-buahan. Kalau dulu ada tapi tahun ini tak ada nampaknya. Kalau boleh tahun depan diberi subsidi bantuan baja kepada petani yang ada kebun buah-buahan, benih-benih ikan, kambing kerana nampaknya kambing menjadi satu daya tarikan juga kepada penternak dan lain-lain. InsyaAllah, petani-petani dan penternak-penternak kita tidak akan jadi miskin.

Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penghabisan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak gulung ni. Saya nak sebut khusus kepada kawasan Jabi dengan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya merayu dalam Dewan yang mulia ini sudah beberapa kali dah agar pengambilan balik tanah di Pekan Jabi itu dapat selesai pada tahun 2012. Mudah-mudahan kerana inilah satu-satunya Pusat Pertumbuhan Desa RKK (Rancangan Khas) yang saya jangka boleh memenafaatkan kepada Pekan Jabi kerana Jabi ini kalau tidak berat hamba jugak serupa dengan Yang Berhormat Hulu jugak, berat hamba .....(Dewan gelak) .... Hamba ni duduk di tengah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, duduk di sebelah dua-dua lorong belaka, silap-silap takdok lorong hamba nipun, berat hamba jugak ni. Oleh itu Dato' Yang Dipertua, saya merayu supaya Kerajaan dapat menyelesaikan pengambilan balik tanah ini dan dapat meneruskan RKK di Pekan Jabi kerana Pekan Jabi ini terkenal dengan sate. InsyaAllah kita akan dapat menambahkan lagi pengusaha-pengusaha yang menjual sate di Jabi.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak habis lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ada hak untuk orang Jabi aje ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perhabis, perhabis.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan RM100,000 untuk Lata Belatan cuma saya nak mintak supaya Kerajaan di bawah Jabatan Perhutanan untuk memagar kawasan Lata yang ada lubang, yang selalu orang terjatuh kepada orang-orang yang pergi berkelah di situ untuk keselamatan memagar untuk mengelakkan daripada berlaku kemalangan jiwa dan sebagainya di Lata Belatan.

Yang ketiga Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mewakili penduduk Jabi, saya ucap terima kasih kepada Jabatan Pelajaran kerana dua buah sekolah, Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Tok Dor, sekolah yang sangat daif tidak ada bangunan batu, bangunan daripada kayu cengal dari zaman tahun 60'an tetapi dari segi pencapaian akademik satu-satunya sekolah di daerah Besut sekolah yang terbaik, sekolah pelajarnya sikit yang ambil peperiksaan UPSR seramai 18 orang, tetapi 14 orang yang dapat 5A .....(tepukan sokongan dari Dewan) .... Dan yang lain dapat

4A 1B. Ini kejayaan dan saya kagum dengan usaha daripada guru, jabatan dan juga PIBG masyarakat kampung, di situ 100% anak penoreh getah dan cuma nak merayu kepada jabatan lihat-lihatlah infra bangunan sekolah itu kerana sekolah itu sekolah yang daif dari segi kemudahan-kemudahannya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Allah ..... Dato' Yang Dipertua, mintak sikit lagi, ada tiga perkara lagi, kalau tidak berat hamba ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Banyak dah, saya beri elaun banyak dah tu. Ramai lagi kawan-kawan kita nak berucap.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kalau tahu awal tak beri hak celah-celah tadi. Tak boleh mintak ke, seminit lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, seminit yang terakhir.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Satu lagi sekolah ialah Sekolah Kebangsaan Kuala Kubang, sekolah ini dekat dengan Lata Belatan. Sekolah ini hampir termasuk dalam sekolah kurang murid dan untuk mengatasinya kita nak mintak supaya Kerajaan membina satu jalan menghubungkan sekolah ini dengan Pondok Matla'in iaitu pondok PAS, Pondok Matla'in Badrin, Y.B., Y.B. selalu pergi ceramah di sini tapi tak apa, kita hendak budak-budak ini pergi ke sekolah kerana budak-budak Pondok Matla'in Badrin ini sekarang ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Jabi iaitu jauh dan Sekolah Kebangsaan Jabi muridnya sudah sampai 800 orang. Tapi kalau kita buat jalan baru ini, insyaAllah sekolah ini akan jadi sekolah bukan lagi sekolah kurang murid. Anak-anak orang pondok ini akan terus pergi ke sekolah ini dengan basikal dan sebagainya dekat saja. Jadi kita mintak supaya Kerajaan dapat menyempurnakan perkara ini dalam kadar segera.

Selain daripada itu, hak akhir sekali iaitu sekolah jugak Dato' Yang Dipertua, Sekolah Menengah Jabi. Sekolah Menengah Jabi kita mintak jalan satu lagi iaitu menghubungkan Kampung Gerung kerana pelajar-pelajar di Kampung Gerung itu belajar di Sekolah Menengah Seri Nering, apabila ada jalan baru insyaAllah pelajar-pelajar ini akan bersekolah di Sekolah Menengah Jabi. Oleh itu, akhir sekali saya memohon menyokong Bajet 2012. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Jabi. Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat lain ..... Ya, Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi Rhu Rendang dulu. Sila. Sekejap Kemasik, lepas ini, ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati.

Saya mulakan ucapan perbahasan ini dengan menyebut ayat tema kepada Ucapan Bajet yang dipersembahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar iaitu Firmanullahutaala (membaca petikan ayat 90 dari Surah An-Nahl). Yang diterjemahkan: "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya." Di mana dalam ayat ini disebut salah satu konsep kepada negara yang diperkenalkan oleh Al-Quranulkarim. Konsep ini perlu lagi kepada penjelasan supaya kita melaksanakannya. Konsep negara yang dikemukakan oleh Al-Quran ialah Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Hajj (membaca petikan ayat 41 dalam Surah Al-Hajj). Yang bermaksud:"Orang-orang yang kami berikan kepada mereka kuasa memerintah negeri, memerintah bumi, mereka itu mendirikan sembahyang ialah orang yang ada hubungan dengan Allah S.W.T. menunaikan zakat iaitu konsep ekonomi Islam, menyuruh kepada yang baik, mencegah kemungkaran dan bagi Allah sahaja akibat segala urusan." Dalam ayat tema yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat yang menyebut aspek menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran 'amalma'aruf dan nahimungkar'. Amalma'aruf iaitu adil, berbuat baik, kemungkaran ialah keji, mungkar dan 'bargh' ertinya zalim atau melampaui batas. Walaupun Al-Quranulkarim tidak menyebut Negara Islam macam juga tidak menyebut sembahyang itu Islam, Haji itu Islam, menikah itu Islam, puasa itu Islam tidak disebut dalam Quran. Kita perlu memahami bahawa mengikut kaedah Usul Fiqh ataupun kaedah Hukum Syara'. Di mana kita perlu meletakkan dalil-dalil dalam Hukum Islam ini ada dua bahagian. Yang pertama, Dalallah Mantuqah, yang kedua, Dalallah Marhumah. Dalallah Mantuqah ialah dalil-dalil yang diucap yang dinaskan sama ada dalam Quran dan Hadis Nabi. Dalallah Marhumah ialah dalil-dalil yang difahami di mana dalam Al-Quran dan Hadis banyak dalil-dalil yang difahami. Islam mempunyai prinsip, konsep dan logiktif yang tersendiri dan menegakkan negara apabila kita mengemukakannya di medan masyarakat yang terdapat pelbagai kefahaman dan agama maka kita perlu memperkenalkan sejak dinyata apa itu Negara Islam. Di mana PAS

memperkenalkan Negara Islam ini sejak ditubuhkan dan sejak kita menuntut kemerdekaan bahkan kita sama-sama berjuang kemerdekaan diawal perjuangan menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan. Di sana terdapat perbezaan di antara PAS dengan UMNO apabila nak menentukan acuan, prinsip, konsep, dan logiktif Negara Islam. Di sinilah timbul perbezaan pendapat di mana di antara objektif kepada Negara Islam itu ialah apa yang disebut dengan Negara Berkebajikan. Inipun masih lagi tidak difahami kerana ramai kalangan tidak memahami di antara Negara Berkebajikan dengan Negara Kebajikan. Negara Kebajikan yang disebut dalam istilah politik Barat ialah *Welfare State,* ini berbeza dengan Negara Berkebajikan kerana *Welfare State* yang difahami oleh teori-teori politik dan ekonomi Barat penekanan secara pemisahan di antara agama yang mempunyai kuasa yang tertinggi dengan pelaksanaan di dalam cara-cara hidup. Kita perlu menyedari bahawa dalam teori Barat masing-masing mendakwa Negara Kebajikan komunis, liberal, kapitalis ada cara dia dan Islam ada cara dia sendiri yang dijelaskan bahawa bukan sahaja Negara Kebajikan tetapi Negara Berkebajikan yang perlu diambil kira bukan aspek-aspek membantu masyarakat, menolong masyarakat, melakukan kegiatan untuk membela rakyat yang merupakan salah satu aspek di dalam menegakkan negara amal kebajikan. Tetapi hendaklah dilihat apakah akidah, apakah dasarnya, apakah caranya, apakah hukum hakamnya, apakah matlamatnya dan inilah yang dinyatakan oleh Islam……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ….(Mencelah) …. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): …. Nanti saya habis, sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat mintak laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nanti saya beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Belum lagi Alur Limbat, sekejap lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Kan sampai bab lainkan nanti saya tak teringat pulak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap lagi dia bagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tak apa, Alur Limbat sekejap lagi saya bagi. Al-Quran menyatakan:

(membaca petikan ayat 177 daripada Surah Al-Baqarah). Yang bermaksud: "Bukanlah kebajikan itu kamu menghalakan pandangan ke arah timur dan barat tetapi kebajikan itu ialah kamu beriman kepada Allah, kepada hari Akhirat, kepada kitab, kepada Malaikat dan Nabi-nabi. Kamu menunaikan kebajikan harta benda, membantu kaum keluarga yang memerlukan pertolongan (ini termasuk dalam ayat tema). Membantu orang-orang miskin, peminta sedekah, hamba-hamba yang perlu dimerdekakan. Dan kamu juga mendirikan sembahyang, menunaikan zakat (dalam aspek ekonomi) dan menunaikan janji terhadap semua manusia, masyarakat majmuk, Islam dan bukan Islam. Dan kamu hendaklah bersabar di dalam menghadapi ujian dalaman dan ujian cabaran dari luar maka itulah orang-orang yang bertaqwa." Menunjukkan bahawa konsep Negara Berkebajikan itu hendaklah aspek akidahnya, aspek syariatnya, aspek objektif, bagaimana melaksanakannya termasuklah matlamat dan tujuan dengan makna yang menyeluruh. Silakan Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Rhu Rendang. Bukankah Negara Berkebajikan itu sepertimana yang telah ditafsirkan dalam bentuk tindakan oleh Sayyidina Umar R.A. yang mana baginda sewaktu hayatnya, sewaktu menjadi Amirulmukminin sanggup turun pergi tengok rakyat dia, ada yang rakyatnya ibunya terpaksa goreng batu semata-mata untuk menidurkan anak mereka sewaktu kelaparan, akhirnya baginda memberi bantuan kepada orang miskin tadi. Adakah seumpama itu dan saya nak tanya berapa ramai Ahli-ahli Wakil Rakyat PAS Terengganu yang telah mengikuti sunnah yang telah dibuat oleh Sayyidina Umar Al-Khatab?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Terima kasih. Zaman Sayyidina Umar adalah sebahagian pelaksanaannya. Dan beliau turun ke dalam masyarakat dengan suasana yang sesuai dengan zamannya. Di dalam hal ini kita mewujudkan kepada Pusat Khidmat Masyarakat, mewujudkan jentera-jentera di peringkat cawangan dalam masyarakat yang lebih besar dan lebih luas.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ...(Mencelah) ... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... sebab itu dalam sumber yang lebih terhad yang perlu kita faham dan perlu kita sedari

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): .....pohon laluan sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, ya. Saya dah beri tadi, sebab masa tak cukup dan saya dah jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak beri Yang Berhormat. Teruskan Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dan zaman Umar bin Abdul Aziz, sebagai contohnya dia tambah lagi Asnaf Zakat, bukan sahaja zakat, lapan bahagian iaitulah fakir, amil, fakir, miskin, muallaf, orang berhutang, orang yang berjuang, hamba yang perlu dimerdeka yang tidak ada di zaman ini ditambah dengan mereka yang tidak mahu berkahwin. Itu merupakan istihar baru berdasarkan perkembangan semasa. Bahkan zaman Sayyidina Umar terdapat sumber yang tidak ada di zaman Nabi S.A.W. di mana sumber di zaman Abu Bakar yang ada sumber iaitu sedekah, zakat, ghanimah dan fai'. Zaman Sayyidina Umar ditambah lagi dengan 'Usyur cukai export dan import, ditambah lagi dengan cukai tanah, kharaj dan lain-lain lagi, ini adalah sumber-sumber. Begitu juga dalam mengagihkan sumber negara termasuklah sistem pergajian. Di zaman awalnya gaji sama sahaja di antara satu sama lain, tak kira ketua pejabat dengan kerani sama. Zaman Sayyidina Umar beliau telah mengambil menafaat daripada sistem pentadbiran Rome dan Parsi. Bermakna bukan Islam menolak daripada yang lain, Islam terima mana yang baik daripada negara lain. Maka diadakan sistem gred dalam masalah menentukan gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Ini adalah di antara contoh. Begitu jugak bantuan-bantuan yang diberi. Di antaranya pengagihan sumber ini hendaklah diberikan sumber kepada rakyat negeri yang berkenaan terlebih dahulu dengan sebab itu pengagihan Wang Ehsan, Royalti Petroleum sebagai contoh, royalti sepatutnya mengikut hukum Islam ialah 20% bukan 5%. 20% itupun di mana Kerajaan Pusat dia tidak boleh mengambil hasil selagi masalah kemiskinan di negeri yang mengeluarkannya tidak selesai dulu, setelah negeri berkenaan selesai barulah dia boleh pindah ke negeri lain. Di sinilah kuasa-kuasa barat takut kepada sistem Islam ini kerana penjajah bila dia menjajah negeri-negeri yang lemah dia angkut hasil negara, dia perhambakan rakyat. Islam kita tidak perhambakan rakyat, rakyat dibebaskan daripada belenggu kemiskinan, penindasan. Hasil negeri hendaklah menyelesaikan masalah tempatan terlebih dahulu. Inilah yang menyebabkan Parsi, Rome, Syria, Mesir menganut Islam tanpa paksaan kerana Islam bukan agama yang menjajah. Tapi apa yang berlaku hari ini kita meneruskan amalan penjajah, dengan sebab itu Terengganu, saya tahu bahawa Kerajaan tak kira apa-apa partipun di Terengganu ini nak selesaikan masalah rakyat dia tapi di antara sumbernya petroleum. Sepatutnya hendaklah liberaliti sekurang-kurangnya 20%, kalau tak cukup 20% maka hendaklah diberi lagi selagi tidak boleh selesai masalah rakyat negeri, Kerajaan Pusat tidak boleh ambil. Ini merupakan hak yang diberi kepada negeri yang berkenaan yang ditadbir Islam.

Kita balik kepada tajuk Negara Islam ini. Kita telah mencapai kemerdekaan selama 54 tahun. PAS memerintah 7 tahun (1959 – 1961, 1999 -2004) ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Alur Limbat mintak.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nanti saya habis dulu. Saya bagi sekejap lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alaur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): ….. 7 tahun, Barisan Nasional 47 tahun dia memerintah. Dalam masa 7 tahun kita memerintah, kita telah berusaha sedaya upaya. Di antaranya di peringkat negeri Terengganu kita telah meletakkan satu asas yang diabaikan sejak kita mencapai kemerdekaan apabila kita meminda Undang-undang Diri Negeri Terengganu hukum yang tertinggi bagi negeri Terengganu ialah Quran, Hadis, Ijmak, Ulama dan Qias. Dengan makna mana-mana hukum yang bercanggah dengan Islam hendaklah dibatalkan. Namun di sana ada kewajipan Kerajaan Pusat dan saya ucap terima kasih kepada Alur Limbat kelmarin dia kemukakan soalan tambahan dalam soalan tambahan itu beliau telah menyebut peruntukan dalam perlembagaan yang menyatakan bahawa masih ada lagi peruntukan yang bersifat kontradiksi di antara Negeri dan Pusat yang perlu mempunyai kebijaksanaan sekiranya kita bersungguh dan jujur untuk melaksanakan Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pertama, saya nak tanya, bilakah ada perjanjian bayaran royalti 20% itu? Yang kedua, andainya PAS bersama Pakatan Rakyat memenangi pilihan raya contohnya, adakah PAS mampu dengan hanya bertanding 67 kerusi Parlimen dan hanya menang 27 kerusi, mampukah PAS untuk menjalankan hukum Hudud, meminda Perlembagaan Persekutuan? Itu saja yang saya nak tanya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Terima kasih kepada soalan itu kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi penjelasan dalam perkara ini. Suka saya menjelaskan dalam

masalah royalti, di sana ada perjanjian yang dimeterai oleh Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Dalam tahun 1975 telah berlakunya krisis di antara Sabah dan Sarawak, itu sahaja negeri yang ada hasil petroleum pada masa itu. Kerana mengikut asalnya sekiranya hasil ada di atas tanah maka 100% milik negeri, dalam laut belum ada lagi. Maka berlaku krisis yang mencetuskan hampir-hampir Malaysia Timur nak keluar daripada Malaysia. Lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu Tun Abdul Razak mengadakan perbincangan dengan Tun Salleh Abas, orang Terengganu, pakar undang-undang, Tengku Razaleigh yang masih hidup lagi, Tun Mohamad Yaacob yang masih hidup lagi. Di antaranya ialah Tun Ismail Ali, Gabenor Bank Negara yang sudah meninggal dunia. Di mana mereka membuat perbincangan, akhirnya mereka bersetuju untuk mengadakan satu penyelesaian iaitulah menggubal Akta Petroleum yang membolehkan Petronas, lalu diadakan perjanjian di antara semua Kerajaan Negeri di Malaysia ini, perjanjian dibuat semua Kerajaan Negeri dengan Petronas, sekiranya ada hasil sama ada di laut ataupun di darat maka Kerajaan Negeri semuanya hendaklah menyerahkan kepada Petronas selepas itu Petronas hendaklah menyerah 5% royalti daripada hasil jualan kepada Kerajaan Negeri. Ini perjanjian yang dimeterai yang disebut royalti, tak disebut Duit Ehsan. Ini diakui oleh Tengku Razaleigh yang masih lagi dalam UMNO mengakui, Tun Mohamad Yaacob masih lagi mengakui, Tun Salleh Abas masih lagi mengakui. Apa yang berlaku ialah apabila kita memerintah negeri Terengganu tahun 1999 hingga 2004 telah dibuat dalam Perhimpunan Agung UMNO malangnya ialah UMNO Terengganu yang membawa perkara ini dalam Perhimpunan Agung UMNO, usul daripada Pemuda UMNO inilah yang membawa kepada royalti Terengganu dirampas. Ini satu pengkhianatan yang kami tak lupa. Adakah boleh kita nak ubah kepada 20% sekiranya kita memerintah negeri Terengganu? InsyaAllah boleh. Adakah perubahan boleh berlaku dengan PAS hanya menguasai 60 kerusi? Kita perlu menyedari bahawa semua kaum di Malaysia, semua parti di Malaysia sama ada Kerajaan ataupun Pembangkang sama ada UMNO, PAS, MCA, MIC, Gerakan, DAP menerima hakikat bahawa teras kepada politik negara ialah orang Melayu Islam, ini dia terima hakikat ini, teras politik negara ialah orang Melayu Islam. Sesiapa yang menguasai politik Melayu Islam maka dia menguasai teras kepada politik negara, ini satu. Yang kedua, kawasan-kawasan yang dikuasai oleh orang bukan Islam secara majoritinya ialah 40 kerusi daripada 220 kerusi, 40 kerusi dia boleh tawan tetapi malangnya apabila MCA, MIC dan Gerakan kalah dalam kawasan majoriti ini maka UMNO telah mengambil kerusi-kerusi yang menjadi Melayu Campuran untuk diberi kepada MCA, Gerakan dan MIC. Ini boleh mengurangkan kerusi Melayu sendiri, ini satu kesilapan strategi politik daripada UMNO sendiri, walaupun masih majoriti ini kita kena sedar, ini hakikat yang berlaku. Sekiranya berlaku pertembungan dalam pilihan raya, PAS bertanding 60 kerusi, UMNO hari ini 78 kerusi, seluruh negara UMNO 78 kerusi, PAS 23 kerusi, Keadilan 18 kerusi Melayu. Sekiranya PAS dapat 40, UMNO akan turun daripada 78, kalau PAS dapat 60, UMNO dia jadi 40, dia jadi

begitu. Dalam keadaan ini maka teras kuasa politik masih lagi dikuasai oleh orang Islam. Mengikut kaedah sifir politiknya, siapa yang menguasai teras politik maka dialah yang menguasai politik negara.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya belum habis lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang menguasai politik sekarang ini bukan PAS itu yang kita risau dan orang Melayu risau. Yang menjadi dominan dalam Pakatan Pembangkang ini adalah DAP sebab itulah kata PGU sebenarnya DGP (DAP ganti PAS).

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Malangnya orang Melayu diperbodohkan termasuk di Terengganu. Di Terengganu disebarkan kalau UMNO kalah DAP akan memerintah Terengganu pada hal satu kerusipun DAP tidak bertanding di Terengganu. Kita memperbodohkan orang kita sendiri di mana dalam hal ini .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nanti dulu saya belum habis.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ....(Mencelah) .... Takkan tak faham konsep Federalism.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Bagaimana kita terlepas mengadakan tahaluf. Tahaluf berbeza dengan wala' ..... Ya, ya.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Takkan selama itu Wakil Rhu Rendang sampai tak faham Prinsip Federalism itu takkan sampai tak faham. Kita adalah sebahagian daripada negeri-negeri dalam federal. Kuasa federal menguasai kuasa state. Takkan saya nak ceramah pasal undang-undang kepada Rhu Rendang pada hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ...(Mencelah) .... Alur Limbat dok faham.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sekadar itu saja, nanti dulu eh, saya nak terang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Biarkan Si Luncai Wakaf Mempelam dengan labu-labunya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): PAS mengadakan tahaluf siyasi. Dalam Islam berbeza dengan wala', kerjasama di antara PAS dengan DAP ialah tahaluf siyasi. Kerjasama UMNO, MCA dan Gerakan ialah kerjasama wala', apa makna bezanya? Kerjasama wala' ialah kerjasama menggadai prinsip kita, mengadai perhitungan halal dengan haram, ini kita kena sedar. Mengikut ajaran Islam, arak, judi ini adalah haram secara mutlak bagi orang Islam.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): ….. orang bukan Islam kita tak boleh larang tapi dia buat satu peraturan, sekiranya ada lesen halal, tidak ada lesen haram …..

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya di Selangor ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): …(Mencelah) Sebab itu di Selangor kohor banyak …..

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya tak bagi, ini hak saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Di Selangorpun tak boleh selesai ini nak bercakap hal negara, Malaysia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Alur Limbat duduklah. Yang Berhormat ada 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang mana dalam konsep tahalul siyasi, kita mengadakan persafahaman dan tidak menggadaikan prinsip kita. DAP mahu PAS berundur dalam masalah Hudud, masalah Qisas, kita tak undur. DAP keluar daripada Pakatan tahun 2000 kemudian dia masuk balik, kita mengadakan dialog dengan mereka, perbincangan dan akhirnya kita mengadakan konvensyen dan telah berjaya menghasilkan satu resolusi. Dalam konvensyen iaitulah DAP menerima Islam sebagai agama Persekutuan, dalam masa yang sama hak-hak agama yang lain dijamin. Ini sudah ada dalam Perlembagaan. Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, ini mereka terima, hak bumiputera mereka terima. Semua masalah kita hari ini, UMNO tidak memperkasakan Islam ……

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Mintak laluan, mintak laluan, mintak laluan. Rhu Rendang mintak laluan, Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Bakpe DAP baru terima agama Islam secara rasmi lening?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Islam tidak diperkasakan, mereka tidak terima agama Islam tapi mereka menerima konsep dan kita kena sedar zaman Tengku Abdul Rahman, Tengku telah berjaya mengislamkan mereka-mereka yang bukan Islam, Tengku ada jasa dia mengislamkan Gabenor. Lepas itu makin menurun kehilangan jati diri orang Melayu di Singapura, kehilangan jati diri orang Melayu di Pulau Pinang, itu bukan kita yang memerintah di Singapura, UMNO yang memerintah Singapura, UMNO yang memerintah Pulau Pinang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): …. Kehilangan jati diri di Pulau Pinang, Tanah Melayu hilang, ini bukan kita punya, ini UMNO yang punya, kerusi-kerusi MCA, MIC,

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): ….. Gerakan yang diberi kerusi Melayu Campuran untuk memenangkan pilihan raya, ini satu mainan politik yang kita lihat sendiri …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan. Satu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rhu Rendang tak bagi Yang Berhormat. Duduk, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): ….. Melayu dan Islam. Di Sabah dan Sarawak, Sabah takdok PAS yang memerintah Sabah PBS. Masa krisis antara Kerajaan Pusat dengan Singapura, Kerajaan Pusat bagi Singapura kepada Parti Petir, beri kemudahan kepada Petir untuk memerintah Singapura tapi bila kita memerintah Terengganu, memerintah Kelantan mereka pulaukan, rampas, sekat berbagai-bagai lagi untuk memburuk-buruk pada hal ini adalah demokrasi. Mengikut demokrasi, Kerajaan Negeri ada hak, Kerajaan yang dipilih oleh rakyat hendaklah dihormati tapi mereka tidak menghormati Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ada pentadbiran dalam pentadbiran, contohnya melanggar perlembagaan mereka melantik JKKK, JKKK ini kuasa Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pusat. Lantik pegawai persekutuan, kita ada pegawai negeri kita sendiri, ini campur tangan daripada pegawai pusat, ini campur tangan dalam negeri yang kita perintah tetapi tidak di Sabah dan Sarawak, tidak dalam masa PBS. Ini adalah diskriminasi yang berlaku terhadap Melayu dan Islam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang akhir Yang Berhormat, ya. Sila gulung, akhir dah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Akhirnya PAS tak jadi masalah untuk bincang dengan UMNO, boleh beri masa.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dalam interview Ashawid dengan saya dalam tahun 1984, saya menyatakan PAS bersedia untuk muzakarah. Pada masa itu Tun Mahathir mencabar PAS untuk berdebat, kita bukan nak debat kita nak bermuzakarah dan kita bersedia untuk debat. Kita mintak syarat berdebat itu disiar secara langsung dalam t.v. isu amanat saya, isu kafir-mengkafir. Kita mintak debat terbuka secara ilmu buat dalam t.v. sebagai negara demokrasi, kita sanggup, bila sampai masa UMNO telah memanfaatkan Penyimpan Mohor Raja-Raja Melayu yang mengisytihar biasanya isytihar Hari Raya Haji dengan Hari Raya Puasa tapi diisytiharkan debat dibatalkan. Dan selepas itu NGO Islam kalangan-kalangan universiti diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Ibrahim dikuasai oleh Persatuan Timur Tengah, Persatuan Ulama, ABIM dan lain-lain datang berjumpa dengan kami untuk menemukan PAS dengan UMNO, PAS kata boleh, kita boleh bermuzakarah, berbincang secara ilmu, dalam PAS ada ahli ilmu, dalam UMNO ada ahli ilmu, kita boleh buat muzakarah tapi kita mendapat maklum balas UMNO tidak bersedia untuk bermuzakarah. Dan pada bulan Mac tahun 1984 kalau tak silap saya, Presiden UMNO pada masa itu Tun Mahathir telah memanggil Cawangan-cawangan UMNO, Bahagian-bahagian UMNO di seluruh negara dan beliau telah memberikan taklimat, Tun Mahathir menyatakan beliau rasa dukacita kerana ilmuwan-ilmuwan agama dalam UMNO penakut untuk bincang dengan PAS dalam isu agama. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rhu Rendang. Brek mengejut Rhu Rendang ni. Saya jemput mana-mana Yang Berhormat ….. Ya, sila Kemasik, Kemasik dah bangun awal-awal tadi.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak-banyak Dato' Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati-pemerhati Dewan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dan segala kepujian dipanjatkan kepada Allah S.W.T. yang telah mengizinkan saya mengambil bahagian membahaskan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tujuan membiayai Perbelanjaan Bekalan Perkhidmatan Dan Pembangunan Negeri Terengganu 2012.

Ketika ekonomi global yang tidak menentu di mana masalah-masalah yang dialami oleh negara-negara seperti di Kesatuan Eropah, di Amerika Syarikat, kacau bilau yang berlaku di negara-negara Afrika Utara dan Timur Tengah (Arabian Spring).

Alhamdulillah, kedudukan ekonomi di negara terus berada dalam keadaan yang baik di mana dianggarkan pertumbuhan ekonomi negara untuk 2011 berada di sekitar 4% hingga 5%. Manakala di negeri Terengganu Darul Iman pula pertumbuhan ekonomi pada tahun 2010 adalah 4.3% berbanding dengan pertumbuhan -3.2% pada tahun 2009. Dianggarkan pertumbuhan pada tahun 2011 adalah sebanyak 4.5%. Bagi menyiapkan negeri Terengganu untuk tujuan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, Kerajaan telah mensasarkan perolehan pendapatan negeri sebanyak RM1.95% bilion, perangkaan Bajet 2012 adalah bertemakan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', 'Bajet Kesejahteraan Rakyat' dengan memberikan penekanan kepada tiga strategi utama iaitu:

- Memantapkan Pembangunan Modal Insan Berkualiti
- Memelihara Kesejahteraan Rakyat
- Meningkatkan Daya Saing Negeri

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seterusnya Ahli-ahli Dewan, hasil daripada kesungguhan Kerajaan yang memberikan penekanan berterusan, menyeluruh dan bersungguh-sungguh demi meningkatkan pencapaian modal insan murid-murid di sekolah-sekolah di seluruh negeri Terengganu pada tahun ini sahaja Kerajaan memperuntukkan jumlah lebih daripada RM50 juta bagi pembangunan modal insan di negeri Terengganu. Hasilnya keputusan UPSR yang baru diumumkan terus meletakkan negeri Terengganu berada di tempat teratas untuk 11 tahun berturut-turut. Bagi tujuan yang sama mengekalkan program-program yang sedia ada, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM60.3 juta pada tahun 2012. Seharusnya usaha-usaha Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk merapatkan jurang pencapaian cemerlang murid-murid sekolah di luar bandar dan di bandar harus dipuji. Keputusan UPSR yang baru diumumkan telah menunjukkan hasil di mana sebagai contoh sebuah sekolah di kawasan saya Sekolah Kebangsaan Kampung Cabang telah merekodkan keputusan di mana daripada 40 murid yang menduduki Peperiksaan UPSR, 21 orang daripadanya mendapat keputusan 5A. Keputusan yang sama juga direkodkan di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Ranggun yang mana kedua-dua sekolah ini merupakan sekolah yang berada di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seterusnya Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Bagi meningkatkan daya saing, Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan yang besar dengan membina baru ataupun menaik taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur di negeri Terengganu juga kemudahan ICT dengan pembinaan jalan-jalan baru seperti Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2, penyediaan kemudahan jalur lebar, pemberian insentif-insentif menarik kepada pelabur-pelabur. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat

Berhormat Menteri Besar dan jugak kepimpinan negeri Terengganu kerana telah berjaya menjadikan Terengganu antara negeri tiga teratas di Malaysia yang menarik pelaburan luar dengan izin, *Foreign Direct Investment* ke negeri kita. Ini merupakan kenyataan yang tidak rasmi yang saya dapat daripada MIDA. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam pertengahan tahun ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melakukan upacara Majlis Pecah Tanah bagi pembinaan Kilang Concentration And Palletizeration di Perwaja Steel Teluk Kalung dengan pelaburan bernilai lebih daripada RM200 juta untuk peringkat permulaan oleh Perwaja Steel Sdn. Bhd. Pada dua-tiga hari yang lepas, 5hb Disember, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi telah merasmikan Majlis Pecah Tanah pembinaan Kilang Eastern Steel di Awana Kijal oleh Yap Teck Berhad dan Sogan Steel Corporation of China dengan pelaburan yang dinilaikan sebanyak RM1.8 bilion untuk fasa pertama yang dijangka siap pada tahun 2013. Kilang yang dicadangkan untuk dibina di kawasan industri Teluk Kalung. Juga kerja-kerja pembinaan tapak kawasan Perindustrian Perkapalan Dan Maritim di Pulau Kucing di Teluk Kalung sedang bermula dan insyaAllah akan siap sepenuhnya tidak berapa lama lagi. Saya mengambil kesempatan di sini ingin mengucapkan syabas sekali lagi atas kejayaan Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing datang ke tanah kita. Kerajaan juga telah mengenal pasti sebuah syarikat joint venture antara syarikat Korea dan Perancis bagi membina kilang untuk aktiviti hiliran di Kertih Polimer Park dengan nilai pelaburan sebanyak RM2 bilion. Sesungguhnya tanpa usaha bersungguh-sungguh kepimpinan dan Kerajaan yang ada sekarang dalam menyediakan insentif-insentif menarik dalam bentuk fizikal mahupun akur janji adalah sukar untuk pelabur-pelabur yang datang ke negeri kita. Dijangka dengan pelaburan ini akan menyediakan lebih daripada 10,000 peluang pekerjaan semasa dalam pembinaan mahupun ketika operasi kelak. *The spill over effect,* dengan izin adalah sangat besar dengan keperluan-keperluan seperti keperluan perumahan, keperluan perubatan, keperluan untuk membina pusat-pusat pengajian tinggi, pusat-pusat membeli belah dan juga perkedaian perlu disediakan bagi memenuhi keperluan-keperluan yang akan diperlukan nanti. Dan sesungguhnya dalam usaha kita untuk merancakkan pembangunan ekonomi negeri kita dalam usaha meningkat, menambah daya saing negeri kita dan sesungguhnya ia secara tidak langsung akan memberi kesejahteraan kepada seluruh masyarakat negeri Terengganu. Harapan saya agar Kerajaan memberi penekanan kepada pelabur-pelabur yang sudah mahupun dalam persiapan untuk datang ke tanah kita supaya mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja terdiri daripada rakyat negeri Terengganu. Saya rasa pihak UPEN boleh memainkan peranan yang aktif dan positif dalam memastikan perkara ini dapat kita capai.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seterusnya Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Saya juga ada satu-dua perkara lagi yang ingin saya ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini

iaitulah permintaan dan harapan kami semua daripada DUN Kemasik. Sudah sekian lama Kampung Baru Kemasik dan Kampung Baru Kertih mengalami masalah banjir ketika musim monsun. Saya sangat-sangat berharap agar perkara ini diberi perhatian sama dengan masalah muara Sungai Kemasik yang sentiasa tertutup akibat mendapan pasir yang tebal, jalan Lapangan Terbang Kertih ke Pengkalan Ranggun dan jugak Batu Putih yang sering ditenggelami air ketika monsun supaya perkara-perkara ini dapat diberi perhatian. Perkara-perkara ini telah berlarutan sudah sekian lama melebihi 20 tahun dan harapan saya semoga dapat diberi perhatian khusus daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jugak pentadbiran Kerajaan Negeri. Juga permintaan daripada generasi kedua Felda Rasau Kertih supaya permohonan Rumah Kos Rendah di kawasan yang mana tapaknya telah diluluskan oleh Pejabat Tanah Daerah Kemaman sejak tahun 2009 sekali lagi mendapat perhatian dan diperkenankan untuk diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Secara khususnya saya menyokong penuh pembentangan Bajet yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam usaha untuk memberikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat negeri Terengganu. Berbagai-bagai insentif, berbagai-bagai kemudahan baik dari segi perumahan, ke arah meningkatkan modal insan, meningkatkan daya saing negeri Terengganu dan jugak merancakkan sektor-sektor seperti sektor pertanian, ke arah meningkatkan lagi aktiviti sukan dan sebagainya. Dengan itu saya mohon menyokong sebagaimana yang dicadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Saya buka lagi. Ya, sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulilahirabbil alamin wabihi nastain. Wassalatuwassalamu-ala Sayyidina Mursalin Sayyidina Muhammadin wa-ala alihi wasahbihi ajmain.* Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin memetik satu hadis riwayat Imam Ahmad dalam Majmak Jilid 5, hadis 229 yang bermaksud:"Barang siapa yang ingin menasihati pemimpin dalam suatu perkara maka janganlah disebarkan atau dicanang secara terang-terangan akan tetapi peganglah tangannya dan ajaklah dia berbincang dengan diam-diam. Jika dia menerima maka itu diharapkan, jika tidak maka sesungguhnya dia telah menunaikan kewajipan." Dan dalam "thambighulraafilin an-a'maljaahirin watazilsaaliqin min-af'alhaaliqin", Ibnu Anas Rahimallah berkata:"Saat yang amat tepat untuk menasihati pemimpin adalah

di saat sepi dari pihak ketiga." Ini lebih baik daripada bersuara secara terbuka di hadapan media masa bahkan menyuarakan dan menasihat pemimpin lebih mulia secara rahsia tanpa ada liputan pihak yang ketiga. Dan dalam satu lagi hadis Musnad Imam Ahmad, Jilid 2, hadis 376 yang bermaksud telah bersabda Rasulullah S.A.W: "Sesungguhnya Allah rela atas kamu dalam tiga perkara, hendaklah kamu menyembah Allah dan tidak kamu menyekutukan-Nya dengan sesuatu, hendaklah kamu sekalian berpegang teguh dengan tali agama Allah dan janganlah berpecah belah dan hendaklah kamu sekalian saling nasihat menasihati dengan yang diangkat Allah untuk memegang urusanmu iaitu pemimpin kamu."

Alhamdulillah, saya ingin melahirkan rasa bangga saya dengan usaha Kerajaan dalam pembangunan modal insan yang insyaAllah diharapkan menjadi pemangkin kepada pembangunan syiar iaitu antara lain sebagaimana yang tercatat dalam buku Bajet 2012. Mengadakan Program Pintar Al-Quran dan KAFA supaya anak-anak diawal usia telah dapat mendalami pendidikan Islam dan meletakkan Al-Quran sebagai asas kehidupannya. Asas untuk meletakkan aqidah mereka berlandaskan Al-Sunnah Wal Jamaah dan tidak mengelincirkan mereka menjadikan mereka Khawarij dan Mu'tazilah. Yang Berhormat Mulia, saya ingin berkongsi suatu cerita trajis (sedih) bagaimana seorang hamba Allah yang tinggal di Bukit Gasing, Rhu Rendang, Marang yang telah kembali ke Rahmatullah baru-baru ini. Nak nama? Ke nak suruh cerita? .....(kedengaran dari Ahli-ahli DUN minta diceritakan) .... Ce cita. Nama simati adalah Mamat bin Ibrahim, Kampung Bukit Gasing Marang. Oleh kerana berbeza ideologi politik dengan masyarakat sekitar walaupun anak simati merupakan Ahli Persatuan Khairat Kematian di kampung berkenaan tapi anaknya hanya diberikan kain kafan untuk menguruskan jenazah bapanya yang telah meninggal dunia. Mayat simati tidak diuruskan sehingga ahli keluarga terpaksa mengusung mayat tersebut buat masuk van, buat balik ke kampung asalnya di Jenang yang juga di Marang dan diuruskan dengan sempurna dan disemadikan dengan sempurna semoga roh Allahyarham dimasukkan bersama-sama orang-orang salihin dan siddiqin, insyaAllah. Al-Fatihah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua. Terima kasih Alur Limbat. Boleh atau tidak Alur Limbat menjelaskan kenapa hal sedemikian berlaku dari Bukit Gasing turun ke Jenang, agak jauh juga, kenapa dan mengapa hal tersebut terjadi? Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Berhormat Alur Limbat saya ingat jelaskan pada sebelah petanglah. Saya bagi masa sebelah petang nanti, boleh ya?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Satu minit untuk saya jawab pertanyaan tersebut Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak jawab dulu? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Hanya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semata-mata kerana simati berideologi politik UMNO dan masyarakat sekitarnya di kalangan orang-orang PAS.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah. InsyaAllah, kita sambung sebelah petang pulak Yang Berhormat, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti untuk Solat Zuhur dan makan tengah hari, sebelum itu saya ingin menyampaikan satu pengumuman seperti hari semalam jugak, hari ini di Dewan kita menyediakan jamuan tengah hari di Tingkat 18 untuk semua sekali yang berada dalam Dewan kita ini. Kepada Pemerhati di tempatkan di luar Dewan, diharap dapat semua hadir. Terima kasih. Ditangguh mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUH PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian, mesyuarat kita diteruskan semula. Bagi meneruskan urusan mesyuarat kita pada petang ini kita menyambung balik perbahasan dengan saya menjemput Yang Berhormat Alur Limbat untuk meneruskan dan menghabiskan ucapannya. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak pasti masyarakat setempat iaitu di Bukit Gasing tersebut telah terlepas tanggungan Fardhu Kifayah ke atas mereka.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Alur Limbat beri, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Alur Limbat kerana Yang Berhormat Alur Limbat menyebut mengenai Badan Khairat Bukit Gasing dan mengenai keluarga al-Marhum Ayah Mat kita. Jadi saya menghubungi anak dia, orang panggil Din dan saya bercakap sendiri dengan Setiausaha Badan Khairat tentang persoalan al-marhum ayahanda Pak Mat kita ni. Anak dia beritahu iaitu Din memberitahu dia kata ayah dia beri wasiat ke dia dan keluarganya untuk dikebumi di Jenang. Dan ayahanda Pak Mat kita ni dia sakit lama dah, orang kampung itu termasuk Badan Khairat merawat dia sehingga dia boleh tidur kemudian Allah Taala meninggalkan dia, mencabut nyawa dia, dia meninggal dunia, Badan Khairat bukan sahaja memberi kain kafan, beri keranda, kemudian beri tawaran untuk mengurus jenazahnya tetapi dengan sebab wasiat ayahnya sendiri untuk dikebumikan di Jenang sebab itu saya rasa Yang Berhormat Alur Limbat kena *check* bersungguh-sungguh jangan bersikap kerana anaknya ayah Pak Din ni rasa malu bahkan Badan Khairat jugak rasa malu kerana dia tidak boleh jawab tentang persoalan ini dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas penjelasan Bukit Payong. Saya juga mendapat maklumat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bahawa jenazah al-marhum tidak diuruskan atas alasan perbezaan ideologi politik dan oleh yang demikian beliau terpaksa membawa balik jenazah ke Jenang.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat, saya mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Bukit Payong mintak balik.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya ada versi saya yang Bukit Payong cakap Yang Berhormat Dato' adalah versi beliau. Saya jugak ada versi saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi Alur Limbat perhabis dululah, ya, Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Di sesetengah tempat pula Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada golongan berebut untuk menguruskan jenazah tetapi dengan gambaran kepada masyarakat umum bahawa puak-puak ini sahaja yang layak menguruskan jenazah termasuk jugak membaca talkin dan sebagainya. Dan puak-puak yang berbeza ideologi politik ini hatta ahli keluarganya dipinggirkan dalam urusan pengebumian jenazah tersebut. Bahkan dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa jenazah nak masuk liang lahadpun masih berpolitik lagi. *Innamal-a'mallubinniat,* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *wamakaruwamakarallah wallahu-khairulmaqirin.* Kalau suatu perbuatan itu kerana Allah dan Rasul-Nya maka ganjaran pahalalah kepada sipelakunya tetapi kalaulah sesuatu tindakan itu kerana yang lain daripada Allah dan Rasul-Nya maka sudah tentu ianya sia-sia belaka, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Boleh penjelasan sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam mintak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sikit, sikit aje. Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa kesallah bila seorang ADUN sepatutnya bercakap isu Bajet ini benda yang besar tetapi bercakap hal jenazah-jenazah dan nak tuduh pulak benda-benda yang tak sepatutnya kita dapat penjelasan yang baik, kita masih cuba nak kaitkan. Saya atas nama peribadi Yang Berhormat Yang Dipertua, arwah bonda Yang Amat Berhormat Menteri Besar meninggal saya pergi ziarah, arwah bonda Dato' Yang

Dipertua sendiri meninggal saya pergi ziarah, arwah MP (Ahli Parlimen) Kuala Terengganu meninggal saya pergi ziarah. Jadi janganlah .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya faham .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... kita nak ambil kesempatan .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Hah ..... baru pandai sekarang ini menilai ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi janganlah maknanya kita ni ambil kesempatan macam ni dalam Dewan benda yang kecil-kecil kes kematian, kes apa seolah-olah .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... serupa macam Jabi tadi, jadi sepatutnya janganlah masa debat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, dia tak bagi dah Yang Berhormat. Mudah-mudahan .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, *bakpe kenen lah* Jabi pulak dah? Lepaslah Jabi ke nak suruh Jabi cakap pulak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya. Yang Berhormat Jabi, mudah-mudahan .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Alur Limbat sebab ayat Alur Limbat baca tadi mudah-mudahan niat Wakaf Mempelam pergi melawat arwah bonda MB dan saya itu ikhlaslah, tidak diungkit-ungkitlah, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya bukan nak berbangkit, saya tak pernah timbulpun benda-benda ni tapi bila Yang Berhormat Alur Limbat sebut, saya sebut ni sebagai benda ini

biasalah kita ni bermasyarakat, jadi janganlah soal saya ni ikhlas tak ikhlas itu antara saya dengan Allah. Jadi janganlah keikhlasan orangpun kita pertikai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Saya dari tadi lagi tengok setiap apa yang dia nak tanya dia rangkum benda-benda yang tak berkaitanpun dengan Dewan ni termasuk yang di Parlimenpun dia bawa ke sini. Barangkali terasa Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa benda yang tak berkait dengan Dewan yang saya sebut?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Manakala Dato' Yang Dipertua, realitinya kita ada Pemandi Jenazah, Pengurus Jenazah yang *volunteers* dengan izin, yang sukarela dan mereka hanya memperolehi sagu hati daripada ahli keluarga simati dengan bayaran saya difahamkan RM60 setiap jenazah sekiranya mengisi borang tuntutan dan dihantar ke Pejabat Agama Daerah. Menurut mereka dalam dua-tiga bulan hantar borang tuntutanpun masih belum lagi menerima bayaran tersebut. Saya percaya sudah tiba masanya bagi Kerajaan melaksanakan fardhu kifayah tersebut dengan menyediakan peruntukan imbuhan bulanan khas kepada setiap Pemandi Jenazah dengan bayaran sekitar RM600 sebulan. Manakala bagi setiap kes yang melibatkan mayat uzur dan berisiko seperti penghidap HIV dibayar tambahan RM100. Manakala pembantunya dibayar imbuhan bulanan RM400 sebulan dan dibayar sebanyak RM50 bagi mereka menguruskan mayat-mayat yang berisiko, HIV ataupun mayat uzur dan sebagainya. Adalah dengan ini dicadangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, supaya Kerajaan menyerapkan Pemandi dan Pembantu Pemandi Jenazah yang sedia ada di bawah skim ini dan memastikan bahawa di setiap mukim di Terengganu mempunyai sekurang-kurangnya sepasang Pemandi Jenazah, maksud saya sepasang tadi Pemandi dan pembantunya (lelaki) dan juga sepasang Pemandi Jenazah (perempuan).

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya tertarik dengan dakwaan Bukit Payong semalam kononnya Enakmen Jenayah Syariah Kelantan 2, Hudud dan Qisas 1993 diluluskan pada tahun 1993, tidak dapat dilaksanakan atas dua alasan. Pertama, dakwaan surat Tun Mahathir kepada Menteri Besar Kelantan atas kapasiti beliau sebagai Perdana Menteri pada masa itu iaitu pada Mei 1996 yang kononnya menghalang Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum Hudud. Kedua, dakwaan kononnya Sultan Kelantan enggan tandatangan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa Rang Undang-Undang tersebut telahpun mendapat perkenan dan ditandatangani oleh Sultan Kelantan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita perlu faham .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong mintak lagi. Yang Berhormat bagi ke? Sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bilakah Tuanku Al-Sultan perkenan? Dalam maklumat saya Sultan perkenan itu adalah Sultan yang baru ini kerana Sultan yang dahulunya tidak memperkenankan kerana dia tidak berlaku pindaan undang-undang sebagaimana seluruh negeri-negeri yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kalau perkenan sekarang maka berjalanlah. Perkenanlah tu. Saya nak ambil andaian bahawa tidak mendapat perkenan Sultan Kelantan dahulu, bagi saya bincang dulu. Dalam proses pelaksanaan Undang-Undang Negara sesuatu Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri mesti terlebih dahulu mendapat perkenan Sultan sebelum ianya boleh diwartakan. Setelah diwartakan ianya baru boleh dilaksanakan. Jadi rupa-rupanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selama ini rakyat Kelantan tertipu lebih 20 tahun dengan janji-janji Hudud, tolak PAS bererti tolak Hudud, itu yang diperkatakan kepada rakyat selama ini dan pelbagai label dan slogan semata-mata untuk meraih undi dalam setiap kali pilihan raya. Persoalannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sikit, sikit je?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya yang ni, saya minta maaflah saya tidak benar, bagi saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bagi saya *explain* dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi lepas ni bagi, okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Persoalannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau Tun Dr. Mahathir tak hantar surat supaya PAS tidak laksanakan hukum Hudud PAS, adakah Hudud PAS Kelantan boleh dilaksanakan tanpa adanya tandatangan Sultan? Tatkala Rang Undang-Undang tersebut masih jauh boleh dilaksanakan. Bahkan ianya belum dapat perkenan, belum lagi diwartakan dan tak benar sama sekali oleh kerana surat Tun Dr. Mahathir atas sebagai pemimpin Barisan Nasional oleh kerana surat tersebut maka ianya menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan Undang-undang Hudud di Kelantan. Persoalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bolehkah sesuatu enakmen dilaksanakan tanpa terlebih dahulu mendapat perkenan Sultan, ini dalam konteks Hudud Kelantan dan diwartakan. Kenapa PAS menjadikan surat Tun Dr. Mahathir sebagai kambing hitam dan UMNO dipersalahkan dan Kerajaan Pusat juga dipersalahkan di mata rakyat. Yang jelas surat Tun Dr. Mahathir tidak menjadi isu batu penghalang dalam kes ini bagi PAS Kelantan untuk melaksanakan Hudud tanpa surat Tun Dr. Mahathirpun PAS tidak mampu untuk melaksanakan Hudud berdasarkan kepada halangan undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh celah sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalaulah 20 tahun dah PAS tak mampu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ..... untuk melaksanakan hukum Hudud berdasarkan tidak ada perkenan ataupun tandatangan Sultan selama ini maka jelaslah bahawa rakyat Kelantan benar-benar tertipu bahawa PAS kononnya nak melaksanakan Hudud dan oleh kerana surat Tun Dr. Mahathir semata-mata maka PAS gagal melaksanakan Hudud. Ini adalah suatu pembohongan yang jelas yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ....(tepukan sokongan) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit aje. Terima kasih Alur Limbat. Nampak sungguh benar dia bincang hal Hudud di Kelantan memberi gambaran bahawa kita menipu rakyat dan sebagainya. Saya

tak tahulah takut-takut Alur Limbat setuju ke tak setuju hal Hudud ni. Cuma saya nak mintak penjelasan hari ini dalam Sin Chiew Jit Poh, muka surat 4, Edisi Timur mengeluarkan kenyataan oleh ADUN Bandar menyatakan bahawa Hudud ideologi ekstrim, ketinggalan zaman dan tidak boleh dipakai pada hal semalam Exco Agama menyatakan bahawa kita nak laksanakan Hudud, secara tak langsung kita jangan bincang hal Kelantan, dalam Terengganu ini sendiri antara dua Exco, seorang kata ketinggalan zaman, tak boleh pakai semua sekali dan seorang lagi kata nak laksanakan ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, biar saya jawab …….

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak ADUN Bandar tarik balik kenyataan kerana ia menghina Dewan, dia bercakap di luar Dewan kepada pemberita dan keluar dalam surat khabar. Jadi saya mintak janganlah Alur Limbat duk bercakap hal Kelantan, dalam negeri Terengganu ni sendiri ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah Wakaf Mempelam, dia dah tak bagi dah. Sila sambung Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita kena faham ADUN Bandar hanya seorang sahaja dalam Dewan ini, beliau hanya seorang dan beliau mempunyai pandangan peribadi beliau ……

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta laluan. Saya nak beri penjelasan sikit tentang apa yang dinyatakan tadi oleh Wakil Wakaf Mempelam. Yang kita bantah itu ialah Hudud ala PAS, apa yang kita amalkan sebagaimana apa yang dijelaskan oleh Wakil Batu Rakit jelas dan terang dan yang itulah kita boleh terima. Itulah hukum Islam yang kita …..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dia faham ke tak apa benda Hudud tu …..

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): ….. tidak bantah hanya Hudud ala PAS, ajaran PAS yang kita bantah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya nak minta penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Apa yang jelas Hudud Kelantan dan Terengganu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bercanggah ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam duduk dulu. Teruskan Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Kerana apa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jelas kita mengetahui bahawa Hudud PAS Kelantan, Hudud PAS Terengganu ianya mengecualikan orang-orang bukan Islam daripada hukumannya. Jadi ADUN Bandar sendiri sudah faham bahawa Hudud PAS Kelantan dan Hudud PAS Terengganu itu bukan Hudud Allah ……

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Minta penjelasan Yang Dipertua. Mintak penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ….. sebab itu beliau menolak dan orang-orang Tionghua di Terengganu ini jugak menolak ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Bukit Payong, duduk dululah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ….. Hudud PAS seumpama itu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak apa, nanti kita jumpa di luar. Biar saya bercakap di dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila buat kesimpulanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maknanya kalau beginilah keadaannya di Kelantan lebih baiklah rakyat Kelantan menukar arah tujuan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti dan memilih Kerajaan Barisan Nasional demi kesejahteraan rakyat Kelantan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang jelas dalam pelaksanaan Hudud adalah *al-istito'ah* dengan izin, iaitu kemampuan. Dalam Legal Magazine dengan izin, *atharurah tubbihhulma'zura',* kita dalam keadaan darurat yang tidak membolehkan kita untuk melaksanakan Hudud kerana halangan-halangan tertentu adakah ianya menjadikan kita menolak Hudud? Tidak, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, barangkali sebab nak dekat dengan pilihan raya adalah barangkali nak sambung nyawa, nak sambung talian hayat menjelang Pilihan Raya Ke-13 adalah masuk kampung Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, atas nama mengadakan Majlis Jamuan Teh, barangkali inilah konsep Negara Berkebajikan yang dicanangkan. Kebetulan masuk ke kampung saya sendiri di Kampung Alur Limbat. Di antara ucapan yang dinyatakan oleh kepimpinan PAS dalam perjumpaan tersebut menyatakan bahawa penyelewengan Sekolah Menengah Kebangsaan Alur Limbat, terbengkalai kerana kononnya ada penyelewengan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua. Terima kasih Alur Limbat. Boleh pihak Alur Limbat jelaskan siapakah kepimpinan yang memberi ucapan yang sedemikian rupa? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bunyi kata nak jadi calon di Alur Limbat tapi belum jadi calon pelawok dah, berbohong dah kepada rakyat dan kebetulannya di hadapan pulak Presiden Parti sebelah sanalah, Rhu Rendang. Jadi di antara lain Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya semalam baru tengok soalan daripada Bukit Payong maklumlah tak boleh kata apa sebab tak tahu kuorum, bertanya salah tempat, sepatutnya kalau nak tanya perkara bersangkutan dengan Federal di Parlimen bukan di Dewan Undangan Negeri, tanyakan pasal sekolah tersebut yang kononnya dicanangkan kepada orang kampung, penyelewengan yang tidak dapat dijelaskan oleh pihak Dewan Undangan Negeri. Ini suatu pembohongan semata-mata. Apa yang berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua? Tidak wujud sebarang pengambilan balik tanah kecuali dengan izin, *alienation* tanah pada zaman pemerintahan PAS pada tahun 2002 di mana tanah seluas 20 ekar tersebut telah dialienated dengan izin, kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dengan harga premium setiap ekar RM80,000 menjadikannya RM1.6 juta. Dan projek

pelaksanaan tersebut merupakan projek keutamaan dalam RMK-9 dan ianya telah dilakukan secara PMC, tidak ada kaitan dengan Kerajaan Negeri. Kalau ada, saya cabar kepada setiap orang pemimpin-pemimpin PAS kalau ada sebarang penyelewengan pemimpin Barisan Nasional dalam pembinaan projek tersebut saya cabar sila kemukakan di luar dan saya pasti saya akan menyahut cabaran tersebut. ….(tepukan sokongan) ….. Jadi nak cakap pasal penyelewengan Kerajaan jangan bercakap di depan orang tak tahu. Soal yang berlaku ianya masih belum dapat dibuka, ianya ada suatu perkara yang di luar dugaan kerana berlaku *land settlement* dengan izin, mendapan tanah dan alhamdulillah sebab itu saya kata Pembangkang ni janganlah membangkang tak tahu benda yang penting kita apabila ada berlaku masalah kita rujuk kepada pihak yang berkuasa.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan, laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Nak cakap apanya, nak pelawok lagi apa benda ni. Saya nak beritahu benda …..

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bila saya pelawok, bila?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bagi peluang untuk saya jelaskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat, duduk. Duduklah Alur Limbat tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sebab kamu memang tak tahu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dia sebut Bukit Payong tu, pelawok tu macam mana? Saya tak pernah pelawok, saya tanya saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat tak bagi. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ini saya nak bagi penjelasan supaya pemimpin-pemimpin Pembangkang tidak keluar bercakap bohong dengan perkara berkenaan tersebut di luar. Alhamdulillah, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran kerana telah meluluskan sejumlah RM7.8

juta untuk kerja-kerja baik pulih sekolah tersebut termasuk melakukan *soil treatment* dengan izin. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penghabisanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Habis dah masa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulunglah, penghabisan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada 15 Oktober 2011, dalam Program PGU di Pantai Pandak, Chendering, PGU (PAS Ganti UMNO), DAP Ganti PAS. Presiden PAS telah melancarkan 5 janji awal manifesto ..... tak jumpa cari. Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13. Janji awal yang pertama, melaksanakan Program Pengecualian Cukai Pintu Rumah Kediaman untuk semua rakyat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ianya bukan sahaja suatu pencabulan terhadap Seksyen 127, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua tetapi apa yang pernah PAS lakukan sebelum ini sebenarnya bukan suatu pemansuhan, penghapusan terhadap cukai pintu cuma hanya penangguhan pengutipan Cukai Pintu sahaja, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sikit boleh? Pasal dia ..... Bajet ni, dia duk bercakap hal PAS sokmo ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hujung, hujung dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apalah hujung tak hujungpun. Kita sebut jelas pengecualian, kita tak kata hapus. Kita kata hapus kita kecuali pasal rakyat susah mungkin kita akan kena balik tapi waktu kita memerintah kita kecuali sungguh.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bila UMNO ambil semula dia kenakan balik. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bagi laluan ke tak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak suruh dia perhabis, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya pemimpin-pemimpin PAS dan pendokong-pendokongnya, berapa ramai pemilik rumah kediaman yang telah disita kediaman mereka kerana kegagalan mereka membayar cukai pintu. Ini bererti dalam masa yang sama Kerajaan Barisan Nasional Terengganu juga melaksanakan perkara yang sama cuma kita tidak warwarkan saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, kalau melaksanakan benda yang sama bakpe marah ke kita ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam! Kalau buat begini jadi panjang lagi. Saya nak bagi peluang kepada dia untuk perhabis. Sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bukan marah, nak beritahu, janji awal ni janji pelawok aje, janji kecek aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pelawok bila? Kita buat dah. Kita pernah buat Yang Dipertua. Jadi …..

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam kena sabarlah sikit. Dengarlah dia bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Menyelesaikan isu tanah yang dirampas oleh Kerajaan UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional. Rakyat mana yang dirampas tanah oleh Kerajaan Barisan Nasional? Melainkan penyokong-penyokong PAS yang rakus berebut-rebut memohon tanah

Kerajaan, meneroka tanah Kerajaan sepanjang 2000 – 2004. Apakah kita lupa bagaimana dan cara mana hatta mereka ini berebut-rebut tanah Kerajaan bagai merampas atau berebut-rebut harta rampasan perang. Kerajaan PAS jugak pernah merampas tanah rakyat, ada kamera? (... mohon untuk difokus gambar sambil menunjukkan gambar tanah....) kebun Pak Hassan di Kampung Alur Serdang, Setiu di musnah oleh PAS semasa zaman Kerajaan PAS. PAS juga memusnahkan kebun Wan Jusoh Abdullah @ Wan Musa Abdullah, lokasinya di Marang. Di Setiu ni gambar Presiden PAS sendiri turut sama turun memusnahkan tanaman penduduk, ini tanaman kelapa sawit di Setiu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tapi apa yang penting sebelum nak menjadi pejuang kononnya sebagai pembela kezaliman kerana tanah-tanah yang dirampas kononnya oleh Kerajaan Barisan Nasional tadi. Pastikan duit yang telah diberi oleh pemohon-pemohon tanah semasa Kerajaan PAS antara RM400 hingga RM1,200 seorang dulu dipulangkan semula kepada mereka. Duit pergi ke mana Yang Berhormat? Wallahuwa'alam. Tidak ada dalam akaun Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tidak ada dalam akaun pasal bayar ke Juru Ukur bukan bayar .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cakap apa lawyer ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Manifesto ketiga. Memberi cuti bergaji kepada kakitangan awam yang kematian suami selama 30 hari.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, saya cadangkan satu sesi kita bincangkan manifesto PAS boleh? Kita bincang hal manifesto PAS jangan bincang hal Bajet ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Guana mengamuk begitu lalu Pesuruhjaya hari ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, sayapun semangat jugak pasal nak bincang manifesto PAS.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okeylah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut kajian yang dibuat oleh CCH Incorporated Electronic And Print, syarikat yang berpengkalan di Amerika Syarikat mencatatkan kos langsung akibat dengan izin, *unscheduled absenteeism* atau dengan izin, *unscheduled leave like death* ialah USD602 bersamaan dengan RM2,400 setiap seorang bagi satu hari. Manakala kos tidak langsung seperti lewat datang kerja, kos upah semula dan lain-lain 25% daripada kos langsung. Dan kos keseluruhan adalah USD752 bagi setiap seorang bagi satu hari. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semasa Nabi wafat tak pernahpun sampai berkabung sampai 30 hari, tidak buat apa-apa dan urusan negara tetap berjalan. Urusan pemilihan Khalifah terus dilakukan dan alhamdulillah atas dasar kemanusiaan Kerajaan juga telah memberikan cuti ikhsan selama 3 hari seperti yang diamalkan sekarang. Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya poison sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tengah sedap. Perhabis, perhabis.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya ni dalam *injury time.* Dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Tolong perhabiskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Hak nak menyediakan 17,000 peluang pekerjaan untuk rakyat dalam masa 3 tahun. Macam tak pernah wujud lagi Parti PAS. Pemimpin-pemimpin PAS ni seolah-olah orang baru mari ke alam Terengganu ni nak beritahu bahawa mereka ini mempunyai satu manifesto janji yang begitu hebat tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya percaya rakyat Terengganu tidak lupa, saya cukup yakin setiap rakyat Terengganu masih ingat apa yang dilakukan oleh Kerajaan PAS selama 4 tahun mereka memerintah 2000 – 2004, berapa banyak peluang pekerjaan yang disediakan? Bahkan apa yang ada di kawasan industri Kertih dan Paka juga turut berkurangan dan ramai di antara anak-anak Terengganu terpaksa berhijrah ke luar-luar negeri mencari peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya cukup yakin berdasarkan Bajet 2012 ini insyaAllah rakyat Terengganu akan lebih sejahtera, insyaAllah rakyat Terengganu akan dapat lebih menafaat daripada Bajet 2012 ini dan saya cukup yakin PRU Ke-

13 insyaAllah rakyat Terengganu akan memberi mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional Terengganu ...(tepukan sokongan) ...

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dan akhirnya saya mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh jadi calon lagilah. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput lagi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Kuala Berang dulu. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabbil alamin. Wabihi nastain. Assalatuwassamu-ala-asyrafil anbia iwamursalin Sayyidina Muhamaddin wa-ala-alihi wasahbihi ajmain.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan Persekutuan dan Negeri, wakil-wakil, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin sekalian. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana pada hari ini kita dipanjangkan umur oleh Allah Taala maka kita dapat sama-sama menghadiri sidang pada hari ini. Dan kita harap moga-moga Allah Taala akan terus memberi kita umur yang panjang supaya kita akan dapat terus lagi menjalankan amalan kita pada hari-hari yang berikutnya.

Pertama-tamanya saya pada petang ini ingin mengucapkan terima kasih berbanyak-banyak kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet Dewan Undangan Negeri yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 2 hari yang lalu. Dan saya pada petang ini juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah membentangkan Bajet yang saya rasa satu Bajet yang besar yang mana berjumlah RM1.950 bilion yang mana Bajet ini bertemakan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' dan 'Bajet Kesejahteraan Rakyat' dengan tiga strategi utama.

Jadi saya pada petang ini eloklah saya berpantun dahululah sebab nampak sepanjang Dewan kali ini tidak ada orang yang berpantun, pantun saya ini bukannya sedap sangat:

> Anak punai terbang melayang-layang,
> Singgah sebentar dek ketakutan disambar helang,
> Dengarlah semua wahai para peminat sidang,
> Tidak jemu-jemu kita dengar wakil Pembangkang
> duk asyik hentam Kerajaan sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua. Pantun empat kerat ke pantun lapan kerat ….(Dewan gelak) ….

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Boleh belaka. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana yang kita tahu, kita ada dengar dalam dua-tiga hari ini Wakil-wakil Rakyat telah membahaskan perkara-perkara yang khusus berkaitan dengan Bajet ini di mana saya nak ulang semulalah, mungkin saya tak sempat semuanya cuma saya sebagai wakil kepada rakyat Kuala Berang sangat-sangat berterima kasih dan juga sangat-sangat terharulah dengan Bajet yang telah dibentangkan ini yang mana kita lihat kami di daerah Hulu Terengganu terutamanya sangat memerlukan banyak peruntukan dan juga banyak bantuan-bantuan yang perlu kerana kami masih lagi agak ketinggalan sebenarnya berbanding dengan daerah-daerah yang lain di mana sebagaimana yang kita tahu antara program-program besar yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun depan ialah Program Baiki Rumah, setiap DUN kita akan dapat RM1 juta. Program Bina Rumah Baru, Program Membina Rumah Mampu Milik dan di mana setakat ini telah lebih 6,000 unit telah dilaksanakan dan insyaAllah tahun depan akan dapat lagi lebih kurang 3,000 unit yang baru akan dibina. Begitu juga banyak Program Membasmi Kemiskinan juga telah dicadangkan oleh Kerajaan yang mana kita jangka dan kita harapkanlah hasrat Kerajaan untuk menjadikan rakyat Terengganu ini pada tahun 2013 nanti akan berkurangan jumlah mereka yang tergolong dalam golongan miskin tegar dan banyak lagilah yang sebenarnya. Saya juga nak sebutkan di sini seperti sebagaimana kita tahu program-program biasa seperti program pakaian sekolah, program-program dalam bidang pertanian, pembangunan, ekonomi dan sebagainya. Ini belum lagi kita lihat, kita campurkan dengan Bajet yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Pusat pada baru-baru ini.

Jadi tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. Jadi tak sempurnalah diri saya tidak nak mengambil masa yang panjang Dato' Yang Dipertua pada hari jika tidak membawa perkara-perkara yang khususnya yang berkaitan dengan daerah Hulu Terengganu dan juga berkaitan dengan DUN saya. Ini bermakna sebagaimana yang kita tahu perkara pertama yang ingin saya perkatakan pada

petang ini ialah berkaitan dengan pembangunan Tasik Kenyir. Terima kasihlah, terima kasih banyak-banyak, terima kasih, terima kasih, terima kasih. Banyak lagi terima kasih sebenarnya dari kami rakyat Hulu Terengganu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas cetusan idea yang sebenarnya sangat menyentuh hati kita rakyat Hulu Terengganu kerana sudah lama, orang Kuala Berang kata *'lame dah kami tunggu'* pembangunan ini sebagai hadiah kerana hadiah yang paling besar kepada kami hasil daripada pengorbanan kami yang sangat besar sebenarnya kalau nak dikirakan. Kita telah berkorban tanah beratus ribu ekar yang tenggelam, kita telah berkorban kawasan pembalakan yang mana menghasilkan banyak peluang-peluang pekerjaan di Hulu Terengganu, kita korbankan. Begitu jugak kita telah berkorban flora dan fauna. Ada kampung yang tenggelam. Jadi inilah saya rasa dan kita harap inilah antara program Kerajaan Negeri yang boleh memberi pulangan yang setimpal dengan pengorbanan kami rakyat Hulu Terengganu yang berkorban selama ini. Dan kami sendiri hari ini dan mungkin pada masa hadapan kalau dilihat dengan Program Pembinaan Empangan Kenyir ini sebenarnya kalau kita katakan mungkin antara perkara yang sangat membahayakan kami. Contohnya, kalau andai kata dam pecah, kami dulu yang akan menerima petaka. Jadi inilah saya rasa, saya harap dengan program ini kita harap dapat mengembalikan semula keyakinan rakyat Hulu Terengganu yang mana Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Bajet yang besar untuk mempastikan dengan terjadinya, dengan terlahirnya Pembangunan Tasik Kenyir, kawasan bebas cukai ini kita harap antara perkara yang boleh memberi pulangan balik kepada pengorbanan yang telah kami lakukan selama ini. Nak molek, nak hebat, nak comel, kena belanja besar, memanglah. Contohnyalah kita lihat paling ringkasnya hari ini kita tengok bagaimana kita-kita semua ini datang ke Dewan Undangan Negeri ini memakai kereta-kereta yang besar, kereta-kereta yang comel, kereta-kereta yang panjang, ya tak? Kenapa pakai kereta besar, kenapa pakai kereta panjang? Kerana nak hebat. Jadi kalau nak hebat, nak jadi molek mesti perlu pengorbanan, mesti pakai wang yang besar. Jadi nak kahwinpun, kalau hak comel kenalah berbelanja besar, jadi nak molek mesti kena guna wang yang besar, maknanya. Paku dulang kayu serpih, kata orang dia yang lebih. Itulah kerja Pembangkang ini, kalau hak kita buat semuanya salah. Hak dia buat semuanya betul. Memanglah kita manusia tidak boleh lari dari perkara-perkara yang salah, yang tidak baik kerana kita manusia yang dilahirkan oleh Allah Taala, manusia yang lemah pasti ada yang baik, pasti ada yang tidak baik bukan semuanya tidak baik. Tapi saya dengar dalam dua-tiga hari ini takdok benda hak molek yang Pembangkang duk puji kita, takdok benda satupun. Jadi itulah saya rasa malanglah kalau kita ada Wakil Pembangkang dalam Dewan ini yang berfikiran tidak sepatutnya.

Begitu juga saya juga hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berharap supaya dengan pembangunan ini juga kita harap jangan lupalah peluang-peluang untuk rakyat Hulu Terengganu dari segi projek-projeknya ataupun dari

segi program-program hilirannya. Sebagaimana kalau kita tengok di Langkawi, contohnya Ismail Group dan sebagainya. Apa salahnya kalau kita wujudkan di Kenyir ni contohnya Rozi Group ke, Rosol Group ke, apa salahnya tak, maknanya. Kita harap supaya antara perkara-perkara yang jugak .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, minta laluan Y.B. Kuala Berang. Takkanlah nama awak-awak dia belaka, puak Jabi takdok nama, puak Paka takdok nama hak group-group ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jabi banyak dah, beri kitalah pulak. Itulah saya jugak Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berterima kasihlah kepada Kerajaan Negeri dalam Bajet ini juga terlulusnya satu program yang telah lama ditunggu iaitu berkaitan dengan pembinaan Mini Stadium ataupun Kompleks Sukan yang juga sebenarnya kami sudah lama menunggu. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, hari inilah kalau kita nak buat kejohanan di peringkat negeri di Hulu Terengganu, di Kuala Berang khususnya kita tidak ada satu gelanggangpun, tidak ada satu padangpun yang sesuai standardnya, satu standard untuk pertandingan di peringkat negeri. Kita ada banyak padang sebenarnya, kalau padang bola tu untuk maklumanlah di Hulu Terengganu ni, di Kuala Berang padang bola tidak boleh lawanlah kita ada di setiap kampung, setiap cawangan tapi padang bolanya ada secara ala kadar sahajalah. Inilah yang kita sangat terharulah dengan program ini, kita harap jangan tunggu lama-lama kalau boleh esok angkat *tender* dah, kalau boleh pada awal tahun ini kita dah *start* dah sebab kita harap dengan ada projek ini kita akan dapat lahirkan ramai lagi ahli-ahli sukan yang boleh mewakili negeri dan juga negara pada suatu masa akan datang.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, minta laluan sikit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kuala Berang nak tutup dah tu. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Boleh tak Yang Berhormat beli penjelasan sikit berapa ramai pemain bola negeri Terengganu kita ini yang mari daripada Kuala Berang?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya perlukan notislah tu. .....(Dewan gelak) ..... Sebenarnya ramai mungkin Exco Sukan nanti orang Telemong boleh beritahulah. Begitu jugak dengan Dewan Daerah, kita juga ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri, perkara ini setiap kali perjumpaan dengan Dato' Seri kita selalu sebutlah. Kita

perlukan satu Dewan yang besar yang boleh menampung ramai, Dewan kita yang ada pada hari ini Dewan yang telah lama, yang comelpun yang ada Dewan Sekolah, Dewan ABM (Akademi Binaan Malaysia) kita ada, Dewan Daerah kita ialah Dewan yang lama inipun tidak boleh muat ramai sangat. Tahun ini telah dibuat jalan raya dan semakin sempit Dewan itu. Jadi kita berharap perkara ini menjadi kenyataan pada masa akan datang.

Seterusnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan sidang hadirin sekalian berkaitan dengan Memorial Batu Bersurat. Saya berharap perkara ini pihak Kerajaan kena tengok dengan secara yang lebih dari hati ke hatilah kerana perkara ini saya nak balik ke kampungpun susah jugak kerana perkara ini telah dijanjikan oleh Kerajaan sudah lama, Kerajaan berjanji untuk membina Pusat Penulisan Jawi sudah lama dah, saya ingat sudah beberapaa tahun dah, lebih kurang 5 tahun dah, wakil Kerajaanpun pergi ke kampungpun beritahu nak buat benda ni. Dan setiap kali Dewan saya tanya sokmo benda ini. Tapi malangnya pada tahun ini, saya ingatkan adalah dalam Bajet ini, tulis RM10 tak apa dah sebagai buka *column,* tapi takdok jugak jadi saya rasa dukacitalah. Sedangkan kita kena lihat bahawa Batu Bersurat ini merupakan satu sejarah yang sangat kata orang tak tahulah kalau kita rasa tak ada nilai, Memorial ini tempat terjumpanya Batu Bersurat yang menandakan tentang kedatangan awal Islam ke Malaysia tak tahulah kalau kata benda ini tidak molek. Kadang-kadang sayapun kena sindir di orang Hulu Terengganu dia kata lebih baik Batu Bersurat di Bulatan Penyu hak kena buang tu, lawa hak ni lebih baik tengok hak ni daripada Kuala Berang. Inilah kita harap dengan adanya Pusat Penulisan Jawi ini kita harap kita dapat mempastikan, kita dapat menjadikan ia sebagai pusat yang sangat diminati ramai untuk hadir dan melihat bagaimana kewujudan Islam di tanah air kita pada masa dulu.

Begitu juga dengan jambatan kedua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hari tak sempatlah nak tanya kerana masa sangat singkat pagi tadi. Saya tanya soalan berkaitan dengan kesesakan jalan raya kita di Terengganu hari ini. Saya rasa dengan infrastruktur yang ada pada hari ini dengan pertambahan kenderaan awam yang sangat banyak hari ini kita jangka dalam masa 5 – 6 tahun lagi ataupun dalam masa 10 tahun lagi akan berlaku satu keadaan kesesakan yang sangat kritikal. Jadi inilah kita harap supaya kita lama dah dan rakyat di Hulu Terengganupun lama dah sebut pasal jambatan kedua di Kuala Berang. Kita di Kuala Berang jalan semuanya empat lorong tapi nak masuk ke Gaung-Kuala Berang kita ada satu jambatan saja. Jadi ini berlaku kesesakan yang sangat-sangat kata orang, bukan kita kata tak nak jam, baguslah jam tu tapi maknanya biar padan pada tempatnya kalau Kuala Lumpur jam okeylah, kalau Terengganu okeylah sebab dia bandar yang besar, ini Kuala Berang, orangpun pelik, pelik bin

ajaib. Jadi kita harap benda ini dapat difikirkan oleh Kerajaan supaya peluang ini dapat jugak kita nak pastikan rakyat kita selesa berada di kawasan Kuala Berang.

Begitu jugak dengan pembinaan rumah PAKR ataupun Rumah Mesra Rakyat ini, saya tanya dalam Dewan tetapi ditolak. Maksudnya saya nak beritahu Kerajaannya ialah syarat untuk memiliki rumah PAKR ini saya duk tengok-tengok rupanya sudah 30 tahun lalu dah syarat ini dipakai, 30 tahun yang dulu lagi, 30 tahun dulu kalau gaji Cikgu RM410 lepasan Maktab Perguruan. Tapi hari ini gaji Cikgu lepasan Maktab Perguruan dah hampir RM2,000 maknanya perbezaannya. Jadi kita harap syarat-syarat ini dapat dipinda balik kerana rakyat bawah kita beri rumah, bantuan rumah, rumah baru kemudian ada pulak Program Mesra Rakyat dan yang atas pulak ni yang kerja Kerani N17, kata orang tidak layak memohon rumah ini. Jadi kita harap perkara ini dapat dilihat oleh Kerajaan, kita bimbang 6,000 unit ini yang telah kita buat dan 3,000 akan datang ini kita takut rumah ini kita tidak dapat nak beri kepada pemiliknya kerana syarat-syarat ini telah menyekat kita. Jadi kita haraplah Kerajaan dapat melihat balik syarat-syarat untuk memiliki Rumah Mampu Milik ini.

Seterusnya saya juga berharaplah di kawasan saya masjid ni untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sehingga ke hari ini masjid terakhir yang diluluskan untuk DUN saya ialah Masjid Kampung Tapu sejak tahun 2007. Dan selepas itu sehingga sekarang ini belum ada satupun lagi masjid baru yang dibina oleh Kerajaan dalam DUN saya. Kita harap benda ini dapat difikirkan oleh Kerajaan supaya kita harap banyak lagi masjid baru yang boleh dibina dalam DUN saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itulah saja perkara yang saya nak sampaikan pada hari ini dan kita berharaplah supaya rakyat dapat melihat, rakyat dapat membuat pilihan yang baik pada pilihan raya yang akan datang kerana kita sebenarnya Kerajaan telah melaksanakan banyak perkara, banyak program untuk mempastikan rakyat kita dapat hidup sejahtera sebagaimana slogan yang telah diutarakan dalam Bajet kita pada kali ini. Kita harap rakyat janganlah terpengaruh dengan dakyah-dakyah, dengan tohmahan-tohmahan Pembangkang yang kita dengar tadi dan daripada kelmarin, kelmarin dulu kita dengar bagaimana Pembangkang ni duk beritahu kita ni tak betul belaka. Kalau saya nak beritahu yang dia ni, Pembangkang ni contohnya satu perkara, kita tengok dalam buku kalau tuan-tuan masih ingat lagi yang kita keluarkan dulu dikenali buku Masihkah Kau Ingat ni, saya ambil contoh satu saja bagaimana tuan-tuan fikirlah, bagaimana Wang Zakat ni, bagaimana tak tahunya nak mengurus Wang Zakat diberi kepada anak Exco, tuan-tuan fikirlah, anak Exco dapat Wang Zakat, betullah asnaf

fisabilillah tapi adakah pada masa itu tidak ada lagi rakyat yang miskin? Itu persoalannya, apakah mereka rasa rakyat kaya belaka dah? Anak Exco layak dapat bantuan zakat daripada Wang Zakat? Inilah daripada persoalan kalau saya nak sebut banyak lagi nak sebut. Inilah kalau kita buat pilihan tidak betul maka akhirnya kitalah yang akan terima balanya ataupun terima faedahnya. Jadi itulah saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta maaf banyak-banyak atas kekurangan, kesilapan. Terima kasih banyak-banyak atas peluang yang diberi. Saya mohon menyokong Bajet ini. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang, saya jemput Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Membaca petikan hadis sebagai mukadimah Ucapan Perbahasan). Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, hadirin-hadirat muslimin-muslimat sekalian.

Pertama-tamanya syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada hari ini kita masih diberi peluang, ruang dan kesempatan untuk sama-sama hadir dalam Dewan yang mulia ini untuk membahas suatu perkara yang cukup besar ertinya khususnya kepada rakyat negeri Terengganu iaitu Ucapan Bajet 2012.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ke atas Ucapan Bajet ini adalah lebih baik oleh kerana orang Hulu Terengganu berpantun, saya nak pantun jugak:-

Kalau tuan ke tempat mandi
Pertama tasik, kedua pantai
Kalau tuan pergi mengundi
Pilihlah pertama cantik, kedua pandai.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ulang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ulang hak yang kebelakang, tak berapa dengar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau tuan ke tempat mandi, pilih pertama tasik kedua pantai, kalau tuan pergi mengundi, pilihlah pertama cantik kedua pandai. Yang cantik dan pandai itu tidak lain tidak bukan ialah UMNO dan Barisan Nasional .....(tepukan sokongan) ..... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kenapa dan mengapa saya mengatakan demikian? Kerana apabila kita renung apa yang dibincangkan sepanjang beberapa hari di sini dan apa yang dibentangkan oleh Presiden PAS yang ada bersama kita, hari ini dah *absence* mungkin ada kerja lain, kita lihat tentang apa yang dikatakan dulu ialah Negara Islam yang dibuat satu dokumen berkaitan dengan Negara Islam, Parti Islam SeMalaysia dicetak pada tahun 2003. Kalau ada kamera boleh zoom. Sayapun ada sekali dengan manifesto PAS pada Pilihan Raya Ke-10. Tadi Alur Limbat bincang tentang Pilihan Raya Ke-13 dan manifesto. Cuma apa yang hendak dibangkitkan berkaitan dengan Negara Islam dan hari ini mereka perjuangkan Negara Berkebajikan. Dua perbezaan yang saya rasa cukup jauh kerana dulu untuk nak memerintah negeri-negeri yang dikuasai oleh orang Melayu inilah yang dijaja. Hari ini kerana bersahabat dengan orang-orang bukan Melayu kerana dia yakin tanpa orang Melayu mereka tak mampu untuk menguasai Parlimen maka mereka ubah dasar yang akhirnya menjadikan hari ini yang diperjuangkan oleh mereka ialah Negara Berkebajikan. Dan bila sebut hal kebajikan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang telah dibuat oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional daripada dulu, hari ini, sekarang ini, akan datang lebih daripada apa yang telah ditawarkan oleh Kerajaan PAS. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan telah menjaga rakyat bermula daripada kandungan seorang ibu, mengandungnya seorang ibu terhadap anaknya maka di situlah Kerajaan mula memberi bantuan ataupun kecaknaan kepada bayi yang dikandung. Pergi ke hospital cuma bayar RM1 untuk dibuat pemeriksaan. Kemudian lahir sahaja seseorang anak itu terus diberi Polio, kemudian dalam masa umur 2 tahun anak-anak ini diwajibkan untuk orang Terengganu kata *cocok,* kena *inject* dan saya tanya doktor kalau tak silap dia beritahu kena sembilan kali *cocok* bagi seorang bayi untuk nak mengelak daripada penyakit-penyakit yang bahaya. Dan saya *check* dengan doktor sekali *inject* berapa ringgit harganya dulu ialah RM15. Tuan-tuan, hadirin sekalian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cuba kira 15 didarab dengan 9 kali, banyak mana Kerajaan belanja untuk nak beri kebajikan dan kebaikan, kesejahteraan kepada rakyat. Ini kebajikan yang kita buat untuk rakyat, itu masa kecil. Kita ringkaskan cerita, masa besar pulak di sekolah, semua subsidi, kemudian masuk universiti subsidi lagi dan yang lebih hebat lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, lepas pencen sudah tak bekerja dah orang Indonesia kata mantan, mantan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah mundar-mandir tanpa jawatan, takdok kerjapun diberi pencen, gaji RM4,000 pencennya RM2,000 sampai ke mati. Cuma malangnya Yang Dipertua, malangnya apabila mati maka orang-orang PASpun pergi ziarah, pergi tahlil, pergi baca talkin dan itulah timbul dan nampak baiknya orang PAS. Yang Kerajaan jaga daripada dalam perut sampai

kepada liang lahad tidak timbul, panas setahun hilang dek hujan sehari, ini malangnya nasib UMNO dan Barisan Nasional, Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, kita juga merasakan bahawa apa yang dikatakan oleh para pemimpin PAS sejak daripada kelmarin mengatakan contohnya berkenaan dengan Hudud. Hudud sahabat saya daripada Alur Limbat telah bincang dengan luas, yang dicanangkan ialah Tun Dr. Mahathir menghalang Hudud, diberitahu Mahathir Thaghut, Mahathir Mahazalim, Mahathir ini kafir, Mahathir ni serba satu macam gelaran yang negatif yang dikeluarkan. Cuma dia tidak terangkan, dia cuba tidak menerangkan kenapa Mahathir tolak? Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ada surat Mahathir yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat bertarikh 8 Jun 1994. Surat ini jelas mengatakan, ini PAS kena terang sebabnya Yang Berhormat Yang Dipertua, PAS ini boleh menang atas *al-adaawah walbardha'* maksudnya permusuhan dan kemarahan. Selagi rakyat tak marah, selagi rakyat sayang, selagi rakyat cinta kepada kita dia tidak akan menang, sampai Kiamatpun dia takkan menang. Maka untuk nak menang dia terpaksa menjalankan kemarahan dan kebencian. Kebencian tersebut ditanam dengan macam-macam dengan fitnahnya, dengan cerita yang diada-adakannya, yang pendek dipanjangkan, yang tidak benar dibenarkan untuk nak melahirkan rasa marah dan rasa ketidakpuasan hati rakyat kepada Kerajaan. Dalam surat ini Yang Dipertua, apa yang saya faham surat ini Tun Dr. Mahathir marah ataupun melarang Kelantan buat Hudud Kelantan kerana dia kata tidak berlaku keadilan, bila tidak berlaku keadilan menunjukkan Islam itu tidak adil, bila Islam tidak adil orang bukan Islam akan marah kepada Islam bukan marah kepada Hudud maknanya dengan izin, *tarnish* imej Islam kerana di sini dikatakan bahawa hukuman tidak sama rata, orang kafir tidak kena, orang Islam kena, jadi tidak adil. Jadi ini yang menyebabkan Mahathir marah bukan Mahathir tentang kerana Hudud, Mahathir tentang kerana proses perlaksanaannya tidak betul.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dekat mana pandangan Ulama yang kata bahawa pelaksanaan hukum Hudud yang hanya kena pada orang Islam tidak kena akan kepada orang bukan Islam itu zalim dan bercanggah dengan agama ataupun adakah Yang Berhormat Ajil ini baca ayat Tuhan? Bila Allah Taala sebut dalam Quran beritahu kepada Nabi Muhammad S.A.W. dalam pelaksanaan hukum Hudud (membaca petikan ayat Quran yang

bermaksud): "Jika mereka datang kepadamu wahai Muhammad bukan Islam untuk melaksanakan hukum Islam, kamu boleh terima hukum melaksanakan pada dia ataupun kamu tidak menjatuhkan hukuman Hudud ke atas dia. Jika kamu berpaling dan tidak menjatuhkan hukum Hudud kepada mereka *falanyadurukasyaia,* mereka tidak boleh mendatangkan mudharat kepada engkau sedikitpun." Adakah ayat inipun tidak ditemui, tidak difahami ataupun bagaimana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, undang-undang kena sama rata sama rasa. Dalam agama itulah yang dikatakan keadilan .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Jangan orang kafir, orang Islam berkhalwat dengan orang bukan Islam .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... orang Islam didenda orang bukan Islam tidak didenda.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia jelaskan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi ini satu benda yang tidak betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi dia perhabis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apabila satu benda ada berlaku *double standard,* di Kelantan lain, di Terengganu lain, Hudud Kelantan dah bercanggah sebab saya berkata demikian nampak dua-tiga hari ini terutama Bukit Payong berdegar-degar bercakap pasal Hudud sedangkan Presiden dia kata Hudud ni 1/10,000, ada perkara-perkara lain yang lebih berat untuk diberi fahaman, untuk diberi makluman, untuk dijaga dalam agama. Hudud ini benda yang paling kecil 1/10,000, bukan saya kata Presiden yang kata. Jadi bila berbincang seolah-olah Hudud ini lebih daripada 80% sedangkan perkara-perkara lain banyak lagi yang perlu diselesaikan. Sebab itu pada saya, apa yang cuba

dibentangkan oleh PAS sejak daripada dulu sampai sekarang bila nak tiba pilihan raya, Hududlah modal dia kerana ini sahaja yang menjadi ruang, peluang dan kesempatan kepada mereka untuk nak menghentam Kerajaan. Sedangkan hal-hal lain, hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi, hal-hal yang berkaitan dengan aqidah, hal-hal yang berkaitan dengan sosial masih banyak perlu diselesaikan. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam berkaitan dengan perpecahan dalam masyarakat. Betul Wakaf Mempelam, kita di Dewan ni kita boleh *huh hah, huh hah,* lepas kita kata mu ke aku, aku ke mu masa ni *showtime* dengan izin Yang Dipertua, kita berlakon, di luar kita berpelukan, kita bergurau tapi masalahnya ialah di kampung, apa yang berlaku di kampung masih lagi berlaku dua Imam, masih lagi kubur masing-masing, suku-suku, memang kubur masing-masing tapi suku-suku, masih ada lagi masjid dua tempat. Di kawasan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kampung Tok Dor, surau PAS duk di hujung nun, masjid duduk di sebelah sini, orang PAS boleh tinggal masjid pergi ke surau, saya tak tahu apa hukum, apa ayat yang dibaca. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini perlu diperbetulkan untuk tidak dipertanggungjawabkan di akhirat kelak kerana benda ini kalau tidak diperbetulkan oleh kepimpinan maka selamanya kita umat Islam, umat Melayu khususnya di negeri Terengganu akan berbalah sampai bila-bila kerana fahaman politik. Saya setuju dengan kata YB Jabi, politik 5 tahun sekali, masa 5 tahun ini pangkahlah nak pangkah apa bendapun, suka PAS pangkah PAS, suka UMNO pangkah UMNO tapi apabila lepas daripada memangkah tu marilah kita bersama, kita bersatu, janganlah masjid masa zaman PAS mula boleh pergi, tiba masa kita tidak boleh pergi pulak. Jadi benda-benda sebegini perlu diperbetulkan ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta penjelasan sikit Dato' Yang Dipertua, Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih sahabat lama. Saya mula-mulanya takmboh kacau dia pasal dia lama tak bercakap, baru nak bercakap nak pilihan raya ni. Betullah nasihat dia bagi tu bagus, kita terima tapi dalam Dewan ini kawan-kawan Yang Berhormat sendiri di depan kita pangkah sama sendiri, MBpun pangkah. Saya ingat lagi dalam perbahasan lepas itu apa benda iktibar yang boleh kita ambil, doksoh kata sama sendiri duk pangkah, dengan Tuanku boleh berarak kata 'menatang' ke Tuanku, siapa dia, nak bercakap hal perpaduan apa? Ini, inilah benda sebenarnya. Tapi saya suka hatilah kalau sudah boleh sedar pasal dekat nak pilihan raya takut tak naik nama, sekarang sudah mula nak rapatkan balik, tak apalah tapi bakpe salahkan kita dalam perkara-perkara macam ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Habis dah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh tambah sikit lagi, boleh tambah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Faham dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia faham dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, faham, faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita berbalah sama sendiri taklah sampai rosak akidah. Ini sampai kubur dicat hijau, batu nesan dicat hijau, ini apa benda cerita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allaaah! Teruk do'oh lalu, yang takut sangat ke cat hijau tu bakpe?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bukan takut, betapa sesatnya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Laa-ilaaha-ilallah, ini soal akidah ni. Main seolah-olah macam kes kita ni ..... cakap apa ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi peluang ke dia Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah sebenarnya telunjuk lurus kelingking berkait. Di depan dia cakap lain, belakang dia cakap lain .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pakai baju hijaupun dia komen.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam kata kelmarin, ada calon-calon kita yang menawarkan diri untuk tidak bertanding. Ini hebat benar Dato' Yang Dipertua, kita rasa tidak

layak kita berundurlah. Ini ada sesetengah orang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sampai bertongkat nak jadi Wakil Rakyat lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya Allah! Dia dipilih belum pilihan raya lagi, Wakil Manir dipilih waktu tak bertongkat, sekarang bertongkat, tunggu pilihan raya akan datang tengoklah pulak, jangan duk marah ke kawan tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berat nanang ……

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak kata ke siapa-siapa, tak kata ke Wakil Manir ke, wakil mana. Maknanya nak khabor dulu kata Mahathir ni akan jadi Perdana Menteri sampai ke mati tapi Mahathir dah berhenti dah. Tapi ada lagi orang hak lebih tua dari Mahathir yang berkhidmat tapi takmboh berhenti-berhenti. Jadi ini yang berlaku, kita rasa kita dah tak mampu, kita tak layak, kita offerlah diri untuk tidak bertanding, itu murninya, cantiknya UMNO Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan. Adakah Ajil nak offer diri untuk tidak bertanding?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh, takdok masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah ….. Okey, untuk makluman Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bukan platform Yang Berhormat begitu. Sila habiskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ya, macam dia pulak jadi Presiden UMNO Yang Berhormat Yang Dipertua. …..(Dewan gelak) ….

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang duk *teteh* hal PAS tu …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil, sila Ajil teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Dekpon berat* .....(dalam gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak marah, saya tengah suka ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, itulah sikap, apabila terkena batang hidung terasa. Saya menyatakan sesuatu yang benar, tidak ada perkataan lain kecuali benar-benar belaka kerana apa yang ingin saya jelaskan di sini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang berlaku dalam masyarakat yang akhirnya menyebabkan kita dipandang rendah oleh bangsa-bangsa lain yang berada di negara kita. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adalah lebih baik kita menyahut cabaran yang ditawarkan oleh kepimpinan kita untuk bersatu kerana bersatu kita teguh bercerai kita roboh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu Sura ada juga mengatakan berkaitan dengan guna APMT untuk mewarwarkan *doctrine* parti dalam Kerajaan. Saya masih tak lupa apa yang berlaku pada tahun 1999 sehingga tahun 2004, banyak perkara penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan. Kita ada dua butir buku saya bawa, senarai-senarai penyelewengan yang berlaku tapi tidak boleh sebut di sini kerana tak sempat masa Yang Dipertua, kena 1001 malam cerita, baru selesai masalah ini. Cuma apa yang nak saya tegaskan di sini bahawa kita guna APMT tidaklah sehina mana yang lebih hina Yang Berhormat Yang Dipertua, menggunakan masjid, surau dan platform agama untuk menghina, memaki dan mencerca orang lain ....(tepukan sokongan) .... Itu lebih hebat dan lebih hina kerjanya berbanding dengan guna yang dibuat oleh APMT.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Minta laluan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ajil, minta laluan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hak rendah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kecik, tak nampak.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ajil, setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa memang PAS dalam usaha untuk nak menguasai pemikiran orang-orang Melayu Islam dia menggunakan konsep kaedah menghukum dan keutamaannya kepada undang-undang Islam yang dikaitkan dengan Hudud. Dan itulah yang keluar ketika mana dekat dengan pilihan raya kepada orang-orang Melayu, orang-orang Islam. Apakah Ajil bersetuju begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sangat bersetuju. Kita banyak menghukum, ini haram, ini kafir, ini Thaghut. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya teringat apa yang diceritakan oleh bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Profesor Dr. Yusuf ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hussin?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yusof Hussin. Dia kata kita bercakap pasal kuih badak, menceritakan pasal kuih ke, pasal binatang badak? Sudah tentu kita bercakap pasal kuih. Kita bercakap pasal lori hantu, kita bercakap pasal hantu ke, pasal lori? Mesti pasal lori. Kita bercakap pasal kereta api. Kita bercakap pasal kereta ke, pasal api? Mesti pasal kereta. Begitu jugak dengan Parti Islam. Bercakap pasal parti ke, pasal Islam? Pasal parti. ...(Kedengaran jawapan yang menyebut 'Parti' dari kalangan Ahli BBC)….. Yang Berhormat Yang Dipertua, Parti Islam ini dia parti bukannya Islam sebab dia menggunakan Islam untuk kepentingan. Jadi oleh yang demikian adalah tidak wajar bagi mereka yang terpengaruh dengan apa yang dikatakan tadi sehingga berlakunya Peristiwa Memali. Dulu mereka berjuang untuk Memali mereka mengatakan kerana apa yang diperjuangkan adalah Negara Islam. Hari ini sudah bertukar Negara Berkebajikan. Apa hukum mereka yang mati, Ibrahim Libya dan rakan-rakan yang mati yang dikatakan syahid. Dan saya nak beritahu Yang Berhormat Yang Dipertua, sahabat saya Ustaz Omar Khalid, dia beritahu bahawa dia telah diarah oleh kepimpinan PAS masa tu supaya pergi tabur minyak wangi di kubur-kubur yang mati di Memali untuk nak melahirkan pandangan masyarakat di situ apabila mereka lalu waktu subuh nak pergi ke masjid biar bau wangi, biar orang kata: "Allah! Kubur kita bau syahadat sungguh". Maknanya sanggup buat begitu untuk nak *Yastarubihisamananqalilah,* menjual ayat-ayat Allah dengan harga yang cukup murah, ini yang berlaku. Siapa nak bertanggungjawab? Sanggup mengupah seorang hamba Allah pergi siram minyak atar, minyak wangi

atas kubur untuk nak suruh kata syahid sungguh sedangkan Fatwa Kebangsaan kata tidak syahid. Siapa nak bertanggungjawab. Jawablah wahai pemimpin PAS bukan di sini di akhirat kelak, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, banyak nak bercakap pasal PAS ni, 1001 malam hikayat. Hari ini oleh kerana masa yang terhad, saya nak bangkit dua-tiga perkara berkaitan dengan hal-hal rakyat dan suasana di kawasan saya. Yang Berhormat Yang Dipertua, kampung saya di Ajil, kawasan saya ada empat kawasan FELDA. Masalah FELDA Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ialah isu generasi kedua. FELDA Bukit Bading kita telah ada 130 lot yang telah diukur untuk generasi kedua. Jadi kita harap dengan bijaksana Dato' Seri Menteri Besar untuk meluluskan peluang ini kepada generasi kedua agar ditumbuh kembali orang-orang muda di kawasan FELDA kerana hari ini banyak dah kelas-kelas, sekolah di FELDA Bukit Bading ini sudah mula ditutup kerana orang-orang lama tu sudah tidak produktif. Jadi untuk nak menambah atau nak tidak membiarkan sekolah-sekolah itu kosong maka perlulah generasi kedua ini diwujudkan. Selain itu juga Dato' Yang Dipertua, kita juga merasa agak terkilan ……

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Dipertua, mintak laluan dari Yang Berhormat Ajil. Tak ada ke kaedah lain untuk menambahkan generasi kedua itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kahwin lebih pada satu, Yang Dipertua. Bukan dua kali nikah, dua kali nikah tu dua orang maksud saya, bukan dua kali nikah seorang. Saya merasa terkilan Yang Dipertua, apabila ada satu pertubuhan yang dinamakan ANAK masuk mewarwarkan melahirkan rasa kebencian, rasa kemarahan rakyat FELDA khususnya kepada FELDA. Mengatakan bahawa FELDA nak tipu rakyat sejak dulu lagi bila tubuh FELDA orang PAS kata LKTP ialah Langkah Kerajaan Tipu Peneroka. Tapi hari ini alhamdulillah, berkat kehebatan pemimpin-pemimpin kita, kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita yang bawa biji sawit yang dijadikan satu tanaman utama di Malaysia telah mendapat menafaat yang cukup besar, nikmat Allah melimpah-ruah terutama di negeri Terengganu. Atas darat kita ada sawit, kita ada getah, dalam tanah kita ada emas, kita ada bijih, kita ada minyak dan hari ini Yang Berhormat Yang Dipertua, rahmat, berkat Tuhan beri kepada kita UMNO dan Barisan Nasional, Tuhan beri satu lagi iaitu burung layang-layang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak sikit penjelasan hak FELDA tadi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tadi disebut LKTP, Langkah Kerajaan Tipu Peneroka. Saya teringat akhir-akhir ini banyak peneroka yang saman Kerajaan, saman FELDA dan akhirnya peneroka menang, banyak menang, memang jelas penipuan itu berlaku. Jadi saya bukan nak bela, nak apa benda-benda macam ini tapi sekurang-kurangnya kita terima hakikat hak tak betul kita perbetulkan. Jangan duk salah apa nama ni baham rambang begitu, dia ada bukti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, tak rambang, takdok rambang. Wakaf Mempelam takdok FELDA, saya ada FELDA ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masuk dalam kampung khabor ke orang kampung supaya membenci Kerajaan. Saya mintak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau nak beri panjang lagi Yang Dipertua tapi saya ringkaskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau boleh kita sambung lepas minum petang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya perhabis dulu ayat ini sikit Yang Dipertua. Pergi beri dakyah yang buruk-buruk kepada Kerajaan supaya menentang Kerajaan. Yang Berhormat Yang Dipertua, orang FELDA ni dia masuk rumah yang diberi oleh FELDA sebatang pakupun dia tak *katok,* 10 ekar tanah sawit yang ditanam oleh FELDA sebatang pokokpun dia tak tanam, maka pada hari ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua siapa-siapa yang merasakan dia akan ditipu oleh FELDA saya menyeru dan memohon dengan segala penuh hormat dan sukacita supaya dia keluar daripada FELDA .....(tepukan sokongan) ..... Kalau berasa nak kena tipu, berasa nak kena sembelih jangan jadi lembu Mekah, hulur tengkok nak suruh sembelih. Keluar dari FELDA insyaAllah dia tidak akan ditipu oleh FELDA. Saya rasa itu saja Dato' Yang Dipertua, untuk setakat ini, kalau boleh nak sambung selepas ini. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil, saya beri peluang lagi 5 hingga 7 minit selepas minum petang. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berehat untuk minum petang, kita masuk awal sikit, pukul 4.03 minit. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 3.46 PETANG.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA PUKUL 4.03 PETANG.

PUKUL 4.03 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita diteruskan lagi. Saya menjemput Wakil Ajil untuk menyambung Ucapan Perbahasan. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang yang kedua untuk saya untuk membahas Bajet pada petang ini. Cuma tak sedapnya pihak Pembangkang *takdok* tapi tak apalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu yang saya bangkitkan tadi ialah isu FELDA dan inilah apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan berkaitan FELDA untuk mengangkat martabat ekonomi orang Melayu khususnya di luar bandar. Dan oleh kerana FELDA ini telah menunjukkan kejayaan yang cukup cemerlang dalam usaha untuk mengangkat martabat ekonomi orang Melayu maka saya suka mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini sempena Ucapan Bajet ini agar Kerajaan Negeri meniru dan menggunapakai apa yang telah dibuat oleh FELDA bezanya ialah kalau FELDA menggunakan tanah 10 ekar 1 lot rumah untuk tanam kelapa sawit maka kita saya cadangkan supaya menggunakan sistem yang sama tapi tanamannya ialah tanaman makanan. Contohnya, buat macam apa yang FELDA buat tapi 10 ekar yang ditanam dengan kelapa sawit itu diganti dengan tanaman padi ataupun yang sebagainya. Dan ini insyaAllah akan dapat menyelesaikan masalah makanan sebagaimana dibangkitkan oleh Exco Pertanian dalam menjawab soalan pagi tadi.

Yang Berhormat Yang Dipertua, perkara lain yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengangkat martabat ataupun sumber manusia yang mana sungutan daripada rakan-rakan yang menyambung pelajaran di peringkat Master Degree mengatakan bahawa Yayasan mempunyai peruntukan yang terhad untuk diberi pinjaman kepada mereka yang ingin menyambung pelajaran di peringkat Master Degree. Maka dalam Dewan yang mulia ini saya suka mencadangkan agar pihak Kerajaan menambah dana kepada Yayasan Terengganu agar diberi seberapa banyak pelajar yang memohon untuk mendapat pinjaman daripada Yayasan Terengganu untuk menyambung pelajaran di peringkat Master Degree dan juga PhD. Ini menunjukkan bahawa kita prihatin terhadap budaya ilmu sempena dengan negeri kita yang terkenal dengan Negeri Anjung Ilmu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam hal sukan. Ini saya sentuh sungutan rakan-rakan di bawah iaitu kita di Terengganu kita ada dua team, pertama team negeri, yang kedua T-Team. Maka saya suka mencadangkan mungkin ada masalah barangkali untuk nak tarik balik daripada Piala Malaysia dan sebagainya pada saya adalah suatu perkara yang agak membazir menggunakan duit Kerajaan untuk

menggerakkan T-Team kerana Kerajaan terpaksa *menginject* banyak duit, jutaan ringgit untuk memajukan pasukan ini, walhal kita sebagai rakyat Terengganu cinta kita kepada bola sepak cuma satu team sahaja. Contohnya, apa yang berlaku dalam pertandingan separuh akhir yang lalu apabila pasukan negeri bertemu dengan Selangor dan T-Team bertemu dengan Negeri Sembilan, orang yang pergi ke Shah Alam adalah lebih ramai daripada orang yang tengok T-Team di sini. Jadi menunjukkan bahawa rakyat kita cuma cenderung kepada satu pasukan sahaja. Dan saya difahamkan jugak daripada rakan-rakan yang main bola sepak mengatakan bahawa sekarang oleh kerana nak mendapatkan pemain import harga yang terpaksa dibayar oleh pasukan untuk mendapat seorang ataupun lebih pemain import adalah lebih RM1 juta. Jadi duit-duit ini kalau kita gunakan T-Team ini sebagai suatu tempat untuk nak *groom* pemain-pemain kita untuk diserap dalam skuad utama saya rasa adalah lebih baik daripada kita buat dua team yang belanjanya kita tanggung kecuali T-Team mempunyai sumber tersendiri sebagaimana dilakukan oleh TNB ataupun PKNS, ia mempunyai sumber pendapatan ataupun *fund* sendiri. Jadi ini tidak memberatkan Kerajaan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu berkenaan dengan komputer. Terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi bantuan komputer walaupun ada kelemahan di sana, di sini, e-Book. Tapi di sini saya suka mencadangkan agar bantuan ini dikembangkan kepada mahasiswa-mahasiswa yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS kerana bagi mereka komputer adalah satu perkara yang *compulsory* dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, sesuatu yang wajib untuk mereka membuat *assignment* dan juga kerja-kerja universiti. Mereka lebih banyak menggunakan komputer berbanding dengan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah. Jadi kita berharap pihak Kerajaan mengkaji agar anak-anak kita yang telah mendapat keputusan yang baik dan telah mendapat tempat di universiti IPTA ataupun IPTS diberi ruang dan peluang untuk mendapat komputer secara percuma. Dan saya yakin jumlahnya tidaklah sebanyak apa yang telah kita berikan kepada pelajar-pelajar tahun 3, 4, 5 dan 6.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu saya lihat dalam Ucapan Bajet ini berkaitan dengan perpustakaan di kawasan Orang Asli. Cuma saya ingin memberi peringatan ataupun memaklumkan kepada Kerajaan bahawa bas-bas Perpustakaan Bergerak yang berada di seluruh Perpustakaan Negeri Terengganu ini buruk-buruk belaka dah. Adalah lebih baik dengan ehsan Kerajaan Negeri supaya memberi bas yang lebih selesa, bas yang lebih canggih kepada Badan-badan Perpustakaan ini untuk mereka ini boleh bergerak aktif ke kawasan-kawasan di luar-luar bandar terutama di kawasan Orang Asli dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang ingin saya kongsikan jugak di sini ialah berkaitan dengan suasana jalan. Walaupun ianya berada di bawah Persekutuan

tapi musim banjir baru-baru ini air naik ke atas jalan itu cukup teruk terutamanya antara Bukit Besi ke Jabor yang hari ini amat teruk sekali. Jadi kita berharap daripada Dewan yang mulia ini oleh kerana saya hari ini memang ke Kuala Lumpur jarang naik kapal terbang kerana pada saya menggunakan jalan raya lebih baik dan lebih cepat berbanding kapal terbang walupun kapal terbang Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur sekadar 40 minit .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh mintak penjelasan sikit?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih dan terima kasih Ajil. Dia Ajil biasa naik kapal terbang, saya tiap-tiap minggu naik kereta lalu ikut jalan itulah, melambung kereta. Jadi kalau boleh mintak tolong percepatkan sikitlah, dahlah lebuh raya dua-tiga tahun lagi nak siap, hak tu-lah yang kita guna sekarang ini, teruk do'oh lalu. Saya sokong bab ini dengan Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak berapa dengar barangkali Wakaf Mempelam. Saya khabor hak tu dah satni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu sebab saya sokong tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya kata saya jarang naik kapal terbang, dia kata saya naik kapal terbang sokmo. Jadi dia tak faham. Saya jarang naik kapal terbang walaupun cepat dengan kapal terbang ini, 40 minit tapi proses nak sampai ke tempat di Kuala Lumpur itu memakan masa yang lama lebih kurang tiga-empat jam jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, hak tadi tu saya tersalah dengar tu, saya minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Maaf diterima. Yang Berhormat Yang Dipertua, inilah sebenarnya apa yang telah kita laksanakan, cuma apa yang saya nak bangkitkan di sini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua berkaitan dengan Bukit Payong, kesian ..... Balik dah Bukit Payong? Hal banjir hak dia mengadu kelmarin. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, meminta pada yang ada, merajuk pada yang sayang, berkasih pada yang....? Hak tu saya tak tahu. Yang Berhormat Yang Dipertua, dia minta longkang kitapun berasa kesian,

di kawasan Bukit Payong dan saya lalupun kalau hujan sikitpun banjir. Cuma saya dapat maklumat ketika Menteri Besar pergi melawat ke kawasan itu Wakil Rakyat dia tak pergipun, jadi masa mintak, dia mintak tapi masa orang pergi dekat rumah dia, dia tak keluar, ini satu sikap yang tidak baik. Ditambah pulak dalam ceramah-ceramah pulak duk *kerkoh kita sokmo,* siang malam duk *kerkoh* tiba-tiba minta tangan. Yang Berhormat Yang Dipertua, orang yang beri makanan kita ucapkan terima kasih, *manlam yaskurinnas lamyaskurillah*, orang yang tidak bersyukur kepada manusia pasti tidak bersyukur kepada Allah. *Man-ata-ilaikum ma'ruffan pakafi-uhu,* sesiapa yang mendatangkan kebaikan kepada kamu hendaklah kamu balas. *Fainlamtastati' Pad-ullahulahu,* Nabi kata: Kalau tak mampu berdoalah untuk kesejahteraan kepada orang yang beri rezeki, bukan doa untuk kecelakaan, kesejahteraan. Yang Berhormat Yang Dipertua, kita banyak beri kesejahteraan kepada rakyat, kita buat rumah PPRT ribu-ribu buah. Hari ini sebuah rumah nilainya RM33,000, siapa nak beri ke kita RM33,000 kalau tidak UMNO dan Barisan Nasional. RM33,000, basuh kaki. Di Ajil Yang Berhormat Yang Dipertua, sedikit istimewa, kita buat di satu kawasan yang lebih kurang 10 ekar hak takdok rumah duduk di situ, kita buat rumah, kita buat insfrastruktur semua sekali, hari ini kita dah bina 39 buah rumah di situ. Bayangkanlah Yang Berhormat Yang Dipertua, 39 buah rumah kali dengan 33,000, sudah beratus ribu kita gunakan untuk kesejahteraan rakyat. Inilah Yang Berhormat Yang Dipertua kebajikan yang kita laksanakan, kita bukan warwarkan, kita kotakan apa yang kita warwarkan kerana kita tahu bahawa Allah cukup murka orang yang berkata-kata tetapi tidak melaksanakan apa yang dikata. Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh yang demikian, marilah dalam keadaan sedar dan insaf bahawa tiada parti lain, tiada Kerajaan lain yang mampu membela rakyat, yang mampu memberi kesejahteraan kepada rakyat, yang hari ini saya yakin dan saya percaya kita lebih selesa, lebih harmoni, lebih aman dan lebih bahagia berbanding dengan 10 tahun dahulu walaupun ada suara-suara sumbang mengatakan bahawa hari ini gula mahal, hari ini gandum mahal, hari ini minyak mahal tapi ketika gula murah, ketika coklat 10 sen 3 butir, ketika pitih 5 sen boleh beli macam-macam tetapi ketika itu Yang Berhormat Yang Dipertua berapa ramai orang kita mampu pakai kereta? Ketika itu Yang Berhormat Yang Dipertua berapa ramai orang kita mampu untuk memiliki sebuah motosikal? Hari ini Yang Berhormat Yang Dipertua, minyak mahal, gula mahal, semua mahal tetapi *alhamdulillah,* hari ini balik kerja kekgi kita tengok banyak mana kereta yang jam di tengah jalan. Hari ini dalam keadaan serba serbi mahal, hari ini kita dapat melihat berapa ramai orang miskin hari ini ke hulu ke hilir mintak sedekah dan menjadi satu kesalahan kepada pihak Kerajaan orang yang mengemis di negara kita Yang Berhormat Yang Dipertua. Ini menunjukkan bahawa kita ini adalah negeri *baldatun tayyibatun warabunraful*. Negeri yang cukup rahmat, rezeki melimpah-ruah dari dalam bumi, atas bumi, atas langitpun ada, *alhamdulillah* syukur dengan nikmat yang Allah berikan kepada kita.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa itu sajalah apa yang ingin saya kongsikan bersama pada petang ini.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit): Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Eh! Boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah Yang Berhormat. Ajil habiskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Habis? Apa yang ingin saya katakan pada petang ini cuma yang akhir sekali hadis hak saya baca tadi *khairunnas anfa-ahumlinnas,* maksudnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Manusia yang paling baik atas dunia ini adalah manusia yang banyak memberi menafaat bukannya banyak memberi mudharat. Jadi yang banyak memberi menafaat, yang banyak memberi kebaikan, yang banyak memberi faedah kepada agama, bangsa dan negara tidak lain tidak bukan ialah UMNO dan Barisan Nasional. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa itu saja, terima kasih kerana memberi peluang. Saya menyokong Bajet 2012. *Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Wakil Ajil. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah mendengar 17 Wakil daripada 17 kawasan membahaskan Rang Undang-Undang ini. Sekarang kita buka kepada pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan dengan segala hormatnya saya jemput Kuala Besut.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahirrabil alamin. Wassalatuwassala mu-ala-Sayyidina Muhammadin asrafilmursalin. Wa-ala-alihi wasahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, para media, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, syukur kita kehadrat Allah S.W.T. kerana telah dapat mendengar pembentangan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2012 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari pertama persidangan kali ini. Pembentangan Enakmen Perbekalan 2012 ini yang

bertemakan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', 'Bajet Kesejahteraan Rakyat' amatlah dinanti-nantikan dan dialu-alukan oleh seluruh rakyat negeri ini.

Dato' Yang Dipertua Dewan, dalam ucapan penggulungan ini, sukalah saya mengambil peluang ini untuk merakamkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana Bajet 2012 ini adalah merupakan sebenar-benarnya Bajet yang bukan sahaja untuk pembangunan dan infrastruktur dalam negeri tetapi merupakan Bajet yang mengambil berat mengenai hal-hal kebajikan keseluruh rakyat negeri ini. Dato' Yang Dipertua, di dalam buku Bajet 2012 yang dibentangkan pada hari yang pertama tersebut di muka 24, para 49 di dalam agenda 'Memelihara Kebajikan Dan Meningkatkan Kemudahan Kesihatan', saya ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah memperuntukkan Bajet sejumlah RM2 juta untuk kegunaan bagi Bantuan Kebajikan Sosio Perubatan. Dana RM2 juta ini yang dinamakan Dana Khas Sosio Perubatan adalah diperuntukkan untuk bantuan kebajikan membantu pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan dalam membiayai rawatan perubatan mereka. Pembiayaan ini termasuklah tambang perjalanan dan kos sara hidup untuk pesakit jantung yang terpaksa dirujuk ke Institut Jantung Negara untuk mendapatkan rawatan. Lain-lain bentuk bantuan termasuklah pembelian peralatan seperti kaki palsu, mesin *oxygen concentrator* dengan izin, implants, lampin pakai buang, susu khas dan sebagainya. Sehingga Disember 2010, seramai 3,160 orang pesakit telah mendapat bantuan ini dengan jumlah sebanyak RM8.6 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, bermula dari sejak tahun 2007 lagi Kerajaan Negeri telah memperuntukkan hampir RM72 juta bagi mengisi Tabung Dana Khas untuk Pembangunan Kesihatan di negeri Terengganu ini. Peruntukan-peruntukan itu digunakan untuk pembelian berbagai-bagai peralatan perubatan yang disalurkan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Peruntukan seperti ini sudah tentu akan dapat mempastikan keperluan kebajikan dalam mendapatkan rawatan perubatan terutamanya rakyat yang miskin yang perlu diberi pembelaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Wakil Sura ada bertanyakan mengenai Pembangunan Hospital Dungun yang dipohon dalam RMK-10 baru-baru ini. Dari maklumat yang saya dapati daripada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, projek ini masih belum diluluskan secara rasmi, walau bagaimanapun kertas kerja Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia telah dihantar ke Unit Kerjasama Awam Dan Swasta (UKAS) untuk dipertimbangkan sebagai Projek PFI dengan izin, *Public Fund Initiative.* Dan insyaAllah, projek ini akan mendapat pertimbangan segera yang sewajarnya. Dan difahamkan ia mungkin mengandungi hospital 200 katil dengan anggaran perbelanjaan di sekitar RM350 juta.

Wakil Batu Burok juga ada membangkitkan isu peningkatan harga barang-barang termasuklah gula, ayam, susu, susu bayi, roti putih. Walaupun isu ini adalah merupakan isu Kerajaan Federal mungkin boleh saya berikan sedikit respon mengenai perkara yang tersebut di atas. Gula adalah merupakan barang kawalan di mana harga telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Harga sekarang ialah pada RM2.30 satu kilogram, itu adalah harga subsidi. Di mana kalau tidak disubsidi oleh Kerajaan harganya adalah RM2.50 iaitu subsidi Kerajaan sebanyak 20 sen ataupun 8% bagi setiap kilogram gula yang kita beli. Bagi roti putih pula Kerajaan telah memberi subsidi pada gandum *general purpose* iaitu RM1.35, kalau harga yang tidak subsidi ianya pada harga RM1.90 iaitu subsidi sebanyak 55 sen ataupun 29% bagi setiap kilogram. Manakala bagi harga ayam sekarang ini adalah paling murah iaitu sekitar RM3 sekilogram di ladang dan harga ini dikatakan paling murah tahun ini. Harga peringkat runcit pula dikawal oleh Kerajaan iaitu sebanyak RM7.20. Dato' Yang Dipertua, kenaikan harga barang ini adalah disebabkan kenaikan harga di peringkat antarabangsa dan negara kita tidak terkecuali daripada tempias kenaikan harga barangan dunia. Kenaikan harga barang-barang berlaku juga disebabkan oleh beberapa faktor yang lain termasuklah faktor bencana alam seperti kemarau dan banjir di negara pengeluar kerana kita bergantung kepada mereka. Kerajaan telah melaksanakan Program Pemberian Subsidi sebagai salah satu cara untuk mengelakkan kenaikan harga barang-barang berkenaan. Kerajaan telah memberi subsidi kepada semua rakyat tidak kira yang kaya, yang miskin, yang tinggal di bandar ataupun di luar bandar di mana sejumlah RM2.3 bilion sudahpun dinikmati oleh seluruh rakyat dalam Program Pemberian Subsidi barang-barang ini. Ini termasuklah subsidi untuk petrol, subsidi diesel, gas LPG, gula, gandum dan minyak masak. Tetapi satu lagi item yang dibangkitkan iaitu harga susu, yang ini tidak dikawal oleh Kerajaan dan ianya ditentukan oleh pasaran.

Dato' Yang Dipertua, dengan alasan-alasan di atas dan saya percaya bila terlaksananya Bajet 2012 nanti rakyat negeri Terengganu akan mendapat lebih kesejahteraan dan sama-sama menyumbang ke arah menjadikan negeri Terengganu negeri yang maju di masa hadapan. Ini sudah tentulah keseluruhan rakyat akan lebih berpuas hati, lebih cinta dan lebih sayang serta lebih kesetiaannya untuk terus menyokong dan memberi mandat semula kepada Kerajaan UMNO/Barisan Nasional untuk terus memenangi PRU Ke-13 nanti. Bagi mempastikan kesinambungan Kerajaan yang sentiasa mendahulukan rakyat terutamanya dalam hal-hal kebajikan. Jadi dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wasalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila jika ada, Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin serta rahmat-Nya kita telah dapat mendengar pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada dua hari yang lepas yang kita perdengarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Kita juga memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana sekali lagi pada tahun ini Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya dan juga dapat membentangkan Bajet yang terbaiklah saya kira dan memang diakui oleh pihak Pembangkangpun Bajet yang tertinggi di Semenanjung Malaysia yang telah beberapa tahun sejak kebelakangan ini. Alhamdulillah, kita diberi rahmat dan kita diberi rezeki oleh Allah S.W.T. dapat menyediakan Bajet yang begitu besar kepada rakyat kita. Dalam soal kita biasalah bagi pihak Pembangkang dia kata jugak Bajet kita Bajet yang tidak baik, Bajet yang tidak seimbang dan Bajet yang banyak membazir dan sebagainya. Pada kita Kerajaan Barisan Nasional bahawa kita selagi daya upaya yang boleh kita memberi kesejahteraan dan boleh membantu rakyat kita, kita akan cuba buat yang terbaik. Dan alhamdulillah, sebagaimana yang saya maklum tadi bahawa sekali lagi di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional, negeri Terengganu dilimpah-ruah oleh rezeki oleh Allah S.W.T. dalam berbagai-bagai bentuk sebagaimana dimaklumkan oleh rakan saya daripada Ajil tadi macam-macam bentuk dan juga rezeki yang mencurah-curah di negeri Terengganu yang menyebabkan dan juga boleh mensejahterakan rakyat kita secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya di bawah portfolio Belia dan Sukan mewakili seluruh anak-anak muda di negeri Terengganu ini merasa sangat teruja dan juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat yang menjadikan begitu prihatin kepada golongan belia, golongan muda dan juga remaja-remaja di negeri Terengganu ini dalam semua aspek dalam pembangunan belianya dan juga terhadap pembangunan sukan di negeri Terengganu ini yang kesemuanya adalah untuk menunjukkan pelaksanaan dan juga dengan Bajet yang begitu besar yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini yang mana tahun depan ini memperuntukkan RM30 juta untuk pembangunan belia sahaja. Ini merupakan suatu sejarah kepada Kerajaan Negeri malah saya rasa Kerajaan Negeri dalam seluruh Malaysiapun negeri Terengganulah yang paling diberi perhatian oleh Kerajaan kepada orang mudanya. Jadi saya kira kepada anak-anak muda dalam negeri Terengganu, maka wajar bahawa kita harus mempertahankan dan juga kita harus mempastikan Kerajaan yang pada hari ini

akan dapat kekal walaupun kata pilihan raya tidak lama dah, pilihan raya lama lagipun kita kena sama-sama pertahankan kerana inilah Kerajaan yang cukup-cukup menjaga kepentingan orang muda.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, kita tengok satu persatu kalau boleh saya ungkapkan, kalau saya nak hurai, nak *klarakan* semua sekali memang tak terhurai kerana masapun bukannya panjang sangat. Macam Y.B. Ajil katalah sehari semalampun tak habis kalau kita nak cerita, itu bab cerita hal orang-orang tua, ini cerita hal orang-orang muda pulak ni. Cerita hal orang muda berkaitan dengan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk membangunkan orang-orang muda ini dan juga mempastikan anak-anak muda Terengganu ini menjadi orang yang bertanggungjawab, belia yang inovatif dan juga kreatif pada masa-masa yang akan datang. Dari segi bentuk bantuan selain daripada Bantuan Bakti Remaja yang diteruskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu malah sejak daripada dulu dan insyaAllah akan diteruskan lagi dulu, kini dan selama-lamanya, insyaAllah. Selagi diberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional, insyaAllah kita akan teruskan. Bantuan Bakti Remaja yang diberi kepada semua remaja anak negeri Terengganu dan adalah syarat-syaratnya itu, kena mengundi di negeri Terengganu, lahir di negeri Terengganu, anak negeri Terengganu, lepas itu ada syarat-syarat dia yang boleh kita perincikan. Bantuan ini secara langsung kepada semua anak-anak muda dan selain daripada Bakti Remaja, Kerajaan juga telah memberi peruntukan-peruntukan kepada persatuan-persatuan belia yang tumbuh di peringkat-peringkat kampung.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, Y.B. Telemong minta laluan sikit? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Kerajaan peruntukan yang besar itu, boleh ke tidak pada tahun hadapan untuk memberi bantuan kepada golongan muda membeli basikal Fixie setiap orang satu kepada golongan muda.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kita begini Yang Berhormat, kita kalau beli basikal susah pulak, orang PAS kata kita salah guna kuasalah, beli basikal takdok tayarlah, beri ke kronilah. Kita beri pitih, lepas itu dia nak beli basikal dia belilah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Lulus barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Susah kalau kita beli basikal, kita bagi basikal nanti kata Kerajaan ini tak telus, beri kepada kroni dia, lepas itu ada pulak Audit tegurlah, lepas itu Audit itu, Audit ini, macam-macam Audit, jadi kitapun serabut jugak. Jadi kita beri bantuan pitih senang, bantuan yang kita beri, Bakti Remaja kepada semua remaja-remaja dia nak beli

Fixie ke, nak beli motosikal ke sekadar yang adalah kalau tak cukuppun tambahlah sikit, itu bantuan, namapun bantuan kalau beri penuh orang tak panggil bantuan, orang panggil gaji pulak. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kira dengan ..... Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bila Yang Berhormat Exco menyebut tentang pemberian kepada remaja ini saya nak spesifik sikitlah bila pada 9hb Disember 2010 telah dianjurkan Himpunan Remaja Terengganu yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Dalam himpunan itu diberikan topi kaledar percuma dan jugak jaket percuma pada waktu itu. Cuma saya ingin dapat penjelasanlah sebab terlalu banyak rungutan daripada remaja yang hadir yang menyatakan bahawa topi kaledar yang Kerajaan negeri beri itu tidak below standardlah dan juga tidak memenuhi piawaian SIRIM. Jadi saya mohon penjelasan kenapa ini boleh berlaku dan berapa sebenarnya kos topi kaledar yang diberi percuma itu dan kalau boleh sebut syarikat mana yang Yang Berhormat ataupun Kerajaan negeri luluskan sehinggakan topi kaledar yang diberi kepada remaja itupun tidak memenuhi ciri keselamatan untuk remaja di negeri Terengganu. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Burok. Sebenarnya bagi menjawab soalan ini, dia begini masalah topi kaledar ini kalau kata kita tidak mengikut piawaian SIRIM itu tidak betul dan berkaitan dengan nama syarikat, harga semua sekali itu kita perlu notislah. Tapi kalau nak cakap hal topi kaledar ini tak cukup kualiti, di bawah pada standard dialah, *below standard* dia, ini sebenarnya atas cita rasa orang. Kitapun nak beri sama rata kepada semua orang inipun sukar. Macam Yang Berhormat Batu Burok dia suka Parti PAS, saya suka UMNO, beza dah. Jadi masalah sekarang ini cita rasa, ada anak muda hari ini tuan-tuan, kita kena faham Yang Berhormat, anak muda hari ini pakai topi kaledar ada yang RM2,000 ada, ada yang RM3,000 ada, ada yang RM4,000 ada, ada yang melarat sampai ke RM7,000 ada topi kaledar saja. Jadi kita sebagai Kerajaan, kita selaras saja, soal cita rasa anak orang senang dia nak pakai hal lebih sikit itu dia kena beli sendirilah tapi saya rasa topi kaledar itupun keras jugak, ke lembik? Kata tak ikut piawaian tu ke piawaian guana? Maksudnya boleh menyelamatkan kepala kita bila berlaku kemalangan yang kecil, boleh mengurangkan sikit. Kalau kata nak kebal tu tak bolehlah Yang Berhormat. InsyaAllah, dan berkaitan dengan hak lain-lain tu kita minta lepas pada inilah kalau Yang Berhormat nak tahu nama syarikat itu saya tak ingat, minta maaf.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, selain daripada itu juga ramai rakan-rakan saya telah memperingatkan pitih ni RM30 juta itu banyak dan kalau boleh semalam Hulu Besutpun memperingatkan saya supaya belanja kepada persatuan-persatuan di peringkat cawangan. Y.B. Tepohpun ada dia menyebut

perbelanjaan di peringkat-peringkat cawangan, insyaAllah Yang Berhormat. Setakat inipun, tahun inipun kita telah belanja kepada semua sekali belia-belia di peringkat cawangan yang berdaftar, kena daftarlah. Lebih kurang 500 buah persatuan belia di peringkat cawangan kita telah menyalurkan peruntukan pentadbiran sebanyak RM2,000 bagi satu cawangan pada tahun inipun dan di peringkat daerah RM10,000 bagi Majlis Belia, di peringkat negeri RM50,000 kita beri bantuan pentadbiran dalam tahun ini saja. Dan lain-lain aktiviti, kitapun melihat kepada aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan mereka. Saya yakin dan percaya kalau sekiranya ianya mendapat kerjasama daripada semua pihak dan juga kita sedia mendengar apa-apa cadangan daripada pihak Kerajaan mahupun dari pihak Pembangkang, kita dengar tak ada masalah. Benda yang baik kita akan buat kerana ini adalah untuk kepentingan generasi muda kita, aset negeri kita dan juga benda yang paling berharga untuk generasi kita pada masa-masa yang akan datang. Memang kita akui setakat ini banyak kalau kita nak bincang masalahnya pihak Pembangkang khususnya Parti PAS ni dia melihat kepada perkara-perkara yang hak yang negatif saja, dia tak tengok yang positif dan inilah yang dia menyalahkan Kerajaan. Bila budak-budak main motosikal beramai-ramai di Jalan Durian Burung, Jalan di Wakaf Mempelam mereka menyalahkan kepada pihak Kerajaan. Sebenarnya ini adalah tanggungjawab kita bersama dan berilah cadangan kepada kita guana kita nak buat, sampai beribu-ribu orang bukan sahaja di peringkat kita di peringkat Kuala Lumpurpun orang tanya kita bagaimana/kenapa belia-belia di Terengganu ini suka sangat bermotor. Saya tak berapa suka nak menggunakan nama Mat Rempit, saya takmboh guna, minta maaf. Saya guna Mat Motor saja di Terengganu ini sebab saya tidak mahu mengajar anak-anak muda kita memanggil mereka dengan benda-benda yang tidak baik, saya panggil Mat Motor bagi budak-budak di Terengganu. Jadi budak-budak motor kita di Terengganu ini minat dia, jadi terpaksa mencari satu alternatif yang lain supaya mereka boleh tukar pemasalahan-pemasalahan yang dibuat itu kepada bentuk permainan lain. Hari ini alhamdulillah, kalau kita tengok banyak kurang tapi kalau nak kata hapus itu tidak bolehlah kita pindah ke main basikal Fixie pulak. Y.B. Jabi kena beli basikal pulak, dulu dia beli motor, ni basikal Fixie pulak. Jadi kita jalan .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat, ada bantuan ke? Minta laluan. Ada bantuan ke untuk Yang Berhormat bukan sayalah kalau saya takut runtuh basikal tu, ada bantuan ke kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat nak beli?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat takdoklah bantuan basikal. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya yakin dan percaya sokongan daripada kepimpinan negeri yang kita buat program supaya anak-anak muda kita ini tidak bermain motor. Setiap bulan kita ada program khas

untuk kayuhan basikal di Kuala Terengganu. Masalah ada kalau saya nak khabor, ada juga mengganggu tapi kita kena pandu dia orang, kita kena bersama dengan dia orang. Orang PAS bolehlah bercakap, bersyarah saja sekali haram tak turunpun. Pergilah turun *retek takdok* masalah, tak *perambat-perambat* sekali harampun, kita yang *berdoho, deme* tukang bersyarah, kita yang *berdoho* buat kerja, ini Kerajaan. Jadi masalah yang dia orang duk baca-baca ……

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua. *Berdoho tu guana?* ….(Dewan gelak) ….

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dohon tu* heret *renglah.* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya ini kerja-kerja yang dibuat oleh kita untuk membela orang-orang muda ini. Kita sentiasa melihat daripada program-program yang lainpun kita susun untuk kesejahteraan belia-belia kita di negeri Terengganu ini. Saya yakin dan percaya sekiranya mendapat sokongan daripada semua pihak ini adalah anak-anak muda kita.

Dalam bidang sukan pula saya jugak mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang juga sentiasa memberi kecaknaan dalam bidang sukan di negeri Terengganu ini. Itulah kalau kita tengok di Terengganu ini hebat belaka, dalam bidang sukanpun hebat sekali, dalam main motorpun hebat sekali jugak, dalam pelajaranpun hebat sekali jugak dan dalam bentang Bajetpun hebat sekali jugak. Hah ….. hak tu kelas tu. ….(tepukan sokongan dari Ahli Dewan) ….. Ini duk baca hal tak siap jalan, duk baca hal tak siap jambatan, hak tu memanglah bila sampai ke peringkat pelaksanaan memang banyak masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): …(Mencelah) … Hak runtuhpun hebat sekali jugak.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yalah, itu yang saya katapun, kalau dah runtuh kita nak buat guana, kalau boleh pergi tahan pergilah tahan …..(Dewan gelak) ….. siapa dia nak suruh runtuh. Tak, kita cakap gitu senang, masalah sekarang ni kita dah buat yang terbaik tapi masalah tetap ada, 'dunia hiduppun susah, matipun susah ho ….', dengan izin Dato' Yang Dipertua, minta maaf. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya orang-orang PAS, rakan-rakan kita daripada PAS ini yang duk bersyarah, duk bercakap tu sebenarnya perkara ranting, itu perkara ranting. Yang buat jalan, yang tak siap jalan, itu permasalahan teknikal yang perlu kita perbetulkan, nak buat jalan tu hak yang payah sebenarnya. Begitu jugak di Tasik Kenyir, minta maaflah saya sentuh Tasik Kenyir ini sebab kawasan saya. Inilah masalahnya bila Yang Amat Berhormat beri tumpuan ke Tasik Kenyir dia marah pulak hal Tasik Kenyir. Dulu Yang Amat

Berhormat Menteri Besar beri tumpuan di Pulau Duyong, marah hal Duyong. Jadi saya tak faham dalam yang sama dia kritik kita juga, kenapa tidak *generate* ekonomi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hah …. Sentuh sikit aje tercuit dah, tak jentik lagi tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Wakil Telemong. Apa yang saya maksudkan bukan kita membangkang secara membuta-tuli, kita memperingatkan sebab Audit selalu tegur *'value for money',* buat sesuatu biarlah harganya berpadanan dengan hasil yang kita perlu dapat. Saya rasa begitu juga dengan pengalaman di tempat lain yang sentuh semalam, Kerpan. Kerajaan Kedah sendiri telah jual kepentingannya dalam Kerpan ni kerana bermasalah, dah 20 tahun masih belum sampai tahap untung lagi. Jadi kita hendak dan yang saya tolong peringat tu supaya kita mengambil kelemahan-kelemahan ini untuk diperbaiki supaya berjaya sungguh, memang kita suka tengok berjaya, suka tengok adanya peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu. Jadi jangan tuduh kita Pembangkang kerana tidak setuju. Kita setuju cuma perlu dilihat dari segi *value* dia tu dan jugak menafaat kepada penduduk setempat, jangan nanti bila siap yang dapat kerja pendatang asing, orang tempatan tidak dapat kerja, itu maksud saya. Mohon betul-betulah penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, terima kasih. Sebenarnya kalau macam tu sejahtera dah kita ni. Boleh kerjasama dah UMNO dengan PAS. Tak payah berbalah dah, kita berbalah sudah 3 hari 3 malam dah di sini. Tapi kalau begini keadaannya saya rasa seronok betul, saya khabor saya seronok dan kita boleh terima teguran daripada Pembangkang. Apa yang nak saya utarakan seolah-olahnya macam contohnya di Tasik Kenyir, Yang Berhormat kata Yang Berhormat pergi sokmo, tak apalah saya akui mungkin pergi sokmo. Tak nampak benda satu dia kata berbanding dengan 10 tahun yang lepas. Yalah kalau tinjau dari luar ni memang tak nampaklah sebab aktivitinya banyak di dalam bukan di luar, dalam tasik. Dan juga sebenarnya Yang Berhormat, memanglah bila kita rancang nak buat ……

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sabarlah dulu nak terang ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dalam tu dalam kat mana dalam tasik tu, dalam air ke dalam tasik tu?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Di dalam sikitlah, kalau luar main lain, dalam main lain ….(Dewan gelak)…. Masalah sekarang ini saya nak beritahu bahawa orang Hulu Terengganu khususnya termasuk Ajil, Kuala Berang dan Telemong sendiri, kita telah berjuang lama dah saya nak khabor, telah lama dah kita syorkan kepada Kerajaan majulah Tasik Kenyir, buatlah sesuatu, buatlah Kerajaan untuk kepentingan orang-orang di situ. Kepentingan orang-orang di situpun mereka yang berkehendak, kalau mereka takmboh kita suruh jugak itu yang tidak jadinya. Kita harap mereka bila ada pemain-pemain, bila ada orang-orang dari luar seorang-dua boleh menjadi lebih semangat kepada mereka. Jadi saya mengajak, melihat kepada perkara yang positif. Jangan kita tengok itik mampus seekorpun kita royat dalam Dewan, royat menatang apa binatang tu. Itik seekor mampus …….

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bukan seekor ni, 50 ekor daripada 100 ekor.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apalah mampus 50 ekor, ia bertelur sudah 60 butir hari ini …..(Dewan gelak) ….. Memang, saya tak pelawok, memang bertelur dan kita telah hantar ke jabatan untuk ditetas. Memang ada masalah di peringkat awal sebab dia itik orang putih bukan itik kat kita …..(Dewan bertambah gelak) …… adalah masalah sikit, tak saya khabor benda yang betul. Soal tak tetas lagi dia ada masalah sebab benda ini adalah benda daripada luar yang kita bawa. Memanglah kalau kita nak jadikan sebagai pusat pelancongan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita kenalah bawa perkara-perkara yang agak berlainan daripada apa yang ada di tempat lain barulah boleh menarik orang dari luar. Kalau tidak ada Pulau Burung, tidak ada Pulau Orkid, tidak ada Pulau Buah-buahan, tidak ada Santuari Kelah, tidak ada Pulau Herba, sekadar dengan air tasik itu saja siapa yang nak mari? Belakang rumah diapun berlambak air tasik, takdok orang nak pergi. Dan itik pulak, kalau kita nak ubah itik kapan kita, itik sekati kita siapa dia nak tengok, ini yang kita bubuh benda ni supaya lain dan supaya kalau tidak ada pelancong luarpun pelancong domestik juga boleh ramai yang datang ke Tasik Kenyir. Bila orang mari ramai, naik speed boat boleh sewa bot, beli goreng pisang, beli jagung, beli durian di pasar, ini yang boleh generate ekonomi kepada masyarakat setempat. …..(tepukan sokongan) ….. Kerajaan rugi sokmo, bila untungnya Kerajaan? Kerajaan yang nak untung Kerajaan PAS saja, bersyarah tadah plastik,

kita takdok. ….(tepukan sokongan dari Dewan) ….. Tak ini betul. UMNO ada buat begitu? UMNO bersyarah beri adalah duk hulur saja, hulur, hulur bila bersyarah. Sebab ini Kerajaan Berkebajikan ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Mintak laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ada pulak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Hulur benda apa, hulur tu?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sama-sama kitakan, cakap-tenung dahlah ……(Dewan gelak) …… Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya walaupun berseloroh sebenarnya inilah hakikat yang patut diterima. Saya harap Dato' Seri teruskan pelaburan di Tasik Kenyir, tak usah hiraulah ke puak-puak ni, orang Telemong tetap bersama dengan Kerajaan Barisan Nasional ….(tepukan sokongan) …. Saya beri jaminanlah Dato' Seri, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga memohon apa yang diungkapkan tadi berkaitan dengan sukan di negara kita, sebagaimana yang kita beritahu bahawa negeri Terengganu merupakan negeri yang banyak menyumbang kepada sukan dalam negara kita dan juga di luar negara. Ramai atlet Terengganu yang berkecimpung dalam bidang sukan dan hari ini memang anak-anak muda negeri ini menjadikan sukan sebagai target yang mereka kejar pada masa hadapan dalam pelbagai sukan. Dan kita terima kasih juga kepada Kerajaan negeri yang sentiasa beri sokongan, sentiasa beri insentif dan juga memberi peruntukan yang secukupnya sebagaimana yang dimaklumkan tadi pembangunan sukan RM20 juta yang dimaklumkan dalam buku Bajet. Dan juga persediaan SUKMA sahaja RM4 juta lebih Kerajaan Negeri Terengganu berikan. Dan inilah yang merangsangkan anak-anak muda kita sekarang ini, merangsang mereka untuk menjadi atlet bukan sahaja di dalam negeri, bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa, anak Terengganu sedia untuk menggegarkan nama negeri Terengganu di masa hadapan ini. InsyaAllah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita telah mendengar nama-nama seperti Azizul Hasni Awang, Fatihah Mustafa dan sekarang ini masih lagi menunggu orang-orang basikal ini masih menunggu, 6 orang pelumba-pelumba, 2 orang pelumba yang akan mewakili negara dan daripada 6 orang itu 5 orang anak Terengganu yang sedang menunggu untuk dibuat ujian untuk perlumbaan basikal di Olimpik London pada 2012 nanti. Bukan sahaja basikal, memanah, lawan pedang dan sebagainya ramai yang melibatkan anak-anak Terengganu. Ini kalau masuk bola sepak tak usah royatlah, 5 orang anak-anak Terengganu dalam pasukan Harimau Muda. Kita bukan kata

mustahil, insyaAllah, saya doakan mereka berjaya. Dalam hoki begitu juga masih lagi berjuang, anak-anak Terengganu ramai dalam Pasukan Hoki Malaysia. Jadi ini sebenarnya budaya yang kita wujudkan kepada anak-anak muda Terengganu. Budaya supaya mereka boleh menunjukkan atau menjadi belia yang hebat, bila mereka bermain sukan secara tidak langsung mereka akan jaga dari segi disiplinnya, dari segi tubuh badannya, dari segi perkara-perkara lainnya untuk menjadi atlet ini sangat panjang dan juga sangat banyak pengorbanan yang harus mereka lalui, bagi Kerajaan negeri sentiasa menyokong. Dan tadipun kita ada mendengar Yang Berhormat Ajil maklum pasal apa buat dua team, T-Team ada, Pasukan Terengganu ada. Sebenarnya ramai anak Terengganu, itu tujuan kita bukan hal penonton, betullah dia ada *pro and con* dia, ada negatif dan ada positif dia. Tapi sebenarnya hasrat Kerajaan negeri, anak Terengganu ini ramai yang boleh bermain bola sebenarnya. Jadi kita kena meletakkan pasukan walaupun feeder dan memang tidak lari, feeder kepada pasukan negeri tapi bila mereka bertanding dia tidak boleh duduk saja, dia kena bertanding juga, kalau tidak bertanding dalam negarapun kita terpaksa pasukan feeder ini kena hantar ke luar negara sama ada di Thailand, Indonesia untuk pertandingan-pertandingan kalau tidak dia akan statik dan dia akan sejuk, mati tuan-tuan. Sebab itu kita tengok dalam Malaysia sendiri Pasukan Harimau Muda kita bertanding dalam liga, dia tidak main dalam Liga Malaysia, dia main Liga Singapura supaya anak-anak muda ini semakin semangat untuk berjuang dan semakin ramai orang yang hendak rebut tempat tersebut. Dan berkaitan dengan perbelanjaan Kerajaan, memang kita akuilah bagi kita Kerajaan Negeri Terengganu ini kedua-dua pasukan ini sumbangan terbesar setakat ini adalah disumbang oleh Kerajaan Negeri, merupakan penaja utama kerana Kerajaan Negeri kita sangat prihatin kepada atlet-atlet dan juga penggiat-penggiat sukan ini. Dan kita juga tidak nafi ada anak-anak kita yang main dengan Terengganu tidak terpilih dengan Pasukan Terengganu, tahun lepas (2011) main dengan Terengganu, 2012 tidak terpilih kerana ada lagi orang yang lebih baik, dia keluar main dengan T-Team. T-Teampun sama jugak, ada yang perlu *diupgrade* Pasukan Terengganu mintak dia beri, itu feeder dia tapi dalam persaingan liga kita kena ada pemangkin-pemangkin yang lain untuk menjadi pasukan kita ini untuk kita jadikan ianya sebagai satu pasukan yang boleh kita *rebrandingkan* dalam negara kita ini, itu sebenarnya tuan-tuan. Dan saya faham, dan juga insyaAllah pada masa-masa yang akan datang, tahun-tahun hadapan kita akan berusaha untuk mencari sumbangan-sumbangan dan sponsor-sponsor daripada agensi-agensi lain, GLC ke, juga syarikat-syarikat luar untuk membantu team ini kerana kita tidak mampu untuk membebankan kepada Kerajaan sepanjang masa, oleh kerana permulaan Kerajaan kena *start*, memang apa-apapun kita ni jika mula-mula nak *start* Kerajaan dulu kena cetus, kalau Kerajaan tak cetus tak boleh .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tengah sedap tu, kita boleh sambung esok Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nak habis dah ni, Yang Dipertua saya perhabis selalulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat saya beri peluang pula pada pagi esok, kita suntuk sangat dah ada seminit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak boleh perhabis selalu dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri peluang esoklah, malam ni boleh tambah yang sedap-sedap lagi malam ini untuk besok.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kerana Yang Dipertua saya dengarlah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemong. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada seminit lagi untuk pukul 5.00 untuk kita bersurai dan saya percaya insyaAllah besok seperti biasa agenda kita pukul 9.30 pagi untuk kita berjumpa semula Khamis, 8hb. Disember 2011. Sebelum kita bersurai marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2011

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh, PJK.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, mesyuarat kita disambung semula pada pagi ini yakni pada hari yang keempat, Khamis, 8 Disember 2011 bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Persidangan Keempat, Dewan Undangan Negeri Kedua Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita mulakan mesyuarat marilah kita dengan ikhlas membaca Doa Ummul Kitab mudah-mudahan mesyuarat kita ini diberi keberkatan, insyaAllah. Al-Fatihah.

Memulakan agenda kita pada pagi ini iaitu Soalan-soalan Lisan hari yang keempat. Memulakan soalan yang pertama saya jemput Yang Berhormat Wakil Jabi. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor 2 -

> *Apakah sukatan pelajaran Kelas Fardhu Ain (KAFA) yang dilaksanakan di seluruh sekolah di negeri Terengganu sepanjang bulan Januari sehingga November 2011 mencapai tahap keperluan seseorang pelajar?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan dan Pembangkang, ketua-ketua jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Soalan kedua daripada Wakil Jabi ialah berkenaan dengan sukatan pelajaran Kelas Fardhu Ain KAFA atau Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di seluruh sekolah di negeri Terengganu sepanjang bulan Januari sehingga November 2011, adakah ia mencapai tahap keperluan seseorang pelajar?

Jawapannya ialah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang betul sukatan pelajaran Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain ataupun KAFA di seluruh negeri

Terengganu adalah mencapai tahap keperluan seseorang pelajar bahkan sebenarnya sukatan KAFA ini melebihi keperluan pelajar. KAFA ini pada hakikatnya ialah Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain tetapi dari segi kandungannya ia juga mengajar perkara-perkara yang sunat dan fardhu kifayah. Jadi sebenarnya ia melebihi dah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Daripada pelajar-pelajar yang mengikuti Kelas KAFA ramai yang telah khatam Quran, tahniah kepada Program KAFA yang telah dianjurkan. Dan ada sebilangan kecil juga pelajar-pelajar yang belajar di Kelas KAFA ini yang kurang boleh menguasai Al-Quran dan juga sembahyangnya. Apabila diteliti kebanyakan pelajar ini tidak hadir waktu Kelas KAFA di sebelah petang. Apakah langkah Kerajaan untuk mempastikan bahawa kehadiran sebelah petang pelajar-pelajar KAFA ini adalah wajib?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, memang tidak dinafikan di sebalik kejayaan Kelas KAFA di mana ribuan pelajar/murid kita di sekolah rendah telah berjaya mengkhatamkan Al-Quran seperti dalam majlis yang kita adakan baru-baru ini. Juga memang ada pelajar-pelajar yang masih lemah dan tidak memahami ataupun mampu membaca Al-Quran dengan baik dan gagal untuk melaksanakan fardhu ain dengan cemerlang. Ini sepertimana disebut oleh Wakil Jabi kerana ada sesetengah pelajar tidak hadir Kelas-kelas KAFA yang diajarkan pada waktu petang ataupun waktu selepas tamat pengajian di sekolah kerana beberapa faktor, kadang-kadang sekolah ini tidak cukup kelas dan ini telah diatasi dengan Kelas KAFA yang diadakan di balai-balai raya ataupun di bangunan-bangunan khas seperti kalau di Kuala Terengganu ini ada di PAFA Hiliran, ada di tempat-tempat lain dan berbagai lagi. Tetapi ada juga sebahagian daripada pelajar-pelajar yang memang tidak hadir kelas ini sama ada dia hadir ke kelas tuisyen lain ataupun kerana tidak ada sokongan dan dokongan daripada keluarga dan sebagainya. Bagi mengatasi masalah ini sebenarnya pihak Yayasan setiap tahun telah mengadakan perjumpaan di antara Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan seluruh Terengganu dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kerana Kelas KAFA ini adalah di bawah anjuran JAKIM atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dari segi peruntukannya tetapi pelaksanaannya oleh Yayasan Islam Terengganu. Di negeri-negeri lain dia dilaksanakan oleh Majlis Agama ataupun Jabatan Hal Ehwal Agama tapi oleh kerana sejarah Terengganu ini panjang dan tidak seperti negeri-negeri lain kerana sebelum Kelas KAFA ini diperkenalkan pada tahun 1982 dulu Kelas Fardhu Ain ini telahpun berjalan di Terengganu di bawah anjuran Yayasan Islam. Apabila Kerajaan Pusat melalui JAKIM mengadakan Kelas-kelas KAFA di seluruh Malaysia maka diteruskan apa yang telah dilaksanakan di Terengganu ini di bawah Yayasan Islam Terengganu maka dia berjalanlah seperti pada hari ini. Maka oleh kerana

kedapatan pelajar-pelajar yang tidak hadir ke Kelas-kelas KAFA ini maka kerana itulah saya harap pihak Jabatan Yayasan Islam Terengganu terutamanya melihat semula perkara ini dan mungkin perjumpaan-perjumpaan dengan pihak Jabatan Pelajaran Negeri, Guru-guru Besar Sekolah juga Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah mungkin perlu diadakan lebih kerap lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setiap pelajar akan menduduki UPKK (Ujian Penilaian Kelas KAFA). Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan UPKK ini sebagai salah satu syarat wajib untuk memasuki sekolah-sekolah agama dan juga sekolah-sekolah harian biasa di negeri kita kerana saya percaya dengan cara ini mungkin pelajar akan wajib hadir untuk Kelas Fardhu Ain.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, secara amalinya setakat ini memanglah pengambilan pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah seperti sekolah berasrama penuh, Sekolah IMTIAZ dan sebagainya mengambil kira keputusan UPKK ataupun Ujian Kecemerlangan Kelas KAFA yang diadakan di sekolah-sekolah kebangsaan ini. Dan secara keseluruhannya, sebenarnya Dato' yang Dipertua, walaupun masih ada sebilangan kecil pelajar-pelajar yang gagal ataupun kurang penghayatan dalam perkara-perkara fardhu ain ini tetapi secara keseluruhannya negeri Terengganu sebenarnya telah mencapai keputusan yang sangat baik selain daripada kita adalah negeri yang mempunyai pelajar yang paling cemerlang dalam ujian keputusan Kelas KAFA ini seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, pelajar Nurul Nadiah Wahidah binti Azhar dari Sekolah Seri Bandi ini yang mendapat markah penuh dalam semua mata pelajaran Kelas KAFA ini secara keseluruhannya juga kita sebenarnya negeri yang paling ramai murid yang lulus Kelas KAFA berbanding dengan negeri-negeri lain. Di mana tahun lepas sahaja seramai 7,527 orang di seluruh negeri Terengganu dapat keputusan semua A dalam pencapaian Kelas KAFA. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ada lagi yang terakhirlah, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, apakah Guru-guru Kelas KAFA diberi latihan Kaedah Pedagogy, kaedah untuk mengajar pelajar-pelajar yang lebih berkesan dan guru-guru ini

adakah diberi latihan khusus untuk penambahbaikan dari segi proses pengajaran dan pembelajaran?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Memang ada walaupun JAKIM hanya memberi peruntukan untuk elaun guru-guru tapi Yayasan Islam telah menggunakan peruntukan sendiri untuk mengadakan kursus-kursus Pedagogy ini. Di mana kursus-kursus ini telah diadakan dengan kerjasama Institut Perguruan yang ada dalam negeri Terengganu ini seperti Institut Perguruan Dato' Razali dan juga Institut Perguruan Sultan Mizan di Besut. Kursus ini diadakan dari masa ke semasa, di samping kursus-kursus ini Guru-guru KAFA yang terdiri dari guru-guru sambilan yang diambil daripada luar sekolah, mereka ini kadang-kadang di sesetengah sekolah di bawah bimbingan Guru Besar mereka akan mengadakan bengkel-bengkel dari masa ke semasa untuk meningkatkan pengajaran ataupun prestasi pengajaran mereka. Kerana itulah Dato' Yang Dipertua, untuk ke arah inilah di setiap sekolah selain dari Guru-guru KAFA yang dilantik oleh Yayasan Islam dari luar kita juga mengambil guru-guru agama dari sekolah yang berkenaan bersama-sama dengan Guru-guru KAFA ini dan di bawah pengurusan Guru Besar sekolah yang berkenaan dengan cara yang sedemikian kita mengharapkan bahawa guru-guru sekolah ini akan membantu guru-guru dari luar yang tidak mempunyai sijil yang khusus tetapi hanya kursus-kursus jangka pendek dari masa ke semasa ini supaya mereka meningkat dari masa ke semasa dalam pengajaran mereka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tahniah kepada Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Saya menjemput Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah status terakhir projek Terengganu Electronic Government atau TeG untuk dipakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri dan berapakah jumlah kos keseluruhan bagi pelaksanaan projek ini?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-

ketua dan wakil jabatan, para Pemerhati, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Batu Burok dengan soalan yang dikemukakan. Status terakhir projek TeG ataupun dikenali sebagai dengan izin *Terengganu Electronic Government* telah dipakai di 5 buah PBT kecuali Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan juga Majlis Perbandaran Kemaman. Manakala jumlah kos projek adalah sebanyak RM2,655,000.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk terus kepada Laporan Ketua Audit Negara tentang perjalanan TeG di Terengganu yang dilihat sebagai tidak mencapai matlamat yang ditetapkan dan menggariskan kelemahan-kelemahan yang begitu ketara kerana antara yang disebut oleh Laporan Audit adalah projek yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, sistem dan sub-sistem tidak digunakan, kawalan sistem kurang memuaskan dan kawalan capaian tingkat tidak memuaskan serta dokumen teknikal tidak dibekalkan. Ini antara penemuan yang ditemui oleh Ketua Audit Negara dan rumusan yang dibuat adalah sistem TeG yang kita laksanakan di tahap yang kurang memuaskan. Saya pohon penjelasan daripada Laporan Audit?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Batu Burok. Yang sebenarnya dari segi Laporan Audit ini sayapun nak ucap terima kasihlah kepada pihak Pembangkang kerana kecaknaan yang tinggi di atas laporan ini tetapi laporan ini diambil dari perkara-perkara yang nampaknya yang bermasalah sahaja tetapi tidak dikemukakan perkara-perkara yang memberi impak yang baiklah. Jadi berkait dengan Laporan Audit ini tidak secara keseluruhan dikatakan bahawa tidak memuaskan kerana status penggunaan sistem TeG PBT Terengganu adalah 62%. Kita telah mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang telah dikemukakan kerana untuk makluman sidang hadirin sekalian e-PBT yang merupakan sebahagian daripada TeG ini telah kita gunapakai di 5 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Hulu Terengganu – 73%, Majlis Daerah Besut – 51%, Majlis Daerah Marang - 70%, Majlis Daerah Setiu - 60% dan Majlis Perbandaran Dungun - 56%. Kita juga menghadapi beberapa yang kita kenal pasti di antaranya dengan izin, *coverage* dari segi internet dan sebagainya dan juga dari segi penggunaan oleh pelanggan-pelanggan, maklumlah kerana program elektronik ini masih lagi menjadi perkara yang baru terutama kepada penduduk-penduduk negeri Terengganu dan insyaAllah dengan apa yang kita laksanakan, dengan apa yang kita programkan dengan penggunaan ICT ini, dengan mesra ICT ini memastikan

bahawa insyaAllah untuk masa-masa yang akan datang program ini tidak akan menimbulkan masalah. Jadi dalam kita menyelesaikan isu-isu yang ditimbulkan oleh Audit tadi, kita telah mengambil tindakan semasa, di antaranya ialah kakitangan teknikal kita telah melaksana dan menyelenggara bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar. Latihan dalaman dilaksanakan dari masa ke semasa. Kakitangan teknikal kita telah berkongsi penyelesaian masalah dengan PBT yang lain mahupun dengan negeri yang lain yang telah melaksanakan dan kita juga telah kenal pasti memang tidak semua PBT kita menggunakan kesemua modul dan sub-modul dalam ePBT hal ini kita bergantung kepada keperluan dan juga kepada kesediaan terutama dari segi pelanggan untuk kita menyelesaikan isu-isu dan juga masalah rakyat. Skop sedia kala kita telah merangkumi kepada keperluan asas PBT dan juga sekarang ini kita juga telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang telah mengeluarkan tender penambahbaikan, Terengganu juga akan berkongsi sama dengan penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Selain daripada itu, kita juga mengadakan LABS secara berkala dengan bantuan daripada Kumpulan Kementerian dan juga penyerahan projek di mana kita telah menyerahkan ataupun Projek TeG ini telah diserahkan sepenuhnya kepada Pejabat SUK Terengganu pada 17 November 2009. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang kedua. Kalau ikut kepada rujukan kepada Laporan Audit ini, jumlah keseluruhan yang kita belanjakan dalam melaksanakan projek TeG *(Terengganu Electronic Government)* hampir RM20 juta iaitu RM19.35 juta dan analisa yang dibuat oleh pihak Audit ataupun soal selidik terhadap pihak pengurusan, saya baca (i) dan (ii) ni: Yang pertama, dari segi sistem ePBT, mesra pengguna ataupun tidak? Dari segi tahap tidak mesra pengguna itu 53%, ini jawapan yang diberikan oleh pihak pengurusan sendiri. Dari segi sistem ePBT telah memenuhi kehendak dan keperluan bagi PBT, tidak memenuhi keperluan ini mencapai kepada 65%. Jadi ini suatu peratusan yang tinggi dengan perbelanjaan yang kita keluarkan ini. Jadi bagaimana kita nak mengatasi permasalahan ini supaya dapat kita memberikan khidmat yang terbaik kepada pengguna-pengguna yang ada di seluruh negeri Terengganu ini dengan perbelanjaan yang kita laksanakan ini boleh dikatakan agak tinggi. Mohon penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Untuk makluman sidang hadirin sekalian, dalam kita melaksanakan program TeG ini kita ada libatkan 6 modul di mana kos yang saya sebut tadi yang melibatkan RM2.655 juta itu adalah melibatkan kepada kos projek kita tidak termasuk lagi kos dari segi modul. Dan pelaksanaan kita adalah berasas kepada ada 6 modul yang kita laksanakan sekarang iaitu ePMS, eZakat, Portal

ePayment, BSRS *(Bussiness System Requirement Study)* dan juga eAduan. Jadi dalam memastikan pelaksanaan TeG tujuan utama kita adalah untuk memastikan produktiviti kita, kecekapan, keberkesanan dan ketelusan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri. Di samping itu, kita juga hendak menggalakkan penggunaan elektronik yang menjadi pemangkin kepada Koridor Raya Multimedia Pantai Timur. Jadi di sini kesempatan yang kita ambil untuk memastikan bahawa Terengganu merupakan negeri yang pertama melaksanakan program-program yang berkait dengan elektronik ataupun berkait dengan ICT. Jadi memang kita sedia maklum bahawa dalam pelaksanaan-pelaksanaan keseluruhannya tidak semua jabatan yang terlibat terutama PBT kita dapat melaksanakan sepenuhnya sepertimana yang kita harapkan. Sepertimana yang saya sebut tadi bahawa yang kurang daripada 65% itu ialah cuma ada beberapa sahaja iaitu Majlis Daerah Besut, Majlis Daerah Setiu dan juga Majlis Perbandaran Dungun. Kalau dikira Majlis Daerah Hulu Terengganu kita - 73% dan Majlis Daerah Marang – 70%. Jadi kerana itu hari ini kita tidak boleh katalah bahawa daripada Laporan Audit itu dia melihat kepada keseluruhan tetapi apabila kita perincikan balik mengikut daerah-daerah kita dapati hanya ada beberapa daerah sahaja yang kita melihat bahawa peratusan itu di bawah 65%. Jadi kerana itu kita akan melihat balik dan kita akan memperbaikilah seperti yang saya sebut tadi dengan kita mengadakan secara kerjasama dengan pihak Pusat bagi memastikan kita dapat menyelesaikan dan juga kita dapat memastikan bahawa mana-mana jabatan-jabatan lain yang mencapai lebih daripada 65% ini akan membantulah kepada jabatan-jabatan ataupun Majlis-majlis Daerah yang tidak mencapai sepertimana yang kita harapkan. Jadi sebagaimana yang sebut tadilah, kita telah kenal pasti beberapa masalah yang kita hadapi dan kita telah menjalankan latihan-latihan dan juga kita melaksanakan LABS untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang disebut di dalam Laporan Audit itu kita dapat selesaikan dan kita dapat *solvekan* masalah itu dalam erti kata kita untuk memastikan bahawa apa yang kita laksanakan ini adalah sepertimana yang kita harapkan dan juga sebagai alternatif utama kita. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Tidak ada. Okey, saya jemput seterusnya Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Berapakah bilangan terkini agen pelancongan berdaftar di negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Tepoh. Bilangan agen berdaftar

di negeri Terengganu sehingga Oktober 2011 adalah sebanyak 126 agen. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat yang kita tengok sebelum ini kebanyakannya pelancong-pelancong yang datang khususnya daripada China yang datang ke Terengganu mereka lebih memberikan tumpuan untuk pergi ke Pulau Redang dan Pulau Perhentian sahaja. Sedangkan kita di tanah daratan di Terengganu ini banyak lagi tempat-tempat yang boleh dibawa pelancong-pelancong tersebut sebagai contohnya, Muzium Negeri Terengganu sebagai muzium yang terbesar di Asia Tenggara, kalau pergipun seorang-dua saja mungkin tidak melalui agen. Begitu juga kalau yang istimewanya kita ada beruk memanjat nyior di Jenang, kalau pergipun dua-tiga orang, takdok agen yang bawa setakat yang saya duk faham. Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam usaha berkerjasama dan meminta agen-agen pelancongan tersebut supaya tempat-tempat yang perlu dilawati oleh pelancong itu di kawasan daratan di negeri Terengganu ini dapat dikunjungi dengan lebih ramai, peranan Kerajaan bersama dengan agen pelancongan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memang Kerajaan sedar tentang tempat-tempat yang dilawati di pulau-pulau oleh pelancong asing dan pelancong tempatan tidak memberikan satu dengan izin, *spill over effect* yang banyak kepada *mainland* ataupun di daratan dan banyak lagi tempat-tempat pelancongan di daratan yang perlu dilawati. Terima kasih kepada Wakil Tepoh, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk mengenakan satu kaedah iaitu *Carrying Capacity* ataupun mengenakan had-had tertentu dalam bentuk beberapa hari di pulau dan berapa hari di daratan sebagai contoh kalau *Carrying Capacity* untuk tidak membebankan kepada pulau, 3 hari di pulau, 1 hari wajib di daratan sama ada di daerah Setiu iaitu di Pengkalan Merang atau di bandar Kuala Terengganu, di Kedai Payang atau melawati tempat-tempat di muzium dan sebagainya. Dan kita sedang mempertimbangkan konsep ini supaya ianya memberikan satu pulangan yang baik kepada pengusaha-pengusaha dan memberikan pembangunan ekonomi kepada peniaga-peniaga di daratan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan kedua. Kalau kita lihat dari sudut pelancongan di Malaysia, pelancong-pelancong asinglah sebagai contohnya. Negeri yang menjadi atau mengikut keutamaannya selain dari Kuala Lumpur dan Melaka antaranya, Pulau Pinang juga, kita rasakan bahawa Kuala Terengganu kita mempunyai banyak kelebihan yang duk banyak datang ke Kuala Terengganu adalah daripada Singapura, China, antaranya. Bagaimana tentang peranan

Kerajaan bersama dengan agen pelancongan untuk membawa pelancong-pelancong daripada Timur Tengah (Arab) ke negeri Terengganu. Kita tengok pelancong Timur Tengah ada di K.L. aje, kot-kot kita boleh bawa mereka ini, mereka ini orang banyak duit sebenarnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang sebagaimana saya beritahu pada hari semalam bahawa jumlah pelancong daripada Emirates Arab Bersatu yang datang ke Malaysia adalah 16%. Sementara di Terengganu memang tidak ramai yang datang ke Terengganu kerana ada kekangan yang tertentu pelancong-pelancong Arab umpamanya yang memerlukan satu tempat ataupun untuk berbelanja yang agak besar sebab itu Kerajaan Persekutuan telah membuat satu kemudahan di bawah Program Greater Kuala Lumpur yang menyambungkan di antara shopping complex dan kemudahan-kemudahan untuk membeli-belah yang besar di Kuala Lumpur yang sedang pesat dibangunkan. Tetapi di Terengganu kita tidak ada pusat beli-belah yang boleh kita tawarkan kepada mereka dan kalau adapun tidak secukup dan tidak sampai kepada standard. Itu adalah masalah yang pertama dan masalah yang kedua adalah kebanyakan yang datang ke pulau, pelancong Arab memerlukan satu privasi ataupun tempat-tempat yang agak sulit dan ini juga tidak memungkin kerana percampuran di antara bangsa-bangsa lain yang berlainan budaya dan mempunyai sekatan-sekatan tertentu tidak membenarkan ataupun tidak mengizinkan pelancong-pelancong Arab ini untuk bersama-sama mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Jabi bangun dulu Yang Berhormat. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak mintak penjelasan daripada Kerajaan, apakah komen daripada pelancong-pelancong luar yang datang, tak kiralah Timur Tengah ke, daripada Eropah ke, negara-negara lain tentang keistimewaan yang tinggi di Terengganu kita?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakil Jabi. Sebenarnya memang sejak akhir-akhir ini kita dapat lihat bahawa *trend* kedatangan pelancong asing apabila masalah jerebu, masalah di Iceland, masalah yang telah dialami oleh pelancong-pelancong Eastern Europe yang terpaksa membatalkan penerbangan ke tempat-tempat lain maka

mereka datang ke Malaysia sebagai salah satu daripada destinasinya. Dan mereka memberikan komen yang baik kerana di sini masih lagi terdapat air yang bersih, pantai yang cukup baik dan *corals* yang tidak kedapatan di tempat-tempat lain. Sebab itu kita dapat lihat apabila kita mempromosikan Kenyir umpamanya, apabila secara agresif, intensif kita dapati bahawa kedatangan pelancong sehingga September tidak termasuk yang kita buat Jambori Pengakap dan sebagainya, tidak termasuk Monsoon Cup dan sebagainya sehingga sekarang ianya telah mencapai 3,000,064,838. Dan saya yakin dan percaya dengan sasaran 3,000,441,231 yang kita sasarkan kalau dimasukkan dengan jumlah pada bulan Oktober, November dan Disember, insyaAllah kita akan mencapai tahap sasaran ini. Ini menunjukkan bahawa komen yang amat baik yang disampaikan dari mulut ke mulut oleh pelancong memberikan kesan kepada kedatangan pelancong ke Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam nak kemukakan soalan tambahan? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya, bila disebut, dijawab oleh Exco tadi berhubung dengan kecenderungan para pelancong luar mari ke Terengganu kerana pulau-pulaunya, mereka tak berminat pergi ke Kenyir, ke darat-darat ni, apatah nak tengok beruk panjat pokok nyior tu. Jadi kadang-kadang kita ada masalah, tadi disebut tentang *carrying capacity* dengan izin, had ketakungan di pulau itu sendiri, kesan bila banyak guna air tawar menyebabkan kematian kepada *corals.* Saya nak mintak penjelasan sikit kerana pelancong Arab dia mari kerana nak beli-belah, Terengganu tak boleh nak *offer* apa yang dikehendaki oleh pelancong-pelancong Arab tapi dari segi Sport Tourism, Eco Tourism saya agak akhir-akhir ini tertanya-tanya kesan kepada Sport Tourism Monsoon Cup tu, kehadiran pelancong lening macam orang tak sebut dah, macam orang tak kisah dah. Tapi usaha Kerajaan, kegagalan yang saya nampak akhir-akhir ini tetapi katanya betul atau tidak saya nak tanya kita nak sambung kontrak Monsoon Cup ini walaupun akan habis kalau tak silap saya pada tahun depan 2012 kontrak selama 8 tahun. Adakah Kerajaan nak sambung atas dasar Monsoon Cup, Eco Tourism walaupun akhir-akhir ini tidak berjaya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sports Tourism di antara yang paling popular di Terengganu adalah apabila kita menganjurkan WEC *(World Endurance Championship)* pada tahun 2008 dan Monsoon Cup, memang tidak dinafikan bahawa ianya telah diberikan *Media Coverage Value* dengan izin, yang begitu luas di seluruh negara. Ini telah memperkenalkan Terengganu ke

dunia dan membawa dunia ke Terengganu, memang kita tidak nafikan. Dan Monsoon Cup akan *expire* ataupun tamat pada tahun hadapan, keputusan untuk menyambung adalah terletak kepada Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Belia Dan Sukan, kita hanya tuan rumah kepada *anchor tenant* dengan izin, iaitu T-Best dan kita sebagai tuan rumah memang kita menyokong kerana ini adalah peruntukan Kerajaan Pusat, terpulanglah kepada Kerajaan Pusat untuk membuat keputusan seterusnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Saya jemput Wakaf Mempelam untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, satu soalan tambahan lagi boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Wakaf Mempelam dah Yang Berhormat. Celah yang Wakaf Mempelam ajelah.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalan pelancongan, satu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam kalau kita bagi ke Permaisuri sikit? Ya, Wakaf Mempelam bagi, pendek aje Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum. Saya tercuit untuk soalan tambahan ini sebab pihak Kerajaan ada menyebut tempat saya Merang tadi. Terima kasih Kerajaan kerana ada memberi sedikit *clue* bahawasanya untuk meningkatkan pelancongan di daratan maka Merang telah disenaraikan sebagai salah satu destinasi yang akan dimajukan oleh pihak Kerajaan. Cuma saya ingin mendapat sedikit penjelasan apakah corak pembangunan yang bakal dibangunkan di Pantai Merang kerana pada saya Pantai Merang adalah merupakan satu *gateway* atau merupakan gerbang kepada pelancong-pelancong untuk memulakan percutian mereka di Pulau Redang, di Pulau Lang Tengah. Dan ada juga yang bertolak daripada Pulau Redang dan dengan *island hopping* dengan izin, mereka akan sampai ke Pulau Perhentian. Untuk makluman Dewan kalau kita bandingkan fasiliti yang ada di Merang kalau saya letak sedikit markah kalau saya nak bandingkan Merang dengan Kuala Perlis, gerbang ke Langkawi markahnya adalah 10 di Merang, 50 di Kuala Perlis. Kalau saya nak bandingkan dengan peringkat semi-global, tidak jauh Singapura, kalau kita ke Singapura nak ke Pulau Sentosa markahnya adalah 10 di Merang, 80 di gerbang ke Sentosa Island. Jadi maknanya untuk satu-satu imej yang baik di peringkat Malaysia global, Malaysia local saya rasa Merang mestilah diberi satu tumpuan yang amat berat ataupun amat jitu supaya imej kita apabila pelancong

tiba di KLIA, airportnya cantik, tiba di Kuala Terengganu airportnya juga cantik tetapi apabila mereka naik bas ke Merang, sampai di Merang internet fasilitinya tidak ada, kalau mereka nak menyediakan sedikit makanan KFC tidak ada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kerajaan faham.

YANG BERHORMAT HAJI ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Soalannya apakah bentuk-bentuk pembangunan yang bakal dibangunkan di Merang dan bilakah ianya dijangka siap? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Dipertua. Tambahan yang hak Merang tadi, dulu buat dah jeti lepas tu jeti duduk atas darat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Memang saya setuju dengan Permaisurilah sebab itu kita mengadakan satu alternatif untuk mengadakan *carrying capacity,* memberikan pilihan kepada pelancong untuk berada di daratan dalam masa-masa yang tertentu. Dan dalam aspek ini ianya termasuk pembangunan infrastruktur yang perlu kita buat di Merang. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa pengkalan utama ke pulau adalah Merang bukannya Kuala Terengganu. Dalam kaedah ini kita perlu juga bukan sahaja menyediakan tempat-tempat untuk pelancong membeli-belah, memperbanyakkan IKS dan sebagainya tapi juga kita perlu mempastikan bahawa muara sungai boleh dilalui pada setiap masa. Kita harap kita akan dapat mengadakan satu makmal ataupun *lab* supaya apabila kita membuat *carrying capacity* ini boleh melibatkan semua orang, boleh melibatkan Majlis Daerah, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan sebagainya, masyarakat setempat dan agen-agen pelancongan supaya tidak ada dengan izin, *loopholes* yang akan kita hadapi masalah-masalah tertentu bermula daripada airport sampai ke pengkalan, sampai ke pulau dan balik pula ke daratan dan seterusnya ke airport. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, jemput Wakaf Mempelam untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Berapakah jumlah tunggakan sewa Pasaraya Besar Giant di Kijal kepada Majlis Perbandaran Kemaman hingga November 2011?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati sekalian. Sehingga kini tiada tunggakan sewa Pasaraya Besar Giant di Bandar Baru Kijal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Pasaraya Giant tu saya duk lalu jugaklah tengok dengan bangunan yang begitu besar, keretapun tidak berapa banyak, sayapun rasa curiga jugaklah betul ke tidak ada tunggakan tu pasal saya dapat maklumat berhubung dengan perkara ini, agak lama tidak bayar berapa bulan tak tahu, 8 bulan ke, berapa tak bayar sewa kerana tak berkemampuan untuk menjanakan perniagaan di kawasan tersebut. Cuma saya nak tanya Yang Dipertua berhubung dengan garis panduan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian kita nak adakan satu-satu pasaraya dihadkan jumlah penduduk sekitar tu satu-satu bandar tu lebih kurang 750,000 kalau tak silap saya. Jadi dengan ada satu Pasaraya Giant di Kijal tu penduduk di Kijal tak seberapa mana, adakah atau mengapa garis panduan ini tidak dipenuhi sehinggakan Mesra Mall ada, Giant Kijal ada dan sehinggakan ada masalah nak bayar sewa walaupun tidak diakui oleh pihak Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah andaian, pembohongan, tak malu ke bercakap dalam Dewan yang mulia ini bohong, reka. Kita orang berpelajaran Giant ini satu pasaraya besar bertaraf antarabangsa. Dia nak buka bukan senang Dato' Yang Dipertua, kajian pasaran dibuat, betullah Kijal sekarang ini ada 20,000 orang penduduk tapi Kemaman keseluruhannya 150,000 orang dan potensi masa depannya. Dia bukan buka macam gerai di Pasar Maghrib, macam berniaga kat Rusila tu bubuh atas tiang buluh untuk jual ikan. Fikir gok kita ni, ada otakkan. Dato' Yang Dipertua, ini masalah yang memalukan dakwaan ke atas sebuah syarikat yang bertaraf antarabangsa berhutang 8 bulan tak bayar. Bukan dia tak bayar, masa itu dia duk berkira dari segi keluasan kawasan dan sebagainya selepas selesai semua itu dia akan bayarlah kesemuanya. Macam mana kita nak tarik pelabur asing, pelabur besar ke negeri kita duk cakap hak *komang sokmo,* memperlekehkan orang. Kita dalam keadaan nak menarik pelabur datang, orang datang berdagang, berniaga, pengusaha tapi kita kata macam-macam. Dan mungkin mendapat gambaran yang mungkin ada orang PAS dalam Perbandaran Kemaman atau pengikut dia beritahu 8 bulan tak bayar, ini tak betul ni. Kita ada rekod kita Yang Dipertua, sewa

terakhir bulan 11 yang dibayar pada 3 November melalui cek RHB Bank bernombor 506874 hak bulan 11 bayar dah pada 3 November, boleh dia buat cerita. Inilah naifnya pemikiran Pembangkang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Dipertua. Oohh .... Pagi-pagi *bekeng* dah. ....(Dewan gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan, soalannya Yang Berhormat, soalan yang betullah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya pasal begini pasal pelabur dia nak melabur dia fikir belaka *profit and loss,* latar belakang semua sekali. Saya bimbang, saya timbulkan perkara ini apa yang berlaku kepada Hotel Strawberry Resort di Kijal jugak sampai sekarang MB kata nak mari buat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya dok bekeng, saya cuma khabor .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oohh ..... Yang Dipertuapun, Allah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau takdok soalan lain? Tak, saya nak mintak Yang Berhormat jangan lalut ke lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, bukan, ini Kijal jugak soal pelaburan bercakap, pasal maklumat yang kita dapat memang teruk. Saya round seluruh negara takdok Giant kereta tiga-empat butir, takdok. Jadi itu sebabnya berhubung dengan Strawberry tapi tak apalah hak Strawberry itu satu hal boleh jawab ada soalan lepas pada ni. Saya dengar ceritanya oleh kerana dalam keadaan nak menggalakkan pelaburan baru ada pernah dibuat kenyataan nak jadikan kawasan tersebut macam Nilai 3 ke apa, saya lupa dah. Jadi apa perancangan Kerajaan supaya dari segi pelabur nak mari tu nampak biarlah ada maknanya bukan Giant setongkol di situ, lepas tu gak orang dok mari, lepas tu ..... tak apalah tengok perancangan-perancangan lain.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini andaian, kebetulan dia lalu kereta takdok, kebetulan orang tak ramai, hak masa orang ramai dia tak khabor, hak penuh sampai RM500,000 sehari jualan, kita ada rekod. Ini susah ni buat andaian, tengok orang takdok okey kata dok laku selalu. Lepas tu tanya pulak, kalau tanya macam hak kemudian ini molek sikit Dato' Yang Dipertua, "Apakah perancangan ….?" …..(Dewan gelak) …. Haa ….. barulah boleh kita khabor, sebab itu kita nak buat Textile Hub di Bandar Kijal, bangunan dah siap insyaAllah bulan 1 akan dibuka. Kerja-kerja membuat Inland Port atau Dry Port sedang berjalan, kerja-kerja tanah, macam Nilai 3-lah Dato' Yang Dipertua untuk orang Pantai Timur. Tak payahlah orang Terengganu ini pergi ke Nilai 3, ke Segamat sebab itu kita nak buat ni. Yang suka boleh pakai Dato' Yang Dipertua, orang Terengganu, orang Kelantan, orang Kedah bukan macam orang Kuala Lumpur dia tak suka pakai kain tapi dia lebih suka pakai jeans dan skirt, orang Terengganu pakai baju kurung, pakai baju kebaya, hak tu beli kain ela sebab itu buat di Kemaman. Kena fahamlah ni, kalau tanya begitukan sedap sikit dan sedap kita jawab. Dia tak tahu apa yang kita rancang dan kita nak buat, duk baham andaian *sokmo.* Sebab itu saya kata tadi ini menjejaskan reputasi sebuah syarikat antarabangsa. Sebab itu saya katakan tadi bahawa kita buat Giant ini sebagai nukleus, pemangkin kepada Pembangunan Bandar Baru Kijal, sekarang ini baru nak buka hotel, Eastern Sea nak 100 ekar tanah nak buat projek perumahan sebelah tu untuk pekerja-pekerja 2,000 orang, kerja-kerja tanah baru berjalan sekarang ini. Ini dia tak tahu, kalau dia tanya kita boleh khaborlah. Hospital baru nak buat di Kijal RM500 juta atas 50 ekar tanah, dah ambil dah, nak buat di Bandar Cukai tak boleh dah, nak ambil balik saja tanah RM70 juta. Ini dia tak tahu perancangan, kalau dia tanya kita boleh khaborlah, ini duk baham rambang, reka sokmo, mengayat semua, malu gok kita ni ke budak-budak atas nun, bercakap baham rambang sekali. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Cuma saya ringkas saja, bimbang saya takut bertukar MB dalam pilihan raya akan datang ni buat lari ke Cukai ke, takut Cukai jadi MB ke, takut, manalah tahu, ke Besut balik ke ataupun kawasan Dungun ke, berubah pulak perancangan-perancangan yang dibuat tu, itu kebimbangan saya. Bukan apa Dato' Yang Dipertua, sebab bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar dahulu banyak perancangan-perancangan yang dia buat, bila bertukar Menteri Besar terbantut program-program dan perancangan-perancangan yang dibuat, itu kebimbangan yang saya inilah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu ini andaian yang tak berasas, ada PhD apa gini. Kita berserah kepada takdir, Tuhan yang akan menentukan segala-galanya, bila Besut jadi Menteri Besar dia bangun Besut dan saya teruskan Projek Taman Ilmu dan sebagainya yang telah dibuat, kita siapkan.

Cuma masalahnya bila Marang jadi Menteri Besar takdok benda di Marang, ini pelik ni .....(tepukan sokongan) ..... Perdana Menteri daripada Kedah, okey Kedah membangun, Langkawi disumpah tujuh keturunan, hari ini bangkit sebuah destinasi hebat. Johor jadi Perdana Menteri, okey dibangunkan Johor. Pahang sekarang ini menjadi Perdana Menteri, okey Pahang dibangunkan, biasalah. Takkan Batu Burok jadi Menteri Besar nak *lok* Batu Burok gitu sebab sekarang ini Menteri Besar bukan Batu Burok, *dokrok cetong.* Jadi malulah jugak kita cakap ni, PhD apa gini. Kita mesti ada, kelebihan mesti diberi, itulah politik. Takkan bila kita jadi Menteri Besar nak *lok* kat kita jadi *sebek* gitu, orang akan kata Menteri Besar apa macam ni, *dokrok cetong,* kawasan dia *dok* terjaga. Sebab itu kita buat perancangan dan akan diteruskan, siapapun jadi Menteri Besar dia akan teruskan, dah sampai giliran orang itu, kita kata okey, kita redha, kita orang Islam, rezeki dia, dia akan jalankan, dia akan buat, kita yang merancang, buat perancangan. Sebab itu kita buat, Pembangkang tak tahu apa perancangan kita, apa yang kita nak laksanakan, duk reka cerita macam-macam sekali. Saya kata tadi, hotel nak buat di Bandar Baru Kijal oleh pelabur swasta. Sekolah Integriti nak buat dan banyak benda lagi. Inilah satu-satu bandar baru yang hendak diwujudkan sejak puluhan tahun yang lalu, bila wujud bandar baru kata jugak, tak wujudpun kata jugak, buat salah tak buat salah jadi serba salah, kemudian sekali tak buat langsung macam zaman PAS. Padanlah Kelantan buat satu masjid saja dalam 20 puluh tahun, ini bukan hak kita kata, Timbalan Exco dia sendiri mengaku dalam surat khabar hari ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Seterusnya saya jemput Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri mengawal, menyelia dan membantu perusahaan sarang burung walit (burung layang-layang) yang kelihatan begitu pesat tumbuh hari ini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Tempatan sedang menyediakan satu garis panduan bagi perusahaan burung walit dan Kerajaan menyedari bahawa perusahaan ini merupakan satu perusahaan yang memberi pulangan lumayan kepada penternak ataupun pengusaha burung walit. Apatah lagi burung walit ini tak perlu disediakan makan minum, yang perlu disediakan rumah/tempat tinggal untuknya. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan suatu arahan secara dasar yang

diterima pakai oleh Kerajaan Negeri, walau bagaimanapun, ada sedikit pindaan-pindaan yang perlu dilakukan atau disesuaikan dengan negeri Terengganu.

Setakat ini pihak Kerajaan Tempatan telah selesai menyemak dan memasukkan satu garis panduan dengan pindaan dan Draf Peraturan dan Undang-Undang Kecil mereka supaya perusahaan ini dapat dikawal selia secara berkesan. Seterusnya Draf ini akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan pemakaiannya di negeri Terengganu tidak berapa lama lagi.

Kawal selia akan turut melibatkan agensi-agensi lain yang berkaitan terutamanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu menggunakan peraturan dan undang-undang sedia ada.

Bagi membantu perusahaan ini berkembang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan memberi perkhidmatan dan bimbingan dalam aspek teknikal. Perkhidmatan teknikal oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar meliputi ujian kesesuaian lokasi, bahan binaan, reka bentuk bangunan dan sistem audio.

Pemohon (pengusaha sedia ada atau baru) perlu mendaftar dengan Jabatan Veterinar dan menghadiri Kursus Amalan Penternakan Yang Baik bagi pengusaha perladangan walit atau Kursus Amalan Kebersihan Veterinar Yang Baik bagi pengusaha pemprosesan sarang burung walit. Perakuan menghadiri kursus akan dikeluarkan bagi membolehkan permohonan lesen premis dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan.

Dan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan bahawa tiada lagi rumah-rumah walit yang baru dibina di kawasan bandar untuk mengelakkan kacau ganggu dan dibenarkan dibuat di kawasan-kawasan luar bandar dan bagi yang sedia ada, Kerajaan akan memberi tempoh yang secukupnya untuk mereka merancang pemindahan pada masa depan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, kita lihat perusahaan burung walit sekarang ini mungkin merupakan satu lagi sumber rezeki baru bagi rakyat Terengganu yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. sejak akhir-akhir ini dan juga pada masa yang akan datang. Jadi kita lihat hari ini perusahaan burung walit ini tumbuh umpama cendawan. Jadi soalan saya apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membantu rakyat Terengganu yang berminat untuk menceburi sama ada dalam perusahaan ini memandangkan kalau kita lihat untuk menceburi bidang perusahaan burung walit ini memerlukan satu kos yang tinggi kalau kita katakan sebagai yang paling efektif, kalau nak efektif memerlukan kos yang tinggi. Kita nak tahulah apakah langkah-langkah yang Kerajaan lakukan? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara langkah-langkah Kerajaan ialah: Yang pertama, Kerajaan membenarkan tukar syarat tanah pertanian kepada perusahaan burung walit. Dengan ini mereka boleh mencagarkan tanah tersebut kepada bank untuk buat pinjaman bagi mengusahakan ternakan burung walit. Di samping itu, Kerajaan telah membuat beberapa percubaan kepada rakyat miskin di luar bandar dengan membina setakat ini beberapa buah sangkar burung walit yang kecil yang kosnya RM10,000 dan memantau tentang perkembangannya sama ia berjaya atau tidak. Sekiranya program ini menampakkan kejayaan, Kerajaan akan melaksanakan program ini secara besar-besaran pada masa akan datang. Dan baru-baru ini saya melawat ke satu kawasan di Telemong tapi masa pergi baru-baru ini baru 6 bulan, baru ada 5 sarang. Jadi kita akan tengoklah perkembangan seterusnya. Kalau ia meyakinkan, boleh menarik perhatian burung walit ini dan boleh memberi pulangan yang lumayan, insyaAllah, bagi golongan miskin ini merupakan satu lagi bidang keberhasilan untuk petani miskin untuk mendapatkan hasil pada masa hadapan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok mintak dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya selesai hak saya dululah, saya bagi nanti, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, pendek saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Satu perkara yang mungkin jugak bimbanglah, kita lihat hari ini sebagaimana saya kata tadilah perusahaan burung walit hari ini nampaknya tumbuh macam cendawan kerana dikatakan harga untuk sarang burung walit ini sangat tinggi, lumayan dan kita bimbangnya ialah bagaimana akan berlaku sekiranya perusahaan ini akan berlaku lambakan dalam pasaran nanti. Jadi apakah persediaan Kerajaan jika sekiranya berlaku lambakan yang tidak terkawal di pasaran oleh kerana ramai sangat yang berminat untuk mengusahakan perusahaan burung walit ini di Terengganu? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, buat masa ini tidak timbul masalah lambakan bekalan sarang

burung walit kerana permintaannya terlalu tinggi. Tahun lepas apabila saya mengadakan perjumpaan dengan pengusaha/peniaga burung walit di Guangzhou, satu syarikat sahaja memerlukan 2 tan satu bulan dan di malaysia harganya RM6,000 satu kilogram, di Guangzhou saya tengok RM12,000 satu kilogram. Dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, setakat hari ini laporan yang saya terima mengatakan salah satu negeri yang mengeluarkan sarang burung walit yang berkualiti ialah Terengganu kerana kita masih lagi kekurangan pencemaran udara yang berlaku menyebabkan makanan burung walit ini bersih dan sebagainya. Dan sebab itulah Tuhan kurniakan kepada burung walit kelebihannya yang tersendiri, kalau dia keluar pukul 6.00 pagi dia balik ke sarang pukul 6.00 petang, tak pernah singgah kerana kalau tuan-tuan tengok burung walit ini kaki dia pendek, dia tidurpun terpaksa gantung diri, atas tanahpun dia tidak boleh singgah, dia akan terbang balik, juga tak boleh singgah atas wayar elektrik sebab itu makan, minum bersenyawa semasa terbang, Dato' Yang Dipertua, ini keistimewaan burung walit. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri ruang kepada Batu Buroklah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, ringkas saja Dato' Yang Dipertua. Cuma untuk perhatian pihak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Terengganu. Dua minggu yang lepas saya telah bertemu dengan bekas Wakil Rakyat Bandar kita, bekas Exco, Dato' Tok Teng Sai yang merupakan Pengerusi Persatuan Burung-burung Walit Malaysia, bukan Terengganu sahaja seluruh Malaysia ni dia bersama dalam jawatankuasa itu. Adakah Yang Amat Berhormat menyedari bahawa sekarang ini harga sarang burung walit turun menjunam hampir 50% menjunam dan kita menghadapi masalah export ke negara China kerana Kerajaan China telah *banned* dengan izin ataupun tidak membenarkan kemasukan sarang burung daripada Malaysia dan Indonesia kerana mempunyai *acidic* dan jugak yang dilihat bagi mereka tidak membawa kepada kesihatan ataupun membawa kepada penyakit-penyakit sampingan yang boleh memberikan suatu yang tidak baik kepada rakyat di negara China. Dan dia juga memberitahu bahawa di negara China, Kerajaan China sendiri mengeluarkan *advertisement* di televisyen supaya rakyat jangan memakan sarang burung walit kerana ada bahan-bahan yang boleh memudaratkan tubuh badan. Jadi ini untuk perhatian Kerajaan Negeri supaya mengkaji balik perkara ini dan kalau boleh berbincang dengan Dato' Tok Teng Sai yang sekarang ini sedang berusaha keras untuk membuat kempen supaya bukan sahaja Kerajaan Terengganu tetapi Kerajaan Malaysia membuat kempen di China supaya dapat membenarkan balik sarang burung ini masuk ke China. Dan sekarang ini di Hong Kong sahaja dia memberitahu saya nilaian sarang burung walit bernilai ratusan juta tidak dapat masuk ke tanah China. Ini untuk perhatian.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum dia beritahu kepada Yang Berhormat Batu Burok dia dah berbincang dengan saya awal lagi. Dan kita telah kenal pasti, sebab itu saya katakan tadi hasil laporannya setakat ini bahawa Terengganu yang terbaik dan sebab itulah usaha-usaha sedang dilakukan bagi mengatasi masalah pencemaran kerana ada di kalangan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab oleh kerana nak dapat keuntungan yang besar dan sebagainya membuat sesuatu perkara yang menyalahi peraturan dan sebagainya. Dan perbincangan telah dibuat dengan pihak berkuasa Kerajaan China dan satu formula baru akan diadakan bagi mempastikan pengimportan sarang-sarang burung walit dari Malaysia ini diterima semula. Sebab sebagaimana saya katakan tadilah ianya memberikan impak yang besar dan Kerajaan menyedari perkara ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, sikit boleh? Saya terima aduan daripada rakyat ni saya nampak ada pengusaha-pengusaha burung walit sekarang ini dia ada kecenderungan, kecenderungan nak buat sarang burung ni berhampiran dengan rumah ataupun di rumah-rumah mereka yang di kawasan-kawasan flat perumahan tempat tinggal orang ramai. Jadi jikalau kita tidak ada mekanisme yang jelas, kita bimbang ini menyebabkan salah satunya gangguan bising kepada penghuni dan ini balik kepada Kerajaan. Keduanya, kita tak tahu lagi adakah kajian telah dibuat *effect* atau kesan daripada burung banyak sangat ni dari segi kesihatan, kita haraplah supaya pihak Kerajaan boleh tengok perkara ini supaya tidak kacau ganggu kepada rakyat yang tidak, yang inilah ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Amat Berhormat faham tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan menyedari perkara ini, cuma apa yang Kerajaan harapkan ialah keprihatinan orang yang berminat nak bela burung walit ini. Kita buat flat untuk rumah orang bukannya rumah burung. Dia kalau boleh fikir secara rasional takkanlah rumah dia ….. yang pernah berlaku baru-baru ini dan kita telah keluarkan notis iaitu rumah flat di Tok Adis, dia tak duduk dia buat sarang burung. Jadi ini menimbulkan masalah kepada orang lain dengan bising, kacau ganggu, bau najis burung dan sebagainya, ini tak bertanggungjawab. Sebab itu sepatutnya sebagai seorang Islam, sebagai orang yang tahu peraturan, takkanlah manusia nak duduk bersama burung. Sebab itu kita ada garis panduan tak lagi dibenarkan dibuat di bandar-bandar bagi yang baru hendak buat kerana ini akan menimbulkan kacau ganggu, ketidakselesaan, najis yang bertaburan. Cuma setakat ini alhamdulillah, tak ada lagi penyakit berjangkit daripada burung walit, kalau ada barulah timbul masalah kepada kita. Sebab itu Kerajaan sedar, contohnya semasa saya di Kemaman Dato' Yang Dipertua, rumah kedai 4 tingkat, peringkat awal

dijual dengan harga RM1.5 juta, naik RM3.5 juta dan yang terakhir berpindah milik dengan harga RM7.75 juta kerana burung walit, saya dimaklumkan dia mendapat RM150,000 sebulan di Kemaman. Ini gambaran bagaimana pulangan diperolehi dari burung walit ini, cuma Kerajaan perlu mengawal, memberikan tunjuk ajar, bimbingan sebagaimana saya katakan tadi bagi mempastikan bahawa ianya tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai, mendatangkan penyakit dan sebagainya. Sebab itu wujudnya garis panduan ini dan sebab itulah Kerajaan telahpun memulakan, membenarkan tukar syarat tanah pertanian kepada perusahaan burung walit bagi kawasan-kawasan luar bandar yang telah diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikianlah soalan-soalan yang sempat kita kemukakan dan dijawab oleh Kerajaan. Dan kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum dijawab, saya harap pihak urus setia Dewan dapat menghantar jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti rehat untuk minum pagi dan kita masuk semula ke Dewan ini untuk bersidang seterusnya pada pukul 11.00 pagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.37 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Bagi agenda seterusnya yakni penggulungan kepada perbahasan oleh pihak Kerajaan, saya menjemput Wakil Telemong untuk meneruskan ucapan penyambungan daripada semalam. Dijemput Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang, ketua-ketua jabatan, para hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, Dato' Yang Dipertua sebelum saya meneruskan dalam sesi penggulungan saya ini saya nak tanya dulu Dato' Yang Dipertua berapa lama masa yang diberikan kepada saya senang saya nak *target* masa. Saya takdok hal kalau nak beri perhabis sampai ke petangpun saya baham jugak hari ini tapi saya nak tahu dulu, senang saya nak target, Dato' Yang Dipertua nak beri berapa masa ke saya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, kita hari ini persidangan yang akhir, kita ada penggulungan dan Rang Undang-Undang yang lain serta Usul, jadi terpulang kepada Yang Berhormat sebenarnya untuk pihak Kerajaan nak jawab tapi timbang kepada keadaan tadilah.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih banyak-banyak, kalau gitu caranya fahamlah kaedah saya nak buat. Dato' Yang Dipertua Dewan, semalam Yang Berhormat rakan saya dari Kuala Berangpun berpantun, Ajilpun berpantun, kalau Telemong tak berpantun tak jadilah, kena berpantun jugak. Jadi saya mulakan dengan pantun, pantun ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua pantun yang dikirimkan oleh orang tua dari kawasan saya. Saya juga rasa terharu kerana dia juga mengikuti perkembangan kita yang berada dalam Dewan. Jadi semalam dia

suruh budak mesej ke saya, dia tak pandai: "Tolong baca jugak hari ini." Jadi saya bacalah:

Batu belah batu bertangkup
Sebelah hulunya Tasik Kenyir
Demi Allah kami tak takut
Selagi UMNO bersama kami .....(tepukan sokongan) ....

Satu, dua, tiga dan empat
Lima, enam, tujuh ke tepi
Bukan puji bukan umpat
Macam UMNO ni payah dah nak cari .....(tepukan sokongan) ....

Jika ada ketam batu
Lepas di air isinya lari
Jika Bajet 2012 kata begitu
Rakyat rasa sedap di hati .....(tepukan sokongan) ....

Ini sebenarnya pantun seorang tua ni, kalau saya khabor ke Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertuapun kenal. Jadi saya rasa sangat terharulah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam sesi penggulungan ini juga saya ingin menyentuh ada beberapa perkara yang tidak sempat saya nak jawab semalam iaitu berkaitan dengan apa yang dimaklumkan berkaitan dengan kerisauan dan juga kegusaran daripada Yang Berhormat Batu Burok, apa jadi dengan stadium, Yang Berhormat Surapun ada, apa jadi dengan Velodrom? Dia takut janji-janji kita ini janji saja. Saya nak menegaskan kepada Yang Berhormat Pembangkang khususnya Parti PAS bahawa apa yang dijanji oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam apa jua janji kita akan kota janji kita. Cuma tunggu masa dan juga sama ada jangka masa itu pendek ataupun jangka masa itu panjang, ini bergantung kepada kantung kita tetapi buat tetap kita akan buat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan stadium, insyaAllah akan dijawab oleh infrastruktur tetapi saya nak maklumkan bahawa kita telah mengambil langkah dan insyaAllah akan diselesai apabila semua perkara yang kita ambil perjalanan itu diselesaikan. Begitu juga dengan Veledrom Dungun dan sekarang inipun dalam proses tender dan juga perjalanan tapak telah berjalan dan

insyaAllah kerana peringkat permulaan kita ada masalah dengan design, reka bentuk yang dicadang kepada kita terlalu tinggi harganya. Jadi Kerajaan kata pitih ada *cemok* ni aje, dengan izin Dato' Yang Dipertua. Jadi kita suruh reka semula buat banyak ni aje, jangan buat lebih pada itu. Jadi sekarang ini mereka sedang dan ingin melihat reka bentuk mana yang sesuai dengan bajet yang diberi atau yang disalurkan dan mana tempat dalam dunia ini yang boleh guna pakai dengan bajet sebanyak itu. Itulah timbul masalah dia.

Yang kedua, berkaitan dengan masalah stadium dan memang Kerajaan sangat-sangat prihatin bila permainan bola kita dah meningkat maju, jadi sokongan daripada penyokong-penyokongpun sangat ramai sehinggakan pergi ke Bukit Jalilpun lebih kurang 50,000 – 60,000 pergi ke Bukit Jalil, itulah sokongan rakyat. Dan memang kita mengetahui sebab itu kita buat stadium besar, Stadium Gong Badak tetapi nak buat *guana* macam Menteri Besar katalah 'hujan di tengah jalan' kita tak boleh nak buat apa benda bumbung runtuh bukan kehendak kita. Inilah yang dicanang oleh Pembangkang ni 'runtuh situ, runtuh sini', itulah yang dicanang tapi bukan kehendak kita yang penting Kerajaan kita telah menepati kehendak rakyat, rakyat hendak stadium besar kita buat, soal runtuh soal benda apa itu cerita nombor dua. Dan insyaAllah, walaupun dah runtuh kita akan menggunapakai stadium lama kita, dengan keadaan itu ajelah, takkan kita nak buat stadium baru dalam masa terdekat ni atas tapak stadium lama itu tak jadi jugak. Jadi kita cuba baik pulih dengan setiap tahun Bajet berjuta-juta kita beri untuk baik pulih, baiki lampu, macam-macam lagi. Dan sebagaimana yang digembar-gembur dengan lampu hari ini tak cukup tak apa, Kerajaan Negeri bersedia untuk memikirkan dan supaya memberi keselesaan bukan sahaja kepada pemain malah kepada seluruh peminat-peminat bola termasuklah Yang Berhormat Pembangkang sendiri. Peminat bola kita fikir bagaimana nak buat yang terbaik untuk rakyat negeri Terengganu demi kecemerlangan sukan dalam negeri Terengganu ini. Kita tidak bercakap saja, kita akan laksana dan kita akan buat. Kita tidak sebagaimana Parti PAS, Parti PAS banyak dia berjanji kepada rakyat, macam-macam dia berjanji, janji nak buat itu, janji nak laksana tu, janji saja …. bercakap, bersyarah boleh yang penting nak buat tu susah, nak laksana itu susah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan Yang Berhormat Exco. Saya nak rujuk spesifiklah bila Yang Berhormat Exco menyebut tentang isu stadium berulang-ulang kita sebut bukan kerana dasar

kebencian ataupun mempolitikkan isu ini. Ini adalah asas kepada kepentingan negeri Terengganu Yang Berhormat dan laporan pihak jabatan ataupun Kementerian Kerja Raya kepada Parlimen jelas tentang apa sebenarnya yang berlaku kepada stadium kita. Jadi bukan untuk kita mempolitik perkara ini yang penting untuk kita mengembalikan maruah kita, negeri Terengganu dengan suatu dengan izin, *debacle* yang begitu memalukan kita, nilaiannya terlalu besar Yang Berhormat untuk kita ketepikan begitu sahaja, siapa yang bertanggungjawab, siapa yang perlu dipertanggungjawabkan tentang apa yang berlaku ini. Ini yang rakyat Terengganu sedang bertanya dan tertanya-tanya dan siapa yang akan menanggung kos *loss of income* dengan izin, bertahun-tahun kita tidak dapat menggunakan stadium itu?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Hak terperincinya biar Yang Berhormat Exco Infrastruktur yang jawab, dia jawab kekgi kerja dia. Tapi pada saya Yang Berhormat, kita dah laksana dan kita akan cuba laksana. Dalam buku Bajet ini kalau Yang Berhormat dengar dengan telitipun tahu dah, Menteri Besar dah sebut dah kelmarin; "Kerajaan akan memperuntukkan RM20.3 juta tahun hadapan bagi sektor sukan. Peruntukan ini adalah bagi meneruskan perlaksanaan projek sedia ada termasuklah Kompleks Sukan Negeri Terengganu." Itulah Kompleks Sukan Negeri Terengganu. Cuma perjalanan itu mengambil masa sedikit sebab nak *quote* kepada sesiapa terserah kepada Infra *kekgi* jawab. Saya nak maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang pentingnya kita dapat merasai dan juga kita dapat menyelami denyut nadi rakyat kita, rakyat kata sukan bola kena begini-begini kita buat, orang ada sepasukan kita ada dua, orang kata membazirpun kita buat jugak, bazir pitih Kerajaan RM2 juta, RM3 juta kita berbelanja kita buat jugak kerana kita memikirkan ini adalah minat rakyat negeri Terengganu. Soal rugi tu memang Kerajaan rugi sokmo mana ada untungnya macam saya khabor kelmarinlah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah saya khabor walaupun Yang Berhormat Batu Burok kata bukan soal kebencian, bukan soal politik, sebenarnya di mana-mana apa yang Pembangkang tak bercakap, kita dengar di mana-mana ceramah, inilah buah yang dibawanya, hal runtuh, runtuh, itulah yang cuba dibangkit-bangkitkan, api kemarahan rakyat yang cuba dibangkit-bangkitkan. Sebenarnya rakyat boleh berfikir hari ini, boleh fikir mana yang baik, mana yang buruk. Itulah saya kata kalau tidak keterlaluan semalampun rakan-rakan saya kata Parti PAS ni parti pembohonganlah, dalam Dewanpun dia berbohong, Dato' Rosolpun pernah dicop, Yang Berhormat Ajil minta maaf, tin parti, tin biskut, macam-macam betul

sebenarnya, betul saya khabor. Saya boleh bercakap sebab saya tengok semalampun, dia bercakap hal tanah di Tasik Kenyir, apa yang dia dakwa semalam, Yang Berhormat Manir takdok hari ini kalau dia ada sedap sikit dia dengar, saya dok ganggupun dia lening sebab saya hormat dia orang tua walaupun berbeza dari segi parti. Saya lagu tu saya tak boleh, saya hormat orang tua tapi hormat ada batas jugak. Dia duk khabor semalam Kerajaan telah meluluskan tanah kepada nama apa semalam? Tengku Hafiz Tengku Putera, Yusof, itulah antara nama yang disebut dalam Dewan. Sebenarnya cara dia tanya itu kita tahu dah, sindir aje sebenarnya, nak menjatuhkan aib orang, nak menjatuhkan martabat orang, kita tak sanggup buat begitu, saya tak pakai kopiahpun tapi saya tak boleh cakap lagu tu nak menjatuhkan aib orang di hadapan orang ramai sebenarnya. Yang saya bangkit kerana perkara itu memanglah saya sebagai Wakil Rakyat Kawasan, hak lulus tu Kerajaan, Kerajaanpun bukan saya seorang ramai lagi. Kita merancang untuk kawasan kita, Tasik Kenyir nak dibangun dan sebelum pada inipun kita telah merancang supaya wujudkan satu penempatan kerana kita jangka esok-esokpun kalau tidak zaman kita, zaman 1,000 tahunpun akan jadi membangun, kita merancanglah kalau saya tidak merancang lening anak-cucu saya nak makan apa esok-esok, nak duduk di mana? Kenyir kita beri kepada Perumahan Kastam, kita beri kepada Perumahan Kesihatan, kita beri kepada Perumahan KETENGAH, ada blok-blok belaka dah, itu perancangan kita tapi saya juga kena merancang untuk penempatan untuk orang kawasan saya. Jadi kita cadang dan permohonan ini bukan lening tapi tahun 2004 mula dah, menang aje BN *boop* kita rancang selalu dah sampai lening tak selesai lagi. Dan sebenarnya saya nak memaklumkan kepada Dewan yang mulia berkaitan dengan tanah tersebut takdok kaitanpun, permohonan boleh dibuat oleh Yang Berhormat Pembangkangpun boleh, anak Yang Berhormatpun boleh, Yang Berhormat-Yang Berhormat leningpun boleh, itulah kita ketelusan Kerajaan Barisan Nasional. Kita beri tapi kena memenuhi syarat dia, adalah syarat-syarat dia, tak usah bacalah dasar-dasar tanah tu, itu bukan *kerjaan* saya. Pohonlah siapa nak pohon, rakyat Terengganu layak belaka tapi lulus atas Kerajaan tapi bila ada pembangunan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersimbung di tempat itu maknanya atas tapak itu juga maka permohonan tersebut ditolak. Tidak adapun kena mengena lulus ke siapa dia, lulus ke *kroni-doni*. Ini lulus saja ke kroni, projek ke kroni, inilah hak orang PAS *duk* bawa. Diapun begitu jugak mula, projek perumahan, projek benda-benda apapun begitu jugak tak beri ke orang lain. Saya kalau orang mari minta bantuan macam Y.B. Lan kata semalam, mintak bantuan itu, mintak bantuan bantuan atap rumah, bukan kita *takmboh* tolong tapi masalah

dia itulah *duk* maki hamun ke kita dah nak tolong *guana, kang ….. kang ….. duk* baham ke kita. Saya pernah Yang Berhormat ….. takdok Yang Dipertua …..

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit, sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hai ….. Kita tengah sedap!

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): …..(Gelak) ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): ……(Masih ketawa dan tidak boleh berucap diikuti oleh Dewan) ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini baru kita dengar Jabi *ngilai slow ni.* Ada ke tak? Kalau tak ada kita mintak Telemong teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, apa yang disebut oleh Y.B. Telemong itu yang pernah saya sebut dalam Dewan ini memang maknanya banyak juga ke berlaku di Telemong? Itu aje.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang banyak. Sebenarnya saya nak khabor Yang Berhormat, kita ini Wakil Rakyat UMNO semua sekali sampai setakat tu aje Wakil Rakyat UMNO. Saya nak cerita, memang kita sangat, sangat, sangat prihatin kepada rakyat walaupun Pembangkang, walaupun apa, pernah berlaku saya ingat Yang Berhormat Rhu Rendang pernah berceramah dekat kampung saya, dia ingat ke *dok wallahu wa'alam*, dia *takdok* hari ini. Dia khabor dalam ceramah tu bahawa kita akan melaksanakan Hukum Hudud dan macam-macam. Saya ni memang minat dah politik daripada kecil lagi dah, sungguh. Pilihan Raya Bukit Payong tahun 86 ke 85, saya tinggal sekolah saya pergi tidur di markas, saya tak tahupun nak jadi Wakil Rakyat tapi jadi jugak ….. (Dewan gelak) …. Pilihan Raya di Kijal saya bersekolah di tingkatan 5, saya sanggup tinggal sekolah, saya pergi ke sana, itulah perangai saya dulu, saya minat, leningpun minatlah ni, itulah boleh jadi macam ni. Dato' Yang Dipertua, saya nak maklum serupa macam Y.B. Jabi kata,

kita tolong bukan tak tolong. Ada sebuah rumah hamba Allah yang bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar pergi ceramah di rumah dia, ini saya nak *khabor* dalam Dewan, ditakdir kerana Allah dia tak boleh berjalan, habis cerita dia lumpuh. Saya pergi ke rumah dia, kuat tak usah ceritalah, saya ke rumah dia lebih kurang 10 kali, saya tak tahulah Pembangkang pergi ke tidak, sama ada hak dalam Dewan ataupun hak tempat nun Allahuwa'alam. Saya kesian tengok, saya beri bantuan, bantuan bulananpun saya beri, dia tak boleh nak berjalan saya beri kerusi roda, jauh dengan bilik air, saya baiki lagi bilik dia sehinggakan orang kampung semua maki saya: "Apa ni orang kuat dia beri, orang kita tak beri." Ini adalah atas dasar perikemanusiaan, inilah jiwa-jiwa pemimpin-pemimpin UMNO bukan saya saja orang lain begitu jugak dia *takmboh* cakap tapi saya beritahu. Tapi *time* kita *test* Pilihan Raya Simulasi baham di PAS *dok starang,* tak apalah. ….(Dewan gelak) …. *takdok* hal, ini saya cerita terus terang, saya cerita yang betul, baham di PAS *dok starang,* tak apa. Anak dia yang bujang baru tahun lepas siap rumah sebutir. Menteri Besar pernah minit ke saya: "Y.B. Telemong sila tengok perkara ini." Saya ada lagi surat (minit) tu. Saya selesai dah perkara itu Dato' Seri, tak apalah, tunggulah. Inilah Dato' Seri perangai-perangai orang …….

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan, mintak izin, takut pergi jauh lagi. Terima kasih. Saya pohon penjelasan semalam tentang topi kaledar dan jaket, kalau boleh nak tahu kos topi kaledar dan jaket dan syarikat tu, saya mohon untuk diperjelaskan di Dewan ini.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. *Bakpe* takut saya nak buka habis *mo'oh.* Saya *dang* saya selak, saya tak peduli, selak habis seluar-seluar. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya boleh ibaratkan di sini …… Mintak maaflah dulu Yang Berhormat *karang* kita cerita sebab saya dah mintak notis semalam. Saya dah cerita setakat yang saya boleh cerita tetapi bab ni saya dah mintak notis semalam. Kalau saya boleh cakap Parti PAS ni kalau orang Telemong panggil Dato' Yang Dipertua dengan izin, 'parti kelicak'lah, sungguh saya khabor 'kelicak', banyak lagi dia duk kata ke kita macam-macam, kata nak jalankan Hudud tapi sampai bila dia memerintah dia tak boleh nak buat, tak buatpun, bila kita tanya macam Yang Berhormat Ajil katalah '0.001%', dia tak buat jugak. PAS Kelantan 20 tahun memerintah tapi sampai *time* nak pilihan raya inilah isu yang dia timbulkan. Saya

cabar pemimpin-pemimpin PAS kalau dia berani hari ini, saya maklum dalam Dewan ini .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya Yang Berhormat, dia beri.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Guana terbit Jertih ni *(Wakil Alur Limbat tersilap tekan butang mike Jertih),* belum apa-apa lagi kerusi hilang dah. .....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kena tekan butang di hadapan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Kerusi hilang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan, makna benda apa *'kelicak',* saya tak berapa faham maknanya kicap ke, *kelicak?*

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu saya mintak izin tadi, bahasa ni bahasa kita, orang lain payah faham Dato' Yang Dipertua aje faham ni. .....(Dewan gelak) ..... Payah faham*, 'kelicak'* ni *'keluk-kelik'lah*, tidak konsisten, tidak ada hala tuju .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul, betul.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hah .... Itu Dato' Yang Dipertua persah dah, betullah tu kalau tak betul minta maaflah, dia persah dah.

Dulu cakap hal Hudud sekarang ini timbul balik Hudud sebab itu saya kata kalau betul-betul anak jantan khabor dalam Dewan ni. Kalau Parti Alternatif boleh perintah Malaysia laksanakan Hudud dalam negara Malaysia ni, saya cabar sekarang juga. Khaborlah wajib PAS akan laksanakan hukum Hudud di Malaysia selepas ni kalau dia boleh memerintah Malaysia dalam masa yang terdekat ni, sila,

tak apalah kalau *takmboh* hari ini kemudian hari tapi saya takut tak berani, cakap saja.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, dulu melaungkan tidak boleh berkawan dengan MCA, ini ciri-ciri dia saya khabor ni ciri yang kedua. Tak boleh berkawan dengan Cina, dengan mana-manapun (bangsa lain) kalau berkawan jadi kafir, banyak dah baca ayat-ayat Quran,semalampun ada tapi sampai *time* kepentingan parti dia boleh berkawan, peluk pulak Y.B. Toh khabor tu, saya tak tahu, peluk-peluk ni saya tak tengok mana Dato' Yang Dipertua, ini realiti, rakyat melihat, orang-orang muda melihat benda-benda ini sebenar, ini orang muda melihat orang muda hari ini bukan macam dulu, hari ini orang melihat apa yang kita buat. Begitu jugak duk main cium-peluk, duk main cium-peluk …….

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Eh, banyak *teh!*

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak fokus kepada orang muda di atas pengalaman Yang Berhormat Wakil Telemong sebagai Exco Kerajaan yang memimpin pimpinan orang muda. Boleh tak diberitahu dalam Dewan yang mulia ini dari segi sokongan orang muda ini kepada UMNO dan orang PAS, berapa persen agaknya?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal orang muda ni memanglah anak-anak muda *lening* kita tak boleh nak marah ke dia sebab dia lahir zaman maju belaka dah, zaman hebat belaka dah, jadi dia tak boleh nak nilai hak lepas. Jadi pada saya kemenangan kita banyak bergantung kepada orang-orang muda ini sejak pada dulu, hari ini dan insyaAllah pada masa-masa akan datang. Persennya saya tak tahu berapa-berapa, kita perlu notis dan kita ada kajianpun tapi saya tak boleh nak beritahulah hak tu kerahsiaan kita, biarlah dia dengan Si Luncai dia.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dulu dah khabor macam-macam, begitu jugak dengan manifesto, saya tak hairan. Manifesto yang dikeluarkan separuh, lepas itu separuh lagi itu dia simpan itu dengan niat politiklah tu, yang separuh tu dia boleh berjanji kita tak berani nak berjanji sebab kita berjanji dengan apa yang

boleh kita buat kalau tak boleh buat kita tidak berjanji baik dengan masyarat Cina, masyarakat Indiapun kita tak berjanji, kita berjanji jika apa yang boleh kita buat kalau kita tak boleh buat kita khabor kita tak boleh buat. Dan kita tetap mempertahankan kesucian agama kita, bangsa kita, negara kita walaupun di hadapan mereka dengan tidak meminggirkan mereka dalam hak keistimewaan mereka sendiri. Kita beza, dia mana ada, cuba cakap di Penang lagu ni nak dengar, *kacau-lana ke dok?* Ini saya nak khabor benda yang macam-macam inilah yang menyebabkan kalau orang-orang muda saya tak hairan sebab dia melihat apa yang serba-serbi kita buat. Dan saya menyeru kepada Wakil-wakil Rakyat dekatlah kepada orang-orang muda ni, jangan bantai orang-orang muda. Ini orang muda main motor duk marah, kita alih ke main basikal, Menteri Besar kata kita wujud TSG supaya jadi ikon basikal di Terengganu ni. Bila wujud TSG ramai pelumba-pelumba kita bukan sahaja di peringkat negara, kalau main basikal di Malaysia takdok orang lain, orang Terengganu belaka, di peringkat antarabangsapun budak-budak Terengganu main basikal. Semalampun saya dah khabor, dua orang, hari ini lulus pulak 6 orang lagi budak Terengganu duk tunggu *fighter* sama-sama Terengganu nak pergi ke Olimpik ni. Dan ramai budak-budak Terengganu ni main basikal, Fixie ke, BMX ke, basikal tua ke, tak apalah setakat mampu dia beli basikal tua dia beli basikal tua. Inilah benda-benda yang Kerajaan Negeri buat belaka, inilah orang-orang muda yang akan menilai kita, tak usah bimbang. Jadi saya harap Yang Berhormat dekat-dekatlah dengan orang-orang muda ini, insyaAllah Yang Berhormat. Jangan risau dan jangan takut, insyaAllah dengan pengumuman yang Menteri Besar beri samalam RM30 juta untuk orang muda saja kita akan susun program-program orang muda, keperluan-keperluan orang muda Terengganu dengan terperinci, dengan baik dan menepati kehendak orang-orang muda pada hari ini, insyaAllah, itu jaminan kita. Dan kita tidak seleweng Yang Berhormat, hal topi kaledar, hal cerita itu *complimentary* yang kita beri kepada orang muda dengan izin. Itu yang dia cuba nak bangkitkan tu hal topi kaledar lagi, saya dah terang kelmarin dah banyak dah hal topi kaledar, ini hak Kerajaan beri, kita beri jugak topi kaledar walau hodoh-hodohpun, dia beri *natang apa?* Takdok, kutuk kita aje. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan orang dalam saja, orang luarpun hari ini menyanjung tinggi Malaysia, betul saya khabor, saya tak tahu kat lain, kita pernah sampai di Makkah orang lainpun sampai belaka mungkin, cuba pergi ke kedai-kedai Arab: "Malaysia?" "Ya, Malaysia". Kita *menatang tu* aje reti, tak reti cakap Arab, Malaysia tu kita faham. Dia kata: "Malaysia bagus", dia khabor. "Mahathir bagus", betul saya khabor tanya orang lain hak pergi ke Makkah. "Datuk Najib bagus", "Anwar Ibrahim", ini *(sambil*

menunjukkan ibu jari ke bawah) dia khabor. ….(Dewan gelak) …. Betul Dato' Yang Dipertua bukan saya reka, tidak. Dan hak inilah yang jadi rakan dia, betul saya khabor cuba pergi ke Makkah. Dia tak tahupun saya ni kuat UMNO, kuat *menatang* apa, bukan ada cop di dahi, takdok sikit haram, sayapun tak pernah khabor tapi itu menggambarkan kepada kita dunia iktiraf kita cuma PAS yang *takmboh* iktiraf kita yang jadi masalahnya selagi dia boleh bangkang dia *gomol guana* mana-manapun.

Dato' Yang Dipertua Dewan, panjang sikit ni. Panjang ini kerana dah dia kata yang akhir nak pilihan raya. Bagi kita orang UMNO *takdok* masalah walaupun dia perli kata kita takut, ramai rakan-rakan saya ramai cakap takut kerusi hilang, takdok. Pemimpin-pemimpin UMNO *takdok* lagu tu, kita tak takut. Takut apa? Ini perjuangan kita, demi agama, bangsa, negara kita tak peduli, ada rezeki kita adalah macam Menteri Besar khaborlah, tak ada rezeki nak kata lagu mana? *Takdok* hal, Yang Berhormat Ajil ke, Alur Limbat ke apa, *takdok* masalah tapi saya nak khabor kalau nak dibanding dengan puak-puak PAS, semalam kita tengok surat khabar umur 80 tahun nak bertanding lagi, dulu kata ke Dr. Mahathir, 'Kata dulang paku serpih', kata ke orang kita yang lebih sebenarnya. Hak ni masalahnya sebenarnya yang menjadi kekeliruan kepada orang muda, keliru orang muda melihat, *statement* hari ini begini, *statement* esok lain, macam mana orang-orang belajar nak melihat inilah parti yang …….

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan. Saya takut lari jauh sangat lagi ni. Saya mintak sikit aje semalam itu tentang harga topi kaledar dan syarikat yang dikurniakan itu, perlu notis lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya ingat Yang Berhormat tak bangkit dah, saya mintak notis kelmarin. Saya mintak pegawai buat marilah notis biar saya jawab lepas pada ni. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, dah penghujung ni biarlah dia ganggu, sebenarnya dia takut tapi tak apalah. Saya beginilah oleh kerana dah penutupnya ni Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kerana diberi ruang dan insyaAllah apa yang telah dibajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ini akan menjadi rakyat negeri Terengganu lebih sejahtera lepas pada ini, akan menjadi lebih baik selepas pada ini. Cuma saya nak bawa sebagai

penutup saya ini satu cerita Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Cerita nak penutup ni dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Dulu Dato' Rosol cerita bab lambang bulat ni, saya nak cerita bab bulan. Ini cerita bab bulan saja. Ada seorang kawan saya ni dia pergi ceramah, dia pergi apa-apa, saya kata bagus. Bab bulan ni kalau nak bercerita 3 hari 3 malampun tak habis, betul. Ada seorang peserta FELDA, orang FELDA ni biasalah dia dapat duit di penghujung bulan baru boleh. Lepas tu marilah orang Pakistan jual karpet ke rumah dia, dia ambil karpet nak bayar sekaligus tak boleh, dia bayar bulan-bulan. Kawan tu mari dia kata mari awal bulanlah, Pakistan ni dia tak tahu awal ke akhir dia mari jugak mintak hutang. Dia kata: "Mu tak reti bahasa, kan aku royat dah mari awal bulan." Orang Pakistan kata serabut sungguh, mari awal tak kena, mari akhirpun tak kena, serabut dengan bulan ni dia kata, main bulan …. bulan. Yang kedua, ada seorang kawan saya askar, askar biasalah 4 bulan, 5 bulan duduk dalam hutan, balik-balik rumah orang rumah dia kata: "Maaf bang, datang bulan." Allah… *menatang* bulan ni dia kata ….(Dewan gelak) …. bulan, bulan, dia cerita. Yang ketiga, Dato' Yang Dipertua, bila kita berjalan-jalan di bandar, adalah orang berjalan-jalan ke hulu, ke hilir, lepas itu bersiul-siul. *Menatang* apa pulak Mamat ni? Kalau Mamat, Mamatlah, kalau Dollah, Dollahlah …….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak cukup bulan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nanti dulu. …(Dewan gelak) …. Apa benda hal pulak ni, kelmarin molek-molek ada minum air di kedai, ni duk main siul rata-riti ni apa benda cerita. Orang kata sampai bulan. Jadi dia kata *menatang* bulan ni tak molek ni, tak boleh *tebeng main,* tuan-tuan. Jadi saya harap kepada pendengar dan juga orang di luar dan juga di dalam tak boleh pangkah bulan tuan-tuan, *rohok* kita. Jadi sekianlah sahaja, wallahuwa'alam. Saya menyokong Ucapan Bajet 2012. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat, bulan sebenarnya molek hak yang cerah malam-malam yang tak molek tu bulan lain. Terima kasih Telemong. Saya jemput seterusnya Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Pembangkang, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana walaupun Wakil daripada Telemong panjang penggulungannya, saya masih berkesempatan untuk sama-sama dalam sesi penggulungan pada pagi ini. Pertama-tama saya mengambil kesempatan ini untuk mengucap terima kasih kepada semua para Pemerhati, ketua-ketua jabatan yang mengikuti sidang Dewan kita sepanjang yang berlangsung daripada 3 hari yang lalu. Ini menunjukkan bahawa perjalanan dan pentadbiran negeri Terengganu mendapat perhatian daripada rakyat dan masyarakat negeri kita dan apa yang diperbahaskan di dalam Dewan yang mulia ini di dalam pengetahuan masyarakat dan rakyat negeri Terengganu.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana sekali lagi meluluskan Bajet Rakyat, Bajet yang banyak memberi menafaat kepada rakyat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Dan inilah sebenarnya tanggungjawab Kerajaan memastikan kehidupan rakyat sejahtera kerana apa sahaja yang Kerajaan nak buat dia mesti melihat kepada apa menafaat kepada rakyat kerana itulah dalam Usul Fiqh disebut Siasah Syariah *'Tasarafuliman manuutun bimasalihirra-iyyah'.* Tindakan pemimpin hendaklah bergantung kepada kepentingan rakyat walaupun perkara itu mungkin baik kepada orang tertentu tetapi jika impaknya tidak baik kepada rakyat kebanyakan ataupun keseluruhan, maka pemimpin hendaklah melihat kepada kepentingan rakyat, jangan dibuat kepada apa yang boleh memudaratkan rakyat yang ramai walaupun memberi menafaat kepada sebahagian kecil kepada rakyat.

Dato' Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua wakil-wakil sama ada daripada Kerajaan dan Pembangkang yang telah mengemukakan soalan-soalan ataupun mengambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan isu agama. Terima kasih kepada Wakil Rhu Rendang walaupun tak hadir pada pagi ini, Bukit Payong, Ladang, Jabi dan lain-lain lagi yang saya rasa tak perlulah saya sebut satu

persatu, Dewan telah menyaksikan perbahasan dan juga soalan-soalan yang telah dikemukakan. Apa yang jelas Dato' Yang Dipertua, agama masih lagi menjadi isu dan topik penting dalam perbincangan dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan bahawa rakyat kita mempunyai kesedaran beragama yang tinggi begitu juga ia menunjukkan bahawa isu agama ini jika ditangani dengan baik akan berjaya mengambil hati dan menarik perhatian rakyat untuk menyokong Kerajaan yang tersebut maka kerana itulah isu agama ini sangat diambil berat oleh Pembangkang khususnya dalam isu-isu yang dilihat sensitif dalam perkara-perkara yang dilihat Kerajaan masih belum melaksanakannya. Jadi dikemukakan perkara-perkara ini dengan harapan supaya rakyat melihat Kerajaan tidak melakukannya dan mereka berjanji akan melakukannya, melaksanakannya apabila mereka mendapat kekuasaan atau menang dalam pilihan raya.

Dato' Yang Dipertua, kita sebenarnya memikul tanggungjawab, sebagai pemimpin kita ada tanggungjawab dan tanggungjawab ini adalah sesuatu yang besar bukan penghabisan atau segala kehidupan kita di dalam Dewan dan dunia ini. Kita akan dipersoalkan dan pemimpin akan menjawabnya seperti orang biasa, pemimpin yang baik akan dulu-dulu lagi masuk Syurga berbanding dengan orang-orang biasa kerana jasanya banyak kepada masyarakat. Begitu juga jika pemimpin yang berdusta, menipu dan sebagainya, ada disebut dalam sesetengah hadis akan masuk Neraka dulu pada orang-orang lain kerana ramai orang ditipu. Maka kerana itulah Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyeru kepada Dewan yang mulia ini, marilah kita perjuangkan agama kita dengan seikhlasnya, marilah kita mempertahankan agama kita dengan sejujurnya jangan kita jadikan agama sebagai alat untuk kepentingan peribadi atau parti. Jangan kita jadikan agama sebagai umpan untuk menarik sokongan orang kepada kita atau parti kita kerana itulah apabila kita nak menegur Kerajaan ataupun nak menjanjikan sesuatu teguran itu seharusnya dengan ikhlas dan janji itu hendaklah sesuatu yang kita mampu. Seperti yang disebut oleh Wakil Telemong, kita berjanji dengan apa yang kita boleh buat, jangan kita berjanji apa yang rakyat hendak dan kita belum pasti kita boleh buat atau tidak. Kita janji kita nak buat Hudud dalam tempoh-tempoh tertentu bahkan dengan nada yang bangga 'belum ayam berkokok kita nak buat' sedangkan selepas 2 tahun memerintah deraf Hudud baru nak disiapkan. Ini adalah suatu pembohongan, pembohongan bukan semata-mata apabila kita cakap sesuatu yang besar, bercakap sesuatu yang tak kena pada hakikatnya, bohong. Kalau dua, saya kata tiga, itu bohong. Kalau tiga, saya kata ada empat, itu bohong. Kalau nak buat lepas ayam berkokok, ayam berkokok tak buat lagi, itu

bohonglah Dato' Yang Dipertua. Maka kerana itulah orang yang berbohong tidak seharusnya dipilih kerana ini adalah orang-orang yang disebut dalam hadis, orang yang mempunyai sifat-sifat munafik bukan orang munafik Dato' Yang Dipertua tapi orang yang ada tanda-tanda munafik, *ayatulmunafiqin thalath,* dalam hadis ada sebut empat tapi yang pertamanya *izahadatha kaziba,* bila bercakap, bohong. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, kita harus jujur, Pembangkang dulu janji nak buat Hudud sebelum ayam berkokok, ini akhir-akhir ini dalam manifesto baru mereka nak kecualikan pulak Cukai Pintu. Dulu mereka dah kecualikan Cukai Pintu mereka kata tapi kalau orang bayar dia ambil, kalau tiap-tiap tahun resitnya keluar. Kita sedia maklum Cukai Pintu ini bukan di bawah kuasa negeri, ini di bawah Akta jadi sebab itulah kalau nak kecuali kita kena ingat bidang kuasa siapa. Dalam masa yang sama juga yang peliknya Dato' Yang Dipertua, Pembangkang bercakap tentang kutipan hasil negeri yang sedikit, macam mana Kerajaan nak memperbanyakkan hasil, Kerajaan tak fikir nak menambahkan hasil, duk bergantung kepada hasil minyak dan sebagainya. Cuma kita bayangkan jika Pembangkang jadi Kerajaan *dok* kutip pulak Cukai Pintu, barangkali hak RM10 juta, RM20 juta itu *takdok* langsung, *kohor* sedikit. Jadi inilah Dato' Yang Dipertua, ini percakapan yang tidak betul, percakapan yang tidak jujur. Maka kerana itulah Dato' Yang Dipertua, kita harus jujur, jangan ada sindir menyindir, jangan ada tuduh menuduh. Saya pelik Dato' Yang Dipertua, orang yang bercakap tentang agama orang inilah juga kadang-kadang yang langgar agama, cakap kepada orang kita kena buat Islam, kena laksana Islam tapi percakapan sendiri tak laksana Islam, telah melanggar Islam. Semalam Wakil Sura awal-awal lagi dah sindir Yang Amat Berhormat Menteri Besar hanya kerana tak baca nas Al-Quran, baca terjemahan sahaja. Saya tahu Wakil Sura baca Quran sedap, suara dia macam suara Presiden Parti dia, ucapan diapun macam suara Presiden Parti dia, suara, nada dan sebagainya. Tapi apa salahnya kalau orang itu mengambil *mafhum* daripada Al-Quran untuk memberitahu bahawa apa yang dia buat ini ataupun apa yang dilaksanakan ini berteraskan daripada ayat tersebut. Apakah wajib kena baca, lepas itu duk tanya pulak Exco Agama tak nasihat. Bangganya dia Dato' Yang Dipertua, sambil menyindir kita. Ini sesuatu yang dilarang dalam agama dan ini juga dilarang oleh Al-Quran. Sama juga Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam ketika Wakil Jabi bicara tentang dua Imam, kafir mengkafir, ketika Wakil Jabi berbicara tentang kahwin dua kali kerana beranggapan kahwin pertama dengan Imam daripada penyokong Kerajaan tidak sah, dia pergi sindir Wakil Hulu Besut, kahwin dua kali juga tu dia kata. Hak ni dia kahwin dua kali dua orang isteri, hak ni kahwin ulang. Jadi ada dua perkara yang berbeza hanya

semata-mata nak menyindir. Jadi Dato' Yang Dipertua, ini adalah di antara perkara-perkara yang tidak baik walaupun .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya ....(Dewan gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya ulang saja, saya tak kata dah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya nak tanya adakah dalam Dewan ini ada jugak yang kahwin dua kali orang lain?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya mintak notislah hak ni. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Barisan Nasional bukan Kerajaan yang sempurna, Kerajaan Barisan Nasional bukanlah 100% betul belaka, Kerajaan Barisan Nasional/UMNO bukanlah Kerajaan yang dah menunaikan segala-gala tanggungjawab. Sebagai manusia kita ada kelemahan dan kita percaya bahawa ada lagi kewajipan-kewajipan yang belum kita laksanakan sepenuhnya. Saya selalu ulang dalam ceramah-ceramah saya, saya selalu sebut ada banyak lagi tanggungjawab Kerajaan yang kita belum laksanakan. Sebagai Wakil Rakyatpun mungkin ada lagi yang tidak saya laksanakan sepenuhnya, mungkin ada lagi rumah-rumah yang tidak pernah saya sampai, ada lagi kawasan-kawasan bumi yang tidak pernah saya pijak dalam kawasan DUN saya. Tetapi saya telah berusaha, Kerajaan telah berusaha untuk membuat yang terbaik. Maka kerana itulah Dato' Yang Dipertua, dalam Islam kalau orang berbuat baik kita kena sokong, kalau tak nak sokongpun diam sudahlah, kalau salah silalah tegur, itupun dalam Islam kalau ditegur, tegurlah dengan berhikmah jangan kita buat sesuatu yang mengelirukan. Dato' Yang Dipertua, yang menjadi masalah dia menimbulkan kekeliruan, rakyat kita jadi pelik bila tengok banyak yang dibuat oleh Kerajaan ini dipersalahkan. Dulu waktu Kerajaan nak buat Putrajaya, Pembangkang bangkang, hari ini Pembangkang berebut-rebut nakkan Putrajaya. Dulu kita buat Taman Tamadun Islam mereka marah, hari ini Taman Tamadun Islam telah menjadi satu tempat pelancongan. Hari ini dia duk marah pulak bakpe tak perbanyakkan lagi tempat pelancongan supaya lebih ramai pelancong datang ke Terengganu. Banyak lagi contoh-contoh yang kalau saya nak sebut satu persatu yang Kerajaan telah buat, Pembangkang di peringkat awal bukan kata nak sokong tetapi memberi gambaran yang buruk tanpa berbincang, macam tadilah Yang Berhormat Dato'

Yang Dipertua duduk komen tentang Bandar Baru Kijal dan sebagainya, kalau dia tanya senang kita jawab. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan sebenarnya bukan tidak prihatin agama, Kerajaan sebenarnya memang ambil berat tentang agama sebab itulah daripada dulu hingga hari ini ramai pelajar yang dihantar oleh Kerajaan sama ada Yayasan Terengganu, daripada Majlis Agama, daripada Kementerian Pelajaran, MARA dan sebagainya dalam bidang-bidang agama kerana Kerajaan tak takut walaupun orang kata semakin ramai pelajar-pelajar agama akan ramai yang menentang Kerajaan, Kerajaan tak takut kerana Kerajaan/kita yakin bahawa semakin orang faham agama mereka akan faham apa yang Kerajaan buat. Jika mereka benar-benar faham agama, jika mereka benar-benar belajar agama, masalahnya sekarang ini Dato' Yang Dipertua, hak duduk ceramah agama, hak duduk bersyarah agama, khabor balik Mesir bukan belajar di Mesir habis, kadang-kadang duduk naik motosikal di Mesir dulu kata belajar di Mesir, orang ingat belajar di Azhar, rupanya belajar di universiti lain, 'Aim-Syam ada dan juga kolej-kolej swasta yang lain ini yang jadi begitu. Sebab itulah yang benar-benar belajar agama mereka tahu apa yang Kerajaan kita buat, yang benar-benar belajar agama dia tahu hak mana salah, hak mana betul. Sebab itulah jarang kita tengok orang-orang yang berpengetahuan komen Kerajaan .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana baru dapat kerusi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi Yang Berhormat tertukar kerusi tadi. ...(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): *Takdok* terus kerusi tadi. Satu sahaja saya nak menuntut kefahaman. Kata ada di antara pemimpin parti Pembangkang yang katakan belajar di Mesir tapi naik motosikal, saya nak tanya lulus ke tak lulus dia belajar? Lulus ke *pass?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya tak suka macam cara Pembangkang yang sebut nama dengan niat nak menjatuhkan seseorang. Saya tahu dan saya percaya bahawa ramai di kalangan kita dan masyarakat tahu ada di kalangan pemimpin-pemimpin dalam negeri kita, dalam negara kita ini duduk di Mesir memang lama tapi sebenar belajar tak habis. Zaman dulu kita boleh bohong masyarakat, zaman dulu kalau duduk

di negeri Arab 10 tahun, 15 tahun orang kata: "Ini alim ni dia belajar lama". Tapi hari ini orang tahu Dato' Yang Dipertua, duduk Mesir 10 – 15 tahun, ini hak orang *dok* cerdik hak *dok* lulus *sokmo* sebab tu 15 tahun *dok* balik-balik lagi, jadi sekarang kita tidak boleh membohongi masyarakat lagi. Dato' Yang Dipertua, usaha Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Batu Rakit. Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa kebanyakan pelajar-pelajar luar negara yang gagal kerana ada gangguan-gangguan daripada parti-parti Pembangkang yang sering ke sana untuk menghasut dan menggalakkan dakyah mereka? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, mungkin sebahagiannya adalah betul kerana apabila mereka banyak berpolitik mereka tak belajar, bila mereka banyak berpolitik mereka kurang mengulangkaji pelajaran, membaca buku-buku, tak hadir kelas dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit aje. Saya mula-mulanya *takmboh* ganggu tapi dia sindir ke orang, dia perli ke orang Dato' Yang Dipertua, dia kata ke kita macam-macam. Tadi hal pelajar-pelajar di luar negara ni, saya nak tanya Yang Berhormat Exco, berapa buah negara yang ada Kelab UMNO, berapa buah negara yang ada Kelab PAS?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan macam ni kena notis ni nak bilang dulu, minta maaflah. Dato' Yang Dipertua, saya sambung lagi. Kerajaan sebenarnya bukan tak ambil berat tentang agama dari segi pelaksanaan undang-undang agama, undang-undang Islam dalam negara kita dah banyak buat perubahan, kalau zaman dulu kita takdok Bank Islam, Kerajaan kita perkenalkan Bank Islam, kalau zaman dulu kita takdok Insuran Islam kini ada Takaful, kalau dulu takdok Pajak Gadai Islam hari ini ada Ar-Rahnu, siapa yang buat? Kerajaan kita yang buat. Tetapi sudah tentulah nak buat perkara-perkara macam ini perlu ada kepakaran, perlu ada orang-orang yang tahu, perlu ada kemahiran sebab itulah perkara-perkara yang macam ini ambil masa, bila ada ramai orang-orang yang belajar agama, bila kita ada ramai orang yang tahu agama, tahu sistem perbankan kita boleh buat Bank Islam. Bila ada ramai orang yang tahu tentang kewangan Islam, pajak gadai dan sebagainya, tahu pulak sistem

Ar-Rahnu dalam Islam kita boleh buat. Sebab itulah nak buat Hudud inipun kita perlu masa bukan boleh buat hari ini esok terus jadi selalu, hari ini buat esok belum ayam berkokok ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, sikit aje, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diberi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih banyak. Saya nak mintak komenlah Yang Berhormat Exco dua-tiga hari ini duk bercakap hal Hudud, semalam saya sebut apa yang disebut oleh Wakil Bandar kerana memang saya ucap terima kasihlah sekurang-kurangnya Kerajaan bersedia walaupun dikatakan tidak boleh beri tempoh masa bila-bila nak buat tapi bersedia untuk melaksanakan undang-undang yang telah ada di Terengganu. Tetapi apa yang disebut itu saya tengok dan yang saya perhatikan, pertama bertepatan dengan pandangan Timbalan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, katanya makan masa sebagaimana yang dijawab itulah. Tapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara tegas katakan tidak akan melaksanakan Hudud, dia akan tentang. Perdana Menteri sekarang dengan Perdana Menteri hak dulu tu, Tun Mahathir sama. Jadi percanggahan itu berlaku dan Kerajaan sendiri wakil MCA dia ikut parti dia secara tegas menyatakan dan dia buat kenyataan, pagi tadi dia mengaku ke saya dia kata betul saya tak setuju, dia mengaku pagi tadi di luar ……

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia kata *pelawok,* dia ada di sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Eh! Jangan buat begitu, kenyataan bertulis dalam surat khabar Sin Chew Jit Poh ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Batu Rakit bagi lagi?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya nak sambunglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya mintak penjelasan ini supaya biar ikhlas. Kita bercakap ni bukan nak bertegak mana menang. Pasal berhubung dengan ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kata pendek tadi.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dah faham maksud dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, dia dah faham.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya nak tahu bahawa masa sekarang memang tidak boleh nak laksanakan lagi tetapi perlu ada persiapan-persiapan. Sebab itulah saya kata nak buat Bank Islam inipun bukan lepas 5 tahun merdeka, bukan lepas 10 tahun merdeka sebab itu mengambil masa, kita perlu banyak lagi persiapan-persiapan, persediaan-persediaan, ini akan saya sebut kemudian nanti. Kemudian Dato' Yang Dipertua, saya tengok Pembangkang dia suka menyalahkan Wakil-wakil Kerajaan, dalam perbahasan Wakil Jabi semalam, Wakil Bukit Payong ada sentuh/mencelah apabila disebut tentang 'Seksualiti Merdeka', saya sedih Wakil Bukit Payong dia sebut, dia kata, dia tanya kepada Wakil Tepoh ke, Wakil Jabi, saya tak berapa ingat, dia kaitkan dengan anak mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir sebagai orang pertama Program Seksualiti Merdeka ini. Dato' Yang Dipertua, dalam Quran jelas (membaca petikan ayat Al-Quran yang bermaksud): "Seseorang itu tidak tanggung dosa orang lain." Anak Tun Mahathir ini seorang yang dah dewasa, apa yang dia buat dosa dia tidak ditanggung oleh Tun Mahathir dah. Kalau kita nak salahkan Tun Mahathir kerana anak dia nanti akan ada orang yang akan salahkan Nabi Nuh kerana anak dia tak beriman, jadi ini tidak boleh sepatutnya dikias-kiaskan, saya rasa kita kena jujur. Tun Mahathir dalam blognya jelas dia tak setuju dengan 'Seksualiti Merdeka' dan dia menolak, bakpe kita pergi kait dengan anak dia, ini cara yang tidak betul.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak jelas apa lagi? Saya tak faham.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, diberi Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya kaitkan itu kerana Yang Berhormat Tepoh mengaitkan Ambiga dengan PAS sedangkan 'Seksualiti' yang dianjurkan itu yang paling hebat membantahnya ialah PAS dan Dewan Pemuda PAS, kenapa ini ditutup, itu persoalannya. Oleh sebab itu saya rasa sedih dalam waktu ulasan Yang Berhormat Batu Rakit sepatutnya mereka menilai dan dia melihat keseluruhan bahkan PASlah yang mengajak seluruh rakyat agar bersama-sama mengadakan tunjuk perasaan bagi membantah 'Seksualiti Merdeka' ini.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kitapun tolak itu yang saya sebut. Yang kita sebut Ambiga kerana Ambiga takdok satupun ucapan dia yang pro kepada agama kita, ini berbeza dengan MCA, berbeza dengan parti-parti komponen kita. Sebab itulah apabila bercakap tentang perkongsian kuasa dalam politik ataupun kerjasama dalam politik, Wakil Pembangkang sedap dia cerita hak dia, dia kata *tahaluf,* hak MCA dia kata *wala'.* Saya faham Bahasa Arab Dato' Yang Dipertua tapi orang kampung dengar dia ingat betul dah hak tu sebab dia tak tahu isitilah-istilah ni. *Wala'* ni maknanya ketuanan, *tahaluf* ni kerjasama, kita sebut sokmo dah ini kerjasama politik antara UMNO dengan MCA/MIC. Sebab itulah dalam kerjasama kita, kita tidaklah menggadai prinsip, kita hadkan lesen arak, kita hadkan lesen-lesen pusat judi bahkan waktu kita dituntut supaya keluarkan lesen bola sepak Piala Dunia dulu kita tolak tapi tengok di Selangor dalam katanya ini kerjasama yang berbentuk *tahaluf,* lesen arak makin banyak di Selangor sampai Hassan Ali pening kepala. Dulu zaman kita memerintah dengan MCA di Selangor dulu tak sebanyak ni, siapa jadi tuan sekarang dalam perkongsian kuasa di negeri Selangor PAS ataupun DAP atau PKR? Kalau PAS yang ada kuasa sepatutnya lesen arak makin kurang di Selangor sebab itu saya kata istilah-istilah ini digunakan dengan cara yang tidak betul, guna istilah Arab lepas tu habis di situ, hak dia molek hak kita hodoh, orang kampung tak faham apa benda *wala',* apa benda *tahaluf,* ini cara dia Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, janganlah kita kaitkan salah orang dengan keluarga dia ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Terima kasih. Kalaulah katakan PAS ini diberi kuasa adakah *wala'* ini akan terletak hak ke atas orang-orang Islam?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, itulah yang saya bimbang. Kalaulah di Selangor sudah nampak jelas walaupun mereka kata mereka dalam *tahaluf siasi* tapi kuasa mereka hilang, yang memegang kuasa banyak kepada orang yang bukan Islam, kepada PKR dan DAP. Kita bimbang takut dalam negara kita nanti lebih banyak lagi kita kehilangan hak-hak yang menjadi keistimewaan orang Islam ataupun kelebihan-kelebihan kepada orang Islam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua. Terima kasih. Boleh tak kalau saya katakan bahawa orang yang bercakap tentang *wala'* dan *tahaluf* itu sendiri tak faham maksud perkataan tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak kata dia tak faham dulu dia kata saya *'dok pok'* suruh saya pergi belajar lagi, nak kata dia tak fahampun dia belajar Bahasa Arab macam kita jugak. Sebab itulah saya kata kita kena jujur jangan peralatkan agama, kita guna agama sebagai panduan, hak mana betul kita kena tunjuk betul, hak mana salah kita tunjuk salah. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, kita kena jujur janganlah kita kaitkan orang yang tidak kena mengena dengan kesalahan orang lain. Ambiga lain, hubungan Ambiga dengan PAS bukan hubungan macam Tun Mahathir dengan anak dia, sebab itu saya kata itu lain sebab anak tetap anak walaupun dia buat salah, anak Nabi Nuh tetap anak Nabi Nuh cuma dari segi akidah Tuhan kata itu bukan keluargamu sebab dia dah keluar daripada agama tetapi dari segi darah keturunan sama sebab itu bapa saudara Nabi tidak masuk Islam tapi dia tetap bapa saudara Nabi, ini kena tangkap khalwat dah tak mengaku pak saudara, tak mengaku anak, apa benda gini.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kawan-kawan saya nak dengar dia Dato'.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak mintak penjelasan dua perkara. Yang pertama, tentang bukan nama anak Tun Mahathir tetapi kenapa di masa anak Tun Mahathir merasmikan 'Seksualiti Merdeka' itu tidak dilakukan tindakan yang hebat sebagaimana yang ada hari ini, kenapa diwaktu itu seluruh pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Yang Berhormat Batu Rakit senyap dalam waktu perasmian yang diadakan 2 tahun yang lepas, itu yang pertama. Yang kedua, kemungkinan Yang Berhormat Batu Rakit tidak membaca apa yang ditulis oleh seorang Ulama yang bernama Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili, Khatib dan Imam Masjidil Haram yang jugak berasal daripada Kedah yang ditulis dalam kitabnya tentang *tahaluf dan wala'* ini dalam satu persoalan bila orang tanya kepada dia apabila orang hadir dalam majlisnya bagaimana hukum di masa itu, di masa Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri hubungan pakatan yang diadakan ataupun hubungan antara parti-parti Barisan Nasional yang diadakan? Saya harap atau saya mintak penjelasan adakah buku ini ataupun persoalan ini dibaca ataupun memang seluruh Jawatankuasa Mufti menolak pandangan dan fatwa yang disebarkan dalam buku yang ditulis oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang pasal khalwat tu dia ada tak Yang Berhormat? Takut nak jelas yang tu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya memang tak baca buku itu tapi yang jelasnya bila kita sebut kerjasama dia akan memberi menafaat kepada dua-dua pihak, macam dalam kerjasama Barisan Nasional yang memberi menafaat kepada dua-dua pihak yang tidak akan menjejaskan kepentingan agama kita. Tetapi apa yang jelas yang disebut *tahaluf siasi* oleh pihak Pembangkang nampaknya agama kita semakin terjejas. Kalau dulu arak tak boleh dijual begitu berleluasa, hari ini di Selangor makin berleluasa. Jadi nampaknya orang Islam kerugian. Banyak lagi perkara-perkara lain rumah urut dan sebagainya disebut dengan jelas. Jadi nampaknya orang Islam kerugian, Islam tidak mendapat tempat di Selangor hari ini seperti masa kita berkerjasama dengan MCA, MIC dulu sebab itulah *tahaluf siasi* antara PAS dengan Pakatan berbanding dengan kita nampaknya dalam PAS/Pakatan ini banyak merugikan orang Islam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tapi tukar nama aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit, saya nak mintak penjelasan sikit. Ini semakin mengelirukan orang ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya rasa orang tak keliru.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak keliru ni. Beri contoh arak, beri contoh judi ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi tak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya rasa perlu penjelasan ni pasal kita ada pengalaman di Terengganu ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Banyak dah saya bagi ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan takut bukan kita …….

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya tak takut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau tak takut kita betul ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Betul apa lagi. Dulu Wakil PAS yang mengatakan Kerajaan ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mengelirukan ni, mengelirukan …….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ….. pernah kata bahawa Kerajaan Barisan Nasional kafir kerana menghalalkan arak …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tolong duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini yang payahnya Yang Dipertua, kalau kita nak mintak penjelasan secara baik dia *takmboh* bagi, lepas itu dia duk tuduh sebelah pihak macam ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Duduklah dulu, selepas saya selesai mungkin saya bagi semula, boleh bercakap di Parlimen, boleh bercakap di DUN tak puas-puas lagi Dato' Yang Dipertua. Duduklah!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Duduk dulu. Sabar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini tak bertanggungjawablah macam ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih, terima kasih, terima kasih Wakil Wakaf Mempelam. Saya nak khabor bahawa dulu Kerajaan Barisan Nasional dituduh kafir kerana kononnya menghalalkan arak kerana mengeluarkan lesen arak untuk orang Cina rupa-rupanya apabila mereka memerintah lebih banyak lesen arak dia kata tak apa pulak untuk orang bukan Islam, jadi tak habis-habis. Sebab itulah isu Hudud ini sama Dato' Yang Dipertua, banyak ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, ini semua fakta mengelirukan. Saya nak betul ……

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ….. Pembangkang Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya nak bincang benda tuduhan ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu. Yang Berhormat kena mintak, ini *platform* Batu Rakit. Yang Berhormat telah diberi peluang untuk bahas.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tahu peraturan, ini *platform* Batu Rakit tapi bila …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ialah teruskanlah Batu Rakit sebab Yang Berhormat sayapun faham bagi Yang Berhormat kalau belah Kerajaan memang mengelirukan *sokmo*. Saya ingat biarlah bagi Kerajaan jelaskan dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Biarlah berlaku adil kalau bagi satu fakta ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba duduk Yang Berhormat, jangan duk marah begitu Yang Berhormat, Yang Berhormat Pesuruhjaya PAS Negeri kena hormatlah kedudukan kita tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): …..(ucapan tidak jelas/mikrofon off) …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ialah sayapun kata begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): …..(ucapan tidak jelas/mikrofon off) …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah sebab Yang Berhormat tidak pernah mengiktiraf penjelasan dari sebelah sana. Sila, sila Yang Berhormat Batu Rakit teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Beratlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Wakil Wakaf Mempelam ini juga Dato' Yang Dipertua, dia bangkit tentang pemecatan Imam-Bilal, Juru Nikah. Memang ada yang kita pecat Imam-Bilal dan juga Juru Nikah tetapi pemecatan ini atas dasar kesilapan-kesilapan ataupun kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Walau bagaimanapun, oleh kerana telah dijawab dulu prosedur pemecatan ini bercanggah, tidak kena maka mereka telah membuat aduan bawa kes ke mahkamah dan mereka menang, tak apalah Kerajaan bayarlah tapi nak beritahu sebab pemecatan itu ada tetapi cara pemecatan itu tidak betul. Walau bagaimanapun, apabila berlaku begini ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita adil walaupun kita pecat dia kerana kesalahan yang memang dia buat, jadi Tok Imam hari giliran dia baca Khutbah dia pergi, hari lain dia tak pernah pergi. Dia dipecat selepas kita bagi nasihat cuma cara pemecatan tidak betul. Bila mereka bawa ke mahkamah, mahkamah menjatuhkan bahawa mereka menang, kita bayar ganti rugi, ini menunjukkan bahawa kita adil, kita tidak *control* mahkamah, perbetul pulak supaya mereka ini tidak kena dan sebagainya. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, banyak perkara-perkara yang saya nak sebut bahawa Pembangkang kadang-kadang mereka ambil sepintas lalu dan mereka tuduh bahawa kita pecat tak betul, kita pecat salah sehingga kita kena bayar balik. Hak kita pecat itu betul tapi cara pemecatan itu tak betul, dah nak buat guana dah salah tu salahlah, mangakulah. Seterusnya, Dato' Yang Dipertua, isu Hudud dua hari yang lepas Dewan ini telah sekali lagi bising selepas lama dah sudah tidak bercakap tentang bercakap pasal Hudud. Saya nak beritahu bahawa isu Hudud ini sebenarnya banyak dipolitikkan oleh Pembangkang. Pembangkang sebenarnya tidak pernah *istiqamah* ataupun konsisten seperti disebut oleh Wakil Telemong tadi dalam hal Hudud ini. Dulu dia kafirkan orang yang tidak sokong mereka (Parti

Kerajaan) kerana kita kononnya tidak melaksanakan hukum Hudud. Semalam Wakil daripada Bukit Payong baca semula *'waman lam yahkum bima anzalallah faulaika humul kaafirun'* , "Hah! Ni nak letak mana ayat ni?" Dengan bangga macam dia seorang saja baca Quran. Kitapun tahu ada tafsiran Ulama yang berbagai dalam isu ini bukan tak buat Hudud kafir selalu macam tinggal sembahyanglah, kalau tinggal sembahyang tidak jadi kafir selalu kecuali sesiapa yang tinggal dan mengingkari sembahyang. Memang ada Hadis Nabi (yang bermaksud): "Sesiapa yang meninggalkan sembahyang terang-terang, kafir terang-terang." Memang ada Hadis tu tapi Ulama tafsir kalau dia tinggalkan sembahyang kerana dia malas, kalau dia tinggalkan sembahyang kerana orang panggil *lere* dia, dia tak kata sembahyang ini tak wajib, dia tak ingkar sembahyang, itu dosa besar, tak kafir lagi. Sebab itulah isu ini telah dipolitikkan. Dulu kata kafir orang tak sokong Hudud, lepas tu bila menang dia kata Hudud hanya 0.0001% menggambarkan bahawa Hudud ini perkara kecil pulak. Apabila dekat nak pilihan raya 2008 mereka bangkitkan pulak Hudud ini penting, Hudud ini mesti dilaksanakan, Hudud ini hukum Allah, wajib macam wajib sembahyang. Saya dah terangkan dua hari yang lepas wajib sembahyang ini lain, wajib hukum Hudud ini lain. Wajib sembahyang dia rukun dari rukun-rukun Islam. Hudud ini salah satu perkara-perkara lain yang wajib. Wakil Pembangkangpun sebut ini dengan perintah *jama', faqta'u, fajlidu,* maknanya ini bukan seorang ini hak Kerajaan, ramai-ramai, jadi tak macam sembahyang, sembahyang kewajipan fardhu ain setiap seorang, beza tapi nak mengelirukan *"Sembahyang inipun hukum Allah S.W.T. jugak, jadi hukum Hudud hukum Allah Taala jadi wajib serupa sembahyang, siapa tak buat Hudud serupa tak sembahyang" (mengajuk percakapan seseorang dalam loghat Kelantan).* Jadi senanglah cakap begini Dato' Yang Dipertua, keliru, hak tu keliru sebenarnya Dato' Yang Dipertua. Jadi sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya nak cerita ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, pohon laluan. Terima kasih. Sejauh mana realiti kesedaran masyarakat kita untuk laksana Hudud kerana di kalangan pejuang Hudud sendiri pernah tidak mengaku waris, tadi ada Yang Berhormat Batu Rakit sebut tadi, tidak mengaku waris baru dalam perkara yang bersabit dengan Takzir iaitu dalam kes khalwat ataupun Hudud ini hanyalah satu alat atau senjata untuk memancing undi sewaktu pilihan raya ataupun Hudud ini hanya terlaksana untuk orang lain bukan ke atas diri sendiri atau anak beranak?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dan yang ketiga saya nak tanya satu lagi saya tak berapa faham, itu suara siapa yang diajuk oleh Yang Berhormat Batu Rakit tadi.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Minta maaflah Dato' Yang Dipertua, saya tiru suara asal dia tapi mungkin tak betul jugak, saya tak pandai macam Wakil Sura tiru Presiden dia tu.

Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya selalu sebut perjalanan kita untuk pelaksanaan hukum Hudud dalam negara kita ini masih jauh. Kadang-kadang orang yang bercakap tentang Hududpun tak faham. Dia duk baca ayat *'tilqahududullah',* itulah Hudud Allah bukan Hudud PAS, Tuhan sebut dah Hudud Allah. Itu bukan hukum Hudud sebenarnya *'tilqahududullah'* dalam Quran ini banyak, dalam Surah Al-Baqarah ada (membaca petikan yang bermaksud): "Itulah sempadan-sempadan Hudud-hudud Allah jangan kamu hampirinya." Maksudnya sempadan/batasan sebab ayat sebelumnya Tuhan kata (yang bermaksud): Malam bulan puasa mu bebas dengan binimu ikutlah dia pakaian kamu, kamu pakaian dia." Ikutlah nak pakai ikut belakang, nak pakai terbalikpun boleh belaka. Tapi Allah
Taala sebut lepas pada itu (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud/ huraian): Sebab bulan puasa ini orang banyak iktiqaf, jadi Tuhan kata: "Jangan kamu gauli mereka ketika kamu sedang beriktiqah dalam masjid." Janganlah mentang-mentang Tuhan kata boleh dalam masjidpun nak gomol jugak, tak boleh, *walatubasyiruhunna (jangan), tilqahududullah,* barulah Tuhan kata: Itulah batasan Allah, *falataqrabu* dan jangan sekali-kali hampir kalau hampir takut terjadi selalu sebab benda-benda ini sensitif. Jadi itu bukan hukum Hudud, orang PAS duk baca hak tu: "Ini hukum Hudud ni", hukum Hudud lain, ini istilah Dato' Yang Dipertua. Sebab jenayah dalam Islam terbahagi kepada tiga, ada Takzir yang disebut oleh Wakil Alur Limbat, ada Qisas, inipun ada Hudud dan Qisas yang mengenai balas balik, saya sebut di UniSZA baru-baru ini di Seminar Perundangan supaya undang-undang ini kalau boleh kita mulakan sedikit demi sedikit kita terapkan dalam kes-kes yang melibatkan kemalangan jalan raya supaya ada ganti rugi dan sebagainya. Sebab pelaksanaannya bukan senang. Kalau orang bercakap tentang Hudud tak

faham lagi Hudud banyak lagi, *walata'taduha.* Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya kata banyak lagi.

Saya balik kepada tajuk saya PAS tak konsisten dengan Hudud. Lepas kata Hudud hanyak 0.0001%, dekat nak pilihan raya sebut pulak Hudud, beritahu Hudud macam sembahyang, wajib, saya dah ulas tadi. Baru-baru ini Dato' Yang Dipertua, awal tahun ini pada 1, 11, 15 Januari 2011 di Hotel Grand Season dalam Majlis Dialog Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dengan bloggers dan rakan-rakan FB, dia sebut secara jelas bahawa Kelantan tidak akan melaksanakan hukum Hudud. Saya baca laporannya: "Sebelum ini Kelantan pernah digantung Perlembagaan oleh MAGERAN. Jadi kalau kita tak boleh buat semua jangan kita tinggal semua. Ini betul kaedah Siasah Syariah atau Usul Fiqh, betul. Kalau tak silap saya bunyi dia *mala yukhazukul jullahu laayuthrakulkullah* ataupun terbalik, saya tak ingat. Apa yang kita tak boleh nak ambil semua, jangan tinggal semua sekali, ambillah hak mana *dang.* Jadi dalam konteks Hudud ni hak mana kalau kita tak boleh nak buat semua undang-undang Islam, kita buat hak mana boleh dulu. Buatlah Takzir dulu, *dokleh* nak *charge* orang berzina, *charge* orang berkhalwat, *charge* orang bersekedudukan, *charge* orang yang nak mengadakan persetubuhan haram dan inilah yang kita telah buat. Betul yang Nik Aziz kata baru-baru ni, Menteri Besar Kelantan kata tapi masalahnya dia kata: "Oleh kerana kita tak boleh nak buat semua jangan kita tinggal semua." Jadi dia kata bodohlah kita, lebih kurang begitu, tak cerdik kita dia kata kalau kita buat Hudud sehingga Kerajaan mungkin akan umum MAGERAN di Kelantan kita hilang sebuah negeri. Kalau kita buat Hudud sehingga hilang sebuah negeri, ini tak patut, jadi oleh kerana itu kita tak akan buat Hudud dia kata. Inilah yang disebut oleh Nik Aziz pada 15 Januari 2011 di Hotel Grand Season sewaktu perjumpaan dengan bloggers dan rakan-rakan facebook dia. Mustaffa Ali baru-baru ini ada sebut, saya tak ingat berapa hari bulan baru-baru ini, pada 26 Januari 2011: "Hukum Hudud dan Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS bukanlah agenda utama dalam dasar bersama PR." Sebab itu saya sebut bahawa perjalanan hukum Hudud ini masih panjang. Negara-negara Arab majoriti Islam 90% pun masih banyak tidak melaksanakannya .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Apatah lagi kita yang .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Ke tak bagi?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Kalau selama ini dikatakan Hudud dan rakyat seluruh negara jugak diminta supaya menyokong mereka kerana mereka akan melaksanakan Hudud, soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Hudud ini dilaksanakan kerana Allah ataupun kerana manusia sebab dia baru saja jangka bukan benda itu berlaku, baru saja jangka sebagaimana saya sebut semalam, sebenarnya tidak timbul isu halangan daripada Kerajaan Barisan Nasional, Perdana Menteri baik, Timbalan Perdana Menteri baik, Tun Mahathir baik tetapi kalau dalam konteks Hudud Negeri Kelantan ianya diperingkat dia panggil *impossibility of performance* dengan izin. Maknanya tidak boleh nak buat lagi kerana ada halangan lain iaitu katanya belum ditandatangan dan belum diwarta. Dan surat daripada Tun Mahathir tidak ada kena mengena sebagai batu penghalang ataupun MAGERAN tidak ada kena mengena. Jadi dalam keadaan sedemikian PAS dah takut dah dengan bayang-bayang ini kononnya takut kehilangan kuasa?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Itulah saya dah sebut isu ini banyak dipolitikkan. Saya boleh bayangkan kalaulah pemimpin UMNO ataupun Barisan Nasional bercakap kita tidak boleh buat Hudud sebab kalau kita buat Hudud kita tak dapat sokongan, kita akan kalah, hilang Kerajaan. Dia akan kata takut hilang Kerajaan daripada takut hilang keredhaan Allah. Ini kalau hak orang belajar selapis mungkin dia akan kata ke Nik Aziz: "Oh, dia takut hilang negeri daripada takut nak melaksanakan Hudud." Jadi negeri itu besar daripada Undang-undang Allah S.W.T. sedangkan Allah S.W.T. kata "Kalau kamu tolong Allah, Allah pasti akan tolong kamu." Apakah Nik Aziz tak percaya hak tu? Tapi saya faham, itu yang saya kata yang diucap itu betul. Dalam kaedah Siasah Syariah dia kena tengok dalam pelbagai aspek dan itulah yang Kerajaan kita tengok hari ini. Sebab itu kita tak nak laksanakan lagi hukum Hudud kerana banyak lagi perkara-perkara yang belum kita persiapkan, yang belum lagi kita selesaikan. Dan kerana itulah saya kata, Kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional

yang ditunjangi oleh UMNO sentiasa berusaha, kita buat sokmo sebab itulah kita senantiasa memberi pandangan-pandangan kepada agensi-agensi yang berkenaan dengan Kehakiman. Sebab itulah dalam tahun lepas di Terengganu kita hantar 32 orang Hakim Mahkamah Syariah kita mengikuti kursus di Ma'had al-Aalil lil Qadha, Arab Saudi, tahun ini kita hantar lagi beberapa belas orang supaya mereka lebih faham lagi tentang perundangan Islam yang sebenar. Saya nak beritahu bahawa kita berusaha ke arah itu bukan kita seperti yang disebut oleh Pembangkang yang kononnya kita tidak ambil berat tentang Islam tapi kita buat secara hikmah. Tengok bila kita buat Bank Islam, bila berjaya Bank Islam hari ini semua bank yang dulunya tak guna sistem perbankan Islam, hari ini Hong Leong Bankpun guna sistem perbankan Islam, Arab Bankpun guna sistem perbankan Islam sebab kita mampu menunjukkan bahawa sistem perbankan Islam ini satu sistem yang baik. Begitu juga satu masa kalau kita laksanakan dengan secara hikmah orang akan terima tapi kalau kita duk bersyarah-bersyarah, kalau kita dok tunjuk lagi bila orang suruh buatpun kita kata tak boleh nak buat duk sabit pulak dengan orang lain duk kata ada halangan di situ, ada halangan di sini, ini akan merosakkan pandangan orang terhadap agama kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak penjelasan sekali.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya dah nak habis dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kawan-kawan kita hak lain boleh beri peluang, saya nak mintak sikit je, sikit je. Ini bab sebelum habis, sikit aje Yang Berhormat. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kesian ke dia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Exco Batu Rakit. Saya hargai sikap yang mengatakan bahawa kita ada usaha, kita nak buat nak laksanakan Hudud tetapi permasalahan dalaman sendiri bila MCA parti rakan, parti dalam Barisan Nasional secara terang-terang menentang, apa sikap? Di Terengganupun menentang secara terang-terang walaupun saya tengok

Wakil Bandar senyum aje tu, memang kenyataan dia secara terang-terang, MCA Peringkat Pusatpun terang-terang, Perdana Menteripun kata tak setuju tapi kita maknanya masih nak teruskan …….

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya faham dah Dato' Yang Dipertua. Sebab dia belum faham lagi, dulu kita cakap Bank Islampun dia orang kata begitu jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi selama ini tidur sebantal mimpi lain-lain *sokmolah* kalau gitu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Cakaplah molek sikit, bakpe yang cakap kasar gitu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal kes lama yang duk tuduh ke DAP diperkudakan oleh PAS, PAS diperkudakan oleh DAP, rupanya UMNO diperlembukan oleh MCA.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Memang betul begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang duduk sebut nak buat Hudud ini siapa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa dia?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang duduk sebut kata nak buat Hudud siapa? Kita yang duduk kata, jangan apabila kita dah tak boleh nak buat duduk khabor orang lain halang dan sebagainya. *Kabura maqtan indallahi antaqulu maala taf'alun,* kita duk kata, kita hak balik ni kalau ada peluang kita akan buat. Kita yang tukang kata bila kita tak buat ertinya kita yang akan dapat kemurkaan Allah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kesian saya tengok Pesuruhjaya PAS ni dia tak faham agama, dia tak faham apa yang diajar oleh Al-Quran. Quran jelas sokmo dah orang bukan Islam

memang dia tak faham Islam, memang dia tolak Islam, ada dahkan ayat *lantarda'i kalyahu* bukan tak faham ni, kesian jadi Presiden Parti Islam kalau lagu ni …..(tepukan sokongan) ….. Tapi kita beri secara hikmah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUAl: Yang Berhormat Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu bukan Presiden.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ya, kesian saya ke orang lagu ni jadi Pesuruhjaya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa, terima kasihlah kerana kesian ke saya, tak apa. ….(Dewan gelak) …..

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Memang saya kesian, saya kesian *under capacity.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya *takdok* masalah, jangan tuduh saya dok reti.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dok kata tak reti, saya kata tak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duk tuduh seolah-olah macam kes sekali kata kesian, sekali kata dok reti. Kita walaupun dok mengaji agama tapi kita ……

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terasa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Guana?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Rasa hati?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Aah ….. Tengok, tengok dia perli tu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah kalau rasa hati minta maaflah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Gaya dia bercakap tu, sindir …..

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah kalau terasa hati saya nak minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, cara dia bercakap tu …… ni orang agama ni.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Minta penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Orang agama ni bercakap dengan sindir, dengan tuduh, jadi saya sebenarnya saya bukan apa ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya nak perhabis Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan cara inilah Yang Berhormat, kita terbalik pulak dengar ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Okey Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya minta maaflah daripada Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya, maaf diterima, tak ada masalah tapi lain kali berhalus sikitlah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya nak perhabis dah, banyak lagi penggulungan, saya takut tak habis penggulungan petang ni pukul 5.00 Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, perjalanan untuk melaksanakan undang-undang Islam keseluruhan dalam negara kita masih jauh tapi kita berusaha. Wakil daripada Bukit Payongpun sebut dalam kitab itu, dalam kitab ini, kitapun ada jugak orang-orang yang baca kitab, saya mungkin *dokdang* dah nak *belek-belek* kitab macam zaman-zaman dulu tapi Dr. Wahbah Zuhaili dalam kitab Al-Fiqh Islami ada sebut bahawa sebelum kita nak melaksanakan Undang-undang Hudud dalam sesebuah negara ada beberapa syarat yang mesti kita laksanakan terlebih dahulu. Maka sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut bahawa Kerajaan kita secara hikmah, secara bijaksana telah banyak meningkat dan melaksanakan syiar Islam dalam konteks negara kita. Sebab itulah walaupun macam-macam tuduhan, macam-macam sindiran yang dibuat oleh Pembangkang, tohmahan dalam ceramah-ceramah, ternyata rakyat masih menyokong kita.

Saya ucap terima kasih ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sikit aje saya pohon laluan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Allah …. Saya nak perhabis dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Di mana letaknya sekarang ini kedudukan ayat Surah An-Nissa' ayat 144 (membaca petikan ayat tersebut). Pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Itulah maksud *Wala',* jangan jadikan dia tuan kita, jangan jadi dia besar daripada kita, kita dengar dia kita ikut dia, macam yang berlaku di Selangor, dulu tak banyak lesen arak jadi kohor banyak. Masa kita dulu kita berbaik jugak dengan MCA, MIC tapi kita ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang buat kilang arak di Selangor tu UMNO/Barisan, kilang arak dua butir di Selangor siapa dia buat?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya tak cakap hak tu, saya cakap hak lesen arak kohor banyak di Selangor hari ini di bawah PR. Biarlah Dato' Yang Dipertua, saya nak perhabis Dato' Yang Dipertua. Masa Wakil Kerajaan lain masih belum penggulung lagi bahagian masing-masing Dato' Yang Dipertua. Jadi Dato' Yang Dipertua, kita dah buat banyak dah tapi banyak lagi yang belum kita belum buat sebab itu saya kata kita bukan sebuah Kerajaan yang sempurna tapi kita sentiasa berusaha untuk ke arah kesempurnaan. Jadi untuk akhirnya Dato' Yang Dipertua, orang lain tadi Y.B. Telemongpun ada berpantun, kelmarin Wakil Kuala Berang ada berpantun, Ajilpun ada berpantun dan saya mengakhiri penggulungan sayapun dengan dua rangkap pantun:

Sungguh gemilang sejarah lama,
Ummah maju negara tak mundur,
Kalau sungguh perjuangkan agama,
Biarlah ikhlas berserta jujur. ….(Tepukan sokongan) …..

Sayyidina Abu Bakar Khalifah pertama,
Mentadbir adil negara berkat,
Janganlah sampai menjual agama,
Hanya semata-mata nak dapat pangkat. ….. (Tepukan sokongan) …..

Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Boleh balas tak pantun tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Balas di luarlah Kuala Berang. Saya jemput Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZAABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang

Berhormat Mulia Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sampai giliran saya untuk menggulung, nampak sahabat-sahabat saya termasuk Telemong dan Batu Rakit ambil masa panjang, saya tengok ke sebelah kiri ni kalau nak sampai ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni ramai lagi ni yang nak gulung, insyaAllah saya akan ringkaskan penggulungan ini. Pertamanya, saya nak ucap terima kasih kepada semua wakil-wakil yang telah memberi pandangan bersesuaian dengan portfolio Pembangunan Infrastruktur Dan ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebenarnya Yang Berhormat kalau dah jawab celah-celah tadi dan kalau tak nak jawabpun tak apa tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZAABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): InsyaAllah. Saya ucap terima kasih kepada Tepoh, kepada Wakil Bukit Tunggal, Sura, Batu Burok, Hulu Besutpun ada, Bukit Payong, Manir, Jabi, Kemasik, Kuala Berang, Ajil antara lain yang menyentuh hal-hal yang ada hubungkait dengan portfolio saya. Perkara yang banyak dibangkit tentang terutamanya Lebuh Raya Pantai Timur 2 dan juga Stadium Sultan Mizan, yang ini dah memangpun jadi soalan Dewan, dibincang lama dalam Dewan, saya difahamkan juga banyak media membuat liputan tentang dua perkara ini dan jawapannya dan adapun disiar di dalam tv. Memang tidak dinafikan dua perkara ini, Lebuh Raya Pantai Timur 2 dan juga Stadium Sultan Mizan ini benda yang menjadi perhatian dan insyaAllah saya nak menjelaskan bahawa Lebuh Raya Pantai Timur 2 ini memang bukan dibina oleh satu syarikat konsesi, ianya dibuat kontraknya secara *Conventional Tender* dengan izin. Dan ada pakej-pakej yang telah siap dan rasanya kalau kata dapat kita tumpukan kepada pakej sekarang yang dibuka sebahagiannya daripada Bukit Besi ke Gemuroh sebanyak 64 kilometer, kalau dapat disiapkan dalam masa terdekat mungkin tahun depan tentunya akan memberi keselesaanlah sepertimana yang kita alami dalam masa ketika sibuk hari raya dan sebagainya sebahagian Bukit Besi-Ajil dan Telemong-Gemuroh dibuka banyak membantu dari segi penyuraian trafik. Jadi kalau kata dalam masa kita menyiapkan Lebuh Raya Pantai Timur 2 secara keseluruhan kalau tumpuan boleh diberi kepada 64 kilometer Bukit Besi-Gemuroh ini juga akan membantu kitalah dari segi penyuraian trafik.

Begitu juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tentang Stadium Sultan Mizan dan yang inipun soalan Dewan juga kita bincang banyak dah cuma saya nak katakan dapatan awal daripada kajian integriti itu dengan izin substruktur dan juga struktur itu dari segi integritinya masih boleh digunakan kerana kajian itu ialah untuk menentukan sama ada struktur dan substruktur itu boleh digunakan. Jadi tumpuan kita ialah kepada membaiki bumbung ini dan setelah kita mendapat Laporan Integriti, insyaAllah *the way forward* ialah untuk membaiki Stadium Sultan Mizan ini. Dan kita juga telah bersetuju supaya padang bola ini buat sementara dikeluarkan tawaran supaya dapat kita baiki supaya team Terengganu kita yang pertama boleh menggunakan padang bola yang ada di Stadium Sultan Mizan.

Soal bekalan air disentuh oleh Wakil Tepoh tentang berlakunya kejadian paip pecah sebenarnya termasuklah semasa Hari Raya Haji. Saya nak maklumkan untuk pengetahuan Dewan, sekarang ini di SATU ada sistem aduan yang sangat baik dan memangpun pada hari yang berkenaan kita menerima ada nama, nombor telefon dan sebagainya tentang aduan apabila berlaku gangguan bekalan air ini. Dan setelah kita menerima aduan ini kita biasanya mengambil tindakan secara segera untuk mengatasi masalah gangguan air tapi secara jangka masa panjangnya memangpun dalam makluman Kerajaan ada keperluan untuk dinaik taraf kemudahan bekalan air yang tekanannya rendah dan sebagainya di Kuala Terengganu Utara dan setelah maknanya dalam tempoh terdekat ini penambahbaikan bekalan air di Setiu mungkin membolehkan kita menyalur balik untuk menampung keperluan yang ada di Kuala Terengganu Utara, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Sura menyebut tentang yang ini memang kalau kata orang di Dungun bukan saja Wakil Sura duduk di Dungun, sayapun jugak duduk di Dungun jugak, guna jugak jalan itu yang memang sesuatu yang agak mendukacitakan. Kerja-kerja tarikh milik tapak awal pada 15.5.2008 tarikh siap asal 10.11.2010, kemudian ada masalah pengambilan balik tanah dan sebagainya sehinggakan tarikh siap semasa sepatutnya 6hb Oktober 2011. Dan mengikut kemajuan kerja unjuran sepatutnya siap 100% tetapi nilai kerja banding semasa hanya 51.6%. Jadi masa yang berlalu 3 tahun 7 bulan dan ada cadangan supaya kontrak di simpang Kuala Dungun, Laluan 127 ini untuk dimansuhkan. Jadi Surat *Termination* telah dihantar ke Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk tindakan. Kita tak payah tunggu terlalu lama dah. Ini masalah dia kadang-kadang kalau dalam Dewan ini yang biasa disebut 'Kontraktor OKU' (Orang Kuat UMNO), hak ni kebetulan macam mana tak tahu dia jadi OKP (Orang Kuat PAS). Kontraktor ini dia

tidak kira UMNO ke PAS, masa gagal, gagal jugak, jadi kebetulan macam mana hak ni terlepas jadi OKP.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Hospital Dungun. Alhamdulillah, projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, kawasan kita telah tentukan, yang ini untuk mengelak supaya kata alasan supaya program-program Kerajaan Pusat ini tidak dibuat alasan dari segi pelaksanaannya kerana hal tanah. Jadi ini awal-awal lagi Kerajaan Negeri telahpun mengenal pasti tanah seluas 20 hektar (50 ekar) di kawasan Bukit Catak, Mukim Kuala Dungun, Daerah Dungun, taraf tapak asal tanah Kerajaan untuk insyaAllah diteruskan pembinaan Hospital Dungun ini.

Velodrome Dungun, kerja-kerja awal penyediaan kerja-kerja tanah telahpun dikeluarkan tender, dah mula dah. Jadi kita harap dapat disiapkan dengan segera, peruntukan ini peruntukan negeri untuk kerja-kerja tanah dan kemudiannya peruntukan yang sedia ada melalui Majlis Sukan Negeri ada peruntukan untuk kita menyiapkan Velodrome ini.

Wakil Hulu Besut ada sebut tentang jalan mati dari Keruak ke Gunung Busu, dulunya token RM10 sekarang tidak ada dalam Bajet. Kita akan ambil perhatian semula Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan juga ada keperluan dewan, ada keperluan jambatan selorong, Jambatan Durian Telur dan sebagainya.

Ini juga perkara-perkara yang dibangkit, tentang banjir daripada Bukit Payong. Wakil Manir sebut pasal jalan raya tak selesa. Itulah masalah kita Dato' Yang Dipertua, banyak jalan-jalan ni ialah jalan Federal, kita seboleh-bolehnya *lening* kalau boleh kita nak pisahkan dari segi State (Negeri) membuat komitmen atas jalan-jalan Federal ni tapi walau bagaimanapun kita akan berundinglah. Dalam masa yang samapun memang ada sebahagian jalan-jalan ini kita masih menggunakan peruntukan Negeri untuk mengatasi masalah terutama sekali selepas banjir seumpamanya. Disebut juga tentang *jammed* di Teluk Kalung, lepas tu kebetulan elektrik putus kerana pencawang di Gong Badak yang disebut oleh Wakil Manir. Wakil Jabi *complain* pasal kawasan pelancongan di Lata Belatan, dia kata berlubang, biasalah lepas banjir. Lepas tu jalan ke sekolah yang katanya kurang murid kalau boleh dibuat jalan walaupun katanya tak sensitif walaupun pondok hak ada di situ pondok PAS tapi kerana kepentingan orang ramai katanya ada keperluan untuk jalan itu, insyaAllah kami akan lihat. Soal muara Sungai Kemasik dan banjir ini dibangkitkan oleh Wakil Kemasik. Ini Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang kita sedia maklum banyak muara sungai kita tak kira hak besar, tak kira hak kecil termasuk hak di Dungun ni kita ada masalah mengenai muara sungai kita yang cetek dan sebagainya dan soal banjir inipun dari masa ke semasa banyak dah peruntukan yang dilulus dari masa ke semasa untuk mengatasi melalui Program Tebatan Banjir ini.

Dan Kuala Berang tahniahlah dapat Mini Stadium, cuma Jabi tanya berapa orang dah hak main bola State ini orang Kuala Berang ataupun ahli sukan? Hak tu maknanya Wakil Kuala Berang jawab *deh.* Kuala Berang jugak bangkit soal kesesakan jalan raya. Alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *lening* jalan-jalan sesak terutama sekali di hari cuti-cuti umum memangpun secara menyeluruhnya kita ada kajian dari segi penyuraian trafik dan sebagainya hingga tahun 2030 dan kita buat secara berperingkat. Dibangkitkan juga oleh Wakil Kuala Berang tentang masjid. Jadi dalam Bajet tahun ini alhamdulillah peruntukan untuk pembinaan masjid dan surau ada RM45 juta, kita akan buat agihan sebaik mungkin dan program bina masjid ini akan diteruskan kecuali ada sesetengah DUN yang katanya dah penuh, contohnya kalau macam DUN Sura ada 4 buah masjid dan tidak ada lagi keperluan semasa untuk masjid. Dan Ajil bangkit tentang ……

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan ringkas mengenai masjid kalau dengan izin? Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya ingin mendapat penjelasan tentang secara spesifik pembinaan Masjid Negeri yang saya difahamkan telah dibuat *Land Acquisition* tetapi masih lagi tertangguh, jadi saya pohon penjelasan bilakah Masjid Rasmi Negeri akan dibina? Dan yang keduanya ialah tentang status Masjid Putih kita yang mempunyai tanda sejarah yang begitu besar, apakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk *upgradekan* lagi Masjid Putih kita sekurang-kurangnya dengan pembinaan Dewan Kuliah dan juga Mini Perpustakaan kerana di Masjid Putih ini sekurang-kurang pada waktu Zuhur dan Asar ni ramai kalangan penduduk setempat dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang solat di tempat itu dan memerlukan upgrade kepada keperluan-keperluan yang saya sebutkan tadi. Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZAABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada senarai yang sangat panjang tentang pembinaan masjid ini termasuk juga program pembinaan Masjid Negeri. InsyaAllah, kita akan beri keutamaan berasaskan senarai itu,

banyak tempat yang memohon untuk dibina masjid ini. Dan Masjid Putih ini dari masa ke semasa termasuk beberapa tahun yang lepas dia ada peruntukan untuk penambahbaikan, jadi tentunya ada perancangan dari masa ke semasa untuk dibuat penambahbaikan bersesuaianlah dengan kesan dan kekuatan sejarah yang ada di Masjid Putih, insyaAllah.

Wakil Ajil menyebut antara lainnya berkaitan dengan banjir, ini dari Bukit Besi-Jabor. Bukit Besi-Jabor ni memang lepas banjir biasanya kita ada masalah yang ramai orang *complain*, saya banyak menerima SMS dan dari masa ke semasa sekali lagilah peruntukan ada, dia ada syarikat konsesi yang buat *maintenance* Jerangau-Jabor tapi kitapun kadangkala dari masa ke semasa juga menggunakan peruntukan Negeri untuk membuat pembaikan terutama sekali selepas banjir.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah sebahagian daripada perkara yang dibangkit oleh wakil-wakil dalam Dewan ini. Saya ucapkan penghargaan terima kasih, insyaAllah kita akan melihat keutamaan, prioriti kita bersamaan dengan peruntukan yang ada. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput seterusnya pihak Kerajaan. Ya, Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Dalam usaha Kerajaan untuk menarik pelabur ke negeri Terengganu pada tahun ini sehingga bulan Oktober, kita sudah berjaya membawa sebanyak RM1.88 bilion jumlah pelaburan ke negeri Terengganu dan ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 4,007. Dan industri-industri yang telah kita luluskan termasuklah industri produk logam, bahan kimia, peralatan logistik, jentera, perabot, perkayuan dan produk silica. Dan jumlah pelaburan pada tahun ini kita jangka akan melebihi nilai pelaburan tahun lepas iaitu tahun 2010 yang berjumlah RM2.86 bilion jika kita ambil kira pelaburan yang telah dipersetujui dan sudah pasti. Pada 3 hari yang lepas semasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar merasmikan Upacara Pecah Tanah Kilang Besi Waja yang baru iaitu Eastern Steel yang akan dibina di kawasan Perindustrian Teluk Kalung. Projek tersebut yang

melibatkan pelaburan berjumlah RM1.8 bilion untuk fasa yang pertama dan ini merupakan penambahan nilai pelaburan sebanyak RM900 juta ke atas jumlah yang telah diluluskan sebelum ini. Kilang Besi Waja ini akan siap dibina dan mula beroperasi pada tahun 2011 dan akan memberi banyak peluang pekerjaan, peluang perniagaan, peluang kepada sektor-sektor sokongan di kawasan tersebut. Dan usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor industri untuk menarik pelabur ke negeri Terengganu dijangka akan bertambah pada tahun depan dengan adanya beberapa pelabur yang kita sedang dalam perbincangan terutama di dalam industri penapisan minyak, petrokimia, maritim dan juga pembuat bot. Antaranya ialah pelaburan usahasama syarikat Korea dan Perancis yang akan membina sebuah loji kimia di kawasan Perindustrian Polimer Kertih di mana akan melibatkan pelaburan sebanyak RM2 bilion dan kita jangka ini akan mewujudkan satu kelompok perindustrian berteknologi di rantau ini. Projek ini akan menjanakan lebih kurang RM20 bilion jualan terkumpul menjelang tahun 2020 dan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 474.

Yang Berhormat Yang Dipertua, di sini saya ingin merespon sikit tentang soalan yang dibangkitkan oleh Wakil Ladang berkaitan dengan banyak masalah di kawasan Ladang tu biasanya tidak dapat diselesaikan oleh Wakil Kawasan itu dan saya terpaksa menolong untuk mencari cara/jalan untuk mengatasi masalah-masalah di kawasan Ladang. Pertama, isu yang dibangkit mengenai kegunaan e-Book di Sekolah Kebangsaan SS II, yang saya tak fahamnya kegunaan e-Book ini ialah tanggungjawab pihak sekolah dan Program e-Book ini kita sudah laksanakan sudah 3 tahun dan sehingga hari ini melebihi 80,000 buah e-Book telah diedarkan kepada anak-anak kita. Dan sekarang kita sudah melangkah ke era yang lebih maju, kita dah masuk ke era Sekolah Maya, nampaknya Wakil Ladang ketinggalan sikit. Dan saya tak faham ialah mengapa masalah di sekolah perlu dia tanya pulak dengan ibu tunggal dan pula di rumah dia, apa yang saya tahu ialah di sekolah tersebut melalui pihak sekolah saya difahamkan budak-budak tidak dilarang menggunakan e-Book, malah digalakkan menggunakannya, juga e-Book digunakan untuk mengajar di sekolah. Budak-budak sekolah tidak dibenarkan menyimpan e-Book di sekolah. Kalau ada hak yang tak bawa balik kemungkinan besarnya e-Book tersebut ada sedikit masalah yang perlu dibetulkan.

Satu lagi yang ingin saya sentuh mengenai penjelasan yang diminta oleh Wakil Wakaf Mempelam. Terima kasihlah. Tentang pendirian saya, tentang kefahaman saya, memang saya setuju, memang saya faham sangat Parti PAS itu memang

parti dan bukan sahaja parti *'kelicak',* parti *'kelu'kelik'* .....(Dewan Gelak) ..... Apa yang saya tolak memang ajaran dan dasar-dasar parti tersebut bukan sahaja saya menolaknya termasuk dengan parti-parti dia kata *Tahaluf,* DAP juga menolak sehingga Presiden Parti DAP kata perlu melangkah mayat dia dulu kalau nak laksanakan dasar. Jadi memang itu jelas selama ini parti Islam ialah parti, nak tanya satu, sepanjang 4 tahun tempoh PAS itu berapa buah masjid yang telah dibina di negeri Terengganu, berapa buah telah siap dibina, yang saya tahu sejak 1986 sehingga hari ini di negeri Kelantanpun hanya sebuah masjid sahaja yang dibina, parti Islam benda apa tu. Dan banyak lagilah kalau nak beri contoh, memang parti ini parti *'kelu'kelik'*, kata tiada halangan kepada agama atau kebudayaan lain, saya masih ingat pada tahun 2003 .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan kalau diizinkan?

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Sekejap. Semasa kita adakan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Y.B., nanti dia akan beri.

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Semasa kita adakan Perayaan Kongsi Raya antara Tahun Baru Cina dan Hari Raya di Padang Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman, masa itu di bawah pemerintahan Parti PAS, kata tidak ada halangan beri kawan-kawan lain untuk meraikan termasuk dengan orang-orang Melayu tentang festival-festival masing-masing tapi masa itu tidak dibenarkan untuk mengadakan perayaan itu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya cuma kesian kepada Yang Berhormat Bandar, Ahli Exco kita, cuma dengan izin Yang Berhormat Bandar, dengan izin Dato' Yang Dipertua, *you should be ashamed of yourself, your own President, your own Ketua Parti having sex, having mistress, the whole world is seeing that, you should be ashamed of yourself.*

YANG BERHORMAT DATO' TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasihlah. Sama jugak, perlu tengok, *you should be ashamed of Ketua Umum you, you*

should be ashamed atas apa yang dilakukan oleh Ketua Umum *you.* Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekian sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia Ketua Umum siapa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis, habis. Dia dah duduk dah, dia dah habis dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ketua Umum siapa tu, saya tak kenal, tak kenal? Ketua Umum tu ….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput seterusnya

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat ni *ngelat* jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Langkap. Sebelum tu sayanak tanya pihak Kerajaan berapa ramai lagi agak-agaknya yang nak menggulung? Ya, nak menggulung semua, tak apa kalau nak menggulung semua tak apa sebab saya nak *adjust* masa kalau kita perlu rehat tengah hari. Gulung semua, ya. Okey, sila Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah, tengah hari ini saya sempat bersama-sama dalam sesi penggulungan Persidangan kita pada kali ini. Sebelum saya memberi ulasan lanjut, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menunjukkan minat terhadap beberapa program di bawah portfolio ini khususnya kepada Bukit Tunggal, Batu Burok, Jabi dan Ajil yang jelas menunjukkan minat dan perhatiannya kepada kekurangan makanan sekarang ini, kebimbangan Yang Berhormat-Yang

Berhormat kepada bakal masalah ini kalau tidak dapat ditangani dengan betul akan berlaku kepada negeri Terengganu khususnya kepada bekalan beras.

Yang Berhormat Mulia Dato', biarlah saya pergi satu persatu, saya tidak hendak mengambil masa yang panjang. Kepada Bukit Tunggal saya nak menjelaskan berhubung dengan Projek Ternakan Udang di Banggol ataupun di Penarik yang diusahakan oleh Syarikat Blue Archipelago. Terima kasih kepada ADUN Permaisuri yang sudah memberi penjelasan panjang lebar berkenaan dengan status syarikat itu sekarang ini. Namun ada beberapa perkara lagi yang saya ingin jelaskan yang mungkin tertinggal oleh Permaisuri dalam penjelasannya. Dikaitkan dengan projek oleh syarikat yang sama yang sedang dilaksanakan di Kerpan. Disebutkan oleh Bukit Tunggal syarikat ini gagal dalam projeknya di Kerpan. Saya perlu menjelaskan di Kerpan, projek yang dilaksanakan oleh syarikat ini keluasannya ialah 1,000 ekar, sekarang ini sedang berjalan di mana orang yang bekerja seramai 440 orang, di mana 95%-nya merupakan anak-anak tempatan. Jadi kita harap di Setiupun sama, mengutamakan pekerja-pekerja tempatan. Sekarang inipun sudah ada pekerja-pekerjanya yang hampir keseluruhan ialah anak-anak tempatan. Hasil di Kerpan sekarang ini sudah mencapai 15 metrik tan sehari bersamaan dengan RM255,000 sehari sebulan jumlahnya ialah RM7.65 juta kepada syarikat itu sekarang ini. Di Kerpan mula beroperasi Januari 2008 dan apa yang berlaku di Setiu, Penarik ialah pampasan yang disebut terlalu rendah kepada tuan-tuan tanah walaupun tanah itu merupakan tanah Kerajaan, pampasan yang diberikan terlalu rendah. Pihak syarikat sudahpun mengeluarkan sejumlah RM866,477 sebagai pampasan kepada pengusaha-pengusaha tanah haram yang terlibat, memang betul ada sebahagiannya terlalu rendah sampai RM200-pun ada. Tapi secara keseluruhannya, puratanya setiap peserta mendapat RM3,600 secara purata.

Yang Berhormat Mulia, prestasi syarikat ini di Setiu sangat penting kepada negeri Terengganu sebenarnya bukan sahaja kepada syarikat itu, bukan sahaja kepada Setiu tetapi kepada negeri Terengganu sebab ada lagi pelabur luar yang datang ke Terengganu berjumpa dengan kita menyatakan hasrat untuk melabur lagi dalam sektor yang sama, sektor ternakan udang di negeri Terengganu. Sekarang ini mereka sedang memerhatikan kejayaan syarikat di Setiu ini. InsyaAllah, kalau tidak ada aral syarikat yang ……

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Wakil Kerajaan. Apabila saya mendapat maklumat daripada Exco Kedah sendiri bahawa Kerajaan Kedah telah menjual semua sahamnya dalam syarikat di Kerpan tu. Itu yang saya peringatkan sebab sejarah Kerpan ini panjang sejak 1993 bahawa samar sehingga sekarang memang dikatakan bahawa sekarang sudah menampakkan ada kejayaan tapi belum sampai tahap yang boleh buat untung lagi. Jadi oleh kerana Kedah sendiri dah menjual sahamnya, saya harapnya berhati-hatilah di Terengganu supaya rekod yang tidak baik di Kedah itu tidak berulang di sinilah. Itulah yang saya cuba ingin peringatkan, saya memang suka benda yang berjaya, itu terpulang kepada Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih atas ingatan itu kalau dengan niat yang baik. Memang kita sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan ini sebab kepada kita apabila kita sudah beri tanah kita yang begitu luas untuk dimajukan oleh syarikat ini memang kita sentiasa ikuti perkembangannya. InsyaAllah, apa yang disebut tadi kita akan beri perhatian. Saya tidak tahu apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi pasal Kedah sudah jual sahamnya saya tidak tahu tapi apa yang saya tahu sekarang ini syarikat itu yang di Kerpan sudah menunjukkan kejayaan yang baik.

Yang kedua, saya suka nak menjelaskan apa yang disebut oleh Batu Burok berkenaan dengan padi yang mati di Tok Adis kerana air laut yang masuk. Yang disebut kawasan yang terlibat 142 ekar mungkin itu maklumat awal yang diterima oleh beliau tapi keadaan yang sebenarnya tanah yang terlibat ialah 115 ekar. Beberapa kampung yang terlibat seperti Kampung Kolam, Gong Kemunting dan Tok Adis sendiri, peserta yang terlibat ialah 31 orang dan umur padi semasa itu ialah 1½ bulan baru belum mengeluarkan hasil dan kerosakan sebenarnya ialah 30% daripada keluasan tanah itu yang betul-betul terjejas. Manakala 70% lagi masih boleh dipulihkan sekiranya langkah-langkah seterusnya diambil. Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita terpaksa buat pilihan masa itu antara masalah yang akan timbul sekiranya pintu air itu tidak diperbaiki kemungkinan besar banjir akan berlaku menyebabkan bencana yang lebih besar kepada beberapa taman perumahan yang di sekitar seperti Taman Hajah Kalsom, Taman Dahlia dan taman-taman perumahan di sekitar kerana itu kita ambil langkah untuk memperbaiki pintu air yang rosak itu. Jadi sekarang ini sudahpun siap insyaAllah, sekiranya banjir akan berlaku keadaan mungkin akan dapat kita atasi. Kita terpaksa buat pilihan itu sama ada padi itu ataupun masalah banjir yang akan menimpa.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Cuma yang menjadi keluhan petani-petani adalah tidak ada lagi pengawalan terhadap kunci Pintu Air Sungai Kuala Ibai atau kunci Pintu Air Tok Adis itu sendiri. Di mana mereka difahamkan setelah bertemu dengan pihak-pihak yang berwajib sama ada Majlis Bandaraya, JPS dan Jabatan Pertanian, mereka menyatakan jawapan yang diberikan adalah kunci pintu air itu terpaksa dibuka sehingga tempoh musim tengkujuh ini, akhir Januari ini. Dan inilah yang menjadi kekangan juga tekanan kepada petani-petani sebab mereka mahu supaya kunci air ini dikawal bila berlaku air pasang bagaimana? Ada kawalan, ada waktu dibuka dan ada waktu ditutup. Jadi kalau dibuka terus memang menjadi suatu risiko dan kerugian yang besar kepada petani, kalau dulu ada yang khusus ditugaskan untuk mengawal kunci pintu air ini, saya difahamkan daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sendiri meletakkan seorang pekerja untuk menjaga tapi sekarang ditarik balik, itu yang menjadi persoalannya.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih atas makluman yang diberi. Sebenarnya masa tidak ada kawalan itu kerana pintu itu dibuang untuk diperbaiki sekarang insyaAllah, telahpun selesai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat kita sambung selepas rehat dan solat Zuhur Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menghormati waktu solat Zuhur untuk kita tunaikan dan juga makan tengah hari maka saya tangguh Dewan ini dan kita masuk bersidang semula jam 2.00 petang.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

DEWAN DISAMBUNG SEMULA PUKUL 2.30 PETANG.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan sekalian mesyuarat kita disambung semula. Kuorum kita cukup SU, ya? Cukup. Kita jemput Yang Berhormat Langkap untuk meneruskan penggulungan, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato', saya sambung. Dalam ucapan Yang Berhormat Ajil ada menyentuh dan mencadangkan supaya projek-projek pertanian untuk memberi hasil yang lebih, kejayaan yang lebih, beliau mencadangkan supaya dilaksanakan sistem yang menyerupai sistem FELDA, kita sediakan penempatan, kita tetapkan peserta-peserta di rumah yang kita sediakan dan peserta-peserta yang berkenaan bekerja dan menguruskan ladang yang dikhaskan. Kalau dalam FELDA ladang getah atau ladang kelapa sawit tetapi dalam projek ini kita mereka mengusahakan projek-projek pertanian padi ke, apa ke. Untuk makluman perkara ini sudahpun dirancang dan insyaAllah akan dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam dua projek yang sedang kita laksanakan. Yang pertamanya, Projek Kelapa Pandan yang dibuat di Setiu seluas kira-kira dalam 500 ekar yang kita sediakan bersama-sama dengan rumah penempatan. Sekarang ini kerja-kerja awal kerja-kerja pembersihan kawasan sudahpun dilaksanakan. Yang keduanya, Projek Agropolitan Besut-Setiu yang dibuat di Setiu juga yang melibatkan 150 keluarga. Sekarang ini kerja-kerja pembinaan rumah sedang dalam pelaksanaan. InsyaAllah, kedua-dua projek ini akan kita laksanakan menyerupai skim FELDA seperti yang disarankan.

Yang Berhormat Jabi dalam ucapannya menyentuh keperluan kita mengadakan kursus-kursus motivasi khususnya kepada petani-petani kerana sikap petani-petani menyebabkan banyak projek yang dilaksanakan tidak mencapai hasil seperti yang diharapkan, sikap mereka bekerja sambil lewa. Dan dalam hal ini jelas seperti yang berlaku di Marang dalam Skim Marang 1, projek kemudahan asas sudahpun siap sejak tahun 1984 lagi dengan kos projeknya RM3 juta dengan saliran air masuk sudahpun sempurna, panggung air sudahpun sempurna. Projek ini melibatkan 300 ekar tanah sawah yang sepatutnya dapat kita usahakan tapi oleh kerana beberapa masalah kecil yang tidak dapat diselesaikan menyebabkan tanah sawah itu memang terbiar dan boleh dikatakan sebahagian besarnya masih lagi

ditumbuhi oleh pokok-pokok gelang. Ini sebahagian masalahnya kerana sikap petani-petani yang berkenaan tidak bersedia melaksanakan kerja-kerja sawah dan apabila kita mencadangkan untuk kita masukkan peserta-peserta lain untuk mengusahakan sawah itu mereka tidak bersetuju. Dan insyaAllah perkara ini apabila selesai sahaja projek kita di Jelapang kita akan tumpukan untuk menyelesaikan masalah di sini. InsyaAllah, kawasan pertanian padi akan bertambah sekurang-kurang 300 ekar lagi.

Yang Berhormat Dato' dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya nak sebut sikit saja hal suasana mutakhir ini. Dalam Dewan kita jugak nampak mulai hangat apabila ramai orang bercakap kita sudah hampir dengan pilihan raya, perkara-perkara yang sudah lama tidak disebut ditimbulkan semula, Hudud, Negara Islam dan sebagainya menyebabkan kita sedikit sebanyak suasana panas sudahpun kita rasai, ini dalam Dewan. Saya bimbang sangat yang dalam Dewan kita boleh kawal sebab kita semua terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang telah matang. Tapi keadaan suasana panas ini apabila kita heret balik ke kampung-kampung ia akan berubah suasana, perhubungan dalam masyarakat akan jadi bertambah panas dan kemungkinan-kemungkinan perkara-perkara yang tidak baik akan berlaku, itulah yang kita bimbang pada hal cerita pilihan raya ini bukan cerita baru sudah 13 kali kita akan lalui proses ini. Suatu proses yang cukup baik dan cukup harmoni kerana kita dalam proses untuk memilih Kerajaan tidak sepatutnya kerja baik ini kita cemari dengan peristiwa-peristiwa ganas, peristiwa-peristiwa yang tidak baik yang menyebabkan hubungan sesama kita akan menjadi rosak. Jelas hal ini, semua orang mengambil peluang menimbulkan isu-isu yang sepatutnya tidak timbulpun. Saya nak sebut perkara yang berlaku dalam kawasan saya di Jelapang. Di Jelapang Kerajaan sudah berbelanja sebanyak RM46 juta atau RM48 juta lebih kurang macam tu, semua orang akui projek ini cukup besar maknanya kepada petani-petani dan kepada negeri Terengganu apabila dapat menghasilkan tambahan bekalan padi, cukup baik. Saya dapati semua orang di Jelapang suka dengan projek ini, suka dan berterima kasih, orang PAS ke UMNO ke mereka semua suka sebenarnya, boleh dikatakan masyarakat Jelapang mengalu-alukan projek ini malahan pada tahun ini Pejabat Pertanian mencadangkan tidak perlu tanam padipun tetapi rakyat Jelapang kata *balah mana-manapun* kita nak tanam jugak sebab mereka tidak lagi mahu tanah di Jelapang itu jadi tanah *rang,* tanah terbiar, sukanya rakyat Jelapang walaupun hasil tidak *sebalah* mana tahun ini. Mungkin bagi orang politik rugi apabila rakyat suka kepada usaha Kerajaan, rugi bagi mereka apabila orang Jelapang tu suka dengan Kerajaan, petang-petang

penuh di baruh kerana itu dicari jugak usaha, difikir juga nak buat guana supaya orang Jelapang itu ada rasa curiga kepada Kerajaan, ditimbulkan cerita konon-kononnya Kerajaan nak rampas tanah orang Jelapang. Baru-baru ini dibuat perhimpunan, saya *check-check* ada dalam 40 orang, ada orang kata 30 dan ada orang kata 50, saya ambil di tengah-tengah 40 orang. Apabila kita semak semua ada 5 orang, orang UMNO, hak orang bukan UMNO tu orang Pelong *tubik,* orang Langkap *tubik* dia bawa dengan kereta, 5 orang, orang UMNO di Jelapang yang keluar itupun dia ambil dengan motor kerana katanya: "Kita nak buat perjumpaan di baruh petang ni untuk nak bincang hal nak tanam padi." *Tubiklah* kawan ni pergi ke sana tapi rupa-rupanya nak buat demonstrasilah konon-kononnya, nak buat perhimpunan bantah kerana Kerajaan nak rampas tanah orang Jelapang. Kenyataannya tanah itu ialah tanah Kerajaan, statusnya tanah Kerajaan tapi ada sebahagiannya kecilnya merupakan tanah haram yang diusahakan lama dulu dan tanah itu termasuk jugak dalam tanah yang hendak dibangunkan ini. Kalau Kerajaan nak rampas, rampas untuk apa Kerajaan nak ambil balik tanah itu. Dan usaha Kerajaan nak buat ini Kerajaan nak suruh orang bertanam padi, kalau Kerajaan ambilpun Kerajaan nak suruh orang tanam padi jugak. Kalau orang di situ nak tanam padipun kira jalanlah. Tidak ada hasrat Kerajaan nak ambil balik tanah itu tapi dicari *pointnya* supaya rakyat di Jelapang itu marah kepada Kerajaan konon-kononnya Kerajaan nak ambil balik tanah itu. Tuan-tuan kalau hasratnya nak *kocok* orang Jelapang, suruh orang Jelapang marah kepada Kerajaan takkan berjaya, orang Jelapang itu memang cukup setia dengan Kerajaan, cukup berterima kasih dan suka dengan projek yang dibuat di kampung mereka, tambah-tambah pulak sekarang ini sebelah itu pulak nak buat projek kambing atas tanah paya sebenarnya di mana Kerajaan terpaksa berbelanja nak tambun tanah itu saja sudah berapa juta habis, orang kampung suka. Jadi saya berharaplah usaha-usaha seperti ini tak usah buatlah yang akhirnya menimbulkan masalah sahaja kepada rakyat yang jadi mangsa, yang ruginya ialah rakyat kita. Kalau Kerajaan berasa panas dengan apa yang mereka buat katakanlah, Kerajaan ini kadang-kadangnya, takutnya mari *desing* dengan apa yang mereka buat, dah nampak *takmboh* sangat kepada projek yang Kerajaan buat tak usah buatlah misal kata, yang akan ruginya ialah rakyat kita, orang Jelapang dan rakyat Terengganu. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya perkara ini tidak dibuat yang akhirnya merosakkan rancangan yang kita usaha, yang kita rancang dengan begitu baik.

Dato' Yang Dipertua, saya rasa setakat ini sahajalah ucapan saya. Terima kasih di atas peluang yang diberi dengan ini Langkap menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Seterusnya dijemput Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan.

Menggulung pada petang ini saya ingin mengambil sedikit masa untuk mengulas berkaitan dengan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berjumlah RM1.95 bilion ini dan saya rasa ini Bajet Berimbang yang dikirakan sebagai lengkap yang mencakupi semua program dan aktiviti-aktiviti dan projek-projek Kerajaan yang meliputi semua sektor, saya lihat termasuk sektor pelancongan yang diberi penekanan, sektor perumahan, usahawan juga ini sektor saya sendiri dan berbagai-bagai lagilah. Ini merupakan satu Belanjawan yang besar yang meningkat lebih kurang 3% daripada tahun lepas dan sudah tentulah Belanjawan yang sebegini besar memakan masa yang banyak untuk melaksanakannya. Kita telah membuat perancangan dan nak pastikan supaya jumlah ini dapat dibelanjakan sepenuhnya. Pada setiap tahun saya rasa saya jugak memberi pandangan supaya agensi-agensi kerajaan yang menjadi agen pelaksana mengambil kira jumlah yang besar ini sebab saya rasa sudah tentulah ada cabaran dan halangan untuk kita membelanjakan jumlah sebesar ini. Kadang kalanya apabila Belanjawan sebesar ini dibentang kadang kala ada masanya kita perlu mengambil kira perancangan awal menyediakan tender dan sebagainya dan sekiranya jabatan kerajaan khusus jabatan pelaksana seperti JKR, Pejabat Daerah, JPS tidak mengambil kira lebih awal perancangan ini sudah tentulah saya rasa peruntukan itu tidak dapat dibelanjakan. Jadi sepertimana yang saya sebut selalulah perlu ada penyelarasan di peringkat agensi pelaksana supaya jumlah yang besar ini dapat dibelanjakan dan halangan-halangan dan cabarannya dapat diatasi, mungkin dengan cara ini kita tidak akan dapat lihat lagilah program-program yang tergendala, projek-projek yang runtuh dan sebagainya mungkin itu akan menjadi satu perkara yang lepas. Kita harap dan kita tahu Bajet kita ini ialah yang ketiga besarnya di negara kita dan sudah tentulah cabarannya besar jugak. Tetapi ini perlu sebab masyarakat kita, rakyat kita masih lagi di peringkat memerlukan cetusan wang daripada Kerajaan di samping juga *investments* dengan izin, daripada luar. Pelaburan daripada Kerajaan perlu khususnya daripada negeri

Terengganu kita ini dan sebab itulah Kerajaan membelanjakan wang yang besar ini untuk nak mempastikan setiap sektor yang kadangkalanya tidak dilabur oleh pihak swasta dilabur melalui wang Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengulas sedikit berkaitan dengan beberapa perkara yang telah dilaksanakan di bawah portfolio saya. Pada tahun ini saya ucap terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah meluluskan lebih kurang RM2 juta untuk diberikan kepada usahawan dan saya harap peruntukan ini dapat dimenafaatkan sepenuhnya khususnya usahawan-usahawan kecil seperti penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kampung, ibu-ibu tunggal dan sebagainya boleh memenafaatkan wang ini, peruntukan ini yang saya rasa begitu diperlukan sebab ini adalah merupakan sektor yang boleh membantu ekonomi negeri kita iaitu sektor penjaja-penjaja kecil dan usahawan-usahawan kecil ini. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah meluluskan RM2 juta buat permulaannya mungkin kalau dapat dikaji semula untuk tambah sedikit lagilah sebelum pilihan raya ini, insyaAllah. [Terdiam sebentar mencari sesuatu] Sekejap Yang Berhormat, saya tak jumpa nak cari kertas ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah ….. kertas tak jumpa duk sibuk nak bertanding.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG BIN TERA (Wakil Cukai): Ada, ada. Yang keduanya, saya juga nak maklumkan Kerajaan juga meneruskan lagi Program Pusat Pertumbuhan Desa dengan peruntukan lebih kurang RM15 juta dan kita harap kita dapat menambahkan lagi ruang-ruang niaga yang ada di kampung-kampung ini supaya kita dapat meningkat dan membangunkan kawasan luar bandar ini. Jadi saya rasa inilah perkara yang perlu kita buat dan Kerajaan begitu prihatin dengan keadaan di luar bandar ini dengan setiap tahun kita memperuntukkan lebih kurang RM15 hingga RM20 juta setahun.

Yang ketiga, yang ingin saya sebut ialah berkaitan dengan koperasi. Walaupun koperasi ini saya sebut di bawah naungan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga ingin mempastikan Pembangunan Koperasi juga diberi penekanan sebab koperasi juga boleh membantu usahawan-usahawan ataupun masyarakat kampung meningkatkan pendapatan mereka. Dan sebagai dasar kerajaan kita hendak menambah koperasi kampung ini dengan kita mengadakan koperasi peringkat

qariah masjid. InsyaAllah tahun ini kita dah dapat begitu banyak *interest* ataupun banyak masjid-masjid yang telah memberi keinginan untuk mewujudkan koperasi ini.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengulas berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Bukit Tunggal berkaitan dengan pengisian KUT. Sebenarnya KUT ini sudah siap dibina dan sekarang ini Kerajaan sedang berusaha membuat pengisiannya. Antara pengisian-pengisian yang telah kita rancang adalah yang pertama kita nak adakan apa yang kita panggil Kota Batik di situ, di mana kita akan wujudkan satu semacam *Factory Outlet* dengan izin, di kawasan KUT ataupun Kompleks Usahawan Terengganu ini dengan menggerakkan atau memasukkan peniaga-peniaga batik di situ dalam bentuk *Factory Outlet.* Keduanya, kita akan masukkan *Pasar ICT,* insyaAllah, yang semacam ICT di Lowyat tu, ini juga akan kita buat insyaAllah kita akan boleh mempertingkatkan lagi peniaga-peniaga dalam bidang ICT ini di situ. Kita juga insyaAllah, bercadang untuk mewujudkan *Cineplex* di situ sebab kita merasakan orang-orang muda selain daripada sukan mereka memerlukan hiburan dalam bentuk *Cineplex* ini yang kita ada ruang untuk kita isikan di situ *Cineplex* di kawasan tersebutlah. Dan yang lebih itu kita akan adakan ruang-ruang untuk penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil lain. Jadi insyaAllah, kita jangkakan pada awal tahun hadapan KUT ini akan dapat dibuka untuk keperluan orang ramai dan boleh ……

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, mintak laluan Yang Berhormat Cukai? Dato' Yang Dipertua Dewan pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Exco, adakah pada tahun depan akan diperbanyakkan lagi Skim Penjelmaan Kereta Sewa Wajah Baru?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG BIN TERA (Wakil Cukai): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya habiskan sikit lagi hak ni. Jadi untuk KUT ini insyaAllah, tahun depan kita akan laksanakan …….

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksudnya KUT di Banggol Donas itu kan? Cuma saya nak mintak kepastian pihak Kerajaan sebab saya dimaklumkanlah sebab saya belum masuk lagi, dikatakan ada keretakan di bangunan ini, adakah itu betul?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG BIN TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setahu saya tidak adalah setakat ini tetapi kita sedang buat pengubahsuaian pada sebahagian daripada kompleks itu untuk dijadikan hotel jadi bukannya keretakan dan sebagainya. Kita rasakan tidak ada masalah besar dari segi struktur di situ. Berbalik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Jabi, apa soalan Jabi tadi lupa dah? Ya, tabung teksi tadi, okey, minta maaf. Seperti amalan dahulu juga kita akan teruskan tabung teksi ini, masih dibuka malahan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah bersetuju supaya diberi juga kepada bas. Dan insyaAllah, tahun depan kalau ada peruntukan yang lebih sikit kita akan buka juga tambahan untuk bas sekolah. Jadi program ini diteruskan sebab ini saya rasa penting untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil tempatan kita.

Dan akhir sekali ialah berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Jabi jugak saya rasa iaitu berkait dengan Pekan Jabi. Jadi sekarang ini pengambilan balik tanah sedang dalam proses pada awal bulan 12 baru-baru ini dan insyaAllah pengambilan balik tanah tersebut akan diambil balik tanah seluas 6.4 hektar. InsyaAllah kita akan laksanakan Pusat Pertumbuhan Pekan Jabi ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu saja ulasan saya dan saya pohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan kepada Kerajaan yang prihatin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Cukai. Kita jemput Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *(Membaca ayat/doa muqaddimah).* Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, terima kasihlah kepada Wakil Bukit Tunggal, Wakil Hulu Besut, Wakil Kuala Berang yang telah membangkitkan beberapa perkara tetapi saya, rakan-rakan duk sebut panjang tapi saya tak panjang sebenarnya hanya beberapa minit saja sebab rakan-rakan telahpun menjawab. Wakil daripada Telemong telahpun menjawab bagi pihak saya untuk soalan yang dibangkitkan oleh Bukit Tunggal. Jadi kerja-kerja saya agak mudah pada petang ini.

Namun demikian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pelancongan adalah tentang dengan izin, *managing the numbers.* Apapun yang hendak dibangkitkan sebagaimana kata Bukit Tunggal yang menyebut itik mati, angsa mati dan sebagainya. Mengikut angka *(number)* yang baru saya perolehi daripada Januari sehingga November sebenarnya adalah 3,315,766 dekat dengan sasaran kita untuk tahun ini belum dimasukkan lagi bulan Disember.

Jadi saya nak komen sikit tentang apa yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal, memang betullah Pulau Burung yang Yang Berhormat lawati, sayapun tengok dalam Buletin Online Yang Berhormat sendirilah, Projek Ngigau Dalam Operasi Terjah katanya. Saya tengok video tiga-tiga yang *diupload* di dalam internet itu untuk tontonan orang ramai. Jadi memang kitapun memang tidak mengharapkan Yang Berhormat menyatakan perkara yang baik tentang Kerajaan. Tapi saya dengar dalam video itu, dia ada 3 orang rakan Yang Berhormat tu ada yang tanya: "Itu angsa apa pulak yang besar sikit dalam air?" Itulah saya dengar jauh-jauh saja. Dalam erti kata lain rakan Yang Berhormat jugak tidak pernah melihat rupa Swan ataupun Breasted Goose yang ada di Kenyir itu dan ini merupakan kali pertamalah pada kita dan ini menunjukkan bahawa rakan Yang Berhormat Bukit Tunggal jugak setidak-tidaknya menghargai apabila kita bawa haiwan-haiwan daripada luar. Memang daripada 11 spesis itik dan angsa daripada 101 ekor yang berharga RM223,750 yang tinggal pada hari ini adalah 35 ekor memang kita akui dan ini bukanlah satu tragedi ataupun satu malapetaka yang besar kerana kalau kita melihat daripada objektif utama pembinaan Taman Burung adalah untuk pemuliharaan alam semulajadi, implikasi terhadap alam sekitar bagi meminimumkan kerosakan flora dan fauna serta ……

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak penjelasan? Ya. terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Cuma soalan yang kita timbul adalah bagaimana pulau yang belum siap sepenuhnya dan tidak dijamin keselamatan haiwan yang nak dilepaskan itu telah dilepaskan. Itulah persoalan yang kita timbul seolah-olah kita tidak ambil satu tanggungjawab ke atas keselamatan haiwan tersebut sehingga daripada 101 tinggal 35 ekor, ini suatu perkara yang agak dan kita kesalkan jugaklah mungkin adakah jadual siap itu tidak ikut waktu yang sepatutnya kita dapat masukkan haiwan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, objektif yang kedua ialah tarikan

alam semulajadi akan digunakan seperti membuat sarang burung tiruan dan *feeding station* bagi menarik burung. Jadi yang ini memang kita tidak harapkan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal untuk menyebut bahawa kita membina *feeding station,* kita membina sarang tiruan tetapi yang dicari, yang ditunjukkan adalah perkara-perkara yang buruk sahaja. Seperti juga tarikan buatan *walk-in aviary* akan menggunakan konsep santai di mana pengunjung akan melihat burung .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan? Terima kasih. Kita bukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mohon tu jangan paksa begitu, 'mohon' (dalam nada yang lembut) begitu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Takdok* paksa-paksa. Kawan saya, saya mintak dengan biasa saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya yang mendengar ni supaya 'mohon' itu dengan cara yang molek sikitlah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itu kalau Yang Dipertua dengar begitu saya minta maaflah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila, sila mohon.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dah pohon dah, dia bagi dah. Cuma persoalan sayanya bukan kita nak cari kelemahan ke apa, cuma saya dah pergi memang dengan harapan kita pergi itu kita nak tengok suasana di dalam, saya ingat mungkin dah lebih 2 tahun, nak tengok jugak hak orang Terengganu. Jadi bila kita pergi Jaga kata belum buka lagi tak boleh masuk, saya kata: "Bagaimana kita nak tengok barang-barang?" Dia kata: "Lalu ikut luar ajelah *round*." Jadi itulah yang kita nampaknya. Jadi persoalan kita kenapa perkara ini begitu lambat untuk disiapkan sedangkan pulau itu bukan sebesar mana, projek itu bukan besarpun, itu aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal, saya bandingkan dengan

laman web, sayapun tak nampak masa Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal pergi. Ada seorang lagi peminat Pulau Burung ini, kalau Yang Berhormat nak pergi bolehlah layari 'Terengganusohor' yang mana orang ini orang luar yang menunjukkan keindahan Taman Burung dengan habitat flora dan faunanya daripada sejarah pulau mati - Taman Burung yang seluas 166 ekar dengan mengambil gambar pintu gerbangnya, tangganya yang cantik dan sebagainya yang sungguh cantik.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Sekejap lagi saya nak habiskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua penjelasan, yang kita pergi itu tak cantikpun, tak ada apapun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Pelawok aje kot.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat tak pernah *upload* gambar makmal, Pusat Penetasan yang menjadi mekanisasi pelengkap taman tersebut. Yang Berhormat juga menafikan bahawa pembinaan ini memberi menafaat, memberi satu pulangan ekonomi kepada masyarakat setempat. Sayapun tak nak komen banyaklah tapi kalau Yang Berhormat rasa itik dan angsa itu menjadi satu perkara yang amat besar tapi saya rasa tidaklah begitu. Saya rasa kesian jugak kepada rakan saya ini, rakan saya ini sebagai orang yang berkelayakan bila bercakap sepatutnya memberikan ….. apalah salahnya kita memberikan cadangan untuk pembinaan Medical Hospital di UniSZA sebagai kita seorang doktor pada hari ini daripada kita pergi cari itik mati dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua mohon penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boss dia mintak penjelasan ni Yang Berhormat? Dia beri. Pesuruhjaya dia terpaksa sanggup.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Bukan kita nak cari silap semata-mata tapi kita nak beri peringatan kerana benda ni walaupun projek kecil tapi itu menampakkan sejauh mana keseriusan kita nak melihat sesuatu perkara yang kita buat itu berjaya. Saya sendiripun terkejut peringkat awal apabila dimaklumkan tentang projek ini, saya tak pergi, rakan saya pergi tapi harga Whooper Swan RM5,600 seekor, mahal pada motosikal. Red Breasted Goose RM4,200 seekor. Jadi sekarang ini jumlah itu walaupun hanya sekadar RM223,750 yang daripada 101 ekor tinggal 35 ekor, lepas tu kata ada dia punya Pusat Penetasan semua sekali. Semalam Telemongpun beritahu, Wakil Telemong kata telur banyak tapi tak menetas ke guana dok tahu pasal kes spesis orang Putih kita ni duk Telemong ke, tapi tak tahulah. Tapi maknanya biar serius, biar nampak perancangannya usaha kitanya walaupun projek kecil tapi ada kesungguhan kalau tidak orang buat main *sokmolah* ke kita. Jadi tak timbul soal kata Wakil Teluk Pasu tadi soal projek Hospital UniSZA ada soalan kita tapi tak sempat dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Tak apalah kita bersyarah semula. Memang betul harga tu, saya buat Sukan Rakyat di belakang rumah saya, saya cari 100 ekor itik untuk Pertandingan Mengejar Itik tapi bukan kita nak ambil itik orang kampung nak pergi tunjuk di Kenyir, Yang Berhormat Wakaf Mempelam pulak kata apa bendalah ambil itik orang kampung dengan harga RM5 seekor, saya rasa tidak menasabah jugak. Beginilah Yang Berhormat, Yang Berhormat tengok kalaulah kita nak bangkitpun dalam Dewan ini, Ogos 17, 2010, Surabaya: "Kecuaian dan sengketa dalaman antara pengurusan zoo terbesar di Indonesia menyebabkan beratus-ratus haiwan mati, seekor Harimau Sumatera berusia 20 tahun mati, seekor ……

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Mohon penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Nanti saya habis dulu Yang Berhormat. Seekor Singa betina mati ……

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Itu tak berkaitan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): ..... dari Jun hingga Ogos sahaja 20 ekor haiwan yang mati akibat sakit dan tinggal dalam kandang yang sesak. Juga pada Januari lalu 13 ekor anak biawak komodo mati kesesakan dan kurang cahaya matahari. Keseluruhannya 362 ekor haiwan mati pada tahun 2008 dan 327 haiwan mati pada tahun 2009. Ini baru menasabah, ini kita ambil itik mati dan kita pergi bilang pulak, itu bukan kerja Wakil Rakyat tu. Minta maaf Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Dah ada itik bilang itik, ada biawak bilang biawak, ada orang bilang orang, yang masalahnya dalam *you* punya web ada tunjuk itu makmal apa semua tapi kita nak masuk tidak boleh, dia tak beri masuk dah macam mana nak tengok? Itu persoalannya yang timbul. Jadi kita tertarik .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya rasa lain kali Yang Berhormat kena mintak kalau nak pergi, jangan pergi mengejut begitu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Dah bila tempat pelancongan, dia terbukalah untuk orang tengok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pelancongan dia buka tapi itu makmal bukan pelancongan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Dah maksudnya di pulau itu dia kata ada, dah saya tak boleh masuk tak tahulah ada ke, tidak ke sarang burung, Allahua'alam sebab benda tak boleh masuk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sayapun boleh jawab itu Yang Berhormat, sebab saya pergi sokmo, saya boleh tengok kalau saya mintak.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Tapi saya tak boleh masuk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah pergi nak buat *nyusut,* nak lapor benda yang hodoh.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Tak bukan menyusut, kita pergi secara terbuka mengguna pemandu pelancong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi sekarang ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak payah jawablah Yang Berhormat, teruskanlah saya ingat tak boleh selesai kalau ikut Bukit Tunggal punya *style* ni. Sila, sila Yang Berhormat teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sikit, sikit aje. Saya .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Bukit Tunggal): Saya mintak penjelasan yang telus, ini kait dengan hospital, apa kena dengan hospital pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Tak apa saya beri, saya beri, *takdok* masalah kawan-kawan belaka ni, *classmate* masa dulu ni.

Ikat papan kayu persegi,
Perahu sangkut di Pulau Angsa,
Dah tahu bertanya lagi,
Kalau jawab rugi masa ....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit. Saya rasa benda ini biarlah serius, takkanlah kita mintak penjelasan Yang Dipertua pulak berlawan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah serius. Saya tengok Yang Berhormat tak serius, Yang Berhormat sana jawab Yang Berhormat tak nak dengar. Yang Berhormat kita masa ni .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bila saya tak nak dengar? Saya dengar sebab tu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita berbalik kepada ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul, betul saya nampak cara Yang Berhormat. Sila, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dia cerita saya nak pergi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cakap yang tu aje, saya dah nilai perkara yang sama saja. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ..... adil tak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Adil, adil.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tidak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bercakap tidak adil nak suruh saya adil. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allahuakbar, sayapun satu hal jugak nak mintak kawan saya ni daripada Teluk Pasu ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kawan, kawan, cakap molek-molek sikit, cakap biar betul.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi sekarang ini jangan marah lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, sayapun hilang sabar jugak dengan keadaan yang tak tentukalu macam ni. Kita Dewan yang bersidang dengan molek. Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kena sabar, sabar nak buat macam mana begitulah kita orang politik ni. Cumanya begini, cara jawapan tadi bila kita bercakap hal itik semua sekali duk banding dengan itik kampung dengan itik hak importlah. Lepas tu apabila persoalan ditimbulkan, kita *duk khabor* hak tempat lain pulak hak mati di sana, mati di sini, jadi saya rasa tak betul tu, kalau saya nak bangkit hak di Zoo Kemaman banyak yang mati jugak. Ada doktor tu dah nak berhenti dah dia telefon ke saya suruh pergi tengok zoo yang dalam keadaan teruk, kambing mati, apa mati di Zoo Kemaman. Jadi memang kita akui kosnya tinggi dan kalau Zoo Negara itu memang ada syarikat-syarikat *sponsor* untuk beri makan nak *maintain* binatang-binatang untuk pertunjukan …….

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Teluk Pasu nak suruh Wakaf Mempelam bersyarah ni ataupun nak bagi macam mana, penjelasan saja?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak ….. Jadi kalau tak boleh bagi pandangan langsung, tak boleh nak mintak langsung …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah, saya nak tanya Teluk Pasu ni sebab dia orang ni penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Ada lagi? Takdok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila teruskan Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak Wakil Bukit Tunggal kalau nak melawat sekali lagi tu insyaAllah kita akan beritahu kepada pihak kakitangan supaya memberi maklumat kepada Yang Berhormat. Memang kita kira pelancong ni kita tidak kira apa partilah, memang kita sama-sama untuk memberikan dengan izin, *economic effect* yang bagus kepada kawasan kita. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa yang pentingnya ialah orang datang ke tempat kita dan kita memperlihatkan kalau kita ada satu tasik yang baik insyaAllah, suatu masa nanti ianya akan menjadi tarikan kepada kita.

Untuk menjawab soalan Hulu Besut tentang LA Hot Springs, memang LA Hot Springs satu kawasan yang amat menarik dan kita sedar bahawa satu program perlu diadakan apatah lagi sempena dengan Tahun Melawat Terengganu 2013. Kita akan adakan program untuk melihat bahawa kawasan ini perlu diberikan perhatian dan kita telahpun menambah baik kawasan ini dan insyaAllah, pada tahun-tahun hadapan kita akan tambah lagi kemudahan-kemudahan yang ada termasuklah *wading pool, thermos* atau bekas air panas yang memberikan rawatan kepada kita.

Untuk Wakil daripada Kuala Berang tentang Kompleks Tulisan Jawi, memang kita dalam peringkat akhir menentukan bangunan Kompleks Tulisan Jawi yang berharga RM20 juta dan akan kita masukkan di dalam pembangunan tahun hadapan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah menyentuh tentang pelancongan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu, kita jemput Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Membaca ayat/doa muqaddimah).* Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan Pemerhati yang hadir pada hari ini, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat petang.

Sebenarnya saya rasa tidak ada mood sikit. Dato' Yang Dipertua, saya rasa mood kurang sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sama, saya sama.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Sebab kawan saya di sebelah sana daripada 8 tinggal 3 saja sebelah petang. Jadi nak bercakap rasa habis air liur saja, tak sedap. Tapi walau bagaimanapun, untuk memenuhi cita rasa kawan-kawan kita yang lain saya selaku salah seorang ADUN dan juga Exco Kerajaan Negeri, hari ini turut menyokong Bajet 2012 yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berjumlah RM1.950 bilion meningkat dari tahun lepas. Jadi dalam buku Bajet ni saya nak baca lebih kurang perkara-perkara yang berkaitan dan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri iaitu mengenai 'Mengungguli Pembangunan Pendidikan Awal' sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah merupakan berkebajikan. Dan seterusnya peluang melanjutkan pelajaran ke pra universiti dan pengajian tinggi, berkebajikan. Dan seterusnya lagi Program Membasmi Kemiskinan lagi berkebajikan. Dan seterusnya Pembangunan Orang Asli, berkebajikan. Dan seterusnya memajukan sektor pertanian dan asas tani, berkebajikan. Dan seterusnya lagi, Program Perumahan Untuk Rakyat, berkebajikan. Dan lagi, Tabung Darul Iman lagi berkebajikan. Lepas tu, Pembangunan Bekalan Air, Pengairan Dan Saliran, berkebajikan. Dan seterusnya, mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, berkebajikan. Dan seterusnya lagi merancakkan sektor pembinaan, berkebajikan. Dan seterusnya, memelihara kebajikan dan meningkatkan kemudahan kesihatan lagi berkebajikan. Dan lain-lain lagi tu, saya tak payah sebut. Saya nak royatnya ini semuanya Bajet RM1.950 bilion yang kita bincangkan dua hari dan termasuk tiga hari, hari ini semuanya

adalah berbentuk berkebajikan. Jadi saya pelik tapi pelik walau bagaimanapun saya rasa syukur jugak kepada Allah S.W.T., kepada rakan-rakan kita yang di sebelah sana nun, maknanya Tuhan buka juga akhirnya pintu hati dia sedar jugak rupanya berkebajikan ini mustahak. Tapi alangkah sedihnya setelah kita merdeka 54 tahun barulah *deme* ni sedar. Kita sejak merdeka lagi dah Barisan Nasional, Perikatan terus sampai sekarang masih melaksanakan tugas-tugas berkebajikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Penjelasan, penjelasan. Tadi waktu makan tengah hari tadi Dato' Yang Dipertua, ada kawan-kawan mencadangkan kepada Hulu Besut supaya pergi ke Bosnia .....(Wakil Jabi gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Jabi saya ingat perlahan sikitlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Kemudian ambil anak Bosnia sebab Hulu Besut kosong, apakah itu berkebajikan atau tidak?

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Hak tu saya serah kepada Yang Dipertua Dewan untuk jawablah. Jadi berbalik kita bercakap kepada kebajikan, jadi saya sebenarnya Exco Kebajikan, jadi hak tulah saya ni rasa nak bercakap pasal kebajikan. Jadi nampaknya saya sekarang ini saya semakin hebat, saya duk ingat selama ini dok berapa molek, rupanya sekarang ini orang dah duk berminat sangat pasal kebajikan ini. Jadi saya nak mintak tolong Dato' Yang Dipertua, tolong bisik kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tu sikit selepas pada inilah, naik elaun saya sikit ....(Dewan gelak) .... Sebab dia sebut saja kata Exco Kebajikan, dia mesti berkebajikan *sokmo*, jadi kena tambahlah sikit Yang Amat Berhormat Menteri Besar selepas ini, kalau takmboh beri RM5,000 tambah RM10,000 sebulan maknanya. Saya nak royat maknanya mustahaknya Exco Kebajikan. Kawan kita tu nak bina Negara Berkebajikan, sekarang ini saya ni dah berkebajikan dah, saya tak tahu berkebajikan hak *deme* tu lebih baik daripada saya ataupun hak saya ni dijadikan *role model* untuk *deme* tu sebab saya ni mewakili Kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya dok tahu hak balik sana tu kosong yang 5 kosong, 3 yang ada, kalau bilang hak balik sini ni dari sana sampai ke tempat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, 24 penuh. Ini bermakna 24 kerusi ini adalah *winnable leader*, jadi hak sebelah sana tu bukan *winnable*. Jadi saya nak beritahu kepada *deme* ni, ada Wakaf Mempelam sebut kelmarin, kita

lepas ni Persidangan terakhir dah, takdok dah. Dah tu nak *gi kuana* tu Wakaf Mempelam dah kata berakhir dah. Saya nak tanya nak beri ruang ni maknanya berakhir ni, nak pergi ke mana kita agak-agak lepas pada ni. Mintak tolong beri penjelasan sikit boleh *dok?* ....(Dewan gelak) …… Sekala sebelah sana saja beri penjelasan sebab saya tak berapa nampak, jadi saya beri ruang, jadi sebelum dia sebut, biasanya dia naik dulu, mintak dulu tapi ini saya beri dulu. Jadi *takdok* tak apalah. Terima kasih. Jadi bagi saya, saya sebagai mewakili Kerajaan Barisan Nasional hari ini, orang warna biru ni tetap ada dia takkan ke mana-mana. Kalau 24 kerusi dah masih ada kita akan kekalkan dia 24 kerusi dan kita nak curi lagi hak mana ada sebanyak 8 kerusi dalam Dewan ini. …..(Tepukan sokongan) ….. Jadi nampak pada gayanya dia *surrender* awal-awal dah hari ini, bermakna dari 8 tu tinggal hanya 3 lagi. InsyaAllah, 5 daripada hak sebelah sana tu akan menjadi milik Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu dalam pilihan raya akan datang. Saya rasa saya tak perlu cakap banyak dah, saya nak *kecek-kecekpun* Sura tak mari, hak dulu dia tak mari dah, saya *royat* dah hak Bukit Catak Rumah PPRT tu, dia dok royat pulak sekali hak di Bukit Catak mintak Rumah PPRT hak buat homestay, dia *royat* dah tapi dia *takdok* pulak hari ini, jadi susah saya. Cuma saya nak *royat* ke dia, dulu buka sekarang ni tutup, biasa dia dah *time* kita nak kita buka, time kita *takmboh* kita kena tutup, betul dok Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ke lagu mana? Ke sudah main dok tutup main duduk nganga gitu molek? Jadi kena buka, waktu nak, kalau takmboh tutup. Hak tu saya nak beritahu kepada Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak celah lagi?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak, sebelah ni tak faham ni buka-tutup, buka-tutup, *gape* dia apam ke, apum ke, apa dia tu?

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Balik rumah malam *kakrang* boleh tahulah *gape* dia tu. ....(Dewan gelak) .... Jadi saya rasa tak perlu saya bercakap panjang kerana tidak ada *owner* dia takdok dalam ni, jadi saya *takmboh* cakap banyak Dato' Yang Dipertua, saya nak beri ruang sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk gulung dengan secara sebaik-baiknya pada hari ini. Jadi saya sebagai Wakil daripada Pengkalan Berangan turut menyokong Bajet 2012. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Berkebajikan. Sila Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtara, selamat petang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, Pemerhati-pemerhati, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sayapun tidak mahu mengambil masa yang panjang nampak sepertimana sahabat saya sebut tadi Wakil Pengkalan Berangan, menyatakan hak sayapun banyak jugak nak jawab ni tapi nampak wakil hak saya nak jawab tu tidak ada pada petang ini tapi boleh jugaklah saya timbul sedikit supaya dapat disampaikanlah kepada sahabat-sahabat kita yang tidak hadir pada petang ini. Pertama sekali saya nak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri di atas pengumuman Bajet 2012 kerana tetap pendidikan mengungguli Bajet dalam konsep strategi memantapkan pembangunan modal insan berkualiti. Keutamaan yang tertinggi adalah sektor pendidikan dan pembangunan modal insan dalam rancangan pembangunan kita yang melibatkan belanja RM60.3 juta. Jadi ini amat sesuai benarlah dengan apa yang berlaku kebelakangan ini kita melihat bahawa pembangunan modal insan yang sedang dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini memang tepat pada masa dan tepat pada landasannya berasas kita nak membawa Negeri Terengganu menjadi Negeri Anjung Ilmu. Jadi kalau melihat dari apa yang sahabat-sahabat saya sebut sebelum ini banyak dah sekarang ini kita tengok negeri kita sudah menjadi contoh dan menjadi ikutan bukan hanya pada negeri-negeri lain, kalau kita tengok hari ini dengan hafal,

dengan khatam Quran, hari ini banyak dah negeri-negeri lain mengikuti apa yang telah kita laksanakan dan juga apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat hari ini banyak mencontohi apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Cuma ada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh pihak Pembangkang terutamanya kepada perkara-perkara tertentu yang kita lihat hari ini bukan berasas kepada untuk melihat kepada kesejahteraan. Tetapi apa yang ditimbulkan hanyalah perkara-perkara remeh yang berulangkali disebut dan kadang-kadang perkara ini kita boleh selesai sahaja di antara anak-beranak sebenarnya. Contoh yang mudah hari ini tentang e-Book, sayapun malas, lenguh dah rasa nak jawab Dato' Yang Dipertua, tiap-tiap masa duk jawab tapi fokus yang diberi hanyalah kepada kelompok yang kecil, kalau diberi secara global, secara keseluruhan, ini difokuskan kepada Sekolah Kebangsaan SS II dan kepada satu keluarga sahaja. Sayapun tak tahulah Yang Berhormat Yang Dipertua, sama ada fokus ini keluarga ibu tunggal ke atau keluarga yang mana kerana saya juga nak dapat nama dari Wakil Ladang hari ini supaya dapat memberitahu saya siapakah sebenarnya yang memberi aduan ini kerana saya nak *check* jugak dalam e-Book itu, sama ada e-Book itu diguna oleh anak dia atau emak dia, kalau emak dia guna tu kita jugak kita kena selesaikanlah. Saya nak minta Yang Amat Berhormat Dato' Seri tolong bantulah menyelesaikan pemasalahan ini. Kerana yang sebenarnya saya nak tunjuk hari ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang mintak.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh, tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Yang Berhormat Exco, saya rasa banyak salah faham tentang apa yang saya ucapkan itu, tentang e-Book. Saya tidak menentang e-Book dan kita tidak menentang penggunaan dia, yang saya sebut itu bila saya bertanya kepada seorang kanak-kanak dia ambil periksa UPSR kebetulannya di SS II di mana saya pernah menjadi Yang Dipertua PIBG di sekolah itu. Saya bertanya ketika pergi ke rumah dia dan dia kata pada bulan Jun pihak sekolah ambil dan tak benar guna dekat periksa takut salah guna

dia kata, diapun berilah untuk disimpan, itu sajalah yang nak saya beritahu. Apakah itu benar berlaku? Saya tak yakin yang budak ini berbohong dan sayapun tidak berbohong apa yang saya cerita itulah apa yang saya dengar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Ladang, saya nak tunjuk inilah tapi kalau kamera boleh fokus, kadang kesian jugak Yang Berhormat Ladang, perkara-perkara yang begini boleh rujuk ke sekolah tanya sebab dia atas kes-kes terpencil perkara-perkara semacam ini. Sebab bila saya rujuk balik kepada pihak sekolah, pihak sekolah ada memberitahu jadi kemungkinanlah ibu kanak-kanak itu tidak beri tunjuk surat daripada sekolah. Surat yang bertarikh 7 Julai 2011, Penyerahan E-Book Untuk Penyelenggaraan Dan Pembersihan, surat ini daripada Haji Mohd Sidek bin Besar, Guru Besar, SK Sultan Sulaiman II yang memberitahu kepada ibu bapa dan penjaga, semua murid-murid tahun 5 dan 6 supaya menyerah balik e-Book kepada EIO untuk dibuat penyelenggaraan dan pembersihan. Kita juga seperti yang kita pernah alami sebelum ini kita dapati adalah kes-kes yang terpencil ……

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Mintak penjelasan sikit, tarikh surat itu bila?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Pada 7 Julai 2011 dan diserahkan pada 10 Julai 2011. Jadi dimintak supaya penyerahan e-Book ini pada 10 Julai 2011 yang dikeluarkan oleh Guru Besar sekolah ini, ini ada surat dengan saya kalau Wakil Ladang nak saya boleh beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang saya sebut tadi untuk darjah 6 saja.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini darjah 5 dan 6.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia kata dia ambil untuk simpan pada bulan 6 dan selepas UPSR baru diberi balik.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Hak tu saya ……

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kena *check* baliklah, yang ini saya tidak pertikai.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa tidak menasabah pulak sekolah ini buat surat ini kelmarinkan? Tak apalah Wakil Ladang. Saya rasa Wakil Ladangpun boleh sebab bekas Pengerusi PIBG boleh tanya balik kepada Guru Besarlah senang kalau perkara yang sebegini ataupun mintak lain kali supaya Wakil Ladang kalau kes yang terpencil sebegini telefon ke saya tak apa, kita pergi sama-sama tengok untuk menyiasat perkara ini berlaku atau tidak. Yalah kita akui jugaklah kadang-kadang ada kes-kes yang begini, tidak semualah guru-guru kita hari ini ada jugak sebilangan kecil hari ini yang kadang-kadang tidak memberi kerjasama sangat dengan apa yang Kerajaan buat kerana itulah saya nak jawab soalan daripada Sura tadi tapi Wakil Sura *takdok.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sikit lagi Yang Berhormat, boleh? Kita bincanglah.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa hak begini biar Wakil Ladang jumpa dengan saya sendirilah kes ni sebab ni satu kes aje ni daripada hampir 100,000 orang pelajar ada seorang saja yang berlaku kes semacam ini, jadi saya rasa kita perlu diselesai secara anak-beranaklah. Cuma saya nak timbulkan perkara yang satu lagi yang Wakil Sura, dia bawa beg Kursus Lestari, apa yang disebut sebagai Kursus Lestari Guru konsep kita Terengganu Anjung Ilmu yang ini Wakil Sura ia bertanya berkait dengan Program Melestarikan Terengganu Negeri Anjung Ilmu dalam siri keempat yang dia kata ada sahabat dia beri beg, sayapun nak tengok jugak beg itu supaya beg itu beg hak original ke, hak local. Jadi kita terkejutlah hari ini apabila dia buka macam-macam buku dia buat keluar sedangkan siri yang kita buat sekarang inipun dalam Program Lestari Guru ini kita dah melibatkan enam siri, melibatkan 1,200 orang guru-guru dan kita akan terus buat program ini kerana program ini konsep kita ialah untuk memperkasakan dan melonjakkan lagi prestasi pencapaian pendidikan Terengganu ke arah Terengganu Negeri Anjung Ilmu dan mencapai 201052 yang telah Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebut dalam Bajet ada dan seperti yang lepas kita sebut

dan hari ini kita tengok telah terbukti. Dan hari ini kita sedia maklum bahawa bukan hanya pelajar-pelajar saja kita beri motivasi, bukan ibu bapa saja kita perlu beri motivasi tetapi guru-guru juga kita perlu beri motivasi. Dan dalam beg itu saya tak tahulah, saya nak kata pembohongan bersiri saya tak tahulah sebab saya tidak pernah tengok lagi bahan-bahan yang ditunjuk oleh Wakil Sura tetapi dia *takdok* hari ini, saya ingat saya nak ambil tengok jugak beg itu hari ini. Saya tak tahulah sama ada …..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat …….

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya nak teruslah ni, saya *takmboh* beri laluan dah ni sebab saya nak beri sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Saya perhatikan hari ini ialah kita tidak pernah dengar *complain* hari ini saya tak tahulah siapa sebenarnya pembohong dalam hal ini sama ada yang tukang beri atau yang tukang sampai. Jadi tuan-tuan dan puan-puan sekalian boleh buat penilaian kerana kita tidak pernah langsung memberi hari ini buku-buku yang ditunjukkan itu sedangkan kita hanyalah menyediakan Buku 1Malaysia sahaja. Kita bagi beg, kita bagi Buku 1Malaysia dan kita buat program ini kepada guru dan Pegawai Pendidikan Negeri Terengganu supaya bermotivasi tinggi, berdedikasi dan kita dedahkan dengan faedah-faedah yang disediakan oleh Kerajaan. Kita beritahu apa-apa yang perlu dibuat berkait dengan e-Book, kita *takmboh* Cikgu hari ini menolak yang mengakibatkan nanti kesannya kepada pelajar-pelajar kita. Dan hari kita beri jugak input kenegaraan, ancaman-ancaman keselamatan yang kita lihat hari ini, kebelakangan ini banyak berlaku berkait dengan ajaran sesat, propaganda, kemudian ada isu-isu yang merosakkan akidah umat Islam dikatakan sebagai Nabi Muhammad S.A.W. sama dengan Mamat yang lain, kemudian Nik Aziz sama dengan Nabi, ancaman Kristianisme dan sebagainya. Perkara-perkara inilah yang perlu kita jelaskan kepada guru-guru kita dan kakitangan Pendidikan kita supaya mereka ini akan diberi satu suntikan dan mereka hari ini jelas tetang apa yang sebenarnya diperjuangkan oleh Kerajaan dalam memartabatkan pendidikan. Jadi soal-soal yang beginilah yang dititikberatkan supaya guru-guru hari ini seiring dengan apa yang Kerajaan buat. Kita tidak pernah mempertikaikan dan tidak pernah mempersoalkan kalau guru-guru itu nak sokong apa-apapun itu hak guru dan hari ini saya rasa memang guru-gurupun memang orang cerdik pandai belaka. Dia tidak ada masalah dia mari kursus orang beri apapun dia tak ada masalah

kerana dia ini orang cerdik pandai, dia sudah boleh menilai yang mana yang baik dan yang mana yang buruk. Jadi saya rasa di pihak Pembangkang tidak perlu takutlah dan tidak perlu runsing dan risau dengan apa yang telah kita laksanakan.

Satu perkara lagi ialah berkait dengan Wakil Batu Burok yang tidak ada juga pada petang ini, berkait dengan yang disebut hari ini, ada usul hari ini, apa saja dirujuk, dirujuk daripada Laporan Audit. Tetapi dia sendiri kena maklum dan sedia maklum bahawa Laporan Audit itu adalah untuk memperlihatkan ketelusan Kerajaan hari ini. Inilah Kerajaan yang bertanggungjawab hari ini bahawa Kerajaan hari ini nak menunjukkan kepada ketelusan, bahawa hari ini Kerajaan tak takut hari ini, apa yang kita laksanakan kita tunjukkan dengan penuh tanggungjawab dan ketelusan dan kalau ada permasalahan kita perbaiki. Jadi kita terima hari ini dengan Laporan Audit itu, jadi janganlah pula kita gunakan Laporan Audit itu untuk mencari kelemahan dan mencari kesalahan untuk memberikan suatu kemenangan kepada pihak kita. Jadi hari ini saya haraplah supaya pihak Pembangkang hari ini supaya dapat memberi kerjasama yang baik dalam pembangunan-pembangunan seperti ini kerana untuk makluman, pakaian sekolah hari ini kita hanya sekali sahaja kita bahagi pakaian sekolah pada tahun 2009, kemudian kita dapati banyak masalah, kita tukarlah dan selepas itu kita bahagi pitih dah hari ini. Sama juga yang disyorkan oleh Yang Berhormat Ajil yang mencadangkan supaya diberi komputer kepada pelajar-pelajar kita yang di universiti. Sebenarnya kita dah banyak berfikir hal ini, kalau kita nak beri komputer kita kena tarik balik kewangan yang kita beri sebab bantuan yang kita beri kepada pelajar-pelajar universiti sekarang kepada yang buat ijazah RM1,000, diploma RM750, sijil RM500. Jadi duit-duit yang sebegini sebenarnya boleh dah digunakan untuk membeli komputer, kerana hari ini pihak universiti sendiripun hari ini sudah tidak perlu lagi untuk kita menjelaskan yuran pada permulaan mereka pergi hari ini. Untuk tahun ini sudah diberi kelonggaran, mereka tidak payah dah hari ini bila mendaftar sahaja mereka perlu membayar yuran hari ini, mereka boleh menangguhkan sehingga mereka mendapat ……

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan sikit. Hari ini *sokmo* ni, esok bila pulak?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Hari ini, esok dan selama-lamanya, insyaAllah. Jadi saya rasa tidak

payahlah kita ulas tentang perkara-perkara yang sudah berlalu dan kita dah ambil perjalanan dan kita akan buat yang terbaik. Dan akhirnya, sayapun seperti yang saya sebut tadi sayapun takmboh ambil masa, kalau kira nak ulas panjang ni tiga hari tiga malam tak habis berkait dengan pendidikan hari ini. Saya nak ucap terima kasih banyak-banyaklah kepada sahabat-sahabat sekalian, nampaknya soalan pendidikan untuk sidang kita kali ini tidak banyak. Jadi saya berandaian bila tidak banyak maknanya dah berpuas hatilah tetapi di pihak Kerajaan, kita sentiasa tidak berpuas hati, kita akan terus menerus akan mempastikan dan memperkasakan pendidikan adalah agenda utama Kerajaan kita untuk mempastikan bahawa pembangunan modal insan ini. Cuma yang akhir sekali saya nak jawab soalan daripada Wakil Wakaf Mempelam. Sayapun hairan juga sebab Wakaf Mempelam tanya tentang Sekolah Menengah Agama Marang nak kata dalam kawasan Wakaf Mempelam tidak saya rasa tapi di kawasan Sekolah Menengah Agama Marang tapi dok tanya sekolah agama lain. Jadi bila saya tengok, tengok, tengok rupanya Penolong Kanan HEM dia adalah orang rumah kepada Wakil Wakaf Mempelam yang alhamdulillah isteri kepada Wakil Wakaf Mempelam menerima opsyen untuk masuk dalam skim SABK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mungkin nak suruh naik jadi Pengetua kot, timbalan ke?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi memang saya akui Sekolah Menengah Agama Marang dia 6 bulan dah tak ada Pengetua disebabkan peringkat awal kita (pihak Kerajaan) cadangkan sebab dalam perjanjian kita dengan pihak Kementerian, ini yang bagusnya bila kita menerima sahaja Program SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) maka dalam perjanjian kita untuk melantik pentadbiran adalah kita mohon supaya kuasa ini diberi kepada Kerajaan Negeri. Jadi pihak Persekutuan disebabkan aliran yang sama negeri dan negara maknanya sealiran, sepolitik maknanya mudah. Jadi mereka bersetuju supaya pelantikan Pengetua ini diberi kuasa kepada Kerajaan Negeri tapi kebetulan apabila kita cadangkan 3 orang pada peringkat awal yang sepatutnya telah dilantik pada bulan 8 lagi tetapi tidak dapat diterima kerana calon-calon itu tidak berkelayakan kerana ada beberapa syarat tidak dipenuhi. Jadi kerana itu kita angkat sekali lagi permohonan, kita cadangkan 3 orang lagi, kita belum lagi dapat keputusan dan salah seorang yang dicadangkan adalah isteri kepada Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih tapi saya tak mintak. .....(Dewan gelak) ..... Dia benda-benda begini saya kata 6 bulan sebuah sekolah tidak ada Pengetua adalah suatu benda yang cukup .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya sebab takdok masalah Wakil Wakaf Mempelam, sebab saya nak khabor ni kita tengok pasal Guru Penolong Kanan di situ guru-guru yang hebat-hebat belaka jadi takdok masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu bukan soalnya, jadi sekarang ni bila sebuah sekolah sampai 6 bulan takdok Pengetua ini suatu benda yang macam mana bila kata Kerajaan bersetuju keputusan nak lantik Pengetua terletak kepada Kerajaan Negeri, takkan sampai 6 bulan nak boleh buat keputusan, habis separuh tahun nak buka kelas baru pulak.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi kesan kepada pentadbiran, kesan kepada sekolah .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Dan saya duk perhatikan ini menampakkan kelemahan yang sepatutnya kita tak berulang. Jadi bukan nak bangkitkan soal orang rumah ke apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biarlah Yang Berhormat jawab.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak apalah begini Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Sebenarnya biar saya cerita dia punya senario.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Seberang Takir tak usah risau sebab ada negeri di Eropah takdok Perdana Menteri 540 hari.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh tak ada masalah, boleh memerintah dengan baik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak usah lantik Pengetua tak apa kalau macam tu.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Hari ini, inilah dia kehebatan sebenarnya kerana hari ini bukan kata Kementerian tak ada calon, Kementerian hari ini kalau kata Pengetua takdok hari ini, esok dia boleh hantar dah tetapi kerana perjanjian awal di antara pihak Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, Kementerian Pelajaran supaya memastikan bahawa guru-guru yang dilantik sebagai Pengetua adalah daripada syor ataupun cadangan daripada Kerajaan Negeri. Jadi almaklumlah kerana kebanyakan guru-guru daripada sekolah menengah agama di negeri Terengganu ini ada yang tidak menepati ataupun tidak ada beberapa kriteria yang sekarang ini sedang kita lengkapkan, kita cukupkan kerana kebetulan Pengetua daripada Sekolah Agama Marang ini telah dinaik pangkat ke Sekolah Menengah Agama di Johor. Jadi kita tunggulah, jangan risau, jangan runsing, sudah ada 3 orang calon-calon kita hantar dan kita tunggulah siapa di antara 3 orang ini yang akan dilantik sebagai Pengetua yang baru Sekolah Menengah Agama Marang, saya mintak Wakil Wakaf Mempelam sabar aje. InsyaAllah tahun hadapan kita boleh selesai.

Dan akhirnya sekali lagi saya jugak ada dengar daripada Wakaf Mempelam tadi dia sebut tadi dia kata ada Kelab UMNO di luar negara. Saya dah rujuk dengan Yang Berhormat Dato' Seri Khalid Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Saya kata kalau Kelab PAS buat di luar negara boleh ke tidak? Dia kata di luar negara takdok hal, buatlah kelab apa-apa, gajah-rimaupun, malah kita ada kelab-kelab lain jugak, PEMERAM (Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir) pun kita ada. Saya tak tahulah hak ni hak siapa ni tapi ada, ini aktif ni. Dan kita ada kelab pelajar-pelajar perubatan kita di Rusia, boleh tak ada masalah kalau PAS nak buat kelab PAS di luar negarapun dialu-alukan tidak ada masalah hari ini tapi tak tahulah sama ada pihak PAS berani atau tidak, itu sahaja.

Jadi saya rasa itulah sahaja penerangan yang ingin saya sampaikan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri di atas pembentangan Bajet Negeri Terengganu untuk tahun 2012 yang kita melihat bahawa Bajet ini betul-betul kepada kesejahteraan rakyat dan meliputi daripada sekecil-kecil sehingga sebesar-besarnya. Dan saya harap bahawa apa yang telah dirancangkan ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya demi

kita memastikan amanah dan tanggungjawab kita dalam mempertingkatkan bukan hanya kepada pendidikan dan juga pembangunan, bukan hanya pembangunan fizikal tetapi juga pembangunan modal insan kepada anak-anak Terengganu supaya apa yang berlaku hari ini akan menjadi suatu contoh dan teladan yang terbaik untuk masa yang akan datang kerana kita sedia maklum bahawa di antara jurang dan perubahan yang berlaku di Terengganu begitu hebat sekali kalau kita nak bandingkan dengan apa yang berlaku sebelum ini. Jadi saya rasa itu saja, saya ucapkan terima kasih dan saya juga turut menyokong pembentangan Bajet bagi tahun 2012. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Akhir penggulungan saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana setelah 3 hari saya membentangkan Bajet 2012 dan telah dibahas, diberi kritikan, diberi pujian dan sebagainya. Namun demikian, ini tidak bermakna kita melarikan diri dari tanggungjawab kita untuk menjadi negeri Terengganu sebagai sebuah Negeri Anjung Ilmu dan mudah-mudahan kita memberi kebajikan kepada rakyat negeri Terengganu.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, sukalah saya menarik perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama, Yang Berhormat ADUN Tepoh yang bertanyakan yang tidak sempat saya jawab saya mintak notis hari itu; berapakah jumlah bantahan atau pandangan mengenai RKK Tepoh? Dan mengikut maklumat yang diberikan kepada kita iaitu terdapat 18 orang hadir berserta 5 jenis bantahan berhubung sektor perkedaian, pusat perniagaan baru, infrastruktur, sumber pendapatan, pampasan serta perumahan dan penempatan semula. Keseluruhan jumlah bantahan daripada 18 orang ini ialah sebanyak 26 bantahan. Tarikh Mesyuarat Bantahan telah diadakan pada 12.11.2008. Kesemua bantahan dan pertimbangan dan empat syor baru setuju diterima pakai oleh pihak pengkaji setelah menerima pandangan, bantahan dan sebagainya. Antaranya ialah keperluan kawasan penempatan baru jika tanah

diambil balik berhampiran Pekan Batu 6. Kedua, iaitu pembangunan secara berfokus dan keperluan padang bola dijadikan tempat perniagaan sementara. Seterusnya iaitu pembangunan semula pasar-pasar baru dan keperluan perkedaian di kawasan RKK Tepoh. Dan semuanya ini telahpun dijadikan nilai tambah kepada RKK Tepoh sebagaimana dipohon dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Yang kedua, perkara yang sama berkait dengan masalah ini dibangkitkan oleh Wakil Alur Limbat dan juga Wakil Bukit Payong. Satu lagi iaitu mengenai masalah banjir yang berlaku di Pekan Bukit Payong dan taman-taman di sekitarnya. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia tapi saya sedih apabila kita jawab ramai Pembangkang yang tidak ada dalam Dewan ini, dia *tang* ke kita, kita tidak lari bila kita nak *tang* ke dia, dia *tembor* awal-awal. Iaitu banjir di Bukit Payong, kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Bukit Payong-Wakaf Tapai telah siap dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 14hb. September yang lalu. Dan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Projek Tebatan Banjir Sungai Buaya akan dilaksanakan pada tahun 2012. Perparitan Padang Leban akan ditender sebaik sahaja pengambilan balik tanah selesai dalam masa terdekat. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, bila kita ada lawatan dan kita bersetuju memberi peruntukan dan kelulusan ianya tidak dapat dilaksanakan dengan seberapa segera kerana melibatkan pengambilan balik tanah dan sebagaimana kita tahu proses pengambilan balik tanah memakan masa yang agak panjang dan sebagainya. Inilah halangan-halangannya tetapi tidak bermakna Kerajaan melarikan diri dari tanggungjawab sebab itu kita lihat bahawa hari ini semakin banyak kemudahan-kemudahan untuk kepentingan rakyat dapat dilaksanakan oleh Kerajaan.

Begitu juga mengenai Tasik Kenyir yang telah menjadi perbualan hangat kerana kes angsa, itik, belibih dibeli dari luar negara dan kematian dan sebagainya. Saya rasa sayalah orang yang setiap bulan pergi ke Tasik Kenyir. Dan kita sedar permasalahan ini. Dulu kita buat kita tahu persiapan yang kita buat, kita dah *check,* PERHILITAN dah cari siang dan malam musuh-musuh apa lagi yang ada tapi akhirnya kita tengok itik kita hilang, lepas itu baru kita temui 2 ekor ular sawa dan kita bunuh. Begitu juga yang menjadi masalah kepada kita dan sebab itu orang takut nak buat pembangunan, nak buat perubahan di negeri Terengganu ini takut kena *tang sokmo.* Jadi PAS ini sikap pemimpin dia bersikap negatif, duk ceramah di kampung-kampung kes Menteri Besar beli itik RM5,000, RM4,000 sekor. Nak jual itik dia kata jumpa Menteri Besarlah, Menteri Besar beli itik

RM5,000 seekor. Bukan sawa-nila kita beli, itik sekati kita beli, itik luar negara, saya kata tadi belibih, budak lening kenal ke tidak belibih? Dan belibih kita lari, belibih ini jinak kita boleh beri makan dan daripada luar negeri pulak. Saya dapat maklumat ada satu ceramah PAS, penceramah PAS itu kutuk saya beli itik, angsa mahal RM5,000 ke RM4,000 seekor, orang PAS tepuk tangan tapi ada seorang pakcik tu dia kata nasib baik jugak Menteri Besar beli boleh jugak kita tak payah ke luar negeri dapat tengok, kalau nak pergi ke luar negeri berapa ribu tambang saja, tak mampu kita. Ini hak yang boleh berfikir sikit walaupun tua tapi dia boleh berfikir lagu lain. Saya ingat lagi Dato' Yang Dipertua, benda-benda negatif ini rakan saya Wakaf Mempelam, pernah berhujah dengan saya dalam Dewan lama dulu, bila Kerajaan buat *Tioxide* masa tu buat kilang, Wakil Wakaf Mempelam bangkit negeri lain semua takmboh belaka *Tioxide,* racun, bahayalah apa semua sekali. Saya kata kalau racun ada ubatnya, dia ada cara dia, akhirnya bila *Tioxide* jadi tempat sarang PAS, saya sebut hari ini majoriti pekerja-pekerja, pegawai-pegawai orang PAS duduk dalam, senyap saja macam tikus jatuh dalam beras pemimpin-pemimpin PAS termasuk Wakil Wakaf Mempelam. Inilah hakikatnya sebab itulah saya merasa kecewa Dato' Yang Dipertua, ada sindiran-sindiran menyatakan tapi dia tidak ada hari ini, Wakil Manir. Dia kata Bajet Kesejahteraan Rakyat, dia *nganjing,* dia sebut macam-macam tapi kita boleh tengok, Bajet kita untuk kesejahteraan rakyat, tuan-tuan boleh tengok sendiri. Setakat ini kita sudah berbelanja RM659 juta untuk buat rumah, satu senpun kita tidak pinjam dengan Kerajaan Pusat. Kita sudah bina 6,000 lebih unit rumah, kita *target* dalam masa 5 tahun 10,000 unit, tahun depan nak buat lagi 2,000 lebih. Mereka kata Bajet kita besar, kita akui besar daripada Selangor. Selangor 4.5 juta rakyat, Terengganu 1.2 juta rakyat, Bajet Selangor RM1.6 bilion, Terengganu RM1.950 bilion. Kita nak perjelaskan keadaan pembangunan negeri Terengganu masih lagi berada dalam proses pembangunan. Selangor dah stagnant dan pelabur luar datang ramai, dia pusat pentadbiran, orang mari ramai, semua swasta buat, PBT dia semua RM100 juta ke atas pendapatan, Kelang, Ampang Jaya, Shah Alam. Saya sebut Terengganu, Setiu, Cukai RM100,000 setahun, nak bayar gaji Yang Dipertua tak mampu, Kerajaan terpaksa bantu untuk bayar gaji, pembangunan apatah lagi. Begitu juga Bandaraya Kuala Terengganu, Dungun, Kuala Berang, inilah menyebabkan kos kita tinggi takkanlah nak sama dengan Selangor. Mereka beritahu pulak, masa Selangor sekarang ini hutang kecil daripada Terengganu, saya tengok RM1 bilion lebih belaka hutang. Yang kedua, beritahu Wakil Wakaf Mempelam Kerajaan Selangor hari ini hebat, ada simpanan tetap ada *cash* RM1.2 bilion. Masa Dato' Seri Khir Toyo jadi Menteri Besar sebelum dia kalah, dia tinggal

RM2 bilion, habis dah RM800 juta, boleh *check,* kita ada rekod. Hebat tunjuk ke Selangor yang Kelantan tidak tunjuk, kita buat RM45 juta masjid, Selangor buat berapa masjid, cuba tanya. Kita buat RM45 juta masjid saja, Kelantan baru satu saja dalam tempoh 20 tahun, itupun baru balik dari China, nak ambil hati orang Cina buat ke Cina, main politik semacam. Cuba kita fikir dan saya nak tanya berapa banyak Selangor yang kaya, yang duit banyak yang PKR beri duit kepada rakyat? Kita nak raya, Bantuan Hari Raya Aidil Fitri tahun 2010, kita bagi semua sekali bagi Bantuan Hari Raya Aidil Fitri kepada 164,243 orang berjumlah RM46,879,000. Bantuan Hari Deepavali kepada 109 orang berjumlah RM54,400. Bantuan Tahun Baru Cina kepada 9,203 orang berjumlah RM2,662,300 jumlah penerima tahun 2010 kepada 173,645 orang jumlahnya RM49,595,700, Selangor beri? *Guana* senyap. Seterusnya, Bakti Dana Remaja kepada 95,476 orang, jumlah penerima *cash/tunai* RM23,512,100, ada Selangor beri? Takdok. Bantuan Pakaian Sekolah, Terengganu beri RM100 seorang, maksimum 2 orang bagi satu keluarga kepada 10,506 orang yang berjumlah RM10,650,600, hak ini saja Yang Dipertua, kita bagi *direct* kepada rakyat untuk kesejahteraan rakyat, kebajikan rakyat macam sahabat saya sebut tadi bagi tahun 2010 RM83,768,400. Tahun 2011 ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak masuk hantar ke Makkah lagi tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak masuk lagi. Tahun 2011, RM86,108,400, benda lain, tak termasuk e-Book lagi, tak masuk komputer lagi Dato' Yang Dipertua, komputer yang kita beri kepada guru-guru kita mulai tahun lepas kita beri kepada 800 orang guru Bahasa Melayu, lepas itu 800 orang guru Akram, tahun ini kita bagi 2,542 orang guru tahun 6, jadi semua sekali sudah 4,000 lebih guru yang kita beri komputer sebagaimana disebut oleh Wakil Ladang suruh bagi komputer, insyaAllah kita akan bagi berperingkat-peringkat, mana ada negeri lain beri, Selangor bagi? Kelantan bagi? Kedah, Penang bagi? Kutuk e-Book macam-macam seolah-olah semuanya tak betul, Melaka nak buat kerana tak cukup kewangan. Lim Guan Eng datang jumpa kami dua kali nak buat akhirnya tawar RM500 boleh tak? Tanyalah Lim Guan Eng, saya tak berbohong, Wallahi Wabillahi Watallahi. Saya berani bersumpah Lim Guan Eng datang kali kedua: "Boleh tak Yang Berhormat beri RM500?" Saya kata RM500 modal tak balik. Sarawak nak buat tempahan dah dengan kita tapi baru-baru ini ada masalah

mintak tangguh dahulu, nak buat Kelas Maya dan sebagainya. Kita tanggung lagi tahun lepas perbelanjaan Kelas Maya RM3.2 juta, Selangor buat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya kalau nak bincang panjang saya boleh beri senarai apa yang Selangor buat, apa yang Terengganu tak buat tapi oleh kerana masa kalau bercakap Yang Dipertua duk sekat-sekat, jadi saya bagi dua-tiga contoh perbandingan supaya kita lebih berjaga-jaga, berjimat jangan sampai kita setiap kali berbelanja lebih daripada pendapatan. Selangor antara yang dia buat dia boleh bagi 20 meter percuma air kepada rakyat dia, dia boleh bagi setiap kalau warga emas yang mati RM2,500 yang kita tak buat. Saya ada senarai-senarai saya tapi saya takmbohlah berbalah nak banding, ada satu-dua yang kita buat dia tak buat, yang dia buat kita tak buat serupa aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Khabor tak apa Yang Berhormat, tak perlu *balloh*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan nak *balloh* tapi sekurang-kurangnya kalau nak bincang cara panjang Yang Berhormat kalau bagi masa, saya boleh beritahu sekurang-kurangnya benda apa hak Selangor boleh buat yang kita boleh buat jugak, boleh tahan sikit pasal *pitih* boleh dikatakan …..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah *bakpe* Yang Berhormat Wakil Selangor?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, inilah yang timbul masalah ni, bila saya nak bercakap sikit kata Wakil Selangor, nak cari benda hak kebaikan bersama yang boleh kita buat, jadi kita susahlah macam ni. Jadi boleh ….?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Exco Agama Selangorpun tidak dipersetujui oleh Menteri Besar Selangor, sayapun tak faham.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Guana* kata?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cukuplah, giliran dia dah lepas dah, giliran sayalah pulak ni. Sebab itu saya kata Dato' Yang Dipertua, banyak perkara yang kita buat, yang duk sebut seolah-olah Selangor itu hebat, itu-ini hebat, sebenarnya PKR itu hebat. Ini masalahnya. Begitu juga sikap saya tengok, hutang Kerajaan, kita tahu kita berhutang dan semua negeri berhutang kerana diberi oleh Kerajaan Pusat. Dulu kita berhutang buat air, buat rumah, buat kawasan industri, sekarang ini rumah kita tidak berhutang dah, industri kita tak ambil dah, yang kita berhutang bekalan air setiap tahun. Tahun ini kita berhutang pulak dengan Kerajaan Pusat RM70 juta kerana kepentingan air sebab itu air kita molek tak macam Kelantan takdok air apa semua sekali. Kelantan mintak dengan kita sekarang ini untuk membekal air ke Pasir Putih. Kita akan tunggu perundingan harga dan sebagainya. Dato' Yang Dipertua, masa zaman PAS pun berhutang jugak dan hutang ini *cumulative,* dia bertambah-tambah. Saya semak rekod Dato' Yang Dipertua, masa PAS dia memerintah 4 tahun dia berhutang RM217,305,173.08, hutang perbekalan airlah ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadilah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak sikit aje. Saya minta maaf kalau boleh sikit aje, kalau boleh kawan saya, sahabat saya ini. Kita sebenarnya bila nak kata ke Kelantan, nak kata ke Terengganu masa zaman PAS memerintah jadi kita jangan nak nafikan pengkhianatan UMNO buat kepada Kelantan dan Terengganu sampai sekarang, sumber yang patut dapat dinafikan. Di Terengganupun begitu sampai sekarangpun tak selesai isu royalti, di Kelantanpun begitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah Dato' Yang Dipertua nak bersyarah pulak ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tengok tu, jadi ……

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itulah kata saya bukan nak bersyarah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu Dato' Yang Dipertua saya kata tadi, kita ada rekod sebab itu bila berhutang ini kerana untuk kepentingan rakyat, kerana apa, kita kena sebutlah yang menyebabkan RM1 bilion ini termasuk RM217 juta masa PAS. Tahun 2000, RM23,607,000. Tahun 2001, RM47 juta, RM51 juta, RM49 juta, RM44 juta. Jadi hak nilah yang dicampur semua sekali jadi RM1 bilion lebih tu. Selangorpun berhutang RM1 bilion lebih jugak. Hutang ini diberi oleh Kerajaan Pusat untuk kesejahteraan rakyat. Itulah yang saya kata kita menghadapi masalah defisit bukannya silap kita, pegawai-pegawai kita dah bentang Bajet, tengok, *check* Bajet betul. Kita sepatutnya dapat minima RM1.6 bilion setahun, kita buat harga minyak RM65, kita tengok Bajet Persekutuan harga minyak RM75, kita buat RM60, kita lebih murah tapi oleh kerana 2 tahun dia tak selaras dengan apa yang kita beri kita mintak RM1.6 dia beri RM1.3, 2 tahun RM600 juta itu yang melibatkan defisit berlaku kepada kewangan kita dan kita sedang berunding nak mintak balik hak RM600 juta ni, maknanya kalau dapat RM600 juta ini selesai, tidak ada lagi defisit kewangan berlaku. Inilah hakikat yang berlaku. Sebab itu saya katakan tadi bahawa kita menjalankan kerja-kerja yang betul demi kesejahteraan rakyat, buat rumah, kebajikan. Untuk tahun depan kita menyediakan perumahan untuk rakyat sebagaimana saya katakan tadi bahawa kita nak buat 10,000, sekarang dah 6,737 tanpa satu senpun dipinjam dari Kerajaan Pusat dengan kos saya sebut tadi iaitu RM659.73 juta dan tahun depan nak buat lagi 2,000 lebih dan daripada 2,000 lebih ini saya nak maklumkan 150 unit akan kita buat di Pulau Perhentian dengan kos RM27 juta. Satu lagi Projek Perumahan Rakyat di Pulau Redang 120 unit dengan kos RM22 juta. Kita kesian kepada rakyat di Pulau Perhentian, di Pulau Redang yang duduk 3 hingga 4 keluarga dalam satu rumah, tanah tidak ada dan kita terpaksa buat flat, dan kos nak buat di pulau ini mahal. Hampir setahun dah kita *delay,* kita panggil orang nak buat semuanya nak mahal-mahal belaka sampai ke satu peringkat sampai nak RM100 juta untuk 150 unit. Kita beri subsidi yang besar, di Ladang RM75,000, di Pulau Duyong tak tahu lagi berapa, silap-silap dekat RM100,000 kita tak tahu subsidi. Di Ladang kita sedang buat sekarang, kerja-kerja piling sedang berjalan sebanyak 408 unit lagi

kita buat seluas 834 kaki persegi semuanya untuk kesejahteraan rakyat, kita bertanggungjawab. Sebab itu saya katakan tadi Pinjaman Perumahan kita sedia pada tahun depan RM50 juta, Program Belia RM30 juta, inilah kesejahteraan rakyat yang kita maksudkan. Kita tidak melakukan penyelewengan sebagaimana yang disebut, silap-silap sikit penyelewengan tetapi saya sedih sebagaimana saya katakan tadilah nak jawabpun semangat takdok. Dulu minta kita buat 3 hari, dimarahnya ke kita, mereka minta 5 hari tak cukup nak bercakap, kita buat 4 hari, 4 haripun habis belaka, pengsan belaka takdok. Inilah masalahnya. Dewan kita beri notis awal takkan tak boleh ketepikan soal-soal lain, mari dengar di Dewan tapi bila dia kata ke kita sedap-sedap aje masuk dalam website dan sebagainya, bila kita nak jawab *tembor* lari habis. Ini sikap tak bertanggungjawab Dato' Yang Dipertua. Saya kesal, tengok Wakil Rakyat Bukit Payong bercakap hal Hududlah apa serba, sedap sangat bercakap tapi bila nak jawab susahlah, mereka tak ada. Tapi saya nak sebut jugak sikit, kita baca Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Hudud Dan Qisas Terengganu 1423H/2002 Masihi yang bercanggah dengan Islam. Kita tengok Bab Liwat, perkara 14. Saya baca, saya nak minta pengesahan dari Y.B. LA saya takut saya salah dari segi perkataan undang-undang, kita bukan orang lawyer ni takut salah, makna dia lain kita maksud lain tapi saya *confirm* dengan LA, LA kata betul. Saya baca Bab Liwat: "Liwat ialah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan." Haa ….. liwat, main belakang, liwat. "Selain daripada isterinya yang dilakukan di luar tabii iaitu melalui dubur." Perkataan "selain daripada isterinya ….". Saya tanya Y.B. LA betul ke selain dari isteri bermakna isteri boleh pakai belakanglah? Maknanya begitulah. Tak betul, bercanggah dengan Islam ni. Dia liwat bini ke, tak bini ke tak boleh ikut belakang. Main-main aje, hak inilah yang bercanggah. Begitu juga kalau kita tengok Hudud Kelantan, dia sebut: "Kesalahan merogol wanita berdasarkan kepada Undang-undang PAS. Jika seorang wanita yang belum berkahwin melahirkan anak maka inilah bukti yang ia telah berzina". Orang perempuan tak kahwin lagi beranak, berzina. "Dan akan dihukum mengikut Undang-undang/Hudud PAS." Sedangkan apa yang sebenar berlaku ialah perempuan itu adalah mangsa rogol. Nak tahu guana kena rogol di tengah malam, tutup hidung, tutup mulut, rogol lepas tu *tembor* lari. Tapi yang kena hukum wanita sebab bukti kamu beranak, kamulah yang melakukan zina. Inilah kelemahan, inilah yang kita nak perbetulkan, keadilan dalam Islam. Orang baca Quran jugak, orang baca tafsir jugak.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan. Jadi dari apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri tadi di Terengganu telah lulus maknanya kalau dijalankan Hukum Hudud PAS ini kita boleh main dengan bini boleh buat ginilah? .....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Nyaknyalah* ke orang perempuan Terengganu ni Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang saya baca dalam Al-Quran, saya baca tak boleh, haram sama sekali mengadakan hubungan seks di luar tabii, melalui dubur dengan isteri kita tak boleh tapi hak PAS kata boleh. Tanya PASlah saya tak berani keluar fatwa lain. Inilah kelemahan-kelemahan, apatah lagi dari segi sahsiah, dia jatuh hukum bukan kita takmboh hukum, tidak tapi peraturan caranya. Nak jatuh hukum sekarang ini, okey, tangkap orang bersalah nak kena hukum nak bubuh di penjara mana? Kerajaan Negeri ada penjara sendiri? Ada rumah pasung sendiri? Ada Polis Syariah kita sendiri? Ada Hakim Syariah, Peguam Bela, Peguam Cara tapi Pegawai Penyiasat kita ada? Kalaulah Pegawai Penyiasat itu seorang India, seorang bukan Islam tak boleh dia menyiasat, Hakim Islam, Pendakwa Islam, Peguam Bela Islam, Penyiasat Islam, 4 orang saksi yang muktabar. Macam nak jatuh hukum zina nak tengok timba jatuh dalam telaga *bedebung..... bedebung....* jatuh, nak tengok masa mana dalam bilik hotel. Dalam Islam tak boleh, *tajarus* tak boleh, tahu tak Wakaf Mempelam *tajarus* tu benda apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Videopun tak boleh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nak tanya Pesuruhjaya PAS *tajarus* benda apa Yang Berhormat, saya tak faham jugak ni? Tak faham.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Alasan-alasan yang diberikan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia serupa macam MCA, semacam cari jalan supaya tidak melaksanakan, duk cari itu-ini, cari sana, cari sini. Memang undang-undang apa-apapun hak mana-manapun memang ada pembetulan, pembaikian, itupun perlu dari masa ke semasa buat pindaan dan sebagainya. Jadi sekarang ini dia duk cari apa benda kelemahan .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat, saya nak tanya apa makna *tajarus.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya *takmboh* jawab benda gitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tanya *tajarus* makna benda, duk cakap sedap sangat. Benda apa *tajarus* saya nak tanya Wakil Bukit Payong takdok sebab itu saya tanya dia, dia hebat. *Tajarus* maknanya mengintip.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya ingat *tadarus* maknanya hak *debung-debung* tadi kot boleh jadi. .....(Dewan gelak) ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: *Tajarus* maknanya Dato' Yang Dipertua, mengintip, mengintai, *pimpimtom,* tak diizinkan di dalam Islam. Saya baca juga, kita mengaji juga, ini masalahnya sebab itu saya kata tadi bahawa kita bukan tak hendak, prosesnya ada lagi. Semua orang baca Quran belaka, sumber hadis belaka sebab apa jadi lagu lain ni. Kita baca Quran hukum kata tidak boleh liwat bini, haram tapi boleh molek-molek ada pulak, dah *guana* ni? Ke pakai hak Syiah apa semua sekali nun, "dan mendatangilah isteri kamu dari depan dan belakang." Maksud belakang tu bukan liwat, cara ikut belakang. ....(Dewan gelak) .... *Nauzubillahiminzaliq* tuan-tuan, kita baca jugak, kita mengaji jugak jadi janganlah buat, ini hukum Tuhan, nak buat biar betul-betul jangan mempermainkan, jangan kesalahan diletak kepada Tuhan, *nauzubillahiminzaliq.* Tuhan buat molek, kita saja tafsir secara tak betul.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, oleh kerana tak sedap nak bercakap ramai yang tak ada. Jadi saya kena jawab jugaklah apa yang disebut oleh sampaikan salam saya kepada Wakil Batu Burok, sahabat saya yang ada PhD ni. Bila saya sebut Yang Berhormat Batu Burok pembohong bersiri, dia marah tapi nak jawab ni susah sebab dia takdok, nanti saya baca, wartawan tulis molek-molek sikit. Saya nak baca kalau dia tak fahamkan susah pulak, ada PhD. Laporan Audit, dia baca: "Usul di bawah fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Disebut di sini: "Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada 30 November 2008, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri

Ahmad Said telah bersetuju meluluskan permohonan membekal pakaian seragam sekolah bagi seluruh negeri Terengganu kepada Syarikat Hamie Enterprise dengan jenama 'Ganu Kita'. Projek yang bernilai hampir RM10 juta setiap tahun ini juga telah mendapat kebenaran Menteri Besar agar dikecualikan daripada proses tender dengan harga RM150 satu set untuk diagihkan kepada 53,300 orang pelajar Sekolah Rendah yang telah dikenal pasti oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui kaji selidik yang telah dibuat. Program bantuan ini berterusan selama 3 tahun dan jumlah keseluruhan adalah RM28.47 juta yang telah dibelanjakan untuk 282,966 pelajar di seluruh Terengganu sepanjang tahun 2008-2010." Sebab itulah saya kata Dato' Yang Dipertua, kalau ada PhD macam ni mungkin PhD beli barangkali, malu kita sedangkan Laporan Audit jelas. Saya nak baca Laporan Audit Dato' Yang Dipertua, dia tak faham, susah barangkali, saya nak beritahu, okey: Penemuan Audit – Syarat kelayakan bantuan ialah berpendapatan Ketua Isi Rumah tidak melebihi RM1,000 sebulan dan terhad kepada 2 orang anak yang bersekolah bagi setiap keluarga. Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan melalui dua cara sama ada dalam bentuk wang tunai atau pakaian dan alatan sekolah. Pada tahun 2007, 2008 dan 2010 di muka surat 3, Laporan Audit, Audit ada di sini tak? Ada. Kalau Dato' Yang Dipertua nak arah Ketua Audit bacapun bolehlah tapi tak apalah saya baca. Saya ingat nak suruh Wakil Batu Burok baca muka surat 3 ni tapi dia takdok. Okey, pada tahun 2007, 2008 dan 2010, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan bantuan berkenaan dalam bentuk wang tunai bagi tahun 2007, 2008 dan 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2009 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengagihkan pakaian dan alat sekolah yang bernilai RM150 kepada murid-murid sekolah rendah dan wang tunai yang berjumlah RM100 kepada murid-murid sekolah menengah, ini jelas. Tahun 2007, 2008 dan 2010 bagi wang tunai termasuk kepada sekolah menengah, yang kita ambil sekolah rendah tahun 2009 setahun sahaja, itupun setelah berlaku perdebatan, kita bagi bulan 4 atau bulan 5 Bantuan Pakaian Sekolah, ada ibu bapa tidak beli pakaian sekolah, dia kata dah lewat dah, sekolah buka bulan 1 beri pitih bulan 5, dia buat beli tang ke lain, sesetengah tupun tak sampai ke anakpun ada. Ada sesetengah anak pergi ke sekolah pakai stokin tembus, kasut tembuspun ada, akhirnya kita buat keputusan supaya beri pakaian dan bila beri pakaian timbul masalah pulak. Kita buat kajian, kita ada rekod, kita buat perbandingan dengan syarikat-syarikat yang berkenaan dan akhirnya kita ambil yang termurah dan Audit kita dah beritahu kepada Pegawai Audit semasa dia buat penilaian supaya kita bagi jawapan iaitu kita beri ini dua pasang bukan sepasang, harga yang Audit temui itu sepasang bukan dua pasang sebab itu saya kata sebab dalam Audit itupun ramai

orang PAS. Macam dululah, minta maaflah saya sebut, awal-awal keluar hak kata TOP-IT nak runtuh, Audit jugak yang beritahu, Wakil Batu Burok berkejar-kejar bawa wartawan nak pergi tengok, takdok bendapun sampai sekarang. Sedangkan laporan awal itu, itulah adalah laporan awal, teguran awal bila kita jawab barulah dia *check.* Ini teguran awal kita beritahu ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah, cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, sikit aje.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: *Takmboh* dah, *takmboh* dah Dato' Yang Dipertua, saya nak bercakap takut lambat pulak ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal kes ni adalah tidak adil tuduh pegawai orang PAS ini bukan suatu benda yang sepatutnya berlaku.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tahu, saya tahu …..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, pasal benda ni yang dibincang ni ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, laluan tidak diberi. Duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak jawab, nak mintak penjelasanpun tak boleh, susahlah begini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah, giliran saya nak jawab ni tak apalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada benda yang perlu dijawab dan kita mintak penjelasan. Jadi kalau macam ni susahlah, pasal kes benda ni sebelum pada ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita buat perbandingan, kita buat Syarikat KUB dengan harga kena *check Apple* dengan *Apple,* ni pergi *check* hak kedai hak murah, hak kualiti takdok semua sekali, ini tak adil. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, yang sedihnya pulak Wakil Rakyat Batu Burok tapi takdoklah hari ini susahlah kita, dia nak bercakap, dia nak apa tu, dia buat keluar dalam surat khabar dia dulu, dalam surat khabar Harakah, macam dulu gitu jugak dia sebut masuk dalam Harakah dia bawa pulak ke sini tapi saya terima kasihlah sebab kalau dalam Dewan ini tidak boleh buat benda, kalau dia bawa di luar ini sedap kitalah, maknanya Dato' Yang Dipertua. Tengok dalam Harakah, dia buat keluar dalam Harakah dia ada *column* khas 'Ganu Kita' Syed Azman Syed Ahmad, 'Seleweng RM30 juta – Bantuan Sekolah'. RM30 juta sedangkan kita berbelanja RM7.75 juta, tak sampai RM8 juta, dia rangkum 3 tahun sebab itu jadi tak faham. Audit jelas sebut, 2007, 2008 dan 2010 bagi *cash* hanya 2009 sahaja tapi nak tunjuk kita jahat, menyeleweng, kroni, sebab itu Dato' Yang Dipertua, sampaikan salam saya kepada ADUN Batu Burok *'See you in court'.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sebelum saya sampaikan salam itu boleh saya tanya sikit?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nantilah dulu, tak apalah, saya takmboh beri lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Suruh sampai salam aje, tak jadi gitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya kata saya akan bertemu dengan Syed Azman, Wakil Batu Burok di mahkamah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh tanya sikit aje. Dia pasal kes hal pakaian ni dia begini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sebelum dilapor dalam Laporan Audit saya

terbaca laporan daripada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri, Pengerusi dia Wakil Alur Limbat, panggil se-se berhubung dengan kes secara *detail* macam mana pembeliannya, itupun tak ikut peraturan dengan dikatakan ada perbandingan harga dan sebagainya tapi dilaporkan dalam laporan itu dibagi kepada Ahli Dewan, mungkin tak baca kot, saya terbaca benda-benda macam tu. Jadi itu sebabnya saya rasa adalah tidak adil soal nak tuduh Pegawai Audit orang PAS, ini benda yang tak sepatutnya keluar dari mulut seorang Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cukuplah. Sebab itu saya katakan tadi bahawa kita ada bukti, kita bawa, kita tak ada masalah, ini sikit-sikit penyelewengan, rasuah, kroni. Kita terima, okey, mana yang tak betul kita perbetulkan, tak ada masalah, kita bertanggungjawab. Kalau ada penyelewengan okey, BPR ada siasatlah kalau-kalau saya baham duit ke, apa ke, tak ada masalah. Kita buat benda yang betul, ini sikit-sikit rasuah, sikit-sikit penyelewengan, sikit-sikit salah laku, ketirisan, kebocoran. Kata dulang paku serpih, kata orang kita yang lebih. Kita ada bukti sebut rampas harta dan tanah rakyat, tanah rakyat mana yang kita rampas? Kerajaan PAS beri TOL, tak isi Borang Jadual 1, tak keluarpun Jadual 5 lagi, ni ambil duit rakyat beri ke tukang ukur, tukang ukur mesti ambil duit upah, kalau duit itu dibayar kepada Pejabat Tanah jadi wang amanah kalau tak dapat, tak lulus duit itu akan diserah balik. Jadual 1 takdok, Jadual 5 tak turun lagi, bayar dah sebanyak RM5,000 hingga RM6,000 seorang, akhirnya marah ke kita. Saya sebut jelas, saya pernah bekerja di Pejabat Tanah, saya tahu, bila turun Jadual 5, pertama – bayar harga tanah, kedua – upah ukur, ketiga – bayar tanda sempadan, keempat – cukai tahun pertama, selagi tak daftar walaupun Jadual 5A dah bayar kita tak daftar sebagai nama kita ianya masih lagi dianggap tanah Kerajaan, itu peraturan kata. Ini disebut kerajaan rampas tanah rakyat, rampas tanah rakyat lepas itu masuk dalam manifesto besar-besaran nak masuk balik janji kita: Menyelesaikan isu tanah rakyat yang dirampas oleh UMNO dan Barisan Nasional. Kerajaan tak pernah rampas, kita ambil balik kalau nak pampasan kita bayar pampasan. Tanah Harampun kalau terlibat kita bayar saguhati. Kerajaan buat, Undang-undang Islampun menyebut TOL tanah sementara, 3 tahun diberi kalau Kerajaan nak guna Kerajaan boleh ambil balik, kalau rakyat tidak usahakan Kerajaan berhak ambil balik, itu undang-undang tanah dalam Islam. Kita belajar jugak, kita belajar jugak Bank Islam bukan orang PAS aje, darik-munadarik, mudarabbah-murabbahah, konsep pembahagian harta, perkongsian, kitapun belajar jugak. Ini jangan kata kita aje pandai, orang lainpun pandai jugak. Ini masalahnya. Sebab itu saya kata Dato' Yang Dipertua,

kita tengok bagaimana pemimpin, pengikut PAS menghina sesama Islam, ini berlaku kepada sahabat saya Menteri Besar Perak, sebut hitam metaliklah, disebut haramjaddahlah dan sebagainya lepas itu orang PAS tepuk tangan suka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Siapa dia sebut tu? Cuba khabor molek.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang sebutnya DAP.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan kita.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah yang kita, orang PAS duk tepuk tangan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itulah kita duk tarbiyyah DAP ni bukan macam UMNO duk tarbiyyah ke MCA tu? Bersalampun tak apa, bercakap lawan Hududpun tak apa, kita tarbiyyah sekurang-kurangnya dia reti dah kalau dulu kata langkah mayat sekarang tak suruh langkah mayat dah dia tak mati lagi. .....(Dewan gelak) ..... Boleh bincang, boleh berunding dah sekurang-kurangnya .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadilah, sekarang giliran saya pulak. Tepuk tanganlah, hina, maksud macam-macam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, tak usah layan *pok ok.* Teruskan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak usah layan, tak usah layan Yang Dipertua. Cuba tengok ni manifesto PAS: Melaksanakan program pengecualian cukai pintu rumah kediaman untuk semua rakyat. Takdok pitih kata takdok pitih, suruh cari duit, bila ada peluang nak cari duit bagi bayaran cukai rumah dia nak kecuali pulak kerana nak menang pilihan raya, lepas itu jadilah. Bila kita ambil alih kuasa dulu daripada PAS saya pergi tengok longkang di Batu Burok depan kedai tu sekerat lutut sampah, *over time* tak bayar suruh ambil cuti sebab *takdok* pitih, *takdok* duit. Janji seribu janji, macam-macam, tulis pulak ni sayapun pening jugak memikir ni: Menyediakan sebanyak 17,000 peluang pekerjaan untuk

rakyat dalam tempoh 3 tahun pemerintahan PAS. Allah! 17,000, kira-kira 5,600 lebih, dekat 6,000 setahun nak cari kerja ni, kitapun nak cari ni pening tapi PAS boleh cari. Janji….. janji….. boleh belaka, bercinta dan berdusta. Kita kata kita buka Kilang Perwaja baru-baru ini RM1 bilion, boleh peluang kerja 1,000 orang. Nak buka Eastern Steel RM1.8 bilion, boleh 2,000 orang, baru 3,000. Buka Kilang Bio-Teknologi di Kertih RM2 bilion, baru 700 orang peluang kerja, jadi 3,700 orang. Nak buat Pusat Beli Belah Lifestyle di Ladang tepi pantai tu, muara selatan mungkin dekat 500 orang boleh kerja sebab 1 juta kaki persegi. Lepas tu benda apa lagi, hai …. payah belum sampai 4,000 lagi tapi PAS nak buat 17,000, janji sedap. Sebab itu saya kata Dato' Yang Dipertua ……

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengalu-alukanlah kalau boleh kita buat satu majlis ke, kita bincang hal manifesto PAS ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak payahlah, jangan jawablah, kamu bersyarahlah kat mana-manapun.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau saya bersyarah jangan marahlah lepas pada ni, nantikan kalau saya bersyarah marah ke saya bersyarah pulak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak marah, kita tahu dah dia bersyarah kata ke orang *sokmo.* Sebab itu Dato' Yang Dipertua, kita lihat apa yang dilakukan oleh kita, banyak program yang kita lakukan demi kepentingan rakyat. PAS tidak pernah bersyukur, *khabor*, duk ratib *sokmo* negeri kaya rakyat miskin tapi dalam masa yang sama Wakil Manir sebut dia pergi ke Kemaman *jammed* habis jalan, kereta banyak, jalan tak padan, jambatan tak padan. Itu adalah gambaran orang ada kemampuan, boleh beli kereta dan kereta *kohor* banyak sekarang ni. Jadi terbalik terbelah sekali, satu kata rakyat miskin, satu lagi kata kereta kohor banyak pulak. Sebab itu kita bertarbiyyahkan rakyat kita supaya beri anak belajar, hak susah-susah ni biar anak cerdik, beri pendidikan, beri peluang pelajaran, nak masuk periksa STPM beri pulak RM1,000 seorang, inilah yang kita buat. Kalau hak negeri buat semuanya tak betul belaka, tak molek belaka, hak negeri lain buat molek belaka, tak betullah, tengoklah. Kita patut bersyukur, hak molek *khabor* molek, hak tak molek *khabor* tak molek. Sayapun mengaku, dalam ucapan saya, saya sebut kita tidak sempurna, kita masih dalam

pembaikan, kita perlu teguran membina, kita terima, kita tahu tapi janganlah serba tak molek belaka. Jatuh hukum macam-macam berubah *sokmo*, sekali boleh sekali tak boleh, Hudud penting, mustahak, berlawan, bertegang leher tapi Tok Guru kata 1/10,000. Nik Azizpun begitu jugak jawapan yang hampir-hampir sama beritahu. Dulu tak boleh berkawan dengan orang bukan Islam, *lening* boleh berkawan dengan orang yang bukan Islam. Ayat Quran tak berubah Dato' Yang Dipertua, hukum dalam Islam tidak pernah berubah dari dulu sampai Kiamat, kita jangan ubah. Ini macam-macam, kahwin boleh tak boleh, halal-haram makan, masjid tak boleh sembahyang, tak pergi sembahyang lari ke merata cerak. Tapi bila dia menang masjid itu juga yang dia pergi sembahyang lepas itu lari pulak. Masalahnya hukum apa ni sekali halal, sekali haram ni, kita bertanggungjawab kepada Allah Subhanahuwataala Rabbuljalil, *lening* kita boleh jawablah dalam Dewan berbalah ke, bersyarah ke, di Akhirat nanti nak jawab *guana?* Orang bercerai-puka kerana kita, anak derhaka ke ayah kerana kita. Tuhan sebut sebaik-baik dengar Al-Quran, baca Al-Quran penawar kalau orang nak mati baca Quran baca Surah Yaasin. Kita pergi dengar Tok Guru baca Quran, balik ke rumah *ballah* laki-bini, cerai laki-bini, anak derhaka ke ayah, racun ke penawar? Tentulah racun. Tok Guru ke, Quran yang betul? Mudah aje. Inilah masalahnya Dato' Yang Dipertua, jadi janganlah kita merosakkan akidah umat Islam kerana nak menang laba politik. Dekat pilihan raya ditimbul pulak Hududlah, apalah, macam-macam sekali penyelewengan, penipuan. Kita mesti ingat tuduhan kita ni, kita kena jawab, jangan memfitnah orang, duk fitnah *sokmo,* kata ke orang *sokmo.* Jadi saya haraplah Dato' Yang Dipertua, Bajet yang kita sediakan ini benar-benar akan memberikan kesejahteraan kepada rakyat RM600 juta untuk pembangunan demi kepentingan rakyat. Kita akan laksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Cuma saya harapkan kita muhasabahlah diri kita, apa yang telah kita lakukan, janganlah kita memporakperandakan, kita serulah kepada kebaikan, bersatu padu, muafakat, cukuplah fitnah memfitnah, adu domba kerana ini tidak akan kekal kerana dunia ini pinjaman kita mesti ingat, mudah-mudahan Allah merahmati kita, merestui apa yang kita lakukan. Dan saya yakin Dato' Yang Dipertua, Barisan Nasional mampu memikul amanah rakyat di masa-masa yang akan datang. …..(Tepukan sokongan) …. InsyaAllah, dengan kehendak Allah S.W.T. Barisan Nasional mampu meneruskan kesinambungan perjuangannya dan terus memerintah negeri Terengganu Darul Iman. Sekian, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas penggulungan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian, demikianlah selesainya perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2012 dengan perbahasan dari pihak Wakil atau Ahli-ahli Yang Berhormat dan jugak penggulungan dari pihak Kerajaan. Sekarang saya buka untuk undian –

> *Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat sekarang menjadi Dalam Jawatankuasa.

> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Tepoh yang menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

> *Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih dan alhamdulillah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2012.**

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2011

BACAAN KALI YANG PERTAMA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu

dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2011 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2011.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan, sebelum kita berbahas kita dah lulus Rang Undang-Undang pertama tadi dengan panjang lebar perbahasannya sampai mengundi ada yang menyokong, ada yang senyap, sokongpun tidak, tidak sokongpun tidak. Kita berbahas, berbalah bukan main lagi. Saya ingat Rang Undang-Undang ini Yang Berhormat kita padan-padanlah, kita menyokong dan sebagainya dengan cara yang bijaksana. Jadi dengan itu saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk berucap dalam perbahasan ini. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, tidak ada yang nak berucap Yang Berhormat, saya ingat penggulunganpun tak payahlah, tidak ada yang berucap. Jadi kita dalam Enakmen Perbekalan Tambahan 2011 ini tidak ada Ahli-ahli yang ingin berucap, berbahas maka .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... kita pergi kepada undian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ambil 2 minit aje, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis dah Yang Berhormat, agenda lain dah sekarang ni. Minta maaflah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ingat ke yang menyokong tadi ……

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beginilah Yang Berhormat, saya nak terus ke agenda ini.

> *Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat sekarang berada dalam Jawatankuasa.

> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon

mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

> *Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2011.**

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO.2) 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismilahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii)(f) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu *[En.Tr.17/1360]* supaya BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua, sekarang jika ada saya buka untuk perbahasan jika tak adapun tak apa. Sila Yang Berhormat sebab Bank Muamalat sahaja. Tidak ada, ya. Terima

kasih. Jadi tidak perlulah kepada penggulungan. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya buka untuk undian –

> *Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

> *Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No.2) 2011.**

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO.3) 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu *[En.Tr.17/1360]* supaya UNITEM SDN BHD menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekali lagi Rang Enakmen yang keempat ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua, sekarang jika ada saya buka untuk perbahasan jika ada, jika tak ada tidak ada penggulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya buka untuk undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang dalam Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.3) 2011.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2012

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mohon mencadangkan Usul, saya ingin memberi satu Usul untuk melanjutkan tempoh persidangan melebihi pukul 5.00 petang. Saya mohon mencadangkan -

> ***"Memandangkan masa Persidangan akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang. Dengan ini saya mencadangkan supaya tempoh Persidangan ini dilanjutkan sehingga selesai semua kerja-kerja dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini, menurut di bawah Perkara 7(1A) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri."***

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan atas sokongan kepada Usul berkenaan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan supaya melanjutkan masa Persidangan ini telah mendapat sokongan sekarang saya buka untuk undian –

> *Usul kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2012 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL

Maksud	*Tajuk Maksud*	*Negeri (RM)*	*Diganti Oleh Persekutuan (RM)*	*Pinjaman (Negeri) (RM)*	*Pinjaman (Pusat) (RM)*	*JUMLAH (RM)*
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	772,160,050.00	-	-	-	772,160,050.00
P.04	Pejabat Perbendaharaan	10,000,010.00	-	-	-	10,000,010.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	18,500,080.00	-	-	-	18,500,080.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	18,100,010.00	-	-	-	18,100,010.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	5,000,010.00	-	-	-	5,000,010.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	30,000,000.00	-	-	-	30,000,000.00
P.29	Pejabat Perhutanan	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	2,500,030.00	-	-	-	2,500,030.00
P.31	Jabatan Pertanian	2,170,010.00	-	-	-	2,170,010.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	95,100,030.00	-	-	-	95,100,030.00
JUMLAH BESAR:		**967,530,300.00**	**-**	**-**	**-**	**967,530,300.00"**

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada **Kertas Dewan Bil. 5/2011**. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, dengan suara yang lemak merdu Wakil Paka menyokong Usul daripada Seberang Takir. Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Sila sesiapa yang hendak berbahas. Tiada? Kalau begitu tiadalah penggulungan ke atas Usul ini. Sekarang saya buka kepada undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2012

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

> ***"Bahawa menurut Seksyen kecil (2) kepada Seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2012 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:***

JADUAL			
Tajuk Perkara	***Perbelanjaan Negeri (RM)***	***Pinjaman Pusat (RM)***	***JUMLAH (RM)***
Pengurusan Perbekalan Air	586,000.00	-	586,000.00
Pembangunan Perbekalan Air	11,902,010.00	70,000,000.00	81,902,010.00
JUMLAH	**12,488,010.00**	**70,000,000.00**	**82,488,010.00"**

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada **Kertas Dewan Bil.6/2011.** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil N32, Air Putih yang memberi sokongan kepada Usul ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Oleh kerana tidak ada perbahasan maka tidak ada penggulungan. Sekarang saya buka untuk undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memaklumkan kepada Majlis Perwakilan Pemangku Raja bahawa terdapat satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu. Kekosongan ini ialah disebabkan tamatnya tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Negara yang baru. Yang Teramat Mulia Tengku Seri Bendahara Raja, Ahli Majlis Perwakilan Pemangku Raja meminta supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki yang bersidang pada hari ini dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat untuk mengemukakan cadangan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mohon mencadangkan:-

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih Hajah Rahmani @ Rohani binti Abdullah sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."***

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara:

BIODATA CALON

Puan Hajah Rahmani @ Rohani binti Abdullah adalah anak kelahiran Cukai, Kemaman. Sudah berkeluarga dan mendapat tiga orang cahaya mata. Beliau berpendidikan Senior Cambridge dan seterusnya melanjutkan pelajaran Diploma Pendidikan di Maktab Perguruan Pengkalan Chepa, Kelantan.

Beliau berpengalaman sebagai seorang Guru Bahasa Inggeris selama 35 tahun dan oleh kerana kecenderungan dan kecintaan beliau di dalam arena politik, beliau seterusnya dilantik menjadi Pegawai Khas Kepada Ahli Parlimen Kemaman dari tahun 2004 hingga sekarang ini.

Puan Hajah Rohani mula bergiat cergas di dalam politik bermula dari tahun 1998:

(1)	2009 - sekarang	Menjadi Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Terengganu.
(2)	1998 - sekarang	Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kemaman.
(3)	2000 - sekarang	Ketua UMNO Cawangan Kg. Bakau Tinggi.
(4)	1998 - 2009	Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Perhubungan Negeri Terengganu.
(5)	1998 – sekarang	Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kemaman.
(6)	2005 – sekarang	Pengerusi Biro Antarabangsa Wanita UMNO.

Kegiatan Dalam Badan Sukarela:

(1)	2008 – sekarang	Pengerusi Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd. (KMC)
(2)	2005 - sekarang	Ahli Jawatankuasa PERKAYA Daerah Kemaman.
(3)	2004 - sekarang	Pegawai Khas Kepada Ahli Parlimen Kemaman.
(4)	2004 – 2008	Ahli Majlis Perbandaran Kemaman.
(5)	2004 – 2011	Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pembangunan Daerah Kemaman.
(6)	2003 - sekarang	Pengerusi Perkumpulan Perempuan Daerah Kemaman (WI).
(7)	2003 - sekarang	Pengerusi Sukarelawan Pemantau Harga (SPH) Daerah Kemaman.
(8)	2003 - sekarang	Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kg. Bakau Tinggi.

(9)	2002 - sekarang	Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita & Keluarga (MPWK) Parlimen Kemaman.
(10)	2000 – 2007	Ahli Jawatankuasa Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Daerah Cawangan Kemaman.
(11)	1999 - sekarang	Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kemaman.
(12)	1998 - sekarang	Ahli Jawatankuasa Biro Usahawan Malaysia.
(13)	1997 – 2006	Ahli Jawatankuasa Penyelaras Rawatan dan Pemulihan Dadah.
(14)	1996 - sekarang	Penasihat Mahkamah Juvana.
(15)	1990 - sekarang	Bendahari Pasukan Pelindung Kanak-Kanak Daerah Kemaman.
(16)	1985 - sekarang	Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kemaman.

Beliau dianugerahkan sebagai:

(1)	Pemimpin Berjasa Pandu Puteri Daerah Kemaman.	(Tahun 1992)
(2)	Belia Berjasa Negeri Terengganu.	(Tahun 1994)
(3)	Tokoh Belia Daerah Kemaman.	(Tahun 1995)
(4)	Anugerah Ibu Mithali MIC Daerah Kemaman.	(Tahun 2007)
(5)	Tokoh Guru Daerah Kemaman.	(Tahun 2007)
(6)	Tokoh Belia Negara Peringkat Negeri Terengganu.	(Tahun 2007)

Beliau juga dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Kebawah DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1994, Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2002, Pingat Setia Mahkota Terengganu (SMT) oleh Kebawah DYMM Sultan Terengganu pada tahun 2005 dan Pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2011.

Saya kemukakan latar belakang ini semoga dengan penyertaan beliau sebagai Wakil Terengganu dalam Dewan Negara, dapat memberikan suatu sumbangan kepada negara dan juga kepada Negeri Terengganu.

Sekian, saya mohon mencadangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Berhormat menyokong ada?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikianlah kita telah menerima cadangan dan telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka kepada seluruh Yang Berhormat sekalian yang bersetuju atas cadangan ini sila angkat tangan -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan bahawa **Puan Hajah Rahmani @ Rohani binti Abdullah** telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Dan saya mengucapkan juga jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana kita telah mendapat Usul Tangguhan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi atas Persidangan Dewan kita ini. Sebelum saya menangguhkan Dewan sukacitalah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah, terima kasih di atas semua kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sehingga dapat kita menjayakan Persidangan Dewan kita pada kali ini. Terima kasih juga kerana kali ini juga merupakan Persidangan yang terakhir kita pada tahun ini untuk kesekian kalinya kita bermesyuarat, sudah tentu sekali di dalam Persidangan-persidangan yang begini sepanjang kita berada dalam suasana ada yang hendak menegakkan itu dan ini, tentu sekali ada perasaan ataupun kegagalan saya mengendalikan Persidangan ini. Saya faham Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga pernah berada di dalam Kerajaan sebelah sana dan juga pernah menjadi Pembangkang di sebelah sana pernah juga sebagai Ahli Parlimen dan hari ini duduk sebagai Yang Dipertua, saya merasa peritjerihnya sebagaimana jugak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tapi saya percaya kesemua yang kita sumbangkan ini sama ada kita bergaduh, kita bertekak, kita mencari apa jua bukti, semuanya kita berkhidmat untuk negeri kita yang kita cintai. Jadi sekali lagilah saya mengucapkan tahniah, terima kasih, mudah-mudahan semua yang kita sumbangkan ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan diberi kejayaan kepada kita. Mudah-mudahan kalau tidak ada lagi Pilihan Raya Umum kita berjumpa lagi, kalau ada Pilihan Raya Umum, insyaAllah kita doakan semua kita dapat menyumbangkan bagi mensejahterakan negeri kita pada masa yang akan datang. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan kata-kata itu sekali lagi kita marilah sebelum bersurai dengan ikhlas kita baca Surah Al-'Asr, mudah-mudahan penyuraian kita ini diberkati dan menetapi kehendak Allah S.W.T. InsyaAllah. Sekian. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.10 PETANG.

LAMPIRAN

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5 ,6,7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah Bantuan Am daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu mengikut katogerinya dan pecahan daerah-daerah sepanjang bulan Januari sehingga November 2011.

JAWAPAN : Jumlah penerimaan Bantuan Am Negeri dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu mengikut kategori dan pecahan daerah sepanjang bulan Januari hingga November 2011 adalah sebagaimana di **Lampiran A.**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah baiki dan bina rumah bagi keluarga miskin mengikut pecahan daerah-daerah sepanjang bulan Januari sehingga November 2011 di Negeri.

JAWAPAN : Jumlah Bina dan Baiki Rumah bagi keluarga miskin mengikut pecahan daerah sepanjang bulan Januari sehingga November 2011 di Negeri Terengganu adalah sebagaimana jadual di bawah.

BIL	DAERAH	DUN	BINA BARU	BAIK PULIH
1.	Kuala Terengganu	12(*)	110	66
2.	Kemaman	4	60	24
3.	Dungun	4	40	24
4.	Besut	5	50	30

5.	Hulu Terengganu	3	31	19
6.	Marang	4(*)	30	18
7.	Setiu	2	20	12
JUMLAH		**32**	**341**	**193**

(*) - Sebahagian DUN Alor Limbat terletak dalam Daerah Kuala Terengganu dan sebahagian lagi terletak dalam Daerah Marang.

JUMLAH PENERIMA BANTUAN AM JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
NEGERI TERENGGANU MENGIKUT KATEGORI PENERIMA DAN PECAHAN DAERAH
JANUARI – NOVEMBER 2011

BIL.	KATEGORI	DAERAH							
		KEMAMAN	DUNGUN	MARANG	K.TERENGGANU	H.TERENGGANU	SETIU	BESUT	JUMLAH
1.	Ibu Tunggal & Tanggungan	158	289	823	345	67	0	1517	3199
2.	Bapa Tunggal	1	0	0	95	49	0	120	265
3.	Anak Yatim/ Yatim Piatu	6	0	12	15	27	0	0	60
4.	Tanggungan Banduan/ Pusat Tahanan	0	0	0	1	3	0	0	4
5.	Orang Kurang Upaya	117	0	135	323	45	6	287	913
6.	Orang Sakit	272	105	442	772	111	26	318	2046
7.	Orang Tua	698	98	666	3062	468	54	362	5408
8.	Orang Miskin	201	1964	908	1888	731	1293	513	7498
9.	Elaun Latihan Bekerja	1	4	11	11	1	2	4	34
JUMLAH		1454	2460	2997	6512	1502	1381	3121	19427
PERBELANJAAN (RM)		3,752,865	5,694,701	7,149,844	13,334,860	3,846,395	2,827,329	6,989,530	43,595,524

SOALAN 3 : Apakah jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada petani, nelayan dan penternak sepanjang bulan Januari sehingga November 2011 di Negeri Terengganu.

JAWAPAN : JENIS-JENIS BANTUAN YANG DIBERIKAN DI SEKTOR PERIKANAN :-

Penternak, pengeluar dan pengasuh benih ikan

i) Projek Pembinaan Kemudahan Hatceri Akuakultur
ii) Pembenihan dan Perikanan
iii) Infrastruktur Perikanan
iv) Bantuan Industri Akuakultur

JENIS-JENIS BANTUAN KEPADA NELAYAN

i) Bantuan Subsidi Minyak Diesel
ii) Bantuan Subsidi Minyak Petrol
iii) Bantuan Insentif Pendaratan Ikan
iv) Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)

v) Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan
vi) Program Peningkatan Pendapatan Golongan Sasar
vii) Program Azam Tani

JENIS-JENIS BANTUAN KEPADA PETANI

i) Bekalan Input-Input Pertanian
(seperti racun serangga/kulat/rumpai, baja & benih tanaman)
ii) Peralatan Pengairan
iii) Kemudahan Infra-struktur Ladang
iv) Peralatan Pertanian
v) Peralatan Pemprosesan
vi) Penyediaan Kawasan

JENIS-JENIS BANTUAN KEPADA PENTERNAK

i) Bantuan Bina dan Baiki Kandang/Reban Ternakan
ii) Bantuan Peralatan Penternakan
iii) Bantuan Ternakan
iv) Bantuan Lain-lain Input Penternakan

SOALAN 4 : Berapakah jumlah pengemis dan peminta sedekah yang didaftar di Negeri Terengganu sepanjang tahun bermula Januari sehingga November 2011 mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : Tidak ada pendaftaran dilakukan tetapi jumlah tangkapan pengemis dan peminta sedekah di Negeri Terengganu mulai Januari hingga November 2011 mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut:

BIL.	**DAERAH**	**JUMLAH KES**
1	Kuala Terengganu	12
2	Hulu Terengganu	8
3	Marang	5
4	Besut	2
5	Setiu	6
6	Kemaman	5
7	Dungun	10
JUMLAH KESELURUHAN		**48**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Berapa luaskah kawasan tanaman padi di seluruh Negeri Terengganu. Berapakah hasil yang diperolehi setiap tahun dan apakah ia mampu menampung keperluan rakyat Negeri Terengganu.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapa luaskah ladang kelapa sawit yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk orang-orang miskin dan berapakah jumlah yang telah mengeluarkan hasilnya. Setakat ini berapa orang miskinkah yang mendapat manfaat daripada ladang itu dan berapa orang yang masih belum dapat manfaat daripada hasil ladang itu.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Nyatakan jumlah pusat-pusat pengajian tinggi yang diwujudkan di Negeri Terengganu, apakah ada keterlibatan Kerajaan Negeri dengannya.

JAWAPAN : Jumlah pusat-pusat pengajian tinggi yang ada di Negeri Terengganu sekarang ini adalah sebanyak 25 buah. Kerajaan Negeri terlibat dengan pembangunan TATI, TESDEC dan TTITC.

SOALAN 4 : Nyatakan jumlah rakyat Negeri Terengganu yang telah berkahwin dikenalpasti masih belum mempunyai rumah sendiri mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah unit rumah yang disediakan oleh kerajaan dari tahun 2008 sehingga ke hari ini. Dari jumlah itu berapa unitkah yang telah diagihkan kepada peserta-peserta dan berapa unitkah yang masih berbaki.

JAWAPAN : Jumlah unit rumah yang disediakan oleh Kerajaan dari tahun 2008 hingga kini ialah sebanyak 7017 unit. Dari jumlah tersebut sebanyak 168 unit pangsapuri kos rendah dan 29 unit pangsapuri kos sederhana (Ladang Gemilang Fasa I) telah diagihkan kepada peserta yang layak. Manakala perumahan yang lain belum lagi dibuat pengagihan kerana projek tersebut masih dalam pembinaan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BURUK

SOALAN 1 : Apakah status Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya?

JAWAPAN : Status Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat adalah 73.05% (siap). Projek ini dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada tahun 2014.

SOALAN 2 : Apakah status terakhir royalti minyak kerajaan Terengganu dengan Petronas dan kerajaan Pusat dan berapakah jumlah "Dana Khas" yang diterima oleh kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga pertengahan 2011?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi membuka peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda Terengganu dan berapa jumlah penggangur yang berdaftar setakat ini di seluruh negeri Terengganu ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah wang di bawah "kumpulan wang disatukan" bagi akaun negeri Terengganu bagi tahun 2008 hingga November 2011 dan jumlah wang tunai yang ada ditangan kerajaan negeri setakat ini sehingga akhir November 2011 ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(k) & 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Apakah bentuk kerjasama ekonomi antara Petronas dan kerajaan Terengganu dan berapakah jumlah pelaburan dalam sektor Petroleum dan Gas kepada negeri Terengganu setakat ini ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : Berapakah jumlah sebenar keluasan tanah perindustrian di Kawasan Perindustian Gong Badak Kuala Terengganu?

JAWAPAN : Jumlah sebenar keluasan tanah perindustrian di Kawasan Perindustrian Gong Badak Kuala Terengganu ialah 109.73 hektar.

SOALAN 2 : Senaraikan nama-nama syarikat atau kilang yang masih beroperasi di kawasan perindustrian tersebut sehingga kini.

JAWAPAN : Syarikat-syarikat atau kilang yang masih beroperasi dalam kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu adalah sebagaimana berikut :-

1. Universal Concrete Products
2. Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu
3. Yeo Liang Heng Industries
4. Gong Badak Ind. Park
5. WP Wood Sdn. Bhd.
6. Midor Interior
7. Soong Hoe Engineering
8. Aspirasi Teras
9. East Cost Concrete Product
10. Ass. Concrete Product Trg Sdn. Bhd.
11. Norsham Industries Sdn. Bhd.
12. Inovtec Sdn. Bhd.
13. Industrial Concrete Products

14. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu
15. Utusan Malayu (M) Sdn. Bhd.
16. Jabatan Perkhidmatan Haiwan
17. Nankai Worsted Spinning Terengganu Sdn. Bhd.
18. Ensidesa Sdn. Bhd.
19. Astostech Fibreglass Sdn. Bhd.
20. Auto Friction Sdn. Bhd.
21. Lam Soon (M) Berhad
22. Babena Sdn. Bhd.
23. Perniagaan Aluminium Alcock Sdn. Bhd.
24. Yeo Lian Heng Industries Sdn. Bhd.
25. TESAC (M) Sdn. Bhd.
26. Fu Yat (M) Sdn. Bhd.
27. DSM Engineering Sdn. Bhd.
28. MAR Shipyard & Eng. (Terengganu) Sdn. Bhd.
29. Jernih Ais Sdn. Bhd.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1	:	Apakah kerajaan sudah mengenal pasti tapak Hospital UNISZA dan bilakah pembinaannya akan dimulakan.
JAWAPAN	:	DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
SOALAN 2	:	Sila nyatakan status pembangunan di Pulau Bidong dan apakah bentuk pembangunan yang akan dilaksanakan.
JAWAPAN	:	Tiada pembangunan yang dilaksanakan di Pulau Bidong setakat ini dan pembangunan yang akan dilaksanakan adalah sebagai destinasi pelancong harian dan pengekalan warisan pelarian Vietnam.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Bandar Kuala Berang setiap kali menjelang musim perayaan?

JAWAPAN : Usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Bandar Kuala Berang setiap kali menjelang musim perayaan adalah seperti berikut:-

1. Bagi penyelesaian segera di musim perayaan anggota keselamatan (Polis Trafik) bersama penguatkuasa Majlis Daerah Hulu Terengganu akan mengawal lalulintas dengan menunjuk arah perjalanan dan meletakkan kon / penghadang supaya memudahkan pengguna jalan raya.

2. Manakala bagi jangkamasa panjang, beberapa perancangan dan cadangan telah dan sedang dilaksanakan meliputi:-

   i) Pembinaan jalan 66 kaki sedang dilaksanakan dengan kemajuan kerja 50%. Dijangka apabila jalan tersebut disiapkan sepenuhnya akan dapat mengurangkan kesesakan jalanraya di Bandar Kuala Berang.

   ii) Merancang pembinaan jambatan kedua di Bandar Kuala Berang iaitu dari Bandar Kuala Berang ke Kg. Gaung.

iii) Menyegerakan sambungan jalan 66 kaki dari jalan bomba ke Batu 24.

iv) Menaiktaraf jalan alternatif iaitu jalan Kg. Rahmat ke Kg. Pasir Tinggi bersambung dengan (LPT2).

3. Pelan susunatur pembangunan semula Bandar Kuala Berang telah dinyatakan dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Terengganu 2011-2020 termasuklah sistem lalulintas dan agensi kerajaan termasuklah MDHT adalah bertanggungjawab dari masa ke semasa bagi melaksanakan pembangunan yang dirancang.

SOALAN 2 : Sila nyatakan pembangunan kawasan bebas cukai tahun 2011 yang dilaksanakan kerajaan di Tasik Kenyir Hulu Terengganu. Bilakah dijangka ia akan mula dibuka kepada orang ramai?

JAWAPAN : 1. Pada tahun 2011, pembangunan Kawasan Bebas Cukai yang dilaksanakan kerjaan negeri di Tasik Kenyir adalah sebagaimana berikut :-

a. **Pakej 3 Kenyir Trade Centre.**

Kerja-kerja membina dan menyiapkan bangunan pencawang elektrik dan sistem agihan bekalan voltan tinggi dan rendah di Pulau Bayas, Tasik Kenyir.

b. **Pakej 4 Kenyir Trade Centre**

Pembinaan Jalan Buggy, Jalan Servis, Jeti Pendaratan, Wakaf, Sistem Paip Air Retikulasi dan Sistem Kumbahan di Pulau Bayas, Tasik Kenyir.

c. **Pakej 5 Kenyir Trade Centre**

Kerja-kerja membina dan menyiapkan sistem rawatan air dan sistem rawatan kumbahan Kenyir Trade Centre di Pulau Bayas, Tasik Kenyir.

d. **Projek Bekalan Elektrik dari SSU Kuala Ping ke PPU Pulau Bayas**

2. Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir dijangka dibuka kepada orang ramai pada September 2013.

SOALAN 3 : Tidakkah kerajaan negeri berhasrat untuk membina pusat-pusat pengajian tinggi di daerah Hulu Terengganu. Bilakah ia dijangka menjadi kenyataan?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk membina pusat-pusat pengajian tinggi di Daerah Hulu Terengganu sepertimana berikut:

i) Politeknik Hulu Terengganu

Pejabat Tanah Daerah Hulu Terengganu telah mengenal pasti tapak bagi pembinaan Politeknik Hulu Terengganu iaitu di kawasan Kuala Jeneris, Mukim Hulu Telemong, Daerah Hulu Terengganu. Pejabat Tanah Daerah Hulu Terengganu telah menghantar surat bertarikh 25 April 2011 kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk dikemukakan permohonan tanah rasmi (Jadual 1 KTN) melalui Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

ii) Kompleks Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu Kuala Berang di atas Lot 4576, Mukim Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu yang akan berfungsi sebagai sebuat pusat pengajian ulangan untuk pelajar anak Terengganu dalam peperiksaan SPM dan STPM. Projek ini masih dalam peringkat untuk mendapatkan kelulusan bagi diangkat peruntukan tahun 2012 pada 1 Mac 2011.

SOALAN 4 : Didapati beberapa bangunan milik Yayasan Terengganu di Kuala Berang, Hulu Terengganu terbiar, kelihatan tidak terurus dan usang?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Sila nyatakan bilakah kerajaan akan membina Pusat Penulisan Jawi dan yang berkaitan di Memorial Batu Bersurat, Kuala Berang?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pemberian tunai "Dana Khas" dari Wang Royalti Petroleum Terengganu yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan tahun 2011.

JAWAPAN **:** DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Adakah benar dakwaan penulis blog bahawa Adun Kijal yang juga Y.A.B. Menteri Besar terlibat dengan kes tangkapan khalwat baru-baru ini.

JAWAPAN **:** DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah pekerja asing dan pendatang tanpa izin (PATI) yang berjaya dikesan di negeri ini (mengikut negara asal mereka) yang telah didaftarkan di bawah Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja (PATI – Program 6 P) yang diadakan baru-baru ini.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Sila nyatakan jumlah bilangan murid sekolah rendah di Terengganu yang gagal untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010 mengikut pecahan Daerah. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya keciciran tersebut.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5 ,6,7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan projek-projek ekonomi yang benar-benar berjaya mengatasi masalah kemiskinan penduduk di negeri ini sejak 2008. Apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan projek-projek ini berjaya atau sebaliknya. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sejak 'Terengganu Incorporated' ditubuhkan berapakah jumlah dividen yang telah dibayar kepada Yayasan Terengganu , Yayasan Islam dan Badan-badan lain yang berkaitan.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah peranan PMINT di dalam pembinaan rumah kos rendah/rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Berapakah jumlah unit rumah-rumah ini dibina disetiap daerah sejak tahun 2008. Sila nyatakan kos purata untuk satu unit rumah tersebut. Apakah pembinaan dibuat secara tender terbuka atau secara runding terus.

JAWAPAN :

1. Peranan PMINT di dalam pembinaan rumah kos rendah (RKR)/ rumah mampu milik (RMM) yang dibina oleh Kerajaan Negeri adalah sebagai penyelia yang berfungsi memantau kerja-kerja pembinaan di tapak projek berdasarkan kepada dokumen kontrak yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan kontraktor.

2. Jumlah unit rumah yang telah dibina disetiap daerah sejak tahun 2008 adalah sebagaimana berikut :

BIL	DAERAH	UNIT
1.	Kemaman	1,451
2.	Kuala Terengganu	2246
3.	Besut	1,045
4.	Setiu	133
5.	Marang	383
6.	Dungun	1,133
7.	Hulu Terengganu	626
	Jumlah Besar	7,017

3. Kos purata bagi setiap unit rumah adalah mengikut lokasi dan keadaan tanah sebagaimana berikut :-

i. RKR (teres) - RM 88,758.00
ii. RMM (teres) - RM 98,765.00
iii. RMM (Pangsa) - RM 149,662.00

4. Pembinaan projek tersebut adalah dibuat secara tender terbuka dan rundingan terus.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah e-Book yang telah diagihkan kepada pelajar-pelajar sehingga sekarang. Adakah e-Book juga dibekalkan kepada guru-guru yang terlibat. Berapakah kos untuk satu unit dan jumlah perbelanjaan setakat ini. Apakah Kerajaan bercadang membuat soal selidik tentang keberkesanan penggunaan e-Book setakat ini.

JAWAPAN :

1. Jumlah e-Book yang telah diagihkan kepada pelajar-pelajar sehingga sekarang ialah sebanyak 92,788 unit.

2. E-Book tidak dibekalkan kepada guru-guru dan hanya dibekalkan kepada pelajar dan untuk kegunaan pelajar.

3. Harga satu unit e-Book berbeza mengikut spesifikasi sebagaimana berikut :-

E09 – April 2009 -	RM999.00
E09 - Jun 2009 -	RM940.00
E10	RM948.00
E11	RM948.00

Jumlah perbelanjaan setakat ini ialah RM88,645,060.00.

4. Ya, Kerajaan bercadang membuat soal selidik tentang keberkesanan penggunaan e-Book setakat ini.

SOALAN 5 : Nyatakan jumlah caruman Kerajaan di dalam Lembaga Tabung Amanah Warisan sehingga kini.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF
WAKIL KOTA PUTERA

SOALAN 1 : Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu meningkatkan prestasi bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah mahupun sekolah rendah ?

JAWAPAN : 1. Di antara usaha-usaha yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah mahupun sekolah rendah seperti berikut :-

a. Program English Teaching Assistant di 4 buah Sekolah Rendah dan 13 Sekolah Menengah dengan menyediakan pembantu guru dari Amerika Syarikat.

b. Program Confratute untuk peningkatan profesionalisma guru, latihan guru di Amerika Syarikat untuk pengajaran pelajar-pelajar cemerlang di sekolah-sekolah elit Terengganu.

c. Program PPTTNAI melalui program tutorial dan akademi, sumbangan kewangan dan bahan pembelajaran untuk semua murid.

d. Pembinaan TELTraC (Terengganu English Language Training Centre) di IPGM Dato' Razali Ismail, khusus untuk kegunaan latihan guru Bahasa Inggeris dalam perkhidmatan (in-services teachers) dan **TIDAK TERDAPAT DI MANA-MANA NEGERI LAIN DI MALAYSIA.**

e. Pembiayaan pembinaan modul untuk guru dan murid seperti Modul P3T Sekolah Rendah dan Menengah (Pengajaran 3 tahap : khusus untuk murid lemah, sederhana dan cemerlang).

f. Pembiayaan pembinaan kertas soalan berfokus peperiksaan seperti TOV dan OTI sepanjang tahun untuk sekolah rendah dan menengah.

g. Sumbangan kepada guru Sumber Bahasa Inggeris Negeri atau AKRAM Bahasa Inggeris untuk merangka program peningkatan bahasa Inggeris seperti pembinaan modul, kertas soalan dan kursus. Setiap guru AKRAM telah dihadiahkan sebuah laptop sebagai penghargaan kepada jasa mereka.

SOALAN 2 : Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Terengganu lakukan dalam melahirkan ahli-ahli sukan yang berkaliber hingga ke taraf antarabangsa ?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu merupakan kerajaan negeri yang berani dalam meletakkan kepentingan dan pembangunan sukan sama penting dengan pembangunan sektor-sektor yang lain seperti pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sebagainya. Tindakan yang selari dengan Dasar Sukan Negara ini, adalah merupakan elemen yang memacu kepada program ke arah melahirkan ahli-ahli sukan yang berkaliber tinggi.

Banyak program-program sukan yang telah dilakukan oleh kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu bagi melahirkan atlet-atlet bintang bertaraf antarabangsa seperti :-

1. Menyediakan Program Latihan Bersepadu bermula tahun 2006 sehingga negeri kita yang sebelumnya di tempat yang bawah dalam Sukan Malaysia (SUKMA), telah muncul menjadi juara buat pertama kalinya tahun 2008 dan mengulanginya lagi tahun 2010 di Melaka dan mencipta kejuaraan tiga kali berturut-turut di Kuala Lumpur tahun 2011.

2. Menyediakan program latihan secara bersistem dan saintifik di mana setiap jurulatih dilatih untuk menyediakan pelan latihan (periodisasi) secara berstruktur bagi memastikan pasukan atau atlet memberikan prestasi optimum atau memuncak pada masa yang tepat (peaking at the right time). Penyediaan pelan program latihan bersistem ini juga bermula pada tahun 2006.

3. Menggunakan khidmat jurulatih luar negara bagi menambahkan kualiti latihan para atlet negeri bagi sukan-sukan yang jurulatih tempatan kita tidak mampu untuk melatih atlet ke peringkat tinggi khususnya ke peringkat antarabangsa.

4. Mengenalpasti bakat dan memilih atlet untuk dilatih melalui pemilihan yang bersistem dan saintifik bagi memastikan mereka yang terpilih adalah yang benar-benar berpotensi tinggi dan boleh dilatih untuk menjadi atlet bertaraf antarabangsa.

5. Merangka strategi dan pelaksanaan yang spesifik dan berbeza mengikut kesesuaian masa dan tempoh program latihan.

6. Merubah anjakan paradigma dalam menetapkan sasaran dan tindakan mencapai sasaran optimum penyediaan latihan atlet-atlet negeri yang bukan lagi di SUKMA tetapi untuk melahirkan atlet bertaraf dunia. Hasilnya kita bukan sahaja melahirkan atlet bertaraf dunia tetapi mereka bersama-sama atlet lain turut mudah untuk mengulangi kejayaan dalam sukan tempatan termasuk SUKMA.

7. Menggalakan pembentukan pasukan-pasukan bertaraf professional seperti Pasukan Bolasepak Negeri dan Pasukan T-Team, Pasukan Basikal Terengganu Pro-Asia Cycling Team (TSG) dan Pengurusan State of Terengganu Equestrian Team (STET). Penubuhan pengurusan khusus bagi sukan-sukan ini telah melahirkan ramai atlet bertaraf antarabangsa.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memberikan insentif khas kepada sekolah-sekolah dalam negeri ini yang menghasilkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam setiap tahun ?

JAWAPAN : 1. Di antara insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri termasuklah :-

1.1 Mengadakan lawatan "bench marking' kepada Guru Besar dan Pengetua ke luar negara iaitu Australia dan Korea Selatan.

1.2 Pemberian laptop/Notebook (alatan multimedia)

1.3 Pemberian hadian berbentuk wang tunai kepada sekolah dan murid.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5,6,7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Bilakah projek memperdalamkan muara Sungai Dungun akan dimulakan dan nyatakan kos serta syarikat yang akan melaksanakan projek tersebut.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah syarat-syarat pembinaan menara telekomunikasi di kawasan penempatan penduduk.

JAWAPAN : Syarat-syarat pembinaan Menara Komunikasi di kawasan penempatan penduduk adalah berdasarkan "Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)" yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Julai 2002.

Antara syarat utama yang terkandung di dalam dokumen tersebut adalah seperti berikut :-

i) Pembinaan semua menara telekomunikasi hendaklah berpandukan kepada jarak minimum dalam jadual berikut :-

Jenis Bangunan	Jarak minimum menara dari bangunan terdekat (meter) nearest existing building	
	Ketinggian menara bawah daripada 45m	Ketinggian menara 45 mtr dan lebih
1. Kediaman	20 mtr	30 mtr
2. Komersial	10 mtr	15 mtr
3. Industri	5 mtr	10 mtr

ii) Pemaju mestilah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pihak SKMM juga bertanggungjawab dalam memastikan setiap pembinaan menara adalah dimiliki oleh syarikat yang dilesenkan oleh SKMM serta mematuhi kehendak-kehendak garis panduan seperti di atas.

SOALAN 3 : Sila nyatakan status perlaksanaan dan kos yang terbabit bagi membangunkan keseluruhan projek 'Kuala Terengganu City Centre – KTCC'

JAWAPAN : Kos yang terbabit bagi membangunkan keseluruhan infrastruktur projek KTCC ialah RM 310 juta yang merangkumi 3 fasa pembangunan infrastruktur utama, sebagaimana di bawah :

1) Fasa 1 iaitu pembangunan infrastruktur utama di Muara Selatan sedang dalam pembinaan yang telah dimulakan pelaksanaannya pada September 2011 dan dijangka akan siap pada Mei 2013. Kos pembangunan bagi fasa 1 ialah RM 32 juta.

2) Fasa 2 iaitu pembangunan infrastruktur utama di Muara Utara dianggarkan melibatkan kos berjumlah RM 118 juta.

3) Fasa 3 iaitu pembinaan 'drawbridge' dianggarkan melibatkan kos berjumlah RM 160 juta.

Jumlah pelaburan swasta di KTCC dianggarkan berjumlah RM5 billion.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1	:	Sila nyatakan berapa banyakkah kos yang ditanggung oleh kerajaan negeri bagi membaikpulih pantai akibat hakisan di seluruh negeri ? Nyatakan juga nilaian mengikut setiap projek ?
JAWAPAN	:	DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
SOALAN 2	:	Senaraikan jumlah kawasan pembalakan yang telah diluluskan kepada syarikat-syarikat atau individu oleh kerajaan negeri sejak tahun 2008 hingga Disember 2011.
JAWAPAN	:	DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR
WAKIL AIR PUTIH

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam DUN Air Putih yang ditaja oleh Yayasan Terengganu dari tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011.

JAWAPAN : Jumlah pelajar yang sedang ditaja dalam DUN Air Putih:-

TAHUN	IPTA	IPTS	LUAR NEGARA
2008	7	3	2
2009	9	9	3
2010	10	8	5
2011	5	6	5
	31	**26**	**15**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 DISEMBER 2011 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYUNG

SOALAN 1 : Berapakah jumlah papan iklan (billboard) dan kos untuk penyediaannya mengikut daerah bermula tahun 2008 hingga bulan Ogos 2010.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapakah kos untuk pembaikian Pasar Baru Kedai Buloh bermula Ogos sehingga Oktober 2011.

JAWAPAN : Tiada kos pembaikian bermula Ogos sehingga Oktober 2011 kerana kos pembaikian masih lagi di bawah tanggungan pihak kontraktor (dalam tempoh kecacatan).

SOALAN 3 : Berapakah peruntukan yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Terengganu pada 20 September 2011.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Nyatakan jumlah haiwan korban yang dibekalkan untuk program Korban Perdana mengikut DUN dan kos perbelanjaannya.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk Program Bakti Remaja sepanjang tahun 2011 dan jumlah penyertaannya mengikut daerah dan DUN.

JAWAPAN : Jumlah peruntukan yang dibelanjakan bagi menjayakan Program Bakti Remaja bagi tahun 2011 ialah RM30 juta.

Kadar:-

Kursus satu hari **RM200.00** / Kursus 3 hari 2 malam **RM500.00.**

Pecahannya adalah sebagaimana berikut:-

Daerah	**Jumlah Penerima bagi setiap Parlimen**
Besut	12,065
Setiu	11,146
Kuala Terengganu	24,985
Marang	13,267
Hulu Terengganu	12,240
Dungun	8,738
Kemaman	13,060
Jumlah Keseluruhan	**95,501**

PECAHAN PENERIMA MENGIKUT DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)

PARLIMEN MARANG

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Alur Limbat	3,296	766	4,062
2.	Bukit Payung	2,320	354	2,674
3.	Rhu Rendang	2,226	611	2,837
4.	Pengkalan Berangan	3,177	517	3,694
		11,019 orang	2,248 orang	13,267 orang

PARLIMEN HULU TERENGGANU

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Telemong	2,749	619	3,368
2.	Manir	2,150	351	2,501
3.	Kuala Berang	2,446	297	2,743
4.	Ajil	3,058	570	3,628
		10,403 orang	1,837 orang	11,434 orang

PARLIMEN DUNGUN

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Bukit Besi	1,331	557	1,888
2.	Rantau Abang	1,986	314	2,300
3.	Sura	1,719	265	1,984
4.	Paka	2,087	479	2,566
		7,123 orang	1,615 orang	8,738 orang

PARLIMEN KEMAMAN

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Kemasik	2,321	584	2,905
2.	Kijal	2,022	513	2,535
3.	Chukai	2,683	445	3,128
4.	Air Putih	3,860	632	4,492
		10,886 orang	2,174 orang	13,060 orang

PARLIMEN BESUT

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Kuala Besut	2,163	673	2,836
2.	Kota Putera	2,647	730	3,377
3.	Jerteh	2,240	673	2,913
4.	Hulu Besut	2,377	562	2,939
		9,427 orang	2,216 orang	12,065 orang

PARLIMEN SETIU

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Jabi	1,958	394	2,352
2.	Permaisuri	2,995	476	3,471
3.	Langkap	2,457	483	2,940
4.	Batu Rakit	1,857	526	2,383
		9,267 orang	1,879 orang	11,146 orang

PARLIMEN KUALA NERUS

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Tepuh	2,743	778	3,521
2.	Teluk Pasu	2,808	800	3,608
3.	Seberang Takir	2,184	447	2,631
4.	Bukit Tunggal	1,872	474	2,346
		9,607 orang	2,499 orang	12,106 orang

PARLIMEN KUALA TERENGGANU

BIL	DUN	KURSUS 1 HARI	KURSUS 3H/2M	JUMLAH/ ORANG
1.	Wakaf Mempelam	3,318	572	3,710
2.	Bandar	2,923	221	3,144
3.	Ladang	2,076	244	2,320
4.	Batu Buruk	3,063	642	3,705
		11,200 orang	1,679 orang	12,879 orang